

**AMALAN GRATIFIKASI DALAM KALANGAN
MASYARAKAT ISLAM DI ACEH: ANALISIS DARI
PERSPEKTIF HUKUM ISLAM**

FAZZAN

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2016

**AMALAN GRATIFIKASI DALAM KALANGAN
MASYARAKAT ISLAM DI ACEH: ANALISIS DARI
PERSPEKTIF HUKUM ISLAM**

FAZZAN

**TESIS DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI
KEPERLUAN BAGI IJAZAH
DOKTOR FALSAFAH**

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2016

UNIVERSITI MALAYA

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama: **FAZZAN**

(No. K.P/Pasport: 

No. Pendaftaran/Matrik: **1HA 120030**

Nama Ijazah: **DOKTOR FALSAFAH**

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis ("Hasil Kerja ini"):

**AMALAN GRATIFIKASI DALAM KALANGAN MASYARAKAT ISLAM
DI ACEH : ANALISIS DARI PERSPEKTIF HUKUM ISLAM**

Bidang Penyelidikan: **FIQH (SOCIAL AND BEHAVIOURAL SCIENCE)**

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya ("UM") yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon



Tarikh

18/8/2016

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

Nama:
Jawatan:

Abdul Karim
Pensyarah

DR ABDUL KARIM
Pensyarah
Jabatan Fiqh dan Usul
Akademi Pengajian Islam
Universiti Malaya
50603 Kuala Lumpur

Tarikh **18.8.2016**

ABSTRAK

Amalan gratifikasi yang berlaku dalam kalangan masyarakat Islam di Aceh sudah menjadi kebiasaan. Namun, amalan ini tidak boleh dikatakan benar atau salah secara mutlak kerana terdapat faktor tertentu yang menyebabkan amalan ini terjadi. Justeru, satu penyelidikan yang mendalam perlu dilakukan terhadap hal-hal yang berkait rapat dengannya. Penyelidikan ini bertujuan untuk menjelaskan konsep gratifikasi yang diamalkan dalam kalangan masyarakat Islam di Aceh mengikut hukum Islam, menganalisis bentuk-bentuk amalan gratifikasi yang berlaku dalam kalangan masyarakat Islam di Aceh untuk dibandingkan dengan gratifikasi dalam hukum Islam, dan menganalisis pandangan hukum Islam terhadap kes amalan gratifikasi yang berlaku. Kajian ini merupakan gabungan antara kajian perpustakaan dengan kajian lapangan. Sumber data yang digunakan ialah data primer dan data sekunder. Dalam melakukan kajian ini, penyelidik menggunakan kaedah *deskriptif-analisis*. Hasil kajian menunjukkan bahawa amalan gratifikasi yang berlaku dalam kalangan masyarakat Islam di Aceh berupa pemberian terhadap kaki tangan kerajaan, di dalamnya mengandungi unsur mengambil sesuatu yang bukan haknya atau mengambil harta orang lain dengan cara batil (*akl amwāl al-nas bi al-baṭil*). Secara umum, gratifikasi yang berlaku dalam kalangan masyarakat Islam di Aceh dalam konteks Islam boleh ditafsirkan sebagai suatu amalan maksiat yang bertentangan dengan prinsip keadilan (*al-‘adālah*), akauntabiliti (*al-amānah*), dan tanggung jawab. Bentuk-bentuk amalan gratifikasi yang berlaku ialah amalan gratifikasi pengurangan cukai, gratifikasi menjadi Pegawai Negeri Sivil, gratifikasi menjadi anggota TNI/Polri, gratifikasi memudahkan pengurusan, gratifikasi tilang (saman), dan gratifikasi keluar penjara. Amalan gratifikasi yang berlaku dalam kalangan masyarakat Islam di Aceh tersebut secara substansi sama dengan *khiyānah* (terhadap negara mahupun jabatan), *al-ghashi* (penipuan), *al-ghaṣab* (memakan harta orang tanpa izin), dan *al-rishwah* (suap/sogok) yang mana semua amalan tersebut

terdapat *naş* larangan. Amalan gratifikasi tersebut termasuk di dalam kategori *jarīmah al-ta'zīr 'alā al-ma'aşī* (*ta'zīr* untuk perbuatan maksiat) dan *al-ta'zīr li maşlahah al-'ammah* (*ta'zīr* atas perbuatan yang mengganggu kepentingan umum). Hukuman yang dikenakan kepada pelaku jenayah gratifikasi di Aceh adalah berdasarkan kepada kategori *jarīmah ta'zīr*.

University of Malaya

ABSTRACT

The practice of gratification has been common among Islamic society in Aceh. Despite the fact, this action is vaguely judged for its unclear status of wrong or right action to do due to many factors cause its existence; therefore, a comprehensive study related to gratification is needed. The practice of gratification has been common among Islamic society in Aceh, as if it has been an allowed deeds to do but maintained as a public secret. Despite the fact, this action is vaguely judged for its unclear status of wrong or right action to do due to many factors cause its existence; therefore, a comprehensive study related to gratification is needed. This study aims to explain the concept of gratification practised among Islamic society in Aceh *vis-a-vis* Islamic Law, to analyze the types of gratifications existed in Islamic society in Aceh and compared to Islamic Law, and to analyze the view of Islamic Law toward the gratification in Islamic society in Aceh. This study was assorted of field research and library research. The data used were primary and secondary data. The researcher used the *descriptive-analytic* in analyzing the data. The findings showed that the practice of gratification among the Islamic society in Aceh was done particularly as the service for the government employees, consisting of actions taking things at other's disposal or taking other's property in way of null and void (*akl amwāl al-nas bi al-baṭīl*). Generally, based on Islamic context the gratification practised in Islamic society in Aceh could be interpreted as an immoral act which was opposite to the concept of fairness (*al-'adālah*), accountability (*al-amānah*), and responsibility. The types of gratification existed in Islamic society in Aceh were the gratification of tax abatement, the gratification of being the Civil Servant and Indonesian National Forces/Police (TNI/Polri), the gratification of effortlessness, traffic ticket, and release from prison. Those gratification practices among Islamic society in Aceh were substantially same as *khiyānah* (upon the country or the public service), *al-ghashi* (deception), *al-ghaṣab* (taking at other's disposal), and *al-rishwah* (bribery) in which all

those violations were stated in the *naş*. The gratifications practised among the Islamic society in Aceh were included in *jarīmah al-ta'zīr 'alā al-ma'aşī* (*ta'zīr* for the immoral act) and *al-ta'zīr li maşlahah al-'ammah* (*ta'zīr* for the agitation). And the punishment for the offender of the law of gratification in Aceh follows the punishment for *jarīmah ta'zīr*.

University of Malaya

PENGHARGAAN

Segala puji bagi Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Pengasih. Allah telah memberikan inayah dan kekuatan untuk menyempurnakan penulisan tesis. Serta Salawat dan Salam bagi Nabi Muhammad SAW yang menjadi inspirasi dalam penulisan karya ini.

Penulis mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terimakasih setinggi-tingginya kepada penyelia Prof. Madya Dr. Abdul Karim Ali yang telah memberikan tunjuk ajar dan panduan tanpa rasa lelah dalam masa penyeliaan ke atas tesis ini. Tidak lupa kepada Dr. Mohd Anuar Bin Ramli, Dr. Sa'adan Bin Man, Dr. Sri Suyanta, Dr. Anton Widyanto, Prof. Madya Dr. Mohamed Azam bin Mohamed Adil, Prof. Dr. Al Yasa' Abubakar, Prof. Datin Dr. Raihanah binti Haji Abdullah, Prof. Dr. Mohamad Mokhtar bin Abu Hassan, Prof. Madya Dr. Wan Zailan Kamaruddin bin Wan Ali, Ketua Jabatan Fiqh dan Usul Dr. Ridzwan Bin Ahmad, serta semua pensyarah Universiti Malaya yang turut memberikan buah fikiran yang bernas dalam penyempurnaan tesis ini.

Perhargaan dan budi buat *al-marḥūm* ayahanda Zakaria serta bonda tercinta Warni yang mendoakan kejayaan dan memberikan kekuatan semangat kepada perjuangan anakanda. Tidak dilupakan buat ahli keluarga tercinta, yang sentiasa mendoakan kejayaan dan menyuntik semangat agar terus berjuang. Penghargaan yang tidak terhingga kepada isteri yang tercinta Maharani Bengi sebagai rakan percambahan minda di samping anak yang disayangi Shaza Nashitha Fazzan kerana sanggup berkorban masa sepanjang menyempurnakan tesis. Semoga menjadi dorongan kepadanya untuk mengamit kejayaan pada masa hadapan dan selamat di dunia dan akhirat. Dan penulis turut merakamkan ucapan terimakasih kepada sesiapa yang telah membantu dalam penyempurnaan tesis ini. Semoga Allah memberikan ganjaran yang setimpal. *Am̄n yā Rabb al-‘Ālam̄n*.

Kuala Lumpur, 17 Ogos 2016
Penulis,

FAZZAN

ISI KANDUNGAN

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	v
PENGHARGAAN	vii
ISI KANDUNGAN	viii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI KEPENDEKAN	xiv
PANDUAN TRANSLITERASI	xvi
SENARAI LAMPIRAN	xviii
BAB 1: PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Masalah	1
1.3 Rumusan Masalah Kajian	5
1.4 Persoalan Kajian	5
1.5 Objektif Kajian	6
1.6 Kepentingan Kajian	6
1.7 Definisi Tajuk	7
1.8 Skop Kajian	10
1.9 Kajian Literatur	10
1.10 Kerangka Teori	19
1.11 Metodologi Kajian	22
1.11.1 Jenis Kajian	22
1.11.2 Sumber Data	22
1.11.3 Kaedah Pengumpulan Data	23
1.11.4 Analisis Data	25
1.11.5 Pendekatan Kajian	26
1.11.6 Populasi dan Sampel	26
1.12 Sistematika Kajian	28
BAB 2: KONSEP GRATIFIKASI DALAM HUKUM ISLAM	30
2.1 Pengenalan	30
2.2 Kategori Amalan Gratifikasi dalam Hukum Islam	30

2.2.1	Gratifikasi dalam Bentuk Sedekah	31
2.2.1.1	Definisi Sedekah	31
2.2.1.2	Kategori Sedekah	33
2.2.1.3	Hukum Sedekah	35
2.2.2	Gratifikasi dalam Bentuk Hibah	37
2.2.2.1	Definisi Hibah	37
2.2.2.2	Kategori Hibah	38
2.2.2.3	Hukum Hibah	41
2.2.3	Gratifikasi dalam Bentuk Hadiah	45
2.2.3.1	Definisi Hadiah	45
2.2.3.2	Kategori Hadiah	46
2.2.3.3	Hukum Hadiah	47
	2.2.3.3.1 Dbolehkan memberi hadiah	47
	2.2.3.3.2 Dbolehkan menerima hadiah	49
	2.2.3.3.3 Rasulullah menerima hadiah	52
	2.2.3.3.4 Tidak boleh memberi hadiah kepada kaki tangan kerajaan	55
2.2.4	Gratifikasi dalam Bentuk <i>Rishwah</i>	61
2.2.4.1	Definisi <i>Rishwah</i>	61
2.2.4.2	Kategori <i>Rishwah</i>	62
2.2.4.3	Hukum <i>Rishwah</i>	64
	2.2.4.3.1 <i>Rishwah</i> yang Hukumnya Haram	64
	2.2.4.3.2 <i>Rishwah</i> yang Hukumnya Dbolehkan	75
2.3	Kepemilikan Harta dalam Hukum Islam	79
2.3.1	Prinsip-prinsip Dasar Kepemilikan (<i>Tamlīk</i>) dalam Hukum Islam	80
2.3.2	Cara Memperoleh dan Menggunakan Harta dalam Hukum Islam	82
2.4	Ganjaran Terhadap Amalan Gratifikasi dalam Hukum Islam	85
2.4.1	Ganjaran Terhadap Amalan Sedekah, Hibah, dan Hadiah	86
2.4.2	Hukuman Terhadap Amalan Hadiah Kepada Penguasa dan <i>Rishwah</i>	89
2.5	Kesimpulan	114
BAB 3: GRATIFIKASI DALAM PERUNDANGAN ACEH		116
3.1	Pengenalan	116
3.2	Gambaran Provinsi Aceh	116
3.2.1	Sejarah Aceh	118

3.2.2	Letak dan Luas Wilayah Aceh	130
3.2.3	Penduduk Aceh dan Kehidupan Beragama	132
3.2.4	Keadaan Sosial Masyarakat Aceh dalam Bidang Ekonomi dan Budaya	134
3.2.5	Masyarakat Aceh dan Syari'at Islam	136
3.3	Gratifikasi Mengikuti Undang-undang	146
3.3.1	Definisi Gratifikasi	149
3.3.2	Kes Mahkamah Mengenai Gratifikasi	152
3.3.3	Asas Undang-undang Gratifikasi dan Unsur-unsur Gratifikasi	158
3.3.4	Gambaran Amalan Gratifikasi dalam Undang-undang	160
3.4	Kesimpulan	162
BAB 4: AMALAN GRATIFIKASI DALAM MASYARAKAT ISLAM DI ACEH..		164
4.1	Pengenalan	164
4.2	Amalan Gratifikasi dalam Masyarakat Islam di Aceh	164
4.2.1	Bentuk-bentuk Amalan Gratifikasi di Aceh	167
4.2.1.1	Gratifikasi Pengurangan Cukai	167
4.2.1.2	Gratifikasi Menjadi Pegawai Negeri Sipil	169
4.2.1.3	Gratifikasi Menjadi Anggota TNI/Polri	170
4.2.1.4	Gratifikasi Memudahkan Pengurusan	172
4.2.1.5	Gratifikasi Tilang	175
4.2.1.6	Gratifikasi Keluar Penjara	178
4.2.2	Jenis Barang Pemberian dalam Amalan Gratifikasi di Aceh	179
4.2.3	Sifat Pemberian dalam Amalan Gratifikasi di Aceh	180
4.2.4	Perkara Pendorong Amalan Gratifikasi di Aceh	181
4.2.5	Tingkat Keterpaksaan dalam Amalan Gratifikasi di Aceh	181
4.2.6	Penafian Hak dalam Amalan Gratifikasi di Aceh	182
4.2.7	Kesan Amalan Gratifikasi di Aceh Terhadap Polisi Penerima	182
4.2.8	Keterkaitan Amalan Gratifikasi di Aceh dengan Jawatan Penerima	183
4.3	Amalan Gratifikasi di Aceh Mengikuti Ulama Aceh	184
4.3.1	Pendapat Ulama Aceh Tentang Amalan Gratifikasi	185
4.3.2	Pendapat Ulama Aceh Tentang Hukuman Gratifikasi	186
4.3.3	Pendapat Ulama Aceh Tentang Pembenterasan Gratifikasi	188
4.4	Kesimpulan	190
BAB 5: ANALISIS GRATIFIKASI DARI PERSPEKTIF HUKUM ISLAM		192
5.1	Pengenalan	192

5.2	Definisi Gratifikasi dalam Kalangan Masyarakat Islam di Aceh	192
5.3	Undang-undang Gratifikasi di Aceh dari Tinjauan Hukum Islam	198
5.4	Analisis Amalan Gratifikasi di Aceh Mengikut Hukum Islam	204
5.4.1	Unsur-unsur Jenayah Islam Pada Amalan Gratifikasi di Aceh	204
5.4.2	Klasifikasi Subtansi Amalan Gratifikasi di Aceh	205
5.4.3	Amalan Gratifikasi di Aceh dari Perspektif Maslahat, <i>'Urf</i> , dan Prinsip Kepemilikan Harta	218
5.5	Faktor-faktor Berlakunya Amalan Gratifikasi di Aceh	220
5.6	Mafsadah Amalan Gratifikasi di Aceh	228
5.7	Kedudukan Gratifikasi di Aceh dalam <i>Jarīmah</i>	231
5.8	Hukuman Terhadap Pelaku Gratifikasi di Aceh	240
5.8.1	Kepentingan Hukuman Terhadap Gratifikasi di Aceh	240
5.8.2	Cadangan Bentuk Hukuman Terhadap Pelaku Gratifikasi di Aceh	242
5.9	Dasar Pertimbangan Hukuman Terhadap Pelaku Gratifikasi di Aceh	256
5.10	Solusi Amalan Gratifikasi dalam Masyarakat Islam di Aceh	264
5.10.1	Solusi Pencegahan Amalan Gratifikasi di Aceh	264
5.10.2	Solusi Pembanterasan Amalan Gratifikasi di Aceh	268
5.11	Kesimpulan	276
BAB 6: PENUTUP		281
6.1	Pengenalan	281
6.2	Hasil Kajian	281
6.3	Cadangan	286
RUJUKAN		289
LAMPIRAN		

SENARAI JADUAL

Jadual 3.1:	Kedudukan Geografi Aceh	131
Jadual 3.2:	Data Korupsi Inkracht Tahun 2005-2015	152
Jadual 3.3:	Gratifikasi Berdasarkan Institusi Periode 17 Februari 2015	153
Jadual 3.4:	Pedoman Soalan Reflektif	161
Jadual 4.1:	Senarai Interviewee (Masyarakat Aceh)	165
Jadual 4.2:	Senarai Soalan Interview dan Jawapan Ringkas Interviewee	165
Jadual 4.3:	Senarai Interviewee (Ulama Aceh)	184

University of Malaya

SENARAI RAJAH

Rajah 3.1:	Kumpulan Agama di Aceh	133
Rajah 3.2:	Sektor Lapangan Kerja Masyarakat Aceh	135

University of Malaya

SENARAI KEPENDEKAN

ACCH	:	Anti Corruption Clearing House
AD	:	Angkatan Darat
AU	:	Angkatan Udara
BI	:	Bank Indonesia
BII	:	Bank Internasional Indonesia
BUMD	:	Badan Usaha Milik Daerah
BUMN	:	Badan Usaha Milik Negara
CPNS	:	Calon Pegawai Negeri Sipil
DATI	:	Daerah Tingkat
DGSBI	:	Deputi Gubernur Senior Bank Indonesia
DI/TII	:	Darul Islam/Tentara Islam Indonesia
DINSOSNAKER	:	Dinas Sosial dan Tenaga Kerja
DPD	:	Dewan Perwakilan Daerah
DPR	:	Dewan Perwakilan Rakyat
DPRD	:	Dewan Perwakilan Rakyat Daerah
GAM	:	Gerakan Aceh Merdeka
H	:	Hijrah
IAIN	:	Institut Agama Islam Negeri
KEJAGUNG	:	Kejaksaan Agung
KEMENDIKNAS	:	Kementerian Pendidikan Nasional
KEPRES	:	Keputusan Presiden
KHI	:	Kompilasi Hukum Islam
KK	:	Kad Keluarga
KPK	:	Komisi Pemberantasan Korupsi
KTP	:	Kad Tanda Penduduk
M	:	Masehi
MA	:	Mahkamah Agung
MK	:	Mahkamah Konstitusi
MoU	:	<i>Memorandum of Understanding</i>
MPR	:	Majelis Permusyawaratan Rakyat
NII	:	Negara Islam Indonesia
NKRI	:	Negara Kesatuan Republik Indonesia
PEMDA	:	Pemerintah Daerah

PNS	:	Pegawai Negeri Sipil
POLRI	:	Polis Republik Indonesia
POLTABES	:	Polis Kota Besar
PP	:	Peraturan Pemerintah
QS	:	<i>Qur'ān Sūrah</i>
RA	:	<i>Raḍiyallāhu 'Anhu/Raḍiyallāhu 'Anhu</i>
RI	:	Republik Indonesia
SATLANTAS	:	Satuan Lalu Lintas
SAW	:	<i>Sallallāhu 'Alaihi wa Sallam</i>
SIM	:	Surat Izin Memandu
SK	:	Surat Keputusan
SNI	:	Standard Nasional Indonesia
SPK	:	Sentra Perkhidmatan Polis
STNK	:	Surat Tanda Nombor Kenderaan
SWT	:	<i>Subḥānahu wa Ta'ālā</i>
TI	:	<i>Transparency International</i>
TNGL	:	Taman Negara Gunung Leuser
TNI	:	Tentara Negara Indonesia
UUPA	:	Undang-undang Pemerintahan Aceh
UIN	:	Universiti Islam Negeri
VIP	:	<i>Very Important Person</i>
WN	:	Wali Nanggroe

PANDUAN TRANSLITERASI

Dalam melakukan transliterasi daripada bahasa Arab ke dalam bahasa Malaysia dalam kajian ini penyelidik berpedoman pada panduan transliterasi yang terdapat dalam buku Panduan Penulisan Tesis dan Disertasi Tahun 2012 yang dikeluarkan oleh Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Panduan tersebut ialah sebagai berikut:

1. Konsonan

Huruf Arab	Nama dan Transkripsi	Huruf Arab	Nama dan Transkripsi
ا, ء	a, ' (hamzah)	ط	ṭ
ب	b	ظ	ẓ
ت	t	ع	‘
ث	th	غ	gh
ج	j	ف	f
ح	ḥ	ق	q
خ	kh	ك	k
د	d	ل	l
ذ	dh	م	m
ر	r	ن	n
ز	z	و	w
س	s	هـ	h
ش	sh	ي	y
ص	ṣ	ة	h
ض	ḍ		

2. Vokal dan Diftong

Vocal Pendek	Transliterasi	Contoh	Transliterasi
َ (fathah)	a	قَاتَا	qanata
ِ (kasrah)	i	سَلِمَ	salima
ُ (ḍommah)	u	جُعِلَ	ju'ila

Vocal Panjang	Transliterasi	Contoh	Transliterasi
ا/آ	ā	كُتُبِي/بَابُ	bāb/kubrā
ي	ī	وَكَيْلٌ	wakīl
و	ū	سُورَةٌ	sūrah

Diftong	Transliterasi	Contoh	Transliterasi
اَوْ	aw	قَوْلٌ	qawl
اَيَّ	ay	خَيْرٌ	khayr
اُو	uww	قُوَّةٌ	quwwah
اِيَّ	iy/i	عَرَبِيٌّ	‘arabiy/i

Nama-nama negeri yang sudah ditransliterasikan dan telah digunakan oleh masyarakat antarabangsa, atau popular di Malaysia, dikekalkan sesuai dengan transliterasi yang sedia ada.

Contoh: بيروت = Beirut. Bukan Bayrūt.
الرياض = Riyadh. Bukan al-Riyāḍ.
دمشق = Damascus. Bukan Dimasyq.
القاهرة = Kaherah. Bukan al-Qāhirah.

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran A: Soal Interview

Lampiran B: Perundangan

University of Malaya

BAB 1: PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Di era globalisasi, ketika ilmu pengetahuan dan teknologi semakin pesat membangun, banyak masalah baru yang muncul dalam masyarakat Islam. Masalah baru tersebut perlu dibincangkan dan diselesaikan sesuai dengan prinsip-prinsip Islam yang ditentukan berdasarkan *naş* (*al-Qur'ān* dan hadis). Amalan gratifikasi merupakan salah satu permasalahan yang berlaku di Aceh, bahkan berlaku tempat lain. Untuk itu, dalam bab satu ini, penyelidik membincangkan berkenaan dengan pengenalan, latar belakang masalah, rumusan masalah kajian, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, definisi tajuk, skop kajian, kajian literatur, kerangka teori, metodologi kajian, dan sistematika kajian.

1.2 Latar Belakang Masalah

Islam menganjurkan untuk sering memberi dan saling tolong-menolong dalam hal kebajikan sebagai makhluk sosial kerana setiap orang memerlukan bantuan. Dengan tolong-menolong akan menimbulkan suasana yang akrab dan kasih sayang antara satu sama lain, sebagaimana firman Allah dalam QS. 'Ali 'Imrān 3: 92.¹

Nabi Muḥammad SAW menganjurkan kepada para sahabat untuk memberikan sesuatu yang sangat dicintainya kepada orang lain yang memerlukan, kerana hal itu mengandungi banyak kebaikan. Begitu juga Nabi SAW menganjurkan untuk menerima barang yang telah diberikan oleh orang lain, kerana menolak suatu pemberian merupakan tindakan yang tidak baik. Sebagai mana sabda Nabi, *qaḍa al-Nabi Sallallāhu 'Alayhi wa Sallam bi al-'umrā annahā liman wuhibat lah* (Nabi SAW menetapkan hibah *al-'Umrā* untuk orang yang dihibahkan).²

¹ Terjemahan: Kamu sekali-kali tidak sampai kepada kebajikan (yang sempurna), sebelum kamu menafkahkan sebahagian harta yang kamu cintai dan apa sahaja yang kamu dermakan, maka sesungguhnya Allah mengetahuinya.

² Al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, al-Maktabah al-Shāmilah, Bāb Mā Qīla fi al-'Umrā wa al-Ruqbā, j. 3, No. Hadis 2625, (t.tp.: Dār Ṭūq al-Najāh, 1422 H), 1659.

Betapa mulianya Islam menyampaikan mesej melalui hadis tersebut yang terkandung di dalamnya sebuah seruan untuk saling tolong menolong antara satu sama lain bagi meringankan penderitaan atau masalah yang dihadapi oleh orang tersebut. Dengan kesedaran untuk berbuat baik kepada orang lain, akan melahirkan sikap asas untuk mewujudkan keselarasan, keserasian dan keseimbangan dalam hubungannya antara manusia, baik peribadi mahupun masyarakat. Pada hakikatnya, orang yang membuat kebaikan atau kejahatan kepada orang lain, balasannya akan kembali kepada dirinya sendiri, sebagaimana firman Allah SWT dalam QS. Al-Isrā' 17: 7.³

Dalam hal ini, sikap memberi ialah perbuatan baik, kerana dapat meringankan kesusahan seseorang. Dengan sikap memberi atau menerima pemberian seseorang, akan tercipta rasa perpaduan dan persaudaraan dalam kerangka kerukunan hidup beragama.

Amalan gratifikasi merupakan amalan pemberian sesuatu dari seseorang kepada orang lain. Fenomena ini tidak asing dalam masyarakat Aceh. Banyak istilah yang digunakan untuk gratifikasi, seperti dari ucapan terima kasih⁴, parcel, wang politik, wang pelicin, pungutan liar dan sebagainya. Di samping mengandungi makna yang positif, istilah gratifikasi ini juga mengandungi makna yang negatif.⁵ Jika amalannya cenderung kepada korupsi atau hadiah kepada pegawai kerajaan, maka gratifikasi lebih cenderung kepada negatif. Gratifikasi boleh diertikan sebagai suatu penghargaan atas prestasi seseorang dalam suatu pertandingan atau pemberian di atas kebaikan seseorang. Selain itu, gratifikasi juga boleh difahami sebagai suatu pemberian yang melibatkan kepentingan peribadi. Dalam kajian ini, penyelidik membataskan maksud gratifikasi terhadap pada

³ Terjemahan: Jika kamu berbuat baik (bererti) kamu berbuat baik bagi dirimu sendiri dan jika kamu berbuat jahat, maka (kejahatan) itu bagi dirimu sendiri, dan apabila datang saat hukuman bagi (kejahatan) yang kedua, (kami datangkan orang lain) untuk menyuramkan muka-muka kamu dan mereka masuk ke dalam masjid, sebagaimana musuh-musuhmu memasukinya pada kali pertama dan untuk membinasakan apa sahaja yang mereka kuasai.

⁴ Azhar A Gani, "Aceh, Tak Kenal Kata Terimakasih", *Kompasiana*, 4 Disember 2011.

⁵ Dalam undang-undang di Indonesia, masih belum jelas perbezaan antara amalan rasuah dan amalan gratifikasi kerana perbuatan gratifikasi boleh dianggap sebagai rasuah jika diberikan berkaitan dengan kedudukan di kaki tangan kerajaan yang menerima hadiah tersebut. Hal tersebut berbeza dengan tatacara di Amerika yang mana dibezakan antara rasuah dan gratifikasi yang dilarang. Perbezaannya ialah jika dalam gratifikasi yang dilarang, pemberi gratifikasi mempunyai maksud bahawa pemberian itu sebagai penghargaan atas suatu tindakan rasmi, sedangkan dalam rasuah pemberi mempunyai maksud (sedikit sebanyak) untuk mempengaruhi suatu tindakan rasmi. Greg Scally, "Defining Corruption: A Comparison of the Substantive criminal Law of Public Corruption in the United States and the United Kingdom", dicapai 5 Februari 2013, <http://www.hukumonline.com/klinik/detail/cl3369/perbedaan-antara-suap-dengan-gratifikasi>. Sehingga jelas perbezaan antara rasuah dan gratifikasi ialah pada tempus (waktu) dan intensinya (maksudnya).

pemberian masyarakat kepada kaki tangan kerajaan (pegawai negeri sivil dan penyelenggara negara).

Kes amalan gratifikasi yang berlaku dalam masyarakat sepanjang tahun 2014, dilaporkan meningkat sebanyak 58% iaitu dari 1.391 menjadi 2.203 laporan. Angka ini merupakan rekod tertinggi laporan sepanjang Komisi Pemberantasan Korupsi (KPK) berdiri. Selain itu, berlaku peningkatan peranan serta institusi dalam mengendalikan gratifikasi secara dalaman melalui Program Kawalan Gratifikasi dari 90 institusi, menjadi 134 institusi, atau jumlah peningkatan sebanyak 49%.⁶ Berdasarkan data amalan gratifikasi ini menunjukkan bahawa amalan gratifikasi begitu subur dalam masyarakat, termasuk masyarakat Islam di Aceh. Walau bagaimanapun amalan gratifikasi yang dilaporkan ini adalah agak kecil jika dibandingkan dengan jumlah keseluruhan kaki tangan kerajaan.

Amalan gratifikasi boleh berlaku dengan pelbagai bentuk. Amalan gratifikasi dalam kalangan masyarakat Islam di Aceh boleh berlaku disebabkan; pertama, kerana ingin mendapatkan keuntungan dalam kehakiman dan pemerintahan. Kedua, supaya hakim memutuskan perkara, sekalipun keputusannya benar, kerana dia mesti melakukan hal itu untuk meluruskan suatu perkara dengan meminta penguasa menolak kemudaratan dan mengambil manfaat. Ketiga, untuk menolak ancaman ke atas diri atau harta, dan sebagainya. Kes-kes gratifikasi banyak sekali berlaku dalam masyarakat Aceh dalam pelbagai bentuk,⁷ baik secara terang-terangan mahupun secara rahsia. Disebabkan itu, perlu ditelusuri kembali, bentuk-bentuk amalan gratifikasi yang berlaku dalam kalangan masyarakat Islam di Aceh. Supaya jelas apakah sebenarnya kedudukan hukum amalan gratifikasi yang berlaku di Aceh yang sudah menjadi amalan kebiasaan masyarakat. Ini

⁶ "Laporan Gratifikasi: Kesedaran Pegawai Pemerintahan Meningkatkan", *Transparency International Indonesia*, 12 Januari 2015.

⁷ "Suak: Tindak Mafia Honorer", *Serambi Indonesia*, 23 Juni 2012. Lihat juga, Said Murthada, "Gratifikasi Dianggap Prestasi di Aceh", 26 April 1998. Gratifikasi yang terjadi misalnya, yang dilakukan oleh seorang banduan terhadap kaki tangan kerajaan penjara di Banda Aceh. Lihat, "Petugas Lapas Akui Terima Gratifikasi dari Napi", *Tribun News.com*, 5 Februari 2013.

sangat penting, kerana mengingat belum lama ini pemerintah membuat aturan yang melarang amalan gratifikasi.

Memberikan gratifikasi kepada sesiapa sahaja dengan tujuan jahat hukumnya adalah haram berdasarkan ayat-ayat *al-Qur'ān* dan hadis-hadis. Hal ini kerana terkandung di dalamnya banyak unsur kezaliman, seperti menzalimi hak orang lain, mengambil sesuatu yang bukan haknya, menghalalkan yang haram atau sebaliknya, mempengaruhi keputusan hakim yang akan merugikan pihak lain dan sebagainya. Akan tetapi hukum gratifikasi akan berbeza dan berubah menjadi halal apabila tidak mengandungi unsur kezaliman terhadap hak orang lain. Seperti memberikan gratifikasi untuk mengambil sesuatu dari haknya yang terhalang atau dicegah oleh pihak tertentu, atau melakukan gratifikasi kerana untuk mengelakkan bahaya yang lebih besar atau mewujudkan manfaat (yang sesuai dengan syari'at) yang besar. Dalam keadaan seperti ini, maka si pemberi tidak berdosa dan tidak terlaknat.

Gratifikasi yang terjadi dalam kalangan masyarakat Islam di Aceh, sebahagiannya disebabkan oleh tindakan masyarakat untuk mengambil haknya, atau menghindari dari kezaliman yang dilakukan oleh penguasa terhadapnya. Namun ini masih bersifat sangkaan sementara. Untuk itu, tidak boleh mengatakan gratifikasi yang berlaku dalam kalangan masyarakat Islam di Aceh salah mahupun betul mengikut hukum Islam. Tetapi untuk mengenal pasti bagaimana jawapan hukum Islam tentang gratifikasi yang berlaku dalam masyarakat Aceh, harus dikaji kembali apa sahaja amalan gratifikasi dalam kalangan masyarakat Islam di Aceh, bagaimana bentuknya, apa yang melatar belakangnya, apa kepentingannya, sehingga menemukan apakah pandangan hukum Islam tentang amalan ini.

Berdasarkan huraian di atas, maka penyelidik perlu untuk mengkaji bagaimana gratifikasi yang berlaku di Aceh dan bagaimana pandangan hukum Islam terhadapnya.

Maka penyelidik menghasilkan kajian ini yang bertajuk “**Amalan Gratifikasi dalam Kalangan Masyarakat Islam di Aceh: Analisis dari Perspektif Hukum Islam.**”

1.3 Rumusan Masalah Kajian

Gratifikasi yang berlaku dalam kalangan masyarakat Islam di Aceh sudah membudaya, seakan-akan sudah menjadi hal yang lumrah untuk dilakukan dan sudah menjadi rahsia umum. Untuk memutuskan perbuatan itu salah atau benar juga tidak boleh kerana amalan itu terjadi tentunya mempunyai banyak faktor, sama ada faktor dizalimi, untuk kemaslahatan dan sebagainya. Untuk mengenal pasti, hal ini harus ditelusuri kembali. Oleh kerana itu, perlu dikaji apa sebenarnya yang berlaku dalam kalangan masyarakat Aceh, apa makna gratifikasi yang berlaku di Aceh, apa bentuk-bentuk gratifikasi yang berlaku, dan bagaimana pandangan hukum Islam terhadap amalan gratifikasi yang berlaku dalam kalangan masyarakat Islam di Aceh.

1.4 Persoalan Kajian

Berdasarkan rumusan masalah yang telah penyelidik dedahkan di atas, perlu dijelaskan mengenai bagaimana amalan gratifikasi dalam kalangan masyarakat Islam di Aceh dalam tinjauan hukum Islam. Untuk mendapatkan hasil kajian yang sistematika dan pembahasannya yang terarah, maka soalan yang penyelidik ajukan sebagai pokok permasalahan⁸ yang menjadi fokus kajian ini dapat dirumuskan sebagai berikut:

- 1) Apakah konsep gratifikasi yang berlaku dalam kalangan masyarakat Islam di Aceh dari perspektif hukum Islam?
- 2) Bagaimana pandangan hukum Islam terhadap kes amalan gratifikasi yang berlaku dalam kalangan masyarakat Islam di Aceh?

⁸ Permasalahan atau masalah ialah suatu keadaan yang berpunca daripada dua faktor atau lebih yang menghasilkan kebingungan. Jika kedua-dua faktor tersebut dipasang secara berpasangan akan menghasilkan sejumlah kesukaran. Maka menyelesaikan masalah tersebut ialah tujuan dari suatu kajian. Lihat, Lexy J. Meleong, *Metodologi Penelitian Kualitatif* (Bandung: Rosda, 1990), 62.

1.5 Objektif Kajian

Objektif kajian tesis ini dengan mengambil kira rumusan masalah di atas ialah untuk:

- 1) Menjelaskan konsep gratifikasi yang diamalkan dalam kalangan masyarakat Islam di Aceh mengikut hukum Islam.
- 2) Menganalisis bentuk-bentuk amalan gratifikasi yang berlaku dalam kalangan masyarakat Islam di Aceh untuk dibandingkan dengan gratifikasi dalam hukum Islam.
- 3) Menganalisis pandangan hukum Islam terhadap kes amalan gratifikasi yang berlaku dalam kalangan masyarakat Islam di Aceh.

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini akan memberikan dua sumbangan, iaitu sumbangan secara teoritis dan sumbangan praktikal. Kepentingan kajian ini secara teori ialah membawa kesan positif kepada para ahli akademik khususnya penyelidik dalam usaha memahami lebih jauh berkisar amalan gratifikasi yang berlaku dalam kalangan masyarakat Islam di Aceh dan boleh mengetahui sudut pandangan dari hukum Islam terhadap amalan tersebut. Kajian ini juga merupakan sokongan terhadap usaha penambahan mahupun penyempurnaan Kompilasi Hukum Islam (KHI), termasuk juga usaha memasukkan nilai-nilai Islam ke dalam undang-undang yang ada di Aceh dan Indonesia pada umumnya. Di sisi lain, kajian ini diharapkan akan membawa perkembangan terhadap dunia ilmu pengetahuan, kerana kajian ini akan semakin menambah rujukan pengetahuan dan dapat dijadikan sebagai salah satu bahan pertimbangan sekaligus rujukan dalam menentukan hukum oleh pelaku ijtihad (*mujtahid*).

Adapun kepentingan praktikal dari kajian ini ialah, hasil kajian ini dapat memberi sumbangan positif terhadap usaha bagi merumuskan konsep pemahaman terhadap amalan gratifikasi dalam kalangan masyarakat Islam di Aceh agar bersesuaian dengan hukum Islam. Dan tentunya khazanah tersebut dapat digunakan sebagai salah satu

asas pertimbangan dalam usaha menyusun atur kehidupan masyarakat Aceh yang Islami. Di samping itu, hasil kajian ini diharapkan dapat memberikan pemahaman baru terhadap masyarakat luar, khususnya kaum muslimin, berkaitan dengan penguatkuasaan undang-undang Islam. Sehingga masyarakat dapat memiliki *frame* (rangka) pemikiran baru dalam menyikapi permasalahan yang ada. Kajian ini terutamanya akan memberi manfaat bagi kaum muslimin yang mendambakan internalisasi nilai-nilai Islam pada produk-produk hukum atau undang-undang yang ada di Aceh. Kajian ini juga akan bermanfaat dalam proses pengambilan polisi dan dapat pula menjadi rujukan dalam penyelidikan selanjutnya.

1.7 Definisi Tajuk

Untuk mengelakkan berlakunya salah faham dalam memahami istilah-istilah yang terdapat dalam tajuk tesis ini, iaitu “Amalan Gratifikasi dalam Kalangan Masyarakat Islam di Aceh: Analisis dari Perspektif Hukum Islam”, penyelidik perlu menjelaskan beberapa istilah penting iaitu, amalan gratifikasi, masyarakat Islam di Aceh, dan analisis dari perspektif hukum Islam.

Pertama, amalan gratifikasi. Amalan ialah melakukan sesuatu dengan mengamalkan, melaksanakan, dan mempraktikkan sesuatu sebagai suatu kebiasaan atau tabiat.⁹ Sedangkan gratifikasi ialah pemberian dalam erti luas, yakni meliputi pemberian wang, barang, rebat (*discount*), komisyen, pinjaman tanpa bunga, tiket pelancongan, kemudahan penginapan, perjalanan pelancongan, rawatan percuma, dan kemudahan lain, baik yang diterima di dalam negeri mahupun di luar negeri dan yang dilakukan dengan menggunakan cara elektronik atau tanpa elektronik, dan pemberian tersebut diberikan kepada kaki tangan kerajaan.¹⁰

⁹ Tim, “Pusat Rujukan Persuratan Melayu”, dicapai 14 March 2013, <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=amal>.

¹⁰ Fasal 12B Ayat (1) Undang-undang Nombor 31 Tahun 1999 pindaan Undang-undang Nombor 20 Tahun 2001 tentang Pemberantasan Tindak Pidana Korupsi. Lihat juga, “Gratifikasi: Apa, Mengapa, dan Bagaimana”, (t.tp.: Indonesian Business Link, t.t.). Yang dimaksudkan Penyelenggara Negara berdasarkan Fasal 2 Undang-undang Nombor 28 Tahun 1999 Tentang Penyelenggara Negara Yang Bersih dan Bebas dari Korupsi, Kolusi, dan Nepotisme, meliputi: Pejabat Negara pada Lembaga Tertinggi Negara, Pejabat Negara pada Lembaga Tinggi Negara, Menteri, Gubenur, Hakim, Pejabat Negara yang lain sesuai dengan ketentuan peraturan perundang-undangan yang berlaku (Duta Besar, Wakil Gubernur, Bupati/Walikota), dan Pejabat lain yang memiliki fungsi strategik

Contoh kes yang boleh dikategorikan ke dalam amalan gratifikasi misalnya, pembiayaan lawatan kerja lembaga parlimen, kerana hal ini dapat mempengaruhi perundangan dan implementasinya oleh eksekutif, cenderamata kepada guru setelah pemberian kad laporan, bayaran haram di jalan raya dan tidak disertai tanda bukti dengan tujuan sumbangan tidak jelas (pelaku yang terlibat boleh jadi dari pegawai polis), (dinas pendapatan daerah), penyediaan bayaran tambahan (*fee*) 10-20 peratus daripada nilai projek, wang untuk masuk pelabuhan tanpa tiket yang dilakukan oleh institusi, dan sebagainya. Jadi, amalan gratifikasi yang menyelidik maksud dalam tesis ini ialah pemberian sesuatu dari seseorang kepada kaki tangan kerajaan, baik pemberian yang berkaitan dengan kepentingan-kepentingan peribadi ataupun tidak.

Kedua, masyarakat Islam di Aceh. Masyarakat Islam di Aceh terdiri dari tiga kata, iaitu masyarakat, Islam dan Aceh. Perkataan masyarakat bermakna suatu kelompok manusia sebagai salah satu kesatuan yang berkumpul dan hidup bersama untuk dalam waktu yang relatif berlangsung terus, kerana berkaitan dengan hukum.¹¹ Ada juga definisi lain yang mentakrifkan masyarakat ialah golongan besar atau kecil terdiri daripada beberapa manusia yang dengan sendirinya bertalian secara golongan dan berpengaruh mempengaruhi satu sama lain.¹² Manakala Islam ialah pematuhan atau penyerahan diri kepada Allah SWT. Perkataan Aceh, dalam Undang-undang Pemerintahan Aceh (UUPA), Aceh ialah wilayah yang merupakan kesatuan masyarakat hukum yang bersifat istimewa dan diberi kuasa khas untuk mengatur dan mengurus sendiri urusan

dalam kaitannya dengan Penyelenggaraan Negara sesuai dengan ketentuan peraturan perundang-undangan yang berlaku (Pesuruhjaya, Pengarah, pejabat Struktural pada BUMN dan BUMD, Pimpinan BI dan Pimpinan Badan Penyelamatan Perbankan Nasional, Pimpinan Perguruan Tinggi Negeri, pejabat Eselon Satu dan pejabat lain yang disamakan pada alam sekitar awam, tentera, dan kepolisian negara RI, Jaksa, Penyiasat, Pendaftar Mahkamah, dan Pimpinan dan Bendahara Projek. Sementara yang dimaksudkan dengan Pegawai Negeri berdasarkan Fasal 1 ayat (2) Undang-undang Nombor 31 Tahun 1999 sebagaimana telah diubah dengan Undang-undang Nombor 20 Tahun 2001, meliputi: Pegawai pada MA dan MK, Pegawai pada Kementerian/Jabatan dan Lembaga Pemerintah Non Kementerian, pegawai pada Kejaksaan Agung, pegawai pada Bank Indonesia, Pimpinan dan pegawai pada sekretariat MPR/DPR/DPD/DPD Provinsi/Dati II, pegawai dan perguruan tinggi, pegawai pada badan yang dibentuk berdasarkan undang-undang, Keppres maupun PP, Pimpinan dan pegawai pada Sekretariat Presiden, Sekretariat Wakil Presiden, Sekretariat Kabinet dan Sekretariat Tentera, pegawai pada BUMN dan BUMD, pegawai pada Badan Kehakiman, Anggota TNI dan POLRI serta pegawai Awam di lingkungan TNI dan POLRI, Pimpinan dan pegawai di lingkungan Pemda Tingkat I dan Tingkat II. Lihat, Fasal 2 Undang-undang Nombor 28 Tahun 1999 Tentang Penyelenggara Negara Yang Bersih dan Bebas dari Korupsi, Kolusi, dan Nepotisme. Lihat juga, Doni Muhardiansyah et al., *Buku Saku Memahami Gratifikasi* (Jakarta: Komisi Pemberantasan Korupsi Republik Indonesia, 2010), 11.

¹¹ Soelaiman, *Pendidikan dalam Keluarga* (Bandung: Ramadhan, 1994), 21.

¹² Hasan Shadly, *Sosiologi Untuk Masyarakat Indonesia* (Jakarta: Bina Askara, 1987), 47.

pemerintahan dan kepentingan masyarakat setempat mengikut peraturan undang-undang dalam sistem dan prinsip Negara Kesatuan Republik Indonesia (NKRI) mengikut perlembagaan Undang-undang Dasar 1945 yang dipimpin oleh seorang Gubernur.¹³ Sementara dalam Qanun Wali Nanggroe, pengertian Aceh ditulis sebagai kesatuan wilayah dan masyarakat hukum dengan batas merujuk pada 1 Julai 1956 mengikut butir 1.1.4 MoU Helsinki, yang mempunyai bidang kuasa di semua sektor awam, kecuali dalam bidang hubungan luar negeri, pertahanan luar, keselamatan dalam negeri, kewangan dan fiskal, kuasa kehakiman dan kebebasan beragama dalam Negara Kesatuan dan Perlembagaan Republik Indonesia.¹⁴ Oleh kerana itu, masyarakat Islam di Aceh yang menyelidik maksud dalam kajian ini ialah sekumpulan manusia yang menetap dalam wilayah Provinsi Aceh yang dalam keyakinan beragamanya tunduk kepada Allah SWT.

Ketiga, analisis dari perspektif hukum Islam. Analisis bermakna penyelidikan atau penghuraian sesuatu (seperti keadaan, masalah, persoalan, dan lain-lain) untuk mengetahui pelbagai aspeknya (ciri-cirinya dan lain-lain) secara terperinci dan mendalam.¹⁵ Sedangkan perspektif ialah cara pandang. Adapun hukum Islam dapat diertikan sebagai peraturan yang dirumuskan berdasarkan wahyu Allah dan Sunnah Rasul tentang tingkah laku *mukallaf* yang diakui dan berlaku serta mengikat bagi semua pemeluk Islam.¹⁶

Mengikut definisi hukum Islam di atas dapat disimpulkan, hukum Islam ialah keseluruhan titah, perintah, peraturan dari Allah, Sunnah Rasul, beserta hasil pemikiran dari *al-Qur'ān* dan hadis Nabi untuk mengatur kehidupan umat manusia demi merealisasikan tujuan hidup, iaitu memperoleh kebahagiaan di dunia dan juga di akhirat kelak. Oleh kerana itu, analisis dari perspektif hukum Islam ialah suatu kajian mengikut (pandangan) peraturan hukum Islam yang tergalai dari *al-Qur'ān* dan hadis atau hasil dari

¹³ Undang-undang Nombor 11 Tahun 2006 tentang Pemerintahan Aceh.

¹⁴ "Definisi Aceh Dalam Raqan WN Sesuai UU PA", *Serambi Indonesia*, 1 November 2012.

¹⁵ Dewan Bahasa dan Pustaka, *Kamus Dewan Edisi Keempat* (Selangor: Dawana Sdn. Bhd., 2010), 418.

¹⁶ Ahmad Azhar Basjir, *Azas-Azas Hukum Mu'amalat: Hukum Perdata Islam* (Yogyakarta: UII Press, 1990), 1.

ijtihad para ulama. Hukum Islam yang dimaksud dalam kajian ini merupakan hukum Islam secara umum, termasuk pendapat para ulama yang tidak terikat dengan mazhab tertentu.

Berdasarkan paparan di atas dapat diambil satu rumusan, Amalan Gratifikasi dalam Kalangan Masyarakat Islam di Aceh: Analisis dari perspektif hukum Islam ialah melakukan penyelidikan dan penghuraian terhadap amalan gratifikasi (pemberian sesuatu dari seseorang kepada kaki tangan kerajaan, baik pemberian yang berkaitan dengan kepentingan-kepentingan peribadi ataupun tidak) yang berlaku dalam kalangan masyarakat yang menganut agama Islam yang bermastautin di wilayah Aceh berdasarkan sudut pandang peraturan-peraturan yang terkandung di dalam *al-Qur'ān* mahupun hadis serta hasil ijtihad para ulama.

1.8 Skop Kajian

Kajian ini memfokuskan kepada kes amalan gratifikasi yang berlaku dalam kalangan masyarakat beragama Islam yang tinggal di wilayah Aceh, khasnya yang berada dalam wilayah Kota Banda Aceh. Amalan gratifikasi yang dikaji oleh penyelidik dalam penyelidikan ini bukan hanya gratifikasi yang dikategorikan sebagai korupsi tetapi juga gratifikasi yang tidak dikategorikan sebagai korupsi. Kemudian dalam melakukan proses analisis tinjauan yang dibuat adalah terhad hanya dari perspektif hukum Islam, sama ada yang terkandung dalam *al-Qur'ān*, hadis, mahupun pendapat-pendapat para ulama dalam kitab-kitab klasik mahupun kontemporari.

1.9 Kajian Literatur

Kajian khusus yang mengkaji amalan gratifikasi dalam kalangan masyarakat Islam di Aceh berdasarkan analisis dari perspektif hukum Islam, sepengetahuan penyelidik belum pernah dilakukan. Namun beberapa kajian yang ada perkaitan dengan kes gratifikasi sudah pernah dilakukan, misalnya kajian yang dilakukan oleh Barda Nawawi Arief

dengan tajuk “Kapita Selekt Pidana”.¹⁷ Buku ini di antaranya menjelaskan pelbagai aspek penguatkuasaan undang-undang, antara lain berkaitan dengan masalah korupsi (gratifikasi) dan pembahasannya lebih tertumpu pada asas yang terkandung dalam pelbagai produk undang-undang yang berlaku mahupun yang ada dalam Rancangan Undang-undang.

Kemudian karya Rusmuliadi dengan tajuk “Tinjauan Kriminologis Terhadap Tindak Pidana Korupsi dalam Bentuk Gratifikasi: Studi Kasus di Kabupaten Enrekang”.¹⁸ Dari hasil kajian menunjukkan bahawa, faktor penyebab berlakunya jenayah korupsi dalam bentuk gratifikasi di Kabuten Enrekang adalah dari aspek pemberi gratifikasi iaitu adanya kepentingan, tidak tahu peraturan undang-undang, sudah menjadi kebiasaan memberikan sesuatu kepada orang lain. Dari aspek penerima iaitu sebagai tambahan memenuhi keperluan, undang-undang yang mengatur masalah gratifikasi masih kurang jelas. Upaya penanggulangan jenayah korupsi dalam bentuk gratifikasi dilakukan dengan tiga percubaan. Pertama, usaha pre-emptif, iaitu dengan mengadakan bengkel masalah gratifikasi kepada seluruh lapisan masyarakat, terutama kaki tangan kerajaan dan pengemasan moral generasi penerus bangsa sejak awal dan berterusan. Kedua, usaha preventif, iaitu dengan membetulkan peraturan atau kaedah-kaedah hukum yang mengatur masalah jenayah gratifikasi. Ketiga, usaha represif, iaitu melakukan penindakan terhadap pelaku jenayah gratifikasi sesuai dengan aturan hukum yang berlaku.

Rionald Sidjabat melakukan penyelidikan tentang “Tinjauan Yuridis Tentang Gratifikasi Sebagai Salah Satu Delik Tindak Pidana Korupsi dalam Perspektif Hukum Pidana”.¹⁹ Berdasarkan hasil kajian yang dilakukan, delik (amalan) baru dalam rangkaian undang-undang pembenterasan jenayah korupsi, delik gratifikasi diatur pada Pasal 12 B

¹⁷ Barda Nawawi Arief, *Kapita Selekt Pidana* (Bandung: Citra Aditya Bakti, 2003).

¹⁸ Rusmuliadi, “Tinjauan Kriminologis Terhadap Tindak Pidana Korupsi dalam Bentuk Gratifikasi: Studi Kasus di Kabupaten Enrekang”, (Makassar: Thesis Sarjana, Fakultas Hukum Universitas Hasanuddin, 2012).

¹⁹ Rionald Sidjabat, “Tinjauan Yuridis Tentang Gratifikasi Sebagai Salah Satu Delik Tindak Pidana Korupsi dalam Perspektif Hukum Pidana”, (Surakarta: Thesis Sarjana, Fakultas Hukum Universitas Sebelas Maret, 2007).

dan 12 C Undang-undang Nombor 20 Tahun 2001 tentang Pemberantasan Tindak Pidana Korupsi. Latar belakang pengaturan delik gratifikasi, pengertian tentang gratifikasi, kelayakan delik gratifikasi dalam jenis-jenis delik menurut undang-undang Jenayah, unsur-unsur delik gratifikasi yang dianggap pemberian suap, jenis-jenis gratifikasi, dan syarat-syarat pemidanaan delik gratifikasi merupakan ruang lingkup dari delik gratifikasi. Kemudian dalam usaha menanganinya undang-undang Jenayah menyediakan peranti undang-undang yang mengatur sistem mekanisme pelaporan gratifikasi dan sistem pembalikan beban pembuktian sebagai bentuk pengendalian delik gratifikasi. Dalam pelaksanaannya ketentuan delik gratifikasi mempunyai faktor-faktor yang menghalang diantaranya faktor-faktor penghambat dalam pelaksanaan sistem pembalikan beban pembuktian, dalam penerapan sistem mekanisme pelaporan gratifikasi, dari segi kelemahan hukum, dari segi tidak adanya ketentuan normatif, dan dari aspek sosialkultural masyarakat. Untuk mengatasi faktor-faktor penghambat tersebut, maka perlu ditempuh langkah-langkah solutifnya antaranya penerapan prinsip umum mahkamah pada sistem pembalikan beban pembuktian, sosialisasi untuk keberkesanan sistem mekanisme pelaporan gratifikasi, pindaan undang-undang untuk memperbaiki kelemahan undang-undang, perolehan aturan undang-undang yang menyokong implementasi delik gratifikasi, serta merubah paradigma masyarakat untuk mengatasi konflik ketentuan delik gratifikasi dengan aspek sosialkultural masyarakat.

Kemudian literatur keIslaman yang berjudul “*al-Ḥalāl wa al-Ḥarām fī al-Islām*” tulisan Yūsuf al-Qarḏāwī. Dalam sub bab hubungan masyarakat, pada bahagian *ḥurmah al-amwāl* (melindungi harta benda) al-Qarḏāwī menekankan bahawa Islam membenarkan hak milik peribadi, maka Islam akan melindungi hak milik tersebut dengan undang-undang.²⁰ Adapun tentang gratifikasi dijelaskan di dalam buku “*al-Ta‘zīr fī al-Sharī‘ah al-Islāmiyyah*” karya ‘Abd al-‘Azīs ‘Amīr. Amalan seumpama gratifikasi

²⁰ Yūsuf al-Qarḏāwī, *al-Ḥalāl wa al-Ḥarām fī al-Islām* (Beirut: al-Maktab al-Islāmī, 1994).

dikategorikan sebagai salah satu bentuk *jarīmah ta'zīr*. Didalam buku tersebut contoh kes gratifikasi yang dihuraikan ialah gratifikasi terhadap hakim yang dilakukan oleh si pelaku jenayah supaya hukumannya diringankan. Tetapi, walaupun buku-buku ini sedikit menyentuh tentang gratifikasi dalam pandangan Islam, perbahasannya ialah secara umum dimana tidak tertumpu kepada amalan gratifikasi yang terjadi dalam kalangan masyarakat Islam di Aceh.

Buku karya Abdullah Bin Abdul Muhsin, “Suap dalam Pandangan Islam”²¹ menjelaskan bahawa, adalah harus untuk menutup jalan dan jangan sampai memberi peluang kepada orang lain untuk memperoleh jawatan dengan jalan yang tidak benar dan menyimpang dari prosedur yang semestinya, sebagaimana tawaran sogokan yang dialami oleh kebanyakan orang. Cara ini jelas diharamkan oleh Allah SWT. Berdasarkan penelitian yang dilihat oleh penyelidik, tulisan ini hanya memfokuskan kepada pemberian seseorang yang termasuk kategori sogokan sahaja dan bukan juga dalam usaha untuk mengenali bentuk gratifikasi dalam masyarakat Islam. Maka dengan demikian, penyelidikan yang dijalankan oleh penyelidik adalah berbeza dengan karya yang sebelum ini.

Berikutnya dalam artikel yang ditulis oleh Shofian Ahmad yang diterbitkan dalam Jurnal Al-Shariah dengan tajuk “Jenayah Rasuah: Bentuk dan Hukum Menurut Islam”.²² Di dalam artikel ini, dibincangkan secara khusus mengenai pemberian yang sudah nyata dilarang dalam Islam, iaitu pemberian dalam bentuk rasuah, khususnya aspek bentuk rasuah dan hukumnya menurut Islam.

Seterusnya, penyelidikan yang dibuat oleh Miftah Noor Rosyid dengan tajuk “Analisis Terhadap Pendapat Imām Mālik Tentang Kebolehan Hibah ‘*Umrā*’”.²³ Hasil kajian beliau menyimpulkan bahawa sebenarnya mengikut hukum melakukan hibah

²¹ Abdullah Bin Abdul Muhsin, *Suap dalam Pandangan Islam* (Jakarta: Gema Insani, 2001).

²² Siti Zalikha Md. Noer et al., “Jenayah Rasuah: Bentuk dan Hukum Menurut Islam”, *Jurnal Al-Shariah; Fiqh Jenayah*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2008), 62.

²³ Miftah Noor Rosyid, “Analisis Terhadap Pendapat Imām Mālik Tentang Kebolehan Hibah ‘*Umrā*’”, (Semarang: Thesis Sarjana, Fakultas Syari’ah IAIN Wali Songo, 2010).

'*umrā*' adalah dibolehkan, kerana adanya beberapa indikasi tertentu seperti perbezaan tahap keperluan dan kepentingan yang mendesak. Dan yang paling penting dalam hal ini ialah unsur manfaat barangan hibah tersebut dan akad pertama pada waktu penyerahan hibah tersebut sama ada menyebutkan untukmu dan anak cucumu atau tidak. Hal lain yang diperlukan ialah seorang saksi bagi mengelakkan berlakunya penipuan dan untuk meminimumkan kewujudan sangkaan dan pertikaian di kemudian hari. Sumber hukum yang digunakan ialah berdasarkan *al-Qur'ān*, *al-Sunnah*, *Qawl Saḥabah*, dan *istinbat* hukum yang digunakan oleh Imām Mālik ialah kaedah *istiḥsan*. Kajian tersebut memfokuskan pembincangannya kepada penyingkiran harta yang sudah dihibahkan, bukan berkaitan dengan persoalan latar belakang hibah. Tambahan pula kajian tersebut menggunakan kaedah kajian pustaka, tanpa mengambil mana-mana kes di lapangan, yang mana semestinya berbeza dengan kajian ini.

Penyelidikan yang bertajuk "Tinjauan Hukum Islam tentang Sanksi Undang-undang Terhadap Pelaku Tindak Pidana Korupsi: Analisis Undang-undang No. 31/1999 tentang Korupsi"²⁴ yang ditulis oleh M. Elmi Setiawan, menjelaskan bahawa korupsi merupakan *jarīmah ta'zīr*, hukuman bagi pelaku korupsi menurut sebahagian *fuqahā* dapat berupa potong tangan sampai dengan hukuman mati, bergantung kepada penguasa (*ūlil amrī*) yang ada pada saat itu, serta dilihat jumlah dan akibat yang ditimbulkan dari korupsi tersebut. Kajian ini memfokuskan pada hukuman bagi pelaku jenayah korupsi menurut Undang-undang Nombor 31 Tahun 1999 tentang Korupsi.

Berikutnya ialah penyelidikan yang bertajuk "*Money Politic* dalam Pilkadaes di Desa Tegal Ampel Kabupaten Bondowoso dalam Perspektif Hukum Islam",²⁵ yang ditulis oleh Hasan Abdillah. Berdasarkan hasil kajian, telah disimpulkan bahawa amalan *money politic* serta status wang yang diberikan (berupa wang pembaikan rumah ibadah,

²⁴ M. Elmi Setiawan, "Tinjauan Hukum Islam tentang Sanksi Hukum terhadap Pelaku Tindak Pidana Korupsi: Analisis Undang-undang No. 31/1999 tentang Korupsi", (Semarang: Thesis Sarjana, Fakultas Syari'ah IAIN Walisongo Semarang, t.t.).

²⁵ Hasan Abdillah, "*Money Politic* dalam Pilkadaes di Desa Tegal Ampel Kabupaten Bondowoso dalam Perspektif Hukum Islam", (Yogyakarta: Thesis Sarjana, Fakultas Syari'ah UIN Sunan Kalijaga, 2009).

kemudahan pendidikan, dan kemudahan awam yang lain, termasuk juga bekalan elektrik di jalan-jalan desa) kepada orang perseorangan atau masyarakat pada umumnya yang dilakukan oleh seorang calon kepala desa (ketua kampung) dari perspektif hukum Islam ialah haram. Baik pihak yang memberi mahupun pihak menerima apabila dilakukan oleh calon ketua kampung, jelas sekali menunjukkan bahawa calon ketua kampung tersebut ialah seorang yang tidak mempunyai nilai integriti, moral, dedikasi, atau potensi dan kelayakan untuk menjadi ketua kampung. Berdasarkan hasil kajian ini, jelas bahawa kajian ini menerangkan bentuk gratifikasi yang dilakukan oleh masyarakat yang ingin mencalonkan diri sebagai ketua kampung, dan ini termasuk salah satu gratifikasi yang dimaksudkan oleh penyelidik. Namun kajian ini hanya mengambil satu kes gratifikasi sahaja, sedangkan lapangan tempat kajiannya juga berbeza dengan kajian yang dijalankan oleh penyelidik.

Selanjutnya Hendry Setiawan dalam karya ilmiahnya “Analisis Hukum Islam Terhadap Ketentuan Gratifikasi dalam Fasal 12 B Undang-undang No. 31 Tahun 1999 Juncto Undang-undang No. 20 Tahun 2001 Tentang Tindak Pidana Korupsi”.²⁶ Dalam tulisan ini hanya dibahas secara umum tentang pengertian dan proses gratifikasi yang ditinjau berdasarkan hukum jenayah Islam dan hukum positif.

Kajian yang dilakukan oleh Triyono dengan tajuk “Penghapusan Pidana Bagi Pejabat Negara Penerima Gratifikasi Yang Melaporkan Diri Pada Komisi Pemberantasan Tindak Pidana Korupsi (KPK): Analisis Hukum Islam Terhadap Fasal 12 C UU No. 31 Tahun 1999 Juncto UU No. 20 Tahun 2001 Tentang Pemberantasan Tindak Pidana Korupsi”.²⁷ Kesimpulan dalam kajian ini ialah, penghapusan jenayah bagi pegawai kerajaan negeri penerima gratifikasi yang melaporkan diri kepada Komisi Pemberantasan

²⁶ Hendry Setiawan, “Analisis Hukum Islam Terhadap Ketentuan Gratifikasi dalam Fasal 12 B Undang-undang No. 31 Tahun 1999 Juncto Undang-Undang No. 20 Tahun 2001 Tentang Tindak Pidana Korupsi”, (Surabaya: Thesis Sarjana, Fakultas Syari’ah UIN Sunan Ampel, 2007).

²⁷ Triyono, “Penghapusan Pidana Bagi Pejabat Negara Penerima Gratifikasi Yang Melaporkan Diri Pada Komisi Pemberantasan Tindak Pidana Korupsi (KPK): Analisis Hukum Islam Terhadap Fasal 12 C UU No. 31 Tahun 1999 Juncto UU No. 20 Tahun 2001 Tentang Pemberantasan Tindak Pidana Korupsi”, (Semarang: Thesis Sarjana, Fakultas Syari’ah IAIN Walisongo, 2011).

Tindak Pidana Korupsi (KPK) pada Fasal 12 C undang-undang tersebut bermakna penghapusan sifat bahan yang menyalahi undang-undang ketara prosedur pentadbiran ketika melapor di Komisi Pemberantasan Tindak Pidana Korupsi (KPK). Perspektif hukum Islam terhadap gratifikasi dan penghapusan jenayah bagi pegawai kerajaan negeri sebagai penerima gratifikasi berlandaskan kepada kaedah *uṣūliyah* bahawa *jalb al-maṣāliḥ wa dar al-mafāsīd* atau mengambil faedah atau maslahat dan menolak segala mafsadat atau kerosakan/kemudaratan menjadi dasar tanda aras bahawa penerima gratifikasi yang melapor kepada Komisi Pemberantasan Korupsi (KPK) itu guna mengambil manfaat, iaitu agar tidak menimbulkan perbuatan korupsi dan gratifikasi yang lebih besar dan merugikan negara.

Kajian yang dilakukan oleh Muhammad Rahman Fahroly, “Penghapusan Sanksi Pidana Bagi Pejabat Negara Penerima Gratifikasi Yang Melaporkan Diri Kepada KPK: Studi Komparasi Antara Hukum Pidana di Indonesia dan Hukum Islam”.²⁸ Kajian ini bertujuan mencari bagaimana kewujudan Fasal 12 B Undang-undang Nombor 20 Tahun 2001 tentang Tindak Pidana Korupsi (Gratifikasi) dan bagaimana perspektif undang-undang jenayah di Indonesia dan undang-undang Islam menyoroti tentang penghapusan jenayah bagi kaki tangan kerajaan penerima gratifikasi yang melaporkan diri kepada Komisi Pemberantasan Korupsi (KPK) dalam Fasal 12 C Undang-undang Nombor 20 Tahun 2001 tentang Tindak Pidana Korupsi. Dapatan kajian menunjukkan bahawa undang-undang jenayah memandangkan kewujudan Fasal 12 B Undang-undang Nombor 20 Tahun 2001 tentang Tindak Pidana Korupsi, berorientasikan terbatas kepada maslahat personal iaitu, kerugian negara sebagai tolak ukur menegakkan hukuman undang-undang. Berbeza dengan undang-undang Islam yang memandangkan kewujudan fasal 12 B lebih kepada maslahat umum iaitu, kerugian moral manusia sebagai ukuran pembedaan.

²⁸ Muhammad Rahman Fahroly, “Penghapusan Sanksi Pidana Bagi Pejabat Negara Penerima Gratifikasi Yang Melaporkan Diri Kepada KPK: Studi Komparasi Antara Hukum Pidana di Indonesia dan Hukum Islam”, (Banjarmasin: Thesis Master, Pascasarjana IAIN Antasari, 2014).

Persamaannya adalah fasal 12 B perlu ditinjau ulang kembali guna dilakukan semakan perluasan materi terhadap objek dan subjek undang-undang serta hukumannya. Terhadap Fasal 12 C Undang-undang Nombor 20 Tahun 2001 tentang pemberantasan korupsi baik undang-undang jenayah dan undang-undang Islam menyatakan pada dasarnya tidak melanggar undang-undang Dasar 1945 dan syari'at Islam, kerana dalam prosedur pentadbiran perbuatan tersebut gugur (illat hukumnya hilang) akibat melapor kepada KPK. Namun dari sisi lain penilaian undang-undang progresif pasal 12 C tersebut melanggar dua unsur pokok iaitu; undang-undang yang hidup di tengah masyarakat dan hukum agama kerana perbuatan gratifikasi merupakan perbuatan tercela. Perbezaan yang diperolehi dari kajian pasal 12 C, dalam undang-undang Islam, penerima gratifikasi melaporkan atau tidak, besar ataupun kecil, maka perbuatannya dianggap sebagai bentuk rasuah. Sedangkan dalam undang-undang jenayah, bila penerimaan gratifikasi melapor kepada KPK, maka ada dua kemungkinan, boleh dikategorikan rasuah atau boleh juga tidak termasuk ke dalam kategori rasuah.

Penyelidikan yang ditulis Syahrudin, "Gratifikasi dalam Kategori Korupsi: Studi Perbandingan Antara Hukum Pidana Islam dan Hukum Pidana Positif."²⁹ Dapatan kajian dalam penyelidikan ini ialah, terdapat beberapa perbezaan dan persamaan kedudukan gratifikasi dalam undang-undang jenayah Islam dan undang-undang jenayah positif dari segi kriteria yang masuk dalam kategori korupsi dan juga hukumannya. Dalam undang-undang Islam, penerimaan gratifikasi oleh kaki tangan kerajaan, adanya report ataupun tidak, tetap dianggap sebagai korupsi. Sedangkan dalam hukum positif adanya cara report dan ada kemungkinan gratifikasi tidak dianggap sebagai korupsi. Dari sisi hukuman, dalam undang-undang jenayah Islam, disamping ada *ta'zīr* sebagai hukuman juga ada hukuman moral, sosial, dan ancaman hukuman akhirat. Jenis hukuman ini tidak didapati pada fasal-fasal dalam undang-undang.

²⁹ Syahrudin, "Gratifikasi dalam Kategori Korupsi: Studi Perbandingan Antara Hukum Pidana Islam dan Hukum Pidana Positif", (Yogyakarta: Thesis Sarjana, Fakultas Syari'ah dan Hukum UIN Sunan Kalijaga, 2014).

Kemudian penyelidikan M. Arif Nanang Qosim, “Tindak Pidana Gratifikasi Seks: Studi Komparasi Antara Hukum Positif dan Hukum Islam.”³⁰ Kajian ini dilakukan dengan menggunakan pendekatan undang-undang. Penyelidik dalam penyelidikannya cuba untuk meneliti kategori gratifikasi yang dimaksudkan dari fasal tersebut dan kepentingan jenayah terhadap jenayah gratifikasi berupa perkhidmatan seks serta untuk mencari persamaan dan perbezaan undang-undang positif dan hukum Islam terhadap jenayah tersebut agar ditemukan penyelesaian yang tepat berkaitan kes ini untuk kegunaan di masa yang akan datang. Hasil penyelidikan tersebut telah menemukan beberapa hujah yang menyatakan bahwa gratifikasi seks merupakan sebahagian dari jenayah korupsi sebagaimana maksud dari penjelasan fasal 12 B ayat 1 Undang-undang Tindak Pidana Korupsi. Gratifikasi seks mengikut hukum Islam mempunyai dua unsur jenayah; *rishwah* dan zina dan kedua-duanya itu mempunyai hukuman tersendiri yang termaktub di dalam *naṣ al-Qur’ān* dan hadis. Kemudiannya, bagi mencapai keadilan dan kepastian hukum, penggubalan tersendiri mengenai jenayah gratifikasi dalam bentuk perkhidmatan seks perlulah ada.

Berdasarkan data yang ada, dapat disimpulkan bahawa kajian secara khusus yang membicarakan tentang amalan gratifikasi dalam kalangan masyarakat Islam di Aceh yang dianalisis dari perspektif hukum Islam belum dilakukan secara khusus. Umumnya perbezaan kajian-kajian tersebut terletak pada objek dan pola kajian yang digunakan. Kajian yang akan dilakukan penyelidik dalam tesis ini tentunya mempunyai perbezaan dengan karya-karya yang sebelum ini. Secara material, tulisan tersebut hanya memfokuskan pada permasalahan amalan gratifikasi yang berlaku dalam kalangan masyarakat Islam di Aceh dilihat dari sisi hukum Islam. Kajian ini menggunakan pendekatan yang lebih menekankan kepada peruntukan-peruntukan hukum Islam yang telah ada baik secara tekstual mahupun kontekstual. Oleh kerana itu, kajian ini

³⁰ M. Arif Nanang Qosim, “Tindak Pidana Gratifikasi Seks: Studi Komparasi Antara Hukum Positif dan Hukum Islam”, (Yogyakarta: Thesis Sarjana, Fakultas Syari’ah dan Hukum UIN Sunan Kalijaga, 2015).

merupakan kajian yang menyoroiti aspek lain yang belum dibicarakan secara khusus di dalam kajian lain sebelumnya.

1.10 Kerangka Teori

Dalam hukum Islam, ada tindakan-tindakan yang dilarang oleh syara' kerana amalan itu akan membawa kerugian kepada susunan kemasyarakatan, atau kepercayaan-kepercayaan atau harta benda, nama baik, kehormatan, jiwa, dan sebagainya, yang kesemuanya itu mengikut hukum *syara'* adalah harus untuk dipelihara dan dihormati serta dilindungi.

Ada beberapa amalan yang sudah jelas dilarang dalam hukum Islam, kerana amalan tersebut adalah secara jelas merugikan orang lain dan bertentangan dengan *'illat* yang ada di dalam *naş* sebagai alasan utama pengharamannya, di antaranya ialah *rishwah* dan hadiah kepada pegawai kerajaan. Namun begitu, dalam konsep hukum Islam terdapat kesukaran untuk membezakan antara *rishwah*, hadiah, hadiah biasa, sedekah dan hibah. Sehingga kadang-kadang pemberian seseorang kepada orang lain sangat sukar untuk diputuskan hukumnya, antara salah dan benar, kerana perbezaannya yang sangat tipis. Untuk itu, disini penyelidik menyediakan sedikit ulasan mengenai keempat-empat amalan tersebut, agar membantu *fram* berfikir nanti dalam membuat kesimpulan berkaitan dengan gratifikasi yang berlaku dalam kalangan masyarakat Islam di Aceh dari perspektif hukum Islam.

Pertama, *rishwah*, iaitu sesuatu yang diberikan kepada seseorang untuk menghidupkan kebatilan atau untuk menghancurkan kebenaran. Shaykh 'Abd al-'Aziz Ibn 'Abd Allāh Ibn Baz mendefinisikan *rishwah* sebagai memberikan harta kepada seseorang sebagai pampasan pelaksanaan maslahat (tugas/kewajipan) yang mana tugas itu harus dilaksanakan tanpa menunggu imbuhan atau wang tip.³¹ Sedangkan mengikut terminologi fekah, *rishwah* ialah segala sesuatu yang diberikan oleh seseorang kepada

³¹ Abu Abdul Halim Ahmad. S, *Suap Dampak dan Bahyanya Bagi Masyarakat* (Jakarta: Pustaka Al-Kautsar, 1996), 20-21.

seorang hakim atau yang bukan hakim agar beliau memutuskan suatu perkara untuk (kepentingan)-nya atau agar ia mengikut kemahuannya.³² Jadi, *rishwah* merupakan amalan yang sangat merugikan baik kepada individu, masyarakat, dan negara. Bahkan kesan negatif yang ditimbulkan dari perilaku *rishwah* begitu luas terhadap moral masyarakat (*al-akhlāq al-karīmah*), kehidupan berbangsa dan bernegara. Mengikut teori konvensional, salah satu cara yang paling baik memerangi jenayah seumpama *rishwah* ialah dengan menghukum para penjenayah atau pelaku dengan hukuman yang seberat-beratnya.³³

Kedua, hadiah. Hadiah dalam kamus ertinya pemberian yang boleh dimaksudkan dengan kenang-kenangan, penghargaan dan penghormatan.³⁴ Adapun hadiah dalam pengertian *fiqh* Islam hampir sama dengan hibah, iaitu pemberian sesuatu untuk memuliakan seseorang tanpa mengharap balasan.³⁵ Akan tetapi mengikut Sayyid Sābiq hadiah sebaiknya orang yang diberi memberikan balasan setelah diberi hadiah.³⁶ Hadiah yang dimaksudkan supaya berbeza dengan hibah ialah pemberian sesuatu kepada orang lain dengan bermaksud sebagai kenang-kenangan, penghargaan atau penghormatan terhadap suatu prestasi.

Ketiga, sedekah, iaitu pemberian sesuatu yang bermanfaat kepada orang lain. Misalnya makanan, minuman atau harta tanpa mengharap balasan daripada orang yang menerimanya kecuali hanya mengharap ganjaran pahala dari Allah SWT.³⁷ Manakala, menurut Imām al-Shāfi‘ī sedekah ialah pemberian yang mengharapkan redha Allah SWT atau menolong untuk menutupi kesusahan si penerima.³⁸ Jadi sedekah merupakan suatu amalan memberikan sesuatu kepada orang yang memerlukan dengan

³² Muḥammad Amīn Ibn ‘Abidīn, *Radd al-Mukhtar ‘alā al-Dur al-Mukhtar Hashiyāt Ibn ‘Abidīn*. j. 7, (Beirut: Dār al-Iḥyā’, 1987), 5.

³³ Teori ini dikemukakan oleh Krishnanda Wijaya-Mukti yang mengutip dari Robert Pheel. Lihat, Krishnanda Wijaya-Mukti, “Membangun Sinergi Pendidikan dan Agama dalam Gerakan Anti Korupsi” dalam buku *Membangun Gerakan Anti Korupsi dalam Perspektif Pendidikan* (Yogyakarta: LP3 UMY, Partnership: Governance Reform in Indonesia, Koalisi Antar Umat Beragama untuk Anti Korupsi, 2004), 59.

³⁴ Tim, *Kamus Besar Bahasa Indonesia* (Jakarta: Balai Pustaka, 1996), 333.

³⁵ Sa’di Abū Jayb, *al-Qamūs al-Fiqh* (Beirut: Dār al-Fikr, 1998), 367 dan 390.

³⁶ Sayyid Sābiq, *Fiqh al-Sunnah*. j. 3, (Beirut: Dār al-Fikr, 1983), 388.

³⁷ Sudarsono, *Pokok-pokok Hukum Islam* (Jakarta: Asdi Muhasatya, 2000), 504.

³⁸ Imām al-Shāfi‘ī, *al-Umm* (Beirut, Dār al-Fikr, t.t.), 330-331.

tidak ada tukarannya. Hal itu dilakukan semata-mata kerana mengharapkan ganjaran pahala di akhirat.

Keempat, hibah. Istilah hibah adalah berasal dari bahasa Arab yang mempunyai makna kebaikan atau keutamaan yang diberikan oleh satu pihak kepada pihak yang lain dalam bentuk harta benda. Sedangkan mengikut istilah, hibah ialah akad perjanjian yang melibatkan pemindahan hak milik seseorang kepada orang lain ketika ia masih hidup tanpa mengharapkan penggantian sedikitpun.³⁹ Hibah ialah pemberian untuk menghormati atau memuliakan seseorang. Mengikut mazhab Shāfi'ī, hibah mengandungi dua pengertian, iaitu pengertian umum dan khusus. Pengertian umum merangkumi hadiah dan sedekah dan pengertian khusus yang disebut hibah ialah apabila pemberian tersebut tidak bermaksud menghormati atau memuliakan dan mengharapkan redha Allah SWT. Jika pemberian (hadiah) tersebut bermaksud menghormati atau memuliakan yang diberi disebut hadiah, jika pemberian mengharapkan redha Allah SWT atau menolong untuk menutupi kesusahannya disebut sedekah.⁴⁰ Jadi untuk mendefinisikan hibah disini penyelidik mengguna pakai makna khusus iaitu pemberian tersebut tidak bermaksud menghormati atau memuliakan dan mengharapkan redha Allah SWT, atau dalam ungkapan lain kontrak *tabarru'* atau percuma yang tidak mempunyai syarat balasan.

Inilah kerangka yang menjadi asas dalam mengelaskan amalan-amalan gratifikasi dalam kalangan masyarakat Islam di Aceh sehingga menghasilkan suatu konsep gratifikasi yang berlaku dalam kalangan masyarakat yang menganut agama Islam di Aceh dari tinjauan hukum Islam yang berlandaskan *al-Qur'ān*, hadis, dan pendapat-pendapat para ulama.

³⁹ Hendi Suhendi, *Fiqh Muamalah* (Jakarta: Raja Grafindo Persada, 2008), 209-210.

⁴⁰ Imām al-Shāfi'ī, *al-Umm*, 330-331.

1.11 Metodologi Kajian

Dalam penyelidikan karya ilmiah tentunya memerlukan data yang lengkap dan objektif. Di samping itu, data yang lengkap juga harus disokong oleh kaedah kajian yang relevan dengan permasalahan yang dibincangkan dalam suatu kajian. Begitu juga dengan tesis ini, dimana perlunya kepada kesesuaian antara objek kajian dengan kaedahnya. Maka dalam melakukan kajian ini, penyelidik menggunakan kaedah *deskriptif-analitis*. Deskriptif ialah satu kaedah yang menggunakan pencarian fakta dengan tafsiran yang tepat, manakala analisis ialah menghuraikan sesuatu dengan cermat dan terarah,⁴¹ iaitu menggambarkan dan menganalisis secara teliti tentang amalan gratifikasi dalam kalangan masyarakat Islam di Aceh dari prespektif hukum Islam. Dengan kaedah ini adalah diharapkan berupaya untuk membangunkan teori yang memiliki kesahihan, sehingga hasil kajian ini nanti boleh dipertanggungjawabkan, baik secara ilmiah mahupun moral.

1.11.1 Jenis Kajian

Kajian ini apabila dilihat dari segi pengumpulan data, ianya merupakan kajian *library research* (kajian pustaka) dan *field research* (kajian lapangan). Kajian pustaka iaitu kajian yang dilakukan dengan cara mengkaji atau menelaah sumber-sumber kepustakaan khususnya mengenai kejelasan amalan gratifikasi dari prespektif hukum Islam. Kajian lapangan iaitu penyelidikan yang dilakukan secara langsung di lapangan untuk memperoleh data yang diperlukan berkaitan dengan gratifikasi dalam kalangan masyarakat Islam di Aceh. Dan kajian ini merupakan kajian kualitatif jika ditinjau dari segi sumber data.

1.11.2 Sumber Data

Kajian ini merupakan gabungan antara kajian pustaka dengan kajian lapangan. Oleh kerana itu, sumber data yang penyelidik gunakan di dalam tesis ini ialah data primer dan

⁴¹ Muhammad Nazir, *Metode Penelitian* (Jakarta: Ghalia Indonesia, 1998), 63.

data sekunder. Pertama, data primer, iaitu data yang diperoleh langsung dari objek yang diteliti (informan),⁴² penyelidik bertemu secara langsung dengan masyarakat Islam di Aceh. Kedua, data sekunder, iaitu data yang diperoleh melalui kajian pustaka dengan menelaah dan mempelajari tentang teori-teori ilmu hukum dan landasan hukum dan hal yang berkaitan dengan telaah hukum Islam, seperti *al-Qur'ān*, hadis, buku, artikel, jurnal, makalah, ensiklopedia, CD ROM atau *software* kitab-kitab Islam, kamus dan internet (laman sesawang) yang mengandungi pendapat para pakar, peraturan undang-undang, data atau maklumat-maklumat yang mempunyai perkaitan dengan permasalahan yang menjadi objek kajian ini, dan kamus, dimaksudkan sebagai pendukung dalam menyusun ketajaman analisis penyelidik terhadap data yang diperoleh dari data, sehingga hasil yang diperoleh adalah lebih kritis.

1.11.3 Kaedah Pengumpulan Data

Pertama, kaedah pengumpulan data primer. Kaedah pengumpulan data primer yang penyelidik gunakan ialah dengan observasi (pemerhatian) dan interview (temu bual). Observasi, iaitu suatu bentuk cara pengumpulan data melalui pengamatan yang dilakukan secara sengaja dan sistematika mengenai fenomena sosial dengan gejala psikis yang kemudian dilakukan catatan. Dalam melakukan observasi penyelidik bekerja secara langsung di lapangan dengan menggunakan kaedah *participant observation*, dalam hal ini penyelidik terus melakukan pengamatan dan mengumpul maklumat tentang amalan gratifikasi yang diamalkan oleh masyarakat Aceh, khasnya kota Banda Aceh. Proses ini merupakan proses yang penting dalam penyusunan kajian kerana ia menjadikan perbincangan lebih bersifat hidup dan berbentuk semasa.

Sedangkan temu bual, iaitu kaedah yang dilakukan dengan cara berdialog untuk memperoleh maklumat secara cepat dan tepat, yang dilakukan antara pewawancara dengan orang yang ditemuramah, iaitu dengan masyarakat Islam di Aceh. Kaedah temu

⁴² Bogong Suyanto et al., *Metode Penelitian Sosial* (Jakarta: Kencana, 2005), 56.

bual yang digunakan dalam penyelidikan ini ialah temu bual berstruktur dan temu bual yang tidak berstruktur. Temu bual berstruktur ialah temu bual yang mana penyelidik mengemukakan soalan kepada interviewee mengikut susunan dalam panduan yang disediakan.⁴³ Sedangkang temu bual yang tidak berstruktur ialah temu bual yang mana penyelidik mengemukakan soalan kepada interviewee tidak mengikut susunan panduan.

Temu bual berstruktur penyelidik gunakan untuk melakukan temu bual dengan para ulama di Aceh bertujuan untuk mengetahui bagaimana pandangan ulama mengenai amalan gratifikasi yang berlaku dalam kalangan masyarakat Islam di Aceh. Temu bual dilakukan secara langsung untuk memperoleh data yang tepat dan pasti. Pihak yang ditemu bual iaitu Muslim Ibrahim (Ketua Majlis Permusyawaratan Ulama Aceh dan Professor Universiti Islam Negeri Ar-Raniry Banda Aceh), Faisal Ali (Naib Ketua Majlis Permusyawaratan Ulama Aceh dan Ketua Tanfidziyah Pengurus Wilayah Nahdhatul Ulama Aceh), dan Al Yasa' Abubakar (Ketua Muhammadiyah Aceh dan Professor Universiti Islam Negeri Ar-Raniry Banda Aceh).

Adapun temu bual tidak berstruktur dalam penyelidikan ini dijalankan dengan cara tidak formal, sama ada berkunjung ke tempat informan mahupun membuat temu janji. Pihak yang ditemu bual ialah masyarakat Islam di Aceh yang pernah melakukan amalan gratifikasi. Tujuan temu bual tersebut adalah untuk mengenal pasti amalan gratifikasi yang diamalkan dalam kalangan masyarakat Islam di Aceh. Kajian sebenar dalam temu bual tidak berstruktur melibatkan 18 orang informan sebagai sampel yang terdiri daripada pelbagai profesyen, masyarakat biasa, pelajar, dan juga kaki tangan kerajaan.

Beberapa langkah telah diambil dalam memastikan data temu bual yang diperoleh boleh dipercayai atau *reliable*. Antaranya, penyelidik terlebih dahulu menjalankan penyelidikan rintis sebelum melakukan penyelidikan sebenar. Melalui

⁴³ Idris Awang, *Penyelidikan Ilmiah: Amalan dalam Pengajian Islam* (Selangor: Kamil & Shakir, 2009), 72. Lihat juga, Lexy J. Meleong, *Metodologi Penelitian*, 190.

penyelidikan rintis ini, penyelidik berpeluang memperbaiki soalan temu bual yang kurang bertepatan dengan objektif utama kajian. Dalam penyelidikan rintis ini, penyelidik menguji tahap kebolehpercayaan item set temu bual sebelum melakukan penyelidikan sebenar. Sampel yang digunakan dalam penyelidikan rintis mempunyai ciri yang sama dengan sampel dalam penyelidikan sebenar. Dalam penyelidikan rintis, penyelidik hanya memilih seramai tiga informan daripada mereka yang pernah mengamalkan gratifikasi daripada latar belakang yang berbeza.

Kemudian penyelidik membuat proses verifikasi data agar data dan maklumat yang diberikan oleh informan tidak tercacir dan bertepatan dengan maksud sebenar mereka. Semua hasil temu bual ditranskripkan satu persatu yang lebih tersusun dan teratur. Data-data tersebut kemudiannya dianalisis secara manual mengikut tema bagi menjawab persoalan-persoalan kajian yang ditetapkan.

Kedua, kaedah pengumpulan data sekunder. Kaedah pengumpulan data sekunder ialah dengan cara mengumpul semaksima mungkin ayat-ayat *al-Qur'ān*, hadis-hadis, pendapat-pendapat para ulama dalam kitab-kitab fekah, dan sumber data sekunder lainnya, yang berkait rapat dengan masalah yang dikaji, kemudian dikumpulkan prinsip-prinsip hukum Islam, dikaji, dianalisis, dan data yang terpilih disemak semula mengikut matlamat kajian dan permasalahan berkaitan.

1.11.4 Analisis Data

Setelah data yang diperlukan terkumpul, kemudian dilakukan analisis data dengan cara sebagaimana berikut:

- 1) Deduktif, iaitu kerangka pemikiran dengan bersandarkan konsep umum tentang gratifikasi, lalu diformulasikan dalam bentuk kesimpulan yang bersifat khusus,⁴⁴ terperinci dan berbentuk kes, iaitu amalan gratifikasi dalam kalangan masyarakat Islam di Aceh.

⁴⁴ Anton Bakker et al., *Metodologi Penelitian Filsafat* (Yogyakarta: Kanisius, 1990), 44.

2) Analisis, ialah, menganalisis pelbagai data mengenai gratifikasi yang terkumpul sebagai asas dalam kesimpulan.⁴⁵ Selanjutnya, menganalisis set prinsip hukum Islam yang boleh dinisbahkan (dikaitkan) dengan gratifikasi yang kemudiannya dikontekstualisasikan dengan kes gratifikasi di kalangan masyarakat Islam di Aceh. Kemudian analisis perbandingan, iaitu melibatkan proses membuat kesimpulan melalui perbandingan yang menghasilkan faktor persamaan dan perbezaan di dalam tema utama dalam dua latarbelakang konteks yang berbeza, iaitu berkenaan gratifikasi yang berlaku dalam kalangan masyarakat Islam di Aceh berdasarkan sudut perspektif hukum Islam.

1.11.5 Pendekatan Kajian

Pendekatan yang penyelidik gunakan dalam kajian ini ialah pendekatan normatif, iaitu pendekatan yang lebih menekankan kepada ketentuan hukum Islam yang telah ada baik secara tekstual mahupun kontekstual. Pendekatan ini digunakan bagi dua tujuan. Pertama, untuk memperoleh gambaran yang tepat mengenai gratifikasi yang berlaku dalam kalangan masyarakat Islam di Aceh, yang dikumpulkan sebagai acuan asas dalam pembentukan kesimpulan. Dan kedua, untuk menelaah dan menganalisis set prinsip hukum Islam yang telah ada, yang boleh dikaitkan dengan gratifikasi yang kemudiannya dikontekstualisasikan dengan kes gratifikasi dalam kalangan masyarakat Islam di Aceh.

1.11.6 Populasi dan Sampel

Populasi bagi kajian ialah keseluruhan objek kajian.⁴⁶ Sedangkan sampel ialah sebahagian objek dari suatu kajian.⁴⁷ Adapun yang menjadi populasi dalam kajian ini ialah semua komponen masyarakat Islam di Aceh yang tinggal di kawasan Banda Aceh. Banda Aceh menjadi objek populasi kajian kerana Banda Aceh adalah pusat Provinsi

⁴⁵ *Ibid.*, 50.

⁴⁶ Suharsimi Arikunto, *Prosedur Penelitian Suatu Pendekatan Praktek* (Jakarta: Bumi Aksara, 1989), 102.

⁴⁷ Koentjaraningrat, *Metode-metode Penelitian Masyarakat* (Jakarta: Gramedia, 1997), 133.

Aceh yang menjadi kawasan utama tempat tumpuan masyarakat Aceh mencari pekerjaan dan menjalankan segala aktiviti, yang mana mengikut penyelidik sangat terdedah untuk terjadinya gratifikasi berbanding kawasan lain di Aceh.

Sampel ialah pengambilan sebahagian daripada sejumlah penduduk yang diperlukan untuk mewakili populasi tersebut.⁴⁸ Dalam hal ini, penyelidik mengambil sampel dengan menggunakan teknik *purposive sampling*⁴⁹ iaitu sebuah proses persampelan yang dilakukan secara khusus untuk dipilih ke dalam sampel. Mengingat masalah gratifikasi ialah agak sensitif, dan dianggap negatif, dan juga tidak semua masyarakat mempunyai pemahaman berkenaan gratifikasi, maka informan yang dipilih ialah mereka yang menguasai pemahaman berkenaan topik yang dikaji dan mahu memberikan kerjasama dengan memberi informasi kepada penyelidik. Sampel bagi kajian kualitatif dengan menggunakan persampelan *purposive sampling* tidak mempunyai bilangan tertentu.⁵⁰ Maka, sampel objek penyelidikan ini hanya mengambil beberapa informan sahaja yang ada kaitannya dengan gratifikasi untuk di temu bual (interview). Informan terdiri dari masyarakat Islam dengan pelbagai profesion, iaitu kaki tangan kerajaan, masyarakat biasa, dan pelajar.

Alat penyokong atau instrumen yang digunakan dalam kajian ini iaitu alat perakam atau alat tulis untuk mencatat hasil temu bual dengan para informan serta data atau maklumat yang berkaitan dengan topik perbincangan.

Setelah semua data yang diperlukan terkumpul, maka selanjutnya diolah menjadi suatu pembahasan untuk menjawab persoalan yang ada dengan disokong oleh data lapangan dan teori. Sehingga menghasilkan suatu penjelasan definisi gratifikasi dalam

⁴⁸ Suharsini Arikunto, *Prosedur Penelitian*, 168.

⁴⁹ *Purposive sampling* adalah kaedah pengambilan sampel yang dipilih dengan teliti supaya relevan dengan struktur penyelidikan, pengambilan sampel dengan mengambil orang-orang yang dipilih oleh penyelidik mengikut ciri-ciri tertentu dan karakteristik tertentu. Lihat, Djarwanto, *Pokok-pokok Metode Riset dan Bimbingan Teknis Penulisan Skripsi*, Yogyakarta: Liberty, 1990. Sugiyono, *Metode Penelitian Kuantitatif, Kualitatif, dan R&D* (Bandung: Alfabeta, 2010), 218. Banyaknya sampel yang diambil dalam *purposive sampling* sebanyak yang dianggap cukup memadai untuk memperoleh data penyelidikan yang mencerminkan (wakil) keadaan populasi. Maksudnya, data dari sampel purposif tersebut dianggap sudah boleh menggambarkan (menjawab) apa yang menjadi tujuan dan permasalahan kajian, jumlah pastinya tidak ada.

⁵⁰ Sharan B. Merriam, *Qualitative Research and Case Study Applications in Education* (San Francisco: Jossey-Bass Publishers, 2009), 80.

kalangan masyarakat Islam di Aceh dalam perspektif hukum Islam, amalan gratifikasi dalam kalangan masyarakat Islam di Aceh dan penilaian hukum Islam terhadap amalan tersebut serta menghasilkan pendekatan hukum Islam dalam membasmi kes gratifikasi dalam kalangan masyarakat Islam di Aceh.

1.12 Sistematika Kajian

Sacara keseluruhan isi kajian ini terdiri enam bahagian, iaitu, bab satu, bab dua, bab tiga, bab empat, bab lima, dan bab enam. Untuk memudahkan perbincangan dalam penyelidikan dan memperoleh gambaran awal tentang isi, maka sistematika perbincangan tesis ini disusun sebagai berikut:

Bab 1 sebagai bab pendahuluan, di mana di dalamnya mengandungi maklumat umum tentang tesis ini, yang terdiri daripada pengenalan, latar belakang munculnya masalah yang akan dijawab, rumusan masalah kajian, persoalan kajian, objektif kajian yang merupakan arah kajian yang dilakukan, kepentingan kajian, definisi tajuk, skop kajian, kajian literatur sebagai perbandingan dan pembeza dengan kajian sebelumnya, kerangka teori sebagai gambaran aliran yang melandasi penyelidikan dan pisau bedah dalam melakukan penalaran, paparan tentang metodologi kajian yang digunakan dalam penyelidikan ini, dan yang terakhir menjelaskan tentang sistematika kajian.

Bab 2 mengandungi paparan konsep gratifikasi dalam hukum Islam. Ulasan ini bertujuan untuk memberikan gambaran tentang gratifikasi dalam hukum Islam. Huraian bab ini meliputi, pengenalan, kategori amalan gratifikasi dalam hukum Islam, iaitu, gratifikasi dalam bentuk sedekah, gratifikasi dalam bentuk hibah, gratifikasi dalam bentuk hadiah, dan gratifikasi dalam bentuk *rishwah*, selanjutnya prinsip-prinsip kepemilikan harta dalam hukum Islam, perbincangan tentang ganjaran terhadap amalan gratifikasi dalam hukum Islam mencakup ganjaran terhadap amalan sedekah, hibah, hadiah, dan hukuman terhadap amalan hadiah kepada penguasa dan *rishwah*, dan kesimpulan.

Bab 3 merupakan gambaran pendedahan gratifikasi dalam perundangan Aceh. Perbahasannya meliputi pengenalan, gambaran Provinsi Aceh, iaitu meliputi sejarah Aceh, letak dan luas wilayah Aceh, penduduk Aceh dan kehidupan beragama, keadaan sosial masyarakat Aceh dalam bidang ekonomi dan budaya, serta masyarakat Aceh dan syari'at Islam. Kemudian ulasan tentang gratifikasi mengikut undang-undang, definisi gratifikasi, kes mahkamah mengenai gratifikasi, asas hukum gratifikasi dan unsur-unsur gratifikasi, gambaran amalan gratifikasi dalam undang-undang, dan yang terakhir kesimpulan.

Bab 4 berisikan paparan yang membincangkan tentang amalan gratifikasi dalam masyarakat Islam di Aceh. Perbahasannya merangkumi pengenalan, amalan gratifikasi dalam masyarakat Islam di Aceh, amalan gratifikasi di Aceh mengikut ulama Aceh, dan kesimpulan.

Bab 5 kandungannya tentang analisis gratifikasi di Aceh dari perspektif hukum Islam. Perbahasannya merangkumi pengenalan, definisi gratifikasi dalam kalangan masyarakat Islam di Aceh, undang-undang gratifikasi di Aceh dari tinjauan hukum Islam, analisis amalan gratifikasi di Aceh mengikut hukum Islam, faktor-faktor berlakunya amalan gratifikasi di Aceh, mafsadah amalan gratifikasi di Aceh, kedudukan gratifikasi di Aceh dalam *jarīmah*, hukuman terhadap pelaku gratifikasi di Aceh, dasar pertimbangan hukuman terhadap pelaku gratifikasi di Aceh, solusi amalan gratifikasi dalam masyarakat Islam di Aceh, dan kesimpulan.

Bab 6 sebagai bab penutup, mengandungi pengenalan, beberapa hasil kajian, dan dilengkapi cadangan sebagai bahan cadangan daripada hasil kajian, baik untuk kepentingan dalaman dan luaran yang berkaitan, dan sekaligus bahagian terakhir dalam penyelidikan ini.

BAB 2: KONSEP GRATIFIKASI DALAM HUKUM ISLAM

2.1 Pengenalan

Pemberian gratifikasi dapat menumbuhkan rasa kasih sayang berdasarkan pemberian yang dilakukan berlandaskan hati nurani yang tulus dan ikhlas, dan semata-mata hanya mengharap redha Allah SWT. Akan tetapi, dalam realiti dan perkembangannya, gratifikasi kadang-kala dijadikan sebagai alat untuk mencapai tujuan-tujuan tertentu sebagai media untuk mendapatkan keselamatan dan keuntungan.

Amalan gratifikasi berlaku dalam dunia Islam dan juga dipraktikkan oleh orang Muslim. Hanya istilah gratifikasi secara harfiah tidak makruf dalam sistem hukum Islam. Oleh itu, perlu kajian untuk mencari perbincangan hukum Islam mengenai gratifikasi. Seterusnya dalam bab ini penyelidik menjelaskan mengenai gratifikasi dalam hukum Islam, iaitu meliputi bentuk-bentuk amalan gratifikasi dalam hukum Islam (sedekah, hibah, hadiah, dan *rishwah*), kepemilikan harta dalam hukum Islam yang meliputi prinsip-prinsip dasar kepemilikan (*tamlīk*) dalam hukum Islam dan cara memperoleh dan menggunakan harta dalam hukum Islam, dan ganjaran terhadap amalan gratifikasi dalam hukum Islam, iaitu ganjaran terhadap amalan sedekah, hibah, dan hadiah, dan hukuman terhadap amalan hadiah kepada penguasa dan *rishwah*. Bahagian akhir bab ini merupakan kesimpulan yang merangkumi keseluruhan bab kajian ini.

2.2 Kategori Amalan Gratifikasi dalam Hukum Islam

Berikut penyelidik menghuraikan tentang kategori amalan gratifikasi dalam kajian hukum Islam, yang dimulai dengan bentuk-bentuk gratifikasi dalam tinjauan hukum Islam. Hurain ini diulas selari dengan maksud dari gratifikasi iaitu pemberian dalam erti luas, tanpa batasan benda yang diberikan, yang mana penerimanya ialah kaki tangan kerajaan.

2.2.1 Gratifikasi dalam Bentuk Sedekah

2.2.1.1 Definisi Sedekah

Sedekah merupakan amalan yang dianjurkan oleh agama, dan merupakan amal yang diterima, manfaatnya sangat besar bagi masyarakat yang tidak mampu atau kurang mampu. Amalan sedekah berperanan untuk mengeratkan hubungan antara yang miskin dan yang kaya. Sedekah juga boleh membantu orang-orang yang kurang berkemampuan sama ada dari aspek ekonomi mahupun pendidikan.

Perbincangan mengenai sedekah merangkumi skop yang sangat luas. Oleh itu, apakah semua jenis pemberian termasuk dalam kategori sedekah sehingga boleh dikawal dalam pengelolaannya kerana sedekah merupakan amanat yang perlu dijaga. Realitinya, orang yang memberi sedekah bebas melakukannya begitu sahaja, tanpa ada peraturan dan batasan, bila-bila dan di mana-mana sahaja mengikut kemahuan. Kebanyakan masyarakat beranggapan bahawa bersedekah berbeza dengan hibah atau hadiah. Hibah atau hadiah mempunyai peraturan-peraturan tertentu yang perlu dipenuhi seperti syarat dan rukun-rukunnya, sedangkan sedekah tidak mempunyai peraturan-peraturan tertentu. Inilah persoalan yang perlu dijelaskan, supaya jelas perbezaan antara sedekah dengan mu'amalah yang lain. Untuk menjelaskan perbezaan tersebut, perbincangan tentang definisi sedekah sangat penting dihuraikan kerana dari definisi pada dasarnya boleh difahami perbezaan antara satu amalan dengan amalan lain.

Mengikut etimologi (harfiah) sedekah ialah memberi sesuatu¹ atau derma kepada orang miskin dan sebagainya berdasarkan cinta kasih kepada sesama manusia.² Sedangkan sedekah mengikut terminologi (istilah), sebagaimana diungkapkan oleh beberapa ulama fekah, ialah sebagai berikut.

Sedekah ialah pemberian berupa sesuatu yang berguna bagi orang lain yang memerlukan bantuan (fakir dan miskin) dengan tujuan beribadah (mencari pahala) kepada

¹ Mahmud Yunus, *Kamus Arab Indonesia* (Jakarta: Yayasan Penyelenggara Pentafsir *al-Qur'an*, 1973), 215.

² Desi Anwar, *Kamus Lengkap Bahasa Indonesia Terbaru* (Surabaya: Ameliya, 2003), 409.

Allah semata-mata.³ Quraish Shihab mengertikan sedekah sebagai pengeluaran harta secara ikhlas yang bersifat sunnah atau anjuran. Jika infaq berkenaan dalam bentuk kebendaan maka sedekah mempunyai erti yang lebih luas dari sekadar kebendaan.⁴

Sekalipun sedekah ada persamaan dengan hibah, tetapi keduanya mempunyai perbezaan yang jelas. Hibah ialah memberikan sesuatu zat dengan tidak ada tukarannya, sedangkan sedekah ialah memberikan zat dengan tidak ada tukarannya, kerana mengharapkan pahala di akhirat.⁵ Adapun mengikut al-Sayyid Abū Bakr, hibah ialah menyerahkan sesuatu zat sah untuk dijual ataupun pembayaran hutang tanpa mengharapkan apa-apa. Sedangkan sedekah ialah menyerahkan sesuatu zat kepada orang lain tanpa ada tujuan tertentu kecuali mengharapkan redha Allah.⁶ Mengikut pendapat ini di antara hibah dan sedekah ada perbedaannya, iaitu hibah merupakan suatu pemberian secara percuma. Manakala sedekah merupakan pemberian yang mengharapkan balasan dari Allah.

Aḥmad Mustafā al-Maraghī menjelaskan, bahawa yang dimaksudkan dengan sedekah ialah bukan sahaja memberikan suatu zat (benda) kepada orang lain dengan tujuan kerana Allah, tetapi boleh dilakukan dalam bentuk perkhidmatan.⁷ Sebagaimana hadis Rasul SAW yang diriwayatkan daripada Abū Hurayrah yang ertinya, “setiap ruas tulang tubuh manusia wajib dikeluarkan sedekahnya setiap hari ketika matahari terbit. Mendamaikan secara adil dua orang yang bertikai adalah sedekah, membantu orang lain menaiki kenderaan atau mengangkatkan barang ke atas kenderaannya adalah sedekah, kata-kata yang baik adalah sedekah, tiap-tiap langkah untuk mengerjakan solat (di masjid) adalah sedekah, dan menyingkirkan duri dari jalan adalah sedekah.”⁸

³ Abdul Mujieb dan Mabruhi Tholhah Syafi'ah, *Kamus Istilah Fiqh* (Jakarta: Pustaka Firdaus, 1994), 311.

⁴ Quraish Shihab, *Quraish Shihab Menjawab: 1001 Keislaman yang Patut Anda Ketahui* (Jakarta: Lentera Hati, 2008), 191.

⁵ Abī 'Abd Mu'ti Muhammad al-Nawāwī al-Jawī al-Bantany, *Niḥāyah al-Zayn fi Irsyadī al-Mubtadīn* (Bandung: Al-Ma'arif, t.t.), 265. Bandingkan juga dengan pendapat Sayyid Sābiq dalam *Fiqh al-Sunnah*. Lihat, Sayyid Sābiq, *Fiqh al-Sunah*. j. 3, (Beirut: Dār al-Fikr, 1983), 388.

⁶ Al-Sayyid Abū Bakr, *I'ānah al-Ṭālibīn*. j. 4, (Beirut: Dār al-Fikr, t.t.), 141- 145.

⁷ Aḥmad Mustafā al-Maraghī, *Tafsīr al-Marāghī* j. 2, (Makkah al-Mukarramah: Maktabah al-Tijāriyah, t.t.), 154.

⁸ Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim*, al-Maktabah al-Shāmilah, Bāb Bayān Anna Ismu al-Ṣadaqah, j. 2, No. Hadis 56, (t.tp.: Dār Ṭūq al-Najāh, 1422 H), 699.

Dari beberapa definisi di atas, dapat disimpulkan bahawa sedekah merupakan suatu amalan memberikan sesuatu barang/zat untuk dipergunakan atau dimiliki oleh orang lain kerana mengharapkan pahala di akhirat nanti, atau mengharapkan redha Allah. Sedekah boleh berupa zat (benda) dan boleh juga berupa jasa (bukan kebendaan).

Kesimpulan lain ialah, bahawa pada prinsipnya sedekah sama dengan infaq, hanya sedekah mempunyai pengertian yang lebih luas. Sedekah boleh berupa bacaan *taḥmid*, *takbīr*, *tahlīl*, *istighfār* mahupun bacaan-bacaan kalimat *ṭayyibah* lainnya. Sedekah juga boleh berupa pemberian benda atau wang, bantuan tenaga atau jasa serta menahan diri dari tidak berbuat kejahatan. Sedekah ialah keseluruhan amal kebajikan yang dilakukan setiap muslim untuk mencipta kesejahteraan sesama umat manusia, termasuk untuk kelestarian lingkungan hidup dan alam semesta ciptaan Ilahi untuk memperoleh hidayah dan redha Allah SWT.

2.2.1.2 Kategori Sedekah

Ditinjau dari segi hukum, para ulama membahagikan sedekah kepada dua bahagian, iaitu sedekah wajib dan sedekah sunat. Sedekah wajib ialah pemberian harta yang wajib ditunaikan oleh seseorang yang telah mempunyai harta dalam jumlah tertentu (sampai nisab) dengan syarat-syarat tertentu dan diberikan dalam jumlah tertentu kepada pihak-pihak tertentu yang sudah ditetapkan oleh agama. Istilah lain untuk jenis sedekah ini ialah zakat⁹ sama ada zakat fitrah mahupun zakat *māl*, sebagaimana dalam *al-Qur'ān*:

إِنَّمَا الصَّدَقَتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَمَلِينَ عَلَيْهَا وَالْمَوْلَةَ قُلُوبِهِمْ وَفِي
الرِّقَابِ وَالْغَرَمِينَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَابْنِ السَّبِيلِ فَرِيضَةٌ مِّنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَلِيمٌ

حَكِيمٌ

Al-Tawbah 9: 60

Terjemahan: Sesungguhnya zakat-zakat itu, hanyalah untuk orang-orang fakir, orang-orang miskin, pengurus-pengurus zakat, para mu'allaf yang dijinakkan hatinya, untuk (memerdekakan) hamba,

⁹ Helmi Karim, *Fiqh Muamalah* (Jakarta: Raja Grafindo Persada, 1993), 80.

orang-orang yang berhutang, untuk jalan Allah dan untuk mereka yang sedang dalam perjalanan, sebagai suatu ketetapan yang diwajibkan Allah, dan Allah Maha mengetahui lagi Maha Bijaksana.¹⁰

Adapun sedekah sunat ialah pemberian harta dari seseorang kepada pihak lain dengan mengharapkan pahala dari Allah SWT di luar pembayaran zakat. Pemberian sedekah sunat tidak ditentukan, semakin banyak semakin baik.¹¹ Begitu juga dengan masanya, sedekah ini tidak hanya dikhaskan pada waktu tertentu seperti bulan Ramadhan tetapi dianjurkan setiap saat.¹² Sedekah sunnah boleh dilakukan setiap masa, untuk melakukannya terdapat dalam *al-Qur'ān al-Karīm* berikut ini:

وَإِنْ كَانَ ذُو عُسْرَةٍ فَنَظِرَةٌ إِلَىٰ مَيْسَرَةٍ ۚ وَأَنْ تَصَدَّقُوا خَيْرٌ لَّكُمْ ۖ إِنْ كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿٢٨٠﴾

Al-Baqarah 2: 280

Terjemahan: Dan jika (orang yang berhutang itu) dalam kesukaran, maka berilah tangguh sampai dia berkelapangan. Dan menyedekahkan (sebahagian atau semua hutang) itu, lebih baik bagimu, jika kamu mengetahui.

Sedangkan dilihat dari segi bahawa sedekah bukan hanya diertikan sebagai proses mengeluarkan harta yang dimiliki untuk dibahagikan kepada orang lain. Menurut penyelidik, sedekah boleh dipecahkan kepada beberapa kategori, di antaranya ialah:

- 1) Sedekah hati. Sedekah hati ialah jenis sedekah yang boleh mewujudkannya dengan jalan menjatuhkan hati untuk tidak berprasangka buruk dan berfikir negatif kepada orang lain. Malahan hati digunakan untuk berfikir positif dan mendoakan hal yang baik kepada orang lain.

¹⁰ Orang yang berhak menerima zakat ini ialah: Pertama, orang fakir, iaitu orang yang amat sengsara hidupnya, tidak mempunyai harta dan tenaga untuk memenuhi penghidupannya. Kedua, orang miskin, iaitu orang yang tidak cukup penghidupannya dan dalam keadaan kekurangan. Ketiga, pengurus zakat, iaitu orang yang diberi tugas untuk mengumpulkan dan membahagikan zakat. Keempat, muallaf, iaitu orang kafir yang ada harapan masuk Islam dan orang yang baru masuk Islam yang imannya masih lemah. Kelima, memerdekakan hamba, termasuk juga untuk melepaskan muslim yang ditawan oleh orang-orang kafir. Keenam, orang berhutang, untuk yang bukan maksiat dan tidak sanggup membayarnya. Adapun orang yang berhutang untuk memelihara persatuan umat Islam dibayar hutangnya itu dengan zakat, walaupun ia mampu membayarnya. Ketujuh, pada jalan Allah (*fi sabīlillah*), iaitu untuk keperluan pertahanan Islam dan kaum muslimin. Di antara ahli tafsir ada yang berpendapat bahawa *fi sabīlillah* itu termasuk juga kepentingan-kepentingan umum seperti mendirikan sekolah, rumah sakit dan lain-lain. Dan kelapan, orang yang sedang dalam perjalanan yang bukan maksiat mengalami kesengsaraan dalam perjalanannya.

¹¹ Helmi Karim, *Fiqh Muamalah*, 80.

¹² Adil Sa'di, *Fiqhun Nisa: Shiyam, Zakat, Haji* (Jakarta: Hikmah: Mizan Publika, 2006), 216.

- 2) Sedekah sosial. Sedekah sosial merupakan perbuatan menjalin hubungan baik kepada manusia lain serta boleh mewujudkan rasa saling menghormati pada sesama manusia.
- 3) Sedekah pemikiran. Sedekah ini merupakan sedekah yang berupa proses pencarian penyelesaian jika terdapat masalah. Sehingga dengan pemikiran boleh membantu mencarikan jalan keluar dari masalah yang wujud.
- 4) Sedekah maklumat. Sedekah maklumat iaitu dengan memberikan maklumat yang diketahui kepada orang lain yang memerlukan agar boleh memperoleh manfaat. Seperti menyampaikan kepada orang lain daerah mana yang terjadi bencana alam dan jenis bantuan apa yang diperlukan di lokasi tersebut.

Dengan demikian, salah satu yang perlu dilakukan oleh kaum muslimin dalam kehidupannya ialah bersedekah. Ini akan membuat keberadaannya terasa bermanfaat besar, tidak hanya bagi dirinya dan keluarganya, tapi juga untuk orang lain. Namun banyak orang merasa tidak dapat bersedekah kerana tidak memiliki banyak harta yang banyak. Banyak dalam kalangan kaum muslimin memahami bahawa sedekah itu mesti dalam bentuk harta, padahal banyak cara yang boleh dilakukan untuk bersedekah walaupun tidak mempunyai harta sehingga tidak ada alasan untuk tidak bersedekah, kerana sedekah itu bukan hanya dalam erti pemberian dalam bentuk kebendaan semata-mata.

2.2.1.3 Hukum Sedekah

Sedekah merupakan amalan yang dianjurkan oleh agama, dan merupakan amal yang diterima, manfaatnya sangat besar bagi masyarakat yang tidak mampu atau kurang mampu. Kehadiran sedekah sangat berperanan untuk mengeratkan hubungan antara yang miskin dan yang kaya, sedekah boleh membantu orang yang kurang kemampuan sama ada dalam aspek ekonomi mahupun pendidikan.

Hukum sedekah wajib apabila dimasukkan dalam kategori sedekah wajib atau istilah lain disebut dengan zakat. Dan sedekah itu sunat apabila termasuk dalam kategori

sedekah yang diberikan hanya semata-mata mengharap pahala dari Allah SWT yang dalam istilah lain disebut dengan sedekah *taṭāwu'*.

Untuk kategori sedekah yang kedua, yaitu sedekah *taṭāwu'*, ulama fekah sepakat mengatakan bahawa sedekah merupakan salah satu amalan yang disyari'atkan dan hukumnya ialah sunat. Kesepakatan mereka didasari pada surah al-Baqarah 2: 280.¹³ Sedekah ini disunatkan di setiap masa, tanpa ada batas waktu. Sedekah sebagai amalan sunnah diterangkan melalui dalil *al-Qur'ān* dan hadis. Adapun dalil tentang anjuran bersedekah dalam *al-Qur'ān* seperti yang dinyatakan di dalam *naṣ al-Qur'ān* seperti berikut:

مَنْ ذَا الَّذِي يُقْرِضُ اللَّهَ قَرْضًا حَسَنًا فَيُضْعِفَهُ لَهُ أَضْعَافًا كَثِيرَةً وَاللَّهُ يَقْبِضُ وَيَبْصُطُ وَإِلَيْهِ تُرْجَعُونَ ﴿٢٤٥﴾
Al-Baqarah 2: 245

Terjemahan: Siapakah yang mahu memberi pinjaman kepada Allah, pinjaman yang baik (menafkahkan hartanya di jalan Allah), maka Allah akan melipat gandakan pembayaran kepadanya dengan lipat ganda yang banyak, dan Allah menyempitkan dan melapangkan (rezeki) dan kepadaNya-lah kamu dikembalikan.

Dan masih banyak lagi ayat *al-Qur'ān* yang bercakap tentang sedekah. Adapun dasar hukum sedekah dalam hadis ialah hadis dari Abū Hurayrah, Nabi SAW bersabda:

مَنْ تَصَدَّقَ بِعَدْلِ تَمْرَةٍ مِنْ كَسْبٍ طَيِّبٍ، وَلَا يَقْبَلُ اللَّهُ إِلَّا الطَّيِّبَ، وَإِنَّ اللَّهَ يَتَقَبَّلُهَا بِيَمِينِهِ، ثُمَّ يُرَبِّيهَا لِصَاحِبِهَا، كَمَا يُرَبِّي أَحَدُكُمْ فَلُوَّهُ، حَتَّى تَكُونَ مِثْلَ الْجَبَلِ.¹⁴

Terjemahan: Barang siapa bersedekah dengan bernilai satu biji kurma dari usaha yang baik, dan Allah tidak menerima kecuali dari yang baik. Sesungguhnya Allah menerima dengan tangan kananNya. Kemudian, Allah membangunkan untuk pemiliknya sebagaimana salah seorang kalian mengembangkan anak kudanya hingga menjadi seperti gunung.

¹³ Abdul Aziz Dahlan, ed., *Ensiklopedia Hukum Islam* (Jakarta: Ichtiar Baru Van Hoeve, 2003), 1619.

¹⁴ Al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, al-Maktabah al-Shāmilah, Bab Ṣadaqah, j. 2, No. Hadis 1410, (t.tp.: Dār Ṭūq al-Najāh, 1422 H), 108.

Sedekah pada dasarnya ialah sunnah, diberikan ganjaran pahala apabila dilakukan dan tidak berdosa jika ditinggalkan. Disamping sunat, kadang-kala hukum sedekah menjadi haram iaitu dalam kes seseorang yang bersedekah mengetahui pasti bahawa orang yang akan menerima sedekah tersebut akan mempergunakan harta sedekah untuk kemaksiatan. Adakalanya hukum sedekah berubah menjadi wajib, iaitu ketika seseorang berjumpa dengan orang lain yang sedang kelaparan hingga dapat mengancam keselamatan jiwanya, sementara dia mempunyai makanan yang lebih dari apa yang diperlukan saat itu. Hukum sedekah juga menjadi wajib jika seseorang bernazar hendak bersedekah kepada seseorang atau institusi.

Sedekah lebih utama diberikan kepada kaum kerabat atau sanak saudara terdekat sebelum diberikan kepada orang lain. Kemudian sedekah itu diberikan kepada orang-orang yang betul-betul memerlukan bantuan. Sedangkan mengenai kriteria barang yang lebih utama disedekahkan sebaiknya barang yang berkualiti baik dan disukai oleh pemiliknya. Hal ini sesuai dengan firman Allah SWT:

لَنْ تَنَالُوا الْبِرَّ حَتَّى تُنْفِقُوا مِمَّا حُبُّوْنَ ۚ وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ شَيْءٍ فَإِنَّ اللَّهَ بِهِ عَلِيمٌ



‘Ali ‘Imrān 3: 92

Terjemahan: Kamu sekali-kali tidak sampai kepada kebajikan (yang sempurna), sebelum kamu menafkahkan sebahagian harta yang kamu cintai dan apa sahaja yang kamu nafkahkan, maka sesungguhnya Allah mengetahuinya.

2.2.2 Gratifikasi dalam Bentuk Hibah

2.2.2.1 Definisi Hibah

Hibah dalam bahasa Arab disebut dengan *al-hibah*.¹⁵ Apabila seseorang memberikan harta miliknya kepada orang lain maka bermakna ia telah menghibahkan miliknya. Sebab

¹⁵ Mahmud Yunus, *Kamus Arab*, 507.

itulah, kata hibah sama ertinya dengan istilah pemberian, hal ini juga sama dengan *al-‘Āḥiyah*.

Hibah mengikut syara’ juga diertikan pemilikan yang sunat ketika hidup.¹⁶ Hibah juga bermakna memberikan pemilikan harta kepada orang lain di saat masih hidup tanpa imbalan.¹⁷ Pengertian yang hampir sama juga dikemukakan Sayid Sābiq dalam kitabnya *Fiqh al-Sunnah*, iaitu suatu akad yang pokok persoalannya iaitu pemberian harta milik seseorang kepada orang lain ketika dia masih hidup tanpa adanya imbalan. Imām Taqy al-Dīn dalam kitab *Kifāyāt al-Akhyar* menjelaskan, yang dimaksudkan dengan hibah ialah *tamlīku bighayr ‘iwaḍ* (pemilikan tanpa penggantian).¹⁸

Berdasarkan definisi-definisi di atas, boleh dikatakan bahawa hibah ialah suatu akad pemberian hak milik oleh seseorang kepada orang lain ketika ia masih hidup tanpa mengharapkan imbalan dan balas jasa. Oleh sebab itu, hibah merupakan pemberian yang murni kerana mengharapkan pahala dari Allah SWT serta tidak pula terbatas berapa jumlahnya. Maka apabila seseorang memberikan hartanya kepada orang lain untuk dimanfaatkan tetapi tidak diberikan kepadanya hak pemilikan maka hal itu tidak disebut hibah, ia disebut dengan *i‘ārah* (pinjaman). Begitu juga, apabila seseorang memberikan sesuatu kepada orang lain dengan tujuan memperoleh pahala, hal ini disebut sedekah. Lain halnya jika tujuannya untuk menghormati atau sebagai penghargaan atas prestasi seseorang yang baik dan mengharapkan pahala atau tidak, itu dinamakan hadiah.

2.2.2.2 Kategori Hibah

Hibah boleh dikumpulkan ke dalam dua kategori, iaitu hibah dari segi subjek pemberi hibah (*al-wāhib*) dan hibah dari segi masa. Pembahagian hibah dari segi subjek pemberi hibah ada dua, iaitu pemberi hibah itu ialah Allah SWT dan pemberi hibah itu ialah

¹⁶ Al-Sayyid Abū Bakr, *I‘ānah al-Ṭālibīn*, j. 4, 141.

¹⁷ ‘Abd al-‘Aḍīm Ibn Badāwī al-Khalāfī, *al-Wajīz fi fiqh al-Sunnah wa al-Kitāb al-‘Azīz: Kitāb al-Ṭahārah wa al-Ṣalāh*, terj. oleh Tim Tashfiyah LIPIA, (Bogor: Pustaka Ibnu Katsir, 2006), 66.

¹⁸ Taqy al-Dīn Abū Bakar Ibn Muḥammad, *Kifāyāt al-Akhyar* (Bandung: al-Ma’arif, t.t.), 323.

manusia. Pemberi hibah itu Allah sebagaimana yang diterangkan dalam *al-Qur'ān al-Karīm* berikut ini:

رَبِّ هَبْ لِي حُكْمًا وَالْحَقِّنِي بِالصَّالِحِينَ ﴿٨٣﴾

Al-Shu'arā: 26: 83

Terjemahan: Ibrahim berdoa: Ya Tuhanku, berikanlah kepadaku hikmah dan masukkanlah aku ke dalam golongan orang-orang yang soleh.

Ayat di atas merupakan salah satu contoh hibah yang mana diberikan oleh Allah SWT. Hibah seperti ini merupakan sebuah anugerah dan kurniaNya. Kata *hukman* dalam ayat di atas dimaksudkan agar Nabi Ibrāhim AS dijadikan orang yang bijaksana. Dan pemberian anugerah dari Allah SWT merupakan jawapan atas doa yang dipanjatkan hamba padaNya.¹⁹

Adapun pemberi hibah itu manusia, sebagaimana penjelasan *al-Qur'ān al-Karīm* berikut:

لَيْسَ الْبِرُّ أَنْ تُولُوا وُجُوهَكُمْ قِبَلَ الْمَشْرِقِ وَالْمَغْرِبِ وَلَكِنَّ الْبِرَّ مَنْ ءَامَنَ بِاللَّهِ
وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَالْمَلَائِكَةِ وَالْكِتَابِ وَالنَّبِيِّينَ وَءَاتَى الْمَالَ عَلَى حُبِّهِ ذَوِي
الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسْكِينِ وَابْنَ السَّبِيلِ وَالسَّائِلِينَ وَفِي الرِّقَابِ وَأَقَامَ
الصَّلَاةَ وَءَاتَى الزَّكَاةَ وَالْمُوفُونَ بِعَهْدِهِمْ إِذَا عَاهَدُوا ۗ وَالصَّابِرِينَ فِي
الْبَأْسَاءِ وَالضَّرَّاءِ وَحِينَ الْبَأْسِ ۗ أُولَٰئِكَ الَّذِينَ صَدَقُوا ۗ وَأُولَٰئِكَ هُمُ الْمُتَّقُونَ



Al-Baqarah 2: 177

Terjemahan: Bukanlah menghadapkan wajahmu ke arah Timur dan Barat itu suatu kebajikan, akan tetapi sesungguhnya kebajikan itu ialah beriman kepada Allah, hari kemudian, malaikat-malaikat, kitab-kitab, nabi-nabi dan memberikan harta yang dicintainya kepada kerabatnya, anak-anak yatim, orang-orang miskin, musafir (yang memerlukan pertolongan) dan orang-orang yang meminta-minta; dan (memerdekakan) hamba sahaya, mendirikan solat, dan menunaikan zakat; dan orang-orang yang menepati janjinya apabila ia berjanji, dan orang-orang yang sabar dalam kesempitan, penderitaan dan dalam

¹⁹ Abdul Karim Amrullah, *Tafsir Al-Azhar*, j. 3, (Jakarta: Pustaka Panjimas, 1988), 356.

peperangan. Mereka itulah orang-orang yang benar (imannya); dan mereka itulah orang-orang yang bertakwa.

Ayat ini merupakan anjuran untuk berkongsi memberi harta sama ada berupa hibah ataupun sedekah pada orang-orang yang kita cintai dan kasihi, juga orang-orang yang memerlukan pertolongan.

Hibah dari segi masa dapat dikategorikan dalam dua bentuk, iaitu *mu'abbad* dan *mu'aqqat*. *Mu'abbad* di sini dimaksudkan pada pemilikan penerima hibah terhadap barangan hibah yang diterimanya. Kata *mu'abbad* sendiri boleh diertikan dengan selamanya atau sepanjang masa. Hibah dalam kategori ini tidak bersyarat, barang sepenuhnya menjadi milik *mawḥub lah* (penerima hibah). Sehingga dia mampu melakukan tindakan pada barang tersebut tanpa ada batasan masa. Sedangkan hibah *mu'aqqat* merupakan hibah yang terhad kerana ada syarat-syarat tertentu dari pemberi hibah berkaitan dengan masa. Harta yang dihibahkan biasanya hanya berupa manfaat, sehingga penerima hibah tidak mempunyai hak milik sepenuhnya untuk melakukan tindakan hukum. Terdapat dua bentuk hibah yang bersyarat, iaitu *al-'Umrā* dan *al-Ruqbā*. *Al-'Umrā* ialah hibah yang hanya diberikan pada seseorang (penerima hibah) sepanjang hidupnya. Jika penerima hibah itu meninggal maka harta yang dihibahkan kembali pada penghibah atau ahli warisnya. Landasan adanya hibah *al-'Umrā* dan dibolehkannya ialah hadis Nabi SAW:

قَضَى النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِالْعُمْرَى، أَنَّهَا لِمَنْ وَهَبَتْ لَهُ²⁰.

Terjemahan: Nabi SAW menetapkan hibah *al-'Umrā* untuk orang yang dihibahkan.

Seterusnya, *al-Ruqbā* bererti mengawasi satu sama lain.²¹ Pemberi dan penerima hibah saling mengawasi siapakah di antara mereka yang mempunyai umur lebih panjang maka dialah yang akan mempunyai harta tersebut sampai ke anak-cucu atau ahli waris

²⁰ Al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Bāb Mā Qīla fi al-'Umrā wa al-Ruqbā, j. 3, No. Hadis 2625, 165.

²¹ Berasal dari kata *arqabā* yang merupakan asal dari kata *raqaba* yang memiliki erti mengawasi.

mereka. Oleh kerana itu barang yang dihibahkan secara automatik berpindah kepemilikannya pada pihak yang masih hidup apabila salah seorang dari mereka meninggal dunia.²² Aḥmad dan Ishaq berpendapat, harta hibah menjadi milik tetap orang yang diberi hibah selamanya, tidak akan kembali kepada pemberi, perkara ini sama seperti hibah *al-'Umrā*. Hibah *al-Ruqbā* terjadi apabila pemberi hibah berkata, “ini aku berikan sesuatu untuk kamu selama kamu masih hidup, jika kamu terlebih dahulu meninggal dari saya maka itu akan kembali menjadi milik saya.”²³ Landasan adanya hibah *al-Ruqbā* juga berdasarkan hadis Nabi SAW. Hadis ini sekaligus menerangkan adanya hibah *al-'Umrā*, hibah *al-'Umrā* boleh dan hibah *al-Ruqbā* juga boleh:

العُمْرَى جَائِزَةٌ لِأَهْلِهَا، وَالرُّقْبَى جَائِزَةٌ لِأَهْلِهَا.²⁴

Terjemahan: Hibah *al-'Umrā* boleh untuk keluarganya, dan hibah *al-Ruqbā* juga boleh untuk keluarganya.

Lebih lanjut dalam kitab *Sunan al-Turmidhī* dijelaskan bahawa hadis ini kualitasnya *ḥasan*. Oleh sebab itu, para sahabat Nabi masih berbeza pendapat tentang hibah *al-Ruqbā*. Misalnya Aḥmad dan Ishāq, mengikut mereka *al-Ruqbā* boleh, sebagaimana dibolehkannya *al-'Umrā*. Sedangkan sebahagian ulama Kūfah membezakan antara *al-Ruqbā* dengan *al-'Umrā*, mereka membolehkan *al-'Umrā* dan tidak membolehkan *al-Ruqbā*.

2.2.2.3 Hukum Hibah

Hibah sebagai salah satu amalan yang dianjurkan dalam Islam yang mempunyai peranan besar dalam mewujudkan rasa ambil berat sesama manusia. Sekalipun tujuan dari hibah itu baik, tetapi untuk merealisasikan bukan dilakukan tanpa sebarang aturan. Islam menganjurkan agar umat Islam suka memberi kerana dengan memberi lebih baik daripada menerima. Pemberian harus ikhlas tidak boleh ada motif lain kecuali semata-mata

²² Sayyid Sābiq, *Fiqh al-Sunah*. j. 5, 565.

²³ Al-Turmidhī, *Sunan al-Turmidhī*, al-Maktabah al-Shāmilah, Bāb Mā Jāa' fi al-Raqbā, j. 3, No. Hadis 1351, (Mesir: Shirkah Maktabah wa Maṭba'ah Mustafā al-Bābi al-Ḥalabī, 1975), 625.

²⁴ *Ibid*.

mencari keredhaan Allah SWT dan untuk mempererat tali persaudaraan dan persahabatan. Kerana itu, hibah tidak boleh ditarik kembali sebab akan menimbulkan kebencian dan kekecewaan. Kecuali pemberian ibu bapa kepada anaknya, Islam masih membolehkannya, sebab pada hakikatnya anak beserta harta kekayaannya itu ialah untuk ibu bapanya juga. Hadis dari Ibn ‘Abbas, Nabi SAW pernah bersabda:

لَا يَحِلُّ لِلرَّجُلِ أَنْ يُعْطِيَ الْعَطِيَّةَ، فَيَرْجِعَ فِيهَا، إِلَّا الْوَالِدَ فِيمَا يُعْطِي وَلَدَهُ،
وَمَثَلُ الَّذِي يُعْطِيَ الْعَطِيَّةَ، فَيَرْجِعَ فِيهَا، كَمَثَلِ الْكَلْبِ أَكَلَ حَتَّى إِذَا شَبِعَ
قَاءً، ثُمَّ رَجَعَ فِي قَيْئِهِ.²⁵

Terjemahan: Tidak halal bagi seorang lelaki untuk memberikan hibah, selanjutnya meminta kembali, kecuali orang tua yang memberikan untuk anaknya. Perumpamaan orang yang memberikan hibah kemudian meminta kembali, seperti anjing makan, selepas kekenyangan kemudian memuntahkannya kembali.

Berkenaan dengan larangan meminta kembali hibah juga dapat dilihat dalam hadis lain, iaitu hadis yang diriwayatkan oleh al-Bukhārī dari Ibn ‘Abbas RA, ia berkata, Nabi SAW bersabda:

لَيْسَ لَنَا مَثَلُ السَّوِّءِ، الَّذِي يَعُودُ فِي هَبْتِهِ كَالْكَلْبِ يَرْجِعُ فِي قَيْئِهِ.²⁶

Terjemahan: Kami tidak mempunyai perumpamaan yang keji, orang yang meminta kembali hibahnya bagaikan anjing yang menelan kembali muntahnya.

Amalan ini tidak boleh dipandang ringan kerana faedah darinya cukup besar baik bagi pemberi ataupun penerima hibah itu sendiri sebagaimana sabda Nabi Muhammad SAW yang diriwayatkan dari Abū Hurayrah, Nabi bersabda:

يَا نِسَاءَ الْمُسْلِمَاتِ، لَا تَخْفَرَنَّ جَارَةً لِجَارَتِهَا، وَأَلُو فَرَسَيْنِ شَاةٍ.²⁷

Terjemahan: Wahai kaum muslimah, janganlah sekali-kali seorang wanita meremehkan pemberian jiran tetangga walaupun hanya ujung kaki kambing.

²⁵ Aḥmad, *Musnad Imām Aḥmad*, al-Maktabah al-Shāmilah, j. 4, No. Hadis 2119, (t.tp.: Mu’assasah al-Risālah, 2001), 26.

²⁶ Al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Bāb Lā Yaḥillu li Aḥadin A’n Yarji’a fi Hibatīhi wa Ṣadaqatīh, j. 3, No. Hadis 2622, 164.

²⁷ Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim*, Bāb al-Ḥaṭhi ‘Alā al-Ṣādaqah, j. 2, No. Hadis 1029, 714. Al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Bāb Kitāb al-Hibbah wa Faḍliha wa al-Taḥrīd ‘Alayha, j. 3, No. Hadis 2566, 153.

Adanya hibah juga didasari *al-Qur'ān al-Karīm*. Dalam *al-Qur'ān*, penggunaan kata hibah digunakan dalam konteks pemberian anugerah Allah SWT kepada utusan-utusannya, doa-doa yang dipanjatkan oleh hamba-hambanya, terutama para Nabi, dan menjelaskan sifat Allah yang Maha Memberi Kurnia. Namun ayat tersebut boleh digunakan anjuran secara umum, agar seseorang memberikan sebahagian rezekinya kepada orang lain. misalnya, QS. al-Baqarah dan QS. al-Munāfiqūn.

الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ ثُمَّ لَا يُتَّبِعُونَ مَا أَنْفَقُوا مِنَّا وَلَا أَذَىٰ هُمْ
أَجْرُهُمْ عِنْدَ رَبِّهِمْ وَلَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ ﴿٢٦٢﴾

Al-Baqarah 2: 262

Terjemahan: Orang-orang yang menafkahkan hartanya di jalan Allah, kemudian mereka tidak mengiringi apa yang mereka belanjakan itu dengan menyebut-nyebut pemberiannya dan dengan tidak menyakiti (perasaan si penerima), mereka memperoleh pahala di sisi Tuhan mereka. Tidak ada kebimbangan terhadap mereka dan tidak (pula) mereka bersedih hati.

وَأَنْفِقُوا مِن مَّا رَزَقْنَاكُم مِّن قَبْلِ أَنْ يَأْتِيَ أَحَدَكُمُ الْمَوْتُ فَيَقُولَ رَبِّ لَوْلَا
أَخَّرْتَنِي إِلَىٰ أَجَلٍ قَرِيبٍ فَأَصَّدَقَ وَأَكُن مِّنَ الصَّالِحِينَ ﴿٦٣﴾

Al-Munāfiqūn 63: 10

Terjemahan: Dan belanjakanlah sebahagian dari apa yang telah kami berikan kepadamu sebelum datang kematian kepada salah seorang di antara kamu. Lalu ia berkata: Ya Rabb-ku, mengapa Engkau tidak menanggihkan (kematian) ku sampai waktu yang dekat, yang menyebabkan aku dapat bersedekah dan aku termasuk orang-orang yang soleh?.

Majoriti ulama fekah berpegang bahawa *ijma'* (persetujuan) telah berlaku tentang bolehnya seseorang dalam keadaan sihat memberikan seluruh hartanya kepada orang lain daripada diberikan kepada anak-anaknya. Jika pemberian seperti ini boleh berlaku untuk orang lain, maka lebih lagi terhadap anak. Alasan mereka ialah berdasarkan hadis dari Abū Bakar, bahawa Abū Bakar memberi Āi'syah pecahan-pecahan seberat 20 *wasaq* dari harta hutang pada saat menjelang wafatnya.²⁸

²⁸ Ibn Rushd, *Bidāyah al-Mujtahid*, (Beirut: Dār al-Ma'rifah, 1988), 11.

Para ulama berpendapat, bahawa maksud hadis di atas ialah *nadb* (sunat). Yang jelas *al-Qur'ān* dan hadis banyak sekali menggunakan istilah yang konotasinya menganjurkan manusia yang telah dikurniakan rezeki, untuk menyisihkan sebahagian untuk orang lain.

Lebih lanjut, mengenai pemberian harta hibah dapat dijelaskan sebagai berikut:

- 1) Pemberian harta kepada orang lain, baik kepada keluarga, anak yatim, fakir miskin, orang-orang musafir, atau pengemis maka hukumnya sunat.
- 2) Tidak disahkan pemberian harta kepada bayi yang masih dalam kandungan ibunya, kerana mereka tidak boleh memiliki benda-benda pemberian tersebut. Adapun pemberian harta kepada orang-orang mukallaf yang belum boleh membezakan antara baik dengan buruk dapat diterima oleh walinya.
- 3) Terdapat *ijāb-qabūl*, iaitu ucapan tanda terima kasih misalnya, ucapan pemberi, “aku berikan harta ini kepadamu”. Lalu dijawab oleh yang menerima, “aku terima pemberianmu”.
- 4) Pemberian pada majlis meraikan sesuatu, contohnya majlis khitan yang mengundang ramai tetamu yang kemudian sebahagian di antara tetamu memberikan sesuatu, maka hibah itu milik anaknya tetapi sebahagian pendapat untuk ayahnya, kerana pemberian tersebut dalam bentuk umum, sehingga cara yang lebih tepat ialah dengan mengikuti adat kebiasaan setempat. Adapun hibah suami kepada isterinya tidak akan menjadi hak milik isteri kecuali dengan serah-terima (*ijāb-qabūl*).
- 5) Tidak boleh menghibahkan barang yang digadaikan, anjing, kulit bangkai yang belum disamak, dan barang atau benda najis yang lain.
- 6) Sebahagian berpendapat, tidak sah bentuk hibah kepada seorang miskin terhadap pinjaman atau hutang yang diterima yang kemudian oleh pemberi hibah diniatkannya sebagai zakat.²⁹

²⁹ Sudarsono, *Pokok-pokok Hukum*, 504.

Dikaitkan dengan suatu amalan hukum, hibah merupakan suatu pemindahan hak milik. Pihak penghibah dengan sukarela memberikan hak miliknya kepada penerima hibah tanpa adanya kewajiban dari penerima untuk mengembalikan harta tersebut kepada pihak pemilik pertama. Dalam konteks ini hibah berbeza dengan pinjaman, yang harus dikembalikan kepada pemilik pertama. Dengan terjadinya akad hibah maka pihak penerima dianggap sudah mempunyai hak penuh atas harta yang dihibahkan sebagai hak miliknya sendiri.

Hal lain yang perlu diperhatikan ialah, penghibahan harus dilakukan oleh pemilik harta (pemberi hibah) kepada pihak penerima tatkala ia masih hidup. Jadi transaksi hibah bersifat tunai dan tidak boleh sama sekali dilakukan atau diisyaratkan bahawa perpindahan itu berlaku setelah pemberi hibah meninggal dunia.

Berkenaan dengan amalan sedekah dan hibah, berdasarkan huraian yang telah disampaikan di atas jelas bahawa amalan tersebut dibolehkan dalam Islam, namun amalan sedekah dan hibah boleh saja berubah menjadi amalan terlarang seandainya sedekah dan hibah tidak lagi pemberian sebagaimana dalam ketentuan sedekah dan hibah. Atau dalam makna lain, ketika sedekah dan hibah diberikan dengan tujuan mempengaruhi penerima atau penerimanya sebagai kaki tangan kerajaan, maka amalan sedekah dan hibah tersebut secara automatik akan berubah menjadi amalan *rishwah* atau hadiah untuk kaki tangan kerajaan atau penguasa.

2.2.3 Gratifikasi dalam Bentuk Hadiah

2.2.3.1 Definisi Hadiah

Ada pendapat yang mengatakan bahawa kata hadiah berasal dari kata *hidayah*, sehingga hadiah mengantar orang kepada kebaikan.³⁰ Hadiah juga diertikan dengan memberikan sesuatu kepada orang lain tanpa mengharapkan balasan. Hadiah juga ditakrifkan sebagai

³⁰ 'Abd al-Ghani Ibn Isma'il, *Taḥqiq al-Qāḍiyah fi al-Farq Bayna al-Rishwah wa al-Hadiyah* (t.tp.: Maktabah al-Qur'ān, 2003), 81-82.

sesuatu yang diberikan oleh seseorang kepada orang lain tanpa mengharapkan bantuan daripada orang yang diberi. Hadiah juga boleh diertikan dengan sesuatu yang diberikan dengan maksud sebagai bukti kasih sayang dan adanya persahabatan. Adapun pahalanya boleh dikhaskan kepada saudara, keluarga, guru, dan para ulama.

Najamuddin Ahmad Ibn al-Rafi'ah dalam kitabnya *Kifāyah Rasūlullah SAW fi Syarḥ al-Tanbih* yang dikutip oleh 'Abd al-Ghanī Ibn Isma'il dalam *Taḥqīq al-Qāḍiyah fi al-Farq Bayna al-Rishwah wa al-Hadiyah*, ia berkata, hadiah ialah jenis-jenis kebaikan (pemberian) yang mengandungi makna adanya pemindahan hak milik tanpa alat tukar, yang mana kebaikan itu dibawakan ke tempat orang yang diberi sebagai bentuk penghormatan untuk memupuk silaturrahim.³¹ Tetapi jika tidak seperti itu, maka pemberian itu dinamakan dengan hibah. Dan apabila kebaikan atau pemberian itu dimaksudkan semata-mata untuk mencari pahala dari Allah SWT dengan memberikan kepada orang yang memerlukan, maka itu dinamakan sedekah. Justeru itu, hadiah ialah bentuk pemberian kepada seseorang sebagai penghormatan dan memupuk persaudaraan dan kasih sayang.

2.2.3.2 Kategori Hadiah

Al-Khaṭābī menyebutkan, sebahagian ulama membahagikan amalan hadiah berdasarkan orang yang menerimanya ke dalam tiga bahagian:

- 1) Pemberian dari pihak atasan kepada bawahannya, sebagai penghormatan dan mengambil berat pihak atasnya, seperti pembantu dan sebagainya.
- 2) Pemberian dari pihak bawahan kepada atasannya, dengan tujuan untuk mencari perlindungan dan bantuan.
- 3) Pemberian dari seseorang kepada orang lain yang darjatnya sama. Pada amnya hal ini dilakukan untuk menterjemahkan rasa kasih sayang dan silaturrahim.³²

³¹ *Ibid.*, 80-81.

³² Sayyid Sābiq, *Fiqh al-Sunnah*, j. 3, 391-392.

Dan apabila dilihat dari segi alasan pemberian hadiah, maka hadiah juga boleh dikategorikan kepada dua:

- 1) Hadiah yang berupa pemberian kepada seseorang kerana prestasi atau kerana penghormatan. Tidak ada tujuan lain selain penghargaan atas prestasi atau penghormatan tersebut.
- 2) Hadiah yang diberikan kepada seseorang kerana mempunyai maksud tertentu, baik untuk kepentingan pribadi atau kepentingan orang lain.

Hadiah yang berupa pemberian kepada seseorang kerana prestasi didasarkan oleh keikhlasan. Ini boleh dibenarkan jika orang yang diberi itu benar-benar berprestasi. Sedangkan hadiah yang diberikan kerana mempunyai maksud tertentu, terutama bertujuan memesonkan kebenaran harus dielakkan. Jika tidak berhati-hati akan terjebak ke dalam *rishwah*. Untuk mengelak daripada berlakunya perkara ini, dari awal lagi Islam telah melarangnya. Inilah yang disebut dengan *sadd al-dharī'ah*, iaitu menutup segala kemungkinan kepada hal-hal yang dilarang syara'.

2.2.3.3 Hukum Hadiah

2.2.3.3.1 Dibolehkan memberi hadiah

Memberi hadiah dan menerimanya serta membalas kepada yang memberi hadiah dibolehkan (tidak dimakruhkan). Hukum ini disepakati oleh majoriti, walaupun ada sebahagian memakruhkannya.³³ Hadiah yang diberikan dapat melahirkan kasih sayang dalam hati, maka sangat wajar jika Rasulullah menganjurkan untuk saling memberi dan menerima hadiah, kerana faedah dan manfaatnya amat besar bagi umat Islam. Memberi hadiah ialah dibolehkan, hal ini berdasarkan firman Allah SWT dalam *al-Qur'ān al-Karīm* dan sabda Nabi Muhammad SAW melalui hadis berikut:

³³ M. Hasbi Ash Shiddieqy, *Hukum-hukum Fiqh Islam* (Jakarta: Putra Rizki Putra, 1997), 445.

1) *Al-Qur'ān al-Karīm* Surah al-Nisā':

وَأَتُوا النِّسَاءَ صَدُقَاتِهِنَّ نِحْلَةً فَإِنْ طِبَّنَ لَكُمْ عَنْ شَيْءٍ مِّنْهُ نَفْسًا فَكُلُوهُ هَنِيئًا

مَّرِيئًا ﴿٤﴾

Al-Nisā' 4: 4

Terjemahan: Berikanlah maskawin (mahar) kepada wanita (yang kamu nikahi) sebagai pemberian dengan penuh kerelaan. Kemudian jika mereka menyerahkan kepada kamu sebahagian dari maskawin itu dengan senang hati, maka makanlah (ambillah) pemberian itu (sebagai makanan) yang sedap lagi baik akibatnya.

Kata *niḥlah* dalam ayat di atas ialah suatu pemberian yang berpunca dari kerelaan hati tanpa adanya maksud tertentu. Adapun ungkapan *fa'in ṭibna lakum 'an shay'in minhu nafsan fakulūhu hanī'an marī'a* dalam ayat di atas bermaksud jika para isteri memberikan maharnya berdasarkan kerelaan hati, maka boleh diambil sebagai sesuatu yang halal tanpa ada kesan lanjutan. Kerelaan hati dapat menjadi kenyataan pada seseorang jika ia tidak mendapatkan tekanan dan paksaan dari seseorang. Kerelaan hati dapat menjadi kenyataan pada seseorang jika ia tidak mendapat tekanan dan paksaan dari seseorang. Hal ini tidak hanya berlaku pada isteri, tetapi merupakan sesuatu yang dijadikan pegangan asas untuk semua orang Islam, termasuk dalam pemberian hadiah.

2) Dari Abū Hurayrah, Rasulullah SAW bersabda:

تَهَادَوْا فَإِنَّ الْهَدِيَّةَ تُذْهِبُ وَحَرَ الصَّدْرِ، وَلَا تَحْقِرَنَّ جَارَةً لِّجَارَتِهَا وَلَوْ شِقًّا

فَرَسِينَ شَاؤًا³⁴.

Terjemahan: Berikanlah hadiah, kerana hadiah dapat menghilangkan hasad dan dengki di hati, janganlah sekali-kali seseorang meremehkan pemberian jiran tetangga walaupun hanya ujung kaki kambing.

Dari hadis di atas dapat dijelaskan bahawa perbuatan memberi hadiah disunnahkan. Hadiah merupakan suatu lambang kasih sayang di antara sesama manusia. Tidak dilihat besar dan kecilnya pemberian tersebut.

³⁴ Al-Turmidhī, *Sunan al-Turmidhī*, Bāb fi Ḥassi, j. 4, No. Hadis 2130, 441.

2.2.3.3.2 Dibolehkan menerima hadiah

Adapun tentang menerima hadiah dibolehkan berdasarkan firman Allah SWT dalam QS. al-Nisā' 4: 4 di atas. Dan hadis-hadis yang menunjukkan dibolehkannya menerima hadiah sangatlah banyak. Di antaranya ialah:

- 1) Hadis riwayat al-Bukhārī. Dari Ibn 'Umar, 'Umar RA berkata:

كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُعْطِينِي الْعَطَاءَ، فَأَقُولُ: أَعْطِهِ مَنْ هُوَ أَفْقَرُ إِلَيْهِ مِنِّي، فَقَالَ: خُذْهُ إِذَا جَاءَكَ مِنْ هَذَا الْمَالِ شَيْءٌ وَأَنْتَ غَيْرُ مُشْرِفٍ وَلَا سَائِلٍ، فَخُذْهُ وَمَا لَا فَلَا تُتْبِعْهُ نَفْسَكَ³⁵.

Terjemahan: Rasulullah SAW pernah memberikanku sesuatu, lalu aku katakan kepada beliau: Berikanlah kepada orang yang lebih memerlukannya. Kemudian beliau berkata: Apabila ada orang yang memberikan kepada kamu harta, sementara kamu tidak mempunyai cita-cita untuk itu dan tidak meminta-minta, maka ambillah. Tetapi jika tidak seperti itu, maka janganlah kamu mengikut hawa nafsumu.

Oleh kerana itulah Ibn 'Umar tidak pernah meminta sesuatu kepada seseorang dan tidak pernah menolak apa yang diberikan kepadanya. Hadis ini selain diriwayatkan oleh al-Bukhārī, juga diriwayatkan oleh Muslim dan al-Nasā'ī.

- 2) Hadis riwayat Mālik. Dari 'Aṭā' Ibn Yasār RA, ia berkata:

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَرْسَلَ إِلَى عُمَرَ بْنِ الْخَطَّابِ بِعَطَاءٍ، فَرَدَّهُ عُمَرُ، فَقَالَ لَهُ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لِمَ رَدَدْتَهُ؟ فَقَالَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ أَلَيْسَ أَخْبَرْتَنَا أَنَّ خَيْرًا لِأَحَدِنَا أَنْ لَا يَأْخُذَ مِنْ أَحَدٍ شَيْئًا؟ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: إِنَّمَا ذَلِكَ عَنِ الْمَسْأَلَةِ، فَأَمَّا مَا كَانَ مِنْ غَيْرِ مَسْأَلَةٍ، فَإِنَّمَا هُوَ رِزْقٌ يَرْزُقُكَ اللَّهُ فَقَالَ عُمَرُ بْنُ الْخَطَّابِ: أَمَّا وَالَّذِي نَفْسِي بِيَدِهِ، لَا أَسْأَلُ أَحَدًا شَيْئًا، وَلَا يَأْتِينِي شَيْءٌ مِنْ غَيْرِ مَسْأَلَةٍ إِلَّا أَخَذْتُهُ³⁶.

Terjemahan: Rasulullah SAW pernah menghantar sesuatu kepada 'Umar Ibn al-Khaṭṭāb, kemudian 'Umar mengembalikannya. Lalu Rasulullah SAW bertanya kepada 'Umar, kenapa kamu mengembalikannya?, 'Umar menjawab, Ya Rasulullah, bukankah engkau mengajarkan kepada kami bahawa yang terbaik bagi kami ialah tidak mengambil apa-apa dari seseorang?. Kemudian Rasulullah SAW

³⁵ Al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Bāb Man 'Aṭāhu Allāh Saya'n min 'Ayri Masa'latin wa Lā Ishrāf, j. 2, No. Hadis 1473, 123.

³⁶ Mālik, *Mawaṭa' al-Imām Mālik*, al-Maktabah al-Shāmilah, Bāb Mā Jā'a fi al-Ta'afuf 'an al-Masa'alah, j. 2, No. Hadis 9, (Beirut: Dār Iḥyā' al-Turath al-'Arabī, 1985), 998. Mālik meriwayatkannya seperti ini, iaitu dengan riwayat yang *mursal*. Sementara Bayhaqī, dalam *Sunan Kubrā*, meriwayatkannya dari Zayd bin Aslam, dari bapaknya, ia berkata, "Aku mendengar 'Umar bin Khaṭṭāb berkata seperti yang disebutkan dalam isi hadis di atas." Lihat, 'Abd al-Ghanī Ibn Isma'il, *Taḥqīq al-Qāḍiyah*, 38.

bersabda, sesungguhnya yang aku maksud itu ialah pemberian yang disebabkan oleh permintaan. Adapun pemberian yang tidak didahului oleh permintaan itu ialah rezeki yang diberikan Allah untukmu. ‘Umar kemudian berkata, demi zat yang diriku berada dalam genggamannya, aku tidak akan meminta sesuatu kepada seseorang, tetapi jika ada yang memberi sesuatu tanpa aku minta maka akan aku terima.

3) Hadis riwayat Aḥmad. Dari al-Muṭṭalib Ibn ‘Abd Allāh Ibn Ḥanṭab:

أَنَّ عَبْدَ اللَّهِ بْنَ عَامِرٍ بَعَثَ إِلَى عَائِشَةَ بِنَفَقَةٍ وَكِسْوَةٍ، فَقَالَتْ لِرَسُولِهِ: يَا بُيَّيْ، إِنِّي لَا أَقْبَلُ مِنْ أَحَدٍ شَيْئًا، فَلَمَّا حَرَجَ قَالَتْ: زُودُوهُ عَلَيَّ، فَرَدُّوهُ، فَقَالَتْ: إِنِّي ذَكَرْتُ شَيْئًا قَالَهُ لِي رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، قَالَتْ: قَالَ: يَا عَائِشَةُ، مَنْ أَعْطَاكَ عَطَاءً بَعِيرٍ مَسْأَلَةً فَاقْبَلِيهِ؛ فَإِنَّمَا هُوَ رِزْقٌ عَرَضَهُ اللَّهُ عَلَيْكَ.³⁷

Terjemahan: ‘Abd Allāh Ibn ‘Āmir pernah menghantar nafkah dan pakaian kepada ‘Āisyah RA. Kemudian ‘Āi’syah bertanya kepada utusan tersebut, aku tidak menerima suatu pemberian dari seseorang. Akan tetapi, ketika utusan itu keluar, ‘Āi’syah memanggil dan berkata, kembalikanlah kepadaku, maka mereka pun mengembalikan kepada ‘Āi’syah. ‘Āi’syah kemudian berkata, aku teringat tentang sesuatu yang pernah disampaikan oleh Rasulullah SAW kepadaku, beliau bersabda: Ya ‘Āi’syah, jika ada orang yang memberikan sesuatu kepadamu tanpa kamu minta maka terimalah, kerana itu ialah rezeki yang diberikan Allah Ta’ālā kepadamu.

Selari dengan hadis ini, ada juga hadis yang diriwayatkan oleh Abu Ya’lā yang menunjukkan tentang boleh menerima hadiah tanpa adanya permintaan dari pemberi. Maksud kandungannya sama dengan hadis di atas, hanya ayat sahaja yang sedikit berbeza.

4) Hadis riwayat Aḥmad, dari Khālīd Ibn ‘Adiy al-Juhani RA, dia berkata:

سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: مَنْ بَلَغَهُ مَعْرُوفٌ عَنْ أَخِيهِ مِنْ غَيْرِ مَسْأَلَةٍ، وَلَا إِشْرَافِ نَفْسٍ، فَلْيَقْبَلْهُ وَلَا يَرُدَّهُ، فَإِنَّمَا هُوَ رِزْقٌ سَأَلَهُ اللَّهُ إِلَيْهِ.³⁸

Terjemahan: Saya mendengar Rasulullah SAW bersabda, siapa yang mendapatkan kebaikan dari saudaranya tanpa memintanya dan tanpa

³⁷ Al-Bayhaqī, *al-Sunan al-Kubrā* al-Maktabah al-Shāmilah, Bāb l’itā’ al-Ghanī min al-Ṭaṭawu’, j. 6, No. Hadis 12043, (Beirut: Dār al-Kutb al-‘Ilmiyah, 2003), 305. Periwat yang terdapat dalam hadis Aḥmad semuanya terpercaya.

³⁸ Aḥmad, *Musnad Imām*, Bāb Ḥadīth Khālīd Ibn ‘Ady al-Juhany ‘an al-Nabi SAW, j. 29, No. Hadis 17936, 456. Sanad hadis ini *ṣaḥīḥ*. Hadis ini juga diriwayatkan oleh Abū Ya’lā, al-Tabranī, Ibn Hibban dan Ḥakīm.

cita-cita di dalam hatinya, maka terimalah, jangan menolaknya, itu ialah rezeki yang Allah berikan untuknya.

5) Hadis riwayat Aḥmad, dari Abū Hurayrah, Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ آتَاهُ اللَّهُ مِنْ هَذَا الْمَالِ شَيْئًا مِنْ غَيْرِ أَنْ يَسْأَلَهُ، فَلْيَقْبَلْهُ، فَإِنَّمَا هُوَ رِزْقٌ
سَافَهُ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ إِلَيْهِ³⁹.

Terjemahan: Siapa yang diberikan suatu harta dari Allah tanpa meminta, maka hendaklah menerimanya. Kerana itu ialah rezeki yang dikurniakan Allah kepadamu.

Masih banyak hadis lain yang menekankan tentang hadiah. Adapun dari beberapa hadis di atas jelas sekali bahawa dibolehkan oleh Nabi SAW menerima hadiah dari orang lain, asalkan tidak ada ciri-ciri memaksa dan tanpa didahului oleh permintaan terhadap pemberi hadiah.

Para ulama berbeza pendapat atas seseorang yang diberikan harta, apakah wajib menerima pemberian itu atau hanya suatu anjuran. Dalam masalah ini, perbezaan pendapat itu boleh dibahagikan ke dalam empat pendapat. Pertama, disunnahkan, tetapi pemberian tersebut bukan dari penguasa. Ini merupakan pendapat majoriti ulama. Kedua, mengharamkannya. Ketiga, membolehkannya. Dan keempat, memakruhkannya.⁴⁰

Berkaitan dengan pemberian penguasa dapat dijelaskan, jika pada amnya harta yang dimiliki oleh penguasa itu ialah harta haram, maka haram memberikannya. Tetapi jika bukan sesuatu yang haram maka dibenarkan, jika orang yang memberi tidak mempunyai suatu halangan untuk memberikannya kepada orang lain. Sebahagian lagi berpendapat bahawa mengambil pemberian itu hukumnya wajib, baik yang berasal dari penguasa mahupun dari pihak lain. Dan sebahagian yang lain berkata, disunnahkan menerima pemberian dari penguasa, sementara dari pihak yang lain tidak dibolehkan.⁴¹

Al-Nasā'ī meriwayatkan dalam *Sunan*-nya, dari Bashir Ibn Sai'd, dari Ibn Sā'idī Māliki, ia berkata:

³⁹ Aḥmad, *Musnad Imām*, j. 13, No. Hadis 7921, 299.

⁴⁰ 'Abd al-Ghanī bin Isma'il, *Tahqiq al-Qāḍiyah*, 44-45.

⁴¹ *Ibid.*, 45.

اسْتَعْمَلَنِي عُمَرُ بْنُ الْخَطَّابِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَلَى الصَّدَقَةِ، فَلَمَّا فَرَغْتُ مِنْهَا فَأَدَيْتُهَا إِلَيْهِ، أَمَرَ لِي بِعَمَالَةٍ، فَقُلْتُ لَهُ: إِنَّمَا عَمِلْتُ لِلَّهِ عَزَّ وَجَلَّ، وَأَجْرِي عَلَى اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ، فَقَالَ: خُذْ مَا أُعْطَيْتُكَ، فَإِنِّي قَدْ عَمِلْتُ عَلَى عَهْدِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَقُلْتُ لَهُ: مِثْلَ قَوْلِكَ، فَقَالَ لِي رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: إِذَا أُعْطِيتَ شَيْئًا مِنْ غَيْرِ أَنْ تَسْأَلَ، فَكُلْ، وَتَصَدَّقْ⁴².

Terjemahan: ‘Umar RA pernah mempekerjakanku dalam pembahagian sedekah. Ketika aku telah menyelesaikan pekerjaan itu, beliau memerintahkan untuk memberikan upah kepadaku, maka aku berkata kepadanya, Aku melakukan ini kerana Allah SWT dan biarlah Allah yang memberikan pahala kepadaku. ‘Umar kemudian berkata, Ambillah apa yang aku berikan kepadamu. Aku pernah bekerja pada Rasulullah SAW dan aku katakan pada beliau, seperti ucapanmu, maka beliau berkata kepadaku, apabila kamu diberikan sesuatu tanpa kamu minta, maka makan dan sedekahkanlah.

Dari hadis ini jelas bahawa ‘Umar sebagai seorang penguasa memberi hadiah kepada pekerja. Hal ini beliau lakukan sebagaimana beliau pernah menerima pemberian hadiah dari Rasulullah, yang mana Rasulullah juga bertindak sebagai penguasa juga pada waktu itu. Dan pastinya tidak diragukan lagi bahawa harta yang dimiliki ‘Umar dan Rasulullah sudah tentu halal, kerana Rasulullah orang yang *ma’sum* (terpelihara dari segala bentuk kesalahan), dan sahabat Nabi ialah orang yang mempunyai perilaku yang mulia.

2.2.3.3.3 Rasulullah menerima hadiah.

Rasulullah ialah manusia yang dijamin oleh Allah terhindar dari kesalahan (*ma’sūm*). Beliau ialah manusia yang sempurna, kerana setiap amalan yang dilakukan tidak terlepas dari pantauan dan panduan Allah. Ia melakukan sesuatu bukan untuk keinginannya semata-mata, tetapi selalu dibimbing oleh wahyu. Untuk itu, Rasulullah sekalipun menerima hadiah, sudah pasti terhindar dari amalan-amalan yang menyimpang.

⁴² Al-Nasār’, *Sunan al-Nasārī*, al-Maktabah al-Shāmilah, Bāb Man Atāhu Allāh ‘Azza wa Jalla Mālan min ‘Ayr Masa’lah, j. 5, No. Hadis 2604, (t.tp.: Maktab al-Matbu’at al-Islāmiyah, 1986), 102.

Keputusan yang diberikan boleh dipastikan tidak akan terpengaruh oleh hadiah yang beliau terima. Oleh kerana itu, hadiah yang Nabi terima bukanlah hadiah yang terlarang dan *rishwah*.

Banyak dalil yang menerangkan tentang Rasulullah SAW menerima pemberian hadiah dari orang lain. Hal itu boleh dilihat dari beberapa hadis Nabi berikut ini:

1) Hadis riwayat al-Bukhārī, dari Abī Hurayrah, ia berkata:

كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا أُتِيَ بِطَعَامٍ سَأَلَ عَنْهُ: أَهَدِيَّةٌ أَمْ صَدَقَةٌ؟، فَإِنْ قِيلَ صَدَقَةٌ، قَالَ لِأَصْحَابِهِ: كُلُوا، وَمَنْ يَأْكُلْ، وَإِنْ قِيلَ هَدِيَّةٌ، ضَرَبَ بِيَدِهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَأَكَلَ مَعَهُمْ.⁴³

Terjemahan: Apabila Rasulullah SAW diberikan makanan, maka beliau bertanya, Ini hadiah atau sedekah?. Apabila dikatakan sedekah, maka beliau berkata kepada sahabat-sahabatnya, makanlah, dan beliau tidak memakannya. Dan apabila dikatakan hadiah, maka beliau ikut makan bersama mereka.

2) Hadis riwayat al-Bukhārī, dari Anas RA:

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أُتِيَ بِلَحْمٍ تُصَدِّقُ بِهِ عَلَى بَرِيرَةَ، فَقَالَ: هُوَ عَلَيْهَا صَدَقَةٌ، وَهُوَ لَنَا هَدِيَّةٌ.⁴⁴

Terjemahan: Nabi SAW diberikan daging, baginda sedekahkannya kepada Barīrah. Ia berkata, itu sedekah untuknya dan hadiah untuk kita.

3) Hadis riwayat al-Ṭabrānī, dari Anas Ibn Mālik, Rasulullah SAW bersabda:

مَا الَّذِي يُعْطَى مِنْ سَعَةٍ بِأَعْظَمِ أَجْرًا مِنَ الَّذِي يَقْبَلُ إِذَا كَانَ مُحْتَاجًا.⁴⁵

Terjemahan: Dialah orang yang memberi lebih banyak pahalanya daripada orang yang menerima apabila ia memerlukannya.

Al-Ṭabrānī dalam kitab *Mu'jam*, bab menerima hadiah, juga meriwayatkan dari

Āi'syah RA, bahawa ramai orang membawa hadiah untuk Rasulullah ketika ia

⁴³ Al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Bāb Qabūl al-Hadiyah, j. 3, No. Hadis 2576, 155.

⁴⁴ *Ibid.*, Bāb Izā Tahawalat al-Ṣadaqah, j. 2, No. Hadis 1495, 128.

⁴⁵ Al-Ṭabrānī, *al-Mu'jam al-Awsaṭ*, al-Maktabah al-Shāmilah, Bāb Man Baqiyah min Awali Ismihi Mīm min Ismihi Mūsā, j. 8, No. Hadis 8235, (Kaherah: Dār al-Ḥaramayn, t.t.), 150. Dalam sanad hadis ini ada 'Ay'd Ibn Shuraih, yang dikenal sebagai orang yang lemah ingatannya. Hadis ini hanya diriwayatkan oleh Mūsā Ibn Jumhur dari 'Ai'd Ibn Shurayh. Sekalipun hadis ini lemah, tentang bukti Nabi menerima hadiah, tetapi ada hadis-hadis lain yang kuat tentang Nabi menerima hadiah yang akan menyelidik sebutkan selanjutnya.

bersama Āi'syah. Mereka melakukan hal itu kerana mengharapkan kerelaan Āi'syah RA atau kerelaan Rasulullah.

- 4) Hadis riwayat al-Bukhārī, dari Abī Hurayrah, Rasulullah SAW bersabda:

لَوْ دُعِيتُ إِلَى ذِرَاعٍ أَوْ كُرَاعٍ لَأَجَبْتُ، وَلَوْ أُهْدِيَ إِلَيَّ ذِرَاعٌ أَوْ كُرَاعٌ لَقَبِلْتُ⁴⁶.

Terjemahan: Seandainya aku diundang untuk makan daging yang ada di tulang lengan atau kaki, maka aku akan menghadirinya. Dan jika aku dihadiahkan daging tulang lengan atau kaki, aku akan menerimanya.

Hadis ini memberikan isyarat dengan menyebutkan daging yang ada di tulang kaki, menunjukkan adanya dorongan untuk memberikan hadiah walaupun sedikit, agar tidak ada halangan untuk memberi hadiah kerana menganggap bahawa yang akan diberikan ialah sesuatu yang tidak berat. Oleh itu, Nabi memberikan dorongan untuk melakukannya, kerana hal tersebut dapat menyuburkan rasa kasih sayang.

- 5) Hadis riwayat Abū Dāwud, dari Anas Ibn Mālik RA. Raja Romawi pernah menghadiahkan kepada Rasulullah SAW satu jubah yang diperbuat dari sutera yang halus. Rasulullah lalu memakainya dan aku sepertinya melihat kedua lengannya bergoyang-goyang. Para sahabat beliau kemudian memakainya dan bertanya, apakah ini diturunkan dari langit?. Rasulullah SAW kemudian bersabda:

مَا تَعْجَبُونَ مِنْهَا فَوَالَّذِي نَفْسِي بِيَدِهِ لَمِنْ دَيْلٍ مِنْ مَنْادِيْلِ سَعْدِ بْنِ مُعَاذٍ فِي الْجَنَّةِ أَلَيْتُ مِنْ هَذَا ثُمَّ بَعَثَ بِهَا إِلَى جَعْفَرٍ، فَلَبَسَهَا، ثُمَّ جَاءَ، فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: إِنِّي لَمْ أُعْطِكَهَا لِتَلْبَسَهَا قَالَ: مَا أَصْنَعُ بِهَا؟ قَالَ: أَرْسِلْ بِهَا إِلَى أَخِيكَ النَّجَاشِيِّ⁴⁷.

Terjemahan: Kenapa kalian begitu mengaguminya!. Demi Zat yang diriku berada dalam genggamannya, sapu tangan Sa'ad Ibn Mu'ad di syurga jauh lebih lembut daripada pakaian ini. Lalu beliau menghantarnya kepada Ja'far. Ja'far kemudian memakainya dan mendatangi Rasulullah SAW. Nabi kemudian berkata, aku memberikan ini kepadamu bukan untuk kamu pakai. Kemudian Ja'far bertanya, kalau begitu akan aku apakah Rasulullah?. Rasulullah menjawab, kirimkanlah kepada saudaramu al-Najashī.

⁴⁶ Al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Bāb al-Qalīl min al-Hibah, j. 3, No. Hadis 2568, 153.

⁴⁷ Abū Dāwud, *Musnad Abī Dāwud*, al-Maktabah al-Shāmilah, j. 3, No. Hadis 2169, (Mesir: Dār Hijr, 1999), 537.

Sebagai contoh lainnya, Nabi Muḥammad SAW pernah menerima hadiah dari penguasa Qibṭī. Penguasa Koptik pernah memberikan hadiah kepadanya berupa dua hamba sahaya perempuan yang bersaudara dan seekor haiwan sejenis kuda. Lalu Nabi menunggang haiwan tersebut di Madinah dan mengambil salah satu hamba sahaya itu untuk dirinya, yang kemudian melahirkan Ibrāhim. Sedangkan hamba sahaya yang satu lagi diberikan kepada Ḥasan Ibn Thābit, yang kemudian melahirkan anak yang bernama Muḥammad.⁴⁸

Masih banyak hadis dan riwayat lain yang menerangkan bahawa Nabi menerima pemberian hadiah. Sekurang-kurangnya dari beberapa hadis yang telah diselidiki kemukakan jelaslah Rasulullah menerima pemberian hadiah, mulai dari pemberian oleh masyarakat biasa hingga para bangsawan kerajaan atau penguasa. Penerimaan Rasulullah SAW terhadap hadiah merupakan salah satu wujud kemurahan hatinya dan satu bentuk akhlak yang baik yang akan menyatukan hati. Memakan makanan yang dihadiahkan dan memakai baju yang merupakan hadiah ialah salah satu syi'ar Rasulullah SAW dan salah satu ciri beliau sebagaimana tersurat dalam *naṣ*.

2.2.3.3.4 Tidak boleh memberi hadiah kepada kaki tangan kerajaan.

Dalam perbincangan yang lalu, dibolehkan memberi dan menerima hadiah kepada sesama rakyat biasa, menerima hadiah dari penguasa, dan Rasulullah pun pernah menerima hadiah. Akan tetapi bagi kaki tangan kerajaan seperti hakim dan lain-lain dilarang menerima hadiah. Dengan itu, dilarang juga bagi yang memberinya. Kerana pemberian hadiah kepada kaki tangan kerajaan negara termasuk dalam amalan hadiah yang diharamkan. Hal ini untuk menjaga hal-hal yang tidak baik kesannya. Apalagi memberi hadiah kepada orang yang sebelumnya tidak pernah memberi hadiah ketika dia belum

⁴⁸ Quṭaybah al-Daynuri menulis dalam kitabnya *al-Ma'ārif*, sebagaimana yang dikutip oleh 'Abd al-Ghanī bin Isma'īl dalam *Tahqiq al-Qāḍiyah*, ketika menyebut anak-anak Rasulullah SAW. Quṭaybah al-Daynuri mengatakan, Ibrahim Ibn Mariyah al-Qibṭiyah dilahirkan di Madinah selepas lapan tahun kedatangan Rasulullah SAW ke sana, ia hidup selama satu tahun, sepuluh bulan, dan lapan hari. ibunya, Mariyah al-Qibṭiyah merupakan hadiah dari Muqawqis, penguasa Iskandariyah, untuk Rasulullah SAW. Lihat, 'Abd al-Ghanī bin Isma'īl, *Tahqiq al-Qāḍiyah*, 70-71.

memangku jawatannya. Dalam hujah hukum Islam, menjangkakan untuk tidak terbukanya peluang untuk terjadinya penyelewengan ini disebut *sadd al-dharī'ah*. Alasan dilarang memberi hadiah dan juga menerimanya bagi kaki tangan kerajaan kerana untuk menutup peluang terjadinya kecurangan, kerana diduga pemberian hadiah tersebut mempunyai maksud dan tujuan tertentu, tidak sekadar kasih sayang atau persaudaraan. Hal itu mungkin dilakukan untuk mendapatkan sesuatu yang diinginkan, baik berupa pekerjaan, perlindungan, sokongan, dan pertolongan. Jika demikian bentuknya, maka itu bukan lagi hadiah sepertimana yang telah ditakrifkan, melainkan merupakan bentuk kemaksiatan, kerana pemberian itu tidak dimaksudkan untuk suatu kebaikan, iaitu keinginan untuk mendapat redha Allah SWT.

Pemberian hadiah kepada penguasa dilarang, selain untuk mencegah terbukanya peluang terjadinya kecurangan dalam istilah *Uṣūl al-Fiqh* disebut *sadd al-dharī'ah*, juga dilarang berdasarkan *al-Qur'ān al-Karīm* dan hadis Nabi Muḥammad SAW.

1) *Al-Qur'ān al-Karīm* surah 'Ali 'Imrān:

وَمَا كَانَ لِنَبِيٍّ أَنْ يَغُلَّ وَمَنْ يَغُلَّ يَأْتِ بِمَا غَلَّ يَوْمَ الْقِيَامَةِ ثُمَّ تُوَفَّى كُلُّ نَفْسٍ

مَا كَسَبَتْ وَهُمْ لَا يُظْلَمُونَ ﴿١٦١﴾

'Ali 'Imrān 3: 161

Terjemahan: Tidak mungkin seorang nabi berkhianat dalam urusan harta rampasan perang. Barangsiapa yang berkhianat dalam urusan rampasan perang itu, maka pada hari kiamat ia akan datang membawa apa yang dikhianatkannya itu, kemudian tiap-tiap diri akan diberi pembalasan tentang apa yang ia kerjakan dengan (pembalasan) setimpal, sedang mereka tidak dianiaya.

2) Hadis riwayat al-Bukhārī, dari Abī Ḥumayd al-Sāi'dy, ia memberitahukan:

اسْتَعْمَلَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ رَجُلًا مِنْ بَنِي أَسَدٍ يُقَالُ لَهُ ابْنُ الْأُبَيْبَةِ عَلَى صَدَقَةٍ، فَلَمَّا قَدِمَ قَالَ: هَذَا لَكُمْ وَهَذَا أُهْدِي لِي، فَقَامَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَى الْمَنْبَرِ قَالَ سَفِيَانُ أَيْضًا فَصَعِدَ الْمَنْبَرِ فَحَمِدَ اللَّهَ وَأَثْنَى عَلَيْهِ ثُمَّ قَالَ: مَا بَالُ الْعَامِلِ نَبَعْتُهُ فَيَأْتِي يَقُولُ: هَذَا لَكَ وَهَذَا لِي، فَهَلَّا جَلَسَ فِي بَيْتِ أَبِيهِ وَأُمِّهِ، فَيَنْظُرُ أَيُّهُدَى لَهُ أَمْ لَا، وَالَّذِي نَفْسِي بِيَدِهِ، لَا يَأْتِي بِشَيْءٍ

إِلَّا جَاءَ بِهِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ يَحْمِلُهُ عَلَى رَقَبَتِهِ، إِنْ كَانَ بَعِيرًا لَهُ رِعَاءٌ، أَوْ بَقْرَةً لَهَا حُورًا، أَوْ شَاةً تَتَعَرَّى، ثُمَّ رَفَعَ يَدَيْهِ حَتَّى رَأَيْنَا عُفْرَتِي إِبْطِيهِ أَلَا هَلْ بَلَغْتُ ثَلَاثًا⁴⁹.

Terjemahan: Nabi SAW menugaskan seorang lelaki dari Bani Asad yang disebut Ibn al-Utabiyyah untuk mengambil zakat, kemudian setelah kembali ia berkata: Ini untuk Tuan dan ini diberikan kepadaku, kemudian Nabi SAW naik ke mimbar, begitu juga yang dikatakan Sufyan, kemudian Nabi memuji Allah dan menyanjungNya lalu bersabda: Apa-apaan kaki tangan kerajaan ini, aku tugaskan, terus kembali seraya berkata, ini untukmu dan ini untukku?. Maka cubalah ia duduk sahaja di rumah orang tuanya dan mengandaikan ia diberi hadiah atau tidak? Demi Zat yang diriku berada di tanganNya, maka ia tidak mendapat apa-apa kecuali datang di hari kiamat dengan memikul di atas leher, walaupun berupa unta, lembu atau kambing yang semuanya merengkek. Kemudian Nabi mengangkat tangannya sampai kulihat putihnya ketiak beliau dan bersabda, bukankah telah aku sampaikan?. Diulanginya tiga kali.

3) Hadis riwayat Muslim, dari ‘Adī Ibn ‘Amīrah al-Kindy, ia berkata:

سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: مَنْ اسْتَعْمَلَنَا مِنْكُمْ عَلَى عَمَلٍ، فَكْتَمْنَا خَيْطًا، فَمَا فَوْقَهُ كَانَ غُلُولًا يَأْتِي بِهِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ، قَالَ: فَقَامَ إِلَيْهِ رَجُلٌ أَسْوَدٌ مِنَ الْأَنْصَارِ كَأَنِّي أَنْظُرُ إِلَيْهِ، فَقَالَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، أَقْبَلَ عَنِّي عَمَلٌ، قَالَ: وَمَا لَكَ؟ قَالَ: سَمِعْتُكَ تَقُولُ: كَذَا وَكَذَا، قَالَ: وَأَنَا أَقُولُهُ الْآنَ، مَنْ اسْتَعْمَلَنَا مِنْكُمْ عَلَى عَمَلٍ، فَلْيَجِئْ بِقَلِيلِهِ وَكَثِيرِهِ، فَمَا أُوتِيَ مِنْهُ أَحَدٌ، وَمَا تُهَيِّ عَنْهُ أَنْتَهَى⁵⁰.

Terjemahan: Saya mendengar Rasulullah SAW bersabda, barangsiapa menjalankan tugas untuk kami, lalu ia menyembunyikan dari kami barang sebesar jarum atau lebih, maka apa yang disembunyikan itu ialah kecurangan yang kelak akan dibawanya pada hari kiamat. Kemudian berdirilah seorang lelaki hitam dari kalangan Ansar, seakan-akan aku melihat kepadanya. Lalu ia berkata, wahai Rasulullah, terimalah aku untuk menjalankan tugas anda. Beliau bertanya, apakah itu? Ia berkata, aku mendengar engkau bersabda begini dan begitu. Beliau menjawab: saya mengucapkan perkataan itu lagi sekarang, iaitu barangsiapa kami tugaskan untuk mengerjakan suatu tugas, maka hendaklah ia serahkan hasilnya, sedikit atau banyak. Maka apa yang diberikan kepadanya bolehlah ia ambil dan apa yang dilarang ia mengambilnya, maka hendaklah ia berhenti.

⁴⁹ Al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Bāb Hadāyā al-‘Amāl, j. 9, No. Hadis 7174, 70. Hadis ini juga dikutip oleh Sayyid Quṭb dalam tafsirnya *Fī Zilāl al-Qur‘ān*, tentang seorang lelaki dari suku al-‘Az iaitu Ibn al-Lutaybah yang ditugaskan oleh Rasulullah untuk memungut sedekah. Maka, selepas datang dari menjalankan tugasnya, ia berkata kepada Rasulullah: “ini untukmu dan ini dihadihkan untukku”. Sayyid Quṭb mengemukakan hadis ini ketika menjelaskan QS. ‘Alī ‘Imrān 3: 161.

⁵⁰ Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim*, Bāb Taḥrīm Hadāyā al-‘Amāl, j. 3, No. Hadis 30, 1465.

- 4) Hadis riwayat al-Bukhārī, dari Abū Hurayrah, ia berkata:

قَامَ فِينَا النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَذَكَرَ الْعُلُولَ فَعَظَّمَهُ وَعَظَّمَ أَمْرَهُ، قَالَ :
لَا أُلْفِينَ أَحَدَكُمْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ عَلَى رَقَبَتِهِ شَاءَ لَهَا نُعَاءٌ، عَلَى رَقَبَتِهِ فَرَسٌ لَهُ
حَمْحَمَةٌ، يَقُولُ : يَا رَسُولَ اللَّهِ اغْنِنِي، فَأَقُولُ : لَا أَمْلِكُ لَكَ شَيْئًا، قَدْ
أَبْلَعْتُكَ، وَعَلَى رَقَبَتِهِ بَعِيرٌ لَهُ رُعَاءٌ، يَقُولُ : يَا رَسُولَ اللَّهِ اغْنِنِي، فَأَقُولُ : لَا
أَمْلِكُ لَكَ شَيْئًا قَدْ أَبْلَعْتُكَ، وَعَلَى رَقَبَتِهِ صَامِتٌ، فَيَقُولُ : يَا رَسُولَ اللَّهِ
اغْنِنِي، فَأَقُولُ لَا أَمْلِكُ لَكَ شَيْئًا قَدْ أَبْلَعْتُكَ، أَوْ عَلَى رَقَبَتِهِ رِقَاعٌ تُخْفِقُ،
فَيَقُولُ : يَا رَسُولَ اللَّهِ اغْنِنِي، فَأَقُولُ : لَا أَمْلِكُ لَكَ شَيْئًا، قَدْ أَبْلَعْتُكَ⁵¹.

Terjemahan: Nabi SAW berdiri bersama kami, lalu beliau menerangkan berkaitan dengan *al-ghulūl*. Beliau berkata masalah itu besar dan amat besar. Beliau bersabda, saya nanti menjumpai salah seorang di antara kamu di hari kiamat, di atas bahunya ada kambing yang sedang mengembek, kuda yang merengkek. Orang itu berkata, ya Rasulullah tolonglah saya!. Saya menjawab, saya tidak dapat menolong kamu sedikitpun. Sesungguhnya saya pernah menyampaikan kepadamu. Dan di atas bahunya ada unta yang sedang melenguh, orang itu berkata, ya Rasulullah tolonglah saya!. Saya menjawab, saya tidak dapat menolong kamu sedikitpun. Sesungguhnya saya pernah menyampaikan kepadamu. Dan di atas bahunya ada emas dan perak, orang itu berkata, ya Rasulullah tolonglah saya!. Saya menjawab, saya tidak dapat menolong kamu sedikitpun. Sesungguhnya saya pernah menyampaikan kepadamu. Dan di atas bahunya ada sehelai kain yang sedang berkibar, orang itu berkata, ya Rasulullah tolonglah saya!. Saya menjawab, saya tidak dapat menolong kamu sedikitpun. Sesungguhnya saya pernah menyampaikan kepadamu.

Sebahagian ulama memahami makna hadis ini sebagai suatu perumpamaan.

Maksudnya, kaki tangan kerajaan yang menerima hadiah keadaannya di hari kiamat nanti diumpamakan dengan keadaan seseorang yang memikul apa sahaja yang diterimanya. Ia merasa kesulitan akibat beban dosa-dosanya, tidak ada seorang pun yang mahu membantunya, dan ia merasa terhina tidak ada seorang pun yang mahu peduli kepadanya.

- 5) Hadis riwayat Aḥmad, dari Abī Ḥumayd al-Sāi'dy:

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : هَدَايَا الْعُمَّالِ غُلُولٌ⁵².

⁵¹ Al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Bāb al-Ghulūl, j. 4, No. Hadis 3073.

⁵² Aḥmad, *Musnad Imām*, Bāb Ḥadīth Abī Ḥumayd al-Sā'idy, j. 39, No. Hadis 23601, 14.

Tejemahan: Bahawa Rasulullah SAW bersabda, hadiah (pemberian) kepada kaki tangan kerajaan ialah *ghulūl* (penyelewengan).

Dari ayat *al-Qur'ān* dan hadis-hadis di atas, walaupun bukan khas bercakap tentang konteks pemberi hadiah, kerana dalam ayat dan hadis di atas lebih kepada dilarangnya menerima pemberian apabila memegang jawatan sebagai kaki tangan kerajaan, namun larangan untuk memberikan boleh difahami melalui *mafḥūm mukhalafah*, iaitu dilarang kaki tangan kerajaan mengambil sesuatu pemberian bermakna larangan bagi seseorang memberikannya. Jadi, dari pemahaman *mafḥūm mukhalafah naṣ-naṣ* tersebut boleh difahami bahawa bentuk perbuatan memberikan sesuatu atas nama hadiah kepada kaki tangan kerajaan ialah haram hukumnya.

Tentang perbincangan sebelumnya, bahawa Rasulullah pernah menerima hadiah, itu khas bagi Nabi, sedangkan untuk hakim atau penguasa selain Nabi diharamkan menerima hadiah dan memberikan hadiah untuknya, sekalipun tanpa adanya permintaan. Kerana pemberian hadiah kepada selain Nabi, termasuk ke dalam amalan yang dilarang. Hal ini sebagaimana difahami dari *naṣ al-Qur'ān* dan hadis di atas. Itu juga seperti yang telah dijelaskan oleh 'Umar bin 'Abd al-'Azīz, suatu ketika diberi hadiah oleh seseorang tapi ditolak kerana waktu itu dia sedang menggagas tanggungjawab sebagai khalifah. Orang yang memberi hadiah kemudian berkata, "Rasulullah pernah menerima hadiah". Lalu 'Umar menjawab, "hal itu bagi Rasulullah merupakan hadiah tapi bagi kita itu ialah *riṣwah*."⁵³ Jadi, setiap hadiah yang diberikan kepada kaki tangan kerajaan kerana kedudukannya sebagai seorang kaki tangan kerajaan tidak boleh diterima dan haram hukumnya kerana sekiranya kaki tangan kerajaan tersebut bukannya seorang kaki tangan kerajaan dan hanya tinggal di rumahnya nescaya tidak akan ada orang yang memberinya hadiah.

Pemberian sesuatu atas nama hadiah sering terjadi dalam kes kehakiman, sehingga para *fuqahā'* sering membincangkannya dalam konteks kehakiman. Namun

⁵³ Yūsuf al-Qarḍāwī, *al-Halāl wa al-Harām fī al-Islām* (Beirut: al-Maktab al-Islāmī, 1994), 230.

dalam salah satu hadis yang dikutip oleh al-Sayyid Abū Bakr ternyata diharamkan juga dalam konteks penguasa negara. Ia berkata: “Sesungguhnya hadis tentang pengharaman memberi hadiah kepada penguasa *ṣaḥīḥ*, sebahagiannya ialah sabda Rasulullah SAW memberi hadiah kepada ‘penguasa’, dalam satu riwayat disebutkan ‘umara’, ialah amalan khianat. Selanjutnya ia menambah bahawa yang dimaksudkan dalam hadis tersebut ialah pemberian dari seseorang kepada imam (pemimpin) dan diterimanya, maka ini ialah amalan khianat terhadap kaum muslimin. Kerana seorang pemimpin tidak diperlakukan khas berbanding kaum muslimin lain. Kekhasan boleh menerima hadiah hanya berlaku bagi Rasulullah, kerana beliau bersifat *ma ‘ṣūm*.”⁵⁴

Dengan demikian, berdasarkan perbincangan di atas, hadiah juga serupa dengan pemberian yang diharamkan, apabila hadiah itu diberikan kepada penguasa. Hanya hukum hadiah sahaja boleh berubah bergantung pada pihak yang berkaitan dengannya. Oleh itu, dapat disimpulkan seperti berikut, dalam Islam dibolehkan memberi hadiah kepada sesama dan boleh menerima hadiah dari orang yang sederajat dan penguasa asalkan hadiah itu berpunca dari harta yang baik, bukan diperolehnya dengan cara yang haram. Adapun memberikan hadiah kepada penguasa dilarang, kerana dikhuatiri akan menyimpang dari prinsip-prinsip pemberian hadiah, ertinya kemungkinan tidak lagi hanya sekadar kasih sayang dan penghargaan, tetapi ditakuti mempunyai maksud-maksud tertentu. Untuk menjangkakan perkara tersebut, maka Rasulullah dan para sahabat menjangka sejak awal dengan mengharamkan pemberian hadiah kepada penguasa, hakim dan pelaksana kerajaan lain.

⁵⁴ Al-Sayyid Abū Bakr, *I’ānah al-Ṭālibīn*, j. 4, 229.

2.2.4 Gratifikasi dalam Bentuk *Rishwah*

2.2.4.1 Definisi *Rishwah*

Secara literal, *rishwah* bererti “batu bulat” yang jika dibungkamkan ke mulut seseorang, ia tidak akan mampu bercakap apa-apa.⁵⁵ Jadi *rishwah* boleh menutup mulut seseorang dari kebenaran. Mengikut istilah fekah, *rishwah* ialah segala sesuatu yang diberikan oleh seseorang kepada seorang hakim atau yang bukan hakim agar memutuskan suatu perkara untuk (kepentingan)-nya atau untuk mengikuti kemahuannya.⁵⁶ Al-Sayyid Abū Bakr mendefinisikan *rishwah* dengan “memberikan sesuatu agar sesuatu hukum diputuskan secara tidak benar/tidak adil, atau untuk mencegah keputusan yang benar/adil.”⁵⁷ Definisi lebih kurang sama juga diberikan oleh al-Jurjānī.⁵⁸

Sedangkan mengikut Ibrāhim al-Nakha’ī, *rishwah* ialah sesuatu yang diberikan kepada seseorang untuk menghidupkan kebatilan atau untuk menghancurkan kebenaran. Shaykh ‘Abd al-‘Azīz bin ‘Abd Allāh bin Baz mendefinisikan *rishwah* dengan memberikan harta kepada seseorang sebagai pampasan pelaksanaan masalahat (tugas/kewajipan) yang tugas itu harus dilaksanakan tanpa menunggu ganjaran.⁵⁹

Selanjutnya, dalam kitab *Kashāf al-Qanā’ Matn al-Iqnā’*, karangan Manṣūr Ibn Yūnus Idris al-Bahūṭī. Definisi yang ada dalam kitab ini menurut penyelidik cukup menarik sebab mengemukakan bahawa jika pihak pertama memberikan sesuatu kepada pihak kedua dalam rangka mencegah pihak kedua agar tidak menzaliminya dan agar pihak kedua mahu melakukan kewajibannya maka pemberian semacam ini tidak dianggap *rishwah* yang dilarang agama.⁶⁰ Selari dengan andaian yang dikemukakan oleh al-Bahūṭī di atas, Shams al-Ḥaq al-‘Azīm juga mempunyai pandangan yang hampir sama dengan al-Bahūṭī.⁶¹ Akan tetapi mengikut Shams al-Ḥaq, pemberian atau *rishwah* itu

⁵⁵ Muḥammad al-Azharī, *Tahqīb al-Lughah* (Kaherah: Dār al-Qawmiyyah, 1964), 1.

⁵⁶ Muḥammad Amīn Ibn ‘Abidin, *Rad al-Mikhtār ‘alā al-Dār al-Mukhtar Ḥāshiyat Ibn ‘Abidin*. j. 7, (Beirut: Dār al-Iḥyā’, 1987), 5.

⁵⁷ Al-Sayyid Abū Bakr, *I’ānah al-Ṭālibīn*, j. 4, 232.

⁵⁸ ‘Ali al-Jurjānī, *al-Ta’rīfāt*, al-Maktabah al-Shāmilah, <http://alwarraq.com>, al-Isdār al-Thānī, 111.

⁵⁹ Abū Abdul Halim Ahmad. S., *Suap Dampak dan Bahyanya Bagi Masyarakat* (Jakarta: Pustaka al-Kautsar, 1996), 20-21.

⁶⁰ Al-Bāḥūṭī, *Kashāf al-Qanā’ Matn al-Iqnā’*. j. 6, (Beirut: Dar al-Fikr, 1982), 316.

⁶¹ M. Nurul Irfan, *Korupsi Dalam Hukum Pidana Islam* (Jakarta: Amzah, 2011), 90.

harus dilakukan dengan niat agar penyimpangan dan penyelewengan pihak penerima *rishwah* boleh diubah semakin baik. Dalam definisi ini dikemukakan sebuah andaian iaitu sekiranya pihak kedua melakukan kezaliman terhadap pihak pertama dan pihak kedua tidak melaksanakan kewajipan-kewajipan yang seharusnya ia lakukan terhadap pihak pertama, maka dalam isu ini hadiah yang diberikan berubah menjadi *rishwah*.

Dari beberapa huraian di atas boleh disimpulkan bahawa, *rishwah* ialah sesuatu yang diberikan kepada hakim dan lain-lain dengan segala bentuk dan cara. Sesuatu yang diberikan itu adakalanya berupa harta atau sesuatu yang bermanfaat bagi penerima, sehingga keinginan pemberi *riyswah* tersebut menjadi kenyataan. Amalan sedekah, hibah, hadiah, dan waqaf boleh berubah menjadi amalan *rishwah* apabila pemberian itu diperuntukkan kepada kaki tangan kerajaan, dan kepada pihak lain apabila pemberian tersebut bertujuan agar pihak penerima mengikuti kemahuan pihak pemberi.

2.2.4.2 Kategori *Rishwah*

Pada perbincangan sebelumnya telah dikemukakan ada beberapa bentuk gratifikasi dalam Islam, iaitu gratifikasi dalam bentuk sedekah, gratifikasi dalam bentuk hibah, gratifikasi dalam bentuk hadiah, dan gratifikasi dalam bentuk waqaf. Dari bentuk-bentuk gratifikasi itu ada yang disepakati haram dan ada yang disepakati halal hukumnya oleh para ulama. Begitu juga dengan *rishwah*, ianya juga merupakan salah satu dari bentuk gratifikasi. Dan dari beberapa definisi *rishwah* yang telah dihuraikan sebelumnya jelas bahawa *rishwah* mempunyai pelbagai kategori mengikut keadaan sama ada yang bersifat khas atau bersifat am. Oleh sebab itu, untuk lebih jelas kategori *rishwah* perlu diklasifikasikan terlebih dahulu.

Ibn 'Abidin dengan mengutip kitab *al-Fatḥ*, mengemukakan empat jenis bentuk *rishwah*, iaitu:⁶²

⁶² Muḥammad Amin, *Ḥashiyah Ibn 'Abidin* (Beirut: Dār al-Fikr, 1386 H).

- 1) *Rishwah* yang haram atas orang yang mengambil dan yang memberikannya, iaitu *rishwah* untuk mendapatkan keuntungan dalam kehakiman dan pemerintahan.
- 2) *Rishwah* terhadap hakim agar memutuskan perkara, sekalipun keputusannya benar, kerana dia mesti melakukan hal itu. *Rishwah* jenis ini haram bagi yang memberi dan menerima.
- 3) *Rishwah* untuk memperbetulkan suatu perkara dengan meminta penguasa menolak kemudharatan dan mengambil manfaat. *Rishwah* ini haram bagi yang mengambilnya sahaja. *Rishwah* ini boleh dianggap upah bagi orang yang berurusan dengan kerajaan. Pemberian tersebut digunakan untuk urusan seseorang, lalu dibahagi-bahagikan. Hal ini halal dari dua sisi seperti hadiah untuk menyenangkan orang. Akan tetapi dari satu sisi haram, kerana dasarnya berkaitan dengan kezaliman. Oleh kerana itu haram bagi yang mengambil sahaja, iaitu sebagai hadiah untuk menahan kezaliman dan sebagai upah dalam menyelesaikan perkara apabila disyaratkan. Namun bila tidak disyaratkan, sedangkan seseorang yakin bahawa pemberian itu ialah hadiah yang diberikan kepada penguasa, maka mengikut ulama Ḥanāfiyah tidak apa-apa (*la ba'sa*). Kalau seseorang melaksanakan tugasnya tanpa disyaratkan, dan tidak pula kerana ketamakannya, maka memberikan hadiah kepadanya ialah halal, namun makruh sebagaimana yang diriwayatkan dari Ibn Mas'ūd.
- 4) *Rishwah* untuk menolak ancaman atas diri atau harta, boleh bagi yang memberi dan haram bagi orang yang mengambil. Hal ini boleh dilakukan kerana menolak kemudharatan dari orang muslim ialah wajib, namun tidak boleh mengambil harta untuk melakukan yang wajib.

Pembahagian kategori *rishwah* ini tidak secara jelas boleh didapati dalam huraian tentang *rishwah*, sebab amalan tersebut sangat bergantung dari tujuan, motivasi dan niat dari pemberi. Dan dari pembahagian *rishwah* di atas mengikut penyelidik, dasarnya ada dua bentuk *rishwah* apabila ditinjau dari tujuan melakukannya. Pertama,

rishwah yang dilakukan dengan tujuan untuk membenarkan yang salah dan menyalahkan yang benar. Dengan kata lain, pemberian untuk membatalkan kebenaran dan membenarkan yang batil. Amalan *rishwah* ini boleh mengalahkan pihak yang semestinya menang dan memenangi pihak yang sepatutnya kalah. Dan kedua, *rishwah* yang dilakukan dengan tujuan untuk menuntut atau memperjuangkan hak yang sepatutnya diterima oleh pemberi (*al-rāshī*) atau untuk menolak kemudaratan, kezaliman, dan ketidakadilan yang dirasakan oleh pihak pemberi tersebut. Dalam erti lain, iaitu pemberian untuk mempertahankan kebenaran dan mencegah kebatilan dan kezaliman.

2.2.4.3 Hukum *Rishwah*

Berdasarkan kategori *rishwah* yang penyelidik simpulkan di atas, maka hukum *riyswah* ada dua pula, iaitu *rishwah* yang hukumnya haram dan *rishwah* yang hukumnya halal. Namun hukum dasar *rishwah* ialah haram. Hal ini berlandaskan dali-dalil, baik *al-Qur'ān*, hadis, mahupun dalil-dalil ijtihad lain yang menerangkannya yang penyelidik huraikan berikut.

2.2.4.3.1 *Rishwah* yang hukumnya haram.

Syari'at Allah ialah cahaya yang menerangi kegelapan, maka setiap sesuatu yang dijadikan media untuk menolong kebatilan di atas kebenaran hukumnya haram. Dengan demikian, *rishwah* yang dilakukan dengan tujuan untuk membenarkan yang salah dan menyalahkan yang benar hukumnya jelas haram. Kerana hal ini sangat dilarang dan sangat dibenci dalam Islam kerana sebenarnya amalan tersebut termasuk amalan yang *batil*. Berikut ini ialah beberapa dalil *al-Qur'ān* tentang larangan dan haramnya amalan *rishwah* tersebut.

1) *Al-Qur'ān al-Karīm* Surah al-Baqarah.

وَلَا تَأْكُلُوا أَمْوَالِكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ وَتُدْلُوا بِهَا إِلَى الْحُكَّامِ لِتَأْكُلُوا فَرِيقًا مِّنْ

أَمْوَالِ النَّاسِ بِالْإِثْمِ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ

Al-Baqarah 2: 188

Terjemahan: Dan janganlah sebahagian kamu memakan harta sebahagian yang lain di antara kamu dengan jalan yang batil dan (janganlah) kamu membawa (urusan) harta itu kepada hakim, supaya kamu dapat memakan sebahagian daripada harta benda orang lain dengan (jalan berbuat) dosa, padahal kamu mengetahui.⁶³

Kata *al-baṭil* dalam ayat boleh ditafsirkan dengan dua cara. Pertama, mengikut riwayat Ibn 'Abbas dan Ḥasan RA, yang dimaksudkan *al-baṭil* ialah apa yang diambil tanpa adanya pertukaran. Kemudian dikatakan bahawa ayat ini dihapuskan kerana ketika diturunkan para sahabat merasa kesusahan untuk mengelakkan makan sesuatu ditempat orang lain, sehingga dihapuskan ayat ini dengan QS. al-Nūr 24: 61. Secara *zahir* ayat al-Nūr 24: 61 menunjukkan tentang keharaman sedekah dan hibah. Jadi sebenarnya makna yang paling tepat ialah pengkhususan bukan penghapusan. Kedua, *al-baṭil* ialah sesuatu yang dilarang dalam syari'at, seperti riba, peras ugut, dan sumpah palsu.⁶⁴ Memahami kata ini dengan cara seperti ini sesuai sifat umum ayat, kerana cara yang dibenarkan tidak dijelaskan secara terperinci.

Mengikut al-Qurṭubī, bahawa di dalam ayat tersebut Allah melarang untuk makan harta orang lain dengan jalan yang batil. Termasuk di dalam larangan ini ialah larangan makan hasil judi, penipuan, rampasan, dan paksaan untuk mengambil hak

⁶³ Ibn Jarīr al-Ṭabarī begitu juga Imām Ibn Kathīr dalam kitab mereka menjelaskan tentang *asbāb al-nuzūl* dari ayat tersebut dengan mengatakan:

هذا في الرجل يكون عليه مال، وليس عليه فيه بينة، فيجحد المال ويخاصم إلى الحكام، وهو يعرف أن الحق عليه، وهو يعلم أنه آثم أكل حرام.

Terjemahan: Ayat yang mulia ini turun pada seorang lelaki yang mempunyai harta dan bersengketa masalah harta tersebut dengan orang lain namun dia tidak mempunyai bukti yang sahih (bahawa harta tersebut ialah miliknya). Maka pihak lawannya mengingkarinya dan pada akhirnya ia membawa persengketaan tersebut kepada para hakim dan diapun mengetahui bahawa kebenaran bersamanya dan dia juga faham bahawa (pihak lawannya) berdosa lantaran memakan harta yang haram. Lihat, Ibn Jarīr al-Ṭabarī, *Jāmi' al-Bayān 'an Ta'wīl 'Ayi al-Qur'ān*, j. 2, (Jordan: Dār al-'Alām, 2002), 242. Shaykh Sufiyyurahman al-Mubārak, *al-Miṣbah al-Munīr fī Taḥzīb Tafsīr Ibn Kathīr* (Riyāḍ Dār al-Salām li Nasyri wa Tawzi, 2000), 137. Adapun Imām al-Qurṭubī menyebutkan sebab turunnya ayat ini bahawa 'Abd al-'Asywa' al-Hadrāmī dan Imru Qays terlibat dalam suatu perkara soal tanah yang masing-masing tidak dapat memberikan bukti. Maka Rasulullah SAW menyuruh Imru Qays yang saat itu sebagai defendan yang ingkar agar bersumpah. Maka tatkala Imru Qays hendak melaksanakan sumpah, turunlah ayat ini. Lihat, al-Qurṭubī, *Al-Jāmi' li Ahkām al-Qur'ān*, j. 1, (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyah, 1993), 225.

⁶⁴ 'Abd al-Ghanī bin Isma'il, *Tahqiq al-Qāḍiyah*, 32.

orang lain yang tidak atas kerelaan pemiliknya, atau yang diharamkan oleh syari'at walaupun atas kerelaan pemiliknya, seperti pemberian/imbalan dalam amalan zina, atau amalan zalim, harga minuman yang memabukkan, harga jualan babi dan lain-lain.⁶⁵

Imām al-Shawkāni dalam *Fatḥ al-Qadir* memberikan pandangannya mengenai ayat ini dengan mengatakan;

“Ayat ini umum untuk seluruh umat, begitu juga berlaku larangan memakan yang haram dari semua jenis harta. Tidaklah dikecualikan dari larangan di atas selain yang dikhaskan oleh dalil tentang bolehnya memakan harta tersebut. Jika ada dalil yang menafikan larangan maka dia tidak termasuk mengambil dengan cara yang batil akan tetapi dengan cara yang hak. Dan dia memakan harta tersebut dengan cara yang halal bukan yang haram walaupun pemiliknya tidak rela seperti dalam mahkamah pembayaran balik hutang ketika si penghutang tidak mahu membayarnya kemudian dipaksa membayarnya, begitu juga penyerahan harta wajib zakat, dan nafkah seseorang yang diwajibkan secara syar'i. Intinya bahawa harta yang dilarang oleh syari'ah untuk diambil dari pemiliknya maka hal tersebut merupakan memakan harta dengan cara yang batil walaupun pemiliknya rela.”⁶⁶

Mengikut Imām al-Marāghī bahawa larangan Allah dalam ayat ini, “janganlah kamu makan harta diantara kamu”, maksudnya janganlah sebahagian dari kamu memakan harta sebahagian yang lain, ialah mengingatkan bahawa menghormati harta orang lain bererti menghormati dan menjaga hartamu. Sama halnya dengan merosakkan harta orang lain ialah sebagai tindakan jenayah terhadap masyarakat (umat) yang mana pelaku merupakan salah seorang dari anggota masyarakat. Kemudian banyak hal yang dilarang dalam ayat ini, antara lain, makan riba, kerana riba ialah memakan harta orang lain tanpa imbalan dari pemilik harta yang memberikannya. Juga termasuk yang dilarang ialah harta yang diberikan kepada hakim sebagai *rishwah* dan lain-lain.⁶⁷

⁶⁵ Al-Qurṭūbī, *al-Jāmi' li Ahkām*, 29.

⁶⁶ Al-Shawkāni, *Fatḥ al-Qadir*, j. 1, (Mesir: Dār al-Wafā, t.t.), 391.

⁶⁷ Al-Marāghī, *Tafsīr al-Marāghī*, Tahqīq Basyar 'Awad Ma'rūf, j. 2, (Mesir: Mustafā al-Bābī al-Ḥalabi, t.t.), 81.

Berdasarkan penjelasan para ulama di atas dan merujuk kepada sifat umum ayat tersebut, maka termasuk di dalam larangan ayat tersebut ialah menerima atau memakan *rishwah* kerana cara memperolehnya dengan cara yang tidak benar mengikut syara', iaitu dengan jalan yang batil.

2) *Al-Qur'ān al-Karīm* Surah al-Māi'dah.

سَمْعُونََ لِلْكَذِبِ أَكْثُونََ لِلشُّحْتِ ۖ فَإِنْ جَاءُوكَ فَاحْكُم بَيْنَهُمْ أَوْ أَعْرِضْ
عَنَّهُمْ ۖ وَإِنْ تُعْرِضْ عَنْهُمْ فَلَنْ يَضُرُّوكَ شَيْئًا ۖ وَإِنْ حَكَمْتَ فَاحْكُم بَيْنَهُمْ بِالْقِسْطِ
إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُقْسِطِينَ ﴿٤٢﴾

Al-Māi'dah 5: 42

Terjemahan: Mereka itu ialah orang-orang yang suka mendengar berita bohong, banyak memakan yang haram. Jika mereka (orang Yahudi) datang kepadamu (untuk meminta keputusan), maka putuskanlah (perkara itu) di antara mereka, atau berpalinglah dari mereka. Dan jika kamu berpaling dari mereka maka mereka tidak akan memberi mudharat kepadamu sedikitpun. Dan jika kamu memutuskan perkara mereka, maka putuskanlah (perkara itu) di antara mereka dengan adil, sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang adil.⁶⁸

Imām al-Ṭabarī berkata, Allah SWT dalam ayat ini berfirman seraya menjelaskan bahawa yang demikian itu ialah sifat-sifat orang Yahudi yang Aku sifatkan padamu wahai Muḥammad SAW bahawa sifat mereka sentiasa mendengar perkataan batil dan dusta. Di antara mereka saling berkata, Muḥammad SAW seorang pendusta dan bukanlah seorang Nabi. Dan di antara mereka ada yang berkata seraya berdusta, sesungguhnya hukum pezina yang telah berkahwin (*muḥṣan*) di dalam taurat ialah disebut dan bukan direjam, dan selainnya dari kedustaan dan mereka menerima *rishwah*.

Kemudian Imām al-Ṭabarī menjelaskan ada sekitar empat belas riwayat, salah satunya imam dari Mujāhid, bahawa makna ayat *akalūna lil suḥt* dalam ayat tersebut

⁶⁸ Ibn Jarīr al-Ṭabarī dalam tafsirnya menyebutkan riwayat dari Qatadah berkaitan dengan ayat ini.

كان هذا في حكام اليهود بين أيديكم، كانوا يسمعون الكذب ويقبلون الرشى.

Terjemahan: Sesungguhnya ayat ini (turun) berkaitan dengan para hakim kaum Yahudi yang senantiasa mendengar kedustaan serta menerima wang *rishwah*. Lihat, Ibn Jarīr al-Ṭabarī, *Jāmī' al-Bayān 'an Ta'wīl*, j. 4, 309.

ialah *rishwah*. Begitu juga Ibn Kathir,⁶⁹ dalam tafsirnya berkata, *akalūna lil suḥt* (banyak memakan harta *suḥt*) maksudnya ialah harta yang haram, iaitu *rishwah*. dalam kitab *al-I'tiṣām* disebutkan, *al-suḥt* ialah memberi (*rishwah*) untuk penguasa dan hakim dengan nama hadiah.⁷⁰

Al-Qurtūbī menyebutkan ada dua sebab kenapa harta haram seperti *rishwah* disebut dengan *suḥt*. Pertama, dinamakan harta haram dengan *suḥt* kerana menghilangkan dan merosakkan ketaatan. Kedua, dinamakan harta haram dengan *suḥt* kerana menghilangkan kehormatan. Adapun pendapat yang dipilih al-Qurtūbī ialah alasan yang pertama kerana dengan hilangnya agama maka hilang pula kehormatan seseorang. Kemudian al-Qurtūbī menukil hadis dan *athar* tentang *rishwah*.

كل لحم نبت بالسحت فالنار أولى به قالوا : يا رسول الله وما السحت؟
قال : الرشوة في الحكم . وعن ابن مسعود أيضا أنه قال : السحت أن يقضي
الرجل لأخيه حاجة فيهدي إليه هدية فيقبلها.⁷¹

Terjemahan: Setiap daging yang tumbuh dari harta *suḥt* maka api neraka lebih layak baginya. Para sahabat bertanya, Wahai Rasulullah SAW apakah yang dimaksudkan dengan *suḥt*? Rasulullah SAW menjawab, *suḥt* iaitu *rishwah* dalam hukum. Dan dari Ibn Mas'ūd berkata, bahawa yang dimaksud dengan *suḥt* iaitu seseorang memutuskan suatu perkara bagi saudaranya kemudian memberinya hadiah dan diterima hadiah tersebut.

3) *Al-Qur'ān al-Karīm* Surah al-Māi'dah.

وَتَرَى كَثِيرًا مِّنْهُمْ يُسْرِعُونَ فِي الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ وَأَكْلِهِمُ السُّحْتَ لَبِئْسَ مَا
كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴿٦٢﴾ لَوْلَا يَنْهَاهُمُ الرَّبَّانِيُّونَ وَالْأَحْبَارُ عَنْ قَوْلِهِمُ الْإِثْمَ وَأَكْلِهِمُ
السُّحْتَ لَبِئْسَ مَا كَانُوا يَصْنَعُونَ ﴿٦٣﴾

Al-Māi'dah 5: 62 dan 63

Terjemahan: Dan kamu akan melihat kebanyakan dari mereka (orang-orang Yahudi) bersegera membuat dosa, permusuhan dan memakan yang haram. Sesungguhnya amat buruk apa yang mereka telah kerjakan itu. Mengapa orang-orang alim mereka, pendeta-pendeta mereka tidak melarang mereka mengucapkan perkataan bohong dan memakan yang

⁶⁹ Syaykh Sufiyyurrahman al-Mubārak, *al-Miṣbah al-Munīr*, 379.

⁷⁰ Al-Shāṭibī, *al-I'tiṣām* (al-Su'ūdiyah: Dār Ibn 'Affān, 1992), 583.

⁷¹ Al-Qurtūbī, *Al-Jāmi' li Ahkām*, j. 6, 183.

haram? Sesungguhnya amat buruk apa yang telah mereka kerjakan itu.⁷²

Ibn Kathīr menukil riwayat dari Ibn ‘Abbas RA dalam menafsirkan ayat ini bahawa beliau berkata, “tidak ada di dalam *al-Qur’ān* suatu ayat yang lebih dahsyat mencela kaum Yahudi selain ayat tersebut.”⁷³ Mengikut Ibn Jarīr, mereka (orang-orang Yahudi) yang disifatkan Allah di dalam ayat ini iaitu kebanyakan mereka saling berlumba-lumba dalam bermaksiat kepada Allah dan berselisih perintahNya. Begitu juga melanggar batasan-batasan Allah dalam permasalahan halal dan haram seperti dalam memakan *suht* iaitu harta yang mereka ambil dari manusia atas persoalan hukum yang bertentangan dengan hukum Allah.

Dari huraian pendapat para mufasirin di atas maka dapat disimpulkan bahawa Allah mengharamkan *rishwah* kerana hal tersebut merupakan kebiasaan orang-orang Yahudi. Di dalam QS. al-Baqarah 2: 188 Allah melarang memakan harta dengan cara batil atau haram dengan apa cara sekalipun. Namun dalam ayat tersebut terdapat *qarāmah* (bukti yang menguatkan) bahawa yang dimaksudkan ialah *rishwah*. Larangan tersebut diperkukuhkan dengan QS. al-Māi’dah 5: 42, 62 dan 63 yang merupakan celaan yang amat buruk bagi orang-orang Yahudi kerana melakukan *rishwah*. Maka jelas sekali pandangan *al-Qur’ān* bahawa *rishwah* merupakan kejahatan yang diharamkan oleh Allah dan merupakan kebiasaan orang-orang kafir dari kalangan Yahudi.

Adapun keharaman *rishwah* dalam hadis, banyak sekali hadis-hadis yang menjelaskan tentang keharaman *rishwah*. Di antara ialah:

1) Hadis riwayat Abū Dāwud. Rasulullah SAW bersabda:

لَعَنَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الرَّاشِيَّ وَالْمُرْتَشِيَّ.⁷⁴

⁷² Secara jelas (*manṭūq*) para mufasir tidak menyebutkan sebab turunnya ayat ini. Namun demikian secara tersirat (*mafḥūm*) mereka menyebutkan bahawa ayat tersebut turun kepada kaum Yahudi yang terbiasa berbuat *rishwah* dalam kehidupan mereka.

⁷³ Ibn Jarīr Al-Ṭabarī, *Jāmī‘ al-Bayān ‘an Ta’wīl*, j. 4, 309.

⁷⁴ Abū Dāwud, *Sunan Abī Dāwud*, Bāb fi Kirāhiyah al-Rishwah, j. 3, No. Hadis 3580, 300. Al-Ḥakim, *Mustadrak ‘Ala Ṣaḥīḥayn*, j. 4, No. Hadis 7066, (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmyah, 1990), 115.

Terjemahan: Rasulullah SAW melaknat pemberi *rishwah* dan yang menerima *rishwah*.

Dalam hadis ini, baik yang memberi mahupun yang menerima dua-duanya dilaknat oleh Rasulullah SAW, sebagai bentuk rasa tidak sukanya Rasulullah terhadap amalan tersebut.

2) Hadis riwayat Ibn Mājah. Dari ‘Abd Allāh Ibn ‘Umar, Rasulullah SAW bersabda:

لَعْنَةُ اللَّهِ عَلَى الرَّاشِيِّ وَالْمُرْتَشِيِّ⁷⁵.

Terjemahan: Laknat Allah terhadap pemberi *rishwah* dan penerima *rishwah*.

3) Hadis riwayat Al-Turmudhī. Dari Abū Hurayrah, ia berkata:

لَعَنَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الرَّاشِيَّ وَالْمُرْتَشِيَّ فِي الْحُكْمِ⁷⁶.

Terjemahan: Rasulullah SAW melaknat orang yang memberi *rishwah* dan yang menerimanya dalam masalah hukum.

Adapun Imām Aḥmad dalam *Musnad*-nya menyebutkan hadis yang senada dengan hadis ini. Namun setelah dikaji, darjat hadis tersebut *da'if* (lemah).⁷⁷ Dan hadis ini juga hampir sama dengan hadis yang diriwayatkan oleh Abū Dāwud di atas. Hanya sahaja hadis yang diriwayatkan oleh Abū Dāwud tanpa adanya penambahan *fi al-ḥukm*.

Dari hadis-hadis tersebut, Rasulullah SAW tidak hanya melaknat orang yang melakukan *rishwah*. Namun celaan juga ditujukan untuk orang yang menerima *rishwah*. Hadis-hadis di atas memberikan pandangan bahawa *rishwah* haram baik orang yang memberikan mahupun menerimanya.

Selain *al-Qur'ān* dan hadis, keharaman *rishwah* juga sudah menjadi kesepakatan para ulama (*ijma'*). Banyak sekali dalil *ijma'* yang menyebutkan bahawa *rishwah*

⁷⁵ Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, al-Maktabah al-Shāmilah, Bāb al-Ta'liẓ fī al-Ḥayf wa al-Rishwah, j. 2, No. Hadis 2313, (t.tp.: Dār 'Ihyā' al-Kitāb al-'Arabiyah, t.t.), 775.

⁷⁶ Al-Turmudhī, *Sunan al-Turmudhī*, Bāb Mā Jāa' fī al-Rāshī wa al-Murtashī fī al-Ḥukm, j. 4, No. Hadis 1336, 614.

⁷⁷ Muḥammad Ibn Hanbal, *Musnad Imām Aḥmad Ḥanbal*, al-Maktabah al-Shāmilah, No. Hadis 22399, (t.tp.: Muassasah al-Risālah, 2001), 85. Hadis ini lemah kerana dalam sanadnya terdapat Laith Ibn Abī Salim.

haram. Salah satunya seperti apa yang dikemukakan oleh Imām al-Qurṭubī dalam *al-Jāmi' li Ahkām*, ketika menafsirkan QS. al-Māi'dah 5: 42, menyatakan;

ولا خلاف بين السلف أن أخذ الرشوة على إبطال حق أو ما لا يجوز
سحت حرام⁷⁸.

Terjemahan: Dan tidak ada perbezaan hukum di kalangan para salaf bahawa melakukan *rishwah* untuk menolak yang hak atau dalam perkara yang dilarang merupakan *riyswah* (*suht*) yang haram.

Sedangkan dalam kitab *Nihāyah al-Muḥtāj*, Imām al-Ramlī menjelaskan sebagai berikut:

ومتى بذل له مال ليحكم بغير الحق أو امتنع من حكم بحق فهو الرشوة
المحرمة بالإجماع⁷⁹.

Terjemahan: Bila sahaja seseorang mencurahkan harta untuk berhukum dengan yang tidak *ḥaq* atau menolak berhukum dengan yang *ḥaq* maka ia telah berbuat *rishwah* yang diharamkan secara *ijma'*.

Ḥamd Ibn 'Abd al-Raḥman al-Junayd dalam bukunya juga menjelaskan haramnya *rishwah* secara *ijma'*, sebagaimana petikannya berikut ini:

ولقد أجمع الصحابة و التابعون و علماء الأمة على تحريم الرشوة بجميع
صورها ووردت عنهم نصوص تدل على تنفيذ وتفسير ما جاء في الكتاب و
السنة وتطبيق الابتعاد عن الرشوة ما أمكنهم ذلك⁸⁰.

Terjemahan: Dan sungguh telah bersepakat para sahabat dan pengikut, begitu juga dengan para ulama umat atas haramnya *rishwah* dengan segala bentuknya. Dan telah terdapat *naṣ-naṣ* yang menjelaskan tentang pelaksanaan dan tafsiran apa yang terdapat dalam *al-Qur'ān* dan sunnah serta berusaha menjauhinya semaksima mungkin.

Selain berbagai kutipan di atas, Ibn al-Qudāmah dalam kitabnya *al-Mughnī* memberikan penegasan dan spesifikasi kes, dia menegaskan bahawa *rishwah* yang berlaku dalam persoalan hukum dan terhadap kaki tangan kerajaan haram secara mutlak, tanpa adanya perbezaan, sebagaimana ungapannya berikut:

⁷⁸ Al-Qurṭubī, *Al-Jāmi' li Ahkām*, j. 6, 183.

⁷⁹ Al-Ramlī, *Nihāyah al-Muḥtāj*. j. 8, (Beirut: Dār al-Fikr, 1984), 255.

⁸⁰ Ḥamd Ibn 'Abd al-Raḥmān al-Junayd, *Atharu Rishwah fi Ta'thūri Namwi al-Iqtisādi wa Asālib Daf'iha fi Zilli Sharī'ah Islāmiyah* (Riyadh: al-Markas al-'Arabī li Dirāsah al-Amniyyah wa Tadrīb, 1982), 5.

فأما الرشوة في الحكم ورشوة العامل فحرام بلا خلاف⁸¹.

Terjemahan: Adapun *rishwah* dalam masalah hukum dan pekerjaan (apa sahaja) maka hukumnya haram tanpa ada perbezaan pendapat di kalangan ulama.

Al-Shawkānī dalam *Nayl al-Awṭar* mengutip perkataan Ibn Ruslan tentang kesepakatan haramnya *rishwah*. Inilah pernyataan Ibn Ruslan tentang hujah haramnya *rishwah* berdasarkan *ijma'*:

قال ابن رسلان في شرح السنن : ويدخل في إطلاق الرشوة الرشوة للحاكم
والعامل على أخذ الصدقات، وهي حرام بالإجماع⁸².

Terjemahan: Ibn Ruslan berkata dalam *Sharḥ Sunan*, Termasuk kemutlaqan *rishwah* bagi seorang hakim dan para pekerja yang mengambil sedekah, itu menerangkan keharamannya sesuai *ijma'*.

Imām al-San'anī dalam *Subul al-Salām* juga yang memberi komen tentang *ijma'* haramnya *rishwah*. Penjelasannya tentang itu ialah:

والرشوة حرام بالإجماع سواء كانت للقاضي أو للعامل على الصدقة أو لغيرهما،
وقد قال الله تعالى : ولا تأكلوا أموالكم بينكم بالباطل وتدلوا بها إلى الحكام
لتأكلوا فريقاً من أموال الناس بالإثم وأنتم تعلمون.

Terjemahannya: Dan *rishwah* itu haram sesuai *ijma'*, baik bagi seorang *qaḍī* atau hakim, bagi para pekerja yang menangani sedekah atau selainnya. Sebagaimana firman Allah Ta'ālā, “Dan janganlah sebahagian kamu memakan harta sebahagian yang lain di antara kamu dengan jalan yang batil dan (janganlah) kamu membawa (urusan) harta itu kepada hakim, supaya kamu dapat memakan sebahagian daripada harta benda orang lain itu dengan (jalan berbuat) dosa, padahal kamu mengetahui.”

Berdasarkan dalil-dalil mengharamkan *rishwah* di atas, baik *al-Qur'ān*, hadis, dan konsensus (*ijma'*) para ulama, maka *rishwah* dengan segala bentuknya ialah haram. Sebagaimana yang sudah disebutkan sebelumnya, salah satu bentuk amalan *rishwah* ialah pemberian (hadiah) yang tujuannya untuk kebatilan. Seorang kaki tangan kerajaan haram hukumnya menerima hadiah. Bahkan termasuk hadiah yang diharamkan bagi seorang

⁸¹ Ibn al-Qudāmah, *al-Mughnī*. j. 11, (Beirut: Dār al-Fikr, 1984), 437.

⁸² Al-Shawkānī, *Nayl al-Awṭar min Aḥādīth Sayyid al-Akhbar Sharḥ Munṭaqa al-Akhbar*, Idārah al-Ṭibā'ah al-Munīrah, j. 9, 140.

kaki tangan kerajaan yang meski tidak sedang berkaitan perkara atau urusan, kerana kalau ada kebiasaan memberi hadiah sebelum menjadi kaki tangan kerajaan, setelah menduduki jabatan terjadi peningkatan jumlah kebiasaan pemberian hadiah tersebut.⁸³ Seorang kaki tangan kerajaan juga haram menerima hadiah dari seseorang yang jika bukan kerana jawatannya, nescaya orang tersebut tidak akan memberikannya.⁸⁴

‘Umar Ibn ‘Abd al-‘Azīz suatu ketika diberi hadiah oleh seseorang tapi ditolaknya kerana waktu itu dia sedang menjawat jawatan sebagai khalifah. Orang yang memberi hadiah kemudian berkata, “Rasulullah pernah menerima hadiah.” Lalu ‘Umar menjawab, “hal itu bagi Rasulullah merupakan hadiah tapi bagi kita itu ialah *rishwah*.”⁸⁵ Jadi, setiap hadiah yang diberikan kepada kaki tangan kerajaan kerana kedudukannya sebagai seorang kaki tangan kerajaan tidak boleh diterima dan haram hukumnya kerana andaikan orang tersebut tidak memegang jawatan dan hanya tinggal di rumahnya nescaya tidak akan ada orang yang memberinya hadiah.

Kebiasaannya, *rishwah* berlaku dalam kes kehakiman, sehingga para *fuqahā*’ sering membincangkannya dalam konteks kehakiman. Namun dalam salah satu hadis yang dikutip oleh al-Sayyid Abū Bakr ternyata ia juga diharamkan dalam konteks penguasa negara. Ia berkata:

“Sesungguhnya hadis tentang pengharaman memberi hadiah kepada penguasa *ṣaḥīḥ*, sebahagiannya ialah sabda Rasulullah SAW memberi hadiah kepada ‘penguasa’, dalam satu riwayat disebutkan ‘umara’, ialah amalan khianat.” Selanjutnya ia menambah bahawa yang dimaksudkan dalam hadis tersebut ialah pemberian dari seseorang kepada imam (pemimpin) dan diterimanya, maka ini ialah amalan khianat terhadap kaum muslimin. Kerana seorang pemimpin tidak diperlakukan khas berbanding kaum muslimin lainnya. Kekhasan boleh menerima hadiah hanya berlaku bagi Rasulullah, kerana beliau bersifat *ma ‘ṣūm* (terpelihara).⁸⁶

Al-Nawāwī dalam kitab *Mughnī*, menetapkan keharaman *rishwah*. Ibn Ziyād menfatwakan bahawa *rishwah* hukumnya haram secara mutlak, baik ia bertujuan untuk

⁸³ Muḥammad Amin Ibn ‘Abidin, *Rad al-Mukhtār*, j. 4, 34.

⁸⁴ *Ibid.*, j. 5, 373.

⁸⁵ Yūsuf al-Qarḍāwī, *al-Halāl wa al-Harām*, 230.

⁸⁶ Al-Sayyid Abū Bakr, *I‘ānah al-Ṭālibīn*, 229.

menghasilkan keputusan hukum dengan tidak benar atau menghukum dengan benar.⁸⁷ Pada kes ini pemberi mengetahui jika tidak diberikan *rishwah* hakim akan menghukum dengan tidak benar. Tetapi urutan dosa pada masalah yang kedua (memberi *rishwah* untuk mendapat keputusan hukum yang benar) lebih ringan daripada dosa pada kes pertama. Hal ini sesuai dengan kemutlakan sabda Nabi SAW yang diriwayatkan oleh *al-Turmidhī*, yang sudah pernah menyelidik sebutkan sebelumnya, iaitu, “Rasulullah SAW melaknat orang yang memberi *rishwah*, yang menerima *rishwah*, dan perantara keduanya.” Jadi, hukum haram terhadap pemberi hanya apabila *rishwah* itu membawa pada pengambilan hak orang lain atau membawa kepada pembatalan hak orang lain yang ada dalam tanggung jawabnya.⁸⁸

Adapun perantara, maka ketentuan hukum baginya ialah sesuai dengan pihak mana yang diwakilinya. Jika ia mewakili pemberi maka hukum yang dikenakan ialah hukum pemberi *rishwah*, atau sebaliknya jika ia mewakili penerima *rishwah*.⁸⁹

Gambaran di atas memperlihatkan ketegasan sikap ulama terhadap amalan *rishwah*. Bahkan dalam konteks kehakiman, para ulama melakukan tindakan mencegah dengan mengharamkan penerimaan hadiah oleh seorang *qāḍī* padahal itu belum secara automatik boleh disebut *rishwah*. Seorang *qāḍī* tidak boleh menerima hadiah dari siapa sahaja, baik dalam bentuk wang atau lain bila si pemberi tidak biasanya memberi hadiah (sebelum memegang sesuatu jawatan). Atau orang itu pernah memberinya hadiah, tetapi setelah memegang jawatannya, orang tersebut melebihi jumlah dan jenisnya. Hal ini sebagaimana yang diterangkan dalam kitab *I‘ānah al-Ṭālibīn*:

“Haram bagi *qāḍī* (imam/penguasa) menerima hadiah dari orang yang tidak pernah memberinya hadiah sebelum dia menjadi *qāḍī*, atau pernah tapi dia menambah jumlah atau jenisnya, hal ini bila berlaku dalam wilayah kepengimpinannya. Adapun menerima hadiah dari orang yang di luar lingkungan kepengimpinannya maka dibolehkan. Dan haram juga menerima hadiah dari orang yang mempunyai penglibatan kes, atau orang yang menjadi lawan politik baginya, kerana hal ini nanti boleh

⁸⁷ M. Daud Zamzami et al., *Pemikiran Ulama Dayah Aceh* (Jakarta: Prenada, 2007), 197-198.

⁸⁸ *Ibid.*, 198.

⁸⁹ ‘Abd al-Rahmān Ibn Ziyād, *Ghayāu Talkhīs: al-Murād min Fatwā Ibn Ziyād*, (Beirut: Dār al-Fikr, 1995), hal. 291.

mengakibatkan Imām akan cenderung kepadanya dan menyokong segala kehendaknya dan boleh melemahkan dirinya dalam memutuskan keputusan yang benar dan adil.”⁹⁰

Dari keterangan di atas, terlihat kecenderungan emosi manusia boleh mempengaruhi keputusan yang akan diambilnya. Bagi mereka yang memegang kuasa di sektor umum, keadaan ini boleh menimbulkan kerugian bagi pihak lain dan harus dicegah sejak awal. Sama halnya dengan larangan memutuskan perkara dalam keadaan emosi sedang tidak normal. Atas pertimbangan itu, muncullah ketetapan hukum yang mana seorang hakim tidak dibenarkan memutuskan hukum bagi dirinya, ibu bapanya, anak-anaknya dan bagi rakan kerjanya. Tetapi mereka diputuskan oleh imam atau hakim yang lain, atau penggantinya. Hal ini untuk mengelakkan *tuhmah* (isu pembicaraan tidak baik). Hakim tidak dibenarkan memutuskan suatu dasar atau hukum bagi sebahagian orang tua (ibu bapa) dan anak-anaknya, kerana hal ini boleh menimbulkan jurang di pihak lain, mereka akan menilai dalam proses pengambilan keputusan terdapat unsur nepotisme. Demikian juga kepada saudara-mara atau rakan kongsinya, dalam hal ini orang akan menganggap adanya unsur pakatan sulit.

Oleh kerana itu, bagi seorang imam (pemimpin) dan kaki tangan kerajaan haram menerima pemberian dari sesiapa, kerana hal ini boleh melemahkan kredibiliti seorang pemimpin yang ideal berperanan sebagai pihak yang neutral terhadap seluruh rakyatnya. Dengan menerima pemberian, termasuk hadiah, ia akan bersikap lunak dalam setiap dasar. Apalagi pelaku memberikan rishwah jelas-jelas untuk suatu maksud yang dapat menghilangkan atau mengurangkan hak orang lain.

2.2.4.3.2 *Rishwah* yang hukumnya dibolehkan.

Sebahagian ulama membolehkan (*ruḥṣah*) amalan *rishwah* (pemberian) yang dilakukan dengan tujuan untuk menuntut atau memperjuangkan hak yang sepatutnya diterima oleh pemberi (*al-rāshi*) atau untuk menolak kemudaratan, kezaliman, dan ketidakadilan yang

⁹⁰ Al-Sayyid Abū Bakr, *I'ānah al-Ṭālibīn*, 229.

dirasakan oleh pihak pemberi tersebut. Kerana pemberian tersebut bertujuan untuk mempertahankan kebenaran dan mencegah kebatilan dan kezaliman.

Secara naluri manusia mempunyai keinginan untuk berinteraksi sosial, berusaha berbuat baik. Akan tetapi, kadangkala manusia khilaf sehingga terjerumus ke dalam kemaksiatan dan amalan zalim kepada sesamanya, menghalang jalan hidup orang lain sehingga orang itu tidak memperoleh hak-haknya. Untuk mendapatkan hak-haknya kadang-kala mereka terpaksa melakukan sesuatu yang terlarang, iaitu *rishwah*. Amalan *rishwah* dalam kes seperti ini dibenarkan. Namun, ia harus bersabar terlebih dahulu sehingga Allah membukakan jalan untuknya. Majoriti ulama berpendapat, *rishwah* jenis kedua ini, yang menanggung dosanya hanya orang yang menerimanya.

Abū Layth al-Samarqāndī berkata, “dalam kes seperti ini (*rishwah* untuk mencegah kezaliman) tidak ada masalah jika seseorang menyerahkan hartanya kepada orang lain demi mencari kebenaran.”⁹¹ Termasuk juga orang yang dibenarkan menyerahkan hartanya kerana keselamatan jiwanya terancam dan tidak dimungkinkan untuk membela diri. Pemberian *rishwah* seperti ini tidaklah dilarang. Kerana Allah SWT berfirman:

لَا يُكَلِّفُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا ۗ لَهَا مَا كَسَبَتْ وَعَلَيْهَا مَا اكْتَسَبَتْ ۗ رَبَّنَا لَا
تُؤَاخِذْنَا إِنْ نَسِينَا أَوْ أَخْطَاْنَا ۗ رَبَّنَا وَلَا تَحْمِلْ عَلَيْنَا إِيْرًا كَمَا حَمَلْتَهُ عَلَى
الَّذِينَ مِنْ قَبْلِنَا ۗ رَبَّنَا وَلَا تُحْمِلْنَا مَا لَا طَاقَةَ لَنَا بِهِ ۗ وَاعْفُ عَنَّا وَاعْفِرْ لَنَا
وَأَرْحَمْنَا ۗ أَنْتَ مَوْلَانَا فَانصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ ﴿٢٨٦﴾

Al-Baqarah 2: 286

Terjemahan: Allah tidak membebani seseorang melainkan sesuai dengan kesanggupannya. Ia mendapat pahala (dari kebajikan) yang diusahakannya dan ia mendapat siksa (dari kejahatan) yang dikerjakannya. (Mereka berdoa): “Ya Tuhan kami, janganlah Engkau hukum kami jika kami lupa atau kami tersalah. Ya Tuhan kami, janganlah Engkau bebankan kepada kami beban yang berat sebagaimana Engkau bebankan kepada orang-orang sebelum kami. Ya Tuhan kami, janganlah Engkau pikulkan kepada kami apa yang tak

⁹¹ ‘Abd Allāh bin ‘Abd Muḥsin, terj., *Suap dalam Pandangan Islam* (Jakarta: Gema Insani Press, 2001), 9-11.

sanggup kami memikulnya. Beri maafilah kami, ampunilah kami, dan rahmatilah kami. Engkaulah penolong kami, maka tolonglah kami terhadap kaum yang kafir.”

Dari Abū Hurayrah, Rasulullah SAW juga bersabda:

حَطَبْنَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَقَالَ: أَيُّهَا النَّاسُ قَدْ فَرَضَ اللَّهُ عَلَيْكُمُ الْحَجَّ، فَحُجُّوا، فَقَالَ رَجُلٌ: أَكُلَّ عَامٍ يَا رَسُولَ اللَّهِ؟ فَسَكَتَ حَتَّى قَالَهَا ثَلَاثًا، فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: لَوْ قُلْتُ: نَعَمْ لَوَجَبَتْ، وَلَمَّا اسْتَطَعْتُمْ، ثُمَّ قَالَ: دَرُوبِي مَا تَرَكْتُمْ، فَإِنَّمَا هَلَكَ مَنْ كَانَ قَبْلَكُمْ بِكَثْرَةِ سُؤَالِهِمْ وَاخْتِلَافِهِمْ عَلَى أَنْبِيَائِهِمْ، فَإِذَا أَمَرْتُمْ بِشَيْءٍ فَأَتُوا مِنْهُ مَا اسْتَطَعْتُمْ، وَإِذَا نَهَيْتُمْ عَنْ شَيْءٍ فَدَعُوهُ⁹².

Terjemahan: Rasulullah SAW memberi khutbah kepada kami, ia berkata: Wahai manusia!, Allah telah mewajibkan haji kepada kamu, maka berhajilah. Kemudian seorang lelaki bertanya: Adakah setiap tahun wahai Rasulullah?. Hingga lelaki tersebut menanyakan sampai tiga kali. Kemudian Rasulullah SAW menjawab: Jikalau saya katakan iya, nescaya akan menjadi wajib, apa kalian sanggup. Kemudian Nabi mengatakan, tinggalkan apa yang tidak aku perintah, kerana penyebab binasanya orang-orang sebelum kamu kerana mereka banyak bertanya dan mereka menyalahi Nabi-nabi mereka. Apabila saya memerintahkan sesuatu kepadamu, maka laksanakanlah semampu kalian. Dan apabila saya melarang kamu dengan sesuatu maka tinggalkan dia.

Dengan demikian, *rishwah* untuk mempertahankan kebenaran dan mencegah bahaya serta kezaliman dibenarkan jika tidak ada jalan penyelesaian lain dan jika tidak diberikan *rishwah* justeru akan menimbulkan bahaya yang lebih besar.

Dosa *rishwah* yang dilakukan untuk menegakkan kebenaran hanya ditanggung oleh penerima *rishwah*. Dasar pendapat ini ialah firman Allah SWT dan hadis Nabi Muḥammad SAW:

يَتَأَيُّبُ الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تُحِلُّوا شَعْتِيرَ اللَّهِ وَلَا الشَّهْرَ الْحَرَامَ وَلَا الْهَدْيَ وَلَا الْقَلَائِدَ وَلَا ءَامِينَ الْبَيْتِ الْحَرَامِ يَبْتَغُونَ فَضْلًا مِّن رَّبِّهِمْ وَرِضْوَانًا وَإِذَا حَلَلْتُمْ فَاصْطَادُوا وَلَا تَجْرِمْنَكُمْ سَنَّاتُ قَوْمٍ أَن صَدُّوكُمْ عَنِ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ أَن تَعْتَدُوا

⁹² Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim*, Bāb Farḍu al-Ḥajj Marratan fi al-‘Umur, j. 2, No. Hadis 1337, 975.

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ ۖ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ ۚ وَاتَّقُوا اللَّهَ ۖ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ

شَدِيدُ الْعِقَابِ

Al-Māi'dah 5: 2

Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu melanggar syi'ar-syi'ar Allah, dan jangan melanggar kehormatan bulan-bulan haram, jangan (mengganggu) binatang-binatang *hadya*, dan binatang-binatang *qalā-i'd*, dan jangan (pula) mengganggu orang-orang yang mengunjungi Baitullah sedang mereka mencari kurnia dan keredhaan dari Tuhannya dan apabila kamu telah menyelesaikan ibadah haji, maka bolehlah berburu. Dan janganlah sekali-kali kebencian (mu) kepada sesuatu kaum kerana mereka menghalang-halangi kamu dari Masjidil Haram, mendorongmu berbuat aniaya (kepada mereka). Dan tolong-menolonglah kamu dalam (mengerjakan) kebajikan dan takwa, dan jangan tolong-menolong dalam berbuat dosa dan kesalahan. Dan bertakwalah kamu kepada Allah, sesungguhnya Allah amat berat siksaNya.

مَنْ نَفَسَ عَنْ مُؤْمِنٍ كُرْبَةً مِنْ كُرْبِ الدُّنْيَا، نَفَسَ اللَّهُ عَنْهُ كُرْبَةً مِنْ كُرْبِ يَوْمِ الْقِيَامَةِ، وَمَنْ يَسَّرَ عَلَىٰ مُعْسِرٍ، يَسَّرَ اللَّهُ عَلَيْهِ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ، وَمَنْ سَتَرَ مُسْلِمًا، سَتَرَهُ اللَّهُ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ، وَاللَّهُ فِي عَوْنِ الْعَبْدِ مَا كَانَ الْعَبْدُ فِي عَوْنِ أَخِيهِ، وَمَنْ سَلَكَ طَرِيقًا يَلْتَمِسُ فِيهِ عِلْمًا، سَهَّلَ اللَّهُ لَهُ بِهِ طَرِيقًا إِلَى الْجَنَّةِ، وَمَا اجْتَمَعَ قَوْمٌ فِي بَيْتٍ مِنْ بُيُوتِ اللَّهِ، يَتْلُونَ كِتَابَ اللَّهِ، وَيَتَدَارَسُونَهُ بَيْنَهُمْ، إِلَّا نَزَلَتْ عَلَيْهِمُ السَّكِينَةُ، وَعَشِيَتْهُمْ الرَّحْمَةُ وَحَفَّتْهُمُ الْمَلَائِكَةُ، وَذَكَرَهُمُ اللَّهُ فِيمَنْ عِنْدَهُ، وَمَنْ بَطَأَ بِهِ عَمَلُهُ، لَمْ يُسْرِعْ بِهِ نَسَبُهُ⁹³.

Terjemahan: Sesiapa yang melapangkan satu kesusahan dunia dari seorang mukmin, maka Allah melapangkan darinya satu kesusahan di hari kiamat. Barang siapa memudahkan (urusan) orang yang sedang dalam kesulitan, maka Allah akan memudahkan baginya dari kesulitan dunia dan akhirat. Dan barang siapa menutupi 'aib seorang muslim, maka Allah akan menutup 'aibnya di dunia dan akhirat. Allah sentiasa menolong hambanya, selama hamba tersebut menolong saudaranya. Dan barangsiapa menempuh jalan untuk menuntut ilmu, maka Allah akan memudahkan baginya jalan menuju syurga. Tidaklah suatu kaum berkumpul di salah satu rumah Allah (masjid) untuk membaca Kitabullah dan mempelajarinya di antara mereka, melainkan ketenteraman akan turun atas mereka, rahmat meliputi mereka, malaikat mengililingi mereka, dan Allah menyanjung mereka di tengah para malaikat yang berada di sisiNya. Barangsiapa yang diperlambat oleh amalannya, maka garis keturunannya tidak boleh mempercepatnya.

⁹³ Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim*, Bāb Faḍl al-Ījtimā'ī 'Ala Tilāwati al-Qur'ān, j. 4, No. Hadis 2688, 2074.

Konteks dalil tersebut ialah bahawa menyampaikan kebenaran yang berhak serta menyingkirkan bahaya darinya merupakan suatu bentuk pertolongan. Pertolongan yang dimaksudkan dalam ayat dan hadis di atas ialah pertolongan murni tanpa adanya imbalan apapun dari pihak yang meminta tolong. Ertinya, jika pihak penolong mengambil upah dari orang yang ditolong, maka hanya penerima sahaja yang menanggung dosa *rishwah*. Kerana pengambilan imbalan itu tanpa adanya kerelaan dari pihak pemberi, maka hal itu tidak dibenarkan. Dari ‘Umar Ibn Yatriby al-Damry, ia berkata:

شَهِدْتُ حُطْبَةَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِيَمِينِي، فَكَانَ فِيهَا حَطَبٌ بِهِ
أَنْ قَالَ: وَلَا يَحِلُّ لِأَمْرِي مِنْ مَالِ أَخِيهِ إِلَّا مَا طَابَتْ بِهِ نَفْسُهُ⁹⁴.

Terjemahan: Saya melihat Rasulullah SAW khutbah di Mina. Ketika khutbah beliau berkata, dalam segala urusan tidak halal mengambil harta saudaranya kecuali apa yang diserahkan sendiri.

Berlandaskan pendedahan di atas, maka dapat diambil sebuah kesimpulan bahawa ada kemungkinan *rishwah* itu dibolehkan apabila tujuan dari pemberian tersebut untuk menegakkan kebenaran dan mengalahkan kezaliman terhadap seseorang, dengan syarat tidak adanya penyelesaian lain untuk menegakkan kebenaran selain melalui cara tersebut.

2.3 Kepemilikan Harta dalam Hukum Islam

Manusia diciptakan dalam pelbagai tabiat untuk hidup bermasyarakat. Dalam kehidupan bermasyarakat, manusia akan menghadapi pelbagai macam persoalan untuk menampung keperluan antara yang satu dengan yang lain, sehingga diperlukan sikap saling tolong-menolong. Setiap individu pada dasarnya mengalami keperluan pada nilai-nilai kemanusiaan dan keberadaannya dalam suatu kumpulan. Pergantungan itu dirasakan ketika manusia itu lahir.

⁹⁴ Muḥammad Ibn Hanbal, *Musnad Imām Aḥmad Ḥanbal*. j. 24, No. Hadis 15488, 239.

Pergantungan seseorang itu hadir kerana setiap manusia mempunyai keperluan. Keperluan yang harus dipenuhi itu berbeza daripada masyarakat yang satu ke masyarakat yang lain, dari orang yang satu ke orang yang lain. Perbezaan itu disebabkan oleh pelbagai faktor dan salah satunya adalah sesuai keperluan. Hal ini mengakibatkan terjadinya pertentangan kehendak untuk menjaga keperluan masing-masing. Untuk itu perlu adanya peraturan-peraturan yang menetapkan keperluan manusia agar tidak melanggar dan menguasai hak orang lain, sehingga timbul hak dan kewajiban di antara sesama manusia.

2.3.1 Prinsip-prinsip dasar kepemilikan (*tamlīk*) dalam hukum Islam.

Ada dua prinsip asas pemilikan yang diungkap *al-Qur'ān*. Pertama, pemilikan mutlak hanya dimiliki oleh Allah SWT, sebagaimana disebutkan dalam *al-Qur'ān al-Karīm*, QS. 'Alī 'Imrān 3: 189. Sedangkan pemilikan manusia bersifat relatif, sebagaimana disebutkan dalam *al-Qur'ān al-Karīm*, QS. al-Nisā' 4: 7. Berkaitan dengan pemilikan manusia yang relatif tersebut, Saefuddin⁹⁵ menjelaskan cara manusia mendapatkan hak pemilikan:

- 1) Pemilikan yang berkaitan dengan penggunaan sumber, bukannya menguasai sumber-sumber tersebut. Seorang muslim yang tidak memanfaatkan atau menghasilkan manfaat daripada sumber-sumber yang diamanatkan Allah tersebut akan kehilangan hak atas sumber-sumber itu. Pemilikan dalam konteks ini, berlaku terhadap pemilikan tanah atas tanah.
- 2) Pemilikan hanya terhad sepanjang individu itu masih hidup, dan bila seseorang individu itu meninggal, maka hak kepemilikannya harus diagihkan kepada ahli warisnya. Hal ini berdasarkan pada firman Allah:

كُنِبَ عَلَيْكُمْ إِذَا حَضَرَ أَحَدُكُمْ الْمَوْتُ إِنْ تَرَكَ خَيْرًا الْوَصِيَّةُ لِلْوَالِدَيْنِ وَالْأَقْرَبِينَ

بِالْمَعْرُوفِ حَقًّا عَلَى الْمُتَّقِينَ ﴿١٠٦﴾

Al-Baqarah 2: 180

⁹⁵ Saefuddin, *Ekonomi dan Masyarakat dalam Perspektif Islam* (Jakarta: Rajawali Press, 1987), 65.

Terjemahan: Diwajibkan atas kamu, apabila seorang di antara kamu kedatangan (tanda-tanda) maut, jika ia meninggalkan harta yang banyak, berwasiat untuk ibu-bapak dan karib kerabatnya secara ma'ruf⁹⁶. (Ini ialah) kewajiban atas orang-orang yang bertakwa.

- 3) Pemilikan individu tidak dibolehkan terhadap sumber-sumber yang berkaitan dengan kepentingan umum atau menjadi hajat hidup orang ramai. Sumber-sumber ini menjadi milik umum atau milik negara, tidak boleh dimiliki secara individu atau kumpulan tertentu.

Prinsip asas kedua yang dikemukakan *al-Qur'ān* ialah kebolehan mencari, mengumpulkan dan mempunyai harta kekayaan selama ia diiktiraf sebagai kurnia dan amanah Allah SWT. *Al-Qur'ān* tidak menentang pemilikan harta sebanyak mungkin, bahkan *al-Qur'ān* secara tegas dan berulang-ulang memerintahkan agar bersungguh-sungguh dalam mencari rezeki yang diistilahkan *al-Qur'ān* dengan *faḍl Allāh*, sebagaimana yang disebut dalam QS. al-Jumu'ah 62: 10. Pada ayat lain *al-Qur'ān* menyebut harta kekayaan dengan istilah *khayr*, sebagaimana dapat dilihat dalam QS. al-Baqarah 2: 215, 272, dan 273, QS. Hūd 11: 84, dan QS. al-Ḥajj 22: 84. Hal ini bermakna bahawa harta itu dinilai sebagai sesuatu yang baik. Oleh sebab itu, cara untuk memperolehi harta tersebut juga harus dengan cara yang baik. Selain itu, harta kekayaan juga disebut dengan istilah *qiyām*, sebagaimana tersebut dalam QS. al-Nisā' 4: 4, yang menjelaskan perkara yang berkaitan dalam hubungan dengan amanat *al-Qur'ān* untuk menguruskan harta anak yatim yang belum cukup umur agar mendatangkan manfaat baginya.

Pencapaian usaha manusia memenuhi keperluan hidupnya menyebabkan manusia perlu mempunyai alat untuk mewujudkan maksud tersebut.⁹⁷ Hak milik peribadi bagi manusia merupakan hak yang perlu dihormati oleh siapa pun. Hal ini adalah disebabkan oleh hak ini telah ditetapkan pula sebagai hak asas yang dimiliki oleh setiap

⁹⁶ Ma'ruf ialah adil dan baik. Wasiat itu tidak melebihi sepertiga dari seluruh harta orang yang akan meninggal itu. Ayat ini dinasakahkan dengan ayat mewaris.

⁹⁷ Baharuddin Lopa, *Al-Qur'an dan Hak-hak Asasi Manusia* (Yogyakarta: Dana Bhakti Prima Yasa, 1996), 101.

manusia. Perkara ini dapat dilihat dalam berbagai pernyataan deklarasi yang menyenaraikan hak milik sebagai hak dasar manusia.

2.3.2 Cara memperoleh dan menggunakan harta dalam hukum Islam.

Islam mengharamkan harta yang diperoleh dengan cara yang tidak sah. Oleh sebab itu, *al-Qur'ān* telah memberi panduan kepada manusia untuk mendapatkan harta, yakni melalui kerja dan usaha yang baik dan halal, tidak dengan cara yang batil. Perhatikan misalnya, firman Allah QS. al-Nisā' 4: 29. Sayid Quṭub menjelaskan bahawa, kandungan ayat ini adalah tentang larangan memakan harta dengan semua cara yang batil yang tidak dibenarkan Allah.⁹⁸

Dalam *al-Qur'ān* terdapat beberapa ayat yang menjelaskan amalan-amalan batil. Antaranya ialah judi (dalam QS. al-Māi'dah 5: 90-91 dan QS. al-Baqarah 2: 219), penipuan, serta berlaku tidak adil dalam sukatan, atau timbangan (dalam QS. al-An'am 6: 152).⁹⁹ Demikian pula Allah turut melarang riba (dalam QS. 'Ali 'Imrān 3: 130).¹⁰⁰

Dari beberapa huraian di atas, jelaslah bahawa Islam tidak hanya menganjurkan untuk mencari rezeki atau mengumpulkan harta kekayaan, malah Islam juga menegaskan bahawa harta kekayaan yang diperoleh harus melalui usaha yang halal dan sah.

Dalam ayat yang sedikit berbeza, QS. al-Baqarah 2: 188 menjelaskan pula tentang larangan memakan harta orang lain dengan cara yang batil. Memperoleh harta dari gratifikasi dan memberinya juga termasuk kandungan makna batil. Manusia banyak melakukan kebatilan yang bukan hanya terdorong oleh ketamakan, peluang, keperluan, malah juga terdorong oleh keadaan batin manusia yang sangat lemah. Hal ini kerana, mereka sangat mencintai kehidupan dunia secara berlebihan, tetapi lupa kepada *yawm al-hisāb*.¹⁰¹ Sebagaimana yang telah dijelaskan oleh penyelidik dalam perbincangan yang lalu,

⁹⁸ Sayyid Quṭub, *Fī Zilāl al-Qur'ān*. j. 1, (Beirut: Dār Ihyā' al-Turāth al-'Arabī, 1967), 62.

⁹⁹ Lihat pula misalnya, QS. al-A'rāf 7: 85, QS. Hūd 11: 85, QS. al-Shu'arā' 26: 181, 182, 183, QS. al-Raḥmān 55: 7, 8, 9, dan QS. al-Isrā' 17: 35.

¹⁰⁰ Lihat pula misalnya, QS. al-Baqarah 2: 275, 276, 278, QS. al-Nisā' 4: 161, dan QS. al-Rūm 30: 39.

¹⁰¹ Rifat Syaui Nawawi, "Konsep Kepemimpinan Islam Melawan Korupsi", dalam, Musa Asy'arie et al., ed., *Menuju Masyarakat Antikorupsi* (Jakarta: Departemen Komunikasi dan Informatika, 2005), 383.

perkataan “batil” yang dimaksudkan dalam ayat tersebut adalah bermaksud segala sesuatu yang bertentangan dengan ketentuan dan syari’at agama. Antaranya adalah memperoleh harta dengan berjudi, berlaku curang dalam memperoleh harta, *rishwah*, dan berbuat aniaya. Oleh sebab itu, dalam konteks ayat ini mengandungi makna larangan mengambil harta orang lain dan menguasainya tanpa hak. Tambahan lagi, hal ini ditegaskan pula dengan larangan menyerahkan urusan harta kepada hakim bukan untuk tujuan memperoleh hak, tetapi untuk mengambil hak orang lain dengan melakukan dosa.

Dengan demikian, walaupun QS. al-Baqarah 2: 188 terlebih dahulu diturunkan daripada QS. al-Nisā’ 4: 29, namun kedua-duanya mempunyai korelasi (*munasabat*) yang kuat, yakni masing-masing mengandungi larangan memakan harta orang lain dengan cara yang batil. Demikianlah pelbagai lagi penjelasan ayat, bahawa dalam proses pencarian harta, hendaklah ianya dilakukan dengan cara-cara yang dibenarkan oleh syari’at, bukan dengan cara yang batil, penipuan, riba dan zalim.

Cara-cara yang benar dalam memperoleh hak milik adalah dengan bekerja¹⁰² dan perolehan langsung melalui pengalihan hak dengan jalan warisan atau wasiat serta melalui aqad-aqad pemindahan hak milik yang sah seperti jual-beli atau hibah.

Pemilikan harta boleh dilakukan melalui perniagaan, yakni perniagaan dengan prinsip suka sama suka. Ini menjelaskan kebolehan perpindahan tangan harta benda seseorang kepada orang lain dengan menggunakan sistem perniagaan yang redha di antara kedua pihak dan adil.¹⁰³

Selain memberi petunjuk tentang cara-cara memperoleh hak milik, Islam turut menjelaskan bahawa pemilik harta, baik lelaki mahupun wanita, diberi hak penuh untuk menggunakan harta miliknya. Namun begitu, Islam juga mengajarkan agar pemilik harta harus berhati-hati dalam menggunakan harta miliknya. Oleh sebab itu, prinsip keseimbangan mutlak diperlukan dalam konteks ini.

¹⁰² Muḥammad al-Assāl, *al-Niẓām al-Iqtisādiyyah fi al-Islām* (Kaherah: Maktabah Waḥbah, 1977), 47.

¹⁰³ Al-Qurṭūbī, *al-Jāmi’ li Ahkām*, 151.

Keseimbangan yang dimaksudkan bukan hanya berkaitan keseimbangan antara keperluan duniawi dan ukhrawi, tapi ianya juga berkaitan dengan keseimbangan antara keperluan individu dengan keperluan kemasyarakatan. Hal ini kerana, Islam menekankan keselarasan dan keseimbangan antara lahir dan batin, individu dan masyarakat. Pencapaian kesejahteraan dunia dan akhirat itu dilakukan secara bersama-sama. Oleh sebab itu, sumber-sumber yang ada harus digunakan bagi mencapai kedua-dua kesejahteraan itu. Islam menolak dengan tegas sikap manusia yang terlalu tamak dengan menguasai material dan menganggapnya sebagai ukuran kejayaan, sebagaimana yang menjadi tujuan dalam sistem kapitalisme dan sosialisme. Menutup atau mengabaikan salah satu aspek kesejahteraan di atas bererti menutup jalan kepada pencapaian kesejahteraan yang sejati.

Sikap kesederhanaan, hemat atau cermat, tidak berlebih-lebihan dan tidak terlalu kikir ialah beberapa aspek tingkah laku yang dianjurkan oleh Islam dalam penggunaan harta dimiliki. Konsep keseimbangan dalam tingkah laku pengurusan harta bertujuan untuk menjauhi semangat konsumerisme. Dasar ungkapan ini ialah:

يَبْنَىِٔ ءَاَدَمَ خُدُوْا زِيْنَتَكُمْ عِنْدَ كُلِّ مَسْجِدٍ وَكُلُوْا وَشَرِبُوْا وَّلَا تُسْرِفُوْا ۗ اِنَّهٗ لَا

تُحِبُّ الْمُسْرِفِيْنَ ﴿٣١﴾

Al-A'rāf 7 : 31

Terjemahan: Hai anak Adam, pakailah pakaianmu yang indah di setiap (memasuki) masjid, makan dan minumlah, dan janganlah berlebih-lebihan¹⁰⁴. Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang berlebih-lebihan.

Kandungan ayat-ayat di atas menjelaskan tentang perlunya pemakaian dan penggunaan harta secara wajar, tidak kikir atau kedekut dan tidak boros. Hal ini dapat

¹⁰⁴ Maksudnya, janganlah melampaui batas yang diperlukan oleh tubuh dan jangan pula melampaui batas-batas makanan yang dihalalkan.

dilihat melalui penggunaan istilah *tabzīr* yang disebut sebagai *ikhwān al-shayātīm* (teman-teman syaitan) dan istilah *isrāf*.¹⁰⁵

Implikasi lebih jauh dari pelbagai ulasan di atas bahawa perintah mencari rezeki dan pengurusan terhadap harta merupakan pengakuan terhadap adanya hak pemilikan ke atas harta yang diperoleh. Sesiapa sahaja tidak dibenarkan mengganggu hak milik orang lain. Oleh kerana itu, salah satu bentuk pengakuan dan perlindungan Islam terhadap hak milik ialah dikenakan hukuman berat terhadap orang yang mengambil harta milik orang lain. Dengan begitu, pemberian dan perolehan harta kekayaan melalui amalan gratifikasi *rishwah* dan hadiah kepada kaki tangan kerajaan jelas menyimpang daripada tatacara penggunaan harta dan cara memperolehnya. Hal ini kerana, amalan gratifikasi ini mengakibatkan terjadinya pelanggaran terhadap hak-hak orang lain, baik secara langsung mahupun tidak langsung. Pelaku gratifikasi tersebut ingin memperoleh kekayaan tidak melalui cara-cara yang dibenarkan dalam Islam.

2.4 Ganjaran Terhadap Amalan Gratifikasi dalam Hukum Islam

Berdasarkan huraian sebelumnya, jelaslah bahawa dalam Islam, secara garis besar, gratifikasi dengan berbagai macam bentuknya terbahagi ke dalam dua kumpulan. Ada yang pada dasarnya bernilai positif, syara' memang menganjurkan akan hal itu. Contohnya adalah seperti sedekah, hibah, serta hadiah. Dan terdapat juga yang pada dasarnya bermakna negatif, iaitu *rishwah* atau hadiah yang diberikan kepada penguasa yang memang sangat dilarang Islam. Namun, gratifikasi yang mengandungi nilai positif itu berkemungkinan boleh berubah menjadi negatif. Akan tetapi, hal itu sangat bergantung pada tujuan diberikan dan kepada siapa ianya diberikan. Oleh itu, gratifikasi positif akan mendapat ganjaran positif. Dan gratifikasi negatif tentunya akan mendapat hukuman yang negatif pula.

¹⁰⁵ *Tabzīr* ialah berlebihan dalam segi cara/tempat pembiayaan sedangkan *isrāf* berlebihan dalam segi pembelanjaan harta. Lihat, Maḥmūd al-Alūsī, *Rūḥ al-Ma'ānī fi Tafsīr al-Qur'ān al-'Aẓīm wa al-Sab' al-Maṭānī* j. 15, (Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī, t.t.), 63.

2.4.1 Ganjaran Terhadap Amalan Sedekah, Hibah, dan Hadiah.

Gratifikasi yang mengandung nilai positif akan mendapatkan balasan yang positif, jika niat dalam melakukan amalan itu semata-mata kerana Allah, bukan kerana dipengaruhi oleh faktor lain selain kerana Dia. Antara ganjaran-ganjaran kebaikan itu sebahagian besarnya akan diperolehi di akhirat. Orang yang memberi sedekah, hibah, dan hadiah akan menuai hasilnya nanti, bergantung kepada seberapa besar pemberian itu di dunia. Apabila seseorang individu itu berbuat banyak, maka dia akan mendapatkan banyak ganjaran, dan tidak akan luput kebaikan itu dari balasan Allah nanti. Allah telah menjanjikan bahawa apa sahaja yang diberikan oleh seseorang dengan ikhlas pasti akan memperoleh balasan. Orang-orang yang memberikan harta mereka di jalan Allah tanpa takut menjadi miskin akan memperoleh rahmat yang sangat menakjubkan. Apa-apa sahaja yang dibelanjakan di jalan Allah akan diganjarinya sepenuhnya. Hal ini sebagaimana yang disampaikan Allah SWT melalui beberapa firmanNya dalam *al-Qur'ān al-Karīm*:

لَيْسَ عَلَيْكَ هُدَاهُمْ وَلَكِنَّ اللَّهَ يَهْدِي مَنْ يَشَاءُ ۗ وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ خَيْرٍ
فَلَأَنْفُسِكُمْ ۚ وَمَا تُنْفِقُونَ إِلَّا ابْتِغَاءَ وَجْهِ اللَّهِ ۗ وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ خَيْرٍ يُوَفَّ
إِلَيْكُمْ وَأَنْتُمْ لَا تظَلْمُونَ ﴿٢٧٢﴾

Al-Baqarah 2: 272

Terjemahan: Bukanlah kewajipanmu menjadikan mereka mendapat petunjuk, akan tetapi Allah-lah yang memberi petunjuk (memberi taufiq) siapa yang dikehendakiNya. Dan apa sahaja harta yang baik yang kamu nafkahkan (di jalan Allah), Maka pahalanya itu untuk kamu sendiri. Dan janganlah kamu membelanjakan sesuatu melainkan kerana mencari keredhaan Allah. Dan apa sahaja harta yang baik yang kamu nafkahkan, nescaya kamu akan diberi pahalanya dengan cukup sedang kamu sedikitpun tidak akan dianiaya (dirugikan).

Orang-orang yang beriman hanya mengharapkan keredhaan Allah dan syurga ketika mereka memberikan harta mereka. Akan tetapi, sebagai rahsia yang telah diungkapkan oleh Allah bahawa apa sahaja yang mereka berikan akan dikembalikan lagi kepada mereka. Pulangan ini adalah merupakan rahmat di dunia, dan di atas segalanya, Allah menyediakan syurga bagi orang-orang yang beriman.

Namun begitu, realitinya masih banyak umat Islam yang masih ragu-ragu ketika harus menyisihkan sebahagian hartanya untuk melakukan amalan sedekah, hibah, hadiah, dan waqaf. Masih ada kebimbangan dalam diri sebahagian umat Islam, jika harta dan wang yang dimilikinya itu diserahkan untuk orang lain, maka ianya akan berkurangan bagi memenuhi keperluannya sehari-hari. Bagi golongan seperti ini, Allah akan memberikan ganjaran sebaliknya berbanding terhadap orang yang mengeluarkan hartanya di jalan Allah. Allah akan mengurangkan harta-harta orang yang bakhil dalam memberikan apa yang mereka miliki ke tempat yang diredhai Allah. Hal ini adalah kerana, apa yang mereka lakukan itu adalah termasuk antara amalan-amalan yang tidak mensyukuri nikmat Allah dalam bentuk harta. Seharusnya bagi mensyukuri apa yang dimiliki adalah dengan menempatkannya pada tempat yang sepatutnya. Contohnya adalah seperti sekiranya seseorang mempunyai harta maka seharusnya harta tersebut disalurkan ke jalan Allah. Namun apabila ianya berlaku sebaliknya, maka rezeki seseorang itu tidak akan ditambah, malah golongan seperti ini akan mendapat azab dari Allah. Sebagaimana isi ayat *al-Qur'ān al-Karīm* berikut ini:

وَإِذْ تَأَذَّبَ رَبُّكُمْ إِنِّ شَكَرْتُمْ لَأَزِيدَنَّكُمْ^ط وَإِن كَفَرْتُمْ إِنَّ عَذَابِي لَشَدِيدٌ



Ibrāhim 14: 7

Terjemahan: Dan (ingatlah juga), tatkala Tuhanmu memaklumkan; Sesungguhnya jika kamu bersyukur, pasti Kami akan menambah (nikmat) kepadamu, dan jika kamu mengingkari (nikmatKu), maka sesungguhnya azabKu sangat pedih.

Selain ayat-ayat *al-Qur'ān al-Karīm* di atas, Allah juga memberikan penjelasan tentang ganjaran-ganjaran kebaikan bagi orang-orang yang mahu melakukan amalan gratifikasi yang baik ini dalam ayat-ayat yang lain. Antaranya ialah, QS. al-Baqarah 2: 261, QS. al-Baqarah 2: 264, dan QS. al-Baqarah 2: 265:

مَثَلُ الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ كَمَثَلِ حَبَّةٍ أَنْبَتَتْ سَبْعَ سَنَابِلٍ فِي كُلِّ
سُنْبُلَةٍ مِائَةٌ حَبَّةٌ وَاللَّهُ يُضْعِفُ لِمَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلِيمٌ ﴿٢٦١﴾

Al-Baqarah 2: 261

Terjemahan: Perumpamaan (nafkah yang dikeluarkan oleh) orang-orang yang menafkahkan hartanya di jalan Allah¹⁰⁶ ialah sama dengan sebutir benih yang menumbuhkan tujuh bulir, pada tiap-tiap bulir seratus biji. Allah melipat gandakan (ganjaran) bagi siapa yang Dia kehendaki. Dan Allah Maha Luas (kurniaNya) lagi Maha Mengetahui.

يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَبْطُلُوا صَدَقَاتِكُمْ بِالْمَنِّ وَالْأَذَى كَالَّذِي يُنْفِقُ مَالَهُ رِثَاءَ
النَّاسِ وَلَا يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَمَثَلُهُ كَمَثَلِ صَفْوَانٍ عَلَيْهِ تُرَابٌ فَأَصَابَهُ
وَابِلٌ فَتَرَكَهُ صَلْدًا لَا يَقْدِرُونَ عَلَى شَيْءٍ مِّمَّا كَسَبُوا وَاللَّهُ لَا يَهْدِي
الْقَوْمَ الْكَافِرِينَ ﴿٢٦٢﴾

Al-Baqarah 2: 264

Terjemahan: Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu menghilangkan (pahala) sedekahmu dengan menyebut-nyebutnya dan menyakiti (perasaan si penerima), seperti orang yang menafkahkan hartanya kerana *riyā'* kepada manusia dan dia tidak beriman kepada Allah dan hari kemudian. Maka perumpamaan orang itu seperti batu licin yang di atasnya ada tanah, kemudian batu itu ditimpa hujan lebat, lalu menjadilah dia bersih (tidak bertanah). Mereka tidak menguasai sesuatu pun dari apa yang mereka usahakan; dan Allah tidak memberi petunjuk kepada orang-orang yang kafir.¹⁰⁷

وَمَثَلُ الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ ابْتِغَاءَ مَرْضَاتِ اللَّهِ وَتَثْبِيتًا مِّنْ أَنفُسِهِمْ كَمَثَلِ
جَنَّةٍ بَرْبَوَّةٍ أَصَابَهَا وَابِلٌ فَفَاتَتْ أَكُلَهَا ضِعْفَيْنِ فَإِن لَّمْ يُصِبْهَا وَابِلٌ فَطَلَّتْ
وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ ﴿٢٦٥﴾

Al-Baqarah 2: 265

Terjemahan: Dan perumpamaan orang-orang yang membelanjakan hartanya kerana mencari keredaan Allah dan untuk keteguhan jiwa mereka, seperti sebuah kebun yang terletak di dataran tinggi yang disiram oleh hujan lebat, maka kebun itu menghasilkan buahnya dua kali ganda. Jika hujan lebat tidak menyiraminya, maka hujan gerimis (pun memadai). Dan Allah Maha Melihat apa yang kamu amalkan.

¹⁰⁶ Pengertian menafkahkan harta di jalan Allah dalam ayat ini meliputi belanja untuk kepentingan jihad, pembangunan perguruan, rumah sakit, usaha penyelidikan ilmiah dan lain-lain.

¹⁰⁷ Mereka ini tidak mendapat manfaat di dunia dari usaha-usaha mereka dan tidak pula mendapat pahala di akhirat.

Dalam setiap ayat tersebut terdapat rahsia yang diungkapkan Allah kepada orang-orang yang beriman dalam *al-Qur'ān*. Dijelaskan bahawa orang-orang beriman yang memberikan atau membelanjakan harta benda mereka hanya untuk mencari keredhaan dan rahmat Allah serta syurgaNya akan diganjar setimpalnya. Antaranya ialah harta mereka akan digandakan oleh Allah, tugas-tugas mereka dijadikan mudah, dan Allah memberikan kesempatan atau peluang yang lebih besar kepada mereka dalam membelanjakan harta di jalan Allah. Setiap orang yang beriman dan yang bertaqwa kepada Allah tidak akan ada dalam hatinya kebimbangan terhadap masa depan dan mereka akan memahami rahsia ini dalam kehidupan.

2.4.2 Hukuman Terhadap Amalan Hadiah Kepada Penguasa dan *Rishwah*.

Hukuman untuk amalan yang dilarang dalam syari'at Islam sering disebut sebagai *al-'uqūbah*. Hukuman ini adalah merupakan suatu bentuk akibat yang harus ditanggung kesan daripada perbuatan yang dilarang dalam agama (*jarīmah*) bagi menghalang pelaku meneruskan perbuatan tersebut dan juga sebagai pengajaran untuk orang lain agar tidak melakukan amalan yang sama. Oleh kerana gratifikasi bentuk *rishwah* dan hadiah kepada kaki tangan kerajaan dalam Islam adalah merupakan suatu amalan yang bertentangan dengan aturan syari'at (*al-jarīmah*), maka pelaku amalan tersebut sememangnya layak untuk diberikan hukuman (*'uqūbah*).

2.4.2.1 Urgensinya hukuman untuk *jarīmah* dalam hukum Islam.

Islam menggambarkan *jarīmah* sebagai amalan yang sifatnya mengandungi kemudaratan bagi orang lain. Hal ini kerana Islam selalu mengetengahkan kepentingan umat manusia dalam setiap *jarīmah* dan oleh sebab itu, kajian terhadap *jarīmah* dalam Islam adalah menarik untuk dikaji. Melalui *al-Qur'ān*, Allah SWT memerintahkan agar Nabi Muḥammad SAW menghukum manusia sesuai dengan *al-Qur'ān*, seperti yang terkandung dalam *al-Qur'ān al-Karīm*:

إِنَّا أَنْزَلْنَا إِلَيْكَ الْكِتَابَ بِالْحَقِّ لِتَحْكُمَ بَيْنَ النَّاسِ بِمَا أَرَاكَ اللَّهُ ۗ وَلَا تَكُن

لِلْخَائِبِينَ خَصِيمًا ﴿١٠٥﴾

Al-Nisā' 4: 105

Terjemahan: Sesungguhnya kami telah menurunkan kitab kepadamu dengan membawa kebenaran, supaya kamu mengadili antara manusia dengan apa yang telah Allah wahyukan kepadamu, dan janganlah kamu menjadi pembangkang (orang yang tidak bersalah), kerana (membela) orang-orang yang khianat.

Ayat ini mengandungi maksud bahawa setiap penetapan hukuman haruslah merujuk kepada *al-Qur'ān*. Ibn Kathīr memberikan pemahaman terhadap ayat ini, bahawa setiap ketentuan yang dilakukan oleh Nabi merupakan ketentuan yang merujuk kepada *al-Qur'ān* atau kepada syari'at para Nabi sebelumnya yang belum dikeluarkan.¹⁰⁸

Manakala hukuman bagi sebahagian amalan merupakan bukti adanya kawalan *naṣ* terhadap kehidupan masyarakat, termasuk dalam masalah *jarīmah*. Dari banyaknya perhatian *al-Qur'ān* ini, maka setiap amalan yang boleh merosakkan susunan kehidupan manusia layak dikenakan sekatan fizikal, walaupun *al-Qur'ān* tidak menyebutkan jenis hukumannya secara terperinci. *Al-Qur'ān* menggunakan berbagai macam variasi dalam mengatur kegunaan hukuman fizikal bagi pelaku amalan *jarīmah*. Kadangkala ianya adalah melalui penggunaan kata *katabnā* (sudah Kami wajibkan), *faṣṭa'ū aydiyahumā* (potonglah kedua tangannya) pada *jarīmah sirqah*, *fajlidū kulla wāḥidin minhumā miata jildatin* (sebatlah setiap penzina itu sebanyak seratus kali) pada kes perzinaan, dan lain-lain.

Melalui penjelasan di atas, dapatlah dikatakan bahawa pentingnya kedudukan *al-Qur'ān* dalam menetapkan *'uqūbah* terhadap pelaku *jarīmah*. Oleh itu, bagi menentukan suatu amalan sebagai *jarīmah* termasuklah gratifikasi adalah wajib untuk merujuk kepada hukuman yang ada dalam *al-Qur'ān*. Seterusnya, ayat-ayat yang menjelaskan tentang terdapatnya hukuman bagi amalan tertentu dalam *al-Qur'ān* itu

¹⁰⁸ Ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qur'ān al-'Aẓīm*. j. 3, (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyah, 2004), 128.

sendiri pula dapat dijadikan sebagai dalil untuk amalan yang tidak disentuh oleh *al-Qur'ān* sebagai *jarīmah*. Jadi *al-Qur'ān* dalam menetapkan *jarīmah* adalah dianggap sebagai dalil. Hal kerana *al-Qur'ān* yang pertama sekali menetapkan suatu amalan sebagai *jarīmah* dan mengancam pelakunya dengan hukuman fizikal.

Perbincangan tentang *jarīmah* dalam *al-Qur'ān* masih lagi bersifat umum yang masih membolehkan penambahan melalui tafsiran-tafsiran baru. Hal ini kerana *al-Qur'ān* itu sifatnya dinamik. Oleh kerana perbincangan tentang *jarīmah* dalam *al-Qur'ān* masih bersifat global maka diperlukan panduan yang benar dalam memahaminya. Nabi Muḥammad SAW tentunya orang yang tepat untuk menduduki kedudukan itu, kerana baginda mempunyai kapasiti, kredibiliti dan integriti dalam hal itu, dan Tuhan pun telah menunjuk nabi sebagai penjelas dan memperincikan terhadap umumnya *al-Qur'ān* itu.

Seluruh kaum muslimin sepakat bahawa hadis yang benar-benar yang sah dari Rasul merupakan undang-undang dan pedoman hidup yang harus diikuti dan menjadi hujah bagi kaum muslimin dan juga sebagai sumber syari'at, tempat para mujtahid menggali hukum. Hukum yang dihasilkan dari hadis Nabi wajib diikuti sebagaimana hukum-hukum yang diistinbatkan dari *al-Qur'ān*.

Hadis berfungsi sebagai perinci atau penjelas kepada ayat-ayat yang global iaitu menjelaskan hal-hal yang masih sukar difahami dan membuat batasan-batasan terhadap ayat *al-Qur'ān* yang bersifat mutlak khususnya dalam menerangkan ayat-ayat hukum dalam *al-Qur'ān*. Oleh kerana eratnya hubungan antara *al-Qur'ān* dan hadis, maka majoriti para ulama memahami bahawa kedudukan hadis berada pada urutan yang kedua sebagai dalil hukum selepas *al-Qur'ān*.¹⁰⁹

Peruntukan-peruntukan *al-Qur'ān* yang selari dengan kehidupan manusia akan membuat ketentuan tersebut sangat berkesan dalam membina ketenteraman umum kerana ketentuan *al-Qur'ān* selalu merujuk kepada kehidupan manusia sehingga segala

¹⁰⁹ 'Afif 'Abd al-Fattāh Ṭabbārah, *Rūḥ al-Dīn al-Islāmī* (Beirut: Dār al-'Ilm li al-Malāyīn, 1985), 459-460.

ketentuan akan selalu mengutamakan persoalan kemanusiaan. Misalnya penerapan hukuman fizikal bagi pelaku *jarīmah* menunjukkan adanya keinginan untuk mewujudkan supaya manusia boleh hidup dengan aman. Ketenteraman umum yang ditetapkan oleh *al-Qur'ān* adalah bagi mewujudkan kemaslahatan. Apabila ada ayat yang terkesan bertolak belakang dengan prinsip keadilan yang menjadi keutamaan utama dalam menetapkan suatu ketentuan, maka berdasarkan prinsip keadilan inilah hadis memainkan peranan dalam membuat perincian terhadap umumnya ayat *al-Qur'ān* yang sesuai dengan keadaan ketika itu. Jadi, *al-Qur'ān* dan hadis mempunyai hubungan dalam ruang lingkup hukum yang terletak pada butiran dan penjelasan, kerana dalam *al-Qur'ān* hanya memuat prinsip dan kriteria, khasnya mengenai keadilan. Manakala, tugas Nabi Muhammad SAW, melalui hadisnya memberikan penjelasan dan perincian. Tafsiran yang dilakukan hadis terhadap *al-Qur'ān* tidak boleh dipisahkan kerana kewujudan hadis adalah sebagai penjelas dan perinci *al-Qur'ān*. Hal ini sebagaimana halnya berlaku pada gratifikasi dalam Islam. Dalam *al-Qur'ān* dijelaskan tentang gratifikasi secara umum, kemudian diperincikan kembali oleh Rasulullah dalam hadisnya.

2.4.2.2 Prinsip-prinsip *jarīmah* dan prinsip-prinsip hukuman dalam amalan gratifikasi mengikut hukum Islam.

Prinsip ialah asas (kebenaran yang menjadi pokok dasar berfikir, bertindak dan sebagainya) atau dasar. Contohnya, “prinsip description” ialah asas perbezaan, “prinsip konvensional” ialah asas persesuaian, “berprinsip” ialah mempunyai prinsip.¹¹⁰ Tepatnya prinsip itu ialah sesuatu yang dijadikan sebagai tolok ukur untuk menetapkan suatu amalan sebagai *jarīmah*. Jadi penggunaan prinsip di sini ialah sesuatu yang dijadikan sebagai tolok ukur dalam menetapkan amalan gratifikasi sebagai amalan *jarīmah* yang sangat dilarang dalam Islam.

¹¹⁰ Tim Penyelidik Kamus Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa, *Kamus Besar Bahasa Indonesia* (Jakarta: Balai Pustaka, 2007), 896.

Prinsip *jarāmah* gratifikasi dalam *naş* penting untuk dicari, kerana apa yang terdapat dalam *naş* akan menjadi dalil bagi amalan lain yang kriterianya sama dengan tindakan jenayah yang ada dalam *naş*. Oleh itu, penelaahan atau mempelajari prinsip-prinsip *jarāmah* gratifikasi yang ada dalam *naş* perlu dilakukan agar usaha penghuraian tersebut menepati sasaran.

Ketetapan *jarāmah* dalam *al-Qur'ān* adalah berdasarkan kepada prinsip-prinsip umum. Tidak ada butiran dan bahagian-bahagian yang baku di dalamnya kerana sifatnya terus berkembang sesuai dengan perkembangan situasi dan keadaan.¹¹¹ Apabila terdapat suatu amalan yang pelakunya dikenakan hukuman, bukan bermakna amalan tersebut tidak boleh dirumuskan ke dalam *jarāmah* tetapi dengan syarat adanya persamaan atau kesesuaian kriterianya dengan kriteria *jarāmah* yang terkandung di dalam *al-Qur'ān*.

Terdapat prinsip-prinsip alternatif *jarāmah* dalam *naş* tersebut yang boleh dijadikan sebagai tolok ukur untuk menetapkan gratifikasi sebagai *jarāmah*. Prinsip-prinsip tersebut ialah prinsip kecaman, prinsip penyerangan, dan prinsip hukuman. Penjelasannya adalah seperti berikut:

- 1) Prinsip kecaman, iaitu asas yang mana amalannya dikecam oleh syari'at. Kecaman ini boleh dikesan melalui akibat dari amalan tersebut yang kadang-kadang disebut *al-Qur'ān* dalam ayat bersangkutan seperti tindakan jenayah kecurian, penuduhan, dan sebagainya. Kecaman tersebut adakala tidak disebutkan secara langsung pada ayat berkenaan namun ianya boleh dikenal pasti pada ayat-ayat pengantar (pada ayat-ayat sebelum dan sesudah ayat-ayat *jarāmah*). Prinsip ini juga terdapat pada amalan gratifikasi yang diharamkan, yang mana gratifikasi dalam bentuk *rishwah* dan hadiah kepada penguasa dikecam oleh syari'at secara langsung melalui ayat *al-Qur'ān* dan juga hadis Nabi. Contohnya seperti dalam *al-Qur'ān* yang melarang memakan harta

¹¹¹ 'Abd al-Ḥamīd Mutawallī, *Mabādi' Niẓām al-Ḥukm fī al-Islām ma'a al-Muqāranah bi al-Mabādi' al-Dustūriyyah al-Ḥadīthah* (Iskandariyah: Mansha'ah al-Ma'ārif, 1978), 239.

orang lain secara batil, termasuk tidak boleh memberikannya, kerana termasuk membantu dalam kebatilan.

2) Prinsip penyerangan, iaitu amalan yang menyerang nyawa, harta dan anggota-anggota fizikal, nama baik dan kehormatan seseorang. Penyerangan terhadap nyawa adalah seperti tindakan pembunuhan manakala penyerangan terhadap harta adalah seperti kecurian. Penyerangan terhadap fizikal pula dapat dilihat melalui tindakan merosakkan atau menghilangkan anggota-anggota tertentu, manakala penyerangan terhadap nama baik dan kehormatan dapat dikenal pasti dalam bentuk penghinaan dan caci maki. Kaitan prinsip ini dengan gratifikasi dapat dilihat dalam bentuk penyerangan terhadap harta orang lain. Hal ini kerana dengan pemberian *rishwah* pada umumnya akan ada pihak yang kurang bernasib baik, kerana umumnya *rishwah* adalah bertujuan untuk mengalahkan kebenaran. Keadaan ini akan mewujudkan peluang terjadinya penyerangan terhadap harta orang lain, yang sudah pasti penyerangan terhadap harta pemberi gratifikasi tersebut.

3) Prinsip ancaman hukuman, iaitu setiap amalan yang pelakunya diancam oleh Allah dengan hukuman.¹¹² Hukuman menjadi prinsip kerana kesan daripada *jarīmah* boleh menimbulkan kerosakan, kerugian, kebencian, permusuhan, dan lain-lain. Kesan inilah yang menyebabkan pelaku *jarīmah* dikenakan hukuman dengan tujuan untuk menghalang pelaku meneruskan perlakuan *jarīmah* dan sebagai pengajaran kepada orang lain seterusnya dapat mencegah amalan *jarīmah* daripada berterusan.

Hal ini turut berlaku pada gratifikasi yang dilarang, kerana amalan *rishwah* dan hadiah kepada penguasa akan dikenakan hukuman. Contohnya pemberi *rishwah* akan mendapat tempat di neraka nanti di hari kiamat selain turut akan mendapat hukuman di dunia.

¹¹² Achyar Zein, "Kriteria Tindak Pidana dalam Al-Qur'an" (Banda Aceh: Thesis Doktor, Program Pascasarjana IAIN Ar-Raniry, Banda Aceh, 2010), 77-78.

Selain prinsip-prinsip *jarāmah* dalam amalan gratifikasi mengikut Islam di atas, para pakar hukum Islam juga membuat klasifikasi prinsip-prinsip hukuman terhadap pelaku *jarāmah*. Prinsip-prinsip tersebut juga menjadi rujukan dalam menetapkan hukuman negatif atau hukuman terhadap amalan gratifikasi ini. Oleh itu, para pakar hukum Islam merumuskan dengan teliti berkenaan dengan prinsip-prinsip hukuman terhadap amalan *jarāmah*. ‘Abd al-Qādir ‘Awdah menyebutkan lima prinsip hukuman dalam sistem hukum Islam, iaitu:

- 1) Prinsip pencegahan, iaitu hukuman yang seharusnya boleh menghalang seluruh masyarakat dari melakukan amalan *jarāmah* ketika *jarāmah* itu belum terjadi. Jika amalan *jarāmah* sudah terjadi, maka hukuman yang diterapkan kepada pelaku harus dapat mendidik dan memberi pembelajaran kepada pelakunya dan sekaligus dapat menghalang orang lain melakukannya.
- 2) Prinsip keperluan, iaitu prinsip hukuman *jarāmah* yang merupakan keperluan dan kemaslahatan masyarakat umum. Jika kemaslahatan masyarakat menghendaki perlu adanya keringanan hukuman maka hukuman itu harus diringankan, dan jika kemaslahatan umum menginginkan hukuman diberatkan maka hukuman itu juga harus diberatkan. Jadi prinsip keperluan ini berpegang pada berat ringannya suatu hukuman sangat bergantung pada keadaan masyarakat yang berkaitan langsung dengan hukuman tersebut.
- 3) Prinsip pemeliharaan, iaitu prinsip yang dapat memelihara masyarakat. Apabila penyelenggaraan masyarakat hanya dapat dilakukan dengan menyingkirkan pelaku *jarāmah* maka para pelaku dikenakan hukuman mati atau dikenakan hukuman penjara seumur hidup, jika pelaku tidak bertaubat diri.¹¹³ Jadi yang penting di sini untuk diperhatikan adalah dalam menjatuhkan hukuman ialah bukan hanya pada amalan

¹¹³ Ketika *al-Qur’ān* bercakap tentang penjatuhan hukuman dalam bentuk fizikal kepada pelakunya, *al-Qur’ān* selalu mengiringinya dengan kata taubat dan *islāh*. Kedua kata ini menunjukkan bahawa penguatkuasaan hukuman fizikal yang seharusnya sudah dikuatkuasakan kepada pelaku *jarāmah* perlu dipertimbangkan semula kerana masyarakat sudah terpelihara dari amalan pelaku. Dalam level ini *al-Qur’ān* memberikan semacam panduan dengan memberikan hukuman pahala kepada pihak korban apabila memberikan kemaafan bagi pelaku.

pelaku sahaja tetapi tidak kurang pentingnya dalam turut memerhatikan pada keadaan orang-orang yang akan melakukan perkara yang sama.

- 4) Prinsip kemaslahatan, iaitu setiap hukuman harus mempunyai prinsip kemaslahatan individu dan sekaligus dapat menjaga masyarakat. Hukuman tersebut ialah hukuman yang sudah disyariatkan. Oleh kerana itu, penguatkuasaan hukuman tidak seharusnya hanya mengambil kira satu aspek sahaja tanpa mempedulikan aspek lain. Melalui prinsip ini dapatlah menunjukkan bahawa baik dan buruknya suatu hukuman bukan tolak ukurnya pada berat hukuman yang diberikan, tetapi yang lebih penting dilihat adalah pada beratnya kemaslahatannya. Misalnya, *al-Qur'ān* menetapkan hukuman *qiṣāṣ* (pembalasan setimpal) kepada pelaku pembunuhan (*al-qatl*) kerana di dalamnya mengandungi kebaikan bagi masyarakat ramai. Namun begitu, *al-Qur'ān* sendiri menawarkan alternatif lain iaitu memberikan kemaafan sehingga hukuman yang seharusnya *qiṣāṣ* gugur kerana terdapat kemaslahatan yang lebih besar apabila hukuman *qiṣāṣ* tidak dilakukan. Sebagai gantinya, hukuman beralih kepada hukuman bukan fizikal iaitu berupa pembayaran *diyāt* oleh pelaku pembunuhan kepada keluarga mangsa.¹¹⁴
 - 5) Prinsip pembelajaran, iaitu prinsip yang mempunyai nilai-nilai pendidikan bagi pelaku *jarīmah*. Prinsip pembelajaran ini tidak sama dengan balas dendam, kerana nilai-nilai yang terdapat dalam hukuman *jarīmah* mengikut Islam bertujuan untuk memulihkan pelaku. Oleh kerana itu, hukuman yang dikuatkuasakan harus berbeza, setimpal dengan jenis dan berat *jarīmah* yang diperbuat oleh pelaku *jarīmah*.¹¹⁵
- Apabila dianalisis, prinsip pembelajaran ini tidak hanya digunakan terhadap pelaku

¹¹⁴ Semua prinsip hukuman ini merupakan intisari dari pendapat 'Abd al-Qādir 'Awdah yang ia kutip dari pendapat beberapa pakar hukum Islam lain. Prinsip pertama ia kutip dari pendapat Ibn al-Hammām, prinsip kedua dikutip dari pendapat Imam al-Māwardī, prinsip ketiga dari pendapatnya al-Hajāwī, Ibn 'Ābidīn dan Ibn Taymiyyah, prinsip keempat dari pendapat Ibn Taymiyyah.

¹¹⁵ 'Abd al-Qādir 'Awdah, *al-Tashrīḥ al-Jināḥ al-Islāmī* (Beirut: Dār al-Kutub, 1963), 610. Para ahli hukum Barat mendakwa bahawa prinsip-prinsip di atas berasal dari hukum mereka (sekular). Sebenarnya, dakwaan ini tidak adil. Lebih dari 14 abad yang lalu, hukum Islam telah menjadi perintis dalam penerapannya dengan landasan yang sah, iaitu *al-Qur'ān* dan hadis Nabi Muḥammad SAW. Sebagaimana yang dikutip oleh Topo Santoso dari Nagaty Sanad, *The Theory of Crime and Criminal Responsibility in Islamic Law Sharia*, (Chicago: Office of International Criminal Justice, 1991), 37-38.

jarīmah khas akan tetapi berlaku juga kepada semua jenis *jarīmah*. Oleh sebab itu, hukuman harus dibuat dalam bentuk perundang-undangan.

Prinsip-prinsip hukuman dalam *jarīmah* di atas, yang juga menjadi dasar prinsip hukuman terhadap amalan gratifikasi dalam Islam, menetapkan bahawa setiap hukuman terhadap amalan gratifikasi harus bersifat mengandungi nilai kemaslahatan dan bersyarat. Misalnya, biarpun hukuman yang dikuatkuasakan nampak ringan namun sekiranya ianya dapat memberikan kemaslahatan yang lebih besar kepada dua belah pihak, iaitu pelaku gratifikasi dan masyarakat, maka tidak perlu dijatuhkan hukuman yang lebih berat jika dengan hukuman yang ringan sahaja boleh menekan angka *jarīmah*. Jadi pada hakikatnya, semua prinsip itu berorientasikan pada terwujudnya ketertiban dan keselamatan umat manusia. Akan tetapi dalam Islam, ada *jarīmah* tertentu yang merupakan hak Allah dan tidak boleh diubah oleh siapa pun iaitu berupa *jarīmah ḥudūd*. Untuk itu, dalam kategori *jarīmah ḥudūd* prinsip keperluan dan kemaslahatan dari hakim harus ditepikan, kerana dalam hukuman untuk *jarīmah ḥudūd* sudah terkandung asas keperluan dan kemaslahatan dari Allah. Pertimbangan keperluan dan kemaslahatan menjadi prinsip dalam pemberian hukuman oleh hakim lebih mendekati kepada amalan *jarīmah* dalam kategori *ta'zīr* sahaja, bukan menjadi prinsip untuk kategori *jarīmah ḥudūd*.

Bagi pelaku amalan gratifikasi yang dilarang dalam Islam seperti yang sudah penyelidik jelaskan sebelumnya, maka sesebuah hukuman itu baru boleh dilaksanakan apabila sudah memenuhi rukun-rukunnya, iaitu *al-rukn al-shar'ī*, *al-rukn al-māddī*, dan *al-rukn al-'adabī*.¹¹⁶ Ertinya, adanya *naṣ* yang melarang melakukan atau meninggalkan amalan tersebut serta menyatakan adanya ancaman hukuman untuk amalan tersebut (*al-rukn al-shar'ī*). Terdapatnya amalan yang dinyatakan sebagai *jarīmah*, baik dalam bentuk

¹¹⁶ 'Abd al-Qādir 'Awdah, *al-Tashrī' al-Jina'ī*, 121. Lihat juga, Al Yasa' Abubakar et al., *Hukum Pidana Islam di Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam* (Banda Aceh: Dinas Syari'at Islam Prov. NAD, 2006), 33. Dan Muḥammad Abū Zahrah, *al-Jarīmah wa al-'Uqūbah fī al-Fiqh al-Islāmī* (t.tp.: Dār al-Fikr al-'Arabī, t.t.), 126.

melakukan sesuatu yang dilarang mahupun sebaliknya, iaitu meninggalkan sesuatu yang diperintahkan (*al-rukn al-maddī*). Dan adanya pelaku *jarīmah*, iaitu seorang yang sudah *mukallaf* (sampai umur sehingga dibebankan hukum baginya dan berakal) dan sudah boleh bertanggungjawab atas perbuatan sendiri (*al-rukn al-'adabī*). Apabila tiga unsur ini tidak ada, maka tidak boleh dikenakan hukum berupa hukuman terhadap amalan gratifikasi yang berlaku.

2.4.2.3 Hukuman untuk amalan gratifikasi hadiah kepada penguasa dan *rishwah* dalam hukum Islam.

Hukuman terdiri daripada hukuman persendirian dan hukuman umum. Inisiatif pelaksanaan hukum persendirian diserahkan kepada masing-masing iaitu pada pihak yang berkepentingan. Kedudukan antara individu ialah sama. Sedangkan inisiatif pelaksanaan undang-undang sivil diserahkan kepada negara atau kerajaan yang diwakilkan kepada pendakwa beserta anggotanya.¹¹⁷ Kemudian ditinjau dari fungsinya, hukum dibahagikan kepada undang-undang sivil, undang-undang dagang dan undang-undang jenayah. Masing-masing mempunyai sifat dan fungsi yang berbeza-beza. Sebagai contoh, hukuman jenayah berfungsi bagi memastikan ketentuan-ketentuan hukum yang terdapat dalam hukum sivil, dagang, adat dan tata negara ditaati sepenuhnya.

Sementara itu, dalam hukuman Islam juga terdapat bermacam-macam hukuman yang mengatur kehidupan manusia sebagai khalifah di bumi ini. Peraturan hukuman dalam Islam antara lain dibezakan sebagai *al-aḥwāl al-shakhsīyyah* (undang-undang keluarga), *al-aḥwāl al-madaniyyah* (undang-undang persendirian), *al-aḥwāl al-jināyah* (undang-undang jenayah), dan sebagainya.

Hukuman jenayah Islam didasarkan pada perlindungan HAM (Hak Asasi Manusia) atau *Human Right* yang bersifat primer (*ḍarūriyyah*) yang meliputi perlindungan atas agama, jiwa, keturunan, akal, dan harta. Perlindungan terhadap lima

¹¹⁷ Nico Ngani, et al., *Psikologi Kriminal dalam Teori dan Praktek Hukum Pidana* (Yogyakarta: Kedaulatan Rakyat, 1985), 26.

hak tersebut oleh al-Shāḥībī dinamakan *al-maqāṣid al-sharī'ah*. Hakikat dari penetapan syari'at (hukum) oleh Tuhan ialah untuk mewujudkan kemaslahatan manusia. Kemaslahatan itu dapat diwujudkan apabila lima unsur pokok tersebut dapat diwujudkan dan dipelihara.¹¹⁸

Hukum Islam melindungi hak-hak untuk hidup, merdeka, dan merasakan keselamatan. Islam melarang bunuh diri dan pembunuhan serta penganiayaan. Dalam Islam pembunuhan terhadap seorang manusia tanpa alasan yang benar diibaratkan seperti membunuh seluruh manusia. Sebaliknya, barang siapa yang memelihara kehidupan seseorang manusia, maka ia diibaratkan memelihara manusia seluruhnya.¹¹⁹ Hukum Islam memberikan dasar hukuman pada pihak pelaku *jarīmah* merujuk pada *al-Qur'ān* yang menetapkan bahawa balasan untuk suatu amalan jahat harus setanding dengan amalan itu.¹²⁰

Hukum Islam mengatur masalah jenayah. Istilah jenayah dalam kitab-kitab fekah disebut dengan *jināyah*¹²¹ yang merangkumi perbincangan tentang jenis-jenis amalan yang dianggap sebagai amalan *jarīmah*, pembahagiannya, bentuk-bentuk hukumannya, serta tatacara atau prosedur penjatuhan hukumannya. Hal ini sangat penting terhadap penguatkuasaan sebuah peraturan yang digunakan untuk mengawal masyarakat Islam, baik yang disebutkan oleh *naṣ* mahupun tidak disebutkan agar tujuan yang dikehendaki oleh hukuman dapat terlaksana dan menjadi kemaslahatan bagi manusia dalam sehariannya.¹²²

Berdasarkan tujuan tersebut, hukum Islam membahagikan hukuman *jarīmah* menjadi tiga, iaitu hukuman terhadap *ḥudūd*, *qiṣāṣ-diyāt*, dan *ta'zīr*. Ini merupakan klasifikasi jenayah yang paling penting dan paling banyak dibincangkan oleh para ahli hukum Islam. Sebahagian pakar hukum Islam menambahnya dengan satu lagi hukuman

¹¹⁸ Asfri Jaya Bakri, *Konsep Maqasid Syari'ah Mengikut al-Syatibi* (Jakarta: Raja Grafindo Persada, 1996), 71-72.

¹¹⁹ Topo Santoso, *Membumikan Hukum Pidana Islam: Penegakan Syari'at dalam Wacana* (Jakarta: Gema Insani Press, 2003), 71-72.

¹²⁰ Abdoel Raoef, *Al-Qur'an dan Ilmu Hukum*, (Jakarta: Bulan Bintang, t.t.), 132.

¹²¹ A. Djazuli, *Fiqh Jinayah: Upaya Menanggulangi Kejahatan dalam Islam* (Jakarta: Radja Grafindo Persada, 1997), 3.

¹²² Ali Yafie, *Ijtihad dalam Sorotan* (Bandung: Mizan, 1988), 66.

jarīmah, iaitu *jarīmah kafārah*.¹²³ Namun secara umumnya dapat dilihat bahawa ketiga-tiga kategori pertamalah yang guna pakai oleh sebahagian ahli fiqh, sedangkan *kaffārah* dimasukkan menjadi sebahagian daripada *ḥudūd*, kerana ianya dianggap sebagai jenis hukuman yang sudah ditetapkan oleh *naṣ*.

Penyelidik akan membincangkan secara ringkas tentang bentuk hukuman dalam hukum Islam yang sudah diklasifikasikan oleh para ulama. Hal ini dilakukan bertujuan untuk mengetahui amalan gratifikasi adalah termasuk dalam kategori yang mana satu sehingga dapat diketahui hukuman yang tepat dan boleh dikenakan kepada pelaku *jarīmah* gratifikasi yang diharamkan. Berikut adalah hukuman-hukuman bagi *jarīmah* tersebut:

1) Hukuman untuk *jarīmah ḥudūd*.

Ḥudūd ialah bentuk *jama'* dari kata *ḥad*. Mengikut harfiah ertinya ialah menyekat dan menentukan batasannya supaya tidak melebihi jumlah dan saiz. *Ḥudūd* dalam erti menyekat bermaksud pemisahan antara dua perkara supaya tidak bercampur dengan yang lain, batasan antara satu dengan yang lain, atau pemisah antara dua perkara yang sudah mempunyai batas iaitu seperti batas tanah, batas haram, dan batas-batas lain.¹²⁴ Mengikut *shara'*, *ḥudūd* ialah batasan-batasan hukuman baik dari aspek jenis dan jumlahnya yang ditentukan Allah. Hukuman tersebut dikenakan terhadap orang-orang yang berbuat dosa atau melanggar hukum.¹²⁵

Jadi, *jarīmah ḥudūd* ialah amalan-amalan *jarīmah* yang mana bentuk, jenis, dan kadar hukumnya telah ditetapkan dalam *naṣ* (*al-Qur'ān* dan hadis). *Ḥudūd* merupakan hak Allah yang tidak boleh diganti, ditambah, atau dikurangkan oleh

¹²³ *Jarīmah kafārah* ialah amalan yang ditetapkan atas amalan jenayah tertentu yang diancam dengan hukuman denda. Ada lima jenis *jarīmah* yang diancam dengan *kafārah*, iaitu pembunuhan tidak sengaja, *jima'* (melakukan hubungan suami-isteri) di siang hari bulan Ramadhan, sumpah, *jima'* dengan isteri yang *diḥar*, dan dalam *iḥrām*. Bentuk hukuman diberikan dalam bentuk pilihan, iaitu memerdekakan seorang budak, atau berpuasa, atau memberi makan dan pakaian kepada fakir dan miskin.

¹²⁴ Ibn Manzūr, *Lisān al-'Arab*. j. 3, (Beirut Dār al-Fikr, 1999), 140.

¹²⁵ 'Abd al-Qādir 'Awdah, *al-Tashrī' al-Jina'i*, j. 1, 78.

sesiapa dan hukumannya sudah ditentukan secara tetap, tidak ada batas tertinggi dan batas terendah. Misalnya pezina *muhṣan* dikenakan hukuman ini dengan disebat 100 kali. Hukuman untuk *ḥudūd* ditujukan kepada tujuh jenis *jarīmah*, iaitu *jarīmah al-zinā* (hubungan terlarang), *jarīmah al-qadhf* (menuduh berzina), *jarīmah al-shurb* (meminum khamar), *jarīmah al-sirqah* (mencuri), *jarīmah al-ḥirābah* (mengganggu kestabilan), *jarīmah al-riddah* (keluar dari Islam), dan *jarīmah al-baghy* (memberontak).¹²⁶

2) Hukuman untuk *jarīmah qiṣāṣ-diyāt*.

Jarīmah qiṣāṣ-diyāt ialah ancaman hukuman yang dikenakan pada jenayah terhadap hak-hak manusia dan khasnya pada *jarīmah* pembunuhan dan pelukaan terhadap anggota badan. *Qiṣāṣ* ialah hukuman balasan yang setanding dengan kejahatan yang dilakukan. Hukuman ini dikenakan bagi pembunuhan sengaja yang tidak dimaafkan oleh ahli waris mangsa (terbunuh). *Qiṣāṣ* juga dilaksanakan bagi *jarīmah* segala jenis pelukaan (penganiayaan) yang dilakukan dengan sengaja. Secara keseluruhannya, *qiṣāṣ* ialah *al-musāwah wa al-ta'āddul* (persamaan dan keseimbangan).¹²⁷ Manakala *diyāt* pula ialah hukuman terhadap pembunuhan semi sengaja dan pembunuhan tersalah serta pelukaan tidak sengaja.¹²⁸ *Diyāt* juga diertikan dengan sejumlah harta tertentu yang harus diberikan oleh pelaku jenayah terhadap jiwa atau tubuh kepada pihak keluarga mangsa sebagai hukuman atas kejahatan yang telah dikerjakan.¹²⁹

¹²⁶ Mengikut Muḥammad Sālim al-'Awa, dari tujuh jenis *jarīmah ḥudūd* tersebut, terjadi perbezaan pendapat di antara ahli fiqh terhadap tiga jenis *jarīmah*, apakah dikategorikan sebagai *jarīmah ḥudūd* sesungguhnya atau tidak. Ketiga *jarīmah* yang dimaksud ialah *jarīmah al-shurb* (meminum khamar), *jarīmah al-riddah* (keluar dari Islam), dan *jarīmah al-baghy* (memberontak). Sumber perbezaan itu kerana ketiga *jarīmah* ini tidak ditegaskan *ḥad*-nya oleh *naṣ*, dan terjadi perbezaan penerapannya oleh Nabi SAW dan para sahabat. Kerana itu, dia sendiri cenderung berpendapat bahawa ketiga jenis *jarīmah* ini bukan *ḥudūd*, tetapi *ta'zīr*. Ini merupakan kutipan ungkapan Muḥammad Salim al-'Awa dalam *Fī Uṣūl al-Tashrī' Islāmī*, yang dikutip oleh Nasrullah Yahya. Lihat, Nasrullah Yahya, "Filsafat Hukum Ta'zīr: Tindak Pidana Korupsi", *Jurnal Sintesa*, Vol. 7, No. 2, Julai 2008, 144.

¹²⁷ Aḥmad Fathi Bahansi, *al-'Uqūbah fī al-Fiqh al-Islāmī* (Beirut: Maktabah Dār al-'Urubah, 1961), 127.

¹²⁸ Muḥammad Rashīd Riḍā, *Tafsīr al-Qur'ān al-Karīm al-Manar*. j. 2, (Beirut: Dār al-Fikr, t.t.), 125. Ibn al-'Arabī, *Aḥkam al-Qur'ān* (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyah, 1988), 129. Dan Abdul Azis Dahlan, ed., *Ensklopedia Hukum Islam*. j. 3, (Jakarta: Ichtiar Baru van Hoeve, 2003), 266.

¹²⁹ Wahbah al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhū* (Damsyiq: Dār al-Fikr, 1989), 5617-5618.

Berdasarkan huraian di atas, kemudian para pakar hukum Islam membahagikan hukuman untuk *jarīmah qiṣāṣ-diyāt* kepada lima jenis, iaitu hukuman untuk pembunuhan sengaja (*al-qatl al-‘amd*), hukuman untuk pembunuhan semi sengaja (*al-qatl al-shibh al-‘amd*), hukuman untuk pembunuhan tidak sengaja (*al-qatl al-khaṭ’*), penganiayaan sengaja (*al-jarḥ al-‘amd*), dan hukuman untuk penganiayaan tidak sengaja (*al-jarḥ al-khaṭ’*).¹³⁰

Daripada huraian di atas (hukuman untuk *jarīmah ḥudūd* dan hukuman untuk *jarīmah qiṣāṣ-diyāt*) memberikan pemahaman bahawa hukuman tersebut dikhususkan untuk *jarīmah* yang ditentukan oleh *naṣ* (*al-Qur’ān* dan hadis), baik dari segi amalannya mahupun hukumannya. Jadi, hukuman tersebut mesti diperuntukkan atau dikenakan kepada amalan *jarīmah* sebagaimana yang sudah ditentukan oleh *naṣ* peruntukannya serta tidak boleh melebihi dan juga mengurangkan.

3) Hukuman untuk *jarīmah ta‘zīr*.

Berdasarkan perbincangan hukuman terhadap pelbagai macam *jarīmah* di dalam *al-Qur’ān* dan hadis yang dihukum dengan hukuman *ḥudūd* dan *qiṣāṣ-diyāt*, setelah diteliti, penyelidik tidak menjumpai adanya amalan gratifikasi atau yang boleh dianalogikan dengannya di dalamnya, baik itu *rishwah* mahupun hadiah untuk penguasa. Oleh itu dapat disimpulkan bahawa amalan gratifikasi tidak termasuk ke dalam kategori *jarīmah ḥudūd* dan *qiṣāṣ-diyāt*. Oleh kerana itu, hukuman-hukuman yang sudah disebutkan di atas untuk jenis *jarīmah ḥudūd* dan *qiṣāṣ-diyāt* juga tidak boleh dikuatkuasakan atau dikenakan terhadap amalan gratifikasi. Maka satu-satunya hukuman yang membolehkan dikuatkuasakan pada amalan gratifikasi dalam Islam tersebut ialah hukuman untuk *jarīmah ta‘zīr*.

Perkataan *ta‘zīr* berasal dari bahasa Arab, iaitu *‘azara* dan *maṣdar*-nya *‘azuran* yang ertinya mencela dan menegur.¹³¹ Dalam kamus istilah fekah, *ta‘zīr* ialah bentuk

¹³⁰ ‘Abd al-Qādir ‘Awdah, *al-Tashrī‘ al-Jinā‘ī*, 629.

¹³¹ A. W. Munawir, *Kamus al-Munawwir Arab-Indonesia Terlengkap* (Yogyakarta: Pustaka Progresif, t.t.), 994.

maṣḍar (asal) dari kata kerja ‘azzara, yang beerti menolak.¹³² ‘Abd al-‘Azīz al-‘Amīr menyatakan bahawa *ta‘zīr* dari segi bahasa bermaksud menolak dan mencegah.¹³³ Namun ‘Aṭīyyah Muṣṭafā Musharrafah juga menyatakan bahawa erti *ta‘zīr* dengan mencela dan mendidik.¹³⁴ ‘Uqūbah *ta‘zīr* ialah hukuman terhadap kesalahan terhadap amalan selain yang diancam dengan *ḥudūd*, *qiṣāṣ-diyāt*, dan *kafārah*.¹³⁵

Dalam ketentuan *al-Qur‘ān* dan hadis Nabi SAW tidak disebutkan secara jelas asas hukum *ta‘zīr*, namun ada beberapa pendapat yang menjadikan ayat *al-Qur‘ān* ini sebagai sumber, iaitu:

لَتُؤْمِنُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ وَتُعَزِّرُوهُ وَتُوَقِّرُوهُ وَتُسَبِّحُوهُ بُكْرَةً وَأَصِيلًا ﴿٩﴾

Al-Faṭḥ 48: 9

Terjemahan: Supaya kamu sekalian beriman kepada Allah dan RasulNya, menguatkan (agama)Nya, membesarkannya. Dan bertasbih kepadaNya di waktu pagi dan petang.

Mengikut al-Sharbīnī al-Khāṭib, ayat ini kurang relevan dengan istilah *ta‘zīr*, walaupun terdapat kalimat *tu‘azzirūhu* (bermakna supaya kamu tolak dan mencegah musuhnya), tetapi kata itu lebih sesuai dengan pengertian secara bahasa sahaja dan tidak sesuai secara istilah dalam fekah.¹³⁶ Tetapi mengikut Sayyid Sābiq, kata *tu‘azzirūhu* itu beerti supaya kamu membesarkan Allah dan menolongnya.¹³⁷

Selain ayat di atas, dalil terhadap kebolehan melaksanakan *ta‘zīr* itu berpunca daripada amalan Nabi SAW sendiri yang mana beliau memenjarakan seorang yang dituduh mencuri seekor unta. Akan tetapi tuduhan ini tidak dapat dibuktikan, lalu tertuduh dibebaskan. Hadis tentang ini diriwayatkan oleh Abū Dāwud, Aḥmad, al-Nasā’ī, dan al-Tirmidhī. Dalam sebuah *athar* dari sahabat, dikatakan bahawa ‘Umar pernah menerapkan *ta‘zīr* terhadap Naṣr Ibn Ḥajjaj, seorang pemuda yang sangat

¹³² M. Abdul Mujied et al., *Kamus Istilah Fiqh* (Jakarta: Pustaka Firdaus, 1994), 384.

¹³³ ‘Abd al-‘Azīz al-‘Amīr, *al-Ta‘zīr fī al-Shāri‘ah al-Islāmiyyah* (Kaherah: Dār al-Fikr al-‘Arabī, 1976), 52.

¹³⁴ ‘Aṭīyyah Muṣṭafā Musyarrafah, *al-Qaḍā’ fī al-Islām* (t.tp.: Syirkah al-Sharq al-Awsaṭ, 1966), hal. 149.

¹³⁵ Nasrullah Yahya, “*Filsafat Hukum*”, 145.

¹³⁶ Muḥammad al-Sharbīnī al-Khāṭib, *Mughnī Mu‘taj ilā al-Ma‘rifah al-Ma‘anī al-Faṣḥ al-Minhāj* (Mesir: Muṣṭafā al-Babī al-Ḥalabī wa Awladuh, 1958), 191

¹³⁷ Sayyid Sābiq, *Fiqh al-Sunnah*, 165.

kacak sehingga memikat hati para wanita di Madinah. Oleh kerana kkuatir perkara itu akan mendatangkan fitnah bagi masyarakat, maka ‘Umar memutuskan untuk mengasingkan Naṣr Ibn Ḥajjaj ke luar Madinah. Ketampunan Naṣr Ibn Ḥajjaj bukanlah suatu kemaksiatan, bahkan ianya adalah merupakan rahmat Allah. Namun begitu, jika Naṣr Ibn Ḥajjaj tetap tinggal di Madinah, maka akan banyak wanita yang berusaha mendapatkannya dengan pelbagai cara, dan hal itu akan menimbulkan keresahan dalam masyarakat.¹³⁸

Selain itu, *ta‘zīr* juga mempunyai pengertian tindakan pembelajaran terhadap pelaku amalan dosa yang tidak ada hukuman *ḥad* dan *kifārah*nya.¹³⁹ Faṭḥ al-Duraynī mengemukakan bahawa *ta‘zīr* ialah hukuman yang diserahkan kepada penguasa untuk menentukan bentuk dan kadarnya sesuai dengan kemaslahatan yang menghendaki dan tujuan syara‘ dalam menetapkan hukuman, yang ditetapkan pada seluruh bentuk maksiat misalnya perlakuan meninggalkan amalan yang wajib atau mengerjakan amalan yang dilarang, yang mana semuanya itu tidak termasuk dalam kategori *ḥudūd* dan *kafārah*, baik yang berkaitan dengan hak Allah SWT berupa gangguan terhadap masyarakat umum, keselamatan mereka, serta undang-undang yang berlaku, mahupun yang berkaitan dengan hak-hak peribadi.¹⁴⁰

Berbeza dengan ‘Abd al-‘Azīz al-‘Amīr, ia menyatakan bahawa ruang lingkup hukuman *ta‘zīr* itu sangat luas, baik untuk yang berkaitan dengan hak Allah SWT mahupun hak peribadi, sehingga tidak ada suatu *naṣ*-pun yang menunjukkan jumlah dan batasan *jarīmah ta‘zīr* tersebut. Oleh sebab itulah, menurutnya, ruang lingkup *jarīmah ta‘zīr* ditakrifkan dengan segala bentuk maksiat di luar *jarīmah ḥudūd* dan *jarīmah al-qatl wa al-jarḥ* (pembunuhan dan pelukaan).¹⁴¹

¹³⁸ Al Yasa‘ Abubakar, et al., *Hukum Pidana*, 37.

¹³⁹ Al-Māwardī, *al-Aḥkām al-Sulṭāniyyah wa al-Wilāyah al-Dīniyah* (Mesir: Muṣṭafā al-Bāb al-Ḥalabī, 1973), 219.

¹⁴⁰ Abdul Azis Dahlan, ed., *Ensiklopedia Hukum*, 1772.

¹⁴¹ ‘Abd al-‘Azīz al-‘Amīr, *al-Ta‘zīr fī al-Shāri‘ah*, 38.

Oleh yang demikian, pengertian hukuman *ta'zīr* yang dimaksudkan di sini ialah hukuman yang bersifat edukatif yang ditentukan oleh penguasa atas pelaku *jarīmah* atau pelaku maksiat yang hukumannya belum ada dalam *naṣ*. Dalam hal ini, hakim diberikan kuasa untuk menjatuhkan hukuman di mahkamah iaitu dari sering-riangan hukuman sehinggalah kepada seberat-berat hukuman, sesuai dengan kesalahan yang dikerjakan. Ianya adalah bersifat mendidik demi kemaslahatan masyarakat umum.

Terdapat perbezaan dalam pengklasifikasian hukuman *ta'zīr* iaitu antara bentuk *al-ta'zīr 'alā al-ma'āṣī* (hukumnya menunjukkan haram selamanya dan bersifat maksiat) dengan *al-ta'zīr li al-maṣlaḥah al-'ammah* (hukumnya dilarang apabila memenuhi syarat-syarat tertentu, kerana tindakan itu sendiri tidak bersifat maksiat), dan *al-ta'zīr 'alā al-mukhalafāt* (hukuman untuk amalan yang *makrūh* dan *mandūb*),¹⁴² Mengikut 'Abd al-Qādir 'Awdah, *jarīmah ta'zīr* dapat berkembang sesuai dengan perkembangan jenis-jenis maksiat sepanjang zaman dan tempat, baik menyangkut pelanggaran kemaslahatan peribadi, masyarakat mahupun negara.¹⁴³ Begitu juga dalam *jarīmah ta'zīr*, ulama fekah membezakan antara pelanggara hak-

¹⁴² *Al-ta'zīr 'alā al-ma'āṣī* ialah hukuman *ta'zīr* yang diberikan kepada pelaku amalan-amalan yang dipandang agama sebagai maksiat. Mengikut ahli fiqh, maksiat ialah segala bentuk kesalahan terhadap perintah dan larangan yang ditetapkan oleh syari'at. Menunaikan solat, zakat, puasa, dan haji ialah perintah Allah, sebaliknya jika meninggalkan amalan-amalan itu disebut maksiat. Demikian pula dengan memakan babi, minum arak, berjudi, berzina, dan amalan-amalan lain yang dilarang, jika dilakukan ialah suatu tindakan maksiat. Dengan demikian, maksiat ialah ketidakpatuhan terhadap perintah atau larangan. Kerana itu, *jarīmah qiṣāṣ-diyāt*, *jarīmah ḥudūd*, dan *kafārah* hakikatnya ialah sebahagian daripada pengertian maksiat, akan tetapi untuk kategori tersebut *sharī* telah menetapkan hukuman yang jelas. Maksiat tidak sahaja kerana melanggar perintah Allah SWT, melanggar hak sesama manusia juga dikategorikan sebagai maksiat. Bahkan menganiaya haiwan yang patut dilindungi dan merosakkan kelestarian persekitaran juga amalan maksiat. Maksiat dibagi dua, iaitu maksiat terhadap hak Allah SWT, maksiat terhadap hak-hak manusia, dan maksiat terhadap campuran antara hak Allah dan hak manusia. Maksiat yang diancam dengan *qiṣāṣ-diyāt* termasuk terhadap hak-hak manusia, maksiat yang diancam dengan *ḥudūd* dan *kafārah* termasuk terhadap hak Allah. Sedangkan dalam maksiat yang diancam dengan *ta'zīr* ada yang termasuk hak-hak manusia dan ada juga yang termasuk terhadap hak Allah. *Al-ta'zīr li al-maṣlaḥah al-'ammah* ialah *ta'zīr* untuk menjaga kepentingan umum. Pada prinsipnya, *ta'zīr* hanya diterapkan pada semua jenis amalan maksiat, akan tetapi jika kemaslahatan menghendaki, maka penguasa dapat menjatuhkan hukuman *ta'zīr* terhadap amalan atau objek pada awalnya yang tidak termasuk dalam kategori maksiat, demi menjaga kepentingan umum. Kepentingan umum ertinya kemaslahatan atau kebaikan masyarakat secara menyeluruh, bukan hanya kemaslahatan kumpulan atau individu tertentu. Adapun *al-ta'zīr 'alā al-mukhalafāt* ialah hukuman *al-ta'zīr* yang dikenakan kepada orang yang melakukan amalan *makrūh* atau meninggalkan amalan *mandūb*. Ini merupakan bentuk *ta'zīr* selain kedua kategori yang telah disebutkan. Amalan yang diancam disebut *al-mukhalafāt* kerana para ahli fiqh berbeza pendapat dalam mendefinisikan *makrūh* dan *mandūb*. Mengerjakan amalan yang *makrūh* dan meninggalkan amalan yang *mandūb* pada dasarnya bukanlah amalan maksiat, demikian pendapat majoriti ahli fiqh. Sebahagian ahli fiqh mendefinisikan *makrūh* dengan larangan yang boleh dipilih antara dilakukan atau tidak dilakukan, dan *mandūb* ialah perintah yang boleh dipilih antara dilakukan atau tidak dilakukan. Definisi demikian membawa kesan sebenarnya *makrūh* dan *mandūb* juga mengandung *taklīf*, kerana sebahagian ahli fiqh berpendapat bahawa setiap *taklīf* apabila dilanggar harus diganjar. Pendapat lain menyatakan bahawa, hukuman *ta'zīr* terhadap amalan *makrūh* dan *mandūb* boleh dikenakan jika amalan *makrūh* dan *mandūb* tersebut telah berulang kali dilakukan dan sudah menjadi adat atau kebiasaan pelakunya. Demikian juga apabila amalan *makrūh* yang dilakukan seseorang mengganggu kepentingan umum, boleh dikenakan hukuman *ta'zīr*. Ini diintisarikan dari tulisan Nasrullah Yahya, *Filsafat Hukum Ta'zīr: Tindak Pidana Korupsi*.

¹⁴³ 'Abd al-Qādir 'Awdah, *al-Tashrī' al-Jinā'i*, j. 1, 151.

hak Allah SWT dan hak-hak peribadi. ‘Abd al-‘Azīz al-‘Amīr berkata perbezaan tersebut penting kerana adanya empat perkara berikut:

1) Pelaksanaan hukuman dalam *jarīmah ta‘zīr* yang menyangkut hak peribadi, bergantung kepada tuntutan peribadi yang bersangkutan. Misalnya, si A memecahkan cermin kereta si B. Tindakan si A ini termasuk dalam kategori *jarīmah ta‘zīr* yang berkaitan dengan hak-hak peribadi. Bagi penentuan dan pelaksanaan hukuman *jarīmah* ini, si B harus mengajukan dakwaan kepada hakim. Apabila tuntutan telah diajukan, maka hakim tidak boleh menolak tuntutan tersebut, apalagi memaafkannya. Oleh itu, hakim harus memproses dan menentukan hukuman terhadap pelaku salah tersebut.

Manakala hukuman untuk *jarīmah ta‘zīr* yang berkaitan dengan hak-hak Allah SWT, misalnya perlakuan salah terhadap kepentingan, keselamatan masyarakat atau negara, hakim berhak memproses perlakuan itu tanpa perlunya ada tuntutan dan hakim juga boleh memaafkan kesalahan itu, jika ia menganggap bahawa dengan cara itu boleh membawa kepada kemaslahatan yang lebih besar.

2) Dalam hukuman untuk *jarīmah ta‘zīr* yang melibatkan hak-hak peribadi pula tidak berlakunya *tadākhul* (penggabungan hukuman untuk beberapa pelanggaran), tetapi hakim harus menentukan satu hukuman untuk satu kesalahan. Manakala untuk perlakuan salah yang mana termasuk hak-hak Allah SWT, *tadākhul* tersebut dapat dilakukan apabila hakim memandang ada kemaslahatan yang lebih besar sekiranya ia melaksanakannya.

3) Hukuman *ta‘zīr* bagi perlakuan salah terhadap hak-hak Allah SWT boleh diselesaikan dan dilaksanakan oleh setiap orang yang menjadi saksi *jarīmah* itu. Kebolehan ini didasarkan pada kaedah *al-amr bi al-ma‘rūf wa al-nahy ‘an al-munkar*¹⁴⁴ (perintah berbuat baik dan pencegahan berbuat mungkar). Manakala

¹⁴⁴ Kaedah tersebut sesuai dengan *al-Qur‘ān*, iaitu QS. ‘Alī ‘Imrān 3: 104, *ma‘rūf* ialah segala amalan yang mendekatkan manusia kepada Allah, sedangkan *munkar* ialah segala amalan yang menjauhkan manusia dari padaNya. Dan sesuai dengan hadis Nabi SAW

perlakuan salah terhadap hak-hak peribadi dan apabila telah terbukti kesalahan tersebut, hukumannya hanya boleh dilaksanakan oleh hakim sahaja.

- 4) Dalam *jarīmah ta'zīr* pula menyangkut hak peribadi seperti hak waris bagi pihak mangsa korban dalam pelaksanaan hukumannya. Ertinya, jika mangsa meninggal dunia, maka hak menuntut pelaksanaan hukuman *jarīmah ta'zīr* berpindah kepada ahli warisnya. Akan tetapi, apabila pesalah yang meninggal dunia, maka hukuman terhadap dia tidak dapat dilaksanakan pada ahli waris pesalah tersebut. Manakala dalam *jarīmah ta'zīr* yang merupakan hak Allah SWT pula tidak berlaku waris mewarisi dalam pelaksanaan hukumannya.¹⁴⁵

'Abd al-Qādir 'Awdah, mengemukakan tiga bentuk maksiat yang diancam dengan hukuman *ta'zīr*. Pertama, *jarīmah* yang awalnya diancam dengan hukuman *ḥudūd*, akan tetapi kerana syaratnya tidak dipenuhi, maka harus dibatalkan *ḥudūdnya*. Misalnya seperti mencuri duit yang kurang daripada ¼ dinar. Kedua pula ialah *jarīmah* yang pada awalnya diancam dengan *ḥudūd*, akan tetapi ada halangan untuk melaksanakannya. Oleh kerana itu bentuk hukumannya beralih kepada *ta'zīr*. Misalnya seperti ayah mencuri harta anaknya walaupun sebanyak ¼ dinar atau lebih, ayah yang membunuh anaknya, dan lain-lain. Dan yang ketiga ialah *jarīmah* yang sama sekali tidak ditentukan hukumannya. Bentuk inilah yang paling banyak jenisnya. Bagi hukuman dalam Islam termasuk dalam jenis yang terakhir ini, *jarīmah* yang sama sekali tidak ditentukan hukumannya dalam *naṣ*.

Adalah perlu diingatkan bahawa hukuman untuk *jarīmah ta'zīr* boleh bertambah jumlahnya setiap saat, dan ada kemungkinan untuk berkurang apabila suatu amalan suatu saat tidak sedikit pun merugikan kemaslahatan masyarakat. Terdapat *jarīmah ta'zīr* yang sudah ditetapkan *naṣ* seperti riba, *rishwah*, penipuan, penyelewengan,

yang diriwayatkan oleh Muslim, iaitu "barangsiapa melihat suatu tindakan kemungkar, hendaklah ia mengubahnya dengan kekuasaan, bila ia tidak kuasa maka dengan lidahnya (ucapannya), bila ia tidak mampu maka dengan hatinya dan dengan cara (yang terakhir) itu merupakan standard iman yang terendah."

¹⁴⁵ A. Djazuli, *Fiqh Jināyah*, 163-165.

perjudian, pemalsuan, khalwat, meninggalkan solat fardhu, dan meninggalkan puasa Ramadhan. Dan ada juga yang tidak ditetapkan dalam *naṣ, jarīmah ta'zīr* yang sudah ditetapkan dalam *naṣ* ini adalah haram selama-lamanya termasuklah amalan *rishwah* dan hadiah kepada penguasa.

Berdasarkan huraian di atas, dengan melakukan analisis terhadap tiga macam *ta'zīr* di atas, iaitu, *al-ta'zīr 'alā al-ma'āṣī*, *al-ta'zīr li al-maṣlaḥah al-'ammah*, dan *al-ta'zīr 'alā al-mukhalafāt*, maka gratifikasi dalam bentuk *rishwah* termasuk ke dalam kategori *al-ta'zīr 'alā al-ma'āṣī*. Hal ini disebabkan, *rishwah* merupakan suatu amalan maksiat yang dilarang oleh Allah dan RasulNya melalui *naṣ*, akan tetapi hukumannya tidak dijelaskan dalam *al-Qur'ān* dan hadis. Oleh kerana itu perlakuan ini termasuk dalam kategori *ta'zīr*. Hal kerana ada penyebutan pengharaman amalannya sahaja dalam *naṣ* belum cukup memasukkannya ke dalam klasifikasi hukuman *ḥudūd*. Jadi gratifikasi dalam bentuk *rishwah* merupakan maksiat yang diharamkan selama-lamanya, untuknya dapat dihukum dengan hukuman yang berlaku untuk *jarīmah ta'zīr*.

Sedangkan hukuman dalam bentuk hadiah boleh dikumpulkan ke dalam *al-ta'zīr li al-maṣlaḥah al-'ammah*. *Al-ta'zīr li al-maṣlaḥah al-'ammah* hukumnya dilarang apabila memenuhi syarat-syarat tertentu, kerana tindakan itu sendiri tidak bersifat maksiat. Hal ini sama seperti apa yang terdapat pada hadiah. Hadiah pada dasarnya ialah suatu amalan yang dianjurkan, kemudian diniatkan pemberian itu kepada penguasa, maka itu sudah memenuhi syarat amalan tersebut menjadi maksiat. Jadi memberinya kepada kaki tangan kerajaan menjadi sebab pegawai hadiah dilarang. Dalam sisi yang lain, hadiah ini juga termasuk ke dalam *al-ta'zīr 'alā al-ma'āṣī*, kerana hadiah kepada penguasa memang sesuatu yang dilarang oleh Rasulullah dan sesuatu yang dilarang oleh Nabi ialah suatu kemaksiatan. Jadi, jika ditinjau dari segi hadiah secara umum, maka hukuman berbentuk hadiah termasuk dalam *al-ta'zīr li*

al-maṣlaḥah al-'ammah. Jika dilihat pula dari segi khususnya pula, hukuman hadiah kepada penguasa ini termasuk dalam *al-ta'zīr 'alā al-ma'āṣī*. Sedikit tambahan dari pihak penyelidik, segala bentuk amalan gratifikasi dalam Islam, sekalipun pada awalnya bukan maksiat, namun ianya boleh diklasifikasikan ke dalam *al-ta'zīr li al-maṣlaḥah al-'ammah* sekiranya amalan tersebut boleh membawa kepada kemaksiatan seperti sedekah, hibah, dan waqaf yang mana penerimanya ialah penguasa. Hal ini untuk menjangka kemungkinan berlakunya *rishwah*.

Hukuman yang membolehkan untuk amalan gratifikasi yang diharamkan dalam Islam ialah *ta'zīr*. Sebagaimana penyelidik nyatakan sebelumnya, hakim diberikan kuasa untuk menjatuhkan hukuman terhadap pelaku salah, mulai dari hukuman yang paling ringan sampai kepada hukuman yang paling berat sesuai dengan kesalahan dalam gratifikasi. Oleh sebab itu, jenis-jenis hukuman untuk amalan gratifikasi tersebut sangat berbeza, dan hakim mempunyai hak untuk menetapkan salah satu dari hukuman-hukuman tersebut. Jadi jenis-jenis hukuman atau hukuman untuk kategori *jarāmah ta'zīr*, termasuklah hukuman untuk amalan gratifikasi, adalah seperti berikut:¹⁴⁶

1) Hukuman dalam bentuk hukuman mati.

Hukuman mati dalam *jarāmah ta'zīr* disebut sebagai *al-qatl al-siyāsah*.¹⁴⁷ Pada hakikatnya, tujuan utama hukuman *ta'zīr* adalah untuk memberikan pengajaran (*ta'dib*) bukanlah untuk membunuh. Oleh itu, seharusnya dalam hukuman terhadap amalan *ta'zīr* tidaklah termasuk pemotongan anggota badan, apatah lagi sampai mencabut nyawa. Akan tetapi, ada sebahagian ahli hukum Islam memberikan pengecualian dari ketetapan umum tersebut, sehingga

¹⁴⁶ 'Abd al-Qādir 'Awdah, *al-Tashrī' al-Jinā'ī*, j. 1, 687-708.

¹⁴⁷ Hukuman mati dalam *jarāmah ta'zīr* disebut dengan *al-qatl al-siyāsah* kerana dalam penetapannya ada campur tangan penguasa atau hakim. Tentunya hal ini berbeda dengan hukuman mati pada kes *qiṣāṣ-diyāt* dan *ḥudūd* yang dikenal dengan sebutan *al-qatl al-shar'ī*. Penyebutan *al-qatl al-shar'ī* terhadap hukuman mati pada hukuman *qiṣāṣ-diyāt* dan *ḥudūd* dikeranakan ketentuannya sendiri sudah diatur oleh *naṣ* (*al-Qur'ān* atau hadis) sehingga tidak ada peluang bagi penguasa atau hakim untuk merubahnya, baik dalam artian menambah ataupun mengurangnya. Lihat, 'Abd al-Qādir 'Awdah, *al-Tashrī' al-Jinā'ī*, j. 1, 687.

dibolehkannya pemberian hukuman sebagai hukuman mati dalam kategori *jarīmah ta'zīr*. Hal demikian dibolehkan jika kepentingan umum menghendaknya atau apabila pembasmian terhadapnya tidak boleh terlaksana kecuali dengan jalan menghukumnya sampai mati (membunuhnya).

Hukuman mati yang merupakan hukuman bagi pelaku *jarīmah ta'zīr* boleh dijatuhkan terhadap pelaku *jarīmah* mata-mata, pembuat fitnah, *bid'ah* dan perogol yang membahayakan. Sukar untuk menyatakan bahawa di dalam *jarīmah ta'zīr* tidak ada hukuman mati.¹⁴⁸ Oleh kerana itu hukuman dalam bentuk hukuman mati boleh dilaksanakan terhadap pelaku *jarīmah ta'zir* tertentu. Hal ini kerana kesan kerosakan yang ditimbulkannya cukup luar biasa. Kesan ini dapat dikatakan sama dengan apa yang berlaku pada gratifikasi iaitu kesan yang ditimbulkannya sudah merosakkan elemen sosial masyarakat.

2) Hukuman dalam bentuk sebat.

Para ulama sepakat memasukkan hukuman sebat ke dalam salah satu daripada hukuman terhadap *jarīmah ta'zīr*. Namun para ulama berselisih pendapat dalam menetapkan batas tertinggi hukuman sebat dalam *ta'zīr*. Imām Abū Ḥanīfah dan Muḥammad berpendapat bahawa batas tertinggi hukuman sebat dalam *ta'zīr* adalah sebanyak tiga puluh sembilan kali, dan mengikut Abū Yūsuf pula adalah sebanyak tujuh puluh lima kali. Sementara dalam kalangan Syāfi'iyah terdapat tiga pendapat. Pendapat pertama adalah sama dengan pendapat Abū Ḥanīfah dan Muḥammad, iaitu batas tertinggi hukuman dalam *ta'zīr* adalah sebanyak tiga puluh sembilan kali. Pendapat kedua pula, sama dengan pendapat Abū Yūsuf iaitu sebanyak tujuh puluh lima kali. Dan pendapat ketiga mengatakan bahawa hukuman sebat pada *ta'zīr* boleh lebih daripada tujuh puluh lima kali, tetapi tidak

¹⁴⁸ *Ibid.*

sampai seratus kali, dengan syarat bahawa *jarīmah ta'zīr* yang dilakukan hampir sejenis dengan *jarīmah ḥudūd*.

Kemudian dalam kalangan Mazhab Ḥanbali pula terdapat lima pendapat. Tiga di antaranya sama dengan pendapat Syāfi'iyah. Dan pendapat keempat mengatakan bahawa sebat yang diancam atas sesuatu *jarīmah* tidak boleh menyamai hukuman yang dijatuhkan terhadap *jarīmah* lain yang sejenis, tetapi tidak boleh melebihi hukuman *jarīmah* lain yang tidak sejenis. Pendapat kelima pula menyatakan bahawa hukuman *ta'zīr* tidak boleh melebihi daripada sepuluh kali. Alasannya adalah kerana hadis Nabi SAW. yang diriwayatkan oleh Abū Dardā', yang ertinya: "Seorang tidak boleh disebat lebih dari sepuluh kali, kecuali dalam salah satu hukuman *ḥudūd*."¹⁴⁹

Mengikut pendapat yang popular dalam kalangan ahli fiqh Mālikī, batas tertinggi diserahkan kepada penguasa kerana hukuman *ta'zīr* didasarkan atas kemaslahatan masyarakat dan disesuaikan berdasarkan berat dan ringannya perlakuan salah tersebut.¹⁵⁰ Jadi dalam pendapat ini tidak adanya sekatan minimum dan maksimum dalam pemberian hukuman *ta'zīr* kerana hukuman yang diberikan sangat bergantung kepada situasi dan keadaan dengan pertimbangan utama iaitu kemaslahatan bagi masyarakat umum, bukan pertimbangan individu atau kumpulan tertentu.

3) Hukuman dalam bentuk penjara.

Hukuman dalam bentuk penjara atau disebut juga dengan hukuman kurungan dalam Hukum Islam ada dua bentuk. Pertama, bentuk penjara terhad atau sementara (ada batas masa tertentu). Batas terendah dari hukuman dalam bentuk penjara terhad ini ialah satu hari, sedangkan batas tertingginya mengikut Syāfi'iyah ialah selama satu tahun, dengan menyamakan (menganalogikan)-

¹⁴⁹ Al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Bab Kam al-Ta'zīr wa al-Adab, j. 8, No. Hadis 6848, 174.

¹⁵⁰ *Ibid.*, 689-694. Lihat juga, Wahbah al-Zuḥaylī, *al-Fiqh al-Islāmī*, 5601.

nya kepada pengasingan dalam *jarīmah al-zinā*. Sedangkan ulama lain menyerahkan semuanya kepada penguasa dengan mempertimbangkan *al-maslahah*. Kemudian bentuk yang kedua pula ialah penjara yang tidak terhad (tidak ditentukan batas masanya, mungkin penjara seumur hidup atau sampai batasan bertaubat).¹⁵¹

4) Hukuman dalam bentuk salib/pancung.

Hukuman dalam bentuk salib ini selain yang terdapat pada hukuman untuk *jarīmah ta'zīr*, ianya juga terdapat pada hukuman untuk *jarīmah hudūd*. Akan tetapi hukuman dalam bentuk salib pada hukuman *ta'zīr* tidak disertai dengan hukuman mati, namun pelakunya disalib dalam keadaan hidup dan dibolehkan untuk makan dan minum, tidak dilarang mengerjakan wudhu', tetapi ketika mengerjakan solat cukup dengan *ishārah* sahaja. Dan batasnya mengikut ahli fiqh tidak boleh melebihi dari tiga hari lamanya.¹⁵²

5) Hukuman dalam bentuk peminggiran/penafian.

Peminggiran yang disebut dalam bahasa Arabnya dengan *al-hajr* merupakan salah satu daripada hukuman untuk *jarīmah ta'zīr* yang boleh dipilih oleh hakim untuk ditetapkan kepada pesalah *jarīmah ta'zīr*. Rasulullah pernah melakukan hukuman untuk *jarīmah ta'zīr* dalam bentuk peminggiran bagi para pelaku *jarīmah*, iaitu terhadap tiga orang (Ka'ab bin Mālik, Mirārah Ibn Rubay'ah, dan Hilāl Ibn 'Umayyah) kerana kesalahan ketiganya tidak ikut serta dalam perang Tabuk. Mereka dipulaukan oleh masyarakat dengan tidak diajak bicara selama lima puluh hari, sehingga pada akhirnya turunlah ayat *al-Qur'ān* berikut ini:

¹⁵¹ 'Abd al-Qādir 'Awdah, *al-Tashrī' al-Jinā'i*, j. 1, 687.

¹⁵² *Ibid.*, 689.

وَعَلَى الثَّلَاثَةِ الَّذِينَ خَلَفُوا حَتَّىٰ إِذَا ضَاقَتْ عَلَيْهِمُ الْأَرْضُ بِمَا رَحُبَتْ وَضَاقَتْ
 عَلَيْهِمْ أَنفُسُهُمْ وَظَنُّوْا أَنْ لَا مَلْجَأَ مِنَ اللَّهِ إِلَّا إِلَيْهِ ثُمَّ تَابَ عَلَيْهِمْ لِيَتُوبُوا إِنَّ
 اللَّهَ هُوَ التَّوَّابُ الرَّحِيمُ

Al-Tawbah 9: 118

Terjemahan: Dan terhadap tiga orang¹⁵³ yang ditangguhkan (penerimaan taubat) mereka, hingga apabila bumi telah menjadi sempit bagi mereka, padahal bumi itu luas dan jiwa merekapun telah sempit (pula terasa) oleh mereka, serta mereka telah mengetahui bahawa tidak ada tempat lari dari (siksa) Allah, melainkan kepadaNya sahaja. Kemudian Allah menerima taubat mereka agar mereka tetap dalam taubatNya. Sesungguhnya Allah-lah yang Maha Penerima Taubat lagi Maha Penyayang.

6) Hukuman dalam bentuk denda.

Syari'at Islam juga mengenakan hukuman denda terhadap pelaku *jarīmah* yang digolongkan dalam kategori *ta'zīr*. Misalnya berkenaan kesalahan pencurian buah yang masih di pohon. Hukumannya adalah berupa denda dua kali ganda harga buah tersebut, di samping hukuman lain yang sesuai dengan kesalahannya tersebut. Demikianlah yang ditegaskan oleh Nabi SAW berikut ini, “dan barangsiapa yang membawa sesuatu ke luar, maka atasnya denda sebanyak dua kali beserta hukuman.” Dan hukuman yang sama juga dikenakan kepada orang yang menyembunyikan barang hilang.¹⁵⁴

Di samping bentuk-bentuk hukuman yang telah disebutkan di atas, masih ada beberapa bentuk hukuman *ta'zīr* lain yang boleh dikenakan kepada pelaku amalan gratifikasi mengikut hukum Islam. Misalnya hukuman dalam bentuk pengasingan, hukuman dalam bentuk celaan, hukuman dalam bentuk *tashhīr* (iaitu publikasi dengan tujuan untuk memaklumkan kepada masyarakat tentang kejahatan yang dilakukannya, ini termasuk hukuman moral), hukuman dalam bentuk ancaman, hukuman dalam bentuk teguran, hukuman dalam bentuk peringatan,¹⁵⁵ dan lain-lain.

¹⁵³ Iaitu Ka'ab Ibn Mālik, Hilāl Ibn 'Umayyah dan Mirārah Ibn Rubay'ah. Mereka disalahkan kerana tidak ikut berperang.

¹⁵⁴ 'Abd al-Qādir 'Awdah, *al-Tashrī' al-Jinā'ī*, j. 1, 703-704.

¹⁵⁵ *Ibid.*, 702-703.

Hal ini kerana *jarīmah ta'zīr* gratifikasi dalam bentuk *rishwah* dan hadiah kepada penguasa ialah amalan maksiat yang merugikan atau mengganggu kepentingan umum dan merupakan kuasa hakim atau penguasa untuk menjatuhkan hukuman tertentu sesuai dengan berat ringannya amalan yang diperbuat dan tidak ada peraturan *syar'ī* yang menetapkan hal itu secara konkrit.

2.5 Kesimpulan

Dari huraian tentang gratifikasi dapatlah disimpulkan bahawa dalam hukum Islam, gratifikasi mempunyai makna yang sangat luas iaitu segala bentuk pemberian. Amalan-amalan gratifikasi dalam hukum Islam adakalanya berupa sedekah, hibah, hadiah, dan *rishwah*. Di antara beberapa bentuk gratifikasi itu dapat dibezakan kepada beberapa perkara. Pertama, sedekah iaitu penyerahan pemilikan harta kepada orang lain tanpa pertukaran dengan barangan lain dan ianya dilakukan hanya demi memperoleh pahala di akhirat. Kedua, hibah iaitu penyerahan pemilikan harta kepada orang lain tanpa pertukaran dengan barangan lain dan tanpa mengharapkan balasan apapun. Ketiga, hadiah iaitu penyerahan pemilikan harta kepada orang lain tanpa adanya balasan atau pertukaran barang, yang mana penyerahan itu dihantar ke tempat orang yang diberi sebagai penghormatan atau kerana prestasi. Dalam hal ini dapat dilihat bezanya hibah dan hadiah yang mana hadiah diberikan kerana penghormatan atau prestasi seseorang. Dan *keempat*, *rishwah* iaitu sesuatu yang diberikan kepada hakim atau penguasa dan lainnya dengan segala bentuk dan caranya. Pemberian itu adakalanya berupa harta atau sesuatu yang bermanfaat bagi penerima, sehingga keinginan pemberi tersebut terwujud sebagai balasan daripada pemberian yang telah dilakukan olehnya.

Bentuk amalan gratifikasi dalam hukum Islam tersebut ada yang termasuk ke dalam kategori amalan positif dan kategori amalan negatif. Amalan gratifikasi dalam bentuk sedekah, hibah, dan hadiah termasuk ke dalam amalan gratifikasi positif yang mana amalan-amalan tersebut memang dianjurkan dalam Islam. Pelaku amalan gratifikasi

ini akan mendapat ganjaran berupa syurga di akhirat manakala di dunia pula akan semakin dilipatkan gandakan hartanya, kerana amalan yang tersebut termasuk sebagai sebahagian daripada bentuk syukur terhadap harta yang telah diamanahkan Allah padanya.

Manakala amalan gratifikasi dalam bentuk hadiah kepada penguasa dan *rishwah* pula termasuk dalam amalan gratifikasi negatif, kerana dua bentuk amalan gratifikasi ini telah disebutkan dalam *al-Qur'ān* mahupun hadis sebagai amalan yang dilarang syara', iaitu suatu amalan maksiat (*jarīmah*), sementara dalam *naṣ* tidak diterangkan jenis hukuman untuknya. Dan memberikan *rishwah* dalam keadaan untuk menegakkan kebenaran dan mencegah kezaliman pada pandangan sebahagian ulama pula terdapatnya kemaafan (*ruḥṣah*) untuk amalan itu ketika tidak ada penyelesaian lain untuk itu.

Amalan gratifikasi dalam bentuk hadiah kepada penguasa dan *rishwah* termasuk ke dalam kategori *jarīmah ta'zīr*. Oleh sebab itu, pelaku amalan tersebut dihukum dengan hukuman dalam bentuk hukuman *ta'zīr* iaitu mulai hukuman terberat sehingga hukuman teringan. Dasar dalam memilih hukuman amalan gratifikasi ini ditentukan oleh hakim dengan mempertimbangkan maslahatnya.

BAB 3: GRATIFIKASI DALAM PERUNDANGAN ACEH

3.1 Pengenalan

Gratifikasi mulai popular dalam masyarakat sejak diluluskan sebagai Undang-undang Nombor 20 Tahun 2001 pindaan atas Undang-undang Nombor 31 Tahun 1999 tentang Pemberantasan Tindak Pidana Korupsi. Walaupun undang-undang tersebut sudah diluluskan sejak kurang lebih 14 tahun yang lalu, konsep tentang gratifikasi sendiri masih dianggap sebagai sesuatu perkara yang baru bagi masyarakat, dan seringkali dianggap sebagai hal yang bertentangan dengan budaya saling memberi dalam masyarakat. Ada anggapan bahawa aturan tentang gratifikasi merupakan perkara yang merosakkan budaya khususnya budaya saling memberi dalam kalangan umat Islam termasuk di Aceh.

Selain dianggap bertentangan dengan kebiasaan memberi yang ada dalam masyarakat Islam di Aceh, konsep undang-undang gratifikasi juga seringkali dianggap tidak sesuai dengan ajaran agama, saling memberi merupakan perkara yang sangat dianjurkan dalam Islam. Berdasarkan latar isu ini perlu dilakukan pengkajian mengenai amalan gratifikasi yang berlaku dalam masyarakat Islam di Aceh, apakah memang benar undang-undang yang berlaku di Aceh melarang semua bentuk gratifikasi yang sudah menjadi kebiasaan dalam kehidupan masyarakat Islam di Aceh. Untuk itu, dalam bab ini menyelidik menghuraikan tentang gratifikasi dalam masyarakat Aceh. Di dalamnya dijelaskan tentang lokasi objek kajian iaitu berkaitan dengan gambaran Provinsi Aceh yang meliputi sejarah Aceh, letak dan luas wilayah Aceh, penduduk Aceh dan kehidupan beragama, keadaan sosial masyarakat Aceh dalam bidang ekonomi dan budaya, masyarakat Aceh dan syari'at Islam. Kemudian pendedahan tentang gratifikasi mengikut undang-undang. Di dalamnya meliputi perbincangan mengenai definisi gratifikasi, kes mahkamah mengenai gratifikasi, asas hukum gratifikasi dan unsur-unsur gratifikasi, gambaran amalan gratifikasi dalam undang-undang, dan kesimpulan.

3.2 Gambaran Provinsi Aceh

Aceh merupakan sebutan untuk ‘Aceh’ dalam ejaan bahasa Melayu di Malaysia. Manakala dalam ejaan Aceh lama disebut dengan ejaan Atjeh, sebagaimana dijumpai dalam catatan sejarah lama. Kesimpulannya, penyebutan Aceh di Nusantara ada tiga jenis ucapan iaitu Aceh, Aceh dan Atjeh. Sedangkan orang-orang Eropah dan Barat menyebutnya dengan beberapa sebutan, Portugis dan Itali menyebutnya dengan Achem, Achen, dan Acen. Perancis menyebutnya dengan Achem, Achen. Achin dan Aceh. Inggeris menyebutnya dengan Atcheen, Acheen, dan Achin. Akhirnya Belanda menyebutnya dengan sebutan Achem, Achin, Atchim, Athcien, Atjih, Atsjiem, dan Atsjeh.¹ Dalam ungkapan Arab ada beberapa sebutan pula. Orang Arab Saudi menyebutnya dengan *al-Ashī*, sebagaimana terdapat pada Rumah Aceh di Makkah al-Mukarramah iaitu *Bayt al-Ashī* (Rumah Aceh).² Adapun dalam ungkapan orang Mesir disebut dengan sebutan *Atshiyah*, sebagaimana yang terdapat dalam pelbagai akhbar dan buku-buku sejarah cetakan Mesir.³

Aceh adalah sebuah provinsi di Indonesia. Aceh terletak di ujung Utara pulau Sumatera dan merupakan provinsi paling barat di Indonesia. Ibu kotanya adalah Banda Aceh. Letaknya dekat dengan Kepulauan Andaman dan Nikobar di India dan terpisahkan oleh Lautan Andaman. Aceh berbatasan dengan Teluk Benggala di sebelah Utara, Samudra Hindia di sebelah Barat, Selat Malaka di sebelah timur, dan Sumatera Utara di sebelah Tenggara dan Selatan.

Aceh dianggap sebagai tempat bermulanya penyebaran Islam di Indonesia dan memainkan peranan penting dalam penyebaran Islam di Asia Tenggara. Pada awal abad ke-17, Kesultanan Aceh adalah negara terkaya, terkuat, dan termakmur di kawasan Selat

¹ Ajidar Matsyah, “Sejarah Kerajaan Islam di Aceh: Kajian Faktor Perkembangan dan Merosot”, Kuala Lumpur: Thesis Master, University of Malaya, 2004, 15. Zainuddin, *Tarikh Atjeh dan Nusantara* (Medan: Pustaka Iskandar Muda, 1961), 33.

² *Bayt al-Ashī* ini dahulunya dijadikan sebagai tempat penginapan pembesar-pembesar Aceh (kedutaan). Ia ditubuhkan ketika Arab Saudi diperintah oleh Mālik Fayṣal dan Aceh diperintah oleh Sultan Iskandar Muda. Pada hari ini ia dikendalikan oleh Badan Waqaf Arab Saudi dijadikan sebagai tempat penginapan jemaah haji asal Indonesia dan sebagai kompensasinya wang yang dihasilkan dari pengelolaannya sebahagiannya dibahagikan kepada rakyat Aceh, termasuk kepada jemaah haji asal Aceh.

³ Mahmūd Shakir, *Tārīkh al-Islāmī, Tārīkh al-Mu’āsir: al-Qarah al-Hindiyah Janub Sharq Asia Maliziya wa Andalusia*, j. 20, (Beirut: al-Maktabah al-Islami, 1997), 366.

Melaka. Sejarah Aceh diwarnai oleh kebebasan politik dan penolakan keras terhadap kawalan orang asing, termasuk bekas penjajah Belanda dan pemerintah Indonesia. Jika dibandingkan dengan dengan provinsi lain, Aceh adalah kawasan yang sangat konservatif (menjunjung tinggi nilai agama).⁴ Peratusan penduduk Islamnya adalah yang tertinggi di Indonesia dan mereka hidup sesuai syari'at Islam. Berbeza dengan kebanyakan wilayah lain di Indonesia, Aceh mempunyai autonomi yang diatur tersendiri kerana alasan sejarah.⁵

Aceh mempunyai sumber daya alam yang melimpah, termasuk minyak bumi dan gas alam. Sejumlah penganalisis menganggarkan stok (*reserve*) gas alam Aceh adalah yang terbesar di dunia.⁶ Aceh juga terkenal dengan hutannya yang terletak di sepanjang jajaran Bukit Barisan dari Kutacane di Aceh Tenggara sampai Ulu Masen di Aceh Jaya. Sebuah taman negara bernama Taman Negara Gunung Leuser (TNGL) ditubuhkan di Aceh Tenggara.

Aceh adalah daratan yang paling dekat dengan episentrum gempa bumi Lautan Hindi 2004. Selepas gempa, gelombang tsunami menghancurkan sebahagian besar pesisir Barat wilayah ini. Kira-kira 170,000 orang terbunuh atau hilang akibat bencana tersebut.⁷ Bencana ini juga mendorong terciptanya perjanjian damai antara kerajaan Republik Indonesia dan Gerakan Aceh Merdeka (GAM).

3.2.1 Sejarah Aceh

Sejarah menunjukkan bahawa di Asia Tenggara terdapat beberapa Pusat Kerajaan Islam yang setanding dengan pusat kerajaan Islam yang ada di Asia Barat ketika itu. Kerajaan Islam di Aceh merupakan salah satunya. Dalam sejarah Aceh, kerajaan yang sangat terkenal ialah kerajaan Aceh Darussalam. Puncak kejayaan ialah di masa pemerintahan Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam (1607-1635), sehingga Aceh dapat menguasai

⁴ Andrew Marshall, "The Escape Artist", *Time Magazine*, 15 Februari 2007.

⁵ Undang-Undang Nombor 11 Tahun 2006 tentang Pemerintahan Aceh.

⁶ Andrew Marshall, "The Escape", 15 Februari 2007.

⁷ United Nations, "Economic and Social Survey of Asia and the Pacific 2005", Tahun 2005, 17.

sebahagian Sumatera dan Semenanjung Tanah Melayu.⁸ Namun sebelum kerajaan Aceh Darussalam muncul, telah wujud beberapa kerajaan Islam kecil lainnya di tanah Aceh, seperti kerajaan Islam Perlak, Pidier, dan lain-lain. Dari hasil penyatuan kerajaan-kerajaan itulah lahirnya kerajaan Aceh Darussalam.

Dengan demikian, kerajaan-kerajaan Islam di Aceh tersebut merupakan asal bagi kerajaan Aceh Darussalam, sebuah kerajaan Islam yang besar dan berpengaruh di Asia Tenggara serta mempunyai hubungan diplomatik dengan negara-negara besar di dunia seperti Turki Uthmani, Mesir, China, Eropah dan lain-lain.

Kerajaan Aceh merupakan kerajaan yang berkuasa di rantau ini pada abad ke 16-18 M, iaitu selepas kejatuhan kerajaan Islam Melaka tahun 1511 M. Bahkan sebahagian ahli sejarah menyatakan ia termasuk dalam lima kerajaan Islam di dunia.⁹ Kerajaan-kerajaan tersebut ialah kerajaan Islam Turki Uthmani di Istanbul, kerajaan Islam Agra di India, kerajaan Islam Isfahan di Timur Tengah, kerajaan Islam Maghribi di Afrika Utara, dan kerajaan Islam Aceh Darussalam di Asia Tenggara.

Dari sudut ekonomi, Aceh pada masa itu merupakan pusat perdagangan antarabangsa yang menjadi tumpuan ramai para pedagang Islam di dunia. Begitu juga dari segi pendidikan, Aceh telah menjadi pusat perkembangan ilmu pengetahuan di Nusantara. Namun demikian dalam kenyataan sejarah selepas kegemilangan Kerajaan Aceh Darussalam sampai pada kemuncaknya iaitu dengan wafatnya Sultan Iskandar Muda (1607-1635 M), maka Kerajaan Aceh terus menurun di bawah pimpinan para raja-raja yang menggantikannya. Lebih serius lagi, ketika Aceh diperintah oleh beberapa orang ratu sehingga Aceh diserang oleh Belanda pada tahun 1873 M. Seterusnya Kerajaan Aceh terus merosot dan berakhir pada pertengahan abad ke 20 M.

⁸ Abdullah Ishak, *Islam di Nusantara, Khususnya di Tanah Melayu* (Kuala Lumpur: Badan Dakwah dan Kebajikan Islam Malaysia, 1990), 19-20.

⁹ Ismail Suny, ed., *Bunga Rampai Tentang Aceh* (Jakarta: Bhratara Karya Aksara, 1980), 208.

3.2.1.1 Kerajaan Aceh Darussalam

Kerajaan Aceh Darussalam (Aceh sekarang) merupakan sebuah pemerintahan yang berkuasa di Nusantara suatu ketika dahulu. Apabila disebut Kerajaan Aceh, maka yang terlintas di fikiran orang adalah Kerajaan Aceh Darussalam. Ia muncul selepas kejatuhan kerajaan Melaka ke tangan Portugis pada tahun 1511 M. Pada tahun itulah Kerajaan Aceh Darussalam ditubuhkan. Kerajaan inilah yang menjadi tebusan kepada kekalahan bangsa Melayu di Melaka. Ia merupakan hasil evolusi dari kerajaan-kerajaan Islam yang pernah muncul di tanah Aceh sebelumnya.¹⁰

Apabila dilihat sejarah, Kerajaan Aceh Darussalam merupakan kerajaan Islam yang terakhir di Aceh. Bahkan ia sebuah kerajaan yang paling lama berkuasa di Nusantara yang diperintah oleh puluhan sultan. Setelah kerajaan Aceh Darussalam berakhir, tidak ada lagi kerajaan Islam yang pernah muncul di Asia Tenggara.

Lahirnya kerajaan besar ini merupakan hasil penggabungan seluruh kerajaan Islam kecil yang sedia ada di wilayah Aceh. Sebelum namanya disebut dengan Aceh Darussalam, ia dikenali dengan Kerajaan Aceh Besar kerana semua kerajaan di Aceh disatukan menjadi sebuah kerajaan besar, yang oleh orang Aceh menyebutnya sebagai Kerajaan Aceh Rayeuk.¹¹ Sebahagian ahli sejarah menyebutnya dengan Kerajaan Islam Lamuri, kerana ia terletak di wilayah Lamuri Aceh Besar. Bahkan sebelum disebut nama Aceh, Lamuri telah lama terkenal. Boleh dikatakan bahawa Lamuri adalah nama lama bagi kerajaan Aceh. Menurut catatan sejarah, kerajaan Aceh ini sebelum ia rasmi menjadi sebuah kerajaan Islam adalah sebuah kerajaan Hindu yang dikenali sebagai Kerajaan Indra Purba yang wujud beribu-ribu tahun sebelum Isa AS. Pusat pemerintahannya di ibu negara Lamuri Aceh Besar.

Adapun langkah awal yang menyebabkan kerajaan ini menjadi sebuah kerajaan Islam ialah apabila ia mendapat ancaman dari kerajaan jiran-jirannya. Di Aceh Besar

¹⁰ Ajidar Matsyah, "Sejarah Kerajaan", 66.

¹¹ Kerajaan Aceh Rayeuk bermaksud Kerajaan Aceh Besar. Rayeuk ertinya besar.

ketika itu terdapat beberapa kerajaan Hindu/Budha, diantaranya Kerajaan Indra Purba, Kerajaan Indra Patra, Kerajaan Indra Jaya, Kerajaan Indra Purwa, dan Kerajaan Seudu. Kerajaan Seudu diperintah oleh seorang wanita iaitu Laksamana Nian Nion Lian Khi keturunan China.¹² Dia mempunyai cita-cita untuk menguasai semua kerajaan di sekelilingnya. Berdasarkan alasan itu Kerajaan Indra Purba di bawah pimpinan Maharaja Indra Sakti merasa terancam. Oleh sebab itu ia memutuskan untuk meminta bantuan daripada Kerajaan Islam Perlak di Aceh Timur.¹³ Pihak Kerajaan Islam Perlak menerima permintaan Kerajaan Indra Purba, sebuah angkatan seramai tiga ratus orang yang diketuai oleh Shaikh Abdullah Kan'an dan Meurah Johan Putera Addi Genali Lingga dihantar ke Indra Purba. Mereka tiba di Lamuri pada 27 Rejab 570 H/1180 M. Atas peristiwa ini Maharaja Indra Sakti dan rakyatnya masuk Islam dan puterinya Indra Kesuma dikahwinkan dengan Meurah Johan.¹⁴

Sementara Laksamana Nian Nion tunduk kepada Meurah Johan atas kekalahannya. Ratu ini pun memeluk Islam yang juga diikuti oleh seluruh rakyatnya. Pada akhirnya ia juga kahwin dengan Meurah Johan. Setelah masuk Islam nama panggilannya ditukar menjadi *Putroe Neng*.¹⁵ Dengan demikian sebuah masyarakat Islam terbentuk dengan cepat dan Kerajaan Indra Purba berubah menjadi sebuah Kerajaan Islam Lamuri di Aceh Besar. Tidak lama kemudian kerajaan ini tidak lagi disebut dengan Lamuri, tetapi ia disebut dengan Kerajaan Islam Aceh. Di sinilah mula proses terbentuknya Kerajaan Aceh Darussalam.

Dua puluh lima tahun kemudian iaitu setelah Kerajaan Indra Purba mengalahkan Ratu Nian Nion, Maharaja Indra Sakti meninggal dunia. Selepas itu menantunya Meurah Johan menggantikannya dengan memperolehi gelaran Sultan 'Alaidin Johan Syah. Pada hari Jumaat, bulan Ramadhan tahun 601 H/1205 M, Kerajaan Indra Purba, Indra Patra,

¹² Ajidar Matsyah, "Sejarah Kerajaan, 67.

¹³ *Ibid.*, 68.

¹⁴ *Ibid.*

¹⁵ Ali Hasyimi, *Kebudayaan Aceh dalam Sejarah*, (Jakarta.: Beuna, 1983), 56. *Putroe* bermaksud puteri.

Indra Jaya, Indra Purwa, dan Kerajaan Seudu secara rasmi dileburkan dalam satu kerajaan dan mengisytiharkan bahawa kerajaan mereka menjadi sebuah kerajaan Islam dengan nama Kerajaan Darussalam dengan ibukotanya bandar Darussalam.¹⁶

Dalam masa kepimpinan sepuluh orang Sultan (Sultan ‘Alaidin Johan Syah (601-631 H/1025-1234 M), Sultan ‘Alaidin Ahmad Syah (631-665 H/1234-1267 M), Sultan ‘Alaidin Johan Mahmud Syah (665-700 H/1267-1309 M), Sultan ‘Alaidin Firman Syah (708-755 H/1309-1354 M), Sultan ‘Alaidin Mansur Syah (755-811 H/1354-1400 M), Sultan ‘Alaidin Mahmud Syah (811-870 H/1408-1465 M), Sultan ‘Alaidin Husen Syah (870-885 H/1465-1480 M), Sultan ‘Alaidin Inayat Syah (885-895 H/1480-1490 M), Sultan ‘Alaidin Mudhafar Syah (895-902 H/1490-1497 M), dan Sultan ‘Alaidin Syamsu Syah bin Raja Munawwar Syah (902-916 H/1497-1511 M), beberapa kejayaan telah dicatat, antaranya sebuah masjid kebanggaan rakyat Aceh iaitu Masjid Baiturrahman yang ditubuhkan pada tahun 691 H/1292 M, yang terletak di bandar Banda Aceh. Ia juga melambangkan kepada kerajaan Islam di Aceh suatu ketika dahulu. Satu lagi kejayaannya iaitu dibangunkan sebuah istana yang dipanggil dengan “*Dār al-Dunya*”.¹⁷

Menjelang akhir abad ke 15 M, penjajah Barat yang bercita-cita ingin mendapatkan kuasa di Timur semakin kuat. Sejak Colombus mencari daratan Amerika dan Vasco de Gama menjejakkan kakinya di India, sejak itulah penjajah Barat ingin menjejakkan kakinya di Timur. Diantara bangsa Eropah yang sangat bercita-cita menjajah ketika itu ialah bangsa Portugis. Mereka telah berjaya menduduki Goa di India seterusnya mereka menuju Melaka dan tujuan selanjutnya ialah kerajaan-kerajaan Islam yang terletak di Utara Sumatera, termasuk Kerajaan Aceh Darussalam.

¹⁶ Yunus Djamil, *Tawarich Radja Keradjaan Atjeh* (Banda Aceh: t.p.: 1968), 27. Pada ketika itu belum disenaraikan lagi kalimat Aceh dalam bentuk kerajaan. Ini disebabkan dengan kuasa politiknya yang terhad, ditambah lagi dengan belum bergabungnya keseluruhan kerajaan-kerajaan Islam kecil di sekitarnya. Kerajaan baru ini kadang-kadang dipanggil dengan Kerajaan Islam Aceh atau Kerajaan Darussalam sahaja. Berdasarkan kepada catatan silsilah Raja-raja Aceh disebutkan, bahawa Raja-raja Kerajaan Darussalam ialah Sultan ‘Alaidin Johan Syah (601-631 H/1025-1234 M), Sultan ‘Alaidin Ahmad Syah (631-665 H/1234-1267 M), Sultan ‘Alaidin Johan Mahmud Syah (665-700 H/1267-1309 M), Sultan ‘Alaidin Firman Syah (708-755 H/1309-1354 M), Sultan ‘Alaidin Mansur Syah (755-811 H/1354-1400 M), Sultan ‘Alaidin Mahmud Syah (811-870 H/1408-1465 M), Sultan ‘Alaidin Husen Syah (870-885 H/1465-1480 M), Sultan ‘Alaidin Inayat Syah (885-895 H/1480-1490 M), Sultan ‘Alaidin Mudhafar Syah (895-902 H/1490-1497 M), dan Sultan ‘Alaidin Syamsu Syah bin Raja Munawwar Syah (902-916 H/1497-1511 M). Lihat, Ali Hasyimi, *Kebudayaan Aceh*, 57.

¹⁷ Yunus Djamil, *Tawarich Radja*, 37.

Keadaan politik semakin tidak menentu apabila Portugis mula menduduki kerajaan Islam di sekitar Kerajaan Darussalam. Oleh kerana itu, Ali Mughyat Syah yang ketika itu masih memegang jawatan panglima perang meminta ayahandanya Sultan ‘Alaidin Syamsu Syah yang sudah berusia 100 tahun berehat. Cadangan tersebut diterima dengan baik, dan pimpinan negara diserahkan kepada Ali Mughyat Syah.¹⁸ Ali Mughyat Syah mempunyai tekad untuk mengusir Portugis dari seluruh bumi Aceh dengan segera bertindak mengambil alih pemerintahan kerajaan. Pada tarikh 12 Zulqaedah 916 H/1511 M, ia mengisytiharkan penubuhan Kerajaan Aceh Darussalam. Tekad utamanya setelah naik tahta ialah menentang Portugis.¹⁹

Sebelum Sultan Ali Mughyat Syah meninggal dunia, ia telah meletakkan beberapa asas terhadap perjuangannya yang akan diikuti oleh pengganti-pengganti selepas itu. Asas-asas tersebut seperti mana yang ditulis oleh Muhammad Said adalah sebagai berikut:

- 1) Bahawa sebuah negara tidak boleh berdiri kalau hanya seluas kampung atau bandar, atau berapa ratus kilo meter sahaja. Penubuhan baru dapat dipelihara kalau kawasan wilayahnya luas sekurang-kurangnya seluas Aceh yang dibangunnya atau lebih luas lagi.
- 2) Walaupun kerajaan Melayu yang jaya di Melaka sudah tumbang dengan Portugis dan kepercayaan telah mula retak bahawa orang Timur tidak akan dapat mempertahankan diri dari imperialis Barat, tetapi dengan hancurnya Portugis di Aceh telah memulangkan keyakinan bahawa penjajah asing selalu boleh dihalau.
- 3) Untuk menghadapi pencerobohan imperialis asing, perlu dibina armada angkatan laut yang kuat.

¹⁸ Abdul Karim Jakobi, *Aceh dalam Perang Mempertahankan Proklamasi Kemerdekaan 1945-1949 dan Peranan Teuku Hamid Azwar Sebagai Pejuang* (Jakarta: Gramedia Pustaka Utama, 1998), 16.

¹⁹ *Ibid.*

- 4) Ekonomi perlu dipertingkatkan dan terhadap soal ini sesuatu negara harus dapat menguasai sendiri.²⁰

Adapun proses penyatuan kerajaan-kerajaan Islam kecil di bawah Kerajaan Aceh Darussalam meliputi kepada beberapa faktor penting. Kesemua faktor ini menjadi penentu kepada proses politik Kerajaan Aceh untuk menjadi sebuah kerajaan besar sebagai sebuah pemerintahan yang paling berkuasa di Asia Tenggara. Yang menjadi faktor utama dalam penyatuan semua kerajaan Islam di Aceh menjadi sebuah kerajaan besar dan kuat di bawah Kerajaan Aceh Darussalam ialah ancaman penjajah Portugis yang sedang menjajah Nusantara. Sultan Ali Mughyat Syah berpendapat bahawa untuk mengusir penjajah Portugis dari bumi Nusantara ini tidak mungkin dapat dilakukan bahkan mustahil selama kerajaan-kerajaan kecil tersebut masih tetap berdiri sendiri dengan kuasa yang terhad. Kalau begitu, maka dalam waktu singkat Nusantara ini akan dapat dikuasai oleh bangsa asing yang ingin berkuasa.²¹

Oleh kerana itu, sudah tiba masanya kerajaan-kerajaan kecil tersebut menggabungkan diri menjadi sebuah kuasa besar dan kuat yang mempunyai angkatan darat dan laut sendiri. Untuk dapat merealisasikan hal itu, Sultan Ali Mughyat Syah mengambil langkah segera dan tegas. Maka dengan segera ia menghantar amaran kepada kerajaan-kerajaan sekitarnya agar mengusir Portugis dari negerinya.²² Dalam masa yang singkat, semua kerajaan mulai dari Perlak sampai ke Daya telah berjaya disatukan di bawah Kerajaan Aceh Darussalam.²³ Bila diperhatikan, penyatuan ini bukan atas asas permusuhan dengan jirannya. Tetapi tindakan itu demi kepentingan bersama iaitu melepaskan diri daripada penguasaan pihak asing.

²⁰ Muhammad Said, *Atjeh Sepandjang Abad*, Vol. 1, (Medan: Waspada, 1961), 139.

²¹ Karim Jakobi, *Aceh dalam*, 16.

²² Ali Hasyimi, *Kebudayaan Aceh*, 59.

²³ Fadlullah Jamil, "Kerajaan Aceh Darussalam dan Hubungannya Dengan Semenanjung Tanah Melayu", dalam Ali Hasyimi, ed., *Sejarah Masuk dan Berkembangnya Islam di Indonesia* (Bandung: Al-Ma'arif, 1993), 231-232.

3.2.1.2 Masa Kegemilangan Aceh

Aceh berada pada puncak kejayaannya ialah pada masa pemerintahan Sultan Iskandar Muda (1607-1635 M).²⁴ Mengikut silsilah kesultanan Kerajaan Aceh Darussalam Iskandar Muda berada pada kedudukan raja yang ke XX.²⁵ Kebangkitan Aceh bermula selepas jatuhnya Melaka ke tangan Portugis.²⁶ Sejak itu pusat tamadun Islam Nusantara berpindah ke Aceh. Kerajaan Aceh Darussalam yang berpusat di Banda Aceh menjadi bandar antarabangsa.

Dalam hal keagamaan dan pendidikan, Aceh menjadi tempat rujukan para ulama Nusantara. Institusi pendidikan di Aceh setanding universiti-universiti yang ada di Timur Tengah, Gujarat, Parsi dan lain-lain.²⁷ Pelbagai gelaran diberikan untuk Aceh di masa kebesarannya, mulai dari sebutan Serambi Makkah, Kota Sarjana, Kota Ulama, Pusat Tamadun Islam, Pusat Perdagangan dan sebagainya. Dan dalam bidang politik dan pertahanan pula, sekitar abad ke 17 M, Aceh telah mempunyai wilayah jajahannya yang merangkumi Sumatera dan Semenanjung Tanah Melayu.²⁸ Pertahanan Kerajaan Aceh yang mempunyai ratusan armada laut sehingga tiada kuasa asing yang boleh mencerooboh kedaulatan negaranya. Semua itu adalah hasil dari kebijaksanaan dan kepiawaian Sultan Iskandar Muda dalam memimpin.²⁹ Dengan demikian, setiap orang yang mengingat kebesaran Aceh pasti tidak melupakan peranan Sultan Iskandar Muda yang telah menjulang tinggi nama Aceh di persada dunia pada ketika itu. Keagungan Sultan Iskandar Muda telah banyak menarik perhatian ahli sejarah, sehingga satu buku khas ditulis bagi menggambarkan kebesarannya dengan tajuk "*Sultan Iskandar Muda*".

²⁴ HAMKA, *Sejarah Umat Islam* (Singapura: Pustaka Nasional, t.t.), 999.

²⁵ Lihat, Silsilah Sultan Kerajaan Aceh Darussalam.

²⁶ Cees Nooteboom, *Sumatera dan Pelayaran di Samudera Hindia* (Jakarta: Balai Pustaka, 1972), 119-127. Lihat juga, Muhammad Saïd, *Atjeh Sepandjang*, 91-98.

²⁷ Abdullah Ishak, *Islam di Nusantara*, 117.

²⁸ Muhammad Hasan Di Tiro, "The Case and The cause of National Liberation Front of Aceh-Sumatra", a presentation before The Scandinavian Association of Southeast Asian Social, Goteborg, August 23, 1985.

²⁹ Ismail Suny, ed., *Bunga Rampai*, 204-2015. Lihat juga, Ali Hasyimi, *Sejarah Masuk dan Berkembangnya Islam di Indonesia* (Bandung: Al-Ma'arif, 1993), 224-228.

Sultan Iskandar Muda begitu masyhur dikeranakan peranannya terhadap kemajuan Aceh di masa dahulu begitu besar, diantara peranan itu ialah:

- 1) Menyekat pengaruh Kristian di Aceh. Selepas Sultan Iskandar Muda naik tahta, ia meneruskan cita-citanya mengusir Portugis. Sejak Melaka jatuh ketangan Portugis pada tahun 1511 M, Aceh sangat bimbang terhadap pengaruh Kristian. Oleh kerana itu, Sultan Iskandar Muda dengan segera mengatur strategi dengan mengerahkan tenteranya untuk menyerang Portugis di Melaka dan merebut benteng yang terkenal 'A Famosa'.³⁰ Serangan pertama dilakukan pada tahun 1615 M dan serangan kedua pada tahun 1629 M.³¹
- 2) Menjalin hubungan diplomatik dengan negara lain. Pada masa Iskandar Muda, Aceh telah menjalin hubungan diplomatik dengan negara-negara luar khususnya dengan negara-negara Islam dan juga dengan negara Eropah, seperti Belanda, Inggeris, Amerika, China dan lain-lain. Dalam hubungannya dengan negara-negara Islam, Aceh termasuk dalam lima negara Islam besar di dunia waktu itu, iaitu, Kerajaan Islam Turki Uthmani di Istanbul, Kerajaan Islam Agra di India, Kerajaan Islam Isfahan di Timur Tengah, Kerajaan Islam Maghribi di Afrika Utara, dan kerajaan Islam Aceh Darussalam di Asia Tenggara.³² Kelima negara Islam ini bukan hanya menjalin hubungan dalam skop sebagai satu organisasi Islam sahaja, tetapi kerjasama kelima negara Islam ini mencakupi bidang ekonomi, politik, ketenteraan dan bidang kebudayaan. Mereka saling bantu membantu terutama dalam bidang pertahanan dan keselamatan, seperti halnya Turki membantu Aceh ketika perang melawan Portugis di Melaka.

³⁰ HAMKA, *Sejarah Umat*, 919.

³¹ Zainuddin, *Tarich Atjeh*, 306. Dua serangan ini boleh dikatakan gagal mengalahkan Portugis kerana ia mendapat sokongan Goa, Johor, Pahang, Pattani yang bersekongkol dengan mereka. Portugis tidak boleh ditewaskan secara langsung waktu itu, kerana Aceh masih mempertimbangkan agar kerajaan semenanjung Tanah Melayu tidak bekerjasama dengan penjajah. Walaupun begitu, pada akhirnya Portugis terpaksa meninggalkan Nusantara kerana mendapat serangan Belanda sekitar tahun 1641 M, dan selalu mendapat ancaman daripada Kerajaan Aceh.

³² Ismail Suny, ed., *Bunga Rampai*, 208. Lihat juga, Wilfred Cantwell Smith, *Islam Modern History* (Princeton: Princeton University Press, 1957), 38. Abdul Karim Jakobi, *Aceh dalam*, 56.

- 3) Memperluas wilayah kekuasaan. Sudah menjadi pegangan Sultan Iskandar Muda bahawa sebuah kerajaan tidak bererti apabila ia hanya sebesar sebuah perkampungan, melainkan ia harus terdiri atas beberapa negeri yang menjadi wilayah pentadbiran. Dengan itu, Sultan Iskandar Muda memainkan peranan bagi meluaskan wilayah takluk. Setiap daerah takluk di situ akan dilaksanakan hukum Islam. Kejayaan Iskandar Muda dalam memperluas wilayah kekuasaannya tidak terlepas dari asas politik luarnya yang kuat.³³
- 4) Menjadikan Aceh sebagai pusat pendidikan. Fakta sejarah menunjukkan bahawa antara abad ke 8 M hingga ke abad 13 M merupakan masa-masa yang suram bagi Eropah dan menjadikan masa itu sebagai masa kegemilangan bagi Islam, atau lebih dikenali sebagai era kegelapan Eropah dan era keemasan Islam. Yang menjadi pusat kegemilangan ini adalah Baghdad di Timur Tengah. Dan selepas abad ke 13 dan seterusnya, dunia Islam di Timur Tengah mengalami kemunduran, yang namun di Asia Tenggara tetap kukuh berdiri sebuah Kerajaan Islam Aceh Darussalam. Pada masa Sultan Iskandar Muda sebagai puncak kejayaannya, Aceh mampu mencapai kejayaan yang gemilang dari sudut pendidikan. Secara tidak langsung boleh dikatakan bahawa pusat keagungan pendidikan Islam yang pernah muncul di Timur Tengah pada abad ke 13 muncul semula di Aceh. Abad ke 17 Aceh mampu melahirkan ulama-ulama besar yang berkaliber setaraf dengan ulama di Timur Tengah. Begitu juga institusi-institusi pendidikan setaraf dengan universiti di Asia Barat.³⁴ Dengan begitu kota Banda Aceh mendapat beberapa gelaran ketika itu, misalnya, bandar ilmu dan ulama', bandar dayah dan universiti, dan lain-lain.
- 5) Mengaplikasikan undang-undang Islam dalam pemerintahan. Para Sultan Aceh selalu berdampingan dengan ulama. Begitu juga dengan Sultan Iskandar Muda pada

³³ Muhammad Said, *Atjeh Sepandjang*, 142-145.

³⁴ Abdullah Ishak, *Islam di Nusantara*, 122. Lihat juga, Abdul Rahman, *Sejarah dan Tamadun Islam* (Selangor Darul Ehsan: Pustaka Ilmi, 2002), 353.

masanya selalu didampingi oleh ulama sebagai penasihatnya. Dengan berasaskan sistem pentadbiran sedemikian, unsur-unsur Islam dengan mudah dapat dipraktikkan dalam segala aspek pentadbiran kerajaan misalnya pelaksanaan hukum rejam ke atas Putera Iskandar Muda, iaitu Raja Pupok kerana dituduh berzina dengan isteri salah seorang panglima kerajaan.³⁵

- 6) Menggalakkan kegiatan dakwah. Sultan Iskandar Muda sangat besar peranannya dalam kegiatan dakwah ke seluruh Nusantara. Misalnya dengan menghantar ramai pendakwah dan menyediakan segala kemudahannya untuk menjalankan misi dakwah ke wilayah Kepulauan Melayu, Pulau Jawa hingga ke Filipina.³⁶
- 7) Menggalakkan perkembangan tasauf. Pada masa Iskandar Muda, ilmu tasauf diberi galakkan yang memuaskan. Oleh kerana itu, lahirlah pelbagai aliran tasauf di Aceh. Secara keseluruhan dibahagikan atas dua aliran, iaitu aliran *waḥdatul wujud* (suatu faham yang mengandungi unsur-unsur tasauf dan falsafah)³⁷ yang dikembangkan oleh Hamzah al-Fansuri dan aliran *waḥdatul wujud* (suatu faham tasauf berdasarkan teori kesaksian wujud) di bawah bimbingan Abdul Rauf al-Singkili.³⁸

Berdasarkan fakta-fakta sejarah ini, Aceh telah memperolehi masa kejayaannya dan juga merupakan sebagai salah satu kerajaan Islam yang sangat dihormati dan disegani pada masa itu. Begitu juga, Aceh juga mempunyai pengaruh besar terhadap perkembangan ilmu pengetahuan dan juga penyebaran Islam ke negara-negara lain, terutama di kawasan Asia Tenggara.

³⁵ Ali Hasyimi, *59 Tahun Aceh Merdeka di Bawah Pemerintahan Ratu* (Jakarta: Bulan Bintang, 1972), 95.

³⁶ Ulama dari Aceh yang menjalankan kegiatan dakwah ialah Syaikh Syamsuddin Sumatrani dan Hamzah al-Fansuri. Keduanya pernah menjalankan dakwah Islamiah ke Tanah Melayu. Misi dakwah ini bukan hanya dijalankan oleh para ulama tempatan tetapi juga ikut serta ulama yang berasal dari Arab dan India. Mereka menjalankan aktiviti dakwah di bawah Pemerintahan Sultan Iskandar Muda. Lihat, Abdullah Ishak, *Islam di Nusantara*, 121.

³⁷ Mahyudin Yahya, "Sejarah Perkembangan Pemikiran Islam dalam Konteks Alam Melayu: Iktibar Untuk Abad Akan Datang", Disertasi Jawatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, t.t., 77.

³⁸ Abdullah Ishak, *Islam di Nusantara*, 118.

3.2.1.3 Masa Kemerostan Aceh

Kejayaan Aceh di bawah kepimpinan Iskandar Muda menjadikan Aceh sebuah kerajaan terkuat di Asia Tenggara. Namun setelah Iskandar Muda meninggal dunia pada tahun 1636 M, Aceh sedikit demi sedikit mengalami kemunduran. Sultan Iskandar Muda digantikan oleh Sultan Iskandar Thani. Sikap baik Iskandar Thani dan kurang mengambil berat tentang masalah politik menyebabkan wilayah takluk Aceh mengambil kesempatan untuk membebaskan diri. Satu persatu wilayah yang berada di bawah pemerintahan Aceh di Semenanjung Tanah Melayu melepaskan diri. Hal ini diikuti oleh wilayah lain di Sumatera. Kemerostan ini lebih ketara lagi apabila Aceh diperintah oleh beberapa orang ratu.

Analisis ahli sejarah mengatakan bahawa penyebab kemunduran Kerajaan Aceh Darussalam ialah kerana yang menjadi raja adalah wanita. Dengan banyaknya negeri-negeri di bawah kuasa Aceh yang melepaskan diri (seperti Perak di Semenanjung Tanah Melayu dan beberapa negeri di Sumatera) pada masa kepimpinan para ratu dijadikan sebagai alasannya.³⁹ Dalam pandangan penyelidik yang menjadi faktor utama yang semakin lemah kerajaan Aceh waktu itu ialah kerana krisis politik dalaman kerajaan dan ancaman penjajah asing yang semakin kuat di Nusantara. Seandainya kekacauan dalaman tidak wujud, maka kestabilan politik dan keamanan akan terjamin. Selain banyaknya negeri memisahkan diri dari Aceh, kemudian Aceh kembali masuk dalam pergolakan perang, iaitu perang dengan Belanda dan Jepun.

3.2.1.4 Aceh Menjadi Bahagian Indonesia

Belum lagi rehat dari perang sepanjang abad dengan Belanda dan Jepun, Aceh kembali menyiapkan pasukan untuk membantu Indonesia. Rakyat Aceh terlalu baik hati apabila permintaan atas nama Islam. Mereka merelakan nyawa, harta benda dan sebagainya asalkan ia demi Islam. Soekarno atas nama bangsa Indonesia datang ke Aceh menemui

³⁹ Yunus Djamil, *Tawarich Radja*, 48.

Muhammad Daud Beure'eh.⁴⁰ Ketika itu Muhammad Daud Beure'eh adalah salah seorang tokoh ulama karismatik Aceh. Soekarno meminta Aceh untuk membantu Indonesia mengusir Belanda yang masih berkuasa di Indonesia. Soekarno menjanjikan apabila Indonesia merdeka ia akan dijadikan sebuah negara Islam berdasarkan syari'at. Dengan janji manis Soekarno, Aceh bukan hanya mengorbankan nyawa, banyak bahkan mengumpulkan dana, termasuk dana itu diperuntukkan untuk membeli dua buah pesawat terbang yaitu Seulawah 001 dan Seulawah 002, yang dihadiahkan untuk Indonesia demi memudahkan transportasi dalam rangka mencapai kemerdekaannya.⁴¹

Dengan semangat jihad, masyarakat Aceh turun lagi ke medan pertempuran menentang penjajah sampai Indonesia diisytiharkan sebagai sebuah negara merdeka pada 17 Ogos 1945. Ulama, pejuang, dan rakyat Aceh ikut merasa gembira atas hasil ini dengan harapan rakyat akan dapat melihat syari'at Islam berjalan di Aceh. Rupanya keadaan sebaliknya, Soekarno ingkar janji. Indonesia tidak diisytiharkan sebagai negara Islam. Lagi Aceh ikut dicantum ke dalam wilayah Indonesia, ini masalah Aceh menjadi masalah politik yang belum selesai. Pengkhianatan inilah yang menyebabkan timbulnya pemberontakan di kemudian hari. Inilah detik-detik kehilangan Kerajaan Aceh Darussalam di Sumatera. Perjalanan panjang sejarah Aceh di masa dahulu sebelum menjadi bahagian dari negara Republik Indonesia.

3.2.2 Letak dan Luas Wilayah Aceh

Kini Aceh adalah sebuah wilayah di Indonesia dari 33 wilayah yang ada, ibu kota ialah Banda Aceh (dahulu dikenali dengan nama Kuta Raja). Secara wilayah, daerah ini terletak pada kedudukan sebelah Barat paling hujung Indonesia, berada betul-betul di hujung pulau Sumatera yang secara langsung bersempadan dengan dunia luar pada Selat Melaka di bahagian Utara dan Timur, dan Lautan Indonesia di bahagian Barat, manakala sebelah

⁴⁰ Ibrahimy, *Peranan Tgk. M. Daud Beure'eh dalam Pergolakan Aceh* (Jakarta: Media Dakwah, 2001), 77.

⁴¹ *Ibid.*, 43-49. Lihat juga, Dinas P dan K Provinsi Daerah Istimewa Aceh, *Sejarah Perjuangan Rakyat Aceh: dalam Perang Kemerdekaan 1945-1949* (Banda Aceh: Dinas P & K, 1985), 281-282.

Selatan secara langsung bersempadan dengan daerah Sumatera Utara, kerana pinggirannya (sempadan) daerah ini lebih banyak dikelilingi lautan daripada daratan.⁴² Berdasarkan kedudukan geografi, jelaslah bahawa Aceh mempunyai kedudukan strategik sebagai pintu gerbang lalu lintas perdagangan nasional dan antarabangsa yang menghubungkan dua dunia yang berbeza.

Sehingga kini, kedudukan geografi Aceh dapat dijelaskan dalam bentuk jadual, berikut:

Jadual 3.1: Kedudukan Geografi Aceh

1	Nama Daerah	Aceh
2	Status	Otonomi Khusus
3	Letak	02-06 derajat Lintang Utara 95-98 derajat Lintang Selatan
4	Luas Daerah	5.736.557,- Km
5	Tinggi Rata-rata	125 m di atas permukaan laut
6	Batas daerah : - Sebelah Utara - Sebelah Selatan - Sebelah Timur - Sebelah Barat	Berbatas dengan : Selat Melaka Provinsi Sumatera Utara Selat Melaka Samudera Indonesia
7	Daerah melingkupi	- 119 Pulau - 35 Gunung - 73 Sungai Penting

Sumber: Badan Perencanaan Pembangunan Daerah Provinsi Aceh dan Kantor Gubernur Aceh.⁴³

Daerah ini juga merupakan pusat gempa bumi yang sentiasa menggegar Aceh, antaranya gempa bumi dan tsunami dahsyat yang telah meragut ratusan ribu nyawa manusia yang berlaku pada 26 Disember 2004. Oleh kerana itu Aceh merupakan daerah yang rawan gempa.

Tambahan, sejak tarikh 26 Disember 2004 (pasca gempa dan tsunami dahsyat yang berlaku di Aceh) sehingga sekarang ternyata kuantiti gempa semakin meningkat.⁴⁴

⁴² Perencanaan Pembangunan Daerah Propinsi NAD, *Aceh in Figures Aceh dalam Angka 2004* (Banda Aceh: BPS & BAPPEDA NAD, 2004), 3-4.

⁴³ Bappeda Aceh dan Badan Pusat Statistik Provinsi Aceh, *Aceh dalam Angka 2013*, (Banda Aceh: BPS Provinsi Aceh, 2013), 5.

⁴⁴ *Harian Waspada*, Edisi Hari Kamis, 9 Maret 2003.

Peningkatan ini merupakan sebagai rentetan dari gempa bumi yang berlaku pada tarikh 26 Disember 2004 tersebut.

3.2.3 Penduduk Aceh dan Kehidupan Beragama

Jumlah penduduk di Wilayah Aceh berdasarkan data penduduk tahun 2012 sebanyak 4,693,9, terdiri atas 2,346,9 lelaki dan 2,347,0 perempuan. Dan kepadatan penduduk di Aceh tahun 2012 mencapai 83 orang/km Namun, penduduk yang tersebar di dua puluh tiga kabupaten (kota) berbeza kepadatannya antara daerah. Kawasan paling ramai penduduk adalah Banda Aceh yang rata-rata perkilometer wilayahnya dihuni oleh sekitar 4,251 jiwa. Manakala Kota Lhokseumawe dan Langsa masing-masing 1,164 orang/km dan 761 orang/km. Sebaliknya, daerah yang paling jarang penduduknya iaitu hanya 15 orang/km adalah Kabupaten Gayo Lues.⁴⁵


Sebaran penduduk merupakan masalah kependudukan yang rumit, kerana sebaran penduduk yang laju berkait rapat dengan masalah ekonomi dan sosial. Sebaran penduduk yang merata memberi kesan positif kepada pertumbuhan ekonomi, sedangkan persebaran penduduk yang jarang dapat memberikan masalah sama ada masalah sosial mahupun ekonomi pada kawasan tersebut. Untuk itu sebaran penduduk yang tidak merata hendaknya diselesaikan secara berhati-hati kerana tidak mungkin program pemerataan penduduk yang bertujuan untuk pemerataan pembangunan dan kesejahteraan rakyat menjadi berbalik menyengsarakan rakyat dan menimbulkan kerawanan sosial.

Adapun kehidupan beragama di Aceh cukup kondusif. Secara umum konsep trilogi kerukunan umat beragama berjalan dengan baik. Pertikaian masyarakat atas dasar perbezaan agama hampir tidak pernah terjadi, demikian juga dengan pertikaian atas dasar dalaman umat beragama tersebut, hanya pertikaian masyarakat beragama terutama Islam dengan kerajaan sedikit mengalami halangan. Contohnya Gerakan Aceh Merdeka (GAM), iaitu segelintir masyarakat yang berjuang demi terselenggaranya penguatkuasaan

⁴⁵ Bappeda Aceh dan Badan Pusat Statistik Provinsi Aceh, *Aceh dalam*, 31.

syari'at Islam yang kaffah harus memisahkan diri dari NKRI, lalu mencetuskan terjadinya hubungan tidak harmoni dengan kerajaan.

Data penduduk Aceh berdasarkan kelompok agama sebagaimana yang dikeluarkan oleh Pejabat Wilayah Jawatan Agama Aceh memperlihatkan bahawa penduduk Aceh pada umumnya beragama Islam, iaitu sebanyak 98.84%, sedang bukan beragama Islam secara keseluruhan adalah penduduk minoriti yang sangat kecil jumlahnya, iaitu, 1.16%, dan ini dikelaskan kepada empat penganut agama, iaitu Kristian Protestan sebanyak 0.89%, Katolik 0.09%, Hindu 0.02%, dan Budha sebanyak 0.16%.⁴⁶ Lebih jelasnya berkaitan dengan peratusan penduduk Aceh berdasarkan kelompok agama dapat dilihat dalam rajah berikut:



Rajah 3.1: Kumpulan Agama di Aceh
Sumber: Departemen Agama Wilayah Aceh

Walaupun di Aceh mempunyai penduduk bukan beragama Islam iaitu sebanyak 1,16% namun tidak dijumpai anggota Dewan Perwakilan Rakyat Aceh (DPRA) yang tidak beragama Islam. Semua DPRA TK.I Negeri, demikian juga dengan Tk.II Daerah Kota adalah beragama Islam.⁴⁷ Terlepas dari aspek perwakilan mereka untuk menampung aspirasi yang mereka laksanakan, mungkin kerana sedikit jumlah mereka ini maka untuk

⁴⁶ Data Kependudukan Aceh berdasarkan Agama Wilayah Departemen Agama Aceh.

⁴⁷ Pagar, "Dualisme Hukum Pidana di Nangroe Aceh Darussalam : Analisis Terhadap Dampak Penerapan Hukum Islam", *Annual Conference Kajian Islam*, (Medan: IAIN Sumatera Utara Medan, 2005), 10.

memenangi anggota DPR yang bukan beragama Islam sehingga pilihan raya tidak boleh diusahakan.

3.2.4 Keadaan Sosial Masyarakat Aceh dalam Bidang Ekonomi dan Budaya


Keadaan sosial masyarakat Aceh dalam bidang ekonomi salah satu aspek ialah pekerjaan. Bekerja merupakan kegiatan ekonomi yang dilakukan oleh seseorang dengan maksud memperoleh atau membantu memperoleh pendapatan atau keuntungan sehingga menjadikan ekonominya mapan. Apabila merujuk pada data statistik, tahun 2012 terdapat sebanyak 1.798.547 orang penduduk Aceh yang berusia 15 tahun ke atas yang bekerja, dengan jumlah angkatan kerja sebanyak 1.978.491 orang dan pengangguran sebanyak 179.944 orang, sedangkan yang mengurus rumah tangga berjumlah 647.495 orang dan yang bersekolah seramai 364.089 orang.⁴⁸ Dan jika dilihat dari lapangan pekerjaan, sektor pertanian merupakan sektor yang menyediakan peluang paling besar dalam penyerapan tenaga kerja yakni 46,86 peratus, diikuti oleh sektor perkhidmatan (19,67 peratus), dan perdagangan (15,70 peratus), selebihnya sektor industri pemprosesan (4,11 peratus) dan lain-lain (13,66 peratus).⁴⁹ Dari huraian di atas dapat disimpulkan bahawa sektor pertanian masih menjadi tulang belakang ekonomi masyarakat Aceh.⁵⁰

⁴⁸ Bappeda Aceh dan Badan Pusat Statistik Provinsi Aceh, *Aceh dalam*, 32.

⁴⁹ *Ibid.*

⁵⁰ Salah satu subsektor pertanian adalah tanaman pangan. Subsektor ini termasuk tanaman padi (padi sawah dan padi ladang), jagung, kacang soya, kacang tanah, ubi kayu dan ubi keledak. Luas menuai padi tahun 2012 adalah 387.803 hektar. Lihat, Bappeda Aceh dan Badan Pusat Statistik Provinsi Aceh, *Aceh dalam*, 197.

Berikut merupakan pecahan sektor lapangan pekerjaan di Aceh:



Rajah 3.2: Sektor Lapangan Kerja Masyarakat Aceh
Sumber: Bappeda Aceh dan Badan Pusat Statistik Provinsi Aceh

Keadaan ekonomi masyarakat Aceh secara keseluruhan terus bertambah baik berbanding di masa konflik melanda Aceh dan beberapa tahun selepas, namun keadaan ini belum memuaskan kerana pertumbuhan ekonomi Aceh masih jauh tertinggal dari daerah lain di Indonesia. Salah satu petunjuk ialah Aceh masih termasuk dalam salah satu daerah termiskin di Indonesia. Indikator ini menunjukkan bahawa kehidupan sosial masyarakat Aceh dalam bidang ekonomi masih jauh dari harapan untuk mencapai kehidupan sejahtera.

Adapun dalam bidang budaya, Aceh merupakan kawasan yang mempunyai pelbagai budaya yang menarik khususnya dalam bentuk tarian, kerajinan dan perayaan/kenduri. Di Aceh terdapat lapan suku iaitu Suku Aceh, Gayo, Alas, Aneuk Jamee, Simeulu, Kluet, Singkil dan Tamiang. Kelapan-lapan sub etnik mempunyai budaya yang sangat berbeza antara satu dengan yang lain. Suku Gayo dan Alas merupakan suku yang mendiami dataran tinggi di kawasan Aceh Tengah dan Aceh Tenggara.

Kesenian merupakan salah satu dari bahagian budaya Aceh. Corak kesenian Aceh banyak dipengaruhi oleh kebudayaan Islam, namun telah diolah dan disesuaikan dengan nilai-nilai budaya yang berlaku. Seni tari yang terkenal dari Aceh antara lain tari saman, tarian seudati, seudati inong dan seudati tuning. Seni lain yang dibangunkan adalah seni kaligrafi Arab yang banyak kelihatan pada pelbagai ukiran masjid, rumah adat, alat upacara, perhiasan dan sebagainya. Selain itu berkembang seni sastra dalam bentuk hikayat yang bercirikan Islam seperti Hikayat Perang Sabil.

3.2.5 Masyarakat Aceh dan Syari'at Islam

Masyarakat Aceh ialah sekumpulan manusia yang menetap dalam wilayah Provinsi Aceh. Majoriti masyarakat Aceh beragama Islam, hanya sebahagian kecilnya bukan beragama Islam. Adapun syari'at Islam dalam erti sempit ialah salah satu aspek ajaran Islam iaitu aspek yang berhubungan dengan hukum. Sedangkan dalam erti yang luas boleh bermakna tuntunan Allah yang merangkumi semua aspek ajaran Islam.⁵¹ Dengan begitu syari'at Islam yang dilaksanakan oleh masyarakat Islam Aceh tidak hanya pada masalah hukum sahaja tetapi merangkumi bidang lain yang lebih luas. Jadi dalam syari'at Islam yang sedang dan akan dilaksanakan dalam masyarakat Aceh merangkumi aspek akidah, syari'ah, akhlak, ekonomi, pendidikan, politik, kesenian, olah raga, dan sebagainya.

Sebenarnya syari'at Islam telah menjadi bahagian dari kehidupan masyarakat Aceh. Paling kurang sebahagian daripadanya telah berlaku sejak dahulu (sejak zaman kesultanan dahulu hingga ke masa sekarang), sehingga telah meresap dan menyatu secara relatif sempurna dengan kesedaran masyarakat dan telah menjadi adat (tradisi) yang bersatu dengan kehidupan seharian masa kini yang sangat ditaati.⁵² Dulu, pada tingkat

⁵¹ Al Yasa' Abubakar, *Syari'at Islam di Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam: Paradigma, Kebijakan dan Kegiatan* (Banda Aceh: Dinas Syari'at Islam, 2008), 19.

⁵² Orang Aceh yakin bahawa pada masa kesultanan dahulu syari'at Islam telah berjalan agak sempurna, paling kurang lebih sempurna daripada keadaan sekarang. Undang-undang negara pada masa itu adalah hukum fekah, atau lebih tepat lagi barangkali hukum fekah yang telah menyatu dengan adat. Hal ini sekurang-kurangnya dapat lihat sebagaimana disebutkan dalam kata pengantar buku *Mir'at al-Tullab* karangan Abdurra'uf Syiah Kuala; serta buku *Safinat al-Hukkam* karangan Jalaluddin al-Tarusani. Kata pengantar masing-masing buku tersebut ditulis atas permintaan Sultan (yang berkuasa ketika buku itu ditulis) untuk menjadi pegangan para hakim (*qadi*) di seluruh negeri Aceh dan daerah taklukannya. Kedaan ini berubah selepas kedatangan penjajah Belanda yang melarang orang Aceh menjalankan hukum fekah terutama sekali dalam bidang jenayah, yang tetap berlanjutan sampai Indonesia merdeka.

kesedaran peribadi masyarakat Aceh fanatik dan taat kepada ajaran Islam sehingga wujud hubungan yang erat antara adat dengan syari'at di daerah Aceh.⁵³ Dalam sebuah *hadith maja* (peribahasa) terkenal di Aceh disebutkan, Islam dan adat di Aceh bagaikan zat dengan sifat (*agama ngen adat lagee zat ngen sifeut*).⁵⁴ Ungkapan ini menunjukkan keadaan antara Islam dan adat yang berlaku dalam masyarakat Aceh tidak dapat dipisahkan. Dalam sejarah Aceh, Islam tercatat sebagai agama satu-satunya yang diiktiraf oleh kerajaan. Bahkan Islam bersepadu dalam kehidupan pemerintahan kerajaan Aceh pada abad XVII. Amirul Hadi⁵⁵ menyebut integrasi ini sebagai “*politico-religious unity*” yang bererti adanya perpaduan Islam sebagai budaya dan politik dalam menegakkan komuniti Islam (ummah). Dalam kedudukan inilah, Islam menjadi penyatu yang menyatukan pelbagai bangsa penganut Islam dalam politik dan perdagangan di Aceh.⁵⁶

Syari'at Islam di Aceh berkembang seiring dengan perkembangan Islam itu sendiri.⁵⁷ Pada masa awal perkembangannya, syari'at Islam dalam kalangan masyarakat Aceh didominasi oleh pelbagai mazhab yang baru muncul di Timur Tengah dan berkembang ke seluruh kawasan yang telah memeluk agama Islam. Oleh sebab itu, pada akhir abad pertama Hijrah, di Aceh juga berkembang mazhab Syi'ah. Dalam pandangan Ali Hasyimi, dua mazhab Islam utama, Syiah dan Ahlussunnah, saling berebut kuasa sepanjang Kerajaan Aceh, sejak Kerajaan Perlak sehingga Kerajaan Aceh Darussalam.⁵⁸ Walaupun tesis Hasyimi sukar dibuktikan secara sejarah, dalam beberapa literatur lain disebutkan bahawa Islam yang datang ke Aceh dan berkembang di Nusantara diwarnai oleh pelbagai pemikiran Islam yang berkembang di Timur Tengah. Dalam konteks ini, Abu Bakar Aceh meyakini, Islam yang pertama kali masuk ke Aceh ialah Islam Syi'ah.⁵⁹

⁵³ Al Yasa' Abubakar, *Syari'at Islam*, 26.

⁵⁴ Ungkapan ini selalu diulang dalam ceramah adat dan buku-buku yang membincangkan masalah adat dan agama Aceh. Tidak ada kajian khusus untuk mencari asal-usul ungkapan ini. Ungkapan yang sama juga dikenali di Sumatera Barat dengan struktur yang berbeza, yakni “Adat basandi syara”, syara' basandi kitabullah” yang bererti adat dalam masyarakat Minang bersendikan *al-Qur'an*.

⁵⁵ Amirul Hadi, *Islam and State in Sumatra: A Study of Seventeenth-Century Aceh* (Leiden-Boston: Brill, 2004), 241.

⁵⁶ Amirul Hadi, “Aceh Antara Kesedaran Sejarah dan Ingatan Sosial”, pidato pengukuhan guru besar disampaikan dalam Rapat Senat Terbuka IAIN Ar-Raniry, Banda Aceh, 2008, 14.

⁵⁷ Kamaruzzaman Bustamam-Ahmad, *Islam Historis: Dinamika Studi Islam di Indonesia* (Yogyakarta: Galang Press, 2002), 251

⁵⁸ Ali Hasyimi, *Syiah dan Ahlussunnah Saling Merebut Kekuasaan dalam Kerajaan Aceh Darussalam* (Jakarta: Bulan Bintang, 1983).

⁵⁹ Abubakar Aceh, *Sejarah Syiah di Indonesia* (Jakarta: Islamic Research Institute, 1977). Bandingkan dengan Zulkifli, “The Struggle of the Shi'is in Indonesia,” Netherlands: Thesis Doktor, Universitas Leiden, 2009.

Namun dalam perkembangan selanjutnya, Islam Ahlussunnah mendominasi mazhab yang dipeluk masyarakat Aceh. Akar-akar Syi'ah di Aceh saat ini masih dapat dilihat dengan wujudnya amalan adat dan budaya yang ada di Aceh.⁶⁰

Perkembangan hukum Islam di Aceh tidak dapat dilepaskan dari peranan sultan yang memerintah dan memegang kuasa pada masa itu. Peranan sultan yang mutlak dan autoritarian menyebabkan agama rakyat adalah agama sultan mereka. Para raja Aceh yang sejak berdirinya kerajaan sudah menjadi pemeluk Islam, membuat Islam menjadi agama yang dianuti oleh masyarakat Aceh.⁶¹ Di Kerajaan Aceh Darussalam, peranan keagamaan dipimpin oleh seorang ulama yang disebut *Shaykh al-Islam*. Dialah yang menjadi penasihat ke atas pelbagai dasar kerajaan berkaitan dengan agama. Pada masa *Shaykh a-Islam* dipegang oleh Nuruddin Ar-Raniry (1637-1641), ia mengarang beberapa kitab yang kemudian menjadi pegangan para hakim di seluruh wilayah kekuasaan Aceh dalam memutuskan sesuatu perkara. Hal yang sama juga dilakukan pada masa pemerintahan Sultanah Safiatuddin (1641-1675) dengan *Shaikh al-Islam* Abdurrauf Syiah Kuala (1642-1693).

Kuasa yang tidak terhad yang dimiliki sultan dalam melaksanakan hukum Islam menyebabkan hukum Islam yang ada di Aceh berubah menjadi adat. Sebagai adat, ia kadang-kadang melangkah jauh melebihi hukum Islam itu sendiri bahkan cenderung menjadi "hukum sultan".⁶² Dalam konteks ini, sultan seolah mempunyai hak yang tidak terbatas dalam melaksanakan hukum kepada orang yang bersalah, terutama orang yang tidak taat kepada sultan. Hal ini sesuai dengan apa yang dikatakan oleh Nuruddin ar-Raniry dalam *Bustan al-Salatin*.⁶³

⁶⁰ Muhammad Zafar Iqbal, *Kafilah Budaya: Pengaruh Persia terhadap Kebudayaan Indonesia*, (Jakarta: Citra, 2006). Muhammad Zafar meyakini bahawa Islam yang datang ke Indonesia berasal dari Parsi, bukan dari Gujarat seperti yang diyakini Hurgronje dan beberapa sarjana asing lainnya. Oleh sebab itu, banyak budaya Parsi memengaruhi budaya yang ada di Indonesia meskipun Syiah sebagai mazhab agama tidak berkembang lagi.

⁶¹ Ali Hasyimi, ed., *Sejarah Masuk dan Berkembangnya Islam di Indonesia* (Jakarta: Al-Ma'arif, 1993).

⁶² Ayang Utriza, "Adakah Penerapan Syari'at Islam di Aceh?", dalam *Jurnal Gelombang Baru*, Komunitas Tikar Pandan, 2009, 35

⁶³ T. Iskandar, ed., Nuruddin Ar-Raniry, *Bustan al-Salatin*, Bab II, Fasal 13, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1966), 46.

Penghormatan yang terlalu besar kepada sultan menyebabkan banyak hukuman terhadap kesalahan kecil menjadi sangat besar yang bahkan tidak diatur dalam Islam. Hal ini tidak lain disebabkan pihak berkuasa keagamaan yang diberikan kepada *Shaykh al-Islām* tidak boleh menjangkau kuasa sultan. Yang terjadi adalah menjatuhkan hukuman yang diberikan sultan melebihi apa yang ditetapkan oleh Islam dalam *al-Qur'ān* dan Sunnah. Sebagai contoh, hukuman terhadap penghinaan kepada sultan dan keluarganya. Dalam berbagai literatur Islam tidak disebutkan mengenai hukuman jenis ini, namun hal ini berlaku di Kerajaan Aceh Darussalam dan dianggap sebagai kesalahan yang besar sehingga hukumannya juga besar. Demikian juga dengan teknik penghukuman, seperti diinjak oleh gajah, dilempar ke jurang, semua hanya dibuat dalam konteks kerajaan Aceh dan tidak berkaitan dengan dasar dalam Islam sama sekali.⁶⁴

Selain itu, aspek keagamaan yang berkembang pada masa itu tidak hanya hukum Islam berdimensi fekah. Beberapa ulama besar yang masih dikenang sehingga saat ini kerana kepakarannya dalam bidang tasawuf Islam. Sebelum kekuasaan Aceh mencapai era kegemilangan pada masa Sultan Iskandar Muda (1607-1637), hidup seorang sufi bernama Hamzah Fansuri (wafat 1604). Di tangannya, Islam dengan wajah tasawuf mula berkembang dan merebak ke seluruh Nusantara.⁶⁵ Setelah ia meninggal dunia, ajarannya diteruskan oleh muridnya, Shamsuddin al-Sumatrani (wafat 1631)⁶⁶ dengan beberapa perkembangan konsep. Kedua ulama sufi ini mempunyai hubungan dengan kekuasaan, bahkan mereka berperanan dalam hubungan diplomasi dengan utusan dari negara asing kerana penguasaan ilmu politik dan penguasaan bahasa asing yang dimilikinya.⁶⁷ Apakah ada kaitan antara mazhab keagamaan dengan kemajuan kerajaan dalam bidang ekonomi pada masa itu. Hal ini masih menjadi persoalan yang memerlukan sebuah kajian yang

⁶⁴ Ito Takeshi, "The World of the Adat Aceh: A Historical Study of the Sultanate of Aceh", Australia: Thesis Doktor, Australian National University, 1984, 167. Bandingkan dengan Amirul Hadi, *Islam and State*, 181.

⁶⁵ Syed Naguib Al-Attas, *The Mysticism of Hamzah Fansuri* (London: Oxford University Press, 1972), 14.

⁶⁶ Abdul Aziz Dahlan, "Pemikiran Sufistik Shamsuddin al-Sumatrani", (Jakarta: Thesis Doktor, IAIN Syarif Hidayatullah Jakarta), 1999, 38.

⁶⁷ Azyumardi Azra, *Jaringan Ulama: Timur Tengah dan Kepulauan Nusantara Abad XVII & XVIII, Akar Pembaruan Islam Indonesia* (Jakarta: Prenada Media Group, 2004), 113.

khusus. Namun, melihat perkembangan Aceh yang lebih terbuka pada abad XVII mustahil tanpa campur tangan pemikiran keagamaan. Apalagi tokoh-tokoh agama (sufi) memegang peranan penting di Kerajaan Aceh Darussalam.

Melihat realiti tersebut di atas, jelas syari'at Islam yang berkembang dalam masyarakat Aceh pada masa pemerintahan Sultan Iskandar Muda (1607-1637) dan beberapa penguasa sesudahnya diwarnai dengan Islam yang berperspektif tasawuf.⁶⁸ Namun demikian, dalam beberapa dekad akhir perkembangan kerajaan juga berkembang aspek feodal. Pada masa pemerintahan Aceh berada di bawah kuasa sultan perempuan selama 49 tahun (1641-1699), *Shaykh al-Islam* kerajaan, Abdurrauf al-Singkili menulis beberapa kitab yang membahas masalah hukum Islam yang kemudian menjadi dasar bagi hakim di berbagai wilayah kekuasaan Kerajaan Aceh dalam memutuskan perkara agama.

Pada masa penjajahan Belanda di Aceh yang bermula pada tahun 1873, pemikiran Islam yang sebelum ini berkembang pesat mula lemah. Para ulama mula memberi tumpuan untuk mengatur masyarakat untuk menentang penjajah Belanda. Keadaan ini memadamkan pemikiran kritikal dan falsafah dalam wacana keagamaan di Aceh. Para ulama dan masyarakat lebih mementingkan kajian-kajian yang bersifat praktikal dan memberikan semangat juang kepada masyarakat untuk berani mengambil risiko (kematian syahid) dalam membela agama dan negara.⁶⁹ Hal ini berlangsung hingga masa penjajahan berakhir dengan pengisytiharan kemerdekaan Indonesia pada 17 Ogos 1945.

Pasca kemerdekaan Indonesia dan pasca bergabungnya Aceh dengan Indonesia, keinginan untuk menjadikan Islam sebagai dasar dalam kehidupan bermasyarakat dan bernegara di Aceh mula muncul. Muhammad Daud Bereu'eh (1899-1987) boleh diibaratkan sebagai aktor di sebalik keinginan melaksanakan syari'at Islam di Aceh pada masa itu. Sebagai sebahagian daripada Negara Kesatuan Republik Indonesia, keinginan

⁶⁸ Sehat Ihsan Shadiqin, *Tasawuf Aceh* (Banda Aceh: Bandar Publishing, 2008), 205.

⁶⁹ Lihat lebih lanjut penjelasan Ibrahim Alfian, *Perang di Jalan Allah* (Jakarta: Bulan Bintang, 1973).

ini tidak boleh dilakukan serta-merta tanpa izin dan persetujuan dari kerajaan pusat di Jakarta. Apabila izin yang diharapkan tidak diberikan, Muhammad Daud Bereu'eh pada tahun 1953 mengambil keputusan untuk bergabung dengan Darul Islam/Tentara Islam Indonesia atau lebih terkenal dengan sebutan DI/TII di bawah pimpinan Kartosuwiryo di Jawa Barat untuk mengisytiharkan Negara Islam Indonesia (NII) dan memutuskan pisah dari Republik Indonesia.⁷⁰ Ini merupakan permulaan tuntutan penerapan syari'at Islam di Aceh. Walaupun secara politik kerajaan pusat telah berusaha memadamkan usaha ini dalam memori masyarakat, namun keinginan untuk menjadikan Islam sebagai sebahagian dari sistem pemerintahan masih tetap ada.

Sejak bergabung dengan Indonesia, kuasa masyarakat Aceh untuk melaksanakan ajaran Islam bertentangan dengan kehidupan seharian kerana tidak sebebaskan ketika era kesultanan dahulu. Ertinya, pada saat itu syari'at Islam yang dapat dilaksanakan oleh masyarakat Aceh hanya berdasarkan kesedaran masyarakat, tidak lagi diatur oleh pemimpin. Tidak hanya setakat itu, syari'at Islam yang dilaksanakan secara peribadi, boleh dijalankan apabila dianggap sesuai dan tidak bertentangan dengan peraturan yang dibuat oleh negara. Hal inilah yang sering menjadi sumber kekecewaan dalam kalangan masyarakat Aceh.

Amalan yang bertentangan dengan pelaksanaan syari'at Islam sebagai contoh, Islam menyuruh umat Islam untuk menutup aurat dengan baik. Tetapi kerajaan Indonesia pada masa Orde Baru menetapkan bahawa gambar yang akan diletakkan pada dokumen-dokumen rasmi perlu menampakkan rambut dan telinga. Disebabkan itu kaum muslimin, termasuk masyarakat perempuan Aceh yang taat, terpaksa membuka tudung ketika hendak membuat gambar. Jika menolak, dokumen itu tidak akan diberikan, misalnya ijazah atau surat berkelakuan baik dari polis dan lain-lain. Apabila dokumen itu tetap diberikan dengan gambar yang menutup rambut dan telinga, maka dokumen tersebut

⁷⁰ Al-Chaidar, *Gerakan Aceh Merdeka: Jihad Rakyat Aceh Mewujudkan Negara Islam* (Jakarta: Madani Press, 2000), 116.

dianggap tidak sah. Begitu juga penggunaan tudung oleh murid sekolah, pada masa Orde Baru pernah dilarang dengan ketat. Siswi yang tidak mahu membuka tudung ketika berada di persekitaran sekolah, tidak diambil perhatian oleh guru dan bahkan dikeluarkan dari sekolah, dengan alasan melanggar tata tertib sekolah.

Pada tahun 1959 harapan masyarakat Aceh untuk kembali melaksanakan syari'at Islam sebagaimana pada masa kesultanan dahulu kembali terbuka, yang mana pada masa itu Aceh diberikan keistimewaan dalam tiga bidang, iaitu pendidikan, peradatan dan pengamalan agama.⁷¹ Dengan itu, sebagaimana salah satu kuasa istimewa yang diberikan dalam bidang pengamalan agama, bermakna Aceh mempunyai peluang besar untuk kembali mengenakan dan mengamalkan ajaran Islam (syari'at Islam) sebagaimana era kesultanan dahulu. Tetapi harapan dan peluang itu tidak pernah dan tidak dapat dilaksanakan dalam kalangan masyarakat kerana tindak lanjut dari keistimewaan yang diberikan tersebut tidak pernah dimasukkan dalam perundangan negara untuk melaksanakannya, malahan ada keistimewaan yang diberikan itu dihalang, secara tidak langsung telah dikeluarkan dari Undang-undang Nombor 5 Tahun 1974 tentang Pokok Pemerintahan di Daerah. Sepatutnya keistimewaan melaksanakan syari'at Islam yang diberikan melalui Keputusan Presiden diteruskan dengan mengeluarkan peraturan pelaksanaan yang lebih jelas dari segi isi kandungan, dan cukup kuat secara undang-undang formal, sehingga betul-betul dapat dilaksanakan dalam pemerintahan dan kehidupan seharian masyarakat Aceh.⁷²

Peluang emas usaha ini (mengenakan syari'at Islam dalam kalangan masyarakat Aceh) kembali lahir selepas Orde Baru tumbang pada tahun 1998. Dengan runtuhnya

⁷¹ Al Yasa' Abubakar, *Syari'at Islam*, 29.

⁷² Hal ini pernah dikemukakan oleh Muhammad Daud Beureu'eh melalui sepucuk surat kepada Panglima Kodam Iskandar Muda pada masa itu, bahkan beliau menyertakan rancangan konsep Penetapan Presiden tentang Undang-undang Pokok Pemerintahan Daerah Istimewa Aceh, yang akan dijadikan sebagai pedoman penganjuran pemerintahan di Aceh yang intinya adalah pelaksanaan syari'at Islam yang merangkumi hampir semua aspek kehidupan. Panglima menjawab agar permintaan itu tidak perlu diajukan secara tergesa-gesa kepada Kerajaan Pusat (Jakarta), tetapi PEMDA (Pemerintah Daerah) terlebih dahulu melaksanakan pengamalan syari'at sesuai dengan kuasa yang telah dimiliki Daerah Aceh, iaitu status sebagai daerah istimewa. Menurut Panglima permintaan kepada Kerajaan Pusat agar membuat peraturan yang lebih tegas mengenai pelaksanaan syari'at Islam di Aceh sebaiknya diajukan nanti setelah keadaan keselamatan betul-betul pulih, dan tugas ini diserahkan kepada PEMDA untuk menanganinya. Surat ini tidak bertarikh, Kutaraja 28 Disember 1961, ditandatangani oleh Kolonel M. Jasin.

kekuasaan mutlak Soeharto, pemerintahan yang lebih demokratik mulai bangkit.⁷³ Salah satu wujudnya pemberian autonomi khusus kepada daerah-daerah di seluruh Indonesia. Untuk Aceh, pada tahun 1999 dikeluarkan Undang-undang Nombor 44 Tahun 1999 tentang Keistimewaan Aceh. Undang-undang inilah yang menjadi asas awal penerapan syari'at Islam di Aceh setelah terkubur selama puluhan tahun. Dalam undang-undang ini ditegaskan pelaksanaan syari'at Islam dalam kehidupan sosial masyarakat secara menyeluruh (*kaffah*) merupakan satu di antara empat keistimewaan Aceh yang lain.⁷⁴ Ini bermakna keseluruhan dimensi kehidupan sosial masyarakat Aceh akan mendapatkan tetapan dari hukum syari'at. Hukum syari'at adalah hukum yang berpunca pada *al-Qur'ān* dan Sunnah Nabi Muhammad, baik yang diambil dari pendapat dan tafsiran ulama Islam terdahulu, ulama Islam kontemporari, atau hasil ijtihad (*legal reasoning*) ulama Aceh yang ada saat ini, yang berlandaskan pada konteks budaya dan masyarakat tempatan Aceh.

Pada masa-masa belum terwujudnya pelaksanaan syari'at Islam secara kaffah ini, kerana ketidak sempurnaannya terbitan peraturan yang mengatur tentang pelaksanaan syari'at Islam di Aceh, maka mahkamah di Aceh yang menyelesaikan pertikaian berkenaan persoalan agama, sama dengan mahkamah di daerah lain. Mahkamah di daerah lain tidak mengadili sengketa aspek jenayah (jenayah yang diancam dengan hukuman fizikal), mahkamah ini hanya mengadili sengketa yang berkaitan dengan aspek sivil.⁷⁵ Hal ini dapat dilihat dari Undang-undang Nombor 7 Tahun 1989 tentang Wewenang Kekuasaan Peradilan Agama, iaitu memutus, dan menyelesaikan perkara di tingkat

⁷³ Lihat Kevin O'Rourke, *Reformasi: The Struggle for Power in Post-Soeharto Indonesia*, (Australia: Allen & Unwin, 2002).

⁷⁴ Dalam Fasal 4 Undang-undang Nombor 44 Tahun 1999 tentang Penyelenggaraan Keistimewaan Provinsi Daerah Istimewa Aceh dinyatakan bahawa syari'at Islam merupakan keistimewaan bagi Aceh. Secara keseluruhan keistimewaan Aceh meliputi penyelenggaraan kehidupan beragama, adat, pendidikan, dan peranan ulama dalam penetapan kebijakan daerah.

⁷⁵ Adapun penyelesaian sengketa yang di luar bidang kuasa Pengadilan Agama akan ditangani oleh Pengadilan Negeri. Hal ini sesuai dengan tugas dan wewenang dari Pengadilan Negeri. Pengadilan Negeri selaku salah satu kuasa kehakiman di lingkungan Peradilan Umum mempunyai tugas dan kewenangan sebagaimana disebutkan dalam Undang-undang Nombor 8 Tahun 2004 tentang Perubahan atas Undang-undang Nombor 2 Tahun 1986 tentang Peradilan Umum, dalam Fasal 50 menyatakan: Pengadilan Negeri bertugas dan berwenang memeriksa, memutus dan menyelesaikan perkara pidana (jenayah) dan perkara perdata (yang diluar kuasa Pengadilan Agama) di tingkat pertama, dalam Fasal 52 ayat 1 dan ayat 2 menyatakan: Pengadilan boleh memberikan keterangan, pertimbangan dan nasehat tentang hukum kepada institusi pemerintah di daerahnya, apabila diminta dan selain bertugas dan kuasa tersebut dalam Fasal 50 dan 51, Pengadilan boleh disertai tugas dan kewenangan lain atau berdasarkan undang-undang.

pertama antara orang-orang yang beragama Islam di bidang perkahwinan, waris, wasiat dan hibah yang dilakukan berdasarkan hukum Islam, wakaf, sedekah, dan ekonomi syari'ah yang meliputi bank syari'ah, lembaga kewangan mikro syari'ah, insurans syari'ah, reasuransi syari'ah, dana syari'ah, obligasi syari'ah dan surat berharga syari'ah, sekuriti syari'ah, pembiayaan syari'ah, pegadaian syari'ah, dana pencen lembaga kewangan syari'ah, dan perniagaan syari'ah.⁷⁶ Semua ketentuan dalam penyelesaian sengketa yang menjadi kuasa Pengadilan Agama tersebut merujuk sepenuhnya ke dalam Kompilasi Hukum Islam (KHI).⁷⁷ Hal yang sama juga berlaku ke atas mahkamah Pengadilan Agama di wilayah Aceh pada masa itu.

Namun, pada tahun 2001, ketika dianugerah autonomi daerah kepada semua daerah di Indonesia, untuk Aceh dikeluarkan Undang-undang Nombor 18 Tahun 2001 tentang Status Otonomi Khusus untuk Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam. Dalam undang-undang ini, keumuman yang terdapat pada undang-undang sebelumnya tentang penguatkuasaan syari'at Islam di Aceh disempitkan lagi, antaranya dengan menetapkan peraturan daerah di Aceh yang disebut qanun dan pengakuan Mahkamah Syar'iyah sebagai sebahagian daripada sistem mahkamah di Indonesia. Undang-undang ini kemudian menjadi dasar lahirnya beberapa qanun pelaksanaan syari'at Islam di Aceh. Setelah keluarnya Undang-undang Nombor 18 Tahun 2001, Aceh yang pada masa itu di bawah pimpinan Gabenor Abdullah Puteh mengisytiharkan pelaksanaan syari'at Islam di Aceh. Pengisytiharan ini dilakukan di Masjid Raya Baiturrahman Banda Aceh sebagai simbol sokongan rakyat Aceh pada program tersebut.

Setelah keluar Undang-undang Nombor 11 Tahun 2006 tentang Pemerintahan Aceh, Undang-undang Nombor 18 Tahun 2001 tersebut di atas tidak lagi berlaku. Undang-undang ini menegaskan lahirnya undang-undang organik lain yang mengatur

⁷⁶ Undang-undang Nombor 7 Tahun 1989 tentang Wewenang Kekuasaan Peradilan Agama.

⁷⁷ Kompilasi Hukum Islam ialah ketentuan hukum Islam yang ditulis dan disusun secara sistematik menyerupai peraturan undang-undang untuk sedapat mungkin dilaksanakan seluruh umat Islam dalam menyelesaikan masalah-masalah di bidang yang telah ditetapkan Kompilasi Hukum Islam. Oleh para hakim Peradilan Agama Kompilasi Hukum Islam digunakan sebagai pedoman dalam memeriksa, mengadili dan memutus perkara yang diajukan kepadanya.

syari'at Islam dalam tataran operasi di Aceh yang disebut qanun. Qanun lahir melalui proses perundangan di DPRA (Dewan Perwakilan Rakyat Aceh) selayaknya peraturan daerah yang lain. Qanun inilah yang kemudian menjadi hukum materil dan hukum formal syari'at Islam di Aceh. Pada umumnya, qanun mengandung formalisasi hukum fekah Islam yang memang sudah sejak lama. Tidak semua ketentuan yang ada dalam fekah Islam boleh menjadi qanun syari'at Islam di Aceh; pemilihannya disesuaikan dengan konteks dan kepentingan Aceh dan hukum nasional Indonesia. Demikian juga beberapa hukum yang ada dalam fekah Islam disesuaikan dengan perkembangan masyarakat di Aceh.

Sehingga hari ini, qanun yang lahir berkaitan langsung dengan penerapan syari'at Islam di Aceh, yakni Qanun Nombor 10 Tahun 2002 tentang Peradilan Syari'at Islam, Qanun Nombor 11 Tahun 2002 tentang Pelaksanaan Syari'at Islam Bidang Aqidah, Ibadah dan Syi'ar Islam, Qanun Nombor 12 Tahun 2003 tentang Minuman Khamar dan sejenisnya, Qanun Nombor 13 Tahun 2003 tentang Maisir (perjudian), Qanun Nombor 14 Tahun 2003 tentang Khalwat (Mesum), Qanun Nombor 7 Tahun 2004 tentang Pengurusan Zakat, dan Qanun Nombor 11 tahun 2004 tentang Tugas Fungsional Polis Daerah Aceh. Selain dalam bentuk qanun, ada juga peraturan gabenor, keputusan gabenor, peraturan bupati/wali kota dan lain sebagainya yang berkaitan dengan penerapan syari'at Islam.⁷⁸ Semua qanun tentang syari'at Islam tersebut lahir pada awal-awal pengisytiharannya. Sementara pada pemerintahan tempoh 2004-2009, hampir tidak ada perbincangan qanun baru kecuali qanun jinayat yang kemudian gagal dikuatkuasakan. Sementara, pada masa pemerintahan 2009 hingga sekarang, tepatnya tahun 2014 kembali disahkan Qanun tentang Bank Aceh Syari'ah dan Qanun Jenayah yang berkaitan dengan penerapan syari'at Islam di Aceh. Namun Qanun Jenayah masih belum sepenuhnya disetujui oleh pemerintah pusat.

⁷⁸ Rusjdi Ali Muhammad, *Revitalisasi Syari'at Islam di Aceh: Problem Solusi dan Implementasinya Menuju Pelaksanaan Hukum Islam di Nanggroe Aceh Darussalam* (Jakarta: Logos Wacana Ilmu, 2003).

Berdasarkan huraian di atas, hubungan syari'at Islam dengan masyarakat Aceh bukan lagi hanya setakat hukum Allah yang harus dipatuhi dan dijalankan oleh masyarakat Aceh, akan tetapi lebih dari itu, syari'at Islam sudah menjadi amalan dan indentiti khas dari masyarakat Islam di Aceh itu sendiri dalam segala amalannya termasuk dalam amalan memberi (gratifikasi) di masa dahulu hingga sekarang.

3.3 Gratifikasi Mengikut Undang-undang

Korupsi merupakan salah satu perkataan yang cukup popular dalam masyarakat dan telah menjadi tema perbualan seharian. Namun demikian, ternyata masih banyak masyarakat yang belum mengetahui apa itu korupsi. Pada umumnya, masyarakat memahami korupsi sebagai sesuatu yang merugikan kewangan negara.⁷⁹ Sedangkan dalam Undang-undang Nombor 20 Tahun 2001 tentang Pemberantasan Tindak Pidana Korupsi yang merupakan pindaan terhadap Undang-undang Nombor 31 Tahun 1999 tentang Pemberantasan Tindak Pidana Korupsi, ada 30 bentuk/jenis kesalahan jenayah korupsi yang digariskan dalam 13 fasal, iaitu:

“menyuap pegawai negeri adalah korupsi; memberi hadiah kepada pegawai negeri karena jawatannya adalah korupsi; pegawai negeri menerima suap; pegawai negeri menerima hadiah yang berhubungan dengan jawatannya; menyuap hakim; menyuap advokat; hakim dan advokat menerima suap; hakim menerima suap; advokat menerima suap; pegawai negeri menggelapkan uang atau membiarkan penggelapan; pegawai negeri memalsukan buku untuk pemeriksaan administrasi; pegawai negeri merusakkan alat bukti; pegawai negeri membiarkan orang lain merusakkan bukti; pegawai negeri membantu orang lain merusakkan alat bukti; pegawai negeri memeras; pegawai negeri memeras pegawai negeri yang lain; pemborong membuat curang; pengawas projek membiarkan perbuatan curang; rekanan (*partner*) TNI/Polri berbuat curang; pengawas rekanan TNI/Polri berbuat curang; penerima barang TNI/Polri membiarkan perbuatan curang; pegawai negeri menyerobot tanah negara sehingga merugikan orang lain; pegawai negeri turut serta dalam pengadaan yang diurusnya; pegawai negeri menerima gratifikasi dan tidak lapor KPK (Komisi Pemberantasan Korupsi) adalah korupsi; merintang proses pemeriksaan perkara korupsi; tersangka tidak memberikan keterangan mengenai kekayaan; bank yang tidak memberikan keterangan rekening

⁷⁹ Korupsi mengikut Undang-undang Nombor 31 Tahun 1999 jouncto Undang-undang Nombor 20 Tahun 2001 tentang Pemberantasan Tindak Pidana Korupsi adalah secara melawan hukum melakukan perbuatan memperkaya diri sendiri atau orang lain atau suatu korporasi yang dapat merugikan keuangan negara atau perekonomian negara.

tersangka; saksi atau ahli yang tidak memberikan keterangan atau memberikan keterangan palsu; orang yang memegang rahasia jawatan tidak memberikan keterangan atau memberikan keterangan palsu; dan saksi yang membuka identitas pelapor.”⁸⁰

30 jenis tindakan jenayah korupsi yang tersebut di atas pada dasarnya dapat dikumpulkan menjadi tujuh, iaitu, kerugian kewangan negara, suap-menyuap (sogokan), penggelapan/penyelewengan dalam jawatan, pemerasan (peras ugut), perbuatan curang, pertentangan kepentingan dalam perolehan barang (tender), dan gratifikasi. Berkenaan dengan gratifikasi, Undang-undang Nombor 20 Tahun 2001 tentang Pemberantasan Tindak Pidana Korupsi yang merupakan pindaan terhadap Undang-undang Nombor 31 Tahun 1999 inilah, untuk pertama kalinya istilah gratifikasi dipergunakan dalam peraturan undang-undang di Indonesia, yang diatur dalam Fasal 12 B.

Dalaman Fasal 12 B ini, perbuatan menerima gratifikasi yang dianggap sebagai perbuatan korupsi adalah apabila pemberian tersebut dilakukan kerana berkaitan dengan kedudukannya dan berlawanan dengan kewajipan atau tugasnya.⁸¹ Kewujudan peraturan tentang gratifikasi ini merupakan satu bentuk kesedaran bahawa gratifikasi boleh memberikan kesan yang negatif dan boleh disalahgunakan, khususnya dalam rangka pelaksanaan perkhidmatan awam, sehingga unsur ini diatur dalam undang-undang mengenai korupsi. Diharapkan jika budaya pemberian dan penerimaan gratifikasi kepada/oleh kaki tangan kerajaan dapat dihentikan, maka amalan jenayah korupsi dapat dikurangkan, bahkan dihapuskan.

Yang dimaksud dengan kaki tangan kerajaan dalam undang-undang iaitu:

Pegawai Negeri berdasarkan Pasal 1 ayat 2 Undang-undang Nomor 31 Tahun 1999 sebagaimana telah diubah dengan Undang-undang Nomor 20 Tahun 2001, meliputi:

- 1) Pegawai pada: MA, MK
- 2) Pegawai pada Kementerian/Departemen & Lembaga Pemerintah Non Departemen

⁸⁰ Fasal 2, 3, 13, dan 14 Undang-undang Nombor 31 Tahun 1999 tentang Pemberantasan Tindak Pidana Korupsi. Fasal 5, 6, 7, 8, 9, 10, 11, dan 12, Undang-undang Nombor 20 Tahun 2001 tentang Pemberantasan Tindak Pidana Korupsi. Anti-Corruption Clearing House (ACCH), <http://acch.kpk.go.id/tentang-acch>, dicapai pada 6 April 2015.

⁸¹ Fasal 2 Undang-undang Nombor 28 Tahun 1999 Tentang Penyelenggara Negara Yang Bersih dan Bebas dari Korupsi, Kolusi, dan Nepotisme. Lihat juga, Doni Muhandiansyah et al., *Buku Saku Memahami Gratifikasi* (Jakarta: Komisi Pemberantasan Korupsi Republik Indonesia, 2010), 11.

- 3) Pegawai pada Kejaksaan
- 4) Pegawai pada Bank Indonesia
- 5) Pimpinan dan pegawai pada sekretariat MPR/DPR/DPD/DPRD Provinsi/Dati II
- 6) Pegawai dan perguruan tinggi
- 7) Pegawai pada komisi atau badan yang dibentuk berdasarkan Undang-undang, Keppres maupun PP
- 8) Pimpinan dan pegawai pada Sekretariat Presiden, Sekretariat Wakil Presiden, Sekretariat Kabinet dan Sekretariat Militer
- 9) Pegawai pada BUMN dan BUMD
- 10) Pegawai pada Badan Peradilan
- 11) Anggota TNI dan POLRI serta Pegawai Sipil di lingkungan TNI dan POLRI
- 12) Pimpinan dan pegawai di lingkungan Pemda Dati I dan Dati II.

Penyelenggara Negara berdasarkan Pasal 2 Undang-undang Nomor 28 Tahun 1999 Tentang Penyelenggara Negara Yang Bersih dan Bebas dari Korupsi, Kolusi, dan Nepotisme, meliputi:

- 1) Pejabat Negara pada Lembaga Tertinggi Negara
- 2) Pejabat Negara pada Lembaga Tinggi Negara
- 3) Menteri
- 4) Gubernur
- 5) Hakim
- 6) Pejabat negara yang lain sesuai dengan ketentuan peraturan perundang-undangan yang berlaku;
 - a. Duta Besar
 - b. Wakil Gubernur
 - c. Bupati/Walikota
- 7) Pejabat lain yang memiliki fungsi strategis dalam kaitannya dengan Penyelenggaraan Negara sesuai dengan ketentuan peraturan perundang-undangan yang berlaku;
 - a. Komisaris, Direksi, Pejabat Struktural pada BUMN dan BUMD
 - b. Pimpinan BI dan Pimpinan Badan Penyehatan Perbankan Nasional
 - c. Pimpinan Perguruan Tinggi Negeri
 - d. Pejabat Eselon Satu dan pejabat lain yang disamakan pada lingkungan sipil, militer, dan kepolisian negara RI
 - e. Jaksa
 - f. Penyidik
 - g. Panitera Pengadilan
 - h. Pimpinan dan Bendahara Proyek.⁸²

Realitanya, pelaksanaan penguatkuasaan peraturan gratifikasi ini menghadapi banyak halangan kerana banyak masyarakat pada umumnya masih menganggap bahawa memberi hadiah (gratifikasi) merupakan hal yang lumrah. Secara sosiologis, hadiah

⁸² Pasal 1 ayat 2 Undang-undang Nombor 20 Tahun 2001 pindaan Undang-undang Nombor 31 Tahun 1999 tentang Pemberantasan Tindak Pidana Korupsi. Pasal 2 Undang-undang Nombor 28 Tahun 1999 tentang Penyelenggara Negara Yang Bersih dan Bebas dari Korupsi, Kolusi, dan Nepotisme. Doni Muhandiansyah et al., *Buku Saku*, 11.

adalah sesuatu yang bukan saja lumrah tetapi juga berperanan sangat penting dalam mengeratkan ‘perpaduan sosial’ dalam suatu masyarakat mahupun antara masyarakat bahkan di peringkat antarabangsa.

3.3.1 Definisi Gratifikasi

Dalam kamus Bahasa Indonesia, gratifikasi diertikan sebagai pemberian hadiah wang kepada kaki tangan kerajaan di luar gaji yang ditentukan.⁸³ Sedangkan dalam kamus undang-undang, gratifikasi yang berasal dari bahasa Belanda, *gratificatie*, atau bahasa Inggerisnya *gratification* diertikan sebagai hadiah wang. Berdasarkan kedua-dua definisi tersebut, baik dalam kamus Bahasa Indonesia mahupun kamus Hukum, gratifikasi diertikan sebagai pemberian hadiah berupa wang. Definisi dalam kedua kamus tersebut bersifat neutral. Ertinya, amalan gratifikasi bukanlah suatu amalan tercela atau menunjukkan suatu perbuatan negatif. Sedangkan objek gratifikasi dalam kamus Bahasa Indonesia jelas ditunjukkan kepada kaki tangan kerajaan, sementara dalam kamus Hukum objek gratifikasi tidak ditentukan.⁸⁴

Adapun definisi gratifikasi mengikut undang-undang yang terdapat dalam penjelasan Fasal 12 B ayat 1 Undang-undang Nombor 31 Tahun 1999 juncto Undang-undang Nombor 20 Tahun 2001, bahawa “yang dimaksudkan dengan gratifikasi dalam ayat ini adalah pemberian dalam arti luas, yakni meliputi pemberian uang, barang, rebat (*discount*), komisi, pinjaman tanpa bunga, tiket perjalanan, penginapan, perjalanan wisata, pengobatan gratis, dan kemudahan lain. Gratifikasi tersebut baik yang diterima di dalam negeri maupun di luar negeri dan dilakukan dengan menggunakan cara elektronik atau tanpa sarana elektronik.”⁸⁵

Apabila diteliti penjelasan fasal 12 B ayat 1 di atas, perkataan yang termasuk definisi gratifikasi adalah terhad pada pemberian dalam erti luas, sedangkan penjelasan

⁸³ Tanti Yuniar, *Kamus Lengkap Bahasa Indonesia* (Jakarta: Agung Media Mulia, t.t.), 224.

⁸⁴ Eddy OS Hiareij, *Memahami Gratifikasi*, 13 Juni 2011, Kompas.com.

⁸⁵ Fasal 12 B Ayat 1 Undang-undang Nombor 20 Tahun 2001 tentang Pemberantasan Tindak Pidana Korupsi.

setelah itu merupakan bentuk-bentuk gratifikasi. Dari penjelasan fasal 12 B ayat 1 juga dapat dilihat bahawa pengertian gratifikasi mempunyai makna yang neutral, ertinya tidak terdapat makna tercela atau negatif dari erti kata gratifikasi tersebut. Apabila penjelasan ini dihubungkan dengan rumusan fasal 12 B dapat difahami bahawa tidak semua gratifikasi itu bertentangan dengan undang-undang, melainkan hanya gratifikasi yang memenuhi kriteria dalam unsur fasal 12 B sahaja.

Untuk mengetahui bagaimana gratifikasi menjadi jenayah, perlu dilihat rumusan Fasal 12 B ayat 1 Undang-undang Nombor 20 Tahun 2001 tersebut iaitu setiap gratifikasi dianggap pemberian korupsi, apabila berhubungan dengan jawatannya dan yang berlawanan dengan kewajipan atau tugasnya.⁸⁶

Jika diteliti dari rumusan di atas, maka dapat dibuat kesimpulan bahawa gratifikasi atau pemberian hadiah berubah menjadi suatu perbuatan jenayah korupsi khususnya kepada seorang kaki tangan kerajaan ketika mereka melakukan tindakan menerima suatu gratifikasi atau pemberian hadiah dari mana-mana pihak di mana sepanjang pemberian tersebut diberikan, ia mempunyai kaitan dengan kedudukan ataupun pekerjaannya. Namun apabila pemberian tersebut tidak ada hubungan dengan pekerjaan atau kedudukannya serta tidak bertentangan dengan tugasnya, maka pemberian itu masih dibolehkan mengikut undang-undang.

Salah satu kebiasaan yang berlaku secara umum dalam masyarakat adalah pemberian tanda terima kasih atas perkhidmatan yang telah diberikan oleh kakitangan, baik dalam bentuk barang atau bahkan wang. Hal ini boleh menjadi suatu kebiasaan yang bersifat negatif dan boleh berpotensi menjadi perbuatan korupsi di kemudian hari. Potensi korupsi inilah yang berusaha dicegah oleh peraturan undang-undang yang berlaku di Aceh. Dengan begitu, undang-undang tidak melarang amalan gratifikasi atau pemberian hadiah dalam kalangan masyarakat awam, tetapi perlu diperhatikan adanya sebuah

⁸⁶ *Ibid.*

maklumat tambahan iaitu larangan bagi kaki tangan kerajaan untuk menerima gratifikasi yang boleh dianggap korupsi.

Penyelidik berpendapat, terdapat sekurang-kurangnya tiga perbezaan amalan gratifikasi dengan amalan korupsi lain. Pertama, terletak pada ketegasan hukumnya. Amalan korupsi berupa kerugian kewangan negara, sogokan, penyelewengan dalam jawatan, perbuatan curang, ada kepentingan dalam perolehan tender, adalah amalan-amalan yang terbukti salah ketika ia berlaku. Namun berkaitan dengan amalan gratifikasi, apabila amalan itu terbukti wujud belum tentu boleh dihukum bahawa ia salah, tetapi memerlukan pertimbangan khusus sebelum disabitkan kesalahan. Pertimbangan itu ialah pemberian tersebut dilakukan kerana berkaitan dengan kedudukannya, berlawanan dengan kewajipan atau tugasnya. Dengan kata lain, gratifikasi pada dasarnya amalan yang mendorong terjadinya perbuatan melawan hukum dari amalan korupsi lain. Kedua, terletak pada skop amalannya. Amalan korupsi selain gratifikasi hanya terhad pada jumlah amalan yang sudah ditentukan undang-undang. Namun amalan gratifikasi sifatnya tidak terhad, kerana pemberian ini ialah pemberian dalam erti yang luas. Justeru, bentuk-bentuk amalan yang tidak termasuk dalam jenis amalan yang sudah disebutkan oleh undang-undang boleh dimasukkan ke dalam gratifikasi. Ketiga, dari segi penekanan penilaian. Korupsi selain gratifikasi penekanan penilaiannya diukur berdasarkan agensi atau kaki tangan kerajaan yang diberi kuasa. Iaitu penilaian terhadap adanya kesempatan jawatan atau kuasa untuk berbuat demikian. Tetapi amalan gratifikasi selain mengukur dari sisi institusi atau kaki tangan kerajaan yang diberi kuasa juga menilai dari sisi masyarakatnya kerana faktor masyarakat yang menyokong sehingga amalan tindakan jenayah tersebut berlaku.

Berdasarkan huraian di atas dapat disimpulkan bahawa gratifikasi yang dibolehkan oleh undang-undang yang berlaku di Aceh adalah pemberian yang dilakukan dengan niat yang tulus dari seseorang kepada orang lain tanpa memikirkan diri sendiri.

Ertinya pemberian dalam bentuk “tanda terima kasih” tanpa mengharapkan balasan. Sedangkan gratifikasi yang dilarang dalam undang-undang adalah perbuatan penerimaan gratifikasi oleh kaki tangan kerajaan yang dianggap sebagai perbuatan korupsi apabila pemberian tersebut dilakukan kerana berhubungan dengan kedudukannya dan berlawanan dengan kewajipan atau tugasnya.

3.3.2 Kes Mahkamah Mengenai Gratifikasi

Sebelum penyidik mendedahkan kes-kes amalan gratifikasi yang sudah ada keputusan tetap dari mahkamah (inkracht), terlebih dahulu penyidik akan memberikan sedikit gambaran umum mengenai data terkini berkenaan dengan perkembangan pembanterasan gratifikasi, termasuk gratifikasi yang sudah dibuktikan sebagai korupsi, mahupun korupsi jenis lain. Pada 27 Februari 2015, ada empat perkara inkracht. Dan dari tahun 2005 hingga 2015, jumlah perkara yang berkekuatan hukum tetap pada Pengadilan Negeri sebanyak 126 perkara, Pengadilan Tinggi sebanyak 28 perkara, dan di Mahkamah Agung sebanyak 133 perkara. Total perkara inkracht sebanyak 287. Berikut penyidik sediakan dalam bentuk jadual:

Jadual 3.2: Data Korupsi Inkrecht Tahun 2005-2015

Inkrecht	2005	2006	2007	2008	2009	2010	2011	2012	2013	2014	2015	Jumlah
Pengadilan Negeri	3	5	9	9	20	20	21	8	10	20	1	126
Pengadilan Tinggi	0	3	0	0	2	3	0	3	10	7	0	28
Mahkamah Agung	2	9	14	14	17	11	13	17	20	13	3	133
Jumlah	5	17	23	23	39	34	34	28	40	40	4	287

Sumber: acch.kpk.go.id.

Sedangkan data terkini pada tahun 2015 khusus mengenai gratifikasi dan korupsi jenis gratifikasi, dapat penyidik jelaskan sebagai berikut:

1) Gratifikasi berdasarkan status pemilikan.

Bermula 27 Februari 2015, dalam tahun 2015 jumlah gratifikasi yang dilaporkan ke KPK, berstatus milik negara sebanyak 17 laporan, milik penerima 6 laporan, sebahagian milik negara 5 laporan, masih dalam proses sebanyak 191 laporan, dan bukan SK (Surat Keputusan) sebanyak 59 laporan. Total jumlah keseluruhan pelaporan gratifikasi pada tahun 2015 adalah 278 laporan.⁸⁷

2) Gratifikasi berdasarkan institusi.

Bermula 27 Februari 2015, di tahun 2015 tercatat dari lembaga eksekutif 120 laporan, unsur BUMD/BUMN sebanyak 148 laporan, institusi yudikatif sebanyak 6 laporan, lembaga legislatif sebanyak 0 laporan, dan lembaga independen 4 laporan. Total jumlah keseluruhan pelaporan gratifikasi di tahun 2015 adalah 278 laporan. Dalam bentuk jadualnya sebagai berikut:

Jadual 3.3: Gratifikasi Berdasarkan Institusi Periode 17 Februari 2015

No.	Bidang	Institusi	Jumlah Laporan
1	Legislatif		
		MPR/DPR	0
		DPRD	0
		DPD	0
2	Eksekutif		
		Kepresidenan	0
		Kementerian Sekretaris Negara	0
		Kementerian:	
		- Kementerian Koordinator	0
		- Kementerian	99
		- Kementerian Negara	4
		- Setingkat Kementerian	2
		LPNK	4
		Lembaga Ekstra Struktural	1
		Pemda	10
3	Yudikatif		6
4	Lembaga Independen		4
5	BUMN/BUMD		148
	Jumlah Keseluruhan		278

Sumber: acch.kpk.go.id.

⁸⁷ Anti Corruption Clearing House (ACCH), <http://acch.kpk.go.id/gratifikasi-berdasarkan-status-kepemilikan>, dicapai pada 6 April 2015.

Dari data di atas khusus berkenaan dengan laporan gratifikasi, sampai pada Februari tahun 2015 sudah terdapat 278 laporan. Namun perlu dinyatakan bahawa tidak semua laporan tersebut pasti menjadi amalan gratifikasi yang haram (korupsi). Untuk menentukan dakwaan ke arah gratifikasi haram, memerlukan pembuktian bahawa gratifikasi yang dilaporkan tersebut terjadi berkaitan dengan jawatan dan berlawanan dengan tugas atau kewajipan seorang kaki tangan kerajaan.

Penyelidik akan memberikan satu contoh kes mahkamah berkenaan dengan korupsi yang bukan jenis gratifikasi, sebagai data perbandingan kes mahkamah untuk gratifikasi haram (korupsi). Iaitu kes korupsi berkaitan pengadaan Barang dan Jasa (bukan dalam pembelian yang menyebabkan kerugian kewangan negara, dan penggelapan/penyelewengan dalam jawatan yang dilakukan oleh Abdullah Puteh yang menjabat sebagai Gubernur Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam (sekarang Provinsi Aceh) sekitar tahun 2000-2004. Korupsi yang dilakukan adalah dalam pembelian satu unit pesawat helikopter type MI-2, VIP Cabin versi sivil buatan tahun 2000-2001 dari kilang *Mil Moscow Helicopter Plant Rusia*.⁸⁸

Berdasarkan keputusan Mahkamah Agung No. 1344 K/Pid/2005, Tarikh 13 September 2005, memutuskan jenayah penjara 10 (sepuluh) tahun dan denda Rp 500,000,000 kepada Abdullah Puteh.⁸⁹ Penjatuan hukuman terhadap pelaku jenayah korupsi dalam Pengadaan Barang dan Jasa ini ialah, kerana berdasarkan fakta di mahkamah yang disokong oleh bukti yang kuat secara meyakinkan bahawa pelaku telah melakukan jenayah korupsi dengan memasukkan wang negara berjumlah Rp 4 Bilion ke dalam akaun peribadinya dari jumlah dana untuk pembelian helikopter RP 9,1 Bilion. Padahal pada ketika itu belum ada kontrak perjanjian pembelian helikopter. Jadi selain melakukan penggelapan wang negara tertuduh telah menyelewengkan jawatan yang sedang dipikulnya.

⁸⁸ Anti-Corruption Clearing House (ACCH), <http://acch.kpk.go.id/abdullah-puteh>, dicapai pada 7 April 2015.

⁸⁹ *Ibid.*

Dari kes ini, jelaslah amalan yang dilakukan Abdullah Puteh sebuah jenayah dalam pandangan undang-undang di Indonesia kerana dengan sengaja tertuduh melakukan pengambilan wang negara untuk kepentingan peribadi dengan memanfaatkan jawatan yang dimilikinya. Dan perbuatannya telah menyebabkan kerugian negara. Dalam kes ini jelas pula tidak ada unsur gratifikasi, kerana jenayah yang dilakukan tertuduh bukan dilandasi oleh keinginan orang lain untuk memberikan wang kepadanya. Sehingga kes ini dikategorikan ke dalam korupsi yang bukan jenis gratifikasi.

Kemudian, penyelidik akan mendedahkan contoh kes gratifikasi yang sudah ada keputusan tetap dari mahkamah, ertinya amalan gratifikasi ini telah dibuktikan positif sebagai korupsi. Penyelidik akan memberikan contoh kes sebagai penerima gratifikasi mahupun sebagai pemberi gratifikasi:

1) Kes Angelina Sondakh (Penerima Gratifikasi).

Angelina Sondakh adalah Anggota DPR-RI Periode 2009-2014 yang tersangkut kes sebagai penerima gratifikasi pada tahun 2009-2010. Berdasarkan keputusan No. 1616 K/Pid.Sus/2013, Tarikh 20 November 2013, Mahkamah Agung menjatuhkan hukuman kepadanya berupa hukuman penjara 12 (dua belas) tahun, denda Rp 500,000,000, dan wang pengganti Rp 12,580,000,000, dan US \$ 2,350,000.⁹⁰

Jumlah wang yang diterima Angie berjumlah Rp 12,58 Bilion dan US \$ 2,35 juta, sebagai bentuk pemberian gratifikasi untuk meluluskan anggaran projek aktiviti/program pendidikan tinggi di Kementerian Pendidikan Nasional dan program pengadaan sarana dan prasarana di Kementerian Pemuda dan Sukan untuk dapat disesuaikan dengan permintaan Permai Grup.⁹¹

2) Kes Miranda Swaray Goeltom (Pemberi Gratifikasi).

Miranda Swaray Goeltom bekerja sebagai Deputy Gabenor Senior Bank Indonesia (DGSBI) dalam tahun 2004-2009. Pemberian gratifikasi untuk

⁹⁰ Anti-Corruption Clearing House (ACCH), <http://acch.kpk.go.id/angelina-patricia-pingkan-sondakh>, dicapai pada 7 April 2015.

⁹¹ *Ibid.*

pemilihannya sebagai DGSBI berlaku sebelum Miranda terpilih sebagai DGSBI. Pada ketika itu terdapat tiga orang calon DGSBI yang akan menjalani proses uji kelayakan (*fit and proper test*) oleh DPR-RI dalam rangka pemilihan DGSBI, iaitu Miranda Gultom, Hartadi A Sarwono dan Budi Rochadi.⁹²

Sebelum pemilihan, Miranda yang pernah gagal dalam pemilihan Gabenor Bank Indonesia pada tahun 2003, melakukan pertemuan dengan Nunun Nurbaetie, di mana dalam mesyuarat tersebut, Miranda meminta Nunun agar membantu mengusahakan kemenangan Miranda dalam *fit and proper test* Deputy Gabenor Senior BI tahun 2004. Miranda juga meminta Nunun memperkenalkan teman-teman Nunun yang menjadi anggota Komisi IX DPR-RI, untuk mencari sokongan atas pencalonannya. Nunun bersetuju dengan permintaan Miranda, mesyuarat pun dijalankan.⁹³

Sebagai ganjaran dari sokongan tersebut, pada saat berlangsungnya *fit and proper test*, Miranda melalui pembantunya terbukti membahagikan cek travel BII (Bank Internasional Indonesia) masing-masing di Komisi IX DPR RI, iaitu Duhie Makmun Murod menerima cek BII dengan nilai keseluruhannya kurang lebih Rp 9,8 Bilion, Endin AJ Soefihara menerima cek travel BII dengan keseluruhannya bernilai Rp 1,25 Bilion, Hamka Yandhu menerima cek travel BII dengan bernilai Rp 7,8 Bilion. Cek-cek tersebut diambil untuk tiga penerima di atas, juga diagihkan kepada rakan-rakan sesama anggota komisi IX dari partinya masing-masing.⁹⁴

Dengan demikian, Miranda Goeltom dengan dibantu Nunun Nurbaetie, telah memberi gratifikasi berupa cek travel BII bernilai Rp 20,85 Bilion, yang merupakan sebahagian dari jumlah keseluruhan 480 keping cek travel BII bernilai Rp 24 Bilion kepada anggota DPR-RI. Akibat dari perbuatannya, berdasarkan keputusan

⁹² Anti-Corruption Clearing House (ACCH), <http://acch.kpk.go.id/miranda-swaray-goeltom>, dicapai pada 7 April 2015.

⁹³ *Ibid.*

⁹⁴ *Ibid.*

Mahkamah Agung No. 545 K/Pid.Sus/2013, Tarikh 25 April 2013, Miranda Swaray Goeltom dihukum jenayah penjara 3 (tiga) tahun penjara dan denda Rp 100,000,000.

Kes mahkamah berkaitan dengan Angelina Sondakh dan Miranda Swaray Goeltom jelas bahawa jenayah yang berlaku didasari oleh adanya keinginan dari masyarakat untuk memberikan wang kepada kaki tangan kerajaan. Kemudian apabila diselidiki ternyata terbukti bahawa dalam amalan tersebut berlakunya tindakan yang dilakukan oleh Angelina Sondakh menyalahi dari kewajipan dan tugasnya sebagai Anggota DPR-RI dan pemberian yang diterima berkaitan dengan jawatannya sebagai ahli parlimen. Sedangkan gratifikasi yang diberikan oleh Miranda Swaray juga didasari kerana jawatan yang dimiliki oleh penerima gratifikasi sebagai ahli parlimen, dan akibat dari pemberiannya memerlukan ahli parlimen melakukan suatu amalan yang bertentangan dengan tugas dan tanggungjawabnya dalam melakukan ujian terhadap calon Deputy Gubernur Senior Bank Indonesia yang seharusnya tidak boleh memihak. Mereka harus melakukan ujian secara neutral dengan meluluskan calon berdasarkan integritinya bukan berdasarkan pemberian gratifikasi berupa cek travel.

Dari satu contoh kes tentang korupsi penyelewengan dalam jawatan, perbuatan curang, pertentangan kepentingan dalam pengadaan barang (tender) pembelian helikopter jelas berbeza kronologi kejadiannya dengan tiga kes korupsi dalam bentuk gratifikasi. Perbezaannya adalah dengan terbuktinya ada pengambilan wang negara untuk kepentingan peribadi langsung menjadi bukti telah berbuat korupsi.

Namun dalam kes gratifikasi, apabila terbukti menerima gratifikasi, sebagai contoh kes Angelina Sondakh perlu dibuktikan terlebih dahulu bahawa penerimaan gratifikasi tersebut benar-benar berkaitan dengan jawatan dan berlawanan dengan tugas. Dalam kes Miranda Swaray Goeltom, perlu dikesan terlebih dahulu bahawa pemberian tersebut betul-betul berkaitan dengan jawatan penerima, bertentangan dengan tugas

penerima dan berkaitan dengan *fit and proper test* Miranda Swaray Goeltom sebagai calon Deputy Gubernur Senior Bank Indonesia.

3.3.3 Asas Undang-undang Gratifikasi dan Unsur-unsur Gratifikasi

Pengaturan tentang gratifikasi diperlukan untuk mencegah terjadinya jenayah korupsi yang dilakukan oleh kaki tangan kerajaan. Melalui pengaturan ini diharapkan kaki tangan kerajaan dan masyarakat boleh mengambil langkah-langkah yang tepat, iaitu menolak atau segera melaporkan gratifikasi yang diterimanya. Secara khusus gratifikasi ini diatur dalam Undang-undang Republik Indonesia Nombor 20 Tahun 2001 tentang Pemberantasan Tindak Pidana Korupsi, iaitu:

Fasal 12 B

- 1) Setiap gratifikasi kepada pegawai negeri atau penyelenggara negara dianggap pemberian suap, apabila berhubungan dengan jawatannya dan yang berlawanan dengan kewajiban atau tugasnya, dengan ketentuan sebagai berikut:
 - a. yang nilainya Rp 10,000,000,00 (sepuluh juta rupiah) atau lebih, pembuktian bahwa gratifikasi tersebut bukan merupakan suap dilakukan oleh penerima gratifikasi;
 - b. yang nilainya kurang dari Rp 10,000,000,00 (sepuluh juta rupiah), pembuktian bahwa gratifikasi tersebut suap dilakukan oleh penuntut umum.
- 2) Pidana bagi pegawai negeri atau penyelenggara negara sebagaimana dimaksud dalam ayat (1) adalah pidana penjara seumur hidup atau pidana penjara paling singkat 4 (empat) tahun dan paling lama 20 (dua puluh) tahun, dan pidana denda paling sedikit Rp 200,000,000,00 (dua ratus juta rupiah) dan paling banyak Rp 1,000,000,000,00 (satu miliar rupiah).

Fasal 12 C

- 1) Ketentuan sebagaimana dimaksud dalam Fasal 12 B ayat (1) tidak berlaku, jika penerima melaporkan gratifikasi yang diterimanya kepada Komisi Pemberantasan Tindak Pidana Korupsi.
- 2) Penyampaian laporan sebagaimana dimaksud dalam ayat (1) wajib dilakukan oleh penerima gratifikasi paling lambat 30 (tiga puluh) hari kerja terhitung sejak tanggal gratifikasi tersebut diterima.
- 3) Komisi Pemberantasan Tindak Pidana Korupsi dalam waktu paling lambat 30 (tiga puluh) hari kerja sejak tanggal menerima laporan wajib menetapkan gratifikasi dapat menjadi milik penerima atau milik negara. (4) Ketentuan mengenai tata cara penyampaian laporan sebagaimana dimaksud dalam ayat (2) dan penentuan status gratifikasi sebagaimana dimaksud dalam ayat (3) diatur

dalam Undang-undang tentang Komisi Pemberantasan Tindak Pidana Korupsi.⁹⁵

Dari landasan undang-undang di atas dapat difahami bahawa gratifikasi apabila memenuhi semua unsur yang telah disebutkan dapat diertikan suatu perbuatan yang melanggar undang-undang. Hukuman terhadap pelaku gratifikasi terdapat pada Fasal 12 B ancaman adalah penjara seumur hidup atau penjara paling singkat empat tahun dan paling lama 20 tahun dan denda paling sedikit 200 juta rupiah dan paling banyak 1 bilion rupiah. Dan setiap gratifikasi yang diperoleh kaki tangan kerajaan dianggap korupsi, namun ketentuan yang sama tidak berlaku apabila penerima melaporkan gratifikasi yang diterimanya kepada Komisi Pemberantasan Korupsi (KPK) yang wajib dilakukan paling lambat 30 (tiga puluh) hari kerja terhitung sejak tarikh gratifikasi tersebut diterima.

Pihak penerima gratifikasi yang dimaksudkan dalam landasan undang-undang ini adalah, pertama, kaki tangan kerajaan yang menerima hadiah atau janji, padahal diketahui atau patut diduga hadiah atau janji tersebut diberikan untuk menggerakkan agar melakukan atau tidak melakukan sesuatu dalam jawatannya, yang bertentangan dengan kewajibannya. Kedua, kaki tangan kerajaan yang dengan maksud menguntungkan diri sendiri atau orang lain secara melawan hukum, atau dengan menyalahgunakan kekuasaannya memaksa seseorang memberikan sesuatu, membayar, atau menerima bayaran dengan potongan, atau untuk mengerjakan sesuatu bagi dirinya sendiri.⁹⁶

Dari rumusan Fasal 12 B ayat 1 Undang-undang Nombor 20 Tahun 2001 pula, perlu ada empat unsur gratifikasi sehingga sehingga amalan gratifikasi boleh dianggap sebagai gratifikasi haram, iaitu:

- 1) Kaki tangan kerajaan;
- 2) Pemberian dan penerimaan gratifikasi (serah terima);
- 3) Berkaitan dengan jawatan;

⁹⁵ Fasal 12 B dan 12 C Undang-undang Nombor 20 Tahun 2001 tentang Pemberantasan Tindak Pidana Korupsi.

⁹⁶ Kaki tangan kerajaan sudah jelas adalah kaki tangan kerajaan baik pusat maupun daerah, sama ada secara langsung atau tidak, yang dalam melaksanakan kegiatan pekerjaannya dibiayai oleh bajet negeri atau oleh BUMN. Dapat disimpulkan subjek yang boleh berperanan sebagai penerima gratifikasi ini demikian luas.

4) Berlawanan dengan kewajipan atau tugasnya.

Oleh sebab itu, untuk mengaitkan suatu pemberian sebagai gratifikasi yang haram berdasarkan undang-undang yang berlaku di Aceh harus diperhatikan bahawa yang menerima pemberian itu adalah seorang kaki tangan kerajaan, adanya transaksi pemberian dan penerimaan, kemudian pemberian tersebut berhubungan dengan suatu jawatan, dan berlawanan dengan kewajipan atau tugasnya. Apabila tidak ada kaitan kesemua unsur-unsur tersebut, ertinya tidak ada hubungan sebab akibat antara satu unsur dengan lain, maka undang-undang menunjukkan bahawa gratifikasi tidak boleh menyatu menjadi tindakan jenayah gratifikasi haram (korupsi).

3.3.4 Gambaran Amalan Gratifikasi dalam Undang-undang

Untuk memberikan pemahaman tentang gratifikasi, berikut akan dihuraikan beberapa gambaran amalan gratifikasi baik yang dilarang berdasarkan ketentuan Fasal 12 B Undang-undang Nombor 20 Tahun 2001 mahu pun yang tidak. Tentu saja hal ini hanya merupakan sebahagian kecil dari situasi-situasi berkaitan gratifikasi yang seringkali terjadi. Contoh-contoh pemberian yang boleh dikategorikan sebagai gratifikasi yang sering terjadi adalah:

- 1) Pemberian hadiah kepada kaki tangan kerajaan pada saat hari raya keagamaan, oleh rekan atau bawahannya.
- 2) Hadiah atau sumbangan pada saat perkahwinan anak dari kaki tangan kerajaan oleh rakan kaki tangan kerajaan tersebut.
- 3) Pemberian tiket perjalanan kepada kaki tangan kerajaan atau keluarganya untuk keperluan peribadi secara percuma.
- 4) Pemberian potongan harga khusus bagi kaki tangan kerajaan untuk pembelian barangan dari rekan.
- 5) Pemberian biaya atau wang naik haji dari rekanan kepada kaki tangan kerajaan.
- 6) Pemberian hadiah ulang tahun atau pada acara-acara peribadi lain dari rekan.

- 7) Pemberian hadiah atau cenderamata kepada kaki tangan kerajaan pada saat kunjungan kerja.
- 8) Pemberian hadiah atau wang sebagai ucapan terima kasih kerana telah dibantu.⁹⁷

Gambaran gratifikasi di atas masih ada dua kemungkinan, baik legal mahupun illegal. Apabila dalam amalan mengandungi unsur-unsur gratifikasi yang dilarang, maka ia termasuk ke dalam amalan gratifikasi yang illegal mengikut undang-undang, apabila tidak memenuhi unsur-unsur tersebut maka amalan tersebut merupakan amalan gratifikasi yang dibenarkan. Hal ini memerlukan penyelidikan lebih lanjut dari setiap amalan tersebut dalam pelaksanaannya.

Untuk memudahkan dalam menilai atau mengenalpasti gratifikasi yang diberikan dan yang diterima cenderung ke arah gratifikasi legal atau illegal mengikut undang-undang, dapat berpedoman pada beberapa soalan yang sifatnya reflektif (soalan kepada diri sendiri) sebagaimana dalam jadual berikut:

Jadual 3.4: Pedoman Soalan Reflektif

No.	Soalan Reflektif	Jawapan
1	Apakah motif dari pemberian yang diberikan oleh pihak pemberi?	Jika motifnya menurut dugaan adalah bertujuan untuk mempengaruhi keputusannya sebagai kaki tangan kerajaan awam, maka pemberian tersebut boleh dikatakan cenderung ke arah gratifikasi illegal dan sebaiknya ditolak.
2	a. Apakah pemberian tersebut diberikan oleh pemberi yang mempunyai hubungan jawatan setara dengan atau tidak? Misalnya pemberian tersebut diberikan oleh bawahan, atasan atau pihak lain yang tidak setara secara kedudukan/jawatan baik dalam lingkup hubungan kerja atau konteks sosial yang berkaitan kerja	Jika jawapannya adalah ya (mempunyai jawatan setara), maka boleh jadi kemungkinan pemberian tersebut diberikan atas dasar persahabatan atau persaudaraan (sosial), meski demikian untuk berjaga-jaga ada baiknya cuba menjawab soalan 2b. Jika jawapannya tidak (mempunyai jawatan tidak setara) maka perlu mula meningkatkan kewaspadaan mengenai motif pemberian dan menanyakan soalan 2b untuk mendapatkan pemahaman lebih lanjut.
	b. Apakah terdapat hubungan relasi kuasa yang bersifat strategik? Ertinya terdapat kaitan berkenaan	Jika jawapannya ya, maka pemberian tersebut patut diduga dan berwaspada sebagai pemberian yang cenderung ke arah gratifikasi illegal.

⁹⁷ Doni Muhandiansyah et al., *Buku Saku*, 19.

	dengan/menyangkut akses ke aset-aset dan kawalan atas aset-aset sumber strategik ekonomi, politik, sosial, dan budaya yang dimiliki akibat kedudukannya saat ini seperti misalnya sebagai panitia pengadaan barang dan jasa atau lain-lain.	
3	Apakah pemberian tersebut mempunyai potensi menimbulkan konflik kepentingan saat ini mahupun di masa akan datang?	Jika jawapannya ya, maka sebaiknya pemberian tersebut ditolak dengan cara yang baik dan sedapat mungkin tidak menyinggung. Jika pemberian tersebut tidak boleh ditolak kerana keadaan tertentu maka pemberian tersebut sebaiknya dilaporkan dan berunding dengan pihak berkaitan untuk mengelakkan fitnah atau memberikan kepastian jawapan mengenai status pemberian tersebut.
4	Bagaimana kaedah pemberian dilakukan? Terbuka atau rahsia?	Patut berwaspada gratifikasi yang diberikan secara tidak langsung, apalagi dengan cara yang bersifat sembunyi-sembunyi (rahsia). Adanya kaedah pemberian ini menunjukkan bahawa pemberian tersebut cenderung ke arah gratifikasi illegal.
5	Bagaimana kepantasan atau kewajaran nilai dan kekerapan pemberian yang diterima (secara sosial)?	Jika pemberian tersebut di atas nilai kewajaran yang berlaku di masyarakat ataupun kekerapan pemberian yang terlalu sering sehingga membuat orang yang berakal sihat menduga ada sesuatu di balik pemberian tersebut, maka pemberian tersebut sebaiknya dilaporkan ke pihak berkaitan atau sedapat mungkin anda tolak.

Sumber: acch.kpk.go.id.

Soalan reflektif ini boleh digunakan untuk gratifikasi yang diberikan dalam semua keadaan, tidak terkecuali pemberian pada keadaan yang secara sosial wajar dilakukan seperti pemberian hadiah/gratifikasi pada acara perkahwinan, pertunangan, ulang tahun, perpisahan, kesyukuran, khitanan atau acara lain, sebahagiannya adalah amalan gratifikasi yang telah diselidiki sebutkan di atas.

3.4 Kesimpulan

Aceh yang dahulu sebagai sebuah kerajaan tersendiri kini telah menjadi salah satu wilayah yang ada di Indonesia. syari'at Islam merupakan hal yang tidak boleh dipisahkan dari masyarakat Aceh, sehingga Aceh dikenali sebagai Serambi Makkah. Hingga kini

Aceh mempunyai keistimewaan berbanding wilayah lain yang ada di Indonesia. Salah satu keistimewaan itu adalah mempunyai kuasa untuk melaksanakan undang-undang (syari'at) Islam secara *kaffah* di Aceh yang kini sudah diwujudkan dalam bentuk undang-undang yang mengatur segala hal yang berkaitan dengan pelaksanaannya. Ia dinamakan sebagai Qanun Syari'at Islam.

Mengenai gratifikasi dalam perundangan Aceh sudah digariskan dalam undang-undang yang berlaku di Aceh iaitu Undang-undang Nombor 20 Tahun 2001 tentang Pemberantasan Tindak Pidana Korupsi. Gratifikasi mengikut undang-undang boleh bermakna positif dan boleh juga bermakna negatif. Gratifikasi yang dibolehkan oleh undang-undang adalah pemberian yang dilakukan dengan niat yang tulus dari seseorang kepada kaki tangan kerajaan tanpa mengharapkan balasan apa-apa. Sedangkan gratifikasi yang dilarang dalam undang-undang adalah perbuatan penerimaan gratifikasi oleh kaki tangan kerajaan apabila pemberian tersebut dilakukan kerana berhubungan dengan kedudukannya, dan berlawanan dengan kewajipan atau tugasnya.

BAB 4: AMALAN GRATIFIKASI DALAM MASYARAKAT ISLAM DI ACEH

4.1 Pengenalan

Bab ini merupakan dapatan kajian mengenai amalan gratifikasi yang berlaku dalam kalangan masyarakat Islam di Aceh. Penyelidik menjelaskan tentang persoalan amalan gratifikasi dalam masyarakat Islam di Aceh serta bagaimana amalan gratifikasi di Aceh mengikut ulama Aceh. Dalam bab ini, penyelidik membahagikannya kepada beberapa sub. Pertama, pengenalan. Kedua, amalan gratifikasi dalam masyarakat Islam di Aceh yang membincangkan tentang bentuk-bentuk amalan gratifikasi di Aceh, jenis barang pemberian dalam amalan gratifikasi di Aceh, sifat pemberian dalam amalan gratifikasi di Aceh, perkara pendorong amalan gratifikasi di Aceh, tingkat keterpaksaan dalam amalan gratifikasi di Aceh, penafian hak dalam amalan gratifikasi di Aceh, kesan amalan gratifikasi di Aceh terhadap polisi penerima, dan keterkaitan amalan gratifikasi di Aceh dengan jawatan penerima. Ketiga, amalan gratifikasi di Aceh mengikut ulama Aceh yang membincangkan pendapat ulama Aceh tentang amalan gratifikasi, pendapat ulama Aceh tentang hukuman gratifikasi, dan pendapat ulama Aceh tentang pembenterasan gratifikasi. Dan yang terakhir, keempat adalah kesimpulan dari bab ini.

4.2 Amalan Gratifikasi dalam Masyarakat Islam di Aceh

Untuk mendapatkan maklumat tentang amalan gratifikasi dalam kalangan masyarakat Aceh, penyelidik melakukan temu bual langsung dengan beberapa masyarakat Islam di Aceh dengan teknik *purposive sampling*. Nama informan tidak penyelidik sebutkan bertujuan untuk menjaga rahsia informan, kerana gratifikasi merupakan amalan yang sensitif dan boleh mencemarkan nama baik informan. Untuk itu, nama informan ditulis dalam bentuk abjad alfabet sahaja. Dan masyarakat Aceh yang penyelidik temu bual dapat dilihat dalam senarai jadual berikut.

Jadual 4.1: Senarai Interviewee (Masyarakat Aceh)

Interviewee	Pekerjaan/Profesi	Tempat Interview	Tarikh Interview
Informan A	Pegawai Syarikat X	Banda Aceh	11.11.2014
Informan B	Pegawai Negeri Sivil	Banda Aceh	13,15.11.2014
Informan C	Tokoh Masyarakat	Banda Aceh	01.03.2014
Informan D	Polis Republik Indonesia	Banda Aceh	18.11.2014
Informan E	Polis Republik Indonesia	Banda Aceh	23.11.2014
Informan F	Tentera Nasional Indonesia	Banda Aceh	05.12.2014
Informan G	Tentera Nasional Indonesia	Banda Aceh	09.12.2014
Informan H	Tentera Nasional Indonesia	Banda Aceh	01.01.2015
Informan I	Bekerja Sendiri	Banda Aceh	03.10.2014
Informan J	Pelajar Ijazah Tinggi	Banda Aceh	10.10.2014
Informan K	Bekerja Sendiri	Banda Aceh	12.10.2014
Informan L	Pensyarah Universiti	Banda Aceh	25.08.2014
Informan M	Bekerja Sendiri	Banda Aceh	20.10.2014
Informan N	Pelajar Ijazah Dasar	Banda Aceh	16.09.2014
Informan O	Pelajar Ijazah Dasar	Banda Aceh	16.09.2014
Informan P	Pelajar Ijazah Dasar	Banda Aceh	16.09.2014
Informan Q	Bekerja Sendiri	Banda Aceh	19.09.2014
Informan R	Bekerja Sendiri	Banda Aceh	25.07.2015
Jumlah Interviewee	18 Orang		

Untuk mendapatkan maklumat berkaitan dengan penyelidikan dari interviewee yang telah disenaraikan di atas, telah penyidik rancang soalan berikut, disertai ringkasan jawapan informan mengikut soalan, sebagaimana dalam jadual berikut ini.

Jadual 4.2: Senarai Soalan Interview dan Jawapan Ringkas Interviewee

Soal 1.	Apakah anda pernah memberikan gratifikasi kepada kaki tangan kerajaan? 4.3.1 Semu Interviewee 18 orang ((100 %) pernah memberikan gratifikasi
Soal 2.	Dalam hal atau kepentingan apa anda memberikan gratifikasi? 4.3.1.1 Gratifikasi Pengurangan Cukai, 1 (5,5 %) Interviewee 4.3.1.2 Gratifikasi Menjadi Pegawai Negeri Sivil, 2 (11,1 %) Interviewee 4.3.1.3 Gratifikasi Menjadi Anggota TNI/Polri, 5 (27,8 %) Interviewee 4.3.1.4 Gratifikasi Memudahkan Pengurusan, 5 (27,8 %) Interviewee 4.3.1.5 Gratifikasi Tilang (Saman), 4 (22,2 %) Interviewee 4.3.1.6 Gratifikasi Keluar Penjara, 1 (5,5 %) Interviewee
Soal 3.	Apa yang anda berikan? 4.3.2 Wang, 16 (88,9 %) Interviewee 4.3.2 Tiket dan Perkhidmatan Penginapan, 1 (5,5 %) Interviewee 4.3.2 Tanah, 1 (5,5 %) Interviewee

Soal 4.	Anda memberikannya secara terang-terangan atau secara sembunyi-sembunyi (rahsia)? 4.3.3 Secara Terang-terangan, 1 (5,5 %) Interview 4.3.3 Secara Sembunyi-sembunyi (rahsia), 17 (94,4 %) Interviewee
Soal 5.	Apa yang mendorong anda sehingga harus memberikan gratifikasi? 4.3.4 Kerana keterpaksaan, 15 (83,3 %) Interviewee 4.3.4 Ikhlas hanya untuk membantu dan sebagai ucapan terimakasih, 3 (16,6 %) Interviewee
Soal 6.	Apakah betul-betul tidak boleh dielakkan dari memberikannya? 4.3.5 Kesimpulannya masih boleh dielakkan, 18 (100 %) Interviewee 4.3.5 Tidak boleh dielakkan, 0 (0 %) Interviewee
Soal 7.	Jika tidak boleh, apa penyebabnya tidak boleh mengelakkan? Soal 7 tidak menyelidik tanyakan lagi kerana ke-18 (100 %) Interviewee memberikan jawapan “boleh dielakkan” pada Soal 6.
Soal 8.	Adakah hak-hak anda yang tidak dipenuhi atau dihalangi seandainya tidak memiberikan gratifikasi kepada orang tersebut? 4.3.6 Adanya dihalangi hak pemberi, 8 (44,4 %) Interviewee 4.3.6 Tidak ada hak-hak pemberi yang dihalangi, 10 (55,5 %) Interviewee
Soal 9.	Apakah dengan pemberian gratifikasi tersebut menjadi kenyataan apa yang anda inginkan dan mereka melaksanakan sesuai permintaan anda? 4.3.7 Menjadi kenyataan dan mereka melaksanakan sesuai keinginan pemberi gratifikasi, 18 (100 %) Interviewee 4.3.7 Tidak menjadi kenyataan, 0 (0 %) Interviewee
Soal 10.	Sebelum dia menjadi kaki tangan kerajaan atau setelah ia bukan lagi kaki tangan kerajaan, pernahkah atau akankah anda memberikan gratifikasi kepadanya? 4.3.8 Pernah, 0 (0 %) Interviewee 4.3.8 Tidak Pernah, 18 (100 %) Interviewee

Soalan di atas dirancang untuk menemukan maklumat berkaitan dengan bentuk-bentuk amalan gratifikasi di Aceh, serta keadan-keadaan yang melatar belakangi disebalik pemberian itu. Sehingga nanti dapatan itu penyelidik jadikan pertimbangan dan bahan acuan untuk merumuskan definisi amalan gratifikasi di Aceh dan menganalisis amalan gratifikasi di Aceh dari perspektif hukum Islam serta mencarikan solusi untuknya sekira ia termasuk ke dalam amalan yang dilarang dalam Islam.

4.2.1 Bentuk-bentuk Amalan Gratifikasi di Aceh

Penyelidik memaparkan beberapa contoh atau senario gratifikasi yang berlaku dalam kalangan masyarakat Islam di Aceh yang diambil dari temu bual dengan informan, iaitu gratifikasi pengurangan cukai, gratifikasi menjadi Pegawai Negeri Sivil, gratifikasi menjadi anggota TNI/Polri, gratifikasi memudahkan pengurusan, gratifikasi tilang (saman), dan gratifikasi keluar penjara. Pelbagai macam amalan gratifikasi dalam kalangan masyarakat Aceh tersebut penyelidik jelaskan lebih lanjut sebagai berikut.

4.2.1.1 Gratifikasi Pengurangan Cukai.

Cukai ialah yuran masyarakat kepada negara (yang dipaksakan) yang terhutang oleh yang wajib membayarnya menurut peraturan-peraturan umum (undang-undang) yang sudah sedia ada dan kegunaannya adalah untuk membiayai perbelanjaan pengeluaran umum berhubung tugas negara bagi menyelenggara pemerintahan. Cukai merupakan sumber pendapatan negara yang berfungsi sebagai anggaran sumber dana bagi kerajaan, untuk membiayai perbelanjaan pengeluarannya. Cukai juga berfungsi menetapkan (*regulerend*) alat pengatur kerajaan dalam bidang sosial ekonomi. Maka, cukai boleh diertikan salah satu usaha yang dilakukan oleh kerajaan untuk memperoleh atau mendapatkan dana dari masyarakat. Dana tersebut digunakan untuk membiayai kepentingan umum. Cukai merupakan kutipan wajib yang dikenakan ke atas rakyat.

Kaitannya dengan gratifikasi untuk pengurangan cukai ialah pemberian yang dilakukan kepada kerajaan bertujuan supaya kerajaan dapat mengurangkan jumlah cukai yang harus dibayar kepada negara. Salah satu kes yang didapati ialah permintaan pengurangan pembayaran cukai yang dilakukan oleh syarikat X dengan cara kerajaan merubah peraturan tentang beban cukai syarikat X yang sebelum ini lebih tinggi supaya menjadi lebih rendah.¹

¹ Informan A, Pegawai Pada Syarikat X, Temu Bual di Kota Banda Aceh pada 11 November 2014. Diperkuat juga oleh data dari akhbar *Harian Aceh*, Isnin 28 November 2011.

Berdasarkan maklumat yang dikumpulkan, telah terjadi amalan gratifikasi kepada sejumlah kaki tangan kerajaan yang dilakukan oleh pihak syarikat X dalam bentuk pemberian tiket dan kemudahan hotel. Amalan gratifikasi kepada kaki tangan kerajaan ini bermula dari surat yang ditujukan oleh pihak syarikat X kepada pemerintah. Isi surat tersebut adalah permohonan pengurangan cukai untuk jenis batu kapur (*limestone*) dan tanah liat (*siltstone/shalestone*). Atas dasar permohonan tersebut, pihak syarikat X memberikan kemudahan perjalanan dan lawatan kajian ke Kabupaten Maros, Sulawesi Selatan, dan Kabupaten Cilacap, Jawa Timur, yang keseluruhan kos yang wujud untuk perjalanan tersebut ditanggung syarikat X.²

Dari hasil kajian, pihak kerajaan menjawab surat permohonan syarikat X dengan mengeluarkan surat. Dalam surat itu disebutkan bahawa kerajaan telah meluluskan pelarasan cukai untuk jenis batu kapur yang bernilai Rp15,000/ton menjadi Rp10,000/ton, dan untuk jenis tanah liat yang bernilai Rp 12,500/ton menjadi Rp10,000/ton. Surat ini dikeluarkan oleh kerajaan setelah melakukan kajian banding yang biayanya ditanggung penuh oleh syarikat X kerana kerajaan tidak mempunyai bajet untuk melakukan kajian banding tersebut.³

Berdasarkan data di atas, iaitu memberikan sesuatu berupa tiket penerbangan dan kemudahan hotel untuk lawatan kajian kepada kaki tangan kerajaan, ia jelas termasuk dalam kategori amalan gratifikasi yang penyelidik maksudkan dalam kajian ini. Penyelidik melihat adanya potensi berlakunya gratifikasi yang berujung kepada rasuah dalam pengurusan cukai dalam kes di atas, perlu ada langkah pencegahan untuk meminimalkan potensi tersebut. Kerana amalan gratifikasi seperti yang berlaku di atas boleh membawa kerugian besar terhadap negara, dengan berkurangnya pendapatan negara kerana sektor cukai sebenarnya merupakan penyumbang pendapatan negara terbesar. Dengan begitu, hal ini akan membuat pembangunan menjadi terhalang.

² Informan A, Pegawai Pada Syarikat X. Temu Bual di Kota Banda Aceh pada 11 November 2014.

³ Informan A, Pegawai Pada Syarikat X. Temu Bual di Kota Banda Aceh pada 11 November 2014.

4.2.1.2 Gratifikasi Menjadi Pegawai Negeri Sipil.

Pegawai Negeri Sipil (*Civil Servant*) menurut peraturan perundangan yang berlaku ialah setiap warga negara Republik Indonesia yang telah memenuhi syarat yang ditentukan, dilantik oleh kaki tangan kerajaan yang berautoriti dan diserahkan tugas dalam suatu jawatan negeri atau tugas negara lainnya, dan digaji berdasarkan peraturan undang-undang yang berlaku. Dalam undang-undang ini jelas bahawa Pegawai Negeri Sipil adalah seseorang yang menjalankan tugas negara.

Fenomena yang berlaku dalam masyarakat Aceh, setiap kali ada pendaftaran penerimaan Calon Pegawai Negeri Sipil (CPNS), maka ribuan bahkan puluhan ribu orang beratur untuk mendaftar. Tentunya semua orang yang mendaftar mempunyai keinginan yang sama supaya diterima (lulus) sebagai Pegawai Negeri Sipil. Tetapi persoalannya adalah kapasiti orang yang akan dilantik menjadi Pegawai Negeri Sipil tidak seimbang dengan pemohon atau yang mendaftar. Ini boleh dilihat fenomena yang terjadi ketika pendaftaran CPNS. Fakta yang membimbangkan ini membayangkan banyak hal. Salah satu antaranya adalah munculnya keinginan dari masyarakat untuk memberikan gratifikasi supaya dia atau sanak saudaranya lulus menjadi Pegawai Negeri Sipil.

Perbuatan gratifikasi yang dilakukan, dilandasi dengan berbagai dalih. Ada yang menyebutnya hanya sekadar ucapan terima kasih. Tidak kurang juga yang mengatakan memberikannya semata-mata sebagai gratifikasi untuk meluluskannya sebagai Pegawai Negeri Sipil, kerana mereka berfikir jika tidak dengan gratifikasi maka tidak ada peluang baginya untuk lulus. Hal ini disebabkan amalan gratifikasi dalam setiap kali penerimaan Pegawai Negeri Sipil seakan tidak dapat dielakkan lagi. Jika orang lain terlebih dahulu memberikan gratifikasi, tentunya orang lain yang akan diluluskan.

Kes yang diselidik dapati, ada masyarakat Aceh yang menjual tanahnya untuk diberikan kepada orang yang menjanjikan kelulusan Pegawai Negeri Sipil untuk anaknya. Apa yang dijanjikan tersebut menjadi kenyataan. Sekarang dia bekerja di salah satu agensi

kerajaan di Kota Banda Aceh. Yang menariknya lagi, tempat dia bekerja adalah salah satu agensi yang berkaitan dengan penguatkuasaan syari'at Islam di Aceh.⁴ Dari kes ini, memang tidak dapat dibuktikan bahawa kelulusannya berkaitan dengan pemberian gratifikasi yang dilakukannya, kerana ada kemungkinan kaki tangan kerajaan berkaitan memanfaatkan keadaan yang ada untuk mengaut keuntungan peribadi. Maksudnya, mungkin kaki tangan kerajaan yang menerima gratifikasi tersebut telah mengetahui bahawa orang tersebut layak untuk lulus, tetapi dia mencari kesempatan seolah-olah dia yang membantu kelulusan tersebut. Dari fakta ini, dapat disimpulkan, telah terjadi amalan gratifikasi yang bertujuan untuk meluluskan seseorang untuk menjadi Pegawai Negeri Sivil.

4.2.1.3 Gratifikasi Menjadi Anggota TNI/Polri.

TNI merupakan singkatan dari Tentera Nasional Indonesia. Tentera Nasional Indonesia sebagai pertahanan Negara Kesatuan Republik Indonesia, bertugas melaksanakan dasar pertahanan negara untuk menegakkan kedaulatan negara, mempertahankan keutuhan wilayah, dan melindungi keselamatan bangsa, menjalankan operasi ketenteraan untuk perang dan operasi ketenteraan selain perang, serta ikut secara aktif dalam tugas penyelenggaraan keamanan serantau dan antarabangsa. TNI, sebagai pertahanan negara, berfungsi sebagai keamanan terhadap setiap bentuk ancaman tentera dan ancaman bersenjata dari luar dan dalam negeri terhadap kedaulatan, keutuhan wilayah, dan keselamatan bangsa. TNI sebagai alat pertahanan negara juga berfungsi sebagai pemulih terhadap keadaan keselamatan negara yang terganggu akibat kekacauan keselamatan.

Adapun Polri adalah singkatan dari Polis Republik Indonesia. Polri merupakan alat negara yang berperanan dalam memelihara keselamatan dan ketenteraman awam masyarakat, menegakkan hukum, serta memberikan perlindungan, pengawal, dan

⁴ Informan B, Pegawai Negeri Sivil Pada Dinas Syari'at Islam Provinsi Aceh. Temu Bual di Kota Banda Aceh pada 13 dan 15 November 2014. Informan C, Tokoh Masyarakat. Temu Bual di Kota Banda Aceh pada 1 Mac 2014.

pelayanan kepada masyarakat dalam rangka terpeliharanya keamanan dalam negeri. Jadi TNI dan Polri sama-sama bertindak sebagai alat negara dalam bidang keselamatan dan penguatkuasaan undang-undang. Akan tetapi TNI lebih dititik beratkan dalam menjaga keselamatan dan keutuhan negara sama ada dari ancaman luar negeri maupun dalam negeri. Sedangkan Polri tugasnya lebih kepada menjaga keselamatan dalam negeri dan memberikan perkhidmatan kepada masyarakat.

Menjadi anggota TNI dan Polri merupakan salah satu profesion yang diminati oleh masyarakat. Namun untuk menjadi anggota TNI dan Polri bukanlah mudah kerana mempunyai kelayakan yang sangat ketat. Sehingga tidak semua orang yang mempunyai kemahuan tersebut dapat menjadikannya sebagai kenyataan. Lantas, ada antara mereka tidak menyerah dan sebahagiannya mencari jalan pintas agar apa yang dihajatkannya boleh menjadi kenyataan sekalipun dia tidak layak berdasarkan prosedur. Salah satu jalan pintas tersebut adalah dengan memberikan gratifikasi kepada pihak-pihak tertentu iaitu orang yang berada dalam lingkungan TNI dan Polri yang mempunyai akses langsung untuk meluluskannya sebagai abdi negara tersebut. Bentuk gratifikasi yang mereka berikan sangat berbeza-beza, termasuklah wang dan tanah.⁵

Namun kes yang banyak dijumpai adalah pemberian wang, kerana lebih mudah dalam transaksi dan tidak memerlukan masa yang begitu lama. Sedangkan tanah memerlukan proses yang lama, kerana memerlukan pengurusan dokumen-dokumen misalnya pengalihan hak milik secara admistratif yang sah. Pemberian gratifikasi baik dalam bentuk wang mahupun tanah kadangkala diberikan secara langsung. Tidak kurang juga yang memberikan melalui fasilitator yang menjadi pengantara keduanya. Memberi secara langsung mempunyai risiko yang lebih besar berbanding melalui perantara. Gratifikasi melalui perantara sangat sukar dikesan. Oleh sebab itu, banyak ditemui

⁵ Informan D, Polis Republik Indonesia. Temu Bual di Kota Banda Aceh pada 18 November 2014. Informan E, Polis Republik Indonesia. Temu Bual di Kota Banda Aceh pada 23 November 2014. Informan F, Tentera Nasional Indonesia. Temu Bual di Kota Banda Aceh pada 5 Disember 2014. Informan G, Tentera Nasional Indonesia. Temu Bual di Kota Banda Aceh pada 9 Disember 2014. Informan H, Tentera Nasional Indonesia. Temu Bual di Kota Banda Aceh pada 1 Januari 2015.

gratifikasi tersebut dilakukan secara rahsia dengan menggunakan khidmat pihak ketiga yang menghubungkan pihak pemberi gratifikasi dengan pihak penerima.

4.2.1.4 Gratifikasi Memudahkan Pengurusan.

Tingginya tahap ketidakpastian perkhidmatan sebagai akibat adanya prosedur perkhidmatan yang panjang dan melelahkan. Ini menjadi penyebab semakin ramai masyarakat yang kurang selesa ketika berhadapan dengan perkhidmatan awam. Hal ini merupakan salah satu faktor yang menyebabkan masyarakat Aceh cenderung untuk semakin toleran terhadap amalan gratifikasi dalam penyelenggaraan perkhidmatan awam. Pada awalnya, tindakan gratifikasi dari masyarakat lebih kepada keterpaksaan, iaitu sebagai bentuk maklum balas mereka terhadap kerumitan, pemaksaan dan ketidakpastian perkhidmatan awam. Namun, ketika masyarakat semakin ramai menjadi pengguna perkhidmatan, ramai yang merasa tidak bersalah ketika melakukan hal itu bahkan mengharapkannya kerana beranggapan perkara itu dapat mempercepat urusannya. Mereka tidak menganggapnya sebagai amalan negatif yang merugikan. Ini bermakna masyarakat telah ikut memulakan amalan pengambilan di luar ketentuan hukum oleh kaki tangan kerajaan.

Antara kes gratifikasi ini yang penyelidik dapati ialah pemberian dalam bentuk pembayaran wang untuk pengurusan yang berkaitan dengan perkhidmatan masyarakat di Sentra Perkhidmatan Polis (SPK) Kepolisian Kota Besar (Poltabes) Kota Banda Aceh. Secara umum, masyarakat yang berurusan dengan SPK ini mengurus segala keperluan berkaitan dengan pentadbiran kependudukan, misalnya pengurusan Surat Keterangan Hilang ijazah, Kad Tanda Penduduk (KTP) dan Kad Keluarga (KK). Informan menjelaskan bahawa segala pengurusan di SPK ini tidak dikenakan kadar rasmi. Namun kaki tangan kerajaan menjelaskan bahawa kos pengurusan pentadbiran dibayar

seikhlasnya. Terkadang masyarakat membayar sejumlah wang Rp10 ribu-Rp20 ribu dan jumlah yang diberikan sangat berbeza.⁶

Hal yang sama juga berlaku di Pejabat Imigresen Kota Banda Aceh apabila seseorang ingin memohon membuat passport misalnya. Kos rasmi untuk permohonan membuat passport baru adalah Rp 255,000 tetapi terdapat individu yang membayar lebih misalnya Rp 500,000, bahkan ada yang membayar sehingga Rp 2,000,000 dengan balasan akan diberikan kemudahan dalam pengurusan passport. Sebagai contoh, kebiasaannya dalam permohonan membuat passport, sekurang-kurangnya memerlukan tempoh masa tiga hari berdasarkan maklumat rasmi dari pihak imigresen Kota Banda Aceh. Namun apa yang berlaku, kaki tangan kerajaan imigresen sanggup melakukan urusan tersebut untuk diselesaikan dalam tempoh satu hari tetapi dengan syarat individu tersebut perlu membayar lebih kepada kaki tangan kerajaan jika mahu urusan dipermudahkan dan dipercepatkan.⁷

Contoh lain, menurut pengakuan seorang individu, dia membayar kepada seorang perantara untuk menguruskannya. Perantara ini juga merupakan kaki tangan kerajaan yang bekerja di pejabat imigresen. Pada awalnya, dirinya keberatan melalui broker. Namun, kerana keperluan yang dilampirkannya selalu ‘dipersalahkan’, akhirnya dia terpaksa menyerah. Seorang perantara mengaku sanggup menguruskannya dengan ganjaran Rp 2,000,000. “Saya sudah bayar Rp 2,000,000. Kalau tidak, mungkin takkan beres-beres”, kata salah seorang informan.⁸

Dalam situasi lain, seorang individu melakukan urusan pembayaran cukai untuk kenderaannya. Tetapi disebabkan kesibukannya bekerja, dia tidak mahu menghabiskan masa yang lama untuk urusan tersebut di pejabat Satuan Trafik Bandar Kota Aceh. Maka

⁶ Informan I, Bekerja Sendiri. Temu Bual di Kota Banda Aceh pada 3 Oktober 2014. Diperkuat juga oleh data dari akhbar *Waspada*, “Ada Pungli di Poltabes Banda Aceh”, Jumaat 11 Februari, 2011.

⁷ Informan J, Pelajar Ijazah Tinggi. Temu Bual di Kota Banda Aceh pada 10 Oktober 2014.

⁸ Informan K, Bekerja Sendiri. Temu Bual di Kota Banda Aceh pada 12 Oktober 2014. Fakta adanya gratifikasi di Pejabat Imigresen Kota Banda Aceh juga dimuat di akhbar *Direktorat Jenderal Imigrasi Kementerian Hukum dan HAM Republik Indonesia*, “Imigrasi Terbitkan 1.300 Paspor per Bulan”, 14 November 2013.

individu tersebut meminta bantuan kepada salah seorang kaki tangan kerajaan di pejabat berkenaan untuk membantu menguruskannya. Sebagai balasan atas kesediaannya membantu, ia memberikan wang kepada kaki tangan kerajaan tersebut. Informan ini meminta bantuan bukanlah untuk tujuan mengurangkan jumlah yuran cukai yang perlu dibayar ataupun niat lain yang boleh dikategorikan amalan curang, tetapi semata-mata untuk memudahkan dan boleh menjimatkan masa. Informan juga mengakui tidak ada permintaan wang oleh kaki tangan kerajaan tersebut. Tapi pemberian tersebut hanya inisiatif peribadi informan untuk memberikannya. Informan menganggap ini adalah perkara yang wajar sebagai balasan kepada kebaikan kaki tangan kerajaan yang telah bersedia membantunya.⁹ Maknanya ia memberikannya dengan ikhlas, tanpa ada tekanan dan penipuan dari mana-mana pihak.

Kes gratifikasi lain juga dialami oleh seorang individu, tetapi dalam persoalan dan tempat yang berbeza. Dalam kes ini, terjadi gratifikasi yang diberikan kaki tangan kerajaan semasa mengurus Kad Tanda Pencari Kerja (Kad Kuning) di Dinas Sosial dan Tenaga Kerja (Dinsosnaker) Kota Banda Aceh. Pemberian gratifikasi ini bermula apabila seorang kaki tangan kerajaan di jawatan itu meminta bayaran seikhlasnya untuk pembuatan Kad Kuning. Kaki tangan kerajaan meminta “wang seikhlasnya” sebelum menyerahkan kad kuning. Alasan kaki tangan kerajaan tersebut wang itu untuk kos pentadbiran. Dia dengan terpaksa menyerahkan wang bernilai Rp 8.000 kepada kaki tangan kerajaan itu agar tiada masalah dalam pengambilan kad kuning tersebut kerana dia memerlukannya.¹⁰ Padahal untuk kos pentadbiran (pembelian kertas, setem, pen, dakwat pencetak, dan sebagainya), sudah diperuntukkan dalam bajet daerah. Jika alasan untuk wang minum kaki tangan kerajaan di jawatan itu juga sudah dianggarkan dalam dana daerah.

⁹ Informan L, Pensyarah di Universiti. Temu Bual di Kota Banda Aceh pada 25 Ogos 2014.

¹⁰ Informan M, Bekerja Sendiri. Temu Bual di Kota Banda Aceh pada 20 Oktober 2014. Fakta adanya gratifikasi di Pejabat Dinas Sosial dan Tenaga Kerja (Dinsosnaker) Kota Banda Aceh diperkuat oleh akhbar *Serambi Indonesia*, “Ada ‘Uang Seikhlasnya’ di Dinas Tenaga Kerja”, Selasa 17 Julai 2012.

Apa yang penyelidik dedah di atas merupakan segelintir daripada amalan gratifikasi yang berjaya diungkap. Namun masih banyak lagi kes-kes yang sama yang berlaku di pelbagai birokrasi di Kota Banda Aceh dan Aceh pada umumnya. Memang tidak mudah membongkarnya kerana tidak ramai dari kalangan masyarakat yang mahu berterus terang tentang hal ini. Jika berterus terang berkemungkinan akan menjadi masalah bagi mereka di sisi undang-undang.

4.2.1.5 Gratifikasi Tilang (Saman).

Tilang adalah denda yang dikenakan oleh polis kepada pengguna jalan raya yang melanggar peraturan. Jika seseorang individu itu melanggar peraturan lalu lintas dan ditilang (disaman) oleh pihak polis, menurut prosedur yang ada, terdapat dua cara yang boleh dilakukan oleh pemandu. Pertama mengakui kesalahan. Pesalah akan diberikan slip biru dan diwajibkan membayar denda maksimum (deposit denda) di bank yang ditentukan. Setelah mengikuti proses sidang, baki denda yang telah didepositkan di bank akan dikembalikan dengan menunjukkan bukti keputusan di mahkamah. Kedua, mengikuti sidang dan pemandu akan diberikan slip merah.¹¹ Penyelesaian melalui dua cara ini menjadikan semua denda akan masuk ke perbendaharaan negara. Pungutan liar di luar ketentuan berlaku tidak dibenarkan. Bayaran denda dapat dilakukan melalui bank yang ditentukan. Selepas proses sidang selesai, pesalah boleh mendapatkan kembali Surat Keterangan Memandu/Surat Tanda Nombor Kenderaan (SIM/STNK) yang disita di pejabat Satuan Lalu lintas (Satlantas) di mana pesalah ditilang.

Namun realitinya, hanya segelintir masyarakat yang menyelesaikan tilang mengikut prosedur yang dibenarkan. Sebahagian masyarakat memilih jalan pintas dengan berunding dengan pihak polis dengan memberikan wang kepada polis supaya tidak ditilang. Ini kerana jika mengikut prosedur rasmi maka bayaran yang harus dibayar sangat

¹¹ Undang-undang Nombor 22 tahun 2009 tentang Lalu Lintas dan Jalan. Dan Hasil Mesyuarat Penyelarasan Ahli Kumpulan Kerja Tilang Makehjolpol tarikh 6 Ogos 2009 perihal pembahasan aspek-aspek teknikal yang berkaitan dengan pelaksanaan penegakan hukum dalam rangka pelaksanaan Undang-undang Nombor 22 tahun 2009 tentang Lalu Lintas dan Jalan.

besar.¹² Sesuai dengan peraturan Undang-undang Nombor 22 tahun 2009 tentang Lalu Lintas dan Jalan menyebutkan:

- 1) Pemandu yang tidak mempunyai lesen memandu atau disebut SIM boleh dihukum penjara maksimum empat bulan atau denda maksimum Rp 1 juta.
- 2) Pemandu yang mempunyai SIM tapi tidak menunjukkannya ketika ditahan (*road block/batasan*) boleh dihukum penjara satu bulan atau denda maksimum Rp 250 ribu.
- 3) Pemandu yang tidak memasang tanda nombor kenderaan bermotor atau plat nombor boleh dihukum penjara maksimum dua bulan atau denda maksimum Rp 500 ribu.
- 4) Pelanggaran syarat teknikal jalan, seperti cermin pandang sisi (*side mirrors*), lampu utama, lampu rem, lampu mundur, pengelap cermin, bumper, hon, pengukur kelajuan, dan ekzos, boleh dihukum penjara maksimum satu bulan atau denda maksimum Rp 250 ribu untuk motosikal dan Rp 500 ribu untuk kereta.
- 5) Pemandu kereta yang tidak membawa tayar simpanan, segitiga keselamatan, jek, pembuka roda, dan peralatan pertolongan cemas ketika kecemasan atau kemalangan, boleh dihukum penjara maksimum satu bulan atau denda maksimum Rp 250 ribu.
- 6) Melanggar rambu lalu lintas, boleh dihukum penjara maksimum dua bulan atau denda maksimum Rp 500 ribu.
- 7) Melanggar peraturan had laju kenderaan, boleh dihukum maksimum dan minimum penjara dua bulan atau denda maksimum Rp 500 ribu.
- 8) Pemandu yang tidak membawa Surat Tanda Nombor Kenderaan Bermotor (STNK) atau surat tanda coba kenderaan bermotor, boleh dihukum penjara maksimum dua bulan atau denda maksimum Rp 500 ribu.
- 9) Tidak memakai tali pinggang keselamatan, boleh dihukum penjara maksimum satu bulan atau denda maksimum Rp 250 ribu.

¹² Hasil observasi dan temu bual dengan beberapa informan berikut: Informan N, O, dan P, Pelajar Ijazah Dasar. Temu Bual di Kota Banda Aceh pada 16 September 2014. Informan Q, Bekerja Sendiri. Temu Bual di Kota Banda Aceh pada 19 September 2014.

- 10) Penunggang atau penumpang motosikal yang tidak memakai topi keledar Standard Nasional Indonesia (SNI), boleh dihukum penjara maksimum satu bulan atau denda Rp 250 ribu.
- 11) Pemandu yang tidak menyalakan lampu utama pada malam hari dan keadaan tertentu boleh dihukum penjara satu bulan atau denda maksimum Rp 250 ribu.
- 12) Menunggang motosikal tanpa menyalakan lampu utama pada siang hari, boleh dihukum penjara maksimum 15 hari atau denda maksimum Rp 100 ribu.
- 13) Membelok atau membuat pusingan balik tanpa memberi isyarat lampu, boleh dihukum penjara maksimum satu bulan atau denda maksimum Rp 250 ribu.¹³

Apabila pesalah melakukan rundingan dengan kaki tangan kerajaan lalulintas, maka bayarannya sesuai dengan kesepakatan antara pesalah dengan polis tersebut.¹⁴ Perbuatan demikian merupakan bentuk gratifikasi, kerana apa yang diberikan oleh pesalah tersebut merupakan wang pelicin di luar peraturan yang berlaku, dan wang yang diterima dari gratifikasi tersebut tidak masuk ke dalam perbendaharaan negara. Semuanya akan menjadi milik peribadi anggota kaki tangan kerajaan bidang lalu lintas tersebut. Kes ini banyak berlaku dalam kalangan pengguna jalan raya. Fakta ini dibuktikan dan diperkukuhkan berdasarkan hasil tinjauan yang dilakukan oleh *Transparency International* (TI) Indonesia terhadap anak muda di Aceh pada tahun 2013. Laporan itu menyatakan, sebagaimana dikemukakan oleh Koordinator Program kepemudaan TI Indonesia, “atas pengalaman mereka terhadap kes gratifikasi menyebutkan, 82 peratus anak muda di Aceh ternyata pernah ‘bayar damai’ atau memberi gratifikasi kepada polis ketika ditilang.”¹⁵

¹³ Undang-undang Nombor 22 tahun 2009 tentang Lalu Lintas dan Jalan. Dan Hasil Mesyuarat Penyelarasan Ahli Kumpulan Kerja Tilang Makehjapol tarikh 6 Ogos 2009 perihal pembahasan aspek-aspek teknikal yang berkaitan dengan pelaksanaan penegakan hukum dalam rangka pelaksanaan Undang-undang Nombor 22 tahun 2009 tentang Lalu Lintas dan Jalan.

¹⁴ Hasil observasi dan temu bual dengan beberapa informan berikut: Informan N, O, dan P, Pelajar Ijazah Dasar. Temu Bual di Kota Banda Aceh pada 16 September 2014. Informan Q, Bekerja Sendiri. Temu Bual di Kota Banda Aceh pada 19 September 2014.

¹⁵ Hasil tinjauan yang dilakukan oleh pihak *Transparency International* yang dimuatkan di Akhbar Okezone, Isnin 20 Januari 2014.

Hal yang mendorong masyarakat memberikan gratifikasi ini kadangkala disebabkan oleh perilaku penguatkuasa peraturan jalan raya itu sendiri. Terkadang pemandu di jalan raya tidak melakukan apa-apa kesalahan, namun ada sebahagian polis jalan mencari-cari kesalahan pengguna jalan supaya boleh ditilang. Jadi saman yang diterima pengguna jalan tidak semuanya berdasarkan pelanggaran undang-undang. Oleh sebab itu, untuk mengelakkan permasalahan yang rumit di jalan raya tersebut, tidak terlalu banyak wang yang perlu dikeluarkan serta tidak banyak masa yang terbuang untuk menyelesaikan masalah tersebut mengikut peraturan yang ditetapkan, maka masyarakat terdorong untuk melakukan gratifikasi tilang (saman).¹⁶

4.2.1.6 Gratifikasi Keluar Penjara

Hukuman penjara adalah bentuk hukuman dengan menahan kebebasan seseorang kerana melakukan suatu perbuatan jenayah.¹⁷ Hukuman penjara juga dapat diertikan suatu hukuman berupa mengambil hak kemerdekaan atau kebebasan bergerak daripada seorang pelaku jenayah dengan menempatkannya di Lembaga Pemasyarakatan (jeriji besi/penjara). Maka, gratifikasi keluar penjara ialah pemberian yang dilakukan oleh seseorang kepada kaki tangan kerajaan yang bermaksud supaya dia dibebaskan atau dikeluarkan dari penjara. Padahal, berdasarkan undang-undang yang ada, tidak dibenarkan memberi peluang kepada pesalah jenayah untuk keluar penjara selagi tempoh hukumannya belum tamat, kecuali dengan alasan yang dibenarkan oleh undang-undang misalnya kerana sakit, menziarahi ibu bapa meninggal dunia dan sebagainya.

Namun dalam realitinya, terdapat penjenayah yang keluar penjara dengan persetujuan kaki tangan kerajaan penjaga penjara tanpa mempunyai alasan-alasan yang membenarkan perkara tersebut. Untuk menjalankan keinginannya, pelaku memberikan wang kepada kaki tangan kerajaan penjaga sebagai balasan. Kes ini berlaku pada bulan

¹⁶ Hasil observasi dan temu bual dengan beberapa informan berikut: Informan N, O, dan P, Pelajar Ijazah Dasar. Temu Bual di Kota Banda Aceh pada 16 September 2014. Informan Q, Bekerja Sendiri. Temu Bual di Kota Banda Aceh pada 19 September 2014.

¹⁷ Fasal 22 Kitab Undang-undang Hukum Pidana.

Januari tahun 2015. Pada awalnya, kes ini terbongkar ketika seseorang berinisial S yang merupakan penjenayah kes dadah yang sepatutnya berada di dalam penjara, ditangkap polis semasa sedang memproses dadah di rumahnya. Dia sering keluar Lembaga Pemasyarakatan (Lapas) Kelas II A Banda Aceh. Dia dibenarkan keluar penjara setelah memberikan wang kepada kaki tangan kerajaan penjara. Tertuduh mengaku membayar Rp 500,000 kepada komander kumpulan (Danru) Lembaga Pemasyarakatan berinisial D agar dibenarkan pulang ke rumah. Ketua Penjara Kelas II Banda Aceh juga mengakui kemungkinan keterlibatan petugasnya dalam membebaskan tahanan dadah tersebut.¹⁸

Memperhatikan fakta di atas, jelas pemberian gratifikasi dalam kes ini dilakukan secara rahsia. Ini kerana seandainya polis tidak berjaya menangkap pelaku jenayah ini, maka fakta tentang adanya amalan tersebut tidak akan diketahui oleh masyarakat umum. Pemberian izin keluar penjara bagi pelaku jenayah tersebut juga menyalahi peraturan undang-undang yang ada. Penyelidik beranggapan bahawa gratifikasilah yang menjadi faktor utama sehingga penjenayah tersebut keluar penjara dengan mudah.

Berdasarkan data yang penyelidik dapati, gratifikasi yang berlaku dalam kalangan masyarakat Islam di Aceh adalah gratifikasi pengurangan cukai, gratifikasi menjadi Pegawai Negeri Sivil, gratifikasi menjadi anggota TNI/Polri, gratifikasi memudahkan pengurusan, gratifikasi tilang dan gratifikasi keluar penjara.

4.2.2 Jenis Barang Pemberian dalam Amalan Gratifikasi di Aceh

Analisis terhadap penemuan data dalam pelbagai bentuk amalan gratifikasi di Aceh tersebut dapat penyelidik jelaskan sebagai berikut. Berkaitan dengan barang yang diberikan dalam amalan gratifikasi, menurut maklumat yang didapati, pada umumnya barangan yang diberikan kepada kaki tangan kerajaan dalam amalan gratifikasi di Aceh adalah dalam bentuk wang. Tetapi terdapat juga dalam sebahagian kes, pemberian itu

¹⁸ Informan R, Bekerja Sendiri. Temu Bual di Kota Banda Aceh pada 25 Julai 2015. Fakta adanya gratifikasi keluar penjara di Lembaga Pemasyarakatan (Lapas) Kelas II A Banda Aceh diperkuat oleh akhbar *Okezone*, "Napi Peracik Sabu-Sabu Keluar Lapas usai Suap Petugas", Selasa 13 Januari 2015.

dalam bentuk tanah, seperti yang berlaku pada salah satu amalan gratifikasi untuk menjadi anggota TNI/Polri dan Pegawai Negeri Sipil. Terdapat juga kes yang memberikan gratifikasi dalam bentuk kemudahan hotel dan penginapan, tiket pesawat, seperti yang berlaku pada gratifikasi yang diberikan oleh pihak syarikat X kepada pemerintah. Kebanyakan pemberian gratifikasi dalam bentuk wang disebabkan urusan yang mudah dan proses yang cepat. Barang yang diberikan itu boleh jadi sangat dipengaruhi oleh keadaan dan ruang yang dimiliki untuk melakukan gratifikasi supaya tidak disyaki adanya amalan curang di dalamnya. Umpamanya pihak syarikat X memberikan dalam bentuk tiket dan kemudahan hotel. Dalam hal ini, nampak seperti pihak syarikat X hanya ingin membantu memudahkan, tetapi pada hakikatnya ada maksud lain iaitu pihak syarikat X berharap agar memperoleh pengurangan cukai untuk syarikat mereka. Jadi motif dan barang pemberiannya disesuaikan dengan situasi dan keadaan.

4.2.3 Sifat Pemberian dalam Amalan Gratifikasi di Aceh

Berkaitan dengan sifat atau cara pemberian gratifikasi di Aceh, hampir semua informan menyatakan pemberian dilakukan secara rahsia. Hanya pada kes yang samar-samar saja yang diberikan secara terang terangan, misalnya pada kes syarikat X. Pemberian secara terang-terangan ditakuti dapat menghalang dari tujuan mereka memberikan gratifikasi tersebut. Dalam hal ini, pada pendapat penyelidik misalnya gratifikasi untuk menjadi Pegawai Negeri Sipil, gratifikasi untuk menjadi TNI/Polri, dan gratifikasi untuk tilang, maka sudah pasti niat mereka untuk lulus menjadi Pegawai Negeri Sipil, menjadi TNI/Polri, dan mengelakkan tilang akan terhenti. Ini kerana ia akan diprotes oleh pihak lain yang merasa rugi dengan tindakan pemberian gratifikasi tersebut. Secara automatik, dengan meluluskan seseorang menjadi Pegawai Negeri Sipil dan anggota TNI/Polri, maka akan ada hak orang lain yang terabai dan pasti ada orang lain yang harus diketepikan untuk tujuan itu. Begitu juga, dalam kes tilang. Seandainya pemberiannya secara terang terangan maka sudah pasti atasan polis trafik akan menegurnya. Pesalah lalu lintas

terpaksa membayar denda mengikut prosedurnya. Inilah mungkin alasannya kenapa majoriti pemberi gratifikasi melakukannya secara rahsia.

4.2.4 Perkara Pendorong Amalan Gratifikasi di Aceh

Jika dilihat dari sisi perkara yang mendorong masyarakat Islam di Aceh memberikan gratifikasi tersebut kepada kaki tangan kerajaan yang sudah diselidik huraikan sebelum ini, hampir kesemua informan yang diselidik temu bual memberitahu bahawa perkara yang mendorong mereka memberikan gratifikasi, sebab utamanya adalah kerana keterpaksaan dan terdesak, bukan atas dasar kerelaan. Boleh dikatakan mereka memberikannya sebagai jalan untuk memudahkan apa yang mereka inginkan kerana dihalau oleh kaki tangan kerajaan atau memang kerana bertujuan untuk membebaskan mereka dari beban denda yang harus mereka terima kerana melanggar undang-undang. Buktinya, mereka memberikan itu semata-mata hanya untuk memudahkan urusan agar kaki tangan kerajaan tersebut mengerjakan sesuai dengan keinginan pemberi. Jika bukan kerana itu maka informan tidak berniat untuk memberikannya kepada kaki tangan kerajaan yang dimaksudkan. Walaupun begitu, ada sebahagian kecil daripada informan¹⁹ yang mengaku memberikannya tidak ada kaitan sama sekali dengan pekerjaan yang dijalankan oleh kaki tangan kerajaan tersebut, tetapi hanya semata-mata memberikannya sebagai ucapan terima kasih dan sekadar untuk membantu.

4.2.5 Tingkat Keterpaksaan dalam Amalan Gratifikasi di Aceh

Berkaitan kerana terpakasnya masyarakat memberikan gratifikasi, berdasarkan penilaian penyelidik dari maklumat yang diberikan, keterpaksaan itu masih boleh dielakkan jika masyarakat yang memberikan gratifikasi tersebut mempunyai kemahuan. Cuma kerana disebabkan tidak mahu menghabiskan masa yang lama dan urusan yang pelbagai, maka masyarakat dengan pasrah menerimanya sahaja. Berdasarkan keterangan ini, nampak

¹⁹ Informan A, Pegawai Pada Syarikat X, Temu Bual di Kota Banda Aceh pada 11 November 2014. Informan L, Pensyarah di Universiti. Temu Bual di Kota Banda Aceh pada 25 Ogos 2014.

jelas masyarakat yang memberi gratifikasi, sebahagiannya tahu tentang penipuan yang dilakukan oleh kaki tangan kerajaan bahawa mereka telah dibebani bayaran tambahan yang seharusnya tidak perlu mereka bayar. Tetapi tidak semua informan tahu bahawa mereka telah dikenakan kos tambahan, kadang-kadang sebahagian dari masyarakat tidak tahu akan hal itu. Mereka memberikan gratifikasi, tetapi dengan anggapan ia adalah yuran rasmi yang sesuai dengan undang-undang, tetapi pada hakikatnya tidak demikian.

4.2.6 Penafian Hak dalam Amalan Gratifikasi di Aceh

Berkenaan dengan hak-hak masyarakat yang dihalau apabila tidak memberikan gratifikasi, penyelidik melihat dalam kes amalan gratifikasi pengurangan cukai, amalan gratifikasi menjadi Pegawai Negeri Sivil, amalan gratifikasi menjadi TNI/Polri, gratifikasi keluar penjara tidak ada hak pemberi gratifikasi yang dihalau atau dizalimi. Malahan dengan pemberian gratifikasi tersebut boleh menghalang dan menghapuskan hak orang lain serta membuat orang lain dizalimi akibat perbuatan mereka. Tetapi dalam kes amalan gratifikasi untuk memudahkan urusan dan mengelakkan tilang yang sengaja dicari kesalahannya oleh kaki tangan kerajaan, penyelidik melihat adanya hak-hak pemberi gratifikasi yang dihalau disitu seandainya gratifikasi tidak diberikan. Hal ini terbukti berdasarkan data yang ada, yang sudah penyelidik sebutkan dalam gambaran dan kronologi terjadinya amalan gratifikasi untuk memudahkan pengurusan dan mengelakkan tilang tanpa landasan undang-undang yang dilanggar oleh masyarakat pengguna kenderaan.

4.2.7 Kesan Amalan Gratifikasi di Aceh Terhadap Polisi Penerima

Berkenaan dengan sama ada dengan pemberian gratifikasi tersebut membantu untuk mencapai apa yang diharapkan oleh pemberi gratifikasi. Dalam kes gratifikasi pengurangan cukai, gratifikasi melancarkan urusan, gratifikasi tilang, dan gratifikasi keluar penjara terbukti bahawa gratifikasi tersebut berkesan terhadap melancarkan urusan

yang sedang dilakukan, tilang gagal dikenakan sehingga pesalah bebas dari denda yang sepatutnya, dan penjenayah dalam kes dadah dengan mudahnya keluar dari penjara. Ini menunjukkan bahawa kaki tangan kerajaan tersebut melaksanakan sesuatu sesuai dengan permintaan pemberi gratifikasi dan hak-hak pemberi gratifikasi yang dihalau kembali dipenuhi. Manakala berkenaan dengan kes amalan gratifikasi untuk menjadi Pegawai Negeri Sivil dan menjadi anggota TNI/Polri, sekalipun dari maklumat informan dapat dilihat bahawa pemberian gratifikasi dalam hal ini juga boleh mewujudkan apa yang dikehendaki pemberi. Menurut penyelidik, hakikat yang sebenarnya tidak dapat ditentukan ini kerana tidak diketahui apa sebenarnya yang berlaku. Boleh jadi individu tersebut memang layak. Walaupun demikian, apa yang dilakukan oleh pemberi gratifikasi tersebut tetap merupakan perbuatan tidak terpuji, kerana dia berniat meluluskan dirinya dengan cara menipu.

4.2.8 Keterkaitan Amalan Gratifikasi di Aceh dengan Jawatan Penerima

Mengenai pernah atau tidak informan memberikan gratifikasi sebelum penerima gratifikasi tersebut menjadi kaki tangan kerajaan atau ketika kaki tangan kerajaan tersebut tidak lagi berstatus sebagai kaki tangan kerajaan. Umumnya informan berpendapat bahawa mereka tidak pernah memberikan gratifikasi kepada kaki tangan kerajaan tersebut sebelum dia menjadi kaki tangan kerajaan. Begitu juga, umumnya informan juga tidak akan memberikan dan tidak mempunyai niat untuk memberikan gratifikasi kepada kaki tangan kerajaan tersebut seandainya ia tidak lagi berkhidmat dalam jawatan itu nanti. Ada dua alasan mereka tidak memberikannya. Pertama, kerana mereka belum kenal dengan kaki tangan kerajaan tersebut. Kedua, mereka tidak memberikan gratifikasi sebelum kaki tangan kerajaan menjadi dan ketika tidak lagi menjadi kaki tangan kerajaan disebabkan kerana tiada lagi kepentingan dan tiada apa yang diharapkan darinya. Untuk itu, penyelidik melihat pemberian gratifikasi yang dilakukan oleh masyarakat Islam di Aceh tersebut lebih menitik beratkan status orang tersebut sebagai kaki tangan kerajaan.

Buktinya, secara umum informan tidak merancang dan tidak akan memberikan gratifikasi kepada orang tersebut seandainya ia bukan abdi negara. Ini kerana tanpa kepentingan apa-apa dengannya, boleh dikatakan pemberian tersebut tidak membantu dan memberikan manfaat kepada pemberi dari sudut pandang duniawi.

Bertitik tolak daripada rumusan-rumusan amalan gratifikasi yang berlaku dalam kalangan masyarakat Islam di Aceh dan fakta yang terkait dengannya berdasarkan temubual bersama informan dan pengamatan, jika diperhatikan terdapat beberapa unsur khusus, iaitu pemberinya adalah masyarakat Aceh, penerimanya kaki tangan kerajaan, dan adanya pemberian dan penerimaan gratifikasi (serah terima sesuatu) berupa wang, barangan dalam bentuk tanah dan tiket kapal terbang serta penginapan.

4.3 Amalan Gratifikasi di Aceh Mengikut Ulama Aceh

Untuk mendapatkan maklumat tentang amalan gratifikasi dalam kalangan masyarakat Aceh dalam pandangan ulama Aceh, penyelidik melakukan temu bual langsung dengan beberapa ulama di Aceh dengan teknik *purposive sampling*. Informan dari kalangan ulama yang penyelidik temu bual ialah Muslim Ibrahim, Al Yasa' Abubakar, dan Faisal Ali. Dan untuk lebih jelasnya identiti ulama yang penyelidik temu bual dapat dilihat dalam senarai jadual berikut.

Jadual 4.3: Senarai Interviewee (Ulama Aceh)

Interviewee	Pekerjaan/Profesi	Tempat Interview	Tarikh Interview
Muslim Ibrahim	Ketua Majlis Permusyawaratan Ulama Aceh dan Professor UIN Ar-Raniry	Banda Aceh	21.06.2016
Al Yasa' Abubakar	Ketua Muhammadiyah Aceh dan Professor UIN Ar-Raniry	Banda Aceh	10.06.2016
Faisal Ali	Naib Ketua Majlis Permusyawaratan Ulama Aceh dan Ketua Tanfidziyah Pengurus Wilayah Nahdhatul Ulama Aceh	Banda Aceh	21.06.2016
Jumlah Interviewee	3 Orang		

Untuk mendapatkan maklumat berkaitan dengan penyelidikan dari interviewee yang telah disenaraikan di atas, penyelidik telah melakukan temu bual dengan informan dengan mengajukan soalan secara terbuka. Soalan-soalan itu iaitu berkaitan bagaimana pendapat ulama tentang amalan gratifikasi yang berlaku dalam kalangan masyarakat Islam di Aceh, hukuman, dan tentang pemberantasannya. Soalan tersebut dibuat untuk menemukan maklumat berkaitan dengan pandangan ulama di Aceh berkenaan dengan amalan gratifikasi yang berlaku dalam kalangan masyarakat.

4.3.1 Pendapat Ulama Aceh Tentang Amalan Gratifikasi

Para ulama Aceh yang menjadi informan dalam penyelidikan ini berbeza pendapat dalam memberi makna kepada gratifikasi yang berlaku dalam masyarakat Islam di Aceh dari sudut pandang hukum Islam. Berikut ini penyelidik dedahkan beberapa makna gratifikasi yang difahami oleh ulama Aceh dari beberapa bentuk amalan gratifikasi yang berlaku di Aceh.

Menurut Muslim Ibrahim, gratifikasi yang berlaku dalam kalangan masyarakat Islam di Aceh dan bahkan telah menjadi budaya yang sangat jelek tersebut merupakan *ghulūl*. Kata *ghulūl* ini ada dalam ayat *al-Qurān* dan hadis. Selanjutnya, ketika bentuk ketatanegaraan telah mapan dan berkembang seperti pada masa Abbasiyah, untuk kes-kes seperti gratifikasi itu disebut dengan *ikhtilas*. Adapun usaha ulama menganalogikan (*qiyās*) dengan *rishwah* boleh dikatakan sebagai bentuk dengan nisbah hukum, kerana gratifikasi perlu dijatuhi hukuman.²⁰

Al Yasa' Abubakar menyatakan, hingga saat ini belum ada rumusan pengertian yang tepat tentang gratifikasi dalam konteks hukum Islam, kerana dalam kitab-kitab fekah tidak dibahas tentang masalah gratifikasi ini, sekalipun beberapa istilah hampir mempunyai persamaan erti dengan gratifikasi boleh didapati. Untuk mengisi kekosongan

²⁰ Muslim Ibrahim, Ketua Majlis Permusyawaratan Ulama Aceh dan Professor Universiti Islam Negeri Ar-Raniry Banda Aceh, Temu Bual di Kota Banda Aceh pada 21 June 2016.

tersebut perlu dilakukan kajian yang serius sehingga dihasilkan sebuah pengertian, hukum dan bentuk hukuman yang tepat untuk amalan gratifikasi. Maka kajian akademik untuk menghasilkan format gratifikasi dalam hukum Islam mutlak diperlukan.²¹

Adapun menurut Faisal Ali, gratifikasi yang berlaku dalam kalangan masyarakat Islam di Aceh ialah suatu amalan yang diharamkan dalam Islam, memang pada dasarnya pemberian dibenarkan dalam Islam, tetapi apa yang berlaku di Aceh ini sebahagiannya sudah mengarah kepada *rishwah* yang sangat dilarang dalam Islam. Amalan gratifikasi yang tidak mengarah kepada *rishwah*, dengan mengingat keadaan kehidupan masyarakat dan boleh menjurus kepada pelanggaran undang-undang, maka pengharaman gratifikasi semacam ini sangat tepat.²²

Dari temu bual dengan beberapa ulama di atas dengan latar belakang pendidikan yang berbeza terlihat adanya perbezaan dalam menjelaskan makna gratifikasi. Namun, walaupun adanya perbezaan dalam menafsirkan makna gratifikasi, jelas kelihatan bahawa para ulama beranggapan bahawa gratifikasi termasuk amalan yang dilarang menurut hukum Islam. Mereka sama pandangan bahawa penerima gratifikasi yang dilarang dalam Islam ialah apabila penerima pemberian itu adalah kaki tangan kerajaan. Dari penjelasan para ulama Aceh juga kelihatan bahawa gratifikasi sangat luas maknanya, iaitu merangkumi semua pemberian yang penerimanya melibatkan kaki tangan kerajaan.

4.3.2 Pendapat Ulama Aceh Tentang Hukuman Gratifikasi

Menurut Muslim Ibrahim, dalam kitab fekah ada huraian yang menyerupai gratifikasi, namun tidak dijelaskan dalam bentuk huraian yang terperinci. Beberapa hadis menerangkan tentang larangan Rasulullah terhadap amalan gratifikasi dan menyerupai gratifikasi, salah satunya hadis Rasulullah yang menegur sahabat yang menerima pemberian dari masyarakat di luar zakat, yang dianggap sebagai hadiah. Rasulullah

²¹ Al Yasa' Abubakar, Ketua Muhammadiyah Aceh dan Professor Universiti Islam Negeri Ar-Raniry Banda Aceh, Temu Bual di Kota Banda Aceh pada 10 June 2016.

²² Faisal Ali, Naib Ketua Majlis Permusyawaratan Ulama Aceh dan Ketua Tanfidziyah Pengurus Wilayah Nahdhatul Ulama Aceh, Temu Bual di Kota Banda Aceh pada 21 June 2016.

memintanya untuk mengembalikannya ke Baitul Mal. Menurutnya, jadi dapat difahami hadis tersebut sebagai petunjuk awal gratifikasi, kerana peristiwa tersebut berlaku pada masa Rasul, walaupun memang Rasul tidak memberikan hukuman kepada sipelaku dan hanya menyita harta yang diambil dari masyarakat, namun intonasi dan ucapan Rasul yang keras membayangkan bahawa beliau sangat membenci amalan tersebut, dan itu menjadi pelajaran bagi para sahabat sehingga mereka tidak melakukan amalan sama.²³

Muslim Ibrahim bersetuju untuk amalan gratifikasi dikuatkuasakan hukuman *ta'zīr*. Namun ia kurang setuju terhadap hukuman mati bagi pelaku amalan gratifikasi. Menurutnya hukuman mati belum tepat dikuatkuasakan, kerana memandangkan keadaan mahkamah di Aceh dan Indonesia pada umumnya belum begitu bersih dari amalan curang. Muslim Ibrahim menambah bahawa hukum yang ada sekarang boleh saja dikuatkuasakan asalkan hukuman tersebut boleh menakutkan bagi pelaku jenayah dan dengan penguatkuasaan hukuman tersebut dapat mendidiknya, hukuman seperti itu juga merupakan bahagian dari hukuman *ta'zīr*.²⁴

Al Yasa' Abubakar berpendapat bahawa amalan gratifikasi yang berlaku di Aceh termasuk amalan yang dilarang dalam Islam. Mengenai hal ini jelas nyata berdasarkan amalan yang berlaku dari hasil dapatan kajian. Numun menurutnya, tidak semua amalan gratifikasi boleh dianggap sebagai kejahatan luar biasa dan patut dijatuhi hukuman mati, tetapi sebahagian hanyalah merupakan *jarīmah ta'zīr* yang sepatutnya dijatuhi hukuman yang ringan sahaja, tidak patut dijatuhi hukuman mati.²⁵

Berkaitan dengan hukuman bagi pelaku amalan gratifikasi, Faisal Ali juga berpendapat hampir sama dengan Muslim Ibrahim dan Al Yasa' Abubakar, bagi pelaku amalan gratifikasi boleh dihukum dengan hukuman jenayah *ta'zīr*. Namun Faisal Ali setuju terhadap penguatkuasaan hukuman mati kepada pelaku jenayah tersebut, kerana

²³ Muslim Ibrahim, Ketua Majlis Permusyawaratan Ulama Aceh dan Professor Universiti Islam Negeri Ar-Raniry Banda Aceh, Temu Bual di Kota Banda Aceh pada 21 June 2016.

²⁴ *Ibid.*

²⁵ Al Yasa' Abubakar, Ketua Muhammadiyah Aceh dan Professor Universiti Islam Negeri Ar-Raniry Banda Aceh, Temu Bual di Kota Banda Aceh pada 10 June 2016.

mengingat kesan tidak baik yang ditimbulkan dari amalan gratifikasi sudah merosakkan semua lini kehidupan masyarakat. Akan tetapi ia memberikan catatan, hukuman mati tersebut tidak dikuatkuasakan kepada semua pelaku amalan gratifikasi, ianya hanya dikuatkuasakan dalam amalan gratifikasi tertentu yang dianggap telah menimbulkan kerosakan yang luar biasa dalam kehidupan masyarakat.²⁶

Dari pendapat ulama Aceh di atas tentang hukuman bagi pelaku amalan gratifikasi, apabila dianalisis lebih lanjut sebenarnya dalam penguatkuasaan hukuman itu, salah satu hal yang tidak boleh dilupakan ialah harus memenuhi rasa keadilan, baik terhadap pelaku jenayah mahupun masyarakat yang menanggung kesan yang ditimbulkan daripada amalannya. Oleh kerana itu, *ta'zīr* sebagai hukuman yang ditetapkan hakim harus memenuhi rasa keadilan dalam masyarakat di wilayah tempat hakim dan pelaku jenayah berada. Apabila hukuman mati yang dianggap adil untuk amalan gratifikasi maka hukuman mati ini yang dikuatkuasakan. Pada dasarnya, hukuman harus disesuaikan dengan besaran kejahatan gratifikasi yang dilakukan dan kerugian yang dialami oleh masyarakat dan negara.

4.3.3 Pendapat Ulama Aceh Tentang Pembenterasan Gratifikasi

Pemerintah telah melakukan usaha pembenterasan gratifikasi yang ditetapkan melalui undang-undang negara. Bahkan usaha itu semakin meningkat dalam beberapa tahun kebelakangan ini, tetapi usaha itu lebih tertumpu di pusat, sedangkan di negeri-negeri, khususnya Aceh hampir tidak terdengar adanya polis-polis baru berkaitan dengan itu.

Usaha pembenterasan gratifikasi ini jelas tidak mudah, kerana gratifikasi benar-benar telah membudaya pada pelbagai peringkat masyarakat. Disamping itu, gratifikasi dilakukan dengan penuh perhitungan dan ketepatan dari pelakunya, sehingga kebanyakan amalan gratifikasi hanya boleh dirasakan aromanya sahaja, dan tidak ada upaya ketika

²⁶ Faisal Ali, Naib Ketua Pada Majlis Permusyawaratan Ulama Aceh dan Ketua Tanfidziyah Pengurus Wilayah Nahdhatul Ulama Aceh, Temu Bual di Kota Banda Aceh pada 21 June 2016.

diminta untuk membuktikannya. Bagi para pelaku gratifikasi, setiap celah untuk terlepas dari jeratan undang-undang telah dipersiapkan. Tidak hanya itu, mereka pandai mengelak dari jeratan undang-undang dengan cara memanfaatkan kelemahan-kelemahan yang ada dalam sistem undang-undang itu sendiri. Dan ada pula yang dari awal membuat reka bentuk untuk membuat undang-undang sebagai alat untuk membenarkan gratifikasi yang dilakukannya.

Oleh kerana itu, tidaklah hairan ulama Aceh yang menjadi informan dalam penyelidikan ini menyatakan bahawa pengendalian jenayah gratifikasi di Aceh hampir boleh dikatakan tidak ada. Sehingga untuk pembenterasan jenayah ini perlu segera dirumuskan undang-undang yang tepat yang tidak ada celah lagi bagi pelaku jenayah gratifikasi untuk mengelak daripada undang-undang.²⁷

Penguatkuasaan hukum yang serius haruslah sesuai dengan hukum Islam. Untuk masalah gratifikasi hingga kini belum ada peruntukan undang-undang Islamnya yang dikuatkuasakan di Aceh. Oleh kerana itu, perlu segera disusun undang-undang yang komprehensif dan aplikatif, sehingga ada pencerahan dalam bidang hukum di Aceh.

Perumusan, pengesahan dan sekaligus penguatkuasaan undang-undang gratifikasi di Aceh saat ini sangat penting untuk segera dilakukan, mengingat semua permasalahan hukum di Aceh dewasa ini harus diselesaikan sesuai dengan syari'at Islam. Hal ini juga dirasakan mendesak kerana amalan gratifikasi terus berlaku hampir di setiap sektor kehidupan masyarakat, sama ada dari segi kuantiti mahupun kualiti dari amalan gratifikasi. Di samping itu, undang-undang itu nanti boleh menjadi penepis anggapan bahawa penguatkuasaan syari'at Islam di Aceh hanya untuk pihak tertentu sahaja. Dalam hal perumusan undang-undang gratifikasi yang sesuai dengan syari'at Islam tersebut,

²⁷ Hasil temu bual dengan beberapa informan berikut: Muslim Ibrahim, Ketua Majlis Permusyawaratan Ulama Aceh dan Professor Universiti Islam Negeri Ar-Raniry Banda Aceh, Temu Bual di Kota Banda Aceh pada 21 June 2016. Al Yasa' Abubakar, Ketua Muhammadiyah Aceh dan Professor Universiti Islam Negeri Ar-Raniry Banda Aceh, Temu Bual di Kota Banda Aceh pada 10 June 2016. Faisal Ali, Naib Ketua Pada Majlis Permusyawaratan Ulama Aceh dan Ketua Tanfidziyah Pengurus Wilayah Nahdhatul Ulama Aceh, Temu Bual di Kota Banda Aceh pada 21 June 2016.

banyak aspek yang perlu dikaji agar undang-undang gratifikasi yang diwujudkan nanti benar-benar dapat memenuhi rasa keadilan masyarakat.

Untuk melahirkan sebuah konsep yang jelas dan tegas tentang gratifikasi yang akan dimasukkan dalam undang-undang sesuai syari'at Islam, boleh menjadikan Undang-undang Nombor 20 Tahun 2001 sebagai asas dalam menyusun pengertian gratifikasi. Namun demikian, batasan-batasan yang telah diberikan undang-undang tersebut perlu dipinda kembali, sehingga nantinya undang-undang tersebut benar-benar sesuai dengan peruntukan hukum Islam.

Berdasarkan pendapat ulama Aceh tentang amalan gratifikasi dapat diambil suatu kesimpulan, para ulama berbeza dalam menafsirkan makna gratifikasi, tetapi para ulama beranggapan bahawa gratifikasi yang berlaku dalam kalangan Islam di Aceh termasuk amalan yang dilarang menurut hukum Islam. Dan mereka sama pandangan bahawa penerima gratifikasi yang dilarang dalam Islam ialah apabila penerima pemberian itu adalah kaki tangan kerajaan.

4.4 Kesimpulan

Berdasarkan pendedahan mengenai amalan gratifikasi dalam kalangan masyarakat Islam di Aceh boleh disimpulkan bahawa amalan-amalan gratifikasi yang berlaku dalam kalangan masyarakat Islam di Aceh yang didapati dari hasil penyelidikan melalui observasi dan temu bual adalah amalan gratifikasi pengurangan cukai, gratifikasi menjadi Pegawai Negeri Sivil, gratifikasi menjadi anggota TNI/Polri, gratifikasi memudahkan pengurusan, gratifikasi tilang, dan gratifikasi keluar penjara. Dan bertitik tolak daripada interaksi amalan gratifikasi yang berlaku dalam kalangan masyarakat Islam di Aceh tersebut dan fakta yang terkait dengannya berdasarkan temubual bersama informan dan pengamatan, jika diperhatikan terdapat beberapa unsur khusus pada amalan tersebut, iaitu pemberinya adalah masyarakat Aceh, penerimanya kaki tangan kerajaan, dan adanya pemberian dan penerimaan gratifikasi (serah terima sesuatu).

Para ulama di Aceh berbeza dalam menafsirkan makna gratifikasi yang berlaku dalam kalangan masyarakat Islam di Aceh, tetapi para ulama beranggapan bahawa gratifikasi yang berlaku dalam kalangan Islam di Aceh termasuk amalan yang dilarang menurut hukum Islam.

University of Malaya

BAB 5: ANALISIS GRATIFIKASI DARI PERSPEKTIF HUKUM ISLAM

5.1 Pengenalan

Bab ini merupakan bahagian inti dari kajian ini. Penyelidik menganalisis amalan gratifikasi dalam masyarakat Islam di Aceh dari perspektif hukum Islam serta penyelesaian untuk membanteras amalan tersebut. Dalam bab ini, penyelidik membahagikannya kepada beberapa sub, iaitu pengenalan, definisi gratifikasi dalam kalangan masyarakat Islam di Aceh, undang-undang gratifikasi di Aceh dari tinjauan hukum Islam, analisis amalan gratifikasi di Aceh mengikut hukum Islam, faktor-faktor berlakunya amalan gratifikasi di Aceh, *mafsadah* amalan gratifikasi di Aceh, kedudukan gratifikasi di Aceh dalam *jarīmah*, hukuman terhadap pelaku gratifikasi di Aceh, dasar pertimbangan hukuman terhadap pelaku gratifikasi di Aceh, solusi amalan gratifikasi dalam masyarakat Islam di Aceh, dan kesimpulan.

5.2 Definisi Gratifikasi dalam Kalangan Masyarakat Islam di Aceh

Amalan gratifikasi ialah pemberian terhadap kaki tangan kerajaan. Di dalamnya mengandungi unsur mengambil sesuatu yang bukan haknya atau mengambil harta orang lain dengan cara batil (*akl amwāl al-nās bi al-bāṭil*). Apabila merujuk kepada amalan gratifikasi dalam kalangan masyarakat Islam di Aceh, antara bentuk jenayah dalam teori undang-undang Islam yang paling mirip substansinya dengan gratifikasi ialah *al-khiyānah* (khianat), *al-ghashi* (penipuan), *al-rishwah* (suap/sogok), dan *al-ghaṣab* (penggunaan hak orang lain). Hal ini disebabkan kerana adanya persamaan antara amalan gratifikasi yang berlaku di Aceh dengan amalan-amalan yang disebutkan sebagai jenayah dalam Islam tersebut.

Untuk itu, dapat disimpulkan bahawa yang dimaksudkan dengan amalan gratifikasi dalam konteks ajaran Islam yang lebih universal ialah merupakan suatu amalan maksiat yang bertentangan dengan prinsip keadilan (*al-'adālah*), akauntabiliti (*al-*

amānah), dan tanggungjawab. Gratifikasi dengan segala kesan negatifnya yang boleh menimbulkan pelbagai penyelewengan terhadap kehidupan negara dan masyarakat dapat dikategorikan sebagai perbuatan fasad iaitu kerosakan di muka bumi, yang dilarang oleh Allah SWT dan RasulNya.

Menurut penyelidik, berdasarkan maksud yang diberikan petunjuk oleh *naṣ*, sama ada secara zahir mahupun kontekstual, sama ada khas mahupun secara am, maka dalil-dalil yang boleh dirujuk untuk dapat dijadikan sebagai dasar hukum gratifikasi adalah sebagai berikut:

1) *Al-Qur'ān al-Karīm* Surah al-Baqarah.

وَلَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ وَتُدْلُوا بِهَا إِلَى الْحُكَّامِ لِتَأْكُلُوا فَرِيقًا مِّنْ
أَمْوَالِ النَّاسِ بِالْإِثْمِ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿١٨٨﴾

Al-Baqarah 2: 188

Terjemahan: Dan janganlah sebahagian kamu memakan harta sebahagian yang lain di antara kamu dengan jalan yang batil dan janganlah kamu membawa (urusan) harta itu kepada hakim, supaya kamu dapat memakan sebahagian daripada harta benda orang lain dengan (jalan berbuat) dosa, padahal kamu mengetahui.

2) *Al-Qur'ān al-Karīm* Surah Ali 'Imrān.

وَمَا كَانَ لِنَبِيٍّ أَنْ يَغُلَّ وَمَنْ يَغُلْ يَأْتِ بِمَا غَلَّ يَوْمَ الْقِيَامَةِ ثُمَّ تُوَفَّى كُلُّ نَفْسٍ
مَا كَسَبَتْ وَهُمْ لَا يُظْلَمُونَ ﴿١٦١﴾

Ali 'Imrān 3: 161

Terjemahan: "Tidak mungkin seorang nabi *ghulūl* (gratifikasi) dalam urusan harta rampasan perang. Barangsiapa yang melakukan *ghulūl* (gratifikasi) dalam urusan rampasan perang itu, maka pada hari kiamat ia akan datang membawa apa yang dikhianatkannya itu, kemudian tiap-tiap diri akan diberi pembalasan tentang apa yang ia kerjakan dengan (pembalasan) setimpal, sedang mereka tidak dianiaya."

3) *Al-Qur'ān al-Karīm* Surah al-Māi'dah.

سَمْعُونََ لِلْكَذِبِ أَكْثَرُونَ لِلسُّخْتِ فَإِنْ جَاءُوكَ فَاحْكُم بَيْنَهُمْ أَوْ أَعْرِضْ
عَنْهُمْ وَإِنْ تُعْرِضْ عَنْهُمْ فَلَنْ يَضُرُّوكَ شَيْئًا وَإِنْ حَكَمْتَ فَاحْكُم بَيْنَهُمْ بِالْقِسْطِ
إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُقْسِطِينَ ﴿٤٢﴾

Al-Māi'dah 5: 42

Terjemahan: Mereka itu ialah orang-orang yang suka mendengar berita bohong, banyak memakan yang haram (gratifikasi). Jika mereka (orang Yahudi) datang kepadamu (untuk meminta putusan), maka putuskanlah (perkara itu) di antara mereka, atau berpalinglah dari mereka. Dan jika kamu berpaling dari mereka maka mereka tidak akan memberi mudharat kepadamu sedikitpun. Dan jika kamu memutuskan perkara mereka, maka putuskanlah (perkara itu) di antara mereka dengan adil, sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang adil.

4) *Al-Qur'ān al-Karīm* Surah al-Māi'dah.

وَتَرَى كَثِيرًا مِّنْهُمْ يُسْرِعُونَ فِي الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ وَأَكْلِهِمُ السُّحْتَ لَبِئْسَ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴿٦٢﴾ لَوْلَا يَهْتَلِفُ الْمُتَوَكِّلُونَ وَالْأَحْبَارُ عَنْ قَوْلِهِمُ الْإِثْمَ وَأَكْلِهِمُ السُّحْتَ لَبِئْسَ مَا كَانُوا يَصْنَعُونَ ﴿٦٣﴾

Al-Māi'dah 5: 62 dan 63

Terjemahan: Dan kamu akan melihat kebanyakan dari mereka (orang-orang Yahudi) bersegera membuat dosa, permusuhan dan memakan yang haram (gratifikasi). Sesungguhnya amat buruk apa yang mereka telah kerjakan itu. Mengapa orang-orang alim mereka, pendeta-pendeta mereka tidak melarang mereka mengucapkan perkataan bohong dan memakan yang haram? Sesungguhnya amat buruk apa yang telah mereka kerjakan itu.

5) Hadis riwayat al-Bukhārī, dari Abī Ḥumayd al-Sāi'dy.

اسْتَعْمَلَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ رَجُلًا مِنْ بَنِي أُسْدٍ يُقَالُ لَهُ ابْنُ الْأُنْبِيَّةِ عَلَى صَدَقَةٍ، فَلَمَّا قَدِمَ قَالَ: هَذَا لَكُمْ وَهَذَا أُهْدِيَ لِي، فَقَامَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَى الْمَنْبَرِ قَالَ سُفْيَانُ أَيْضًا فَصَعِدَ الْمَنْبَرَ فَحَمِدَ اللَّهَ وَاتَّيَّ عَلَيْهِ ثُمَّ قَالَ: مَا بَالُ الْعَامِلِ نَبَعْتُهُ فَيَأْتِي يَقُولُ: هَذَا لَكَ وَهَذَا لِي، فَهَلَّا جَلَسَ فِي بَيْتِ أَبِيهِ وَأُمِّهِ، فَيَنْظُرُ أَيُّهُدَى لَهُ أُمَّ لَا، وَالَّذِي نَفْسِي بِيَدِهِ، لَا يَأْتِي بِشَيْءٍ إِلَّا جَاءَ بِهِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ يَحْمِلُهُ عَلَى رَقَبَتِهِ، إِنْ كَانَ بَعِيرًا لَهُ رُغَاءٌ، أَوْ بَقْرَةً هَا حُوَارًا، أَوْ شَاةً تَيَعَّرَ، ثُمَّ رَفَعَ يَدَيْهِ حَتَّى رَأَيْنَا عُقْرَتِي إِبْطِيهِ أَلَا هَلْ بَلَغْتُ ثَلَاثًا¹.

Terjemahan: Nabi SAW menugaskan seorang lelaki dari Bani Asad yang disebut Ibn al-Utabiyyah untuk mengambil zakat, kemudian setelah kembali ia berkata: Ini untuk Tuan dan ini diberikan kepadaku, kemudian Nabi SAW naik ke mimbar, begitu juga yang dikatakan Sufyan, kemudian Nabi memuji Allah dan menyanjungNya lalu bersabda: Apa petugas ini, aku tugaskan, terus kembali seraya berkata, ini untukmu dan ini untukku ?. Maka cubalah ia duduk sahaja di rumah

¹ Al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, al-Maktabah al-Shāmilah, Bāb Hadāyā al-'Amāl, j. 9, No. Hadis 7174, (t.tp.: Dār Ṭūq al-Najāh, 1422 H), 70.

orang tuanya dan mengandaikan ia diberi hadiah atau tidak? Demi Zat yang diriku berada di tanganNya, maka ia tidak mendapat apa-apa kecuali datang di hari kiamat dengan memikul di atas leher, walaupun berupa unta, lembu atau kambing yang semuanya meringkik. Kemudian Nabi mengangkat tangannya sampai kulihat putihnya ketiak beliau dan bersabda, bukankah telah aku sampaikan ?. Diulanginya tiga kali.

6) Hadis riwayat Muslim dari ‘Adī Ibn ‘Amīyah al-Kindy.

سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: مَنْ اسْتَعْمَلَنَا مِنْكُمْ عَلَى عَمَلٍ، فَكَتَمْنَا مَخِيطًا، فَمَا فَوْقَهُ كَانَ غُلُولًا يَأْتِي بِهِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ، قَالَ: فَقَامَ إِلَيْهِ رَجُلٌ أَسْوَدٌ مِنَ الْأَنْصَارِ كَأَنِّي أَنْظُرُ إِلَيْهِ، فَقَالَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، اقْبَلْ عَنِّي عَمَلَكَ، قَالَ: وَمَا لَكَ؟ قَالَ: سَمِعْتُكَ تَقُولُ: كَذَا وَكَذَا، قَالَ: وَأَنَا أَقُولُهُ الْآنَ، مَنْ اسْتَعْمَلَنَا مِنْكُمْ عَلَى عَمَلٍ، فَلْيَجِئْ بِقَلِيلِهِ وَكَثِيرِهِ، فَمَا أُوتِيَ مِنْهُ أَحَدًا، وَمَا نُهِىَ عَنْهُ أَنْتَهَى.²

Terjemahan: Saya mendengar Rasulullah SAW bersabda, Barangsiapa menjalankan tugas untuk kami, lalu ia menyembunyikan dari kami barang sebesar jarum atau lebih, maka apa yang disembunyikan itu ialah *khiyānah*/kecurangan (gratifikasi) yang kelak akan dibawanya pada hari kiamat. Kemudian berdirilah seorang lelaki hitam dari kalangan Ansar, seakan-akan aku melihat kepadanya. Lalu ia berkata, wahai Rasulullah, terimalah aku untuk menjalankan tugas anda. Beliau bertanya, apakah itu? Ia berkata, aku mendengar engkau bersabda begini dan begitu. Beliau menjawab: saya mengucapkan perkataan itu lagi sekarang, iaitu barangsiapa kami tugaskan untuk mengerjakan suatu tugas, maka hendaklah ia serahkan hasilnya, sedikit atau banyak. Maka apa yang diberikan kepadanya bolehlah ia ambil dan apa yang dilarang ia mengambilnya, maka hendaklah ia berhenti.

7) Hadis riwayat Aḥmad dari Abī Ḥumayd al-Sā’idī.

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: هَدَايَا الْعُمَّالِ غُلُولٌ.³

Tejemahan: Bahawa Rasulullah SAW bersabda, hadiah (pemberian) kepada petugas (kaki tangan kerajaan) ialah *ghulūl* (penyelewengan).

8) Hadis riwayat al-Bukhārī dari Abū Hurayrah, ia berkata:

قَامَ فِينَا النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَذَكَرَ الْغُلُولَ فَعَظَّمَهُ وَعَظَّمَ أَمْرَهُ، قَالَ: لَا أَلْفَيْتُ أَحَدَكُمْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ عَلَى رَقَبَتِهِ شَاةٌ لَهَا تُغَاءٌ، عَلَى رَقَبَتِهِ فَرَسٌ لَهُ حَمْحَمَةٌ، يَقُولُ: يَا رَسُولَ اللَّهِ أَعْنِي، فَأَقُولُ: لَا أَمْلِكُ لَكَ شَيْئًا، قَدْ أَبْلَعْتُكَ، وَعَلَى

² Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim*, al-Maktabah al-Shāmilah, Bāb Taḥrīm Hadāyā al-‘Amāl, j. 3, No. Hadis 30, (t.tp.: Dār Ṭūq al-Najāh, 1422 H), 1465.

³ Aḥmad, *Musnad Imām Aḥmad*, al-Maktabah al-Shāmila, Bāb Ḥadīth Abī Ḥumayd al-Sā’idī, j. 39, No. Hadis 23601, (t.tp.: Mu’assasah al-Risālah, 2001), 14.

رَقَبَتِهِ بَعِيرٌ لَهُ رُغَاءٌ، يَقُولُ: يَا رَسُولَ اللَّهِ أَغْنِنِي، فَأَقُولُ: لَا أَمْلِكُ لَكَ شَيْئًا قَدْ
 أَبْلَعْتُكَ، وَعَلَى رَقَبَتِهِ صَامِتٌ، فَيَقُولُ: يَا رَسُولَ اللَّهِ أَغْنِنِي، فَأَقُولُ لَا أَمْلِكُ
 لَكَ شَيْئًا قَدْ أَبْلَعْتُكَ، أَوْ عَلَى رَقَبَتِهِ رِقَاعٌ تَخْفِقُ، فَيَقُولُ: يَا رَسُولَ اللَّهِ أَغْنِنِي،
 فَأَقُولُ: لَا أَمْلِكُ لَكَ شَيْئًا، قَدْ أَبْلَعْتُكَ.⁴

Terjemahan: Nabi SAW berdiri bersama kami, lalu beliau menerangkan berkaitan dengan *al-ghulūl* (gratifikasi). Beliau berkata masalah itu besar dan amat besar. Beliau bersabda, saya nanti menjumpai salah seorang di antara kamu di hari kiamat, di atas bahunya ada kambing yang sedang mengembek, kuda yang meringkik. Orang itu berkata, ya Rasulullah tolonglah saya !. Saya menjawab, saya tidak dapat menolong kamu sedikitpun. Sesungguhnya saya pernah menyampaikan kepadamu. Dan di atas bahunya ada unta yang sedang melenguh, orang itu berkata, ya Rasulullah tolonglah saya!. Saya menjawab, saya tidak dapat menolong kamu sedikitpun. Sesungguhnya saya pernah menyampaikan kepadamu. Dan di atas bahunya ada emas dan perak, orang itu berkata, ya Rasulullah tolonglah saya!. Saya menjawab, saya tidak dapat menolong kamu sedikitpun. Sesungguhnya saya pernah menyampaikan kepadamu. Dan di atas bahunya ada sehelai kain yang sedang berkibar, orang itu berkata, ya Rasulullah tolonglah saya!. Saya menjawab, saya tidak dapat menolong kamu sedikitpun. Sesungguhnya saya pernah menyampaikan kepadamu.⁵

9) Hadis riwayat Abū Dāwud dari ‘Umar bin Khaṭṭab.

عَنْ عُمَرَ بْنِ الْخَطَّابِ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: إِذَا وَجَدْتُمُ الرَّجُلَ
 قَدْ غَلَّ فَأَحْرِقُوا مَتَاعَهُ وَاضْرِبُوهُ قَالَ: فَوَجَدْنَا فِي مَتَاعِهِ مُصْحَفًا، فَسَأَلَ سَالِمًا
 عَنْهُ فَقَالَ: بَعُهُ وَتَصَدَّقْ بِتَمَنِيهِ.⁶

Terjemahan: “Dari ‘Umar bin Khaṭṭab bahwa Nabi SAW bersabda, Jika kamu menemui orang yang melakukan *ghulūl* (gratifikasi), maka bakarlah kekayaannya dan pukullah ia. Berkata ‘Umar, maka ketika dalam kekayaannya adalah *maṣḥaf*, maka bertanyalah Sāliman kepada Rasul, kemudian Rasulullah menjawab, jual dan sedekahkan harganya.”

⁴ Al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Bāb al-Ghulūl, j. 4, No. Hadis 3073.

⁵ Sebahagian ulama memahami makna hadis ini sebagai suatu perumpamaan. Maksudnya, pegawai negara yang menerima hadiah keadaannya di hari kiamat nanti diumpamakan dengan keadaan seseorang yang memikul apa sahaja yang diterimanya. Ia merasa kesulitan akibat beban dosa-dosanya, tidak ada seorang pun yang mahu membantunya, dan ia merasa terhina tak ada seorang pun yang mahu mengambil berat kepadanya.

⁶ Abū Dāwud, *Musnad Abī Dāwud*, al-Maktabah al-Shāmilah, Bab fī ‘Uqūbah al-Ghāl, j. 3, No. Hadis 2713, (Mesir: Dār Hijr, 1999), 69.

10) Hadis riwayat al-Bukhārī dari Abī Ḥamīd al-Sā'idī.

عن أبي حميد الساعدي أنه أخبره أن رسول الله صلى الله عليه وسلم استعمل عاملا فجاءه العامل حين فرغ من عمله فقال يا رسول الله هذا لكم وهذا أهدي لي فقال له أفلا قعدت في بيت أبيك وأمك فنظرت أيهدى لك أم لا.⁷

Terjemahan: “Dari Abī Ḥumayd al-Sā'idī bahwa Rasulullah SAW menugaskan seseorang untuk memungut sedekah, maka ketika pekerjaannya siap, ia mendatangi Rasulullah dan berkata ini untukmu dan ini dihadiahkan kepadaku, lalu Rasulullah bersabda: mengapa kamu tidak duduk saja di rumah ayah dan ibumu, lalu kamu menunggu apakah ada orang yang memberi hadiah kepadamu atau tidak?”

11) Hadis riwayat al-Tirmizī dari Abū Hurayrah.

لَعَنَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الرَّاشِيَّ وَالْمُرْتَشِيَّ فِي الْحُكْمِ.⁸

Terjemahan: “Rasulullah SAW melaknat pemberi dan penerima *rishwah* (gratifikasi) dalam masalah hukum.”

12) Hadis riwayat al-Tirmizī dari ‘Abdullah bin ‘Amar.

عن عبد الله بن عمرو قال لعن رسول الله صلى الله عليه وسلم الراشي والمرتشي.⁹

Terjemahan: “Dari ‘Abdillah bin ‘Amar, ia berkata bahwa Rasulullah SAW melaknat orang yang memberi *rishwah* (gratifikasi) dan penerimanya.”

13) Hadis riwayat Ibn Mājah dari ‘Abd Allāh Ibn ‘Umar.

لَعْنَةُ اللَّهِ عَلَى الرَّاشِيِّ وَالْمُرْتَشِيِّ.¹⁰

Terjemahan: Laknat Allah terhadap pemberi *rishwah* (gratifikasi) dan penerima *rishwah* (gartifikasi).

Berdasarkan dalil-dalil yang ada, maka nampak jelas baik secara zahir mahupun kontekstual ayat dan hadis tersebut melarang yang namanya pemberian kepada kaki tangan kerajaan. Amalan gartifikasi yang terkandung dalam *naṣ* tersebut adalah bentuk

⁷ Al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Bab Ṣadaqah, j. 2, No. Hadis 1410, 1396.

⁸ Al-Tirmizī, *Sunan al-Tirmizī*, al-Maktabah al-Shāmilah, Bāb Mā Jāa’ fī al-Rashi wa al-Murtashi fī al-Ḥukm, j. 4, No. Hadis 1336, (Mesir: Syirkah Maktabah wa Maṭba’ah Muṣṭafā al-Bābi al-Ḥalabī, 1975), 614.

⁹ *Ibid*, 66.

¹⁰ Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, al-Maktabah al-Shāmilah, Bāb al-Ta’līz fī al-Ḥayf wa al-Rishwah, j. 2, No. Hadis 2313, (t.tp.: Dār ‘Ihyā’ al-Kitāb al-‘Arabiyah, t.t.), 775.

khiyānah, *al-ghashi*, *al-ghaṣab*, dan *al-rishwah*. Perlu penyelidikan tambahan, setiap amalan gratifikasi yang berlaku di Aceh dalam bentuk *rishwah* maka lazim dalamnya mengandung unsur *khiyānah*, *al-ghashi*, dan *al-ghaṣab*. Tetapi tidak lazim ketika masyarakat melakukan amalan gratifikasi *khiyānah*, *al-ghashi*, atau *al-ghaṣab* akan wujud yang namanya *rishwah*. Maknanya, amalan gratifikasi yang berlaku di Aceh bukanlah semuanya dilandasi oleh keinginan untuk menyogok atau mempengaruhi kaki tangan kerajaan. Untuk itu, amalan gratifikasi yang bukan bertujuan mempengaruhi bukanlah *rishwah*. Akan tetapi amalan tersebut boleh masuk ke dalam salah satu amalan gratifikasi yang lain, sama ada *khiyānah*, *al-ghashi*, mahupun *al-ghaṣab*. Tapi yang sudah pasti, apapun amalan gratifikasi yang dilakukan termasuk ke dalam jenayah, sekalipun bukan maksud *rishwah*. Hal ini disebabkan kerana ada larangan dalam *naṣ* kaki tangan kerajaan tidak boleh menerima pemberian sekalipun itu hadiah.

5.3 Undang-undang Gratifikasi di Aceh dari Tinjauan Hukum Islam

Gratifikasi tidak mempunyai peraturan tersendiri dalam sebuah undang-undang di Aceh, namun ia diatur bersama jenayah korupsi lain dalam Fasal 12 B Undang-undang Nombor 20 Tahun 2001. Dalam undang-undang tersebut tidak dinyatakan secara jelas dan tegas perbezaan gratifikasi dan rasuah. Gratifikasi hanya akan mempunyai makna negatif apabila pemberian gratifikasi tersebut berhubungan dengan jabatan dan berlawanan dengan kewajipan atau tugasnya.

Dari sudut pandang teori maslahat, peraturan dalam Fasal 12 B Undang-undang Tahun 2001 mewakili maslahat umum, berupa penyerapan beberapa kaedah hukum Islam. Hal ini mempunyai peranan penting terhadap peningkatan dan perlindungan terhadap kekosongan hukum yang menjadi celah kelemahan untuk disalahgunakan oleh orang yang bijak dalam melakukan jenayah. Letak aplikasi maslahat hadir dalam bentuk rasionalitasnya, iaitu larangan gratifikasi dalam undang-undang boleh menutup peluang berlakunya jenayah gratifikasi yang lebih besar, gratifikasi seringkali disalahgunakan

untuk tujuan penyimpangan dari undang-undang, dan gratifikasi boleh memberikan kesan timbulnya berbagai macam fenomena negatif dalam kehidupan bermasyarakat sekarang ini. Dengan demikian, kewujudan Fasal 12 B Undang-undang Nombor 20 Tahun 2001 dari pandangan hukum Islam merupakan bentuk perwujudan nilai kemaslahatan umum, sebagaimana munculnya undang-undang tersebut baik pindaan mahupun penubuhan merupakan ruh dari nilai keadilan yang dijunjung oleh hukum Islam. Adanya undang-undang yang mengatur berkaitan masalah gratifikasi menjadi jawapan daripada negara terhadap dinamika perubahan tingkah-laku dan keberkesanan hukum.

Dari kajian terhadap kewujudan Fasal 12 B yang mengatur tentang gratifikasi merupakan eksplorasi terhadap penemuan korelasi antara undang-undang positif dengan hukum Islam. Namun secara implisit ketika dilakukan kajian mengenai kewujudan Fasal 12 B muncul kekurangan dalam pelaksanaannya seperti batasan nilai gratifikasi yang masih dianggap tidak tegas dan daya jangkau hukuman yang masih kurang.

Ada tiga sisi yang menjadi kekurangan dari Fasal 12 B Undang-undang Nombor 20 Tahun 2001 daripada tinjauan hukum Islam. Pertama, dari sisi batasan nilai gratifikasi masih belum selari dengan teori hukum Islam yang meletakkan kajian maslahat umum di atas maslahat personal. Islam secara tegas menetapkan bahawa tanpa mengira muka dan tingkatan nilai gratifikasi, Rasulullah SAW telah memberikan larangan menerima gratifikasi, kerana indikasi tujuan pemberian gratifikasi tersebut menyalahi peraturan undang-undang dan kod etika sebagai kaki tangan kerajaan. Kedua, dari sisi kuasa jangkau hukuman yang kurang memberikan nilai rasa keadilan. Berdasarkan hadis Nabi Muḥammad SAW yang menceritakan perihal sahabat menerima hadiah sebagai pemungut cukai dan zakat, terdapat penjelasan secara tersirat bahawa yang menjadi objek hukuman tidak hanya berorientasikan kepada kaki tangan kerajaan sahaja. Dalam ayat hadis tersebut secara zahir menyatakan, sahabat nabi yang bernama Ibn al-Utabiyyah mempunyai tanggungjawab dan kuasa sebagai pemungut cukai dan zakat kepada

masyarakat. Tapi, yang dikehendaki dalam kajian ini bukan hanya dari sisi zahirnya, melainkan dapat digali melalui sisi makna yang tersembunyi, iaitu tanggungjawab dan kuasa. Kerananya, tidak tepat jika objek pelanggaran undang-undang gratifikasi tersebut hanya dititikberatkan kepada kaki tangan kerajaan. Walau bagaimanapun, objek tersebut tidak hanya berhenti kepada jawatan negara sahaja. Pihak swasta yang tidak mempunyai jawatan, namun disertai wewenang melakukan tugas tertentu seharusnya dimasukkan ke dalam unsur jenayah gratifikasi. Sehingga yang menjadi fokus utama dalam membuat undang-undang gratifikasi bukan kepada sisi kerugian negara sahaja, tetapi yang lebih diperhatikan adalah dengan adanya amalan gratifikasi baik yang melibatkan kaki tangan kerajaan, pihak swasta mahupun orang yang terlibat kepentingan lain adalah mencegah kerosakan sistem rantai pelayanan kemasyarakatan yang kesannya tidak sebatas kerugian negara, tetapi lebih kepada kerosakan moral budaya masyarakat dan kualiti perkhidmatan kepada masyarakat. Tentunya konsep seperti ini melanggar nilai maslahat dan tujuan syari'at diantaranya menjaga agama, jiwa, harta, akal, keturunan dan kehormatan.

Disamping persamaan dan kekurangan dari undang-undang yang telah didedahkan di atas, hukum Islam dan undang-undang yang mengatur tentang gratifikasi di Aceh juga mempunyai persamaan dan perbezaan lain. Persamaan pertama terletak pada asas perundangan. Dalam undang-undang, baik Undang-undang Nombor 20 Tahun 2001 mahupun hukum Islam sama-sama melaksanakan unsur legal, iaitu asas yang menyatakan bahawa tidak ada pelanggaran dan tidak ada hukuman sebelum ada undang-undang yang mengaturnya. Dalam Undang-undang Nombor 20 Tahun 2001 asas legal ini terdapat pada Fasal 1 KUHP, “tidak suatu perbuatan boleh dihukum, melainkan atas ketentuan pidana dalam undang-undang yang ada terdahulu dari pada perbuatan itu.”¹¹ Fasal ini menjelaskan bahawa undang-undang jenayah harus ditetapkan dalam undang-undang yang sah, yang bererti bahawa larangan-larangan menurut adat tidak berlaku untuk

¹¹ Fasal 1 Kitab Undang-undang Hukum Pidana.

menghukum orang, dan ketentuan jenayah dalam undang-undang tersebut tidak boleh dibebankan kepada amalan yang telah dikerjakan sebelum peraturan jenayah dalam undang-undang itu wujud, yang bererti undang-undang tidak berlaku surut (mundur). Sedangkan menurut hukum Islam asas legal disenaraikan dalam QS. al-Isrā' 17: 15. Dari penjelasan *al-Qur'ān al-Karīm* ini, Allah tidak akan mengazab sebelum mengutus seorang rasul terlebih dahulu.

Persamaan kedua terletak pada objek jenayah. Dalam Undang-undang Nombor 20 Tahun 2001 yang mengatur tentang gratifikasi mahupun hukum Islam mempunyai persamaan dari segi objek amalan gratifikasi, iaitu kaki tangan kerajaan yang menerima pemberian berupa apapun dari seseorang yang berhubungan dengan jawatannya. Dalam Fasal 12 B Undang-undang Nombor 20 Tahun 2001 dijelaskan, “setiap gratifikasi kepada pegawai negeri dan penyelenggara negara dianggap korupsi, apabila berhubungan dengan jabatan dan bertentangan dengan kewajiban dan tugasnya.”¹² Dalam hukum Islam juga menjadikan kaki tangan kerajaan sebagai objek penerima gratifikasi.

Persamaan ketiga terletak pada peruntukan hukum (*taklif*). Berkaitan peruntukan hukum, undang-undang tentang gratifikasi dan hukum Islam sama-sama menganggap amalan gratifikasi itu dilarang (haram). Dalam Fasal 2 ayat 1 Undang-undang Nombor 20 Tahun 2001 disebutkan, “setiap orang yang secara melawan hukum melakukan perbuatan memperkaya diri sendiri atau orang lain atau korporat yang dapat merugikan keuangan negara akan dipenjara.”¹³ Sedangkan dalam hukum Islam banyak sekali dalil yang menerangkan tentang keharaman amalan gratifikasi yang mana dalil-dalilnya sudah penyelidik sebutkan dalam perbahasan sebelumnya.

Adapun perbezaan di antara undang-undang yang mengatur tentang gratifikasi dengan gratifikasi dalam hukum Islam ialah dari segi pelaporan penerimaan gratifikasi dan hukuman. Dalam hukum Islam jika kaki tangan kerajaan terlibat dalam gratifikasi,

¹² Fasal 12 B Undang-undang Nombor 20 Tahun 2001 tentang Pemberantasan Tindak Pidana Korupsi.

¹³ Fasal 2 Undang-undang Nombor 20 Tahun 2001 tentang Pemberantasan Tindak Pidana Korupsi.

dilaporkan atau tidak maka akan dianggap sebagai pelaku jenayah. Sedangkan dalam undang-undang, jika penerima gratifikasi melaporkan kepada pihak berkuasa mengenai kejadian itu sebelum sampai 30 hari bermula dari masa penerimaan gratifikasi maka ada kemungkinan gratifikasi itu sebagai gratifikasi yang dilarang atau sebagai gratifikasi yang dibenarkan. Syarat ini ada pada Fasal 12 C iaitu, gratifikasi tidak akan dianggap sebagai rasuah apabila penerima gratifikasi melaporkan kepada KPK (Komisi Pemberantasan Korupsi). Laporan tersebut paling lambat 30 (tiga puluh) hari sejak tarikh diterimanya gratifikasi.¹⁴ Jadi dapat diambil kesimpulan, dalam hal ini adanya perbezaan antara hukum Islam dengan undang-undang dalam masalah kes gratifikasi. Dalam hukum Islam penerima atau pemberi gratifikasi tetap akan menjadi terdakwa meskipun adanya pelaporan. Tetapi dalam undang-undang, jika gratifikasi dilaporkan kepada pihak berkuasa boleh menghilangkan dakwaan baginya.

Dari segi hukuman, mengenai hukuman bagi pelaku gratifikasi dalam undang-undang terdapat dalam Fasal 12 B ayat 2 Undang-undang Nombor 20 Tahun 2001. Dalam fasal tersebut disebutkan, “pidana bagi pegawai negeri atau penyelenggara negara sebagaimana dimaksud dalam ayat (1) adalah pidana penjara seumur hidup atau pidana penjara paling singkat 4 (empat) tahun dan paling lama 20 (dua puluh) tahun, dan pidana denda paling sedikit Rp 200,000,000,00 (dua ratus juta rupiah) dan paling banyak Rp 1,000,000,000,00 (satu miliar rupiah).”¹⁵ Sedangkan dalam hukum Islam hukuman bagi amalan gratifikasi diserahkan kepada hakim untuk memilih berbagai macam alternatif hukuman. Jenis hukuman semacam ini di dalam hukum Islam disebut *ta'zīr*. Disamping hukuman *ta'zīr*, dalam hukum Islam ada juga ancaman hukuman di akhirat. Hukuman jenis ini tidak dijumpai dalam undang-undang tentang gratifikasi.

Berkaitan dengan hukuman mati bagi pelaku gratifikasi, dalam Undang-undang Nombor 20 Tahun 2001 juga terdapat hukuman tersebut. Namun dalam praktiknya,

¹⁴ Fasal 12 C Undang-undang Nombor 20 Tahun 2001 tentang Pemberantasan Tindak Pidana Korupsi.

¹⁵ Fasal 12 B Undang-undang Nombor 20 Tahun 2001 tentang Pemberantasan Tindak Pidana Korupsi.

sampai hari ini belum satupun pelaku jenayah gratifikasi yang dijatuhi hukuman mati di Indonesia. Hukuman yang sering dijatuhkan oleh hakim ialah hukuman penjara dan ganti rugi (denda). Jika dibandingkan dengan undang-undang di Aceh dengan hukum Islam, maka logik hukum yang ada dalam QS. al-Mā'idah 5: 33 berbanding terbalik dengan logik hukum positif yang berlaku di Aceh tentang gratifikasi. Dalam undang-undang disebutkan bahawa pelaku jenayah boleh dijatuhi hukuman penjara, hukuman ganti rugi/denda dan hukuman mati. Dalam undang undang ini, opsyen hukuman disusun dari yang teringan hingga yang terberat (hukuman mati). Malah, menurut fasal 2 ayat 1 dan 2, hukuman mati baru boleh dijatuhkan jika amalan gratifikasi dilakukan dengan jumlah besar dan negara sedang dalam keadaan krisis atau tertimpa bencana besar, sehingga amalan gratifikasi tersebut menimbulkan kemudaratan yang lebih besar. Dengan demikian, hukum Islam meletakkan hukuman mati pada deretan pertama, sementara undang-undang meletakkannya dalam senarai yang terakhir. Walaupun demikian, sama ada hukum Islam mahupun undang-undang menjadikan hukuman mati sebagai alternatif hukuman bagi pelaku jenayah gratifikasi.

Apabila diperhatikan huraian yang telah penyelidik dedahkan di atas dapat diambil kesimpulan, bahawa undang-undang tentang gratifikasi iaitu Undang-undang Nombor 20 Tahun 2001 dalam beberapa sisi ada kesesuaiannya dengan hukum Islam yang berlandaskan *al-Qur'ān* dan hadis. Kemudian juga ada beberapa sisi yang tidak bersesuaian dengan hukum Islam dan terdapat kekurangan-kekurangannya. Oleh sebab itu, kiranya tidak begitu tepat undang-undang tersebut terus diterima atau dianggap sebagai qanun *ta'zīr* untuk gratifikasi. Jika pun tetap ingin diguna pakai, tentunya harus terlebih dahulu dipinda. Supaya boleh diperbaiki kekurangannya sehingga boleh sepenuhnya bersesuaian dengan hukum Islam.

5.4 Analisis Amalan Gratifikasi di Aceh Mengikut Hukum Islam

Dalam sub bab ini penyelidik buat penilaian terhadap pelbagai amalan gratifikasi yang berlaku di Aceh, serta hal-hal yang berkaitan dengannya yang sudah penyelidik huraikan dalam sub bab sebelumnya. Penilaian yang penyelidik lakukan adalah dari perspektif hukum Islam, bukan dari perspektif undang-undang Indonesia. Ini kerana apa yang berlaku di Aceh sekarang, undang-undang Indonesia yang telah dikuatkuasakan belum boleh menyelesaikan persoalan dan cabaran dalam masalah gratifikasi. Untuk itu, perlu mencari perspektif lain untuk menghadapi cabaran tersebut iaitu dari perspektif Hukum Islam. Perspektif hukum Islam menjadi pilihan, kerana Islam merupakan agama yang menyeluruh yang dijamin oleh Allah dapat menyelesaikan segala persoalan yang ada di dunia tanpa menimbulkan masalah baru. Memandangkan majoriti masyarakat Aceh ialah Muslim, dengan adanya penjelasan yang konkrit melalui pendekatan kepercayaan yang dianuti majoriti masyarakat Aceh ini akan lebih besar harapannya bahawa hukum yang dihasilkan untuk ditaati dan dapat memberikan penyelesaian.

5.4.1 Unsur-unsur Jenayah Islam Pada Amalan Gratifikasi di Aceh

Apabila diperhatikan amalan gratifikasi yang berlaku di Aceh beserta unsur-unsur yang ada padanya, maka amalan gratifikasi tersebut sudah memenuhi unsur-unsur sebuah amalan yang dikategorikan sebagai sebuah jenayah dalam Islam sebagaimana yang telah dijelaskan dalam pelbagai karya. Unsur-unsur pokok dari suatu jenayah yang ada pada amalan gratifikasi tersebut iaitu adanya *naş* yang melarang melakukan atau meninggalkan amalan gratifikasi serta menyatakan adanya ancaman hukuman untuk amalan tersebut (*al-rukṅ al-shar'ī*), adanya amalan yang dinyatakan sebagai *jarīmah*, sama ada dalam bentuk melakukan sesuatu yang dilarang dan sebaliknya, iaitu meninggalkan sesuatu yang diperintahkan (*al-rukṅ al-māddi*), dan adanya pelaku *jarīmah*, iaitu seorang yang sudah *mukallaf* (sampai umur sehingga dibebankan hukum baginya dan berakal) dan telah boleh diminta dipertanggungjawabkan (*al-rukṅ al-'adabī*).

Penjelasan lebih jelas tentang rukun-rukun jenayah tersebut dalam amalan gratifikasi di Aceh sebagai berikut. *Al-rukn al-shar'ī*, apabila dilihat secara mendalam amalan-amalan gratifikasi yang berlaku dalam kalangan masyarakat Islam di Aceh dalam bentuk pengurangan cukai, menjadi Pegawai Negeri Sivil, menjadi anggota TNI/Polri, memudahkan urusan, dan mengelakkan dari tilang, dan pemberian untuk diizinkan keluar penjara, maka jelas amalan tersebut dilarang dalam *naṣ* dan amalan tersebut diancam oleh Allah dan RasulNya. Amalan-amalan tersebut termasuk ke dalam *jarīmah* yang dilarang mengerjakannya oleh Allah dan Rasul melalui firman dan sabdanya. Ini merupakan bentuk wujudnya *al-rukn al-māddī* dalam amalan gratifikasi di Aceh. Berdasarkan penyelidikan, informan yang ditemubual oleh penyelidik atau dalam kata lain individu yang memberikan gratifikasi adalah masyarakat Aceh yang sudah dewasa, sudah adanya bebanan hukum syari'at ke atasnya, dan juga mereka adalah masyarakat yang sihat akalunya. Dengan itu, bererti dalam kriteria terakhir ini, telah wujud apa yang disebut *al-rukn al-'adabī* pada amalan gratifikasi di Aceh kerana pelakunya sudah boleh diminta dipertanggungjawabkan secara *shar'ī*.

5.4.2 Klasifikasi Subtansi Amalan Gratifikasi di Aceh

Berdasarkan apa yang penyelidik dedahkan sebelumnya, amalan gratifikasi yang berlaku dalam kalangan masyarakat Islam di Aceh jelas termasuk ke dalam kategori jenayah apabila dianalisis dari perspektif hukum Islam. Dari bentuk-bentuk amalan gratifikasi yang berlaku dalam kalangan masyarakat Islam di Aceh serta alasan memberikannya oleh masyarakat, maka amalan-amalan tersebut ketika diklasifikasikan secara subtansi boleh membawa kepada *khiyānah* (pengkhianatan), *al-ghashi* (penipuan), *al-ghasab* (pengambilan hak oran lain tanpa izin), dan *rishwah* (sogokan). Untuk lebih jelasnya mengenai keterkaitan amalan gratifikasi di Aceh dengan amalan jenayah dalam hukum Islam yang baru sahaja penyelidik sebutkan, penyelidik huraikan sebagai berikut.

1) *Khiyānah* (pengkhianatan).

Suatu pemberian oleh masyarakat Aceh dan penerimaan pemberian tersebut oleh kaki tangan kerajaan yang berlaku di Aceh, dalam usaha untuk mengurangkan cukai, untuk menjadi Pegawai Negeri Sivil, untuk menjadi anggota TNI/Polri, untuk memudahkan pengurusan, untuk mengelakkan tilang kenderaan, dan untuk bebas keluar dari penjara merupakan bentuk pengkhianatan terhadap jawatan dan tugas negara yang dipikul oleh seorang kaki tangan kerajaan. Kaki tangan kerajaan adalah seorang yang telah diberikan kepercayaan kepadanya untuk melaksanakan tugas negara tanpa wujudnya penyelewengan. Ketika kaki tangan kerajaan menerima gratifikasi dan melaksanakan sesuatu yang tidak mengikut peraturan yang seharusnya, dia telah mengikuti kemahuan pemberi gratifikasi. Maka dia telah melakukan khianat terhadap tugas yang telah diamanahkan kepadanya. Pemberi gratifikasi juga ikut terlibat dalam hal ini bahkan memaksa seseorang mengabaikan amanahnya.

Berkaitan dengan gratifikasi *khiyānah*, Islam menerangkan dengan jelas bagaimana maksud *khiyānah*. *Khiyānah* bermakna perubahan hal seseorang menjadi jahat (*syarn*). Al-Rāghib al-Isfahānī berkata, *khiyānah* adalah sikap tidak memenuhi suatu janji atau suatu amanah yang diamanahkan kepadanya. Ungkapan *khiyānah* juga digunakan bagi seseorang yang melanggar atau mengambil hak-hak orang lain, dalam bentuk pembatalan satu pihak ke atas perjanjian yang dibuatnya, khususnya dalam masalah mu'amalah.¹⁶ *Jarīmah khiyānah* terhadap amanah berlaku untuk setiap harta alih jenis atau harganya, sedikit ataupun banyak. Orang-orang yang beriman sepatutnya menjauhi sifat tercela ini, sekalipun mereka dikhianati. Rasulullah melarang untuk membalasnya dengan pengkhianatan pula. Sebagaimana sabda Rasulullah SAW, “Sampaikan amanat

¹⁶ Abdul Aziz Dahlan, ed., *Ensiklopedi Hukum Islam* (Jakarta: Ichtiar Baru van Hoeve, 2003), 913.

kepada orang yang mempercayaimu dan jangan khianat kepada orang yang mengkhianatimu.”¹⁷

Dalam sebuah hadis lain, Rasulullah menyampaikan, “Kesaksian si *khā'in* dan *khā'inah* (lelaki dan perempuan yang berbuat khianat) ditolak.”¹⁸ Seseorang yang diamanahkan sesuatu kepadanya disebabkan dia seorang yang dipercayai. Jika dia mengkhianati kepercayaan itu, bermakna dia berubah menjadi jahat. Perbuatan mengambil sesuatu yang diamanahkan (dititipkan) padanya, termasuk di dalamnya pengkhianatan seseorang terhadap negara atau bahan tertentu yang diamanahkan padanya. Jadi gratifikasi di Aceh dalam bentuk *khiyānah* mengikut hukum Islam boleh dibahagikan dalam beberapa macam, iaitu:

- a. Pengkhianatan terhadap negara. Berkaitan dengan pengkhianatan terhadap negara, Imām al-Shāfi‘ī pernah ditanya tentang seorang muslim yang mendedahkan rahsia kaum muslimin kepada kaum musyrikin melalui sepucuk surat. Al-Syāfi‘ī menjawab, “Tidak halal darah seorang muslim yang telah diharamkan darahnya dengan keislaman, kecuali jika ia membunuh atau berzina selepas berkahwin. Atau dia jelas menjadi kufur selepas beriman, lalu tetap dalam kekufuran.”¹⁹

Al-Syāfi‘ī mendasarkan pendapatnya pada hadis yang diriwayatkan oleh Sufyān Ibn ‘Uyaynah dari ‘Amr Ibn Dinār, dari al-Ḥasan Ibn Muḥammad, dari ‘Ubaydullāh Ibn Abī Rāfi‘. Dia mengatakan bahawa dia mendengar ‘Ali berkata: “Rasulullah SAW mengutus saya, Miqdad, dan al-Zubayr, beliau bersabda: ‘Pergilah ke kebun Khakh, di sana ada seorang wanita dan bersamanya ada selembar surat’. Maka kami pergi dengan kuda kami mencari wanita itu. Kami meminta dia menyerahkan surat itu, tapi dia menjawab: ‘Tidak ada surat bersamaku’. Maka kami berkata: ‘Engkau keluarkan surat itu, atau kami akan menanggalkan pakaianmu!’, Maka dia mengeluarkan surat

¹⁷ Al-Turmidhī, *Sunan al-Turmidhī*, al-Maktabah al-Shāmilah, Bāb, j. 3, No. Hadis 1264, (Kaherah: Shirkah Maktabah wa Maṭba‘ah Muṣṭafa al-Bābī al-Halabī, 1975 H/1395 M), 556. Lihat juga, CD-ROM *Mawsu‘ah al-Ḥadīth al-Sharīf*, Edisi 1 dan 2, Syarikah Shakhri Libarmij al-Ḥasib, 1991.

¹⁸ Ibn Manzūr, *Lisān al-‘Arab*, j. 13, (Beirut Dār al-Fikr, 1999), 356.

¹⁹ Al-Syāfi‘ī, *al-Umm*, j. 4, (Dār al-Kutub al-‘Ilmiyah, t. th.), 356.

dari celah sanggul rambutnya. Kami membawa surat itu kepada Rasulullah, ketika surat itu dibuka tertulis di dalamnya, ‘Dari Hātib Ibn Abī Balta‘ah kepada orang-orang dari musyrikin di Makkah, surat itu memberitakan beberapa perintah Rasulullah SAW. Rasulullah berkata: ‘Apakah ini wahai Hātib?’, Hātib menjawab: ‘Jangan terburu-buru menuduh saya wahai Rasulullah, sesungguhnya aku adalah orang yang rapat dengan Quraisy, tetapi aku bukanlah sebahagian dari jiwa mereka. Dan orang-orang yang bersamamu dari golongan Muhajirin mempunyai saudara-mara, yang melindungi kerabat mereka yang lain, sedangkan saya tidak mempunyai saudara-mara di Makkah. Maka aku ingin kaum Quraisy menjaga keluargaku di Makkah. Dan sungguh, itu aku lakukan bukan kerana aku telah murtad dari Islam, dan bukan pula aku rela kepada kekufuran sesudah keimanan.’’ Selepas mendengar pembelaan Hātib, Rasulullah SAW berkata: ‘Sungguh dia benar’, lalu ‘Umar berkata: ‘Wahai Rasulullah, perintahkan saya untuk memenggal leher si munafik ini!’’, Rasul menjawab: ‘Sesungguhnya dia ikut dalam perang Badr, tidakkah engkau diberitahu, mudah-mudahan Allah memberi perhatian kepada Ahl Badr sehingga Allah berfirman: ‘Kerjakanlah apa yang kamu suka, sungguh sudah Aku ampunkan untukmu’. Kemudian turunlah QS. al-Mumtahanah 60: 1 yang bermaksud “Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu mengambil musuh-musuh-Ku dan musuh kamu menjadi teman setia.”

Menurut Ibn Kathīr, ayat ini sesuai dengan QS. Ali ‘Imran 3: 28, yang bermaksud “Janganlah orang-orang mukmin mengambil orang-orang kafir menjadi wali dengan meninggalkan orang-orang mukmin. Barangsiapa berbuat demikian, nescaya lepaslah dia dari pertolongan Allah, kecuali kerana memelihara diri dari sesuatu yang ditakuti dari mereka. Dan Allah memperingatkan kamu terhadap diriNya.” Dengan adanya pengecualian dalam ayat ini, maka Rasulullah menerima alasan pembelaan

diri Hātib, sebab dia mempunyai harta dan anak-anak di Makkah, sedangkan dia tidak mempunyai saudara-mara lain yang akan melindunginya.²⁰

Imām al-Shāfi‘ī menyimpulkan, bahawa Rasulullah dalam kes ini menghukum dengan *ẓahiriyyah*. Al-Shāfi‘ī membandingkan kes ini dengan kes munafik. Pada dasarnya Nabi mengetahui pembohongan munafik, tapi sebenarnya beliau menetapkan hukum dengan fakta lahiriyah. Seandainya pada kes Hātib beliau tetapkan hukuman atas dasar pengetahuan beliau akan kebenaran Hātib, tentu beliau akan menetapkan hukuman mati terhadap seorang munafik kerana beliau sangat tahu tentang pendustaan seorang munafik. Tetapi Rasulullah menghukum semua kes dengan fakta lahiriyah.²¹

Perbahasan di atas menerangkan bagaimana pengkhianatan sangat dibenci oleh Rasulullah. Adapun pengkhianat dalam peristiwa di atas tidak dibebankan hukum *ḥad*, kecuali jika nyata bahawa dia telah menjadi kufur. Dalam gratifikasi yang berlaku di Aceh, jelas bagaimana pengkhianatan yang dilakukan oleh kaki tangan kerajaan terhadap negara yang sebenarnya dia dilantik oleh negara untuk menjalankan peraturan tapi dia mengkhianati kepercayaan negara kepadanya dengan melakukan tindakan gratifikasi yang jelas dilarang oleh negara berdasarkan undang-undang yang sedia ada. Perbuatan dengan sengaja menyalahi undang-undang yang dilakukan oleh kaki tangan kerajaan merupakan satu bentuk pengkhianatan terhadap negara.

- b. Pengkhianatan terhadap jawatan (*ghulūl*). *Ghulūl* adalah penyalahgunaan kedudukan atau kuasa. Kedudukan adalah amanah. Oleh sebab itu, penyalahgunaan terhadap amanah yang dilakukan oleh kaki tangan kerajaan hukumnya haram dan termasuk perbuatan tercela. Perbuatan *ghulūl* misalnya menerima hadiah, atau apa sahaja yang tidak halal dan tidak semestinya dia terima. Pada mulanya, *ghulūl* merupakan istilah

²⁰ Ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Aẓm*, j. 8, (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyah, 2004), 68.

²¹ Al-Shāfi‘ī, *al-Umm*, j. 4, 357.

yang digunakan bagi penyelewengan harta rampasan perang, namun kemudian Rasulullah dalam hadisnya memperjelas makna *ghulūl* kepada beberapa bentuk.

Bentuk pertama ialah tindakan seseorang (kaki tangan kerajaan) yang mengambil sesuatu/pendapatan selain gajinya yang telah ditetapkan atau istilah lain komisen. Bentuk kedua ialah individu (kaki tangan kerajaan) yang mendapat hadiah kerana kedudukan yang ada pada dirinya. Hal demikian sebagaimana yang dijelaskan di dalam hadis yang diriwayatkan oleh Abū Dāwūd, Rasulullah SAW bersabda, “Sesiapa yang kami angkat menjadi pekerja untuk mengerjakan sesuatu, dan kami beri upah menurut yang sepatutnya, maka apa yang dia ambil lebih dari upah yang sepatutnya, maka itu namanya gratifikasi.”²² Jadi semua pemberian atau hadiah yang diterima seorang kaki tangan kerajaan dari masyarakat di Aceh dalam rangka menjalankan tugasnya bukanlah menjadi haknya. Itu merupakan bentuk pengkhianatan terhadap kedudukan yang ada padanya sebagai seorang kaki tangan kerajaan.

Dalam pada itu, merujuk pada unsur-unsur amalan gratifikasi yang berlaku di Aceh maka *ghulūl* memenuhi semua unsur gratifikasi tersebut. *Ghulūl* terjadi kerana ada niat untuk memperkayakan diri sendiri, merugikan orang lain dan sekaligus merugikan kekayaan negara kerana gratifikasi hadiah yang digelapkan (diterima) oleh para pelakunya mengakibatkan gugurnya hak orang lain dan hak negara. *Ghulūl* terjadi disebabkan kerana adanya penyalahgunaan kuasa, dan *ghulūl* merupakan tindakan yang bertentangan dan sekaligus melawan hukum kerana dilarang oleh agama dan merosakkan sistem hukum dan moral masyarakat.

Berdasarkan dalil dan teori yang ada, menurut penyelidik, *khiyānah* terhadap negara dan jawatan merupakan salah satu dari amalan gratifikasi yang berlaku dalam kalangan masyarakat Islam dari tinjauan Hukum Islam. Analogi gratifikasi dengan *khiyānah* menurut penyelidik cukup dekat dengan alasan gratifikasi dilakukan yang

²² CD-ROM *Mawsu'ah al-Hadīth al-Sharīf*, Edisi 1 dan 2, Syarikah Shakhri Libarmij al-Hasib, 1991. Al-Shawkānī, *Nayl al-Awtār*, j. 8, (Kaherah: Dār al-Ḥadīth, t. th.), 278.

melibatkan kaki tangan kerajaan di dalamnya. Demikian juga *khiyānah* merupakan pengkhianatan kedudukan oleh kaki tangan kerajaan dan pengkhianatan terhadap negara kerana penyalahgunaan sumpah kaki tangan kerajaan ketika dilantik menjadi kaki tangan kerajaan.

2) *Al-Ghashi* (penipuan).

Mengutip wang di luar bidang kuasa yang ada yang dibebankan kepada masyarakat merupakan bentuk penipuan dengan menggunakan kuasa yang dimiliki. Misalnya Pegawai Negeri memberikan alasan daripada pungutan wang tersebut untuk kos pentadbiran, sedangkan dana untuk pentadbiran sudah tersedia. Ini bererti dia telah melakukan penipuan. Penipuan adalah perlakuan jenayah yang tidak ada ketentuan *ḥadnya*, kerana *naṣ* tidak menerangkan bentuk hukuman kepadanya secara konkrit, baik dalam *al-Qur'ān* mahupun dalam hadis. Oleh kerana itu, penentuan hukumannya kembali kepada *jarīmah ta'zīr*, yang memerlukan ijtihad hakim dalam memutuskan hukum terhadap pelakunya.

Tentang gratifikasi penipuan, *al-Qur'ān* tidak bersetuju dengan sebarang bentuk penipuan. Penipuan digambarkan oleh *al-Qur'ān* sebagai watak utama kemunafikan, *al-Qur'ān* telah menyediakan seksa yang pedih di dalam neraka bagi perbuatan ini. Sebagaimana firman Allah SWT dalam QS. al-Nisā' 4: 145, "Sesungguhnya orang-orang munafik itu (ditempatkan) pada tingkatan yang paling bawah dari neraka. Dan kamu sekali-kali tidak akan mendapat seorang penolong pun bagi mereka." Islam menuntut penganutnya untuk menjadi orang yang jujur dan amanah. Orang yang melakukan penipuan dan tipu daya tidak dianggap sebagai umat Islam yang sebenarnya, walaupun dari lisannya keluar kenyataan bahawa dirinya adalah seorang muslim.

Sebagaimana yang telah disebutkan di atas, semua bentuk penipuan adalah dikutuk dan dilaknat. Maka, kecurangan terhadap orang lain melalui maklumat yang tidak benar juga harus mendapat perhatian yang istimewa kerana ia mempunyai kesan yang

mendalam dalam kehidupan bernegara. Untuk itu, kaum muslimin hendaklah melakukan kewajiban dan tugas-tugasnya dengan penuh kejujuran dan dengan cara yang berkesan. Ini kerana lari daripada tanggung jawab adalah dikutuk dengan keras. Perbuatan curang yang dilakukan oleh kaki tangan kerajaan di Aceh sehingga menyebabkan masyarakat terpaksa memberikan gratifikasi disebut sebagai penipuan dengan cara berbuat curang.

Tidak jujur adalah bentuk penipuan yang paling buruk. Orang yang tidak jujur akan berusaha melakukan penipuan pada orang lain tidak kira waktu dan tempat jika ada peluang untuk berbuat demikian. *Al-Qur'ān* dengan tegas melarang kecurangan itu, sebagaimana firmanNya dalam al-Anfal 8: 27, “Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu mengkhianati Allah dan Rasul (Muhammad) dan (juga) janganlah kamu mengkhianati amanat-amanat yang diamanahkan kepada kamu, sedang kamu mengetahui.”

Islam melarang semua penyalahgunaan dan penggunaan barang milik majikan oleh orang yang bekerja di bawahnya, di mana dia terikat untuk mendapat gaji sahaja. Penggunaan dan pengambilan barang melebihi had gaji yang ditetapkan seperti yang berlaku dalam sebahagian gratifikasi di Aceh, maka itu dianggap sebagai kecurangan yang dilarang dalam Islam.

Dalam realitinya, amalan gratifikasi yang berlaku di Aceh juga memaksa seseorang melakukan pembohongan dan mengingkari janji. *Al-Qur'ān* dengan keras menentang pembohongan. Hal itu dilarang dengan tegas dalam *al-Qur'ān*. Ayat *al-Qur'ān* yang menjelaskan larangan-larangan itu antaranya disebut di dalam surah al-Zukhruf 43: 19, al-Dhariyat 51: 10-11, al-Naḥl 16: 116, dan al-Nisā' 4: 112.

Al-Qur'ān dan hadis mengutuk para pembohong dan pendusta. Rasulullah menggambarkan bahawa dusta adalah salah satu dari tiga tanda orang munafik. Dusta adalah sangat berbahaya. Bahkan *al-Qur'ān* juga mencela orang yang mencampuradukkan antara yang hak dan yang batil serta menyembunyikan yang hak,

sebagaimana firman Allah dalam QS. al-Baqarah 2: 42. Dan Rasulullah SAW melarang al-Najshi, iaitu menyatakan tawaran dengan harga tinggi, padahal dia sendiri sama sekali tidak bermaksud ingin membeli barang tersebut. Tujuannya agar orang lain juga menawarkan dengan harga yang tinggi. Begitu juga dengan mengingkari janji yang sangat dibenci oleh Allah, sebagaimana firmanNya dalam QS. al-Rad 13: 25. Justeru, pembohongan dan mengingkari janji merupakan amalan kejahatan yang ditentang keras oleh Islam. Pembohongan dan mengingkari janji, terutama terhadap janji sumpah jawatan kaki tangan kerajaan ini kerap kali berlaku dalam amalan gratifikasi.

Berdasarkan huraian di atas, maka jelaslah wujudnya penipuan di setiap pemberian kepada kaki tangan kerajaan yang berlaku di Aceh. Sama ada pemberian dalam usaha pengurangan cukai, menjadi Pegawai Negeri Sivil, menjadi anggota TNI/Polri, memudahkan urusan, usaha untuk mengelakkan tilang kenderaan oleh pihak polis, ataupun dalam gratifikasi keluar penjara. Dalam amalan jenayah tersebut, penipuan merupakan sebahagian daripadanya.

3) *Al-Ghaṣab* (Penggunaan hak orang lain tanpa izin).

Gratifikasi termasuk dalam kategori *ghaṣab*. Antara gratifikasi yang berlaku di Aceh adalah terdapat pemaksaan oleh kaki tangan kerajaan ke atas masyarakat untuk mendeposit sejumlah wang yang tidak mengikut peraturan agar sesuatu urusan itu berjalan dengan lancar. Ini merupakan bentuk kezaliman yang dilakukan oleh kaki tangan kerajaan tersebut sehingga dengan terpaksa masyarakat menerima dan membenarkan permintaan abdi negara tersebut. Berkaitan dengan kes ini, Islam melalui QS. al-Kahfi 18: 79 menceritakan seorang raja yang zalim yang ingin mengambil kapal laut dari orang-orang miskin dengan jalan *ghaṣab*. Seorang nabi yang dikisahkan dalam ayat ini lantas menenggelamkan kapal agar tidak boleh dimanfaatkan dengan cara yang tidak halal (*ghaṣab*) oleh raja yang zalim tersebut.

Makna *ghaṣab* ialah menguasai harta orang lain melalui pemaksaan dengan jalan yang tidak benar. *Ghaṣab* dilakukan dengan terang-terangan, tetapi jika dilakukan dengan cara tersembunyi maka ia dinamakan mencuri. Cuma *ghaṣab* ini terkadang berupa pemanfaatan barang tanpa izin yang mungkin dikembalikan kepada pemiliknya.

Menganalogikan *ghaṣab* sebagai salah satu bentuk amalan gratifikasi yang berlaku dalam kalangan masyarakat Islam di Aceh dengan alasan bahawa ayat di atas menceritakan bagaimana seorang raja yang menggunakan kuasanya mengambil hak milik rakyatnya yang miskin dengan memanfaatkan kapal yang dimiliki oleh rakyat untuk kepentingan peribadi. Dalam kes ini, terdapat unsur memperkayakan diri dengan menggunakan hak rakyat melalui jalan yang tidak benar. Begitu juga dengan amalan gratifikasi di Aceh, kaki tangan kerajaan sebagai kakitangan kerajaan menyalahgunakan kuasa yang dimiliki untuk memeras ugut masyarakat agar memberikan wang kepadanya. Perbuatan ini dengan jelas menunjukkan wujudnya perbuatan mengambil hak iaitu harta masyarakat tanpa ada kerelaan (izin) dari pemiliknya.

4) *Al-Rishwah* (sogok/suap).

Dalam amalan gratifikasi dalam kalangan masyarakat Islam di Aceh juga mengandungi unsur *rihswah*. Dari fakta yang diperolehi, jelaslah usaha yang dilakukan oleh masyarakat Aceh kepada kaki tangan kerajaan di Aceh sebahagian besarnya mengandungi tujuan supaya kaki tangan kerajaan melakukan sesuatu sesuai dengan permintaan orang yang memberikan gratifikasi. Pemberian kemudahan oleh syarikat X kepada kaki tangan kerajaan yang bertujuan mendapat pengurangan cukai untuk pihak syarikat X. Begitu juga dalam kes gratifikasi tilang supaya pihak Polis jalan tidak mendenda pesalah berdasarkan peraturan yang sedia ada. Penjenayah dadah memberikan wang agar dia diizinkan keluar penjara. Sedangkan hal itu menyalahi undang-undang. Dalam kes gratifikasi untuk menjadi anggota TNI/Polri dan Pegawai Negeri Sivil, pemberiannya yang dilakukan membantu seseorang itu lulus untuk menjadi anggota

TNI/Polri dan Pegawai Negeri Sipil, dan sebagainya. Apa yang berlaku tersebut adalah termasuk amalan *rishwah* yang dilarang dalam Islam.

Makna *rishwah* pada dasarnya adalah mendiamkan. Jadi, amalan gratifikasi dalam bentuk *rishwah* yang berlaku di Aceh adalah menutup mulut seseorang dari kebenaran, menghidupkan kebatilan atau untuk menghancurkan kebenaran, dan memberikan harta kepada seseorang sebagai pelicin pelaksanaan (tugas/kewajiban) yang tugas itu harus dilaksanakan tanpa menunggu ganjaran atau wang tambahan. Dasar hukum pelanggaran gratifikasi dalam bentuk *rishwah* yang berlaku dalam kalangan masyarakat Islam di Aceh banyak sekali. Terdapat di dalam *al-Qurān* dan hadis nabi, sebagaimana yang sudah penyelidik sebutkan secara terperinci dalil-dalil tentang pengharaman *rishwah* sebelumnya.

Berkaitan dengan amalan gratifikasi yang berbentuk *rishwah*, maka ia boleh berlaku apabila unsur-unsurnya telah dipenuhi. Dalam kes jenayah gratifikasi dalam kalangan masyarakat Islam di Aceh sekurang-kurangnya melibatkan tiga unsur utama, iaitu pihak pemberi gratifikasi (*al-rāshī*), pihak penerima gratifikasi (*al-murtashī*), dan barang pemberian dalam amalan gratifikasi (*al-murtashā lah*). *Al-rāshī* dalam amalan gratifikasi di Aceh adalah masyarakat Aceh yang berstatus sebagai pelajar, kaki tangan kerajaan, dan masyarakat biasa. *Al-murtashī* dalam amalan gratifikasi di Aceh ialah kaki tangan kerajaan yang bekerja di kerajaan, misalnya kaki tangan kerajaan Imigresen Banda Aceh, Polis Lalu Lintas, kaki tangan kerajaan Kantor Kepolisian, kaki tangan kerajaan di penjara, dan sebagainya. Sedangkan *al-murtasyālah* dalam gratifikasi di Aceh iaitu berupa wang dan tanah. Akan tetapi, dalam kes amalan gratifikasi tertentu boleh jadi tidak hanya melibatkan tiga unsur sahaja. Terdapat unsur keempat, iaitu perantara antara pihak pertama dan pihak kedua (perantara antara pemberi gratifikasi dan penerima gratifikasi).

Gratifikasi (*rishwah*) di Aceh juga merupakan salah satu amalan yang dilarang dan sangat dibenci dalam Islam kerana sebenarnya perbuatan tersebut termasuk perbuatan yang batil. Sebagaimana yang diterangkan dalam QS. al-Baqarah 2: 188. Baik yang memberi gratifikasi (*al-rāshi*) mahupun yang menerima gratifikasi (*al-murtashī*) duanya dilaknat oleh Rasulullah SAW, sebagai bentuk kebencian beliau terhadap perbuatan keduanya.

Antara bentuk gratifikasi *rishwah* yang berlaku di Aceh adalah hadiah kepada kaki tangan kerajaan. Dalam hukum Islam, seorang kaki tangan kerajaan termasuk yang menerima hadiah adalah haram hukumnya. Bahkan termasuk yang diharamkan bagi seorang kaki tangan kerajaan sebarang hadiah yang meskipun tidak mempunyai kaitan dengan suatu perkara atau urusan. Ini kerana jika berlaku kebiasaan memberi hadiah sebelum menjadi kaki tangan kerajaan, setelah menduduki jawatan itu, terjadi peningkatan jumlah pemberian hadiah tersebut lebih daripada kebiasaan. Seorang kaki tangan kerajaan juga haram menerima hadiah dari seseorang yang jika bukan kerana jawatan, nescaya orang tersebut tidak akan memberikannya. Apa yang berlaku di Aceh, kebanyakan masyarakat memberikan hadiah (gratifikasi) kerana status seseorang itu adalah kaki tangan kerajaan.

Pengharaman menerima dan memberi gratifikasi dalam bentuk hadiah kepada kaki tangan kerajaan ini berdasarkan peristiwa berikut. ‘Umar bin ‘Abd al-‘Azīz suatu ketika diberi hadiah oleh seseorang tetapi ditolaknya kerana waktu itu dia sedang menjawat jawatan sebagai khalifah. Orang yang memberi hadiah kemudian berkata, “Rasulullah pernah menerima hadiah”. Lalu ‘Umar menjawab, “Bagi Rasulullah, ia merupakan hadiah tapi bagi kita, itu adalah *rishwah* (gratifikasi).” Maka, setiap hadiah yang diberikan kepada kaki tangan kerajaan kerana kedudukannya sebagai seorang kakitangan kerajaan tidak boleh diterima dan hukumnya adalah haram. Ini kerana sekiranya dia tidak menjawat jawatan tersebut dan hanya tinggal di rumahnya, nescaya

tiada orang yang akan memberikan hadiah kepadanya. Dan hal demikian adalah realiti yang berlaku di Aceh.

Kebiasaannya *rishwah* sering terjadi dalam kes kehakiman. Para *fuqahā'* sering membincangkannya dalam konteks kehakiman. Namun dalam salah satu hadis yang dipetik oleh al-Sayyid Abū Bakr, hadiah juga diharamkan dalam konteks penguasa negara (kaki tangan kerajaan). Hadis tentang pengharaman memberi hadiah kepada penguasa itu sah, sebahagiannya adalah sabda Rasulullah SAW memberi hadiah kepada "penguasa", dalam satu riwayat disebutkan "umara", adalah perbuatan khianat. Yang dimaksudkan dalam hadis tersebut adalah pemberian dari seseorang kepada imam (pemimpin) dan diterimanya, maka ini adalah perbuatan khianat terhadap kaum muslimin atau negara. Ini kerana seorang pemimpin tidak diperlakukan khusus berbanding kaum muslimin umumnya. Kekhususan boleh menerima hadiah hanya untuk Rasulullah, sekalipun beliau menjawat jawatan sebagai ketua negara, kerana beliau bersifat *ma'sūm* (terpelihara). Rasulullah terpelihara daripada sifat zalim. Sifat ini tidak mungkin dimiliki oleh manusia selain beliau. Alasan inilah yang memberi motivasi bagi dasar 'Umar bin 'Abdu al-'Aziz untuk menolak hadiah. Dengan begitu, pemberian hadiah (gratifikasi) kepada kaki tangan kerajaan di Aceh termasuk hadiah yang dilarang kerana penerima hadiah tersebut bukanlah orang yang maksum sehingga amalan yang demikian termasuk ke dalam *rishwah* dan terdedah akan terjadinya kezaliman di dalamnya.

Dari kajian terhadap analisis pengklasifikasian dan subtansi amalan gratifikasi dalam kalangan masyarakat Islam di Aceh dalam perspektif Hukum Islam, maka dapatlah diambil kesimpulan bahawa gratifikasi yang berlaku dalam kalangan masyarakat Islam di Aceh adalah perbuatan yang mengandungi banyak definisi yang sesuai dengan pemahaman dari *al-Qur'ān*, hadis dan juga fekah Islam. Pada hakikatnya definisi gratifikasi adalah usaha memperkayakan diri sendiri atau orang lain dengan jalan melanggar hukum. Adapun bentuk-bentuk pelanggaran hukum tersebut boleh berupa *al-*

khiyānah (khianat), *al-ghashi* (penipuan), *al-rishwah* (sogok), dan *al-ghaṣab* (penggunaan hak orang lain tanpa izin).

Amalan gratifikasi yang berlaku dalam kalangan masyarakat Islam di Aceh dalam analisis hukum Islam dipandang sebagai bentuk *al-khiyānah*, *al-ghashi*, *al-rishwah*, dan *al-ghaṣab* dan semua ini hukumnya adalah haram. Ini kerana ia dinilai di dalam ruang lingkup *al-ma'siyyah*. Ditinjau dari sisi masalah, kedudukan maslahat atau kemanfaatan dalam pengharaman gratifikasi di Aceh adalah sebagai berikut. Pertama, boleh menutup peluang terjadinya kesan yang lebih besar (*sadd al-dharī'ah*). Kedua, gratifikasi seringkali disalahgunakan untuk tujuan tindakan menyeleweng. Ketiga, gratifikasi menyumbang kepada timbulnya fenomena ekonomi kos tinggi (*high cost economy*). Dalam format demikianlah maslahat teraplikasi dalam jenayah berkaitan gratifikasi.

5.4.3 Amalan Gratifikasi di Aceh dari Perspektif Maslahat, 'Urf, dan Prinsip Kepemilikan Harta

Berkaitan dengan salah satu dari maslahat pengharaman gratifikasi di Aceh adalah sebagai *sadd al-dharī'ah*, menunjukkan bahawa hukum Islam tidak hanya mengatur tentang tingkah laku manusia yang sudah dilakukan tetapi juga yang belum dilakukan. Hal ini bukan berarti bahawa hukum Islam cenderung mengekang kebebasan manusia. Tetapi kerana salah satu tujuan hukum Islam adalah untuk mewujudkan kemaslahatan dan mengelakkan kerosakan (mafsadah). Jika suatu perbuatan yang belum dilakukan mempunyai kebarangkalian besar akan menimbulkan kerosakan (mafsadah), maka akan disekat hal-hal yang mengarah kepada perbuatan tersebut. Sebagaimana gratifikasi yang berlaku dalam kalangan masyarakat Islam di Aceh yang dianggap oleh sebahagian masyarakat hanya sebagai ucapan terima kasih.

Dari sudut pandang lain, amalan gratifikasi yang berlaku di Aceh sudah menjadi sebahagian dari adat atau 'urf dalam kehidupan seharian masyarakat Aceh. Penyelidik

berpendapat demikian kerana gratifikasi yang berlaku sudah menjadi amalan yang dianggap biasa dalam masyarakat dan disokong oleh makna 'urf itu sendiri yang sudah dikemukakan oleh para ulama. 'Urf berasal dari kata 'arafa yang dalam bentuk *ta'srif* lainnya menjadi *al-ma'rif* yang bermaksud sesuatu yang dikenali atau diketahui.²³ Sedangkan dalam pengertian lain *al-'urf* adalah segala sesuatu yang sudah dikenal oleh manusia kerana telah menjadi kebiasaan atau tradisi baik bersifat perkataan, perbuatan atau berhubung dengan meninggalkan perbuatan tertentu, sekaligus disebut sebagai adat.²⁴ Dengan memperhatikan amalan gratifikasi yang berlaku di Aceh, ia termasuk dalam salah satu bentuk 'urf dalam takrif tersebut, iaitu suatu amalan yang diketahui dan dikenal oleh masyarakat Aceh dan menjadi kebiasaan.

Dalam *Uṣūl Fiqh*, ada kaedah yang begitu popular berkenaan dengan 'urf, iaitu *al-'adah muḥakkamah*. Dengan demikian, berlandaskan kaedah 'urf/adat ini menerangkan bahawa suatu kebiasaan itu ada ketetapan hukumnya dan dibenarkan dalam sistem Hukum Islam. Tetapi bagaimana halnya dengan 'urf amalan gratifikasi di Aceh. Apakah ia juga merupakan sebahagian dari 'urf yang dimaksudkan dalam kaedah tersebut. Menurut pendapat penyelidik, amalan gratifikasi dalam masyarakat di Aceh sekalipun ia sebahagian dari 'urf tetapi gratifikasi tergolong ke dalam kategori *'urf fasid*. Oleh kerana itu, berdasarkan pembahasannya, maka *'urf fasid* tidak boleh menjadi justifikasi terhadap suatu amalan dalam tinjauan syara'. Gratifikasi disebut sebagai *'urf fasid* disebabkan amalan yang dimaksudkan tidak baik dan tidak dapat diterima, kerana bertentangan dengan syara' sebagaimana yang sudah penyelidik huraikan dalam perbincangan terdahulu tentang dalil-dalil yang melarang gratifikasi *al-khiyānah* (khianat), *al-ghashi* (penipuan), *al-rishwah* (sogok), dan *al-ghaṣab* (penggunaan hak orang lain

²³ Amir Syarifuddin, *Uṣūl Fiqh*, j. 2, (Jakarta: Logos Wacana Ilmu 2001), 363.

²⁴ Mengikuti sebahagian besar ulama, adat dan *al-'urf* secara terminologis tidak mempunyai perbezaan prinsip. Ertinya perbezaan antara kedua-duanya tidak mengandungi perbezaan signifikan dengan akibat hukum yang berbeza pula. Misalnya dalam kitab fekah terdapat ungkapan *hadha thabit bi al-'urf wa al-'Adat* (ketentuan ini berlandaskan *al-'urf* dan *al-'adat*), maka makna yang dimaksudkan keduanya adalah sama. Penyebutan *al-'adat* selepas kata *al-'urf* berfungsi sebagai penguat (*ta'kid*) saja, bukan kalimat tersendiri yang mengandungi makna berbeza (*ta'sis*). Sekalipun ada perbezaan, dalam istilah yang penyelidik pakai antara *al-'urf* dan *al-'adat* adalah sama. Lihat, Abdul Wahab Khalaf, *Ilm Uṣūl Fiqh*, (Kaherah: Dār al-Qalam, tt.), 88. 'Abd al-Karīm Zaydan, *al-Wajiz fī Uṣūl al-Fiqh*, Mu'assasah al-Risālah, vol. 9, 2001, 155.

tanpa izin). Dengan demikian, berdasarkan tinjauan *'urf*, amalan gratifikasi termasuk ke dalam amalan yang dilarang oleh syara' kerana ia tidak boleh dikelompokkan ke dalam *'urf saħīh*.

Ditinjau dari sisi pemilikan harta dalam Islam, amalan gratifikasi yang berlaku di Aceh merupakan amalan yang bertentangan dengan cara memperoleh dan menggunakan harta dalam Islam. Islam mengharamkan harta yang diperoleh dengan cara yang tidak sah. Islam seperti yang disebut di dalam *al-Qur'ān* telah memberikan panduan kepada manusia untuk mendapatkan harta melalui kerja dan usaha yang baik dan halal, bukan dengan cara yang batil (curang). Kemudian Islam juga memandu umatnya untuk mempergunakan harta pada tempat yang diredhai Allah, bukan mempergunakannya pada tempat kemaksiatan dan kecurangan. Islam juga melarang mempergunakan harta pada tempat yang dapat membuka peluang untuk terjadinya penyelewengan. Dan Islam juga melarang sikap penindasan terhadap hak milik orang lain.

Melihat apa yang berlaku di Aceh dalam majoriti amalan gratifikasi, pemberian dan perolehan harta kekayaan melalui amalan gratifikasi kepada kaki tangan kerajaan yang melahirkan pengkhianatan, penipuan, memakan hak milik orang lain, dan *rishwah*, jelas menyimpang dari tata-cara mempergunakan harta dan memperolehnya dalam Islam. Akibat dari amalan gratifikasi ini terjadi penindasan terhadap hak-hak orang lain, baik secara langsung ataupun tidak. Penerima gratifikasi tersebut ingin memperoleh kekayaan melalui cara-cara yang tidak dibenarkan dalam Islam. Begitu juga, pemberi gratifikasi tidak menggunakan hartanya pada tempat yang dibenarkan oleh syari'at Islam.

5.5 Faktor-faktor Berlakunya Amalan Gratifikasi di Aceh

Gratifikasi tidak terjadi dengan sendirinya di sesuatu kawasan itu. Hal ini demikian kerana amalan tersebut terjadi sudah semestinya mempunyai faktor yang mendorongnya. Faktor tersebut adakalanya datang daripada faktor dalaman mahupun luaran. Amalan gratifikasi dalam kalangan masyarakat Islam di Aceh pun turut dipengaruhi oleh

perkembangan yang berlaku dalam masyarakat yang semakin kompleks baik dalam proses berkomunikasi, mahupun dalam cara memenuhi keperluan dan keinginan individu-individunya. Berkaitan dengan hal tersebut, berdasarkan pengamatan penyelidik terhadap fenomena kehidupan masyarakat di Aceh dewasa ini dan berlakunya amalan gratifikasi itu sendiri, ada beberapa faktor yang menyebabkan berlakunya amalan gratifikasi di Aceh. Faktor-faktor tersebut dapat penyelidik jelaskan sebagai berikut.

Faktor pertama, kerana pola fikir dan tradisi masyarakat yang membenarkan pemberian hadiah.²⁵ Pemberian hadiah telah menjadi suatu kebiasaan dalam kehidupan masyarakat Islam di Aceh. Pada awalnya, pemberian hadiah yang berlangsung dalam masyarakat adalah merupakan suatu bentuk perbuatan yang baik dalam menjalin hubungan kekeluargaan. Namun demikian, seiring dengan perkembangan zaman, masyarakat menginginkan kemudahan dalam memenuhi keperluan dan tuntutan. Sehingga sering kali pemberian hadiah sudah menjadi tradisi, seperti halnya pemberian hadiah kepada kaki tangan kerajaan. Pola pemikiran masyarakat terhadap pemberian hadiah adalah sah dan sudah menjadi budaya di Aceh, ini dilakukan dalam bentuk ucapan terima kasih kerana telah berbuat sesuatu dan tidak berbuat sesuatu yang berhubungan dengan jawatannya.

Faktor kedua, kerana kurangnya pengetahuan masyarakat.²⁶ Selain faktor budaya, kurangnya pemahaman dalam masyarakat tentang erti dan juga batasan secara literal dan larangan secara normatif dari *al-Qurān* dan hadis mengenai gratifikasi menjadi salah satu penyebab berkembangnya gratifikasi. Ketika kebanyakan masyarakat masih menganggap pemberian hadiah kepada kaki tangan kerajaan suatu hal yang lumrah, maka sudah boleh dipastikan bahawa amalan gratifikasi akan terus berkembang subur dalam segenap aspek kehidupan bangsa dan negara.

²⁵ Agus Dwiyanto et al., *Reformasi Birokrasi Publik di Indonesia*, Tesis, (Yogyakarta: Gadjah Mada University Press, 2008), 30.

²⁶ Syahrudin, "Gratifikasi dalam Kategori Korupsi: Studi Perbandingan Antara Hukum Pidana Islam dan Hukum Pidana Positif", Disertasi, (Yogyakarta: Fakultas Syari'ah dan Hukum, UIN Sunan Kalijaga, 2014), 3.

Faktor ketiga, kerana kurangnya komitmen moral kaki tangan kerajaan. Kebiasaan yang berlaku di kalangan kaki tangan kerajaan awam dalam pemberian hadiah atau perbuatan gratifikasi memberi kesan pada prestasi dalam sesebuah pemerintahan. Akibat daripada berkembangnya kebiasaan pemberian hadiah ini juga membolehkan terjadinya amalan *rishwah* atau gratifikasi yang merugikan kewangan negara. Kurangnya komitmen moral kaki tangan kerajaan dalam hal pembasmian gratifikasi, ini berlaku kerana para kaki tangan kerajaan sering melakukan gratifikasi di lingkungan pemerintahan tanpa melaporkan kepada pihak berkuasa. Mereka menganggap bahawa perbuatan pemberian kepada seseorang termasuklah ucapan terima kasih adalah perkara yang sering dilakukan untuk kepentingan kaki tangan kerajaan. Kaki tangan kerajaan yang melakukan gratifikasi telah mengetahui bahawa perbuatan tersebut melanggar peraturan atau undang-undang, namun kerana desakan yang berkaitan dengan kepentingan jawatannya, kaki tangan kerajaan seringkali melupakan perkara tersebut dan melanggar peraturan yang telah ditetapkan.

Faktor keempat, kerana ekonomi atau keperluan hidup. Faktor ini merupakan masalah lampau yang seringkali menjadi alasan masyarakat untuk melakukan manipulasi, curang (tidak jujur), dan nakal (suka melakukan sesuatu yang dilarang) pada setiap kegiatan, termasuk apa-apa yang berlaku dalam amalan gratifikasi. Dari sudut psikologi, seseorang yang lapar akan nekad untuk membuat apa-apa sahaja di luar pemikirannya. Kesukaran ekonomi yang ditandai banyaknya keperluan kos hidup sehari-hari atau rendahnya gaji di bawah gaji minimum akan menyebabkan para kaki tangan kerajaan mengambil jalan pintas untuk mendapatkan wang secara illegal. Sehingga muncul keberanian seseorang untuk melakukan gratifikasi.

Faktor kelima, kerana lemahnya iman.²⁷ Gratifikasi sangat berkaitan dengan iman yang rendah. Amalan gratifikasi merupakan refleksi dari lemahnya keimanan dalam

²⁷ Haryono, "Rishwah (Suap-Menyuap) dalam Perspektif al-Qur'an dan al-Hadits: Sebuah Kajian Tematik", Tesis, (Bogor: Program Pascasarjana Universitas Ibnu Khaldun, t.t.), 25.

diri seseorang. Tidak mungkin orang yang imannya kuat menempuh jalan gratifikasi kerana hal tersebut adalah suatu pelanggaran syari'at yang akan membawa kepada implikasi seksaan di akhirat kelak.

Faktor keenam, kerana tidak merasa diawasi oleh Allah.²⁸ Individu yang melakukan gratifikasi tidak merasai bahawa perbuatannya diawasi oleh Allah. Ia tidak merasai bahawa Allah mempunyai malaikat yang mencatat amalan setiap hambanya. Seandainya ia boleh selamat dan terlepas daripada pengawasan manusia dan pengadilannya, maka ia tidak mungkin akan terlepas daripada mahkamah dan pengawasan Allah.

Faktor ketujuh, kerana tamak haloba.²⁹ Gratifikasi adalah merupakan gambaran kepada ketamakan manusia. Sikap tersebut merupakan bentuk tidak qana'ah dengan apa-apa yang ditakdirkan oleh Allah ke atas dirinya. Seolah-olah orang yang melakukan gratifikasi ini tidak mempercayai bahawa Allah adalah penentu segala sesuatu. Seandainya ia melakukan gratifikasi, namun Allah berkehendakkan yang lain ke atasnya, maka hal tersebut sangatlah mudah. Disebabkan kerana tamak dan holaba, maka amalan gratifikasi berleluasa.

Faktor kelapan, kerana malas berusaha.³⁰ Orang yang terlibat dalam gratifikasi menginginkan segala masalahnya diselesaikan dengan se pantas kilat walau apa-apapun jalannya. Norma-norma hukum tidak lagi diendahkan untuk mencapai tujuannya. Kebanyakan orang berfikir bahawa yang paling penting adalah urusannya diselesaikan tanpa ditinjau dari sudut atau cara Islam. Seharusnya seseorang muslim itu berusaha kemudian barulah hasilnya kita bertawakkal kepada Allah SWT.

Faktor kesembilan, hilangnya sifat jujur dan amanah dalam diri seseorang.³¹ Salah satu sebab amalan gratifikasi begitu berleluasa kerana hilangnya sifat jujur dan

²⁸ *Ibid.*, 26.

²⁹ *Ibid.*

³⁰ *Ibid.*

³¹ *Ibid.*

amanah dalam diri seseorang. Jujur dan amanah merupakan dua sifat yang pada hari ini begitu luntur dalam kalangan masyarakat dan para kaki tangan kerajaan di dalam perkhidmatan masyarakat. Demi cita-cita peribadi seseorang yang melakukan gratifikasi mengetepikan sifat jujur dan amanah dalam dirinya.

Faktor kesepuluh, semakin menipisnya sikap mengambil berat terhadap urusan sosial dalam masyarakat.³² Orang yang membuat gratifikasi tidak sedar bahawa dirinya merugikan orang lain yang lebih berhak darinya. Ia rela mengambil kemenangan dengan kezaliman. Walaupun sesama manusia, lebih-lebih lagi sesama muslim itu adalah saudara. Haram baginya kehormatan dan hak-haknya tanpa jalan yang benar.

Faktor kesebelas, kerana lemahnya penguatkuasaan hukuman dalam masyarakat.³³ Lemahnya penguatkuasaan hukum menjadikan tradisi gratifikasi ini telah berakar umbi dalam masyarakat. Hukuman di negeri ini terlalu elastik dan boleh disalah ertikan serta dikuasai oleh pihak-pihak yang berkepentingan. Bahkan keadilan hukuman telah hilang disebabkan oleh mulut penagak hukuman telah diisi dengan gratifikasi. Tanpa adanya hukuman yang tegas, maka budaya gratifikasi akan sentiasa bercambah dan bertambah.

Keadaan-keadaan dan alasan di atas adalah merupakan faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya amalan gratifikasi. Menerusi faktor-faktor terjadinya amalan gratifikasi ini, sebenarnya faktor yang paling utama yang menyebabkan berlakunya gratifikasi adalah wujudnya kesempatan dan niat untuk melakukannya. Berlakunya suatu kejahatan termasuklah amalan gratifikasi dalam masyarakat Islam di Aceh yang pertamanya adalah dimulai dengan adanya niat yang diikuti oleh kesempatan. Boleh sahaja bermula dengan adanya peluang kemudian barulah munculnya niat. Namun demikian, tanpa adanya dua hal ini tidak mungkin akan berlaku kejahatan tersebut. Ada niat yang tidak diikuti dengan kesempatan, maka tidak akan ada peluang untuk

³² *Ibid.*

³³ *Ibid.*

melakukannya. Demikian juga ada kesempatan tanpa ada niat itu juga tidak akan terjadi. Oleh itu, cara yang lazimnya digunakan untuk membanteras jenayah termasuklah gratifikasi yang berlaku dalam kalangan masyarakat Islam di Aceh adalah dengan menyingkirkan niat dan menutup peluang-peluang yang timbul.

Niat untuk melakukan gratifikasi boleh dihapuskan dengan memberi motivasi etika dan agama. Bagi orang yang beragama, perbuatan jahat dapat dihilangkan dengan mengajar penganutnya setidak-tidaknya pada ajaran halal dan haram. Apabila seseorang muslim itu dapat menghayati suatu hal yang haram, maka dia akan berupaya untuk menjauhinya. Lebih-lebih lagi apabila sudah sampai ke tahap penghayatan secara tasawuf, nescaya akan meningkat hinggalah ke tahap membenci pada pekerjaan tersebut.

Kesempatan melakukan gratifikasi boleh ditutup menerusi dua cara, iaitu membuat peraturan-peraturan yang jelas sehingga berupaya menutup kemungkinan peluang untuk melakukan sesuatu yang mempunyai unsur gratifikasi, dan dengan pengawasan yang ketat. Dengan adanya peraturan yang jelas dan seseorang pelaku pentadbiran itu terikat dengan syarat tersebut, maka ia akan sukar untuk melakukannya. Lebih-lebih lagi jika ditambah dengan pengawasan yang ketat, sesuai dengan peraturan yang ada, maka akan benar-benar tertutup peluang dan kesempatan untuk melakukan gratifikasi. Pengawasan yang ketat berupaya untuk memberikan impak yang berkesan sekiranya pelaksana pengawasan mempunyai keberanian. Hal ini demikian kerana peraturan yang jelas dengan pengawasan yang tidak diikuti oleh pelaksana yang berani dan tegas dalam pembasmian tidak akan dapat berjalan dengan baik, sehinggakan kesempatan untuk melakukan gratifikasi masih terbuka.

Dari huraian di atas, dalam tinjauan hukum Islam faktor-faktor tersebut tidaklah termasuk dalam kategori faktor justifikasi untuk melakukan gratifikasi terhadap kaki tangan kerajaan. Hal ini kerana darurat sebagai alasan yang membolehkan melakukan

amalan gratifikasi tidak wujud pada semua amalan gratifikasi dalam kalangan masyarakat Islam di Aceh.

Darurat dalam pengertian khusus adalah merupakan suatu kepentingan penting yang jika tidak dipenuhi boleh menyebabkan kesulitan yang dahsyat hingga membawa kepada kematian manakala kecemasan dalam pengertian umum dan lebih luas adalah merujuk kepada suatu hal yang penting untuk melindungi dan menjaga tujuan-tujuan asas syari'ah. Dalam bahasa Imām Shāṭibī, sesuatu itu disebut penting kerana tanpanya, komuniti masyarakat akan disulitkan oleh kekacauan, dan dalam ketiadaan beberapa mereka, manusia akan kehilangan keseimbangannya serta akan dirampas kebahagiaannya di dunia dan kejayaannya di akhirat nanti.

Dapat diamati bahawa perhatian utama dari darurat dalam Islam adalah untuk melindungi tujuan dasar syari'at, iaitu menjaga agama, nyawa, keturunan, akal, dan harta. Darurat tersebut mempunyai syarat-syarat yang perlu dipenuhi, diantaranya darurat itu haruslah nyata dan bukannya spekulasi atau khayalan, tidak ada penyelesaian lain yang ditemui untuk mengatasi penderitaan kecuali hal tersebut, penyelesaian itu (dalam hal ini gratifikasi) haruslah tidak menyalahi hak-hak suci yang menimbulkan pembunuhan, pemurtadan, perampasan harta, dan harus mempunyai justifikasi yang kuat untuk melakukan rukhsah/keringanan tersebut. Dalam pandangan para pakar, penyelesaian itu harus merupakan satu-satunya penyelesaian yang tersedia.

Apabila diperhatikan tentang faktor-faktor yang mendorong berlakunya amalan gratifikasi di Aceh, maka faktor-faktor tersebut didapati tidak memenuhi syarat-syarat untuk melaksanakan rukhsah dalam melakukan amalan gratifikasi. Alasan gratifikasi yang berlaku tidak dapat dikategorikan ke dalam darurat disebabkan tidak ada kepentingan esensial yang terganggu apabila mereka tidak melakukan gratifikasi baik dari sudut kepentingan esensial yang berkaitan dengan agama, nyawa, keturunan, akal, dan harta. Jika ada kepentingan tersebut, tetapi sifatnya masih bersifat spekulatif dan masih

boleh dilakukan, serta bukan merupakan penyelesaian yang paling akhir kerana masih ada jalan lain yang boleh dilakukan. Di samping itu, gratifikasi yang berlaku bukanlah dalam keadaan atau bertujuan untuk mengambil tanggungjawab dan hak yang hilang apabila dizalimi, tetapi dalam amalan gratifikasi yang berlaku sudah menjadi kebiasaan yang seakan-akan itu hal yang lumrah untuk dilakukan. Sekalipun ada kes pemberian itu kerana terdesak, tetapi tetap sahaja itu semua tidak berada pada darjat darurat.

Berkaitan dengan pemberian gratifikasi kerana dizalimi yang mana dalam fekah Islam, sebahagian ulama membenarkan akan hal itu. Menurut penyelidik, dengan melihat berleluasanya amalan gratifikasi dalam kalangan masyarakat Islam di Aceh serta mafsadah (kerusakan) yang ditimbulkannya begitu luar biasa, maka berdasarkan *sadd al-dharī'ah*, gratifikasi dengan alasan apa-apa pun tetap tidak dibenarkan. Sememangnya dalam sesebuah definisi gratifikasi dalam bentuk *rishwah* yang dikemukakan oleh Mansūr bin Yūnus Idrīs al-Bahūfī dan Shamsul al-Ḥaq al-Aẓim dan yang lain ada memberikan andaian, iaitu seandainya pihak kedua (kaki tangan kerajaan) melakukan kezaliman kepada pihak pertama (masyarakat pemberi gratifikasi), kemudian pihak kedua memberi gratifikasi dalam rangka untuk menegakkan kebenaran atau untuk menolak kezaliman yang menimpa diri pemberi, maka gratifikasi yang seperti itu dibolehkan dan tidak termasuk gratifikasi dalam kategori *rishwah*.

Mengikut penyelidik, dalam konteks gratifikasi yang berlaku di Aceh pengandaian seperti itu adalah tidak tepat. Hal ini demikian kerana dalam kes gratifikasi yang berlaku di Aceh tidak perlu dilakukan dengan cara menyogok (*rishwah*), tetapi diperingatkan, dikritik, dan diberikan nasihat yang terbaik. Jika pengandaian seperti itu boleh berlaku dalam konteks gratifikasi yang berlaku di Aceh, maka pada zaman sekarang ini akan turut mendorong kepada berleluasanya amalan gratifikasi. Pemberian seperti ini, walaupun dilakukan oleh pemberi untuk mendapatkan haknya yang sah, akan membawa kerosakan kepada sistem perkhidmatan awam, seperti kemerosotan kualiti perkhidmatan.

Penyelidik tetap berpandangan bahawa dalam keadaan seperti sekarang ini, sesuai dengan nilai-nilai kemaslahatan, pemberian gratifikasi yang berlaku di Aceh yang dilandasi oleh kezaliman tidak wajar untuk dilakukan kerana Aceh sedang berusaha keras untuk membanteras amalan tercela tersebut.

Sebagai penguat hujah di atas, dalam kajian *uṣūl al-fiqh* dikenali dengan kaedah:

دَرْءُ الْمَفْسَدَةِ أَوْلَى مِنْ جَلْبِي الْمَصَالِحِ فَإِذَا تَعَارَضَ مَفْسَدَةٌ وَمَصْلَحَةٌ قُدِّمَ دَفْعُ
الْمَفْسَدَةِ غَالِبًا.

Terjemahan: Menolak kerosakan lebih diutamakan daripada menarik masalah dan apabila bertentangan antara yang mafsadah dan mashlahah, maka yang didahulukan adalah menolak mafsadah.

Berdasarkan pada kaedah ini, kemudiannya memperlihatkan bahawa amalan gratifikasi di Aceh yang berlaku adalah didasarkan oleh kezaliman yang menimpa masyarakat, apabila dinilai dari segi manfaatnya, maka jelas lebih sedikit manfaatnya jika dibandingkan dengan kerosakan. Manfaatnya hanya dirasakan oleh satu atau dua orang sahaja, akan tetapi akibat buruknya dirasakan oleh seluruh masyarakat dalam tempoh masa yang sangat lama seperti yang berlaku pada masa sekarang ini. Berlakunya gratifikasi negatif sekarang ini di Aceh yang tidak berpenghujung tidak terlepas daripada pembiaran gratifikasi di masa sebelumnya. Oleh kerana manfaatnya adalah lebih sedikit sedangkan mafsadahanya lebih besar, maka amalan gratifikasi yang diberikan kerana faktor dizalimi yang berpijak pada kaedah ini tidak boleh dibenarkan untuk dilakukan.

5.6 Mafsadah Amalan Gratifikasi di Aceh

Mafsadah adalah kesan tidak baik dari sesebuah amalan. Mafsadah dari amalan gratifikasi yang berlaku dalam kalangan masyarakat Islam di Aceh menurut penyelidik adalah berbahaya dalam kehidupan manusia, baik dari aspek kehidupan sosial, politik, birokrasi, ekonomi, dan individu. Secara umumnya, jenayah gratifikasi di Aceh berupaya untuk memberikan kesan yang tidak baik terhadap sektor-sektor penting dalam kehidupan sehari-hari. Penjelasan yang lebih mendalam dijelaskan oleh penyelidik seperti berikut.

Pertama, gratifikasi dapat memberikan mafsadah terhadap individu dan masyarakat Aceh.³⁴ Gratifikasi dalam masyarakat berkembang dengan pesat dan menjadi amalan yang dianggap sah, maka akibatnya menjadikan sistem kehidupan dalam masyarakat menjadi kacau-bilau dan sistem sosial turut menerima kesan yang tidak baik. Sebagai akibatnya, setiap individu dalam masyarakat berubah kepada sikap hanya mementingkan diri sendiri (*self interest*). Dalam kehidupan sehari-hari, semakin berkurangnya kerjasama dan persaudaraan yang tulus. Berdasarkan kepada fakta dan sokongan teoritik menunjukkan bahawa amalan gratifikasi mempunyai pengaruh yang negatif terhadap rasa keadilan sosial dan kesaksamaan sosial dalam masyarakat. Amalan gratifikasi menyebabkan perbezaan yang sangat jauh antara kumpulan sosial dan individu, baik dalam pendapatan, kuasa, dan lain-lain. Jika iklim masyarakat telah tercipta sedemikian rupa, maka keinginan untuk berkorban demi kebaikan dan perkembangan masyarakat terus menurun dan kemungkinan akan hilang.

Kedua, gratifikasi dapat memberikan mafsadah terhadap generasi muda Aceh.³⁵ Di antara kesan negatif yang paling berbahaya ekoran amalan gratifikasi yang berlaku ini adalah kerosakan dalam generasi muda. Mafsadah ini dapat dirasakan untuk jangka masa yang sangat panjang dan memerlukan masa yang sangat lama untuk dipulihkan. Hal ini demikian kerana generasi yang hidup dalam lingkungan masyarakat yang terbiasa dengan gratifikasi, menjadikan generasi muda menganggap bahawa gratifikasi sebagai budaya (hal biasa). Kesan daripada terbentuknya pola pemikiran generasi muda yang seperti ini mempengaruhi perkembangan peribadi yang terbiasa dengan sifat-sifat tidak jujur, khianat, dan tidak bertanggungjawab. Jika generasi penerus bangsa berkeadaan yang demikian, maka akan suramlah masa hadapan bangsa dan negara di kemudian hari.

³⁴ Hasil observasi penyelidik terhadap keadaan kehidupan masyarakat Banda Aceh semenjak tahun 2012 samapai dengan tahun 2015.

³⁵ *Ibid.*

Ketiga, gratifikasi dapat memberikan mafsadah terhadap birokrasi di Aceh.³⁶ Gratifikasi mengakibatkan tidak berkesannya birokrasi dan pentadbiran dalam birokrasi. Prinsip dasar birokrasi yang baik adalah rasional, efisien, dan berkualiti.³⁷ Apabila birokrasi sudah dipenuhi oleh amalan gratifikasi dengan pelbagai bentuk amalannya, maka prinsip-prinsip biroksi yang baik tidak akan dapat dilaksanakan. Akibatnya, kualiti perkhidmatan menjadi sangat tidak baik dan mengecewakan serta meningkatnya pembiayaan pentadbiran dalam birokrasi. Hanya orang yang kaya sahaja yang akan mendapatkan perkhidmatan yang baik kerana ia mampu memberikan gratifikasi.

Keempat, gratifikasi dapat memberikan mafsadah dan melemahkan ekonomi Aceh.³⁸ Ekonomi adalah merupakan keperluan bagi masyarakat dan cara yang lazim agar dapat hidup dan bekerja untuk mencapai tujuannya. Oleh itu, ekonomi adalah merupakan faktor yang penting dalam menjaga kestabilan hidup masyarakat di dalam sesuatu wilayah/negara. Gratifikasi sememangnya merosakkan perkembangan ekonomi sesuatu bangsa. Jika projek ekonomi yang dijalankan sarat dengan unsur-unsur gratifikasi, maka pertumbuhan ekonomi yang diharapkan tidak akan tercapai. Hal ini demikian kerana gratifikasi boleh mengakibatkan berlakunya pengurangan pelaburan dari modal dalam negeri mahupun luar negeri kerana para pelabur akan berfikir dua kali untuk membayar kos yang lebih tinggi dari yang sepatutnya (seperti untuk *rishwah* kaki tangan kerajaan agar dapat izin, kos keselamatan kepada pihak keamanan agar pelaburannya selamat, dan lain- lain kos yang sepatutnya tidak perlu).

Dapat diperhatikan bahawa daripada mafsadah-mafsadah yang ditimbulkan daripada amalan gratifikasi yang telah dihuraikan oleh penyelidik seperti di atas, begitu jelas bahawa gratifikasi telah memberikan kesan yang negatif, iaitu kerosakan yang sangat luar biasa terhadap keberlangsungan kehidupan umat manusia baik kepada bangsa

³⁶ *Ibid.*

³⁷ Gunnar Myrdal, "Corruption, Its Cause and Effects", dalam Arnold J. Heidenheimer, ed., *Political Corruption: Readings in Comparative Analysis*, Ed. 2, (New Jersey: Transaction Books, 1978), 541. Gerald M. Meier dan James E. Rauch, *Leading Issues in Economic Development*, Ed. 8, (Oxford: Oxford University Press, 2005), 536.

³⁸ Hasil observasi penyelidik terhadap keadaan kehidupan masyarakat Banda Aceh semenjak tahun 2012 samapai dengan tahun 2015.

dan negara, iaitu dalam aspek individu dan masyarakat, generasi muda, birokrasi, dan ekonomi. Gratifikasi juga menghilangkan nilai-nilai luhur yang ditanam oleh Islam, menghilangkan rasa kasih sayang, tidak ada lagi saling tolong-menolong antara satu sama lain, melenyapkan rasa keadilan dan kesaksamaan, serta menyebabkan berlakunya penindasan yang dilakukan oleh mereka yang berkedudukan atau berjawatan terhadap rakyatnya. Berdasarkan kesan yang ditimbulkan ini, maka jelaslah bahawa gratifikasi sangat tidak dibenarkan dalam sistem perundangan Islam. Hal ini demikian kerana akibat yang ditimbulkan bukan sahaja membahayakan kehidupan di alam dunia sebagaimana yang sudah disebutkan di atas dengan segala bentuk kehancuran, tetapi di sisi yang lain bahaya yang ditimbulkan kadangkala tidak disedari, bahkan sentiasa diabaikan, iaitu telah menghancurkan nilai-nilai keyakinan (aqidah) kepada Allah, seperti mendustakan nikmat-nikmatNya, mendustakan janji-janji Allah dan RasulNya, mendustakan ayat-ayatnya, adanya hari pertimbangan amal, bahkan mendustakan adanya hari pembalasan.

Dengan demikian, berdasarkan kesan yang ditimbulkan daripada gratifikasi ini bukan hanya menyentuh dari sudut duniawi yang sangat penting, tetapi juga menyentuh aspek yang berkaitan dengan prinsip dalam Islam, iaitu keimanan. Menurut pandangan Islam, gratifikasi adalah termasuk dalam jenayah yang luar biasa atau dalam istilah lain disebut sebagai *extra ordinary crimes*. *Extra ordinary crimes* adalah merupakan suatu perbuatan yang dilakukan dengan maksud untuk menghilangkan hak asasi umat manusia lain. Dalam hal ini, gratifikasi yang dilakukan oleh masyarakat Aceh dengan pihak kaki tangan kerajaan telah dianggap mencederakan dan merugikan hak asasi sosial, budaya, dan ekonomi masyarakat secara keseluruhannya. Oleh itu, diperlukan penyelesaian yang luar biasa dalam rangka untuk membanterasnya.

5.7 Kedudukan Gratifikasi di Aceh dalam *Jarīmah*

Hukum Islam menetapkan bahawa semua aspek kehidupan, liputan peraturan dalam Islam sangat menyeluruh. Dari sekian banyak hal yang diatur dalam Islam termasuk di

antaranya adalah masalah jenayah. Jenayah dalam hukum Islam disebut dengan hukum *fiqh al-jināyah*, di dalamnya termasuk pembahasan tentang jenis-jenis perbuatan yang dianggap sebagai jenayah, pembahagian, bentuk-bentuk hukumannya, serta tata cara atau prosedur menjatuhkan hukuman. Oleh itu, yang menjadi salah satu skop perbahasan di dalamnya adalah jenis-jenis perbuatan yang dianggap sebagai amalan jenayah, ertinya di dalamnya akan diterangkan di mana kedudukan amalan jenayah di antara tiga kategori amalan jenayah yang telah dirumuskan para ulama, iaitu *qiṣāṣ-diyāt*, *hudūd*, dan *ta'zīr*. Hal ini sangat penting terhadap formalisasi sesebuah peraturan yang akan digunakan untuk mengawal masyarakat agar tujuan yang dikehendaki oleh hukum dapat terarah dan menjadi kemaslahatan bagi manusia dalam amalan sehariannya.

Berlandaskan kepada amalan-amalan gratifikasi yang berlaku dalam masyarakat Islam di Aceh dan faktor-faktor yang mendorong berlakunya amalan tersebut serta pemahaman terhadap sejumlah dalil dan hujah penyokong sehingga memperoleh hasil, amalan gratifikasi dalam kalangan masyarakat Islam di Aceh dapat dibandingkan atau dianalogikan kepada beberapa *jarīmah* dalam hukum Islam, iaitu *khiyānah*, *al-ghashi*, *al-ghaṣab*, dan *al-rishwah*, maka dapat disimpulkan bahawa amalan-amalan gratifikasi di Aceh apabila dilihat dalam perspektif hukum Islam, maka termasuk dalam kategori *jarīmah ta'zīr*. Amalan gratifikasi itu termasuk dalam kategori *jarīmah ta'zīr* kerana jenayah tersebut sudah ada dalam *naṣ*, namun hukumannya belum ada penegasan dalam *naṣ*, sehingga segala ketentuan yang berkaitan dengan hukuman kepadanya diserahkan kepada penguasa dengan mempertimbangkan kemaslahatannya. Hal ini demikian kerana *ta'zīr* adalah jenis jenayah yang diberikan kuasa kepada penguasa untuk menetapkannya. Ini bermaksud hukuman yang diberikan adalah bersifat mendidik yang ditentukan oleh penguasa ke atas pelaku jenayah atau pelaku maksiat yang hukumannya belum ada. Dalam hal ini, hakim diberikan kuasa untuk menjatuhkan hukuman mulai dari seringan-ringan hukuman sehinggalah ke seberat-berat hukuman, sesuai dengan pelanggaran atau

kesalahan yang dilakukan oleh si pesalah dan hukuman ini bersifat untuk mendidik demi kepentingan masyarakat umum.

Dalam rangka pengaturan suatu negara secara teratur dan seimbang, hukum (fekah) yang mengatur cara kehidupan manusia telah dirumuskan dalam keseragamannya. Salah satu hukumnya adalah *ta'zīr* sebagai penjatuhan hukuman terhadap pelanggaran *jarīmah al-ta'zīr*. Dalam Hukum Islam, *jarīmah-jarīmah* yang diancam dengan *ta'zīr* boleh diklasifikasikan kepada tiga, iaitu *ta'zīr* untuk perbuatan maksiat (*al-ta'zīr 'alā al-ma'aṣī*), *ta'zīr* atas perbuatan yang menggugat kepentingan umum (*al-ta'zīr li maṣlahah al-'ammah*), dan *ta'zīr* untuk perbuatan yang makruh/mandub (*al-ta'zīr 'alā al-mukhālafāt*).

Dari tiga bentuk *ta'zīr* di atas, dalam bentuk *al-ta'zīr 'alā al-ma'aṣī* (*ta'zīr* untuk perbuatan maksiat) dan *al-ta'zīr li maṣlahah al-'ammah* (*ta'zīr* atas perbuatan yang mengganggu kepentingan umum) lebih cenderung dimasukkan dalam amalan gratifikasi dalam kalangan masyarakat Islam di Aceh. Kemasukan amalan gratifikasi ini ke dalam hukuman *ta'zīr* kerana tidak ada *naṣ* yang jelas yang menyebutkan tentang amalan dan hukuman untuk perbuatan itu. Begitu pula dengan para ulama yang lampau juga tidak menjelaskan kedudukan amalan gratifikasi seperti yang berlaku di Aceh dalam perbincangan *jināyah* (hukum Islam), apakah perbuatan gratifikasi itu termasuk dalam bentuk *jarīmah ḥudūd* atau *ta'zīr*. Dengan demikian, kerana adanya beberapa bentuk amalan gratifikasi yang tidak ada landasan *naṣ* khusus, maka bentuk amalan gratifikasi tersebut dapat difahami melalui konsep *ta'zīr* agar tujuan yang dikehendaki oleh hukum tidak terkeluar dari *maqāsidnya*.

Untuk memahami corak gratifikasi moden di Aceh yang pelbagai variasi, diperlukan kaedah-kaedah *istinbāṭ* hukum yang tidak boleh terkeluar dari *naṣ*. Oleh kerana itu, dalam rangka proses pembuatan sesebuah undang-undang itu, diperlukan pelbagai peringkat, tahap, dan kajian yang tertentu sesuai dengan situasi, keadaan, dan

peraturan hukum pada masa ini untuk mengatur tata kehidupan masyarakat tertentu. Dalam sistem hukum Islam, langkah pertama yang harus dilakukan untuk legalisasi hukumnya adalah dengan mencari *naş*.³⁹ Jika *naş* tidak menyebut secara jelas, maka perlu dipelajari isyarat-isyarat *naş* atau prinsip-prinsip umum yang ada dalam *naş* yang digunakan untuk menetapkan hukum terhadap persoalan yang tidak disebutkan hukumnya secara tegas dan jelas dengan *naş* yang khusus dengan mempergunakan kaedah-kaedah *istinbaţ* hukum.

Dalam hal ini, para ahli hukum Islam setakat ini tidak menyebut penyelarasan (sinkronisasi) sebagai salah satu kaedah penemuan hukum di samping kaedah linguistik (kebahasaan) dan kausasi (penaakulan). Namun, apabila kita memperhatikan dengan lebih jauh, beberapa ahli hukum moden mengklasifikasikan kaedah penemuan hukum Islam menjadi kaedah *istinbaţ* hukum seperti berikut. Pertama, kaedah *istinbaţ* hukum dengan pendekatan ilmu kebahasaan atau semantik yang juga disebut dengan kaedah penaakulan *lughawī*. Kaedah ini merujuk kepada analisis kebahasaan dengan melihat sebuah *lafaz* (ungkapan) dari suatu *naş*.⁴⁰ Kedua, kaedah *istinbaţ* hukum dengan pendekatan 'illat hukum yang disebut dengan kaedah penaakulan *ta'liī*.⁴¹ Dan ketiga, kaedah *istinbaţ* hukum dengan pendekatan maslahat yang kadangkala sering disebut dengan kaedah penaakulan *istislāhī*.⁴²

³⁹ Dalam kajian *Uşūl al-Fiqh*, kedua sumber utama tersebut disebut dengan dalil *al-munshi'* (dalil yang mencipta), ertinya keberadaannya tidak memerlukan dalil-dalil yang lain. Kaedah-kaedah pendedahan hukum dari kedua sumber utama sebagaimana disebutkan disebut juga dengan dalil *al-mużhir*. Antara dalil *al-munshi'* dan dalil *al-mużhir* mempunyai hubungan yang sangat erat, sehingga tidak jarang para penyelidik tentang Hukum Islam langsung menyatakan bahawa dalil *al-mużhir* disebut juga sebagai sumber hukum.

⁴⁰ Skop makna dari suatu *lafaz*, yakni melihat apakah suatu *lafaz* merangkumi makna khusus (*khas*), umum ('*amm*), atau ganda (*musyāhtarak*), hakikat (*haqīqī*) atau majaz (*majāzī*)nya suatu *lafaz*, yaitu melihat makna *lafaz* dari segi apakah maknanya asli atau makna pinjaman (*majaz*), jelas (*zahir*) atau tidaknya suatu *lafaz* (*mubham*), yakni melihat apakah makna tersebut memerlukan penjelasan lebih lanjut atau tidak, dan makna yang ditangkap dari suatu *lafaz* ketika berbentuk kalimat, iaitu melihat makna suatu *lafaz* ketika *lafaz-lafaz* itu menyatu membentuk kalimat dalam suatu *naş*, apakah maknanya dapat difahami secara langsung atau tidak.

⁴¹ Kaedah ini ditempuh sebagai lanjutan atau alternatif yang kedua selepas kaedah penaakulan *lughawī*. Pendekatan 'illat ditempuh berdasarkan aksiom dalam hukum Islam bahawa tidak ada hukum yang tidak mempunyai 'illat. Jadi, yang dicari dari sumber hukum serta fenomena yang ada adalah kesamaan 'illat atau sebab hukumnya. Bentuk permasalahannya boleh saja berbeza antara masalah yang diatur dalam *naş* dengan masalah baru yang muncul, namun boleh dilaksanakan hukum yang sama jika ada kesamaan 'illat. Dalam ilmu logik, kaedah penaakulan *ta'liī* ini mirip dengan silogisme.

⁴² Kaedah ini ditempuh sebagai lanjutan atau alternatif yang ketiga selepas menempuh dua kaedah sebelumnya. Kaedah ini merujuk *maslahat* berdasarkan aksiom bahawa tujuan hukum sesungguhnya adalah mencari kemaslahatan. Kaedah ini juga berpegang kepada dalil-dalil *naş*, tetapi dalil *naş* yang dijadikan acuan adalah dalil-dalil *naş* yang mengandungi prinsip-prinsip umum, bukan dalil-dalil yang mengandungi prinsip khusus sebagaimana pada dua kaedah sebelumnya (*lughawī* dan *ta'liī*).

Ketiga kaedah penaakulan di atas, lebih mudah dalam mengkategorikannya. Hal ini berbeza dengan membahagikan kaedah penaakulan hukum Islam kepada tafsiran linguistik (*al-ṭurūq al-bayāniyyah*), kaedah kausasi (*al-ta'liṭ*) dan kaedah penyelarasan (*sinkronisasi* atau *al-taufiq*). Perbezaan itu sesungguhnya adalah kaedah *ijtihad qiyāsi* dan kaedah *istislāhī* yang boleh dimasukkan ke dalam suatu kategori, iaitu kaedah kausasi. Dengan demikian kaedah penemuan hukum Islam dapat dibezakan menjadi tiga jenis seperti tadi.

Walaupun adanya perbezaan dalam mengkategorikan bentuk-bentuk pemikiran Hukum Islam, baik penaakulan *istislāhī* mahupun *taufiqī*, merupakan bahagian penting dalam penemuan hukum *syar'ī* kerana kaedah-kaedah ini adalah merupakan usaha penemuan hukum untuk kes yang tidak ada teks hukumnya, seperti amalan gratifikasi di Aceh. Hal ini disebabkan oleh pada amalan ini mengandungi aspek menjaga kemaslahatan dan ketertiban bangsa dan negara. Oleh itu, hukum yang selayaknya untuk amalan gratifikasi di Aceh ini adalah hukum *ta'zīr*. Kedudukan kategori *jarīmah* ini adalah merupakan kategori ketiga daripada bentuk-bentuk hukuman (*'uqūbah*) dalam Hukum Islam. Kepentingan umum yang dimaksudkan adalah kemaslahatan atau kebaikan masyarakat secara menyeluruh, bukan hanya pada kemaslahatan kumpulan atau individu tertentu.

Mengenai ketertiban umum itu, Islam telah menetapkan prinsip-prinsip yang harus dijadikan pedoman, iaitu prinsip *al-amr bi al-ma'ruf wa al-nahy 'ani al-munkar, tasamuh* (toleransi), dan *al-'adl* (keadilan).⁴³ Apabila dikaitkan dengan *jarimah ta'zīr* gratifikasi dalam kalangan masyarakat Islam di Aceh, maka prinsip *al-amr bi al-ma'ruf wa al-nahy 'an al-munkar* bermakna setiap orang dituntut untuk menuju kepada objektif (perbuatan) yang baik dan benar yang dikehendaki dan diredhai oleh Allah. Hal ini

⁴³ Muḥammad Muṣṭafā Syalabī, *al-Madkhal fi al-Ta'rīf bi al-Fiqh al-Islāmī* (Mesir: Dār al-Ta'līf, 1966), 276-286. Ahmad Azhar Basyir, *Pokok-Pokok Persoalan Filsafat Hukum Islam* (Yogyakarta: UII Press, 2006), 56. Juhaya S. Praja, *Filsafat Hukum Islam* (Bandung: Pusat Penerbit Universitas LPPM-UI Bandung, 2002), 72-77.

demikian kerana gratifikasi yang berlaku adalah merupakan perbuatan yang melanggar hukum, iaitu hukum dalam *naṣ al-Qurān* dan hadis yang melarang perbuatan tersebut.

Perkaitan dengan prinsip *tasamuh* (toleransi) adalah adanya interaksi di antara masyarakat berupaya untuk meningkatkan kebaikan dan ketakwaan kepadaNya agar perbuatan yang terlarang seperti gratifikasi yang berlaku dalam kalangan masyarakat Islam di Aceh tidak dilakukan. Berkenaan dengan prinsip *al-‘adl* (keadilan) pula, setiap kali berlakunya amalan gratifikasi, penetapan dan penguatkuasaan hukum oleh pihak berkuasa perlu dijalankan dan dilakukan dengan adil tanpa adanya perbezaan-perbezaan di muka hukum. Lebih-lebih lagi amalan gratifikasi adalah berkaitan dengan hubungan masyarakat yang luas (bangsa dan negara).

Penerapan hukuman *ta‘zīr* terhadap kepentingan umum adalah berdasarkan kepada perbuatan Nabi sendiri (*sunnah fi‘liyyah*) yang memenjarakan seseorang yang dituduh mencuri seekor unta. Namun demikian, disebabkan oleh tuduhan itu tidak mempunyai bukti yang kukuh, kemudiannya si tertuduh dilepaskan. Hadis tentang hal ini diriwayatkan oleh Abū Dāwud, Aḥmad, al-Nasā‘ī, dan al-Tirmidhī.⁴⁴ Selain itu, terdapat juga *athar*⁴⁵ sahabat, di mana ‘Umar pernah menta‘zīr Naṣr bin Ḥajjaj, seorang pemuda yang sangat tampan sehingga memikat hati para wanita di Madinah. Bimbang perkara itu akan mendatangkan fitnah bagi masyarakat umum, maka ‘Umar memutuskan untuk mengasingkan Naṣr ke luar Madinah (Basrah). Sebagaimana yang sudah penyelidik paparkan sebelumnya, ketampanan Naṣr bukanlah maksiat, bahkan rahmat Allah, akan tetapi jika Naṣr tetap tinggal di Madinah, maka akan banyak wanita yang berusaha untuk mendapatkannya dengan berbagai cara dan ini akan menimbulkan keresahan dalam

⁴⁴ Hukuman penjara, baik yang bersifat sementara (penahanan sementara) dan penjara sebagai hukuman tetap, seperti yang dikuatkuasakan kepada seseorang yang berulang kali melakukan tindak jenayah. Lihat, Wahbah al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhū* (Damsyiq: Dār al-Fikr, 1989), 198.

⁴⁵ Ada yang berpendapat bahawa *athar* adalah yang datang dari sahabat, *tabi‘īn*, dan orang-orang sesudahnya, juga ada pendapat yang mengatakan bahawa istilah *athar* itu lebih umum penggunaannya dari pada hadis dan *khbar*, kerana istilah *athar* itu merangkumi segala berita dan perilaku para sahabat, *tabi‘īn* dan selainnya. Kebanyakan para Muhaddisin mengukuhkan alasannya tentang persamaan istilah-istilah tadi dengan mengemukakan persesuaian maksud dan pemakaiannya. Misalnya istilah *khbar mutāwatīr* dipakai juga untuk hadis *mutāwīr*, dan *ahli* hadis maupun *ahli khbar* juga disebut dengan *ahli athar* (*al-atharī*). Lihat, Fatchur Rahman, *Ikhtisar Mushthalah Hadits* (Bandung: Alma‘arif, 1974), 28. Muḥammad Ḥusayn Ḥaikāl, *‘Umar bin Khaṭṭab*, terj., Oleh ‘Ali Awdah (Bogor: Lintera AntarNusa, 2003), 765-766.

masyarakat. Perbuatan 'Umar itu adalah merupakan usaha yang dapat mewujudkan kemaslahatan dalam masyarakat (*al-maṣlaḥah lī al-mujtama'*) pada masa itu dengan cara menutup pintu yang mendorong kepada kemungkaran atau mencegah kemungkinan yang akan menimbulkan kemungkaran, yang disebut dengan istilah *sadd al-dharī'ah*.

Kemaslahatan masyarakat adalah merupakan objektif utama yang dikehendaki oleh hukum khususnya hukum *ta'zīr*, iaitu mewujudkan kebahagiaan hidup yang hakiki, yang menjadi pemacu arah bagi setiap perilaku dan tindakan manusia dalam rangka untuk mencapai kebahagiaan hidup dengan mentaati hukum-hukum. Salah satu kepentingan hidup manusia menuju tercapainya kebaikan hidup yang hakiki adalah kepentingan yang esensial, iaitu bahagia hidup di dunia dan juga di akhirat nanti. Penetapan hukuman *ta'zīr* bergantung kepada tuntutan kemaslahatan, sebagaimana kaedahnya *al-ta'zīr yadūr ma'a al-maṣlaḥah*.⁴⁶

Kaedah tersebut apabila dihubungkan dengan jenayah gratifikasi menunjukkan bahawa kepentingan masyarakat umum lebih diutamakan daripada pelaku amalan gratifikasi, masalah kepentingan pelaku amalan gratifikasi sama sekali diabaikan demi mewujudkan kemaslahatan masyarakat umum, dan adanya hukuman *ta'zīr* bergantung kepada tuntutan kemaslahatan. Ertinya keberadaan hukuman *ta'zīr* itu sesuai dengan keadaan dan tempat, dengan begitu tanpa penyelewengan atau penggelapan hukuman *ta'zīr* tidak dijalankan dan sebaliknya apabila terjadinya perbuatan itu, hukuman *ta'zīr* berperanan sebagai tunjang kepada keadilan dan *amar ma'ruf nahi munkar*.

Hukum *ta'zīr*, baik dalam konsep dan implimentasinya akan melahirkan ciri dan sendinya. Ciri yang dimaksudkan adalah yang menjadi landasan pemikiran, iaitu memberikan hukuman duniawi dan ukhrawi, cenderung *jama'iyah* (kebersamaan), dinamik menghadapi perkembangan kehidupan sesuai dengan tuntutan ruang dan waktu, dan bertujuan mengatur kehidupan individu maupun masyarakat menuju terciptanya

⁴⁶ A. Djazuli, *Kaidah-kaidah Fikih: Kaidah-kaidah Hukum Islam dalam Menyelesaikan Masalah-Masalah Yang Praktis* (Jakarta: Kencana, 2006, 236.

kesejahteraan dunia secara menyeluruh.⁴⁷ Sendinya pula adalah tidak memberatkan dan menghindarkan masyarakat, iaitu memelihara kemaslahatan seluruh umat manusia dan mewujudkan keadilan yang menyeluruh bagi seluruh umat manusia.⁴⁸

Apabila dilihat dari kaca mata sistem undang-undang Barat, yang juga diguna pakai dalam sistem hukum di Indonesia, jenis hukuman *ta'zīr* terutamanya hukuman bagi pelaku gratifikasi adalah jenis hukuman yang bertentangan dengan prinsip-prinsip hukum yang mereka anuti. Sebab salah satu asas yang diagungkan dalam sistem undang-undang Barat adalah “tidak ada hukuman atau amalan jenayah tanpa ketetapan nas (undang-undang).”⁴⁹ Asas ini bertentangan dengan sistem jenayah *ta'zīr* yang menyerahkan *ta'zīr* sepenuhnya kepada hakim. Bukan bermakna hakim boleh sesuka hati melaksanakan hukuman (*'uqūbah*). Hakim boleh memilih alternatif hukuman yang akan diberikan kepada pelaku gratifikasi dari beberapa bentuk hukuman bagi pelaku jenayah *ta'zīr* dengan mempertimbangkan besar dan kecilnya kesalahan yang dilakukan demi menjaga keadilan dan kemaslahatan.

Jadi hakim tidak boleh juga memberikan hukuman semena-mena sesuai dengan kehendaknya sahaja, apalagi hukuman itu sarat dengan kepentingan peribadi dan kumpulannya. Kuasa hakim juga tidak lepas dari koridor prinsip pemberian hukuman dalam undang-undang Islam. Jadi hakim di sini liputan tidak hanya sebatas qadi sahaja, tetapi termasuk di dalamnya penguasa. Jadi peraturan-peraturan (undang-undang) yang dibuat oleh kerajaan berkaitan dengan hukuman terhadap pelaku gratifikasi merupakan bentuk kuasa hakim dalam memberikan hukuman kepada pelaku amalan gratifikasi.

Dalam kaitan dengan kebebasan hakim dalam memutuskan hukumana bagi pelaku amalan gratifikasi, ada dua pendapat ahli fekah yang berkembang. Satu pendapat menyatakan bahawa hakim berhak menghukum siapa sahaja, kes apa sahaja, dan dengan

⁴⁷ M. Yusuf Musa, *al-Fiqh al-Islāmī* (Cairo: Dār al-Kutub al-Hadithah, 1959), 61.

⁴⁸ *Ibid.*, 115-125.

⁴⁹ Fasal 1 ayat 1 Kitab Undang-undang Hukum Pidana.

darūriyyah (suatu kemestian yang sangat prinsip). Pada masalah ini terdapat kepentingan yang mutlak untuk memelihara keselamatan harta. Harta yang dimaksudkan di sini adalah harta dari penyelewengan tugas atau penggelapan untuk keuntungan pribadi atau orang lain. Untuk menjaga harta itu dari penyelewengan atau penggelapan oleh pihak-pihak tertentu, diadakan satu set hukum yang mengancam si pelaku (gratifikasi) tersebut, sehingga negara tidak terjejas dan kehidupan masyarakat menjadi makmur dan sejahtera. Dengan demikian, kemaslahatan yang bersifat universal dari *jarāmah ta'zīr* telah dipenuhi.

Kemaslahatan boleh dibahagikan kepada tiga peringkat sesuai dengan cara memandangnya:

- 1) Kemaslahatan ditinjau dari segi pengaruhnya atas kehidupan umat manusia. kemaslahatan ini adalah primer, sekunder, dan tertier.
- 2) Kemaslahatan ditinjau dari segi hubungan dengan kepentingan individu dan masyarakat. Kemaslahatan ini dibagi atas dua bentuk, iaitu kemaslahatan yang bersifat universal dan menyangkut dengan kepentingan kolektif (*kulliyyah*), dan kepentingan individu (*fardiyyah*). Dalam praktiknya ukuran kemaslahatan ini bergantung kepada perjanjian masyarakat dan individu, kemaslahatan ini lebih bersifat pragmatik.
- 3) Kemaslahatan ditinjau dari segi kepentingan pemenuhannya dalam rangka pembinaan dan kesejahteraan manusia dan individu. Kemaslahatan ini ada tiga. Pertama, kemaslahatan yang mesti ada bagi terpenuhinya kepentingan manusia, baik individu maupun kolektif. Kedua, *al-maṣlaḥah al-qaṭ'iyyah*, iaitu kemaslahatan yang diduga kuat mesti ada bagi kebanyakan orang. Kemaslahatan ini sama dengan maslahat yang pertama. Kemaslahatan ini kadang juga disebut dengan *al-maṣlaḥah al-ẓanniyyah*, kerana kemaslahatan ini tidak mutlak, keberadaannya hanya terbatas pada dugaan kuat. Dan Ketiga, kemaslahatan yang dijangkakan harus ada

dikemudian, disebut dengan *al-maṣlaḥah al-wahmiyah*.⁵⁰ Yaitu suatu kemaslahatan yang tidak berkaitan langsung pada masa kejadian itu, tetapi sifatnya lebih kepada pertimbangan masa-masa yang akan datang agar perkara yang tidak diinginkan itu jangan sampai terjadi lagi.

Dari ketiga macam peringkat maslahat di atas, maslahat kedudukan nombor satu dan dua tepat untuk diwujudkan dalam konteks pelaksanaan hukuman *ta'zīr* terhadap pelaku amalan gratifikasi dalam kalangan masyarakat Islam di Aceh. Pentingnya penerapan kedua maslahat tersebut dalam rangka penerapan atau kegunaan hukuman *ta'zir* untuk amalan gratifikasi ikut diperkukuhkan oleh kaedah *al-maṣlaḥah al-'ammah muqaddamah 'alā al-maṣlaḥah al-khāṣṣah* (kemaslahatan umum itu harus didahulukan dari pada kemaslahatan individu).⁵¹ Jadi penerapan hukuman *ta'zīr* bagi pelaku jenayah gratifikasi di Aceh bertujuan untuk menjaga agar boleh terwujudnya kemaslahatan kehidupan masyarakat Aceh secara keseluruhan.

Walaupun jenayah gratifikasi di Aceh dikategorikan dalam jenis jenayah *ta'zīr*, hakim mempunyai kebebasan dalam memberikan hukuman, namun kebebasan hakim bukanlah kebebasan yang tanpa batas (*muḥlaq*), tetapi kebebasan yang terikat (terbatas). Kerana para ahli hukum Islam telah bersepakat bahawa hakim tidak boleh menetapkan hukuman dengan dorongan hawa nafsunya, tetapi harus dengan jalan ijtihad untuk mencari bentuk hukuman yang sesuai dengan kemaslahatan pesalah, masyarakat, dan persekitaran.

5.8 Hukuman Terhadap Pelaku Gratifikasi di Aceh

5.8.1 Kepentingan Hukuman Terhadap Gratifikasi di Aceh

Hukuman atau *'uqūbah* merupakan perkara yang sangat penting kedudukannya dalam rangka penguatkuasaan kedaulatan undang-undang. Hal ini kerana sesuatu hukum itu

⁵⁰ Juhaya S. Praja, *Filsafat Hukum*, 105-106.

⁵¹ Al-Shātibī, *al-Muwāfaqat fī Uṣūl al-Sharīah*, j. 2, (Mesir: Maktabah al-Tijariyah al-Kubra, t. th.), 26.

walau seberat manapun tanpa adanya hukuman akan dilihat lemah dan tiada penguatkuasaannya. Lebih khusus lagi bergantung pada ditegakkannya hukuman tersebut atau tidak, kerana tidak ada gunanya bila undang-undang dan hukuman hanya dijadikan sebagai dokumen, bukan dilaksanakan dan dijalankan sebagaimana semestinya.

Apabila diperhatikan kembali, jenis hukuman ada empat, iaitu *al-'uqūbah al-asliyyah* (hukuman yang telah ditentukan dan merupakan hukuman pokok seperti ketentuan *qisās* dan *hudūd*), *al-'uqūbah al-badaliyyah* (hukuman pengganti, hukuman ini boleh dikenakan sebagai pengganti apabila hukuman utama tidak dilaksanakan kerana ada alasan hukum yang sah seperti *diyāt* atau *ta'zīr*), *al-'uqūbah al-tab'īyyah* (hukuman tambahan yang automatik ada yang mengikuti hukuman pokok atau asas tanpa memerlukan keputusan tersendiri seperti kehilangan hak mewarisi kerana membunuh), dan yang terakhir *al-'uqūbah al-takmiliyyah* (hukuman tambahan bagi hukuman pokok dengan keputusan hakim tersendiri seperti menambah hukuman kurungan atau *diyāt* terhadap *al-'uqūbah al-asliyyah*).⁵²

Sedangkan tujuan hukuman ada tiga, pertama *al-himyah* (preventif), iaitu supaya seseorang berfikir dan menyedari akibat yang akan dialami apabila suatu *jarīmah* dilakukan. Kedua, *al-tarbiyyah*, iaitu supaya seseorang memperbaiki diri atau menjauhkan dirinya dari *jarīmah* dengan pertimbangan dijatuhi hukuman yang setara dengan perbuatannya. Dan ketiga, *al-'adālah*, iaitu terciptanya rasa keadilan. Jadi hukuman harus ditegakkan tanpa pilih kasih sebagaimana hadis Rasulullah mengenai penguatkuasaan potong tangan terhadap pencuri termasuk terhadap Faṭimah sekalipun puteri beliau seandainya ia mencuri.⁵³

Dengan begitu, hukuman itu merupakan suatu elemen yang sangat penting dalam proses penguatkuasaan hukum bagi pelaku amalan gratifikasi di Aceh, kerana hukum yang melarang dari melakukan amalan gratifikasi tidak akan bermakna dan hilang

⁵² Muḥammad Abū Zahrah, *al-Jarīmah wa al-'Uqūbah fi al-Fiqh al-Islāmī* (tt.p.: Dār al-Fikr al-'Arabī, t.th.), 221.

⁵³ *Ibid.*, 221.

wibawanya ketika hukumannya tidak ditegakkan sebagaimana yang telah termaktub. Jadi boleh dikatakan bukan hukum namanya kalau tidak punya hukuman, kerana antara keduanya saling berkaitan dan saling melengkapi. Jika saja satu unsurnya tidak ada maka yang lainnya pun akan ikut terencat dalam penguatkuasaannya.

5.8.2 Cadangan Bentuk Hukuman Terhadap Pelaku Gratifikasi di Aceh.

Sebagaimana telah dibahas sebelumnya, ditinjau dari segi amalan, gratifikasi termasuk ke dalam kategori *jarīmah ta'zīr*. Untuk itu, hukuman terhadap pelaku amalan gratifikasi dalam hukum Islam juga akan merujuk kepada bentuk-bentuk hukuman yang dikenakan kepada pelaku jenayah *ta'zīr* pada umumnya, tetapi tidak tertutup kemungkinan akan adanya bentuk-bentuk hukuman baru yang belum pernah dirumuskan sebelumnya. Mulai dari hukuman yang tertinggi sampai dengan yang paling rendah, bergantung kepada pertimbangan hakim dalam melihat besar dan kecilnya akibat yang ditimbulkan dari amalan tersebut dan kemaslahatannya bagi masyarakat umum.

Mengenai jenis-jenis amalan yang tertakluk *ta'zīr*, sebahagian telah disebutkan di dalam *naṣ al-Qur'ān*, hadis atau *athar-athar* para sahabat. Misalnya *jarīmah rishwah*, *ribā*, kesaksian palsu, *maysir*, *khalwat*, tidak menyampaikan amanah, penghinaan, dan sebagainya. Selain itu, dalam *naṣ* juga disebutkan jenis dan bentuk hukuman yang dilaksanakan terhadap amalan-amalan tersebut sebagai contoh hukuman sebat, hukuman pengasingan, dan sebagainya. Hal ini tentunya memudahkan hakim atau penguasa untuk memutuskan sama ada hukuman yang diberikan kepada pelaku jenayah gratifikasi mengikuti prosedur itu atau tidak. Akan tetapi, yang paling banyak adalah jenis perbuatan yang tidak disebutkan dalam *naṣ* apalagi jenis dan bentuk hukumannya. Jenis-jenis baru amalan jenayah *ta'zīr* (termasuk gratifikasi) ini lahir kerana perubahan masa dan perbezaan tempat (situasi dan kondisi). Jenis-jenis yang tidak disebutkan atau tidak ada sebelumnya ini termasuk dalam kategori *ta'zīr* untuk kemaslahatan. Dalam kaitannya dengan kuasa penguasa atau hakim dalam menjatuhkan hukuman terhadap pelaku amalan

gratifikasi, maka penguasa juga harus berijtihad untuk menentukan jenis dan bentuk hukuman yang sesuai (relevan) terhadap pelakunya.

Meskipun ada kesulitan tersendiri untuk menentukan hukuman kepada jenis-jenis amalan jenayah yang baru yang belum dikenal secara khusus dalam peristilahan fekah dan juga dalam *naş*, untuk menetapkan hukuman bagi gratifikasi boleh berpegang kepada konsep *maqāsid al-shar‘iyyah* sebagai sandaran. Segala jenis perbuatan jenayah tanpa berkecuali gratifikasi, pasti melanggar salah satu dari lima aspek yang dilindungi tersebut, iaitu agama, jiwa, akal, keturunan, dan harta. Penguasa boleh menetapkan suatu amalan gratifikasi sebagai sebuah jenayah beserta jenis hukuman dan juga kadarnya berdasarkan pertimbangan kemaslahatan yang lima (*al-maşlahah al-khamsah*).

Kuasa penguasa untuk menetapkan hukuman kepada pelaku amalan gratifikasi yang tergolong jenayah berdasarkan pertimbangan kemaslahatan dalam perbahasan fekah disebut dengan *siyāсах al-shar‘iyyah*. Dalam istilah pentadbiran negara moden konsep ini disebut juga dengan *public policy*. Mengikut ‘Abd al-Wahhāb Khallāf, *siyāсах al-shar‘iyyah* adalah kuasa penguasa dalam mengatur kepentingan umum dalam negara Islam sehingga terjamin kemaslahatan dan terhindar dari segala kemudaratan, dalam batas-batas yang ditentukan syara’ dan kaedah-kaedah umum yang berlaku.⁵⁴ Kepentingan umum di sini adalah segala peraturan dan undang-undang negara, baik yang berkaitan dengan hubungan antara negara, dengan rakyat (dalam negeri) atau hubungan negara dengan negara lain (luar negeri). Jadi, unsur umum yang harus ada dalam sebuah *siyāсах al-shar‘iyyah (public policy)* adalah, pertama, polisi, hukum, dan aturan. Kedua, untuk kemaslahatan bersama. Dan, ketiga, tidak bertentangan dengan prinsip-prinsip umum syari’at.

Dengan demikian, salah satu aspek yang membezakan undang-undang Islam dengan undang-undang Sekular adalah masalah jenis hukuman yang diterapkan terhadap

⁵⁴ ‘Abd al-Wahhāb Khallāf, *al-Siyāсах al-Shar‘iyyah* (Kuwait: Dār al-Qalam, 1978), 27.

suatu jenayah, khususnya gratifikasi. Boleh dikatakan dalam undang-undang Sekular, hukuman yang paling umum digunakan terhadap pelaku gratifikasi adalah hukuman penjara atau kurungan. Hukuman mati dianggap layak dikuatkuasakan jika amalan gratifikasi yang dilakukan sudah mencapai had atau batasan yang berat. Sedangkan hukum Islam mempunyai konsep yang berbeza dalam persoalan jenis hukuman. Jenis hukuman yang terdapat dalam hukum Islam diatur menurut jenis kejahatan atau pelanggaran yang dilakukan. Jadi, sebelum pelaku melakukan suatu jenayah, dia sudah mengetahui jenis hukuman yang akan dia terima sekiranya ia melakukan jenayah tersebut. Sebaliknya, dalam hukum sekular, ketidaktegasan hukuman yang diterapkan membuat pelaku jenayah selalu berspekulasi dalam melakukan kejahatan.

Walaupun penegasan secara jelas bagi pelaku amalan gratifikasi tidak ditegaskan, tetapi ada beberapa contoh pelanggaran hukum yang sudah ada, yang mana kejadian itu mempunyai persamaan dengan gratifikasi sehingga paling tidak hukumnya boleh diterima pakai untuk dikuatkuasakan terhadap pelaku amalan gratifikasi di Aceh, walaupun gratifikasi tidak sepenuhnya boleh disamakan dengannya. Adapun *jarīmah* tersebut beserta hukumannya boleh penyelidikan kemukakan sebagai berikut:

- 1) Hukuman untuk *ghulūl*. Di dalam hadis-hadis Rasulullah disebutkan bahawa hukuman terhadap pelaku *ghulūl* adalah membakar harta *ghulūl*nya dan memukul pelakunya. Hadis yang menjelaskan bentuk hukuman tersebut adalah hadis nombor 2598 dalam kitab Sunan Abī Dāwud sebagaimana telah penyelidikan kutip sebelumnya. Pada hadis yang lain disebutkan bahawa hukuman *ghulūl* adalah dengan membakar hartanya, mengarak keliling pelakunya dan tidak memberikan bahagiannya. Sebagaimana yang terkandung dalam riwayat berikut ini, yang ertinya, “dari Ṣālih bin Muḥammad dia berkata: pernah kami berperang bersama Walid bin Hisyam, sedang kami bersama Salim bin ‘Abdillah bin ‘Umar bin ‘Abdil ‘Azīz. Kemudian ada seorang laki-laki melakukan *ghulūl*, maka Walid memerintahkan, agar

barangnya dibakar. Selepas dibakar, orang itu diarak berkeliling, dan bahagiannya tidak diberikan.” Mengikut Abū Dāwud hadis ini yang paling *ṣaḥīḥ* di antara hadis yang lainnya.⁵⁵

Jadi hukuman yang dilaksanakan bagi pelaku *ghulūl* sebagaimana yang dihuraikan di atas boleh diguna pakai kepada pelaku amalan gratifikasi, iaitu pemberian “hukuman diarak keliling dan tidak mendapatkan bahagiannya bagi pelaku *ghulūl*”. Boleh dilaksanakan hukuman jenayah *ghulūl* bagi pelaku amalan gratifikasi yang terjadi di era moden ini, kerana antara gratifikasi dan *ghulūl* mempunyai persamaan iaitu sama-sama merugikan dan boleh memberi kesan cukup besar terhadap kesejahteraan masyarakat. Keadaan ini bersesuaian untuk dilaksanakan kepada pelaku gratifikasi diberikan hukuman yang sama sebagaimana yang terjadi pada *ghulūl*.

- 2) Hukuman bagi pengkhianatan. Orang yang berkhianat tidak dikenakan potong tangan sesuai dengan hadis Nabi SAW yang diriwayatkan oleh al-Turmidhī:

ليس على خائن ولا منتهب ولا مختلس قطع.⁵⁶

Terjemahan: “Tidak dikenakan hukuman potong tangan terhadap pengkhianat, orang yang merampas, dan mencopet.”

Dalam beberapa kes, khianat boleh dijatuhi hukuman mati. Misalnya pengkhianatan terhadap agama (murtad) dan negara (*baghy*/pemberontakan), orang yang lari dari medan pertempuran melawan kaum musyrik. Gratifikasi boleh menyebabkan kerugian negara dan boleh membawaki kepada pengkhianatan terhadap bangsa dan negara serta jawatan, maka pengkhianatan seperti ini juga boleh dijatuhkan hukuman mati kepada pelakunya.

Berkaitan dengan hukuman potong tangan terhadap pelaku pencurian boleh dilaksanakan apabila harta yang dicuri oleh pelaku telah sampai nisab. Adapun nisab

⁵⁵ Abū Dāwud, *Musnad Abī Dāwud*, 246.

⁵⁶ Al-Turmidhī, *Sunan al-Turmidhī*, Bāb Mā Jā’a Fī al-Khā’in wa al-Mukhtalis wa al-Muhtalib, j. 4, No. Hadis 1448, 52.

potong tangan adalah satu perempat dinar ke atas sebagaimana hadis yang diriwayatkan dari ‘Amrah dari ‘Aisyah bahawa sesungguhnya Nabi SAW biasa memotong tangan kerana pencuriannya bernilai satu perempat dinar ke atas. Hadis tersebut begitu popular kerana dikeluarkan oleh Imam al-Bukhārī, Imam Muslim, Imām al-Turmidhī, Imam al-Nasā’ī, dan Imām Ibn Majah. Hadis dengan ayat yang hampir sama juga diriwayatkan oleh ‘Urwah dan ‘Amrah.⁵⁷

Ada beberapa kes kecurian yang tidak dipotong tangannya, iaitu pada kecurian buah-buahan, mencuri untuk memakannya kerana suatu hajat (di tempat itu) tanpa menyimpannya, kemudian kecurian yang dilakukan oleh orang gila, dan terakhir kecurian yang dilakukan dalam peperangan.⁵⁸ Imam Abū Hanīfah mengatakan tidak dipotong tangan pada pencurian harta dalam keluarga yang utama kerana mereka dibenarkan keluar masuk tanpa izin. Jadi kes kecurian antara suami isteri tidak dipotong tangan. Mengikut Imām al-Syāfi‘ī dan Imām Aḥmad, seorang ayah tidak dikenakan hukuman potong tangan kerana mencuri harta anaknya, cucunya, dan seterusnya ke bawah. Demikian pula sebaliknya, anak tidak boleh dikenakan tindakan potong tangan, kerana mencuri harta ayahnya, datuknya, dan seterusnya ke atas.⁵⁹

Al-Sayyid Abu Bakr berkata, bahawa pencuri mengambil harta secara sembunyi-sembunyi, sehingga tidak mungkin mencegahnya dengan kekuatan secara langsung. Sementara pencopet dan perompak mengambil harta secara nyata dan terang-terangan, sehingga membolehkan untuk dicegah atau ditindak langsung ketika sedang beraksi. Sedangkan pada kes pengkhianat, harta memang telah diserahkan kepadanya oleh pemilik harta itu sendiri. Sehingga dapat dituntut kembali melalui

⁵⁷ Abū Dāwud, *Musnad Abī Dāwud*, 729-730.

⁵⁸ *Ibid.*, 731-746.

⁵⁹ Makhrus Munajat, *Dekonstruksi Hukum Pidana Islam* (Yogyakarta: Logung Pustaka, 2004), 110-111.

hakim dengan menghadirkan saksi jika ia mengkhianati (mengambil) harta yang diamanahkan padanya.⁶⁰

Dari pembahasan ini, didapati bahawa hikmah dari penetapan hukum potong tangan untuk pencuri adalah kerana perbuatan si pencuri tidak dapat dicegah langsung. Sebab dilakukan secara sembunyi-sembunyi, iaitu apabila pemilik barang tidak berada di tempatnya, atau barang itu tidak bersama pemiliknya. Berbeza dengan kes copet, rompakan, dan khianat yang membolehkan untuk dicegah, dilawan, diambil tindakan secara langsung dan dijejaki kembali. Untuk kes yang mungkin berlakunya penentangan pelaku jenayah, para ulama menambah satu bab khusus, iaitu *daf'u al-ṣā'il* (membela diri atau *noodweer*). Memperhatikan hikmah hukum ini, penyelidik merasakan adanya perbezaan mendasar antara pencurian dengan gratifikasi yang berlaku dalam kalangan masyarakat Islam di Aceh sehingga tidak mungkin menyamakan hukuman bagi pelaku gratifikasi dengan pencuri. Amalan gratifikasi tetap dapat ditelusuri dan diminta pertanggungjawabannya serta mengembalikan harta itu, sedangkan pencuri sukar dikesan. Oleh kerana itu penyelidik lebih cenderung mengategorikan amalan gratifikasi sebagai pengkhianatan.

Jika dilihat bahawa amalan gratifikasi menimbulkan kesan mudarat yang lebih besar daripada pencurian, sehingga layak dihukum sama dengan pencuri, maka logik ini akan tertolak dengan kenyataan adanya satu jenayah lain yang hampir sama dengan mencuri, tetapi tidak masuk dalam definisi *al-sirqah* iaitu *qāṭi' al-ṭarīq* (penyamun). Perbuatan penyamun lebih buruk daripada pencuri, selain mengambil harta, penyamun juga melakukan pembunuhan, oleh itu peruntukan hukum bagi penyamun lebih berat, sebagaimana dalam *al-Qurān al-Karīm* berikut.

⁶⁰ Al-Sayyid Abū Bakr, *I'ānah al-Ṭālibīn*, j. 4, 160.

إِنَّمَا جَزَاءُ الَّذِينَ تَحَارَبُوا اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَيَسْعَوْنَ فِي الْأَرْضِ فَسَادًا أَنْ يُقَتَّلُوا أَوْ
يُصَلَّبُوا أَوْ تُقَطَّعَ أَيْدِيهِمْ وَأَرْجُلُهُمْ مِمَّنْ خَلَفَ أَوْ يُنْفَوْا مِنَ الْأَرْضِ ذَلِكَ لَهُمْ
خِزْيٌ فِي الدُّنْيَا وَلَهُمْ فِي الآخِرَةِ عَذَابٌ عَظِيمٌ ﴿٣٣﴾

Al-Mā'idah 5: 33

Terjemahan: “Sesungguhnya pembalasan terhadap orang-orang yang memerangi Allah dan RasulNya dan membuat kerusakan di muka bumi, hanyalah mereka dibunuh atau disalib, atau dipotong tangan dan kaki mereka dengan bertimbal balik, atau dibuang dari negeri (tempat kediamannya). Yang demikian itu (sebagai) suatu penghinaan untuk mereka di dunia, dan di akhirat mereka beroleh siksaan yang besar.”

Imām Fakhr al-Rāzī menyimpulkan, bahawa menurut kebanyakan *fuqahā* ayat ini turun untuk menjelaskan tentang *qaṭi' al-ṭarīq* di kalangan kaum muslimin.⁶¹ Dari ensensi ayat ini, penyelidik mengandaikan bahawa bagi setiap hukuman *ḥad*, ketetapan hukumnya tetap harus digariskan oleh *naṣ*. Pada QS. al-Mā'idah 5: 33 tersebut ditetapkan hukuman bagi penyamun, yang ketetapan itu lebih berat dari pada hukuman terhadap pencuri, kerana tindakan penyamun lebih parah dari pada tindakan pencurian.

Demikian pula ideal dengan gratifikasi, seandainya gratifikasi dipandang lebih berat daripada mencuri, tentunya akan ada ayat atau hadis yang menetapkan hukuman *had* atasnya, sebagaimana pada *qaṭi' al-ṭarīq*. Kerana logiknya, tidak mungkin pada suatu pelanggaran yang kesan kerosakannya lebih besar daripada mencuri atau bahkan lebih besar dari pada *qaṭi' al-ṭarīq* tidak ditetapkan hukuman yang sesuai atasnya. Padahal Rasulullah sudah melihat petunjuk ini, tidak mungkin beliau tidak mengetahui bahawa nanti akan merebak kes gratifikasi.

Penyelidik tidak mendapati syarat-syarat yang cukup untuk mengkategorikan amalan gratifikasi sebagai tindak jenayah kecurian. Dari carian, gratifikasi boleh dikategorikan sebagai jenayah pengkhianatan, kerana pelakunya adalah orang yang

⁶¹ Dalam menafsirkan ayat ini, ada perbezaan pendapat di kalangan para ulama. Untuk lebih jelas, lihat, Fakhr al-Rāzī, *al-Tafsīr al-Kabīr*, j. 11, (Tehran: Dār al-Kutub al-'Ilmiyah, t.th.), 214.

diamanahkan untuk menguruskan harta negara. Oleh kerana seorang pelaku amalan gratifikasi mengambil harta yang diamanahkan padanya untuk diuruskan dan ia sebagai seorang kaki tangan kerajaan, maka tidak boleh dihukum potong tangan. Dalam konteks ini, *'illat* hukum untuk melaksanakan hukum potong tangan tidak ada. *'Illat* hukum potong tangan untuk pencuri adalah kerana perbuatan mencuri tidak boleh dicegah langsung, sebab dilakukan secara sembunyi-sembunyi, iaitu apabila pemilik barang tidak berada di tempat, atau barang itu tidak bersama pemiliknya. Berbeza dengan kes gratifikasi yang membolehkan untuk dicegah, dilawan, ditindak, dan dijejaki kembali.

Dari pembahasan ini, dapat disimpulkan bahawa dalam perspektif Hukum Islam, amalan gratifikasi tidak boleh dikategorikan sebagai pencurian. Kerana tidak memenuhi syarat-syarat yang ditentukan dalam *sirqah*. Amalan gratifikasi boleh dikategorikan sebagai pengkhianatan terhadap tugas yang telah diamanahkan kepadanya. Akibatnya, hukuman potong tangan pencurian tidak boleh dikuatkuasakan pada amalan gratifikasi di Aceh.

3) Hukuman terhadap pelaku jenayah *rishwah* (sogok/suap). Hukuman terhadap pelaku jenayah ini berbeza-beza, sesuai dengan tahap kejahatannya, mulai dari hukuman material, penjara, pemecatan dari jawatan, sebat, pembekuan hak-hak tertentu sehingga hukuman mati. Hal ini kerana tidak ada *naş qaṭ'ī* yang berkaitan jenis hukuman di dunia berkaitan dengan *jarāmah* ini. Jadi hukuman yang berkaitan dengannya dapat dijelaskan sebagai berikut:

a. Hukuman material (*al-ta'zīr bi al-māl*). Hukum material ialah pemberian hukuman dengan cara merampas harta yang dijadikan sogokan dalam gratifikasi, kemudian dimasukkan ke dalam perbendaharaan wang negara. Para ulama berbeza pendapat tentang kebolehan hukuman ini, namun terlepas dari pro dan kontra, hukuman ini cukup berkesan untuk membuat para pelakunya jera (tidak

mengulangi kesalahan). Bentuk hukuman material boleh berupa, *al-iltāf* (kemusnahan atau pemusnahan sebagaimana pemusnahan minuman keras), *al-taghyr* (merubah), sebagaimana merubah tempat maksiat menjadi tempat yang bermanfaat, dan *al-tamlīk* (penguasaan/pemilikan) sebagaimana tindakan sahabat ‘Umar merampas dan kemudian memasukkan hadiah yang diberikan kepada Abū Hurayrah ke dalam Baitul Mal.⁶²

Hukuman *ta’zīr* dengan mengambil harta pelaku gratifikasi dan penerima gratifikasi di Aceh bukan hanya bermaksud mengambil harta pelaku untuk diri hakim atau untuk kas negara, boleh juga mengambil kira langkah-langkah yang lebih ringan iaitu menahan harta untuk sementara waktu. Adapun jika pelaku gratifikasi tidak diharapkan untuk bertaubat, kemudian hakim boleh memasukkan harta tersebut dalam kas negara dan menyerahkan harta tersebut untuk kepentingan masyarakat Aceh yang mengandung masalah.

- b. Hukuman penahanan/penjara. Dalam terminologi fekah, penahanan (*al-ḥabs*) bererti menunda dan mencegah seseorang (terdakwa) dari kebebasan bertindak.

Hukuman ini berasaskan pada QS. al-Nisā’ 4:15.

وَالَّتِي يَأْتِيَنَّ الْفَاحِشَةَ مِنْ نِسَائِكُمْ فَاسْتَشْهِدُوا عَلَيْهِنَّ أَرْبَعَةً مِّنْكُمْ فَإِنْ شَهِدُوا فَأَمْسِكُوهُنَّ فِي الْبُيُوتِ حَتَّىٰ يَتَوَفَّيَهُنَّ الْمَوْتُ أَوْ يَجْعَلَ اللَّهُ لَهُنَّ سَبِيلًا



Al-Nisā’ 4:15

Terjemahan: “Dan (terhadap) para wanita yang mengerjakan perbuatan keji⁶³ hendaknya ada empat orang saksi di antara kamu (yang menyaksikan), kemudian apabila di antara mereka telah memberikan persaksian, maka kurunglah mereka (wanita-wanita itu) dalam rumah sampai mereka menemui ajalnya, atau sampai Allah memberi jalan lain kepadanya.”

⁶² Rofiqul A’la, “Membongkar Suap”, *Jurnal Teras Pesantren*. (M3S PP. MUS Sarang Rembang, 1424 H.), 18-21.

⁶³ Mengikut *Jumhur Mufassirin* yang dimaksud perbuatan keji ialah perbuatan zina, sedang menurut pendapat yang lain ialah segala perbuatan mesum seperti zina, *homo seks* dan yang sejenisnya. Menurut pendapat Muslim dan Mujahid yang dimaksud dengan perbuatan keji ialah *muṣahaqah* (homo seks antara wanita dengan wanita atau lesbian).

Dalam lintasan sejarah Islam yakni pada masa khalifah ‘Umar bin Khaṭṭab, beliau pernah membeli rumah daripada Safwan bin ‘Umayyah hanya 4,000 Dirham kemudian ia jadikan sebagai penjara. Dari sinilah mula ada rumah tahanan dalam Islam.⁶⁴

Hukuman *ta'zīr* yang berkaitan dengan kebebasan seseorang seperti hukuman penjara atau tahanan bagi pelaku amalan gratifikasi di Aceh boleh dibezakan menjadi dua model dalam pelaksanaannya, iaitu hukuman penahanan yang terhad waktunya. Mengenai tempoh penahanan tidak ada ketentuan pasti. Lamanya penahanan boleh dua bulan, tiga bulan, atau kurang, atau lebih. Penentuan tersebut diserahkan kepada hakim. Dan model kedua ialah penahanan yang tidak ditetapkan masanya, iaitu terhadap pelaku gratifikasi di Aceh penahanan yang berlangsung terus hingga si terdakwa meninggal dunia.

- c. Hukuman pemecatan dari jawatan. Pada prinsipnya hukuman pemecatan dapat diterapkan dalam segala kes jenayah. Baik sebagai hukuman pokok, pengganti, mahupun sebagai hukuman tambahan sebagai akibat seorang kaki tangan kerajaan yang tidak boleh dipercayai untuk memegang suatu tugas tertentu. Maksud dari hukuman pemecatan dari jawatan adalah penamatan segala keterikatan kerja yang berkaitan dengan jawatan. Rasulullah pernah memecat dari jawatan komander yang dipegang Sa'ad bin 'Ubadah. Para ulama Mazhab Hanafi dan Syafi'i menetapkan hukuman ini kepada para kaki tangan kerajaan yang melakukan tindak jenayah *rishwah*.

Selain hukuman pemecatan dari jawatan, penyelidik melihat bahawa layak bahkan harus bagi pelaku jenayah gratifikasi di Aceh yang telah melakukan amalan tercela yang merupakan suatu maksiat dijatuhi hukuman lain yang masih ada

⁶⁴ Rofiqul A'la, *Membongkar Suap*, 118.

sangkut paut dengan jawatannya. Misalnya, dilepas atau diambil hak-haknya yang biasa diberikan negara kepadanya.

- d. Hukuman sebat. Hukuman sebat merupakan salah satu daripada hukuman *jarāmah ta'zīr* yang juga boleh dikenakan kepada pelaku *jarāmah* gratifikasi kerana gratifikasi juga termasuk dalam jenayah *ta'zīr*. Mengenai jumlah bilangan tertinggi hukuman sebat terhadap gratifikasi ada beberapa alternatif. Jika merujuk kepada pendapat Imam Abū Hanīfah dan Muḥammad, batas tertinggi hukum sebat dalam *ta'zīr* (gratifikasi) adalah tiga puluh sembilan kali sebat, dan mengikut Abū Yūsuf adalah tujuh puluh lima kali. Sementara jika kembali kepada pendapat Syāfi'iyah ada tiga pendapat, iaitu tiga puluh sembilan kali sebat, tujuh puluh lima kali sebat, dan boleh lebih dari tujuh puluh lima kali, tetapi tidak sampai seratus kali sebat. Batas tertinggi juga membolehkan diserahkan kepada penguasa kerana hukuman *ta'zīr* didasarkan atas kemaslahatan masyarakat dan disesuaikan mengikut berat dan ringannya pelanggaran. Ini menurut pendapat yang popular di kalangan ahli fekah Mālikī.⁶⁵ Jadi berdasarkan pendapat ini tidak adanya had minimum dan maksimum dalam pemberian hukuman sebat terhadap pesalah gratifikasi, hukuman yang diberikan sangat bergantung kepada situasi dan keadaan dengan pertimbangan utama adalah kemaslahatan bagi masyarakat umum, bukan pertimbangan individu atau kumpulan tertentu.
- e. Hukuman mati. Dalam penjatuhan hukuman kepada pelaku gratifikasi sangat berbeza-beza, bermula dari paling ringan sampai paling berat. Hukuman mati merupakan hukuman paling berat yang boleh diberikan kepadanya melalui kuasa penguasa. Hukuman mati kepada pelaku jenayah gratifikasi sesuai untuk dikuatkuasakan, kerana amalan gratifikasi termasuk ke dalam kejahatan luar biasa, guna untuk memperbaiki keadaan manusia dan demi memelihara

⁶⁵ 'Abd al-Qādir 'Awdah, *al-Tashrī' al-Jina'ī al-Islāmī*, j. 1, (Beirut: Dār al-Kutub, 1963), 689-694. Wahbah al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī*, 5601.

kemaslahatan umum sebagai destinasi dalam penguatkuasaan syari'at sehingga hukuman yang dijatuhkan betul-betul mampu menyentuh kewujudan dan kemaslahatan umum.

Al-Sayyid 'Abd al-Rahman bin Muhammad bin Husain yang mengutip pendapat al-Muhib al-Tabarī dari kitabnya *al-Tafqih* menyatakan bahawa hukuman mati boleh dijatuhkan pada seorang kaki tangan kerajaan yang menyalahgunakan tugas-tugasnya untuk menindas rakyat, dan hal itu disamakan dengan lima macam kefasikan (membunuh, zina, mencuri, memutuskan persaudaraan dan keluar dari Islam), kerana kerugian (korban) yang diakibatkan dari kejahatan pejabat ini jauh lebih besar.⁶⁶ Ibn Taymiyyah menyatakan bahawa sesiapa yang kalau kejahatannya hanya boleh dihentikan dengan penetapan hukuman mati, maka ia harus dihukum mati, meski itu masih sebahagian daripada *ta'zīr*.⁶⁷

Adapun berkaitan dengan kerosakan di muka bumi yang dibuat oleh pelaku gratifikasi, maka hal itu muncul dalam wujud yang sangat jelas dan dalam skala yang sangat besar-besaran. Kehancuran dan kerugian yang dialami masyarakat, bangsa dan negara akibat ulah para pelaku gratifikasi sungguh amat dahsyat, sehingga tidak berlebihan jika disebutkan bahawa gratifikasi di negeri ini telah menimbulkan kerosakan besar. Dengan pemahaman seperti di ini, menurut hemat penyelidik, memasukkan jenayah gratifikasi yang berlaku di Aceh ke dalam jenayah dengan bentuk-bentuk hukumannya yang keras merupakan sikap yang tidak mengada-ada atau tergesa-gesa. Sebab misi pokok syari'at dalam menjaga keperluan asas manusia memerlukan setiap Muslim untuk aktif memerangi pelaku kezaliman di muka bumi, termasuk di dalamnya gratifikasi yang berlaku di Aceh, dan menganggapnya sebagai musuh bagi kemanusiaan. Dalam konteks seperti ini,

⁶⁶ Al-Sayyid 'Abd al-Rahman bin Muhammad bin Husain, *Bughyāt al-Mustarsyidīn* (Surabaya: al-Hidayah, t.t.), 250.

⁶⁷ Ibn Taymiyyah, *al-Siyasiyah al-Shar'iyah*, 39.

adanya hukuman keras dan tegas atas para pelaku amalan gratifikasi menjadi suatu kemestian.

- 4) Selanjutnya adalah hukuman mengulangi kejahatan. Orang yang telah pernah melakukan kejahatan kemudian mengulangnya lagi maka dia boleh dikenakan unsur pemberatan hukuman.⁶⁸ Dalam istilah hukum, pengertian pengulangan kejahatan (*al-'awd*) ialah dikerjakannya suatu kejahatan oleh seseorang sesudah ia melakukan kejahatan lain yang telah mendapat hukuman sebelumnya. Maknanya, pengulangan kejahatan berlaku berulang-ulang dan sudah dijatuhi hukuman pada kejahatan sebelumnya.⁶⁹ Kembali melakukan pengulangan gratifikasi umpamanya, selepas menjalani suatu hukuman dari kejahatan lain menandakan orang tersebut membahayakan dan hukuman yang pernah dialaminya tidak berkesan. Oleh kerana itu, sangat masuk akal jika hukuman bagi orang yang melakukan pengulangan gratifikasi mendapatkan hukuman yang sangat berat atau lebih berat dari hukuman sebelumnya. Jadi, apabila amalan gratifikasi terus menerus diulangnya, maka boleh dijatuhi hukuman mati atau penjara seumur hidup.

Pengulangan kejahatan sudah terjadi pada zaman Rasulullah SAW. Rasulullah telah menjelaskan hukum pengulangan jenayah secara terperinci. Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan dari Jābir bin 'Abdillah ia berkata, “didatangkan seorang pencuri kepada Nabi SAW, maka beliau bersabda, ‘bunuhlah ia’. Para sahabat berkata, ‘wahai Rasulullah, ia hanya mencuri’. Maka beliau bersabda, ‘potonglah (tangannya kanan)-nya’. Jābir berkata, maka dia pun dipotong tangannya. Kemudian orang itu dibawa untuk yang kedua kalinya, maka beliau bersabda: ‘bunuhlah ia’. Para sahabat berkata, ‘wahai Rasulullah, ia hanya mencuri’. Maka beliau bersabda, ‘potonglah (kaki kiri)-nya’. Jābir berkata, ‘maka dia pun dipotong (kakinya). Kemudian ia

⁶⁸ Rofiqul A'la, *Membongkar Suap*, 21-23.

⁶⁹ 'Abd al-Qādir 'Awdah, *al-Tashrī' al-Jina'ī*, j. 1, 766.

dibawa untuk ketiga kalinya, maka beliau bersabda, ‘bunuhlah ia.’⁷⁰ Dari hadis ini dapatlah diambil suatu pemahaman yang menerangkan tentang hukuman bagi pengulangan kejahatan dalam kejahatan kecurian. Model pemberatan hukuman ini boleh digunapakai pada hukuman untuk pelaku amalan gratifikasi yang telah dilakukan secara berulang.

Al-Qur’ān dan *al-Sunnah* adalah dua sumber utama hukum Islam, akan tetapi hanya sedikit masalah-masalah hukum yang dijelaskan secara terperinci oleh keduanya, di antaranya telah diselidiki kemukakan di atas, sebahagian besar hanya dinyatakan secara umum. Seiring dengan perkembangan zaman, pelbagai persoalan muncul yang memerlukan jawapan, kerana itulah maka lahir pelbagai macam kaedah *istinbat* hukum yang digubal oleh para ahli fekah. Kerana itu, dikenal kaedah-kaedah seperti *qiyās*, *istihsān*, *istiṣlah*, *istiṣhab*, *‘urf*, *qaul ṣaḥabi*, dan sebagainya yang sandaran utamanya dari semua itu adalah *al-Qur’ān* dan Sunnah Nabi SAW.

Demikian halnya dengan amalan gratifikasi yang berlaku dalam kalangan masyarakat Islam di Aceh, maka polisi penguasalah yang berperanan menetapkannya, tentunya dalam batasan-batasan yang telah disebutkan di atas. Berkaitan dengan jenis dan bentuk hukuman yang boleh dikenakan kepada pelaku *jarīmah* gratifikasi, secara umum boleh dibahagikan kepada dua kategori, iaitu hukuman secara fizikal (badan) dan hukuman secara psikologi (mental). Sama halnya hukuman yang membolehkan untuk diterapkan kepada pelaku *jarīmah ta’zīr* selain gratifikasi. Tiga pakar Hukum Islam, ‘Abd al-Qādir ‘Awdah, ‘Abd ‘Azīz Amīr, dan Aḥmad Fatḥi al-Bahansi, mengemukakan beberapa bentuk hukuman *ta’zīr* yang terdapat dalam *naṣ*. Tentunya menurut penyelidik bentuk-bentuk hukuman ini juga boleh dikenakan kepada pelaku amalan gratifikasi di Aceh dengan pertimbangan maslahat, iaitu hukuman mati, diberikan hukuman mati ini bagi pelaku amalan gratifikasi kelas tinggi, dan pada saat kegiatan gratifikasi sudah begitu

⁷⁰ Abū Dāwud, *Musnad Abī Dāwud*, Bāb Fi al-Sāriq, j. 4, No. Hadis 4410, 142.

membudaya dan sukar dibendung lagi tanpa memberikan hukuman yang keras dan tegas ini. Hukuman dera, bagi yang sering melakukan amalan gratifikasi. Hukum penjara dalam waktu terhad atau tidak terhad, apabila menurut hakim hukuman itulah yang paling tepat. Hukuman pengasingan, bagi orang yang mengganggu ketenteraman masyarakat. Hukuman salib. Hukuman amaran keras, pemencilan daripada masyarakat, pencelaan, ancaman, pencemaran nama baik, dan hukuman denda.

Selain hukuman-hukuman yang terdapat dalam *naş* tersebut, kepada orang yang terlibat gratifikasi, dewasa ini dapat dilaksanakan beberapa hukuman lain yang sesuai dengan keperluan, seperti pemecatan dari jawatan atau tugas, pembatasan hak-hak pelaku seperti tidak boleh diangkat menjadi kaki tangan kerajaan lebih tinggi atau tidak boleh naik pangkat, rampasan harta pelaku, atau dengan istilah lain dimiskinkan. Dengan demikian dapat disimpulkan bahawa kuasa penguasa dalam menetapkan jenis perbuatan dan bentuk hukuman terhadap *jarīmah* gratifikasi dalam hukum Islam adalah kuasa terikat dengan prinsip-prinsip umum syari'at yang tersimpul dalam konsep *maqāsid syarī'ah*.

Mengingat ada amalan gratifikasi yang terjadi dewasa ini sudah benar-benar di luar batas toleransi dan akibat yang ditimbulkannya sudah merosakkan sendi-sendi kehidupan masyarakat dan ekonomi bangsa maka hukuman mati sangatlah tepat untuk diberikan bagi pelaku gratifikasi seperti ini, agar orang yang mempunyai niat untuk melakukan gratifikasi membatalkan rancangan itu untuk selamanya kerana mengingatkan akibatnya sangat berat yang harus diterima. Akan tetapi, bagi amalan gratifikasi yang tidak memberikan kerosakan yang luar biasa, maka boleh dipilih alternatif hukuman lain dari bentuk-bentuk hukuman dalam kategori *jarīmah ta'zīr*.

5.9 Dasar Pertimbangan Hukuman Terhadap Pelaku Gratifikasi di Aceh

Sebagai suatu sistem hukum yang berdasarkan pada wahyu (*naş*), hukum Islam mempunyai tujuan bagi mewujudkan kemaslahatan manusia di dunia dan akhirat. Hukum

Islam pada kandungannya terdiri daripada dua aspek ajaran yang ditinjau dari segi jenis sumbernya. Aspek pertama ialah syari'ah berupa *naş* atau wahyu yang mana kebenarannya adalah bersifat mutlak. Manakala aspek kedua pula ialah fekah berupa syari'ah yang telah dicampur atau disertakan oleh akal dan pemikiran manusia yang kebenarannya bersifat *zannī*. Aspek syari'ah adalah sesuatu yang difahami sebagaimana apa yang tersurat pada teks *naş* tanpa adanya interpretasi dari manusia dan apabila *naş* itu diberikan tafsiran oleh manusia dan menghasilkan suatu ketetapan hukum maka hasil dari tafsiran manusia itu disebut dengan fekah.

Hukuman akhirat merupakan balasan atas perbuatan menyimpang manusia selama hidup di dunia. Balasannya adalah dengan dimasukkan ke dalam siksa neraka. Di dalamnya terdapat pelbagai hukuman yang bersesuaian dengan jenis, kualiti dosa dan kesalahannya. Manakala hukuman duniawi pula adalah hukuman yang diputuskan oleh hakim dan ianya dilaksanakan di dunia.

Terdapat dua jenis hukuman duniawi. Pertama adalah yang berlandaskan *naş* berupa *qişaş-diyāt* dan *had*. Dan yang kedua pula tidak diasaskan atas *naş* melainkan diserahkan pada kebijaksanaan hakim untuk mewujudkan kemaslahatan manusia yakni berupa *ta'zīr* yang bentuk dan sifatnya diserahkan kepada pertimbangan hakim.

Dalam membincangkan mengenai dasar pertimbangan hukuman, terdapat dua prinsip pertimbangan dalam Islam yang harus dipegang oleh hakim dalam menjatuhkan hukuman *ta'zīr* terhadap pelaku *jarīmah* gratifikasi dan juga perlakuan jenayah *ta'zīr* lainnya. Antaranya adalah seperti berikut:

- 1) Hukuman yang dilaksanakan tidak bertentangan dengan hukum yang diterima pakai secara umum dalam syari'at Islam.
- 2) Hukuman yang dipilih adalah hukuman yang paling banyak kesesuaiannya dengan jenis perbuatan jenayah yang dilakukan melalui keadaan pesalah dan persekitaran

sosialnya, yang dengan hukuman ini dapat membuat pelakunya tidak melakukan perbuatan yang sama.⁷¹

Prinsip pertama perlu diperhatikan kerana dalam hukum Islam sudah wujud jenis dan bentuk hukuman yang dilaksanakan sejak zaman Nabi SAW, misalnya hukuman sebat. Melaksanakan bentuk hukuman yang baru dibimbangi akan menimbulkan gejala dalam masyarakat. Manakala jika dilihat dalam aspek kesesuaian dan kemaslahatan umum, prinsip yang kedua ini penting untuk dilaksanakan kerana hal tersebut akan mencerminkan keadilan dan pendidikan bagi pesalah dan masyarakatnya. Pelaksanaan hukuman yang berbeza-beza dalam kes jenayah yang sama akan memberi kesan terhadap ketidakadilan sosial dalam masyarakat dan hal ini kemudiannya menyebabkan timbulnya kesan yang mengatakan bahawa dalam pelaksanaan hukuman terhadap pelaku kejahatan terdapat unsur-unsur pilih kasih sehingga akibatnya masyarakat merasakan berlakunya ketidakadilan lalu pada akhirnya mereka merasa marah terhadap hukuman. Apabila hal ini terjadi, maka kejahatan yang dilakukan itu bukannya semakin berkurang bahkan semakin berleluasa sehingga tujuan pemberian hukuman untuk mencegah atau mengurangkan angka jenayah gratifikasi tidak memberi apa-apa kesan dan secara tidak langsung menyebabkan kegagalan pencapaian tujuan ini sendiri. Jadi seorang hakim harus benar-benar tahu prinsip ini kerana pertimbangan ini sangat berpengaruh terhadap tujuan utama pemberian hukuman terhadap pelaku amalan gratifikasi.

Abd al-Qādir ‘Awdah mengatakan bahawa terdapat lima asas pertimbangan yang harus wujud dalam aspek penjatuhan hukuman, yang mana teori yang ditawarkan ini juga boleh dijadikan pedoman oleh para hakim ketika menjatuhkan hukuman bagi pelaku amalan gratifikasi dalam kalangan masyarakat Islam di Aceh. Pertimbangan-pertimbangan tersebut adalah seperti:

⁷¹ Muḥammad Salim al-‘Awa, *Fī Uṣūl al-Nizām al-Jina’ī al-Islāmī* (Kaḥerah: Dār al-Ma‘arif, t.t.), 270.

- 1) Hukuman haruslah dapat mencegah semua masyarakat dari jenayah sebelum ianya terjadi. Apabila telah terjadinya sesebuah jenayah maka hukuman berfungsi untuk memberi pengajaran bagi pelaku amalan tersebut dan ianya dapat menjadi peringatan atau pedoman bagi orang lain untuk tidak melakukan amalan yang sama. Dalam hal ini, sebahagian ahli fekah berpendapat bahawa hukuman itu adalah pencegah sebelum berlakunya suatu perbuatan jenayah dan peringatan setelah terjadi jenayah. Hal ini bermakna, dengan mengetahui tentang pencyari'atannya akan dapat mencegah daripada tindakan jenayah manakala pemberian hukuman setelah terjadinya tindakan jenayah bertujuan untuk mencegah perbuatan yang sama daripada berulang.
- 2) Batasan hukumannya diberi berdasarkan keperluan dan kemaslahatan masyarakat. Apabila kemaslahatan masyarakat menghendaki hukuman berat maka hukuman itu harus berat, begitu juga sebaliknya jika kemaslahatan masyarakat menginginkan keringanan maka hukuman itu harus ringan. Oleh itu, dalam hal ini tidak boleh melebihi atau mengurangkan hukuman dengan mengeneipkan tuntutan kemaslahatan bagi masyarakat.
- 3) Apabila tuntutan masyarakat menginginkan keburukan yang ditimbulkan oleh pelaku jenayah itu terhapus atau menghalangi masyarakat dari keburukan tersebut maka hukumannya haruslah dengan membunuh pelaku jenayah tersebut atau dipisahkan dari masyarakat sehingga ia mati selagi tidak mahu untuk bertaubat.
- 4) Semua bentuk hukuman yang bertujuan untuk melindungi individu dan menjaga masyarakat adalah hukuman yang disyari'atkan. Oleh itu, ianya tidak seharusnya menghadkan kepada hukuman-hukuman tertentu tanpa membolehkan hukuman lain.
- 5) Menghukum pelaku jenayah bukanlah bertujuan untuk membalas dendam, tetapi bertujuan untuk memperbaikinya. Semua bentuk dan jenis hukuman yang berbeza-beza mengandungi maksud "pembelajaran yang bertujuan untuk memperbaiki, dan

memberikan pembelajaran sesuai dengan bentuk kesalahan yang dilakukan.”
Hukuman-hukuman yang disyari’atkan merupakan rahmat dari Allah SWT terhadap hambaNya kerana hukuman tersebut berasal dari rahmat Allah bagi makhluk dan tujuannya adalah bagi mewujudkan kebaikan bagi mereka. Oleh kerana itu, bagi siapa saja yang menjatuhkan hukuman kepada manusia kerana kesalahan yang mereka lakukan perlu melaksanakannya berdasarkan pertimbangan kebaikan dan rahmat baginya, sebagaimana tujuan ayah dalam memberikan hukuman yang mendidik kepada anaknya dan keinginan doktor ketika merawat pesakit. Oleh itu, hal yang perlu diperhatikan dalam melaksanakan hukuman adalah perbezaan antara sesebuah hukuman tersebut antara satu sama lain. Hal ini kerana, maksud menghukum itu adalah untuk mendidik, mencegah, dan memberi amaran terhadap tindakan jenayah namun keadaan manusia itu berbeza-beza dalam perlakuan jenayahnya. Sebahagian boleh diingatkan dengan memarahi, ada yang harus ditampar (pukulan di muka) , ada yang harus dipukul, dan bahkan ada yang harus dikurung.⁷²

Islam sebagai sistem nilai memegang peranan penting dalam memberikan pencerahan nilai, kesedaran moral, pembaikan mental atau penyempurnaan akhlak dengan memanfaatkan potensi yang baik dari setiap individu, yakni hati nurani. Tambahan pula, Islam tidak hanya tetap dengan usaha menjadikan seseorang individu itu soleh, malah turut berperanan dalam pembaikan sosial. Dalam pembaikan sosial ini, Islam mengembangkan semangat mencegah kemungkar, semangat saling mengingatkan, dan saling menasihati. Sebenarnya Islam mengembangkan semangat kontrol sosial. Dalam bentuk lain, Islam juga mengembangkan bentuk peraturan perundangan yang tegas, sistem pengawasan pentadbiran dan pengurusan yang ketat. Oleh sebab itu, hakim tidak sepatutnya bertindak pilih kasih dalam memberikan dan menetapkan hukuman bagi

⁷² ‘Abd al-Qādir ‘Awdah, *al-Tashrī‘ al-Jina’ī*, 610-611.

pelaku amalan gratifikasi. Tujuan menjatuhkan hukuman tersebut adalah untuk mewujudkan rasa penghalang kerana kejahatan yang telah ia lakukan, sehingga dapat melahirkan rasa damai, dan rukun dalam masyarakat.

Gratifikasi dalam masyarakat Islam di Aceh merupakan tindakan yang dilarang oleh *syara'*. Pelaku gratifikasi dikenakan hukuman *ta'zīr* atas kemaksiatan tersebut. Perbuatan maksiat mempunyai beberapa persamaan dan antaranya adalah mengkhianati janji, menipu, sumpah palsu, makan harta orang lain, dan sogok. Perbuatan-perbuatan tersebut termasuk ke dalam *jarīmah ta'zīr* yang penting. Hal ini selaras dengan hadis Nabi SAW yang sudah pernah penyelidikan kemukakan sebelumnya, yang mana hadis tersebut diriwayatkan oleh Jabir dari Nabi SAW. Dalam hadis ini, Nabi bersabda: “Tidak ada (hukuman) potong tangan bagi pengkhianat, perompak, dan pencopet.”

Sebagai peraturan asas, Islam membolehkan menjatuhkan hukuman *ta'zīr* atas setiap perbuatan apabila dikendaki oleh kepentingan umum. Hal ini bermakna bahawa perbuatan-perbuatan dan keadaan-keadaan yang boleh dijatuhkan hukuman *ta'zīr* tidak mungkin ditentukan hukumannya sebelumnya, sebab hal ini bergantung pada sifat-sifat tertentu, dan apabila sifat-sifat tersebut tidak ada maka perbuatan tersebut tidak lagi dilarang dan tidak dikenakan hukuman. Keadaan ini kerana, sifat tersebut adalah merugikan kepentingan dan ketenteraman awam. Dan apabila perbuatan tersebut telah dibuktikan di depan mahkamah maka hakim tidak boleh membebaskan pelakunya, melainkan harus menjatuhkan hukuman *ta'zīr* yang sesuai untuknya.

Hukuman *ta'zīr* untuk kepentingan umum ini, merujuk kepada perbuatan Rasulullah SAW, di mana pada ketika itu beliau pernah menahan seorang lelaki yang dituduh mencuri unta. Namun setelah diketahui atau terbukti ia tidak mencuri maka Rasulullah membebaskannya.⁷³

⁷³ Wahbah al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī*, 198.

Hukuman adalah balasan yang ditetapkan untuk kepentingan masyarakat yang dilaksanakan terhadap pelanggar perintah *syarī'*. Tujuan hukuman terhadap orang yang melanggar perintah *syarī'* dilaksanakan adalah untuk memperbaiki keadaan manusia, melindungi mereka daripada kerosakan, menyelamatkan mereka dari kebodohan, memberikan petunjuk bagi mereka daripada kesesatan, mencegah mereka daripada berbagai macam kemaksiatan, dan memotivasi mereka untuk melakukan perbuatan taat.⁷⁴

Allah tidak mengutus RasulNya kepada manusia untuk menjadi pemimpin yang kejam dan zalim melainkan untuk menjadi rahmat bagi seluruh alam, sebagaimana firman Allah QS. al-Ghashiyah 88: 22, QS. Qaf 50: 45, dan QS. al-Anbiyā' 21: 107. Allah menurunkan syari'ahNya bagi manusia dan mengutus RasulNya dari kalangan mereka adalah bertujuan untuk mengajar manusia dan memberikan petunjuk kepada mereka. Selain itu, bagi menjauhkan manusia daripada apa saja yang mereka benci selagi hal tersebut dapat mewujudkan kemaslahatan bagi mereka, juga untuk mengalihkan mereka dari apa yang mereka inginkan di luar kawalan selagi hal tersebut membawa keburukan, maka hukuman ditetapkan terhadap pelanggar perintah untuk memperbaiki individu serta melindungi masyarakat dan menjaga peraturan-peraturanNya.

Oleh kerana tujuan dilaksanakan hukuman adalah untuk memperbaiki individu, menjaga kumpulan masyarakat, dan melindungi peraturan-peraturanNya, maka hukuman itu harus berlandaskan kepada tujuan hukum agar hukuman tersebut boleh berfungsi sebagaimana yang diharapkan. Seorang hakim boleh mempertimbangkan dan menganalisis berat dan ringannya perbuatan yang dilakukan oleh pelaku gratifikasi. Kejahatan yang telah ditetapkan hukuman oleh *naṣ*, seorang hakim tidak mempunyai pilihan lain kecuali melaksanakannya. Walaupun batasan hukuman di dunia bagi pelaku gratifikasi tidak dijelaskan dalam *naṣ* secara tegas, namun *khiyānah*, *al-ghashi*, *al-*

⁷⁴ 'Abd al-Qādir 'Awdah, *al-Tasyrī' al-Jina'ī*, 610.

ghaṣab, dan *rishwah* dapat dianalogikan sebagai gratifikasi yang berlaku dalam kalangan masyarakat Islam di Aceh.

Gratifikasi tidak termasuk ke dalam jenis *jarīmah* yang hukumannya adalah *qiṣaṣ* dan *ḥudūd*. Dalam *jarīmah* gratifikasi terdapat tiga unsur yang boleh dijadikan pertimbangan bagi hakim dalam menentukan besarnya sesebuah hukuman, iaitu, pengambilan harta orang lain tanpa hak, pengkhianatan (penyalahgunaan kuasa), dan kerjasama dalam kejahatan.

Ketiga-tiga unsur ini telah jelas dilarang dalam syari'at Islam. Seterusnya ianya bergantung kepada kebijaksanaan akal, keyakinan dan rasa keadilan hakim yang didasarkan pada rasa keadilan masyarakat untuk menentukan hukuman bagi si pelaku gratifikasi. Walaupun seorang hakim diberi kebebasan dalam menetapkan hukuman *ta'zīr*, namun menurut penyelidik, dalam menentukan hukuman itu seseorang hakim hendaklah memerhatikan ketentuan umum dalam penetapan hukuman seperti berikut; Pertama, hukuman hanya ditimpakan kepada orang yang berbuat *jarīmah*, tidak boleh mengenakan hukuman pada orang yang tidak melakukan kejahatan. Kedua, wujudnya niat iaitu seseorang dihukum kerana kejahatan apabila terdapatnya niat untuk berbuat jahat, bukan kerana kelalaian, salah, lupa, atau keliru. Namun begitu, sekiranya perlakuan tersebut adalah kerana kelalaian, salah, lupa atau keliru, maka ianya tetap perlu dijatuhkan hukuman, meskipun bukan hukuman kerana kejahatan, melainkan untuk kemaslahatan yang bersifat mendidik. Ketiga pula, hukuman hanya akan dijatuhkan apabila jenayah tersebut benar-benar telah dilakukannya. Manakala yang keempat adalah berhati-hati dalam menentukan hukuman dengan membiarkan pelaku jenayah tidak dihukum dan menyerahkannya kepada Allah apabila tidak mempunyai bukti yang cukup.

Melalui penerangan sebelumnya, dapatlah disimpulkan bahawa pertimbangan utama dalam aspek menjatuhkan hukuman kepada pesalah jenayah termasuk amalan gratifikasi adalah lebih bertujuan untuk menjaga kemaslahatan umum iaitu demi menjaga

maqāsid al-sharī'ah. Hal ini dilakukan sehingga kehidupan bermasyarakat dan bernegara dapat berlangsung dengan baik dan mewujudkan rasa keadilan dalam kalangan masyarakat.

5.10 Solusi Amalan Gratifikasi dalam Masyarakat Islam di Aceh

Carian teoritik dalam rangka mencari solusi yang komprehensif untuk membanteras amalan gratifikasi dalam kalangan masyarakat Islam di Aceh merupakan suatu kewajipan. Pembasmian gratifikasi di Aceh harus dilakukan secara sistematik, kerana gratifikasi yang berlaku di Aceh sudah menjadi budaya di semua elemen pemerintahan dan merebak di kehidupan masyarakat umum serta di setiap urusan yang ada kaitan dengan kehidupan orang ramai. Tujuan umum syari'at Islam adalah membawa kemaslahatan manusia dalam hidup dan kehidupannya serta melenyapkan, menghapuskan, dan menolak bahaya (*mafsadah*) yang akan menimpa mereka. Amalan gratifikasi termasuk amalan yang bersifat mafsadah terhadap harta benda dan kemanusiaan.

Dalam lembaran sejarah Islam, telah diberikan beberapa langkah pencegahan dan pembanterasannya jenayah, yang mana langkah ini boleh diguna pakai sebagai langkah solusi untuk pencegahan dan pembasmian gratifikasi di Aceh.

5.10.1 Solusi Pencegahan Amalan Gratifikasi di Aceh

Langkah pencegahan (preventif) yang boleh diambil dari hukum Islam dalam usaha membasmi berlakunya amalan gratifikasi di Aceh ialah seperti polisi-polisi yang telah dilakukan oleh Rasulullah dan Khalifah 'Umar Ibn al-Khattab pada masa pemerintahannya dalam menangani amalan yang mirip dengan gratifikasi atau yang tergolong dalam jenayah *ta'zir* pada masa itu. Langkah-langkah tersebut penyelidik jelaskan sebagai berikut.

Pertama, sistem penggajian yang layak. Kaki tangan kerajaan sebagai pentadbir masyarakat harus bekerja dengan sebaik-baiknya. Dan perkara itu sukar berjalan dengan baik jika gaji mereka tidak mencukupi. Para kaki tangan kerajaan tersebut tetap seperti manusia biasa. Rasulullah dalam hadis yang diriwayatkan Abū Dāwūd berkata, “barang siapa yang diserahkan pekerjaan kepadanya dalam keadaan tidak mempunyai rumah, akan disediakan rumah, jika belum beristeri hendaknya menikah, jika tidak mempunyai pembantu hendaknya dia mengambil pelayan, jika tidak mempunyai haiwan tunggangan (kenderaan) hendak diberikan. Dan barang siapa mengambil selainnya, itulah kecurangan (*ghalin*) atau pencuri.”⁷⁵ Khalifah ‘Umar memberi gaji yang cukup bagi kos hidup kaki tangan kerajaan dan keluarganya.⁷⁶ Oleh kerana itu, perlu ada usaha penyelidikan menyeluruh terhadap sistem penggajian dan elaun terhadap kaki tangan kerajaan di Aceh.

Kedua, wajib melakukan pengisytiharan harta kekayaan ke atas para kaki tangan kerajaan. Orang yang melakukan gratifikasi tentu jumlah kekayaannya akan bertambah dengan mendadak. Meskipun tidak selalu orang yang cepat kaya disebabkan gratifikasi. Kekayaan kaki tangan kerajaan sesudah berkhidmat berbanding dengan kekayaan kaki tangan kerajaan sesuai dengan senarai kekayaan sebelum berkhidmat. Selisih lebih kekayaan itu, yang separuhnya dirampas, dan dimiliki oleh negara.⁷⁷ Polisi seperti itu dikenal dengan “*ta’dibu al-muwāḍaf bi al-muqāsamah fī al-amwāl*”. Semasa menjadi Khalifah, ‘Umar mewajibkan kaki tangan kerajaan untuk mendaftarkan harta kekayaannya, ‘Umar menghitung kekayaan para kaki tangan kerajaan di awal dan di akhir tugasnya. Jika terdapat kenaikan yang tidak wajar, yang terlibat diminta membuktikan bahawa kekayaan yang dimilikinya itu diperoleh dengan cara yang halal. Jika gagal, ‘Umar memerintahkan yang terlibat menyerahkan lebihan harta daripada jumlah yang wajar kepada Baitul Mal. Cara inilah yang penyelidik sebutkan dengan kewajipan

⁷⁵ Abū Dāwūd, *Musnad Abī Dāwūd*, Bāb Arzāq al-‘Amāl, j. 3, No. Hadis 2945, 134.

⁷⁶ Al-Qāsimī, *Nizām al-Ḥukmi fī al-Sharḥ wa al-Tarikh* (Beirut: Dār al-Nafa’is, 1394 H/1974 M), 520-522.

⁷⁷ *Ibid.*

melaporkan atau mendaftarkan kekayaan bagi kaki tangan kerajaan. Cara yang dilakukan oleh ‘Umar ini pula dikenal dengan pembuktian terbalik dalam Hukum Jenayah Islam.

Ketiga, melaksanakan perintah Allah dengan menjauhi memakan sesuatu yang bukan haknya. Sebagaimana yang termaktub dalam *al-Qur’ān* berikut.

مَا أَفَاءَ اللَّهُ عَلَى رَسُولِهِ مِنْ أَهْلِ الْقُرَى فَلِلَّهِ وَلِلرَّسُولِ وَلِذِي الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ
وَالْمَسْكِينِ وَابْنِ السَّبِيلِ كَيْ لَا يَكُونَ دُولَةً بَيْنَ الْأَغْنِيَاءِ مِنْكُمْ وَمَا آتَاكُمُ
الرَّسُولُ فَخُذُوهُ وَمَا نَهَاكُمْ عَنْهُ فَانْتَهُوا وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ ﴿٧﴾

Al-Hasyr 59: 7

Terjemahan: “Apa saja harta rampasan (*foy*) yang diberikan Allah kepada RasulNya (dari harta benda) yang berasal dari penduduk kota-kota maka adalah untuk Allah, untuk Rasul, kaum kerabat, anak-anak yatim, orang-orang miskin dan orang-orang yang dalam perjalanan, supaya harta itu jangan beredar di antara orang-orang kaya saja antara kamu. Apa yang diberikan Rasul kepadamu, maka terimalah. Dan apa yang dilarangnya bagimu, maka tinggalkanlah. Dan bertakwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah amat keras hukumannya.”

Keempat, melakukan *al-taftisī* (kawalan) kepada kaki tangan kerajaan. Dalam Islam disebut dengan “*al-taftisī sāhib al-ummā*” kepada bawahannya.⁷⁸ “Rasulullah SAW melarang seorang kakitangan kerajaan menerima pemberian (gratifikasi) dari rakyat. Beliau menjatuhkan hukuman administratif berupa teguran, dalam peristiwa Ibn al-Lutabiyah yang diangkat menjadi pegawai zakat dan menerima hadiah dari salah seorang anggota masyarakat yang diwajibkan zakat”, sebagaimana yang sudah dijelaskan di atas. Dalam pada itu, masyarakat juga perlu dilibatkan dalam melakukan pengawasan, kerana masyarakat berperanan menyuburkan gratifikasi.

Dari faktor hukum, Islam menetapkan hukuman yang berat terhadap jenayah gratifikasi. Dilihat dari segi cara, kemudahan, dan kesan negatif daripada jenayah gratifikasi, sebagaimana dijelaskan sebelum ini, gratifikasi tidak dianggap sebagai kecurian. Jenayah gratifikasi adalah jenis kesalahan yang luar biasa. Oleh kerana itu,

⁷⁸ *Ibid.*, 502-506.

hukumannya juga luar biasa, dan solusi penyelesaiannya juga harus dengan cara yang luar biasa.

Di dalam Islam, ada ketentuan kewajiban untuk melaporkan suatu jenayah, iaitu apa yang dikenali dalam undang-undang Jenayah Positif dengan mekanisme “*crime watch*”. *Crime watch* adalah ketika melihat suatu kejahatan maka secara bersama-sama melaporkannya kepada kaki tangan kerajaan yang diberi kuasa. Hal itu jika diterapkan dalam jenayah gratifikasi akan lebih bermanfaat bagi kepentingan umat.

Pola hidup sederhana, sebagaimana yang sudah dianjurkan dalam Islam, perlu diterapkan dalam suatu peraturan yang mantap, berwibawa dan efektif. Untuk mengamalkan “pola hidup sederhana”, perlu adanya penghayatan dan pengamalan sifat *qana'ah* yang dianjurkan oleh tasawuf. *Qana'ah* adalah merasa cukup dengan apa yang ada serta tidak berhenti berusaha.⁷⁹

Tindakan-tindakan yang bersifat “pembaikan mental” dan latihan kesedaran individu tidak lain adalah untuk mewujudkan kakitangan yang ber-*akhlaq al-karimah* (berbudi luhur). Oleh kerana itu, kaki tangan kerajaan dan masyarakat kesemuanya perlu dilatih dengan nilai-nilai luhur yang terkandung dalam ajaran tasawuf. Tasawuf adalah mensucikan hati daripada sifat-sifat yang tercela dan menghiasinya dengan sifat-sifat terpuji. Sifat-sifat seperti *ḥubb al-dunyā* (cintakan dunia), rakus, tamak, *ḥubb al-jāh wa al-riyāsah* (cinta pangkat dan jawatan) hendaklah diusir keluar, dan diisi dengan sifat *qanā'ah*, *zuhud* (tidak cenderung kepada dunia), ikhlas, sabar, redha dan syukur. Penghayatan demikian boleh dilatih dengan selalu ingat kepada Allah. Zikrullah boleh melalui latihan dengan memakai fungsi ganda, iaitu mendesak keluar sifat yang buruk, mengisi ke dalam jiwa sifat yang terpuji, dan menggerakkan perbuatan-perbuatan yang terpuji, sesuai dengan getaran jiwa yang terpuji itu.

⁷⁹ HAMKA, *Tasawuf Modern* (Jakarta: Pustaka Panjimas, 1987), hal. 23.

5.10.2 Solusi Pembantaranan Amalan Gratifikasi di Aceh

Di samping melakukan usaha pencegahan gratifikasi, harus dilakukan juga tindakan-tindakan represif (pembantaranan) terhadapnya dengan memberikan hukuman jenayah yang berat. Apabila ditinjau dari sudut Hukum Islam, maka gratifikasi sebagaimana yang berlaku di Aceh boleh dikategorikan sebagai *jarīmah al-ta'zīr* dengan hukuman yang sangat berat.

Berdasarkan huraian di atas dapat diambil kesimpulan bahawa Islam adalah agama yang universal, yang menuntut, membimbing dan mengatur manusia dalam semua aspek kehidupannya, baik yang bersifat vertikal maupun bersifat horizontal. Kedatangan Islam di dunia untuk membawa rahmat dan kemaslahatan bagi kehidupan manusia di dunia ini dan di akhirat nanti. Gratifikasi merupakan penyakit masyarakat yang sangat membahayakan masyarakat, bangsa dan negara yang bersifat nasional dalam banyak segi dan aspek. Oleh kerana itu, harus dibantaranan dan diatasi oleh kerajaan dan masyarakat secara bersama-sama.

Faktor-faktor dan sebab-sebab lahirnya amalan gratifikasi berasal dari dalam diri manusia dan luar dirinya. Maka pembasmian dan pemulihannya pun harus dilakukan dari dalam diri manusia sendiri dan yang berada di luar dirinya. Penanaman, pembinaan dan pembangunan iman dan tauhid serta akhlak mulia, ketahanan mental spiritual di dalam diri manusia itu sangat penting dalam menghadapi dan membantaranan gratifikasi. Di samping itu juga, berusaha mewujudkan situasi dan keadaan sosial, ekonomi, politik dan budaya yang positif yang membantu membantaranan gratifikasi. Oleh kerana itu, sudah tiba masanya mengkaji semula sistem pendidikan, yang masih belum kondusif bagi melahirkan generasi yang unggul serta berkeperibadian yang mulia.

Adapun langkah pembantaranan amalan gratifikasi dalam kalangan masyarakat Islam di Aceh dari sudut pandang hukum Islam sekurang-kurangnya terdapat enam usaha yang harus segera dilakukan, iaitu:

1) Memaksimumkan hukuman.

Hukum Islam menyebutkan rumusan hukuman dalam jenayah di dalam dua aspek asas, iaitu ganti rugi/balasan (*retribution*) dan pencegahan (*deterrence*). Dalam hal ganti rugi sebagai alasan yang rasional di sebalik pemberian hukuman, terdapat dua hal secara bersama menjadi unsur yang harus ada di dalamnya. Pertama, kekerasan suatu hukuman, dan kedua hukuman itu hendaklah diberikan kepada pelaku perbuatan jenayah. Manakala tujuan penjeraan adalah mencegah berulangnya perbuatan jenayah tersebut di kemudian hari. Penjeraan mempunyai dua kesan, iaitu internal dan umum. Kesan internal supaya pelakunya terhalang dan tidak mengulangi perbuatan itu lagi. Kesan umum pula, penjeraan itu mampu memberikan pengajaran kepada masyarakat supaya tidak melakukan perbuatan yang sama.

Disebabkan pemberian hukuman terhadap pelaku jenayah gratifikasi di Aceh ini termasuk *jarimah ta'zīr* maka hakim yang akan menentukannya. Hakim boleh berijtihad dalam menentukan berat atau ringannya hukuman tersebut. Meskipun demikian, dalam menentukan hukuman terhadap pelaku gratifikasi, seorang hakim perlu merujuk kepada tujuan *syara'* dalam menetapkan hukuman, kemaslahatan masyarakat, situasi dan keadaan persekitaran, dan situasi serta keadaan pelaku, sehingga dia akan terhalang melakukan gratifikasi dan hukuman itu juga boleh sebagai tindakan preventif bagi orang lain.

Disebabkan hakim mempunyai kuasa untuk berijtihad dalam menentukan hukuman terhadap pelaku jenayah gratifikasi, maka hakim boleh merujuk atau menjadikan bahan pertimbangan bentuk-bentuk hukuman mengenai gratifikasi yang ada dalam Hukum Islam. Misalnya jika penyalahgunaan kuasa atau jawatan (*khiyānah/ghulūl*) hukumannya adalah seperti membakar hartanya, sebatan atau mengarak keliling pelaku bahkan boleh sampai hukuman mati. Tentunya hukuman-hukuman tersebut harus disesuaikan dengan konteks hukum di Aceh. Membakar

harta misalnya boleh disamakan dengan merampas harta daripada gratifikasi dan menjadikannya sebagai perbendaharaan negara. Mengarak keliling pelakunya boleh dilakukan dengan meletakkan nama-nama pelaku gratifikasi di media sama ada media cetak atau elektronik supaya mereka merasa malu dan tidak mahu lagi mengulangi perbuatan tersebut. Bahkan jika kaki tangan kerajaan tersebut melakukan gratifikasi wang dalam jumlah yang banyak di mana pada satu sisi perbuatannya boleh menyebabkan kehancuran negara dan pada sisi yang lain rakyat negara tersebut sedang ditimpa krisis dan bencana, maka hakim seharusnya memberikan hukuman mati kepada pelaku tersebut.

Mengikut pendapat ulama Hanafiyah, hukuman *jarīmah ta'zīr* tidak terhad pada sekadar sebat atau memenjarakan saja. Bahkan adakalanya *ta'zīr* itu merupakan hukuman mati, jika keadaan dan peristiwa mengkehendaki yang demikian. Pendapat ulama Hanafiyah tersebut disetujui oleh Syaykhul Islam al-Imam Ibn Taymiyah dan al-Imam Ibn al-Qayyim.⁸⁰ Begitu juga halnya dengan gratifikasi pada batas-batas tertentu di mana amalan tersebut jauh lebih berbahaya dari pada *jarīmah hudūd* dan *qiṣaṣ*, pada pendapat penyelidik merupakan kesalahan yang memerlukan hukuman mati.

Intinya jika ingin benar-benar bebas dari gratifikasi yang sudah membudaya, maka harus berani memberikan hukuman atau hukuman maksimum kepada para pelaku amalan gratifikasi. Bukan memberikan kebebasan kepada mereka sehingga boleh lepas dari tindakan hukum. Jika tidak, bangsa ini akan selalu dikuasai oleh orang-orang yang berperilaku jahat dan tidak bertanggungjawab. Kalau demikian halnya maka apabila suatu perkara diserahkan kepada yang bukan ahlinya (kaki tangan kerajaan yang melakukan amalan gratifikasi), maka akan terjadi kehancuran dalam sistem berbangsa dan bernegara.

⁸⁰ Hasbi As-Shiddieqy, *Pidana Mati dalam Syari'at Islam* (Semarang: Pustaka Rizki Putra, 1998), 28.

2) Penegakan hukum.

Dalam sejarah keadilan Islam, tegaknya hukum (*supreme of court*) disokong oleh beberapa faktor, yaitu pertama institusi keadilan yang bebas. Maksudnya kuasa kehakiman harus mempunyai kebebasan dari segala macam campur tangan kuasa eksekutif. Kedua amanah. Maksudnya kuasa kehakiman merupakan amanah dari Allah SWT.⁸¹ Oleh kerana itu, sebelum membuat keputusan, hakim perlu berunding dan mengharap redha Allah agar hukuman yang ditetapkan adalah adil.

Hukum dan keadilan mempunyai hubungan yang erat kerana salah satu falsafah dikuatkuasakan hukum adalah untuk menegakkan keadilan. Di depan hukum semua orang sama, sebagaimana yang selalu dikutip para ahli hukum “*equality before law*”. Untuk menegakkan keadilan tersebut, Allah SWT menegaskannya dalam tiga firmannya, yaitu pertama, QS. al-Nisā’ 4: 57, bahawa menegakkan hukum adalah kewajipan bagi semua orang. Kedua, QS. al-Mā’idah 5: 8, bahawa setiap orang apabila menjadi saksi hendaklah berlaku jujur dan adil. Ketiga, QS. al-Nisā’ 4: 135, bahawa manusia dilarang mengikuti hawa nafsu.

Dalam pelaksanaan hukuman, Islam sangat mempertimbangkan rasa keadilan, baik keadilan sosial (*social justice*) mahupun keadilan individu (*individual justice*). Abū Zahrah memberi komen bahawa kedatangan Islam adalah untuk menegakkan keadilan dan melindungi keutamaan akal budi manusia.⁸² Sedangkan al-Shabūnī menyatakan bahawa Islam datang dengan membawa kepentingan menuju kepada tegaknya keadilan, melindungi kehormatan manusia, mencegah segala bentuk kejahatan, memberi pengajaran kepada pelaku kejahatan dengan memberikan hukuman setimpal dengan tingkat kesalahan seseorang.⁸³

⁸¹ Makhrus Munajat, “Penegakan Supremasi Hukum dalam Sejarah Peradilan Islam”, *Jurnal Asy-Syir’ah* No. 8, (Yogyakarta: Fakultas Syari’ah UIN Sunan Kalijaga, 2001), 49-50.

⁸² Muḥammad Abū Zahrah, *al-Jarīmah wa al-‘Uqūbah*, 17.

⁸³ Muḥammad ‘Ali al-Sabūnī, *Raway’u al-Bayān: Tafsīr al-Ayāt al-Aḥkam min al-Qur’ān* (Makkah: Dār al-Qur’ān al-Karīm, 1972), 556. Abdullah Ahmad al-Na’im, *Dekonstruksi Syari’ah Wacana Kebebasan Sipil, Hak Asasi Manusia dan Hubungan Internasional dalam Islam*, terj. Ahmad Suaedy dan Amiruddin Arrani (Yogyakarta: LKiS, 1997), 173-174.

Untuk membanteras gratifikasi di Aceh, hukum harus ditegakkan, institusi kehakiman perlu amanah dan bebas dari segala campur tangan sesiapa. Sebagai benteng terakhir para pencari keadilan, institusi kehakiman harus memberikan jaminan keadilan bagi setiap warga tanpa berat sebelah. Tiada lagi ungkapan bahawa hakim menampakkan ketegasannya hanya terhadap orang-orang kecil, lemah, dan tidak mempunyai akses. Sementara jika berhadapan dengan orang-orang 'kuat', yang mempunyai akses kuasa, mempunyai modal, hakim menjadi lunak dan bersahabat. Penegakan hukum harus adil tanpa berat sebelah, baik orang lemah, orang kuat, orang miskin, orang kaya, anak petani mahu pun anak pegawai. Jika dia melakukan gratifikasi, harus dihukum sesuai dengan undang-undang yang ada. Rasulullah telah memberikan contoh bahawa beliau sendiri yang akan memotong tangan puteri yang paling dicintai, Faṭimah, seandainya Fatimah mencuri. Mahkamah perlu mempunyai kewibawaan di depan para pencari keadilan, sehingga tiada siapa pun yang boleh menjatuhkan kewibawaan institusi keadilan.

Dalam hadis tentang kaki tangan kerajaan pemungut zakat yang menerima pemberian dari masyarakat, Rasulullah SAW sebagai pemimpin menunjukkan ketegasannya dalam menegakkan hukum dengan terus menangani kesalahan yang dilakukan oleh kaki tangan kerajaan tersebut. Rasulullah SAW tidak menunggu sehingga menjadi kes besar. Ini menunjukkan bahawa dalam menyelesaikan suatu masalah, tidak ada konsep pembiaran. Bagi pelaku, hukuman terus terhadap kesalahan yang dilakukannya tentu saja akan memberi kesan pencegahan. Di samping itu, terbit perasaan bahawa semua yang dilakukannya akan diawasi.

Bagi orang lain, kepantasan dan ketepatan hukuman ke atas penyelewengan tersebut tentu saja memberi kesan untuk tidak melakukan kesalahan yang sama. Mungkin ini yang membezakan dengan kes yang berlaku di Aceh. Berkembangnya

amalan gratifikasi kerana tidak cepat ditangani dan tidak tepat caranya bahkan dibiarkan.

Di samping itu, Rasul dengan sangat tegas menggambarkan tanggungjawab yang harus dipikul oleh kaki tangan kerajaan yang menggunakan jawatannya untuk mendapatkan hadiah atau pemberian. Walaupun tidak dijelaskan ancaman jenayah yang akan diterima oleh penerima gratifikasi dan pemberi gratifikasi, akan tetapi Rasul dengan tegas memerintahkan untuk mengembalikan kepada negara, semua yang telah diterimanya yang dianggap sebagai hadiah untuknya.

3) Perubahan dan pembaikan sistem.

Perubahan sistem baik sistem birokrasi pemerintahan mahupun sistem hukum perlu dilakukan. Sistem birokrasi di Aceh dan Indonesia pada umumnya amat rumit sehingga sukar dilakukan pengawasan, sehingga terjadinya gratifikasi dalam segala urusan misalnya di bahagian imigresen, lalu lintas, dan pada penerimaan Pegawai Negeri Sivil, TNI/Polri, dan sebagainya. Penyelidik berpendapat, penting difikirkan kecenderungan tuntutan global berupa tuntutan penswastaan penyelenggaraan kegiatan dalam pemerintahan. Ada dua segi dari tuntutan penswastaan ini. Pertama, pengurusan yang semula bersifat tunggal oleh kerajaan, dibangunkan menjadi "*free enterprise*" bagi pihak swasta. Kedua, polisi penswastaan perlu difahami sebagai usaha melepas monopoli penyelenggaraan dan kawalan oleh kerajaan yang selama ini menyebabkan tumbuh subur amalan gratifikasi.

Berkaitan sistem, penting juga diperhatikan tentang sistem negara yang berasaskan demokrasi. Dalam sistem demokrasi, gratifikasi sukar dihapuskan. Sekurang-kurangnya ada tiga sebab penting yang menjadi faktor penyebab gratifikasi tidak dapat diselesaikan secara tuntas apabila sistem negara demokrasi tanpa batas seperti Indonesia. Pertama, kos yang tinggi atau modal yang diperlukan untuk menjadi kaki tangan kerajaan. Misalnya untuk menjadi kaki tangan kerajaan sebagai

anggota legislatif (parlimen) dan eksekutif (pemerintahan). Untuk mencalonkan diri sebagai wakil rakyat di parlimen dan mencalonkan diri sebagai eksekutif (gabenor, bupati, walikota umpamanya) memerlukan dana yang sangat besar. Dana tersebut boleh jadi digunakan untuk kos kempen awal, wang politik, dan sebagainya. Tidak mungkin dana tersebut semuanya berpunca dari harta peribadi. Tentunya dana yang begitu besar dibantu oleh pemodal-pemodal lain. Hal inilah yang pada akhirnya wujudnya perjanjian-perjanjian antara kaki tangan kerajaan dengan pemodal tadi. Tambahan pula, kaki tangan kerajaan tersebut akan berusaha keras untuk mengembalikan modal yang cukup besar yang sudah dikeluarkan ketika pencalonan dulu, sehingga akibatnya terbuka ruang untuk penerimaan gratifikasi. Sistem negara demokrasi semakin kelihatan dan dirasakan betapa besarnya kesan negatif yang ditimbulkannya.

Di dalam Islam, sistem negara berasaskan Islam tidak akan memerlukan kos yang tinggi dalam pemilihan pemimpin (kaki tangan kerajaan). Ini disebabkan oleh singkatnya waktu yang diperlukan dalam pemilihan kaki tangan kerajaan dalam Islam. Hanya memerlukan beberapa hari saja. Hal ini adalah berdasarkan pada masa peralihan antara kepemimpinan Rasulullah kepada Khalifah 'Umar bin Khaṭṭab. Walaupun demikian, pemimpin yang dicalonkan tetap harus dipilih, pemimpin yang memenuhi syarat untuk menjadi seorang pemimpin, dan dapat dipastikan dia memahami bahawa kelak akan diminta dipertanggungjawabkan oleh Allah tentang kepemimpinannya.

Demikian juga sistem hukum di Aceh (Indonesia) yang masih terpengaruh oleh undang-undang penjajah perlu segera diselesaikan secara keseluruhannya. Sistem hukum yang diterapkan adalah sistem hukum Belanda yang tergolong dalam sistem Eropah di mana lebih menitikberatkan kepada formal-prosedur dan cenderung positivistik. Paradigma *rechstaat* yang formal prosedural seperti ini sebaiknya

diganti dengan paradigma *the rule of law* yang mementingkan keadilan. Sekurangnya ada dua sebab utama kenapa sistem hukum harus ada perubahan atau perbaikan jika ingin gratifikasi di Aceh dapat dibasmi. Pertama, alasan normatif, iaitu sistem hukum sekarang pada dasarnya tidak berlandaskan syari'at Islam. Kedua, alasan empiris, iaitu sistem hukum yang wujud telah terbukti gagal melakukan penegakan hukum serta pembasmian gratifikasi.

Dalam Islam, hukum bersifat pencegahan dan penebus. Kewujudan hukum Islam sebagai pencegah, kerana mampu mencegah manusia dari perbuatan dosa dan tindakan jenayah. Menimbulkan kesan penghalang bagi pelakunya dan kesan keras terhadap yang melihatnya. Kedudukannya sebagai penebus, kerana hukum Islam dapat menebus hukuman di akhirat.

Dalam hal pembuktian, dalam sistem hukum Eropah, kaedah pembuktian yang dipakai sebagai contoh adalah barangsiapa yang menuduh seseorang melakukan gratifikasi maka si penuduh tersebut hendaklah memberikan bukti-bukti lengkap atas dakwaan beliau. Mengambil kira apakah kekayaan yang dimiliki si tertuduh sesuai atau tidak dengan pendapatannya. Jika tidak, maka dia dianggap melakukan pencemaran nama baik dan boleh dihukum atas sebab itu. Sistem hukum Islam yang akan menguatkuasakan sistem 'pembuktian terbalik' terutama dalam kes gratifikasi sangat penting. Jika memungkinkan boleh segera dilaksanakan sehingga apabila ada orang yang dituduh pelaku gratifikasi maka si tertuduhlah yang harus membuktikan bahawa dia tidak melakukan gratifikasi. Namun demikian, sistem seperti ini perlu diberikan perincian agar tidak dengan mudah seseorang menuduh orang lain melakukan konspirasi gratifikasi.

4) Memantapkan pemahaman hukum.

Pemahaman hukum agama yang kurang tentang gratifikasi dalam kalangan masyarakat menjadi salah satu daripada penyebab berlakunya gratifikasi. Situasi di

mana masih ramai dalam kalangan masyarakat yang menganggap pemberian kepada kaki tangan kerajaan sebagai bahagian dari hadiah yang dibolehkan dan dianjurkan menandakan bahawa pemahaman keagamaan masyarakat tentang hukum masih kurang. Untuk itu, diperlukan sosialisasi bahkan pembinaan khusus berkaitan dengan gratifikasi ini dengan melakukan pendekatan hukum Islam. Dengan peningkatan pemahaman masyarakat mengenai gratifikasi dalam tinjauan Islam diharapkan munculnya kesedaran dalam diri mereka untuk meninggalkan amalan gratifikasi. Ini kerana dalam Islam, gratifikasi adalah amalan yang sangat dibenci kerana bertentangan dengan *naṣ*, baik secara langsung mahupun tidak langsung.

Dari pendedahan di atas, jelaslah bahawa Islam melarang amalan gratifikasi seperti yang berlaku dalam kalangan masyarakat Islam di Aceh. Islam juga menyediakan jalan penyelesaian kepada amalan gratifikasi, baik untuk pencegahan mahupun bentuk tindakan hukuman. Maka, langkah-langkah yang boleh dilakukan berdasarkan hukum Islam supaya gratifikasi tidak lagi diamalkan oleh masyarakat Aceh ialah, sistem gaji yang layak, mewajibkan pengisytiharan harta kekayaan ke atas para kaki tangan kerajaan, melaksanakan perintah Allah dengan menjauhi mengambil sesuatu yang bukan haknya, melakukan "*al-taftīṣī*" (kawalan) kepada kaki tangan kerajaan, memaksimumkan hukuman, penegakan hukum, perubahan dan pembaikan sistem, dan memantapkan pemahaman hukum. Jika langkah-langkah ini boleh dijalankan dengan sebenar-benarnya. Insya Allah amalan jenayah gratifikasi akan dapat dielakkan di dalam aktiviti seharian masyarakat Aceh.

5.11 Kesimpulan

Berdasarkan pendedahan mengenai analisis terhadap amalan gratifikasi dalam kalangan masyarakat Islam di Aceh boleh disimpulkan bahawa amalan gratifikasi merupakan amalan yang bertentangan dengan *naṣ al-Qurān* mahupun hadis nabi SAW. Amalan gratifikasi merupakan amalan *fasid* yang dilarang oleh syari'at. Ia mengandungi unsur

mengambil sesuatu yang bukan haknya atau mengambil harta orang lain dengan cara batil (*akl amwāl al-nās bi al-bāfil*). Secara umum, gratifikasi yang berlaku dalam kalangan masyarakat Islam di Aceh dalam konteks Islam boleh ditafsirkan sebagai suatu amalan maksiat yang bertentangan dengan prinsip keadilan (*al-'adālah*), akauntabiliti (*al-amānah*), dan tanggung jawab. Amalan-amalan gratifikasi yang berlaku dalam kalangan masyarakat Islam di Aceh, jika ditinjau dalam perspektif hukum Islam maka substansinya sama dengan *khiyānah* (sama ada khianah terhadap negara mahupun terhadap jawatan), *al-ghashi* (penipuan), *al-ghaṣab* (memakan harta orang tanpa izin), dan *al-rishwah* (sogok) yang mana semua amalan tersebut mempunyai *naṣ* larangan.

Faktor-faktor yang mempengaruhi berlakunya amalan gratifikasi di Aceh antaranya adalah kerana pola fikir dan tradisi masyarakat Aceh yang majoritinya masih membenarkan pemberian hadiah, pengetahuan masyarakat yang kurang tentang larangan gratifikasi dalam Islam, komitmen moral kaki tangan kerajaan yang kurang, faktor ekonomi atau keperluan hidup, iman yang lemah, tidak merasa diawasi oleh Allah, tamak dan serakah, malas berusaha, hilangnya sifat jujur dan amanah pada diri seseorang, kurang mengambil berat sesama masyarakat, dan lemahnya penegakan hukum dalam masyarakat. Daripada semua faktor terjadinya amalan gratifikasi, faktor yang paling utama yang mencetuskan terjadinya gratifikasi dalam Islam adalah adanya niat dan ruang kesempatan untuk melakukannya. Suatu kejahatan termasuk amalan gratifikasi dalam masyarakat Islam di Aceh terjadi dengan niat dan kemudian wujudnya ruang kesempatan untuk melakukannya.

Dalam tinjauan hukum Islam, faktor-faktor tersebut tidaklah termasuk dalam kategori faktor justifikasi untuk melakukan gratifikasi terhadap kaki tangan kerajaan. Ini kerana alasan darurat yang merukhsahkan amalan gratifikasi tidak wujud pada amalan-amalan gratifikasi dalam kalangan masyarakat Islam di Aceh. Sekalipun dalam sebahagian amalan terdapat unsur dizalimi, akan tetapi untuk menjaga kemaslahatan

masyarakat yang lebih luas, maka tidak ada justifikasi terhadap amalan gratifikasi di Aceh. Disebabkan itu, Aceh sedang berusaha bersungguh-sungguh membanteras amalan tercela tersebut.

Amalan gratifikasi yang berlaku dalam kalangan masyarakat Islam di Aceh boleh memberikan *mafsadah* atau kesan kerosakan yang sangat luar biasa terhadap kelangsungan kehidupan umat manusia dalam kehidupan masyarakat dan negara samada dalam aspek individu dan masyarakat, generasi muda, birokrasi, dan ekonomi. Gratifikasi menghilangkan nilai-nilai luhur yang ditanam oleh Islam, menghilangkan rasa kasih sayang, tidak ada lagi saling tolong menolong, melenyapkan sifat keadilan dan terjadinya penindasan yang dilakukan oleh orang yang berjawatan terhadap rakyatnya. Berdasarkan kesan yang ditimbulkan ini, maka jelas ia sangat tidak dibenarkan dalam sistem Hukum Islam. Akibat yang ditimbulkan tidak saja membahayakan kehidupan di alam dunia, tetapi disisi lain bahaya yang ditimbulkan yang kadang kala tidak disedari bahkan senantiasa diabaikan, telah merosakkan nilai-nilai keyakinan kepada Allah, seperti mendustakan nikmat-nikmatNya, mendustakan janji-janji Allah dan Rasulnya, mendustakan ayat-ayatNya, mendustakan hari pertimbangan amal, bahkan mendustakan hari pembalasan. Berdasarkan kesan yang ditimbulkan daripada gratifikasi ini, ia bukan hanya menyentuh dari sisi duniawi yang sangat penting, tetapi juga menyentuh aspek prinsip dalam Islam yang sangat penting iaitu keimanan. Maka dalam pandangan Islam, gratifikasi termasuk dalam kesalahan luar biasa (*extra ordinary crimes*), kerana gratifikasi yang dilakukan oleh masyarakat Aceh dengan pihak kaki tangan kerajaan telah dianggap merosakkan dan merugikan hak asasi sosial, budaya dan ekonomi masyarakat secara keseluruhan.

Berlandaskan kepada amalan-amalan gratifikasi yang berlaku dalam masyarakat Islam di Aceh dan faktor-faktor yang mendorong berlakunya amalan gratifikasi serta pemahaman terhadap sejumlah dalil dan hujah yang menyokong, maka amalan gratifikasi

yang berlaku dalam kalangan masyarakat Islam di Aceh jika dilihat dalam perspektif Hukum Islam, ia termasuk ke dalam kategori *jarīmah ta'zīr*. Bentuk *al-ta'zīr 'alā al-ma'asī* (*ta'zīr* untuk perbuatan maksiat) dan *al-ta'zīr li maṣlahah al-'ammah* (*ta'zīr* atas perbuatan yang mengganggu kepentingan umum) lebih cenderung untuk dimasukkan amalan gratifikasi dalam kalangan masyarakat Islam di Aceh. Hukuman yang dikenakan kepadanya juga mengikut hukuman-hukuman yang dikenakan di dalam *jarīmah ta'zīr*. Dalam menentukan bentuk hukuman *ta'zīr*, hakim berkuasa untuk menentukannya.

Bentuk-bentuk hukuman yang boleh dijatuhkan kepada pelaku amalan gratifikasi di Aceh ialah, pertama, hukuman untuk pelaku *ghulūl* (penipuan). Kedua, hukuman bagi pengkhianatan. Ketiga, hukuman terhadap pelaku jenayah *rishwah* (sogok). Hukuman terhadap pelaku jenayah ini berbeza-beza, sesuai dengan tahap kesalahannya, sama ada hukuman material, penjara, pemecatan dari jawatan, rotan, pembekuan hak-hak tertentu sehingga hukuman mati.

Seorang hakim perlu melakukan pertimbangan sebelum menjatuhkan bentuk hukuman *ta'zīr* kepada pelaku jenayah gratifikasi di Aceh. Beberapa pertimbangan hendaklah diambil kira antaranya ialah, hukuman hendaklah dapat mencegah jenayah sebelum terjadi, batasan hukuman yang diberi berdasarkan keperluan dan kemaslahatan masyarakat. Jika tuntutan masyarakat menginginkan supaya hilangnya keburukan yang ditimbulkan oleh pelaku jenayah atau bertujuan membentengi masyarakat dari keburukan tersebut, maka hukuman itu haruslah berupa hukuman mati. Semua bentuk hukuman yang bertujuan untuk melindungi individu dan menjaga masyarakat adalah hukuman yang disyari'atkan. Maka tidak seharusnya menghadkan kepada hukuman-hukuman tertentu tanpa membolehkan hukuman lain. Pertimbangan utama menjatuhkan hukuman kepada pesalah jenayah gratifikasi adalah untuk menjaga kemaslahatan umum, demi menjaga *maqāsid al-sharī'ah*. Sehingga kehidupan bermasyarakat dan negara dapat berjalan dengan baik, dan keadilan akan wujud di tengah-tengah masyarakat.

Dalam usaha membanteras gratifikasi yang berlaku dalam kalangan masyarakat Islam di Aceh. Islam menawarkan penyelesaian melalui pencegahan dan pembanteras. Penyelesaian berdasarkan ajaran Islam bagi meminimakan dan membanteras gratifikasi ialah dengan mengusahakan sistem penggajian yang layak, mewajibkan pengisytiharan harta kekayaan bagi para pegawai, melaksanakan perintah Allah dengan menjauhi memakan sesuatu yang bukan haknya, melakukan “*al-taftīsī*” (kawalan) kepada kaki tangan kerajaan, memaksimumkan hukuman, penegakan hukum, perubahan dan pembaikan sistem hukum dan birokrasi, dan memantapkan pemahaman hukum terhadap masyarakat.

University of Malaya

BAB 6: PENUTUP

6.1 Pengenalan

Bab penutup merupakan bab terakhir dari kajian ini. Bab ini terdiri daripada pengenalan, hasil kajian dan cadangan. Penyelidikan yang dilakukan oleh penyelidik ini diharapkan telah menjawab soalan yang dinyatakan dalam sub-bab tentang soalan kajian, iaitu tentang konsep gratifikasi yang diamalkan dalam kalangan masyarakat Islam di Aceh mengikut hukum Islam, menganalisis bentuk-bentuk amalan gratifikasi yang berlaku dalam kalangan masyarakat Islam di Aceh untuk dibandingkan dengan gratifikasi dalam hukum Islam. Setelah penyelidik melakukan kajian, penyelidik telah mencapai objektif kajian, iaitu terbentuknya konsep gratifikasi yang diamalkan dalam kalangan masyarakat Islam di Aceh mengikut hukum Islam, menganalisis bentuk-bentuk amalan gratifikasi yang berlaku dalam kalangan masyarakat Islam di Aceh untuk dibandingkan dengan gratifikasi dalam hukum Islam, dan menganalisis pandangan hukum Islam terhadap kes amalan gratifikasi yang berlaku dalam kalangan masyarakat Islam di Aceh.

6.2 Hasil Kajian

Melalui penyelidikan terhadap amalan gratifikasi dalam kalangan masyarakat Islam di Aceh dari perspektif hukum Islam, maka hasil kajian yang penyelidik dapati ialah sebagai berikut:

- 1) Konsep amalan gratifikasi yang berlaku dalam kalangan masyarakat Islam di Aceh berupa pemberian kepada kaki tangan kerajaan, yang mana di dalamnya mengandungi unsur mengambil sesuatu yang bukan haknya atau mengambil harta orang lain dengan cara batil (*akl amwāl al-nas bi al-bāṭil*). Gratifikasi adalah amalan yang mengandungi banyak definisi yang sesuai dengan pemahaman dari *al-Qur'ān*, hadis dan juga fiqh Islam. Maka, secara umumnya gratifikasi yang berlaku dalam kalangan masyarakat Islam di Aceh dalam konteks Islam boleh ditafsirkan sebagai

suatau amalan maksiat yang bertentangan dengan prinsip keadilan (*al-'adālah*), akauntabiliti (*al-amānah*), dan tanggung jawab.

- 2) Bentuk-bentuk amalan gratifikasi yang berlaku dalam kehidupan masyarakat Islam di Aceh yang didapati dari hasil penyelidikan ialah amalan gratifikasi pengurangan cukai, gratifikasi menjadi Pegawai Negeri Sivil, gratifikasi menjadi anggota TNI/Polri, gratifikasi memudahkan urusan, gratifikasi tilang (saman), dan gratifikasi keluar penjara.
- 3) Penilaian hukum Islam terhadap amalan gratifikasi pengurangan cukai, gratifikasi menjadi Pegawai Negeri Sivil, gratifikasi menjadi anggota TNI/Polri, gratifikasi memudahkan urusan, gratifikasi tilang (saman), dan gratifikasi keluar penjara yang berlaku dalam kalangan masyarakat Islam di Aceh secara subtansinya sama dengan *khiyānah* (sama ada khianah terhadap negara mahupun terhadap jabatan), *al-ghashi* (penipuan), *al-ghaṣab* (memakan harta orang tanpa izin), dan *al-rishwah* (suap/sogok) yang mana semua amalan tersebut mempunyai *naṣ* yang melarangnya.
- 4) Amalan gratifikasi yang berlaku di Aceh merupakan amalan yang bertentangan dengan prinsip-prinsip cara memperoleh dan menggunakan harta dalam Islam. Islam mengharamkan harta yang diperoleh dengan cara yang tidak sah. Islam melalui *al-Qur'ān* telah memberikan panduan kepada manusia untuk mendapatkan harta melalui kerja dan usaha yang baik dan halal, bukan dengan cara yang batil (curang). Islam juga memandu umatnya untuk mempergunakan harta pada tempat yang direndhai Allah, bukan mempergunakannya pada tempat kemaksiatan dan kecurangan. Islam juga melarang mempergunakan harta pada tempat yang dapat membuka peluang untuk terjadinya penyelewengan. Islam juga melarang sikap penindasan terhadap hak milik orang lain. Pemberian dan perolehan harta kekayaan melalui amalan gratifikasi kepada kaki tangan kerajaan di Aceh yang melahirkan pengkhianatan, penipuan, memakan hak milik orang lain dan *rishwah*, jelas

menyimpang dari tatacara mempergunakan harta dan memperolehnya dalam Islam. Ini kerana akibat dari amalan gratifikasi ini terjadi penindasan terhadap hak-hak orang lain, baik secara langsung ataupun tidak. Penerima gratifikasi ingin memperoleh kekayaan melalui cara yang tidak dibenarkan oleh Islam. Begitu juga, pemberi gratifikasi tidak mempergunakan hartanya pada tempat yang dibenarkan oleh syari'at.

- 5) Antara faktor amalan gratifikasi berlaku di Aceh adalah kerana pola fikir dan tradisi masyarakat Aceh yang majoritinya masih membenarkan pemberian hadiah, pengetahuan masyarakat tentang larangan gratifikasi dalam Islam yang kurang, komitmen moral kaki tangan kerajaan yang rendah, kerana faktor ekonomi atau keperluan hidup, iman yang lemah, tidak merasa diawasi oleh Allah, tamak, malas berusaha, sifat jujur dan amanah pada diri seseorang telah hilang, kurang mengambil berat antara satu sama lain, dan lemahnya penguatkuasaan hukum di dalam masyarakat.
- 6) Dalam tinjauan hukum Islam, faktor-faktor yang mendorong berlakunya amalan gratifikasi di Aceh tidaklah termasuk dalam kategori faktor justifikasi untuk melakukan gratifikasi terhadap kaki tangan kerajaan. Ini kerana alasan darurat yang merukhsahkan untuk melakukan amalan gratifikasi tidak wujud pada amalan-amalan gratifikasi yang berlaku dalam kalangan masyarakat Islam di Aceh, bahkan amalan pemberian gratifikasi yang dilakukan oleh masyarakat itu sendiri telah melanggar hak asasi (*daruriyah*-nya) orang lain dalam masalah harta benda (*hifzu al-māl*). Dalam sebahagian amalan gratifikasi wujud unsur dizalimi. Untuk menjaga kemaslahatan masyarakat yang lebih luas, maka tiada justifikasi terhadap amalan gratifikasi di Aceh. Ini kerana memelihara supaya tidak terjadi *mafsadah* yang lebih besar harus lebih diutamakan berbanding menjaga masalah yang sedikit.

- 7) Amalan gratifikasi yang berlaku dalam kalangan masyarakat Islam di Aceh memberikan *mafsadah* yang besar terhadap kelangsungan kehidupan umat manusia dalam bermasyarakat dan negara, dalam aspek individu dan masyarakat, generasi muda, birokrasi, dan ekonomi. Gratifikasi menghilangkan nilai-nilai luhur yang ditanam oleh Islam, menghilangkan rasa kasih sayang, tiada lagi sikap saling tolong menolong, melenyapkan keadilan dan terjadinya penindasan yang dilakukan oleh orang yang berjawatan terhadap rakyatnya.

Akibat yang ditimbulkan bukan sahaja membahayakan kehidupan di alam dunia, tetapi bahaya yang tidak disedari bahkan senantiasanya diabaikan telah merosakkan nilai-nilai keyakinan kepada Allah, seperti mendustakan nikmat-nikmatNya, mendustakan janji-janji Allah dan RasulNya, mendustakan ayat-ayatNya, mendustakan hari pertimbangan amal, bahkan mendustakan hari pembalasan.

Berdasarkan *mafsadah* yang ditimbulkan oleh amalan gratifikasi di Aceh, maka jelas ia tidak dibenarkan dalam sistem hukum Islam dan hukumnya adalah haram.

Kesan yang ditimbulkan daripada gratifikasi bukan hanya menyentuh dari sisi duniawi yang penting, tetapi juga menyentuh aspek prinsip dalam Islam iaitu aspek keimanan.

Berdasarkan *mafsadah* dari gratifikasi pula, dalam pandangan hukum jenayah Islam, amalan gratifikasi yang berlaku di Aceh termasuk ke dalam kesalahan luar biasa (*extra ordinary crimes*), kerana gratifikasi yang dilakukan oleh masyarakat Aceh dengan pihak kaki tangan kerajaan telah dianggap merosakkan dan merugikan hak asasi sosial, budaya dan ekonomi masyarakat secara keseluruhan.

- 8) Kedudukan amalan gratifikasi yang berlaku dalam kalangan masyarakat Islam di Aceh bila dilihat dalam perspektif hukum Islam termasuk ke dalam kategori *jarīmah ta'zīr*. Bentuk *al-ta'zīr 'alā al-ma'aṣī* (*ta'zīr* untuk perbuatan maksiat) dan *al-ta'zīr li maṣlahah al-'ammah* (*ta'zīr* atas perbuatan yang mengganggu

kepentingan umum) lebih cenderung untuk dimasukkan amalan gratifikasi dalam kalangan masyarakat Islam di Aceh.

- 9) Hukuman (*uqūbah*) yang dikenakan kepada pelaku jenayah gratifikasi di Aceh ialah mengikut hukuman yang dikenakan pada *jarīmah ta'zīr*. Dalam menentukan bentuk hukuman *ta'zīr* yang akan dijatuhkan kepada pelaku amalan gratifikasi, hakim berautoriti dalam menentukannya dengan mempertimbangkan maslahat untuk masyarakat umum.
- 10) Antara bentuk hukuman yang boleh dipilih oleh hakim untuk dijatuhkan kepada pelaku amalan gratifikasi di Aceh ialah hukuman untuk pelaku *ghulūl* (penipuan) dengan membakar harta dari hasil gratifikasi, mengarak keliling pelakunya dan tidak memberikan haknya (menahan gajinya), hukuman untuk pengkhianatan dengan menjatuhkan hukuman mati, dan hukuman terhadap pelaku jenayah *rishwah* (suap/sogok). Model hukuman terhadap pelaku jenayah *rishwah* mungkin berbeza, bersesuaian dengan tahap dan tingkat kesalahannya, samada hukuman material, penjara, pemecatan dari jawatan, cambuk/sebat, pembekuan hak-hak tertentu dan juga hukuman mati.
- 11) Disebabkan ada amalan gratifikasi yang berlaku di Aceh sudah di luar batas toleransi dan akibat yang ditimbulkannya sudah merosakkan sendi-sendi kehidupan masyarakat dan ekonomi bangsa, maka untuk amalan gratifikasi taraf ini, hukuman mati merupakan salah satu hukuman pilihan yang sangat tepat diberikan kepada pelaku amalan gratifikasi di Aceh.
- 12) Pertimbangan yang boleh dipakai oleh hakim/penguasa dalam menjatuhkan hukuman kepada pelaku amalan gratifikasi di Aceh ialah:
 - a. Hukuman tersebut hendaklah dapat mencegah semua kalangan masyarakat di Aceh dari melakukan jenayah gratifikasi sebelum amalan tersebut berlaku.

- b. Batasan hukuman diberi berdasarkan keperluan dan kemaslahatan masyarakat Aceh.
- c. Hukuman harus dapat melindungi individu dan menjaga masyarakat Aceh. Hakim tidak perlu menghadkan hukuman-hukuman tertentu kepada pelaku amalan gratifikasi di Aceh tanpa membolehkan hukuman lain.
- d. Pertimbangan utama menjatuhkan hukuman kepada pesalah jenayah gratifikasi adalah untuk menjaga kemaslahatan umum, demi menjaga *maqāsid al-syarī'ah*. Kehidupan bermasyarakat dan bernegara dapat berjalan dengan baik, dan wujudnya keadilan di tengah-tengah masyarakat Aceh.

6.3 Cadangan

- 1) Kepada seluruh masyarakat Aceh, hendaklah selalu mempertimbangkan aspek syar'i jika hendak melakukan segala aktiviti, termasuk gratifikasi. Apalagi amalan gratifikasi untuk mendapatkan pekerjaan, memudahkan urusan dan lain-lain yang menuju kepada maksiat hendaklah dipertimbangkan terlebih dahulu. Tidak selamanya gratifikasi sebagai satu-satunya jalan untuk meraih sesuatu yang diinginkan.
- 2) Hendaklah jangan melakukan amalan yang haram. Apalagi ia berkaitan dengan mencari rezeki, yang akan diberikan kepada keluarga dan anak cucu. Jika hasil rezeki yang diperolehi dari yang haram, bererti seseorang itu telah memberikan sesuatu yang haram kepada keluarga dan anak cucu. Dan ini bererti menjerumuskan keluarga kepada kebinasaan.
- 3) Kajian yang menyelidik usahakan ini hanya pada wilayah hukum Islam dan itupun normatif, belum sampai pada kajian sosiologi, bagaimana masyarakat muslim memberi respon terhadap doktrin agamanya, kaitannya dengan gratifikasi dan perang terhadapnya. Oleh kerana itu, kajian lanjutan yang khusus mengkaji tentang respon masyarakat Aceh terhadap amalan gratifikasi perlu dilakukan.

- 4) Kajian ini boleh menjadi pertimbangan hakim dalam menjatuhkan hukuman terhadap para pelaku jenayah gratifikasi di Aceh, Indonesia dan dunia pada umumnya sehingga para pelakunya terhalang dan yang lain akan takut untuk melakukannya.
- 5) Penyelidikan ini boleh dijadikan sebagai *counter legal drafting* bagi penambahbaikan peraturan perundangan mengenai gratifikasi di belahan dunia, terutama di Aceh, Indonesia.
- 6) Hukuman terhadap pelaku jenayah gratifikasi di Aceh harus ditambah dan dijatuhkan hukuman berat. Undang-undang tentang gratifikasi hendaklah disemak semula dan dikemaskini dengan mengambil rujukan hukum Islam. Dan hukum harus ditegakkan dengan adil.
- 7) Gratifikasi yang berlaku di Aceh bukan masalah yang tidak boleh diatasi. Perasaan tetap optimis sebagai *khalifah* di muka bumi serta pengukuhan model pengurusan (*governance*) yang baik akan membantu untuk keluar daripada masalah ini. Muslim harus menjadi kekuatan sebenar yang boleh digerakkan untuk melawan gratifikasi. Melalui semangat norma keislaman dan kerjasama yang baik dengan norma hukum formal, Muslim harus menjadi pelaku utama penyelesaian masalah gratifikasi. Di masa yang akan datang, Muslim harus menjadi tunjang kekuatan untuk meningkatkan martabat bangsa dan bukan sebaliknya, menjadi beban sejarah dan menjadi akar masalah bangsa.
- 8) Gratifikasi di Aceh adalah masalah manusia, maka pendekatan yang perlu diambil adalah secara manusiawi. Melibatkan falsafah untuk melihat gratifikasi adalah langkah bijak. Apalagi ketika falsafah yang dimaksudkan adalah falsafah keislaman dengan nilai-nilai ketuhanan sebagai penguatnya. Diharapkan dari perspektif ini boleh memberi wawasan baru soal penyelesaian masalah gratifikasi di Aceh.

- 9) Strategi dalam usaha membanteras gratifikasi hendaklah lebih merujuk kepada aspek keagamaan kerana majoriti masyarakat Aceh dan Indonesia secara keseluruhan adalah masyarakat yang beragama dan majoritinya adalah beragama Islam. Dengan penekanan melalui aspek agama ini, diharap akan membawa kesan yang positif dan menjadi angin segar dalam usaha membanteras gratifikasi.

University of Malaya

RUJUKAN

Al-Qur'ān al-Karīm.

- ‘Abd al-‘Aḍīm Ibn Badāwī al-Khalāfī, *al-Wajiz fī fiqh al-Sunnah wa al-Kitab al-‘Azīz: Kitāb al-Ṭahārah wa al-Ṣalāh.* terj. Tim Tashfiyah LIPIA, Bogor: Pustaka Ibnu Katsir, 2006.
- ‘Abd al-‘Azīz al-‘Amīr, *al-Ta’zīr fī al-Shāri‘ah al-Islāmiyyah.* Kaherah: Dār al-Fikr al-‘Arabī, 1976.
- ‘Abd al-Ghanī Ibn Isma‘il, *Taḥqiq al-Qāḍiyah fī al-Farq Bayna al-Rishwah wa al-Hadiyah.* t.tp.: Maktabah al-Qur’ān, 2003.
- ‘Abd al-Ḥamīd Mutawallī, *Mabādi’ Nizām al-Ḥukm fī al-Islām ma’a al-Muqāranah bi al-Mabādi’ al-Dustūriyyah al-Ḥadīthah.* Iskandariyah: Mansha’ah al-Ma‘ārif, 1978.
- ‘Abd al-Karīm Zaydan, *al-Wajiz fī Uṣūl al-Fiqh,* t.t.p: Mu’assasah al-Risālah, 2001.
- ‘Abd Allāh bin ‘Abd Muḥsin, *Suap dalam Pandangan Islam.* Jakarta: Gema Insani Press, 2001.
- ‘Abd al-Qādir ‘Awdah, *al-Tashrī‘ al-Jina’ī al-Islāmī.* Beirut: Dār al-Kutub, 1963.
- ‘Abd al-Raḥmān Ibn Ziyād, *Ghayātu Talkhīs: al-Murād min Fatwā Ibn Ziyād.* Beirut: Dār al-Fikr, 1995.
- ‘Abd al-Wahhāb Khallāf, *‘Ilm Uṣūl al-Fiqh.* Kaherah: Dār al-Qalam, t.t.
- ‘Abd al-Wahhāb Khallāf, *al-Siyāsah al-Shar‘iyyah.* Kuwait: Dār al-Qalam, 1978.
- ‘Afif ‘Abd al-Fattāḥ Ṭabbārah, *Rūḥ al-Dīn al-Islāmī.* Beirut: Dār al-‘Ilm li al-Malāyīn, 1985.
- ‘Ali al-Jurjānī, *al-Ta’rīfāt,* al-Maktabah al-Shāmilah. <http://alwarraq.com>, al-Isdār al-Thānī.
- ‘Aṭīyyah Muṣṭafā Musharrafah, *al-Qaḍā fī al-Islām.* t.tp.: Shirkah al-Sharq al-Awsaṭ, 1966.
- “Ada ‘Uang Seikhlasnya’ di Dinas Tenaga Kerja”. *Serambi Indonesia*, Selasa 17 Julai 2012.
- “Ada Pungli di Poltabes Banda Aceh”. *Waspada*, Jumaat 11 Februari, 2011.
- “Definisi Aceh Dalam Raqan WN Sesuai UU PA”. *Serambi Indonesia*, 1 November 2012.
- “Gratifikasi: Apa, Mengapa, dan Bagaimana”. t.tp.: Indonesian Business Link, t.t., <http://id.wikipedia.org/wiki/Gratifikasi>, 4 March 2013.

- “Imigrasi Terbitkan 1.300 Paspor per Bulan”. *Direktorat Jenderal Imigrasi Kementerian Hukum dan HAM Republik Indonesia*, 14 November 2013.
- “Laporan Gratifikasi: Kesadaraan Pegawai Pemerintahan Meningkatkan”. *Transparency International Indonesia*, 12 Januari 2015.
- “Napi Peracik Sabu-Sabu Keluar Lapas usai Suap Petugas”. *Okezone*, 13 Januari 2015.
- “Petugas Lapas Akui Terima Gratifikasi dari Napi”. *Tribun News.com*, 5 Februari 2013.
- “Suak: Tindak Mafia Honorer”. *Serambi Indonesia*, 23 Juni 2012.
- A. Djazuli, *Fiqh Jināyah: Upaya Menanggulangi Kejahatan dalam Islam*. Jakarta: Radja Grafindo Persada, 1997.
- A. Djazuli, *Kaidah-Kaidah Fikih: Kaidah-Kaidah Hukum Islam dalam Menyelesaikan Masalah-Masalah Yang Praktis*. Jakarta: Kencana, 2006.
- A. W. Munawir, *Kamus al-Munawwir Arab-Indonesia Terlengkap*. Yogyakarta: Pustaka Progressif, t.t.
- Abdoel Raoef, *Al-Qur'an dan Ilmu Hukum*. Jakarta: Bulan Bintang, t.t.
- Abdul Azis Dahlan, ed., *Ensiklopedi Hukum Islam*. Jakarta: Ichtiar Baru van Hoeve, 2003.
- Abdul Aziz Dahlan, “Pemikiran Sufistik Syamsuddin al-Sumatrani”. Thesis Doktor, Jakarta: IAIN Syarif Hidayatullah Jakarta, 1999.
- Abdul Karim Amrullah, *Tafsir Al-Azhar*. Jakarta: Pustaka Panjimas, 1988.
- Abdul Karim Jakobi, *Aceh dalam Perang Mempertahankan Proklamasi Kemerdekaan 1945-1949 dan Peranan Teuku Hamid Azwar Sebagai Pejuang*. Jakarta: Gramedia Pustaka Utama, 1998.
- Abdul Mujieb dan Mabruri Tholhah Syafi'ah, *Kamus Istilah Fiqh*. Jakarta: Pustaka Firdaus, 1994.
- Abdul Rahman, *Sejarah dan Tamadun Islam*. Selangor Darul Ihsan: Pustaka Ilmi, 2002.
- Abdullah Ahmad al-Na'im, *Dekonstruksi Syari'ah Wacana Kebebasan Sipil, Hak Asasi Manusia dan Hubungan Internasional dalam Islam*, terj. Ahmad Suaedy dan Amiruddin Arrani, Yogyakarta: LKiS, 1997.
- Abdullah Bin Abdul Muhsin, *Suap dalam Pandangan Islam*. Jakarta: Gema Insani, 2001.
- Abdullah Ishak, *Islam di Nusantara, Khususnya di Tanah Melayu*. Kuala Lumpur: Badan Dakwah dan Kebajikan Islam Malaysia., 1990.
- Abī 'Abd Mu'ti Muḥammad al-Nawāwī al-Jawī al-Bantany, *Niḥāyah al-Zayn fī Irshadi al-Mubtadī'n*. Bandung: Al-Ma'arif, t.t.

- Abu Abdul Halim Ahmad. S, *Suap Dampak dan Bahyanya Bagi Masyarakat*. Jakarta: Pustaka Al-Kautsar, 1996.
- Abū Dāwud, *Musnad Abī Dāwud*, al-Maktabah al-Shāmilah. Mesir: Dār Hijr, 1999.
- Abubakar Aceh, *Sejarah Syiah di Indonesia*. Jakarta: Islamic Research Institute, 1977.
- Achyar Zein, “Kriteria Tindak Pidana dalam *al-Qur’ān*”. Thesis Doktor, Banda Aceh: Program Pascasarjana IAIN Ar-Raniry, 2010.
- Adil Sa’di, *Fiqhun Nisa: Shiyam, Zakat, Haji*. Jakarta: Hikmah: Mizan Publika, 2006.
- Agus Dwiyanto et al., *Reformasi Birokrasi Publik di Indonesia*. Yogyakarta: Gadjad Mada University Press, 2008.
- Ahmad Azhar Basyir, *Azas-azas Hukum Mu’amalat: Hukum Perdata Islam*. Yogyakarta: UII Press, 1990.
- Ahmad Azhar Basyir, *Pokok-Pokok Persoalan Filsafat Hukum Islam*. Yogyakarta: UII Press, 2006.
- Aḥmad Faṭḥi Baḥānsi, *al-‘Uqūbah fī al-Fiqh al-Islāmī*. Beirut: Maktabah Dār al-‘Urubah, 1961.
- Aḥmad Muṣṭafā al-Marāghī, *Tafsīr al-Marāghī*. Makkah al-Mukarramah: Maktabah al-Tijāriyah, t.t.
- Aḥmad, *Musnad Imām Aḥmad*, al-Maktabah al-Shāmilah. t.tp.: Mu’assasah al-Risālah, 2001.
- Ajidar Matsyah, “*Sejarah Kerajaan Islam di Aceh: Kajian Faktor Perkembangan dan Merosot*”. Thesis Master, Kuala Lumpur: University of Malaya, 2004.
- Al Yasa’ Abubakar et al., *Hukum Pidana Islam di Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam*. Banda Aceh: Dinas Syari’at Islam Prov. NAD, 2006.
- Al Yasa’ Abubakar, Ketua Muhammadiyah Aceh dan Professor Universiti Islam Negeri Ar-Raniry Banda Aceh. Temu Bual di Kota Banda Aceh, 10 June 2016.
- Al Yasa’ Abubakar, *Syari’at Islam di Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam: Paradigma, Kebijakan dan Kegiatan*. Banda Aceh: Dinas Syariat Islam, 2008.
- Al-Bāḥūṭī, *Kashāf al-Qanā’ Matn al-Iqnā’*. Beirut: Dar al-Fikr, 1982.
- Al-Bayhaqī, *al-Sunan al-Kubrā*, al-Maktabah al-Shāmilah. Beirut: Dār al-Kutb al-‘Ilmiyah, 2003.
- Al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, al-Maktabah al-Shāmilah. t.tp.: Dār Ṭūq al-Najāh, 1422 H.
- Al-Chaidar, *Gerakan Aceh Merdeka: Jihad Rakyat Aceh Mewujudkan Negara Islam*. Jakarta: Madani Press, 2000.

- Al-Ḥakim, *Mustadrak 'Ala Ṣaḥīḥayn*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmyah, 1990.
- Ali Hasyimi, *59 Tahun Aceh Merdeka di Bawah Pemerintahan Ratu*. Jakarta: Bulan Bintang, 1972.
- Ali Hasyimi, *Sejarah Masuk dan Berkembangnya Islam di Indonesia*. Bandung: Al-Ma'arif, 1993.
- Ali Hasyimi, *Syiah dan Ahlussunnah Saling Merebut Kekuasaan dalam Kerajaan Aceh Darussalam*. Jakarta: Bulan Bintang, 1983.
- Ali Hasyimi, *Kebudayaan Aceh dalam Sejarah*. Jakarta.: Beuna, 1983.
- Ali Yafie, *Ijtihad dalam Sorotan*. Bandung: Mizan, 1988.
- Al-Marāghī, *Tafsīr al-Marāghī*, Tahqīq Bashār 'Awad Ma'rūf. Mesir: Mustafā al-Bābī al-Ḥalabī, t.t.
- Al-Māwardī, *al-Aḥkām al-Sulṭāniyyah wa al-Wilāyah al-Dīniyyah*. Mesir: Mustafā al-Bābī al-Ḥalabī, 1973.
- Al-Nasāī', *Sunan al-Nasāī'*, al-Maktabah al-Shāmilah. t.tp.: Maktab al-Matbu'at al-Islāmiyyah, 1986.
- Al-Qāsimī, *Niẓam al-Ḥukmi fī al-Sharī'ah wa al-Tarikh*. Beirut: Dār al-Nafa'is, 1394 H/1974 M.
- Al-Qurṭūbī, *Al-Jāmi' li Aḥkām al-Qur'ān*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1993.
- Al-Ramlī, *Nihāyah al-Muḥtāj*. Beirut: Dār al-Fikr, 1984.
- Al-Sayyid 'Abd al-Raḥman bin Muḥammad bin Ḥusain, *Bughyāt al-Mustarshidīn*. Surabaya: al-Hidayah, t.t.
- Al-Sayyid Abū Bakr, *I'ānah al-Ṭālibīn*. Beirut: Dār al-Fikr, t.t.
- Al-Shāfi'ī, *al-Umm*. Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, t.t.
- Al-Shāṭibī, *al-I'tisām*. al-Su'ūdiyyah: Dār Ibn 'Affān, 1992.
- Al-Shāṭibī, *al-Muwāfaqat fī Uṣūl al-Sharī'ah*. Mesir: Maktabah al-Tijariyyah al-Kubra, t.t.
- Al-Shawkānī, *Nayl al-Awṭar*. Kaherah: Dār al-Ḥadīth, t.t.
- Al-Shawkānī, *Fatḥ al-Qadir*. Mesir: Dār al-Wafā, t.t.
- Al-Shawkānī, *Nayl al-Awṭar min Aḥādīth Sayyid al-Akhbar Sharḥ Munṭaqa al-Akhbar*. Idārah al-Ṭibā'ah al-Munīrah.
- Al-Ṭabrānī, *al-Mu'jam al-Awsaṭ*, al-Maktabah al-Shāmilah. Kaherah: Dār al-Ḥaramayn, t.t.

- Al-Turmidhī, *Sunan al-Turmidhī*, al-Maktabah al-Shāmilah. Mesir: Shirkah Maktabah wa Maṭba‘ah Mustafā al-Bābi al-Ḥalabī, 1975.
- Amir Syarifuddin, *Ushul Fiqh*. Jakarta: Logos Wacana Ilmu 2001.
- Amirul Hadi, “Aceh Antara Kesadaran Sejarah dan Ingatan Sosial”. Pidato pengukuhan guru besar disampaikan dalam Rapat Senat Terbuka IAIN Ar-Raniry, Banda Aceh, 2008.
- Amirul Hadi, *Islam and State in Sumatra: A Study of Seventeenth-Century Aceh*. Leiden-Boston: Brill, 2004.
- Andrew Marshall, “The Escape Artist”. *Time Magazine*, 15 Februari 2007.
- Anti-Corruption Clearing House (ACCH), <http://acch.kpk.go.id/abdullah-puteh>, 7 April 2015.
- Anti-Corruption Clearing House (ACCH), <http://acch.kpk.go.id/angelina-patricia-pingkan-sondakh>, 7 April 2015.
- Anti-Corruption Clearing House (ACCH), <http://acch.kpk.go.id/gratifikasi-berdasarkan-status-kepemilikan>, 6 April 2015.
- Anti-Corruption Clearing House (ACCH), <http://acch.kpk.go.id/miranda-swaray-goeltom>, 7 April 2015.
- Anti-Corruption Clearing House (ACCH), <http://acch.kpk.go.id/tentang-acch>, 6 April 2015.
- Anton Bakker et al., *Metodologi Penelitian Filsafat*. Yogyakarta: Kanisius, 1990.
- Arnold J. Heidenheimer, ed., *Political Corruption: Readings in Comparative Analysis*. New Jersey: Transaction Books, 1978.
- Asfri Jaya Bakri, *Konsep Maqāsid Syari‘ah Mengikut al-Syatibi*. Jakarta: Raja Grafindo Persada, 1996.
- Ayang Utriza, “Adakah Penerapan Syariat Islam di Aceh?”. *Jurnal Gelombang Baru*, Komunitas Tikar Pandan, 2009.
- Azhar A Gani, “Aceh, Tak Kenal Kata Terimakasih”. *Kompasiana*, 4 Disember 2011.
- Azyumardi Azra, *Jaringan Ulama: Timur Tengah dan Kepulauan Nusantara Abad XVII & XVIII, Akar Pembaruan Islam Indonesia*. Jakarta: Prenada Media Group, 2004.
- Baharuddin Lopa, *Al-Qur’an dan Hak-hak Asasi Manusia*. Yogyakarta: Dana Bhakti Prima Yasa, 1996.
- Bappeda Aceh dan Badan Pusat Statistik Provinsi Aceh, *Aceh dalam Angka 2013*. Banda Aceh: BPS Provinsi Aceh, 2013.

- Barda Nawawi Arief, *Kapita Selekta Pidana*. Bandung: Citra Aditya Bakti, 2003.
- Bogong Suyanto et al., *Metode Penelitian Sosial*. Jakarta: Kencana, 2005.
- CD-ROM *Mawsu'ah al-Ḥadīth al-Sharīf*. Syarikah Shakhr Libarmij al-Ḥasib, 1991.
- Cees Nooteboom, *Sumatera dan Pelayaran di Samudera Hindia*. Jakarta: Balai Pustaka, 1972.
- Data Kependudukan Aceh berdasarkan Agama kantor Wilayah Departemen Agama Aceh.
- Desi Anwar, *Kamus Lengkap Bahasa Indonesia Terbaru*. Surabaya: Ameliya, 2003.
- Dewan Bahasa dan Pustaka, *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Selangor: Dawana Sdn. Bhd., 2010.
- Dinas P dan K Provinsi Daerah Istimewa Aceh, *Sejarah Perjuangan Rakyat Aceh: dalam Perang Kemerdekaan 1945-1949*. Banda Aceh: Dinas P & K, 1985.
- Djarwanto, *Pokok-pokok Metode Riset dan Bimbingan Teknis Penulisan Skripsi*. Yogyakarta: Liberty, 1990.
- Doni Muhandiansyah et al., *Buku Saku Memahami Gratifikasi*. Jakarta: Komisi Pemberantasan Korupsi Republik Indonesia, 2010.
- Eddy OS Hiareij, "Memahami Gratifikasi". Kompas, 13 Juny 2011.
- Faisal Ali, Naib Ketua Majelis Permusyawaratan Ulama Aceh dan Ketua Tanfidziyah Pengurus Wilayah Nahdhatul Ulama Aceh. Temu Bual di Kota Banda Aceh, 21 June 2016.
- Fakhr al-Rāzī, *al-Taḥsīn al-Kabīr*. Tehran: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyah, t.t.
- Fatchur Rahman, *Ikhtisar Mushthalah Hadits*. Bandung: Alma‘arif, 1974.
- Gerald M. Meier dan James E. Rauch, *Leading Issues in Economic Development*. Oxford: Oxford University Press, 2005.
- Greg Scally, "Defining Corruption: A Comparison of the Substantive criminal Law of Public Corruption in the United States and the United Kingdom", <http://www.hukumonline.com/klinik/detail/cl3369/perbedaan-antara-suap-dengan-gratifikasi>, 5 Februari 2013.
- Ḥafīz al-Munzirī, *Sunan Abī Dāwud*, terj. Arifin et al., Semarang: al-Syifā', 1993.
- Ḥamd Ibn ‘Abd al-Raḥmān al-Junayd, *Atharu Rishwah fi Ta‘thūri Namwi al-Iqtisādi wa Asālib Daf‘iha fi Zilli Sharī‘ah Islāmiyah*. Riyadh: al-Markas al-‘Arabī li Dirāsah al-Amniyyah wa Tadrīb, 1982.
- HAMKA, *Sejarah Umat Islam*. Singapura: Pustaka Nasional, t.t.

HAMKA, *Tasawuf Modern*. Jakarta: Pustaka Panjimas, 1987.

Harian Aceh. Isnin 28 November 2011.

Harian Waspada. Kamis, 9 Maret 2003.

Haryono, "Risywah (Suap-Menyuap) dalam Perspektif al-Qur'an dan al-Hadits: Sebuah Kajian Tematik". Thesis Doktor, Bogor: Program Pascasarjana Universitas Ibnu Khaldun, t.t.

Hasan Abdillah, "*Money Politic* dalam Pilkadaes di Desa Tegal Ampel Kabupaten Bondowoso dalam Perspektif Hukum Islam". Thesis Sarjana, Yogyakarta: Fakultas Syari'ah UIN Sunan Kalijaga, 2009.

Hasan Shadly, *Sosiologi Untuk Masyarakat Indonesia*. Jakarta: Bina Askara, 1987.

Hasbi As-Shiddieqy, *Pidana Mati dalam Syari'at Islam*. Semarang: Pustaka Rizki Putra, 1998.

Hasil Mesyuarat Penyelarasan Ahli Kumpulan Kerja Tilang Makehjapol tarikh 6 Ogos 2009.

Helmi Karim, *Fiqh Muamalah*. Jakarta: Raja Grafindo Persada, 1993.

Hendi Suhendi, *Fiqh Muamalah*. Jakarta: Raja Grafindo Persada, 2008.

Hendry Setiawan, "Analisis Hukum Islam Terhadap Ketentuan Gratifikasi dalam Fasal 12 B Undang-undang No. 31 Tahun 1999 Juncto Undang-Undang No. 20 Tahun 2001 Tentang Tindak Pidana Korupsi". Thesis Sarjana, Surabaya: Fakultas Syari'ah UIN Sunan Ampel, 2007.

Ibn al-'Arabī, *Aḥkam al-Qur'ān*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyah, 1988.

Ibn al-Qudāmah, *al-Mughnī*. Beirut: Dār al-Fikr, 1984.

Ibn Jarīr al-Ṭabarī, *Jāmi' al-Bayān 'an Ta'wīl 'Ayi al-Qur'ān*. Urdan: Dār al-'Alām, 2002.

Ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qur'ān al-'Aẓīm*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyah, 2004.

Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, al-Maktabah al-Shāmilah. t.tp.: Dār 'Ihyā' al-Kitāb al-'Arabiyah, t.t.

Ibn Manzūr, *Lisān al-'Arab*. Beirut Dār al-Fikr, 1999.

Ibn Rushd, *Bidāyah al-Mujtahid*. Beirut: Dār al-Ma'rifah, 1988.

Ibrahim Alfian, *Perang di Jalan Allah*. Jakarta: Bulan Bintang, 1973.

Ibrahimy, *Peranan Tgk. M. Daud Beure'eh dalam Pergolakan Aceh*. Jakarta: Media Dakwah, 2001.

- Idris Awang, *Penyelidikan Ilmiah: Amalan dalam Pengajian Islam*. Selangor: Kamil & Shakir, 2009.
- Informan A, Syarikat X, Temu Bual di Kota Banda Aceh, 11 November 2014.
- Informan B, Pegawai Negeri Sivil Pada Dinas Syari'at Islam Provinsi Aceh. Temu Bual di Kota Banda Aceh, 13 dan 15 November 2014.
- Informan C, Tokoh Masyarakat. Temu Bual di Kota Banda Aceh, 1 Mac 2014.
- Informan D, Polis Republik Indonesia. Temu Bual di Kota Banda Aceh, 18 November 2014.
- Informan E, Polis Republik Indonesia. Temu Bual di Kota Banda Aceh, 23 November 2014.
- Informan F, Tentera Nasional Indonesia. Temu Bual di Kota Banda Aceh, 5 Disember 2014.
- Informan G, Tentera Nasional Indonesia. Temu Bual di Kota Banda Aceh, 9 Disember 2014.
- Informan H, Tentera Nasional Indonesia. Temu Bual di Kota Banda Aceh, 1 Januari 2015.
- Informan I, Bekerja Sendiri. Temu Bual di Kota Banda Aceh, 3 Oktober 2014.
- Informan J, Pelajar Ijazah Tinggi. Temu Bual di Kota Banda Aceh, 10 Oktober 2014.
- Informan K, Bekerja Sendiri. Temu Bual di Kota Banda Aceh, 12 Oktober 2014.
- Informan L, Pensyarah di Universiti. Temu Bual di Kota Banda Aceh, 25 Ogos 2014.
- Informan M, Bekerja Sendiri. Temu Bual di Kota Banda Aceh, 20 Oktober 2014.
- Informan N, Pelajar Ijazah Dasar. Temu Bual di Kota Banda Aceh, 16 September 2014.
- Informan O, Pelajar Ijazah Dasar. Temu Bual di Kota Banda Aceh, 16 September 2014.
- Informan P, Pelajar Ijazah Dasar. Temu Bual di Kota Banda Aceh, 16 September 2014.
- Informan Q, Bekerja Sendiri. Temu Bual di Kota Banda Aceh, 19 September 2014.
- Informan R, Bekerja Sendiri. Temu Bual di Kota Banda Aceh, 25 Julai 2015.
- Ismail Suny, ed., *Bunga Rampai Tentang Aceh*. Jakarta: Bhratara Karya Aksara, 1980.
- Ito Takeshi, "The World of the Adat Aceh: A Historical Study of the Sultanate of Aceh". Thesis Doktor, Australia: Australian National University, 1984.
- Juhaya S. Praja, *Filsafat Hukum Islam*. Bandung: Pusat Penerbit Universitas LPPM-UI Bandung, 2002.

- Kamaruzzaman Bustamam-Ahmad, *Islam Historis: Dinamika Studi Islam di Indonesia*. Yogyakarta: Galang Press, 2002.
- Kevin O'Rourke, *Reformasi: The Struggle for Power in Post-Soeharto Indonesia*. Australia: Allen & Unwin, 2002.
- Kitab Undang-undang Hukum Pidana.
- Koentjaraningrat, *Metode-metode Penelitian Masyarakat*. Jakarta: Gramedia, 1997.
- Krishnanda Wijaya-Mukti, "Membangun Sinergi Pendidikan dan Agama dalam Gerakan Anti Korupsi". Yogyakarta: LP3 UMY, Partnership: Governance Reform in Indonesia, Koalisi Antar Umat Beragama untuk Anti Korupsi, 2004.
- Lexy J. Meleong, *Metodologi Penelitian Kualitatif*. Bandung: Rosda, 1990.
- M. Abdul Mujied et al., *Kamus Istilah Fiqh*. Jakarta: Pustaka Firdaus, 1994.
- M. Arif Nanang Qosim, "Tindak Pidana Gratifikasi Seks: Studi Komparasi Antara Hukum Positif dan Hukum Islam". Thesis Sarjana, Yogyakarta: Fakultas Syariah UIN Sunan Kalijaga, 2015.
- M. Daud Zamzami et al., *Pemikiran Ulama Dayah Aceh*. Jakarta: Prenada, 2007.
- M. Elmi Setiawan, "Tinjauan Hukum Islam tentang Sanksi Hukum terhadap Pelaku Tindak Pidana Korupsi: Analisis Undang-undang No. 31/1999 tentang Korupsi", Tesis Sarjana, Semarang: Fakultas Syari'ah IAIN Walisongo Semarang, t.t.
- M. Hasbi Ash Shiddieqy, *Hukum-hukum Fiqh Islam*. Jakarta: Putra Rizki Putra, 1997.
- M. Nurul Irfan, *Korupsi Dalam Hukum Pidana Islam*. Jakarta: Amzah, 2011.
- M. Yusuf Musa, *al-Fiqh al-Islāmī*. Kaherah: Dār al-Kutub al-Hadithah, 1959.
- Maḥmūd al-Alūsī, *Rūḥ al-Ma'ānī fi Tafsīr al-Qur'ān al-'Aẓīm wa al-Sab' al-Maḥānī*. Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī, t.t.
- Mahmud Shākir, *Tarikh al-Islāmī, Tarikh al-Mu'asir: al-Qarah al-Hindiyah Janub Sharq Asia Maliziya wa Andalusia*. Beirut: al-Maktabah al-Islāmī, 1997.
- Mahmud Yunus, *Kamus Arab Indonesia*. Jakarta: Yayasan Penyelenggara Pentafsir *al-Qur'ān*, 1973.
- Mahyudin Yahya, "Sejarah Perkembangan Pemikiran Islam dalam Konteks Alam Melayu: Iktibar Untuk Abad Akan Datang", Thesis Master, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, t.t.
- Makhrus Munajat, "Penegakan Supremasi Hukum dalam Sejarah Peradilan Islam". *Jurnal Asy-Syir'ah*, Yogyakarta: Fakultas Syari'ah UIN Sunan Kalijaga, 2001.
- Makhrus Munajat, *Dekonstruksi Hukum Pidana Islam*. Yogyakarta: Logung Pustaka, 2004.

- Mālik, *Mawaṭa' al-Imām Mālik*, al-Maktabah al-Shāmilah. Beirut: Dār Iḥyā' al-Turath al-‘Arabī, 1985.
- Miftah Noor Rosyid, “Analisis Terhadap Pendapat Imām Mālik Tentang Kebolehan Hibah ‘*Umrā*’”. Thesis Sarjana, Semarang: Fakultas Syari’ah IAIN Wali Songo, 2010.
- Muḥammad ‘Ali al-Sabūnī, *Raway‘u al-Bayān: Tafsīr al-Ayāt al-Aḥkam min al-Qur’ān*. Makkah: Dār al-Qur’ān al-Karīm, 1972.
- Muḥammad Abū Zahrah, *al-Jarīmah wa al-‘Uqūbah fī al-Fiqh al-Islāmī*. t.tp.: Dār al-Fikr al-‘Arabī, t.t.
- Muḥammad al-Assāl, *al-Niẓām al-Iqtiṣādīyah fī al-Islām*. Kaherah: Maktabah Waḥbah, 1977.
- Muḥammad al-Aẓharī, *Tahḍīb al-Lughah*. Kaherah: Dār al-Qawmiyyah, 1964.
- Muḥammad al-Sharbīnī al-Khāṭib, *Mughnī Mu’taj ilā al-Ma’rifah al-Ma’anī al-Faḍ al-Minhāj*. Mesir: Muṣṭafā al-Babī al-Ḥalabī wa Awladuh, 1958.
- Muḥammad Amīn Ibn ‘Abidin, *Rad al-Mukhtār ‘alā al-Dur al-Mukhtār Ḥāshiyat Ibn ‘Abidin*. Beirut: Dār al-Iḥyā’, 1987.
- Muḥammad Amin, *Ḥashiyah Ibn ‘Abidin*. Beirut: Dār al-Fikr, 1386 H.
- Muhammad Hasan Di Tiro, “The Case and The cause of National Liberation Front of Aceh-Sumatra”, a presentation before The Scandinavian Association of Southeast Asian Social, Goteborg, August 23, 1985.
- Muḥammad Ḥusayn Ḥaikāl, *‘Umar bin Khaṭṭab*, terj., ‘Ali Awdah, Bogor: Lintera AntarNusa, 2003.
- Muḥammad Ibn Hanbal, *Musnad Imām Aḥmad Ḥanbal*, al-Maktabah al-Shāmilah. t.tp.: Muassasah al-Risālah, 2001.
- Muḥammad Muṣṭafā Shalabī, *al-Madkhal fī al-Ta’rif bi al-Fiqh al-Islāmī*. Mesir: Dār al-Ta’lif, 1966.
- Muhammad Nazir, *Metode Penelitian*. Jakarta: Ghalia Indonesia, 1998.
- Muhammad Rahman Fahroly, “Penghapusan Sanksi Pidana Bagi Pejabat Negara Penerima Gratifikasi Yang Melaporkan Diri Kepada KPK: Studi Komparasi Antara Hukum Pidana di Indonesia dan Hukum Islam”. Thesis Master, Banjarmasin: Pascasarjana IAIN Antasari, 2014.
- Muḥammad Rashīd Riḍā, *Tafsīr al-Qur’ān al-Karīm al-Manar*. Beirut: Dār al-Fikr, t.t.
- Muhammad Said, *Atjeh Sepandjang Abad*. Medan: Waspada, 1961.
- Muḥammad Salim al-‘Awa, *Fī Uṣūl al-Niẓam al-Jinā’ī al-Islāmī*. Kaherah: Dār al-Ma’ārif, t.t.

- Muhammad Zafar Iqbal, *Kafilah Budaya: Pengaruh Persia terhadap Kebudayaan Indonesia*. Jakarta: Citra, 2006.
- Musa Asy'arie et al., ed., *Menuju Masyarakat Antikorupsi*. Jakarta: Departemen Komunikasi dan Informatika, 2005.
- Muslim Ibrahim, Ketua Majelis Permusyawaratan Ulama Aceh dan Professor Universiti Islam Negeri Ar-Raniry Banda Aceh. Temu Bual di Kota Banda Aceh, 21 June 2016.
- Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim*, al-Maktabah al-Shāmilah. t.tp.: Dār Ṭūq al-Najāh, 1422 H.
- Nagaty Sanad, *The Theory of Crime and Criminal Responsibility in Islamic Law Sharia*. Chicago: Office of International Criminal Justice, 1991.
- Nasrullah Yahya, "Filsafat Hukum Ta'zīr: Tindak Pidana Korupsi". *Jurnal Sintesa*, 2008.
- Nico Ngani, et al., *Psikologi Kriminal dalam Teori dan Praktek Hukum Pidana*. Yogyakarta: Kedaulatan Rakyat, 1985.
- Pagar, "Dualisme Hukum Pidana di Nangroe Aceh Darussalam: Analisis Terhadap Dampak Penerapan Hukum Islam", *Annual Conference Kajian Islam*. Medan: IAIN Sumatera Utara Medan, 2005.
- Perencanaan Pembangunan Daerah Propinsi NAD, *Aceh in Figures Aceh dalam Angka 2004*. Banda Aceh: BPS & BAPPEDA NAD, 2004.
- Purwosutjipto, *Pengantar Ilmu Hukum*. Jakarta: t.p., 1984.
- Quraish Shihab, *Quraish Shihab Menjawab: 1001 Keislaman yang Patut Anda Ketahui*. Jakarta: Lentera Hati, 2008.
- Rionald Sidjabat, "Tinjauan Yuridis Tentang Gratifikasi Sebagai Salah Satu Delik Tindak Pidana Korupsi dalam Perspektif Hukum Pidana". Thesis Sarjana, Surakarta: Fakultas Hukum Universitas Sebelas Maret, 2007.
- Rofiqul A'la, "Membongkar Suap". *Jurnal Teras Pesantren M3S PP*. MUS Sarang Rembang, 1424 H.
- Rusjdi Ali Muhammad, *Revitalisasi Syariat Islam di Aceh: Problem Solusi dan Implementasinya Menuju Pelaksanaan Hukum Islam di Nanggroe Aceh Darussalam*. Jakarta: Logos Wacana Ilmu, 2003.
- Rusmuliadi, "Kriminologis Terhadap Tindak Pidana Korupsi dalam Bentuk Gratifikasi: Studi Kasus di Kabupaten Enrekang". Thesis Sarjana, Makassar: Fakultas Hukum Universitas Hasanuddin, 2012.
- Sa'di Abū Jayb, *al-Qamūs al-Fiqh*. Beirut: Dār al-Fikr, 1998.
- Saefuddin, *Ekonomi dan Masyarakat dalam Perspektif Islam*. Jakarta: Rajawali Press, 1987.

- Said Murthada, “Gratifikasi Dianggap Prestasi di Aceh”, 26 April 1998.
- Sayid Qutub, *Fī Zilāl al-Qur’ān*. Beirut: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī, 1967.
- Sayyid Sābiq, *Fiqh al-Sunah*. Beirut: Dār al-Fikr, 1983.
- Sehat Ihsan Shadiqin, *Tasawuf Aceh*. Banda Aceh: Bandar Publishing, 2008. Soelaiman, *Pendidikan dalam Keluarga*. Bandung: Ramadhan, 1994.
- Sharan B. Merriam, *Qualitative Research and Case Study Applications in Education*. San Francisco: Jossey-Bass Publishers, 2009.
- Shaykh Sufiyyuraḥman al-Mubārak, *al-Miṣbah al-Munīr fī Taḥzīb Tafsīr Ibn Kathīr*. Riyadh: Dār al-Salām li Naṣri wa Tawzi, 2000.
- Siti Zalikha Md. Noer et al., “Jenayah Rasuah: Bentuk dan Hukum Menurut Islam”. *Jurnal Al-Syariah; Fiqh Jenayah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2008.
- Sudarsono, *Pokok-pokok Hukum Islam*. Jakarta: Asdi Muhasatya, 2000.
- Sugiyono, *Metode Penelitian Kuantitatif, Kualitatif, dan R&D*. Bandung: Alfabeta, 2010.
- Suharsimi Arikunto, *Prosedur Penelitian Suatu Pendekatan Praktek*. Jakarta: Bumi Aksara, 1989.
- Syahrudin, “Gratifikasi dalam Kategori Korupsi: Studi Perbandingan Antara Hukum Pidana Islam dan Hukum Pidana Positif”. Thesis Sarjana, Yogyakarta: Fakultas Syari’ah dan Hukum, UIN Sunan Kalijaga, 2014.
- Syed Naguib Al-Attas, *The Mysticism of Hamzah Fansuri*. London: Oxford University Press, 1972.
- T. Iskandar, ed. Nuruddin Ar-Raniry, *Bustan al-Salatin*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pusataka, 1966.
- Tanti Yuniar, *Kamus Lengkap Bahasa Indonesia*. Jakarta: Agung Media Mulia, t.t.
- Taqy al-Dīn Abū Bakar Ibn Muḥammad, *Kifāyāt al-Akhyar*. Bandung: al-Ma’arif, t.t.
- Tim Penyelidik Kamus Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa, *Kamus Besar Bahasa Indonesia*. Jakarta: Balai Pustaka, 2007.
- Tim, “Pusat Rujukan Persuratan Melayu”, <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=amal>, 14 March 2013.
- Tim, *Panduan Penyelidikan Ilmiah: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2012.
- Topo Santoso, *Membumikan Hukum Pidana Islam: Penegakan Syari’at dalam Wacana*. Jakarta: Gema Insani Press, 2003.

Triyono, “Penghapusan Pidana Bagi Pejabat Negara Penerima Gratifikasi Yang Melaporkan Diri Pada Komisi Pemberantasan Tindak Pidana Korupsi (KPK): Analisis Hukum Islam Terhadap Pasal 12 C UU No. 31 Tahun 1999 Juncto UU No. 20 Tahun 2001 Tentang Pemberantasan Tindak Pidana Korupsi”. Thesis Sarjana, Semarang: Fakultas Syariah IAIN Walisongo, 2011.

Undang-undang Nombor 11 Tahun 2006 tentang Pemerintahan Aceh.

Undang-undang Nombor 20 Tahun 2001 pindaan Undang-undang Nombor 31 Tahun 1999 tentang Pemberantasan Tindak Pidana Korupsi.

Undang-undang Nombor 22 tahun 2009 tentang Lalu Lintas dan Jalan.

Undang-undang Nombor 28 Tahun 1999 tentang Penyelenggara Negara Yang Bersih dan Bebas dari Korupsi, Kolusi, dan Nepotisme.

Undang-undang Nombor 44 Tahun 1999 tentang Penyelenggaraan Keistimewaan Provinsi Daerah Istimewa Aceh.

Undang-undang Nombor 7 Tahun 1989 tentang Wewenang Kekuasaan Peradilan Agama.

Undang-undang Nombor 8 Tahun 2004 tentang Perubahan atas Undang-undang Nombor 2 Tahun 1986 tentang Peradilan Umum.

United Nations, “Economic and Social Survey of Asia and the Pacific 2005”. Tahun 2005.

Wahbah al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhū*. Damshiq: Dār al-Fikr, 1989.

Wilfred Cantwell Smith, *Islam Modern History*. Princeton: Princeton University Press, 1957.

Yunus Djamil, *Tawarich Radja Keradjaan Atjeh*. Banda Aceh: t.p.: 1968.

Yūsuf al-Qarḍāwī, *al-Ḥalāl wa al-Ḥarām fī al-Islām*. Beirut: al-Maktab al-Islāmī, 1994.

Zainuddin, *Tarich Atjeh dan Nusantara*. Medan: Pustaka Iskandar Muda, 1961.

Zulkifli, “The Struggle of the Shi’is in Indonesia”. Thesis Doktor, Netherlands: University Leiden, 2009.